


MALAYSIA:
SOAL JAWAB
DEWAN RAKYAT
MENGENAI ALAM SEKITAR
1976 - 1993

JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR
MALAYSIA



MALAYSIA: SOAL JAWAB DEWAN RAKYAT MENGENAI ALAM SEKITAR 1976 – 1993

Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Kuala Lumpur

21 Oktober 1994

Jabatan Alam Sekitar, Malaysia

© JABATAN ALAM SEKITAR, MALAYSIA

Semua maklumat yang terkandung dalam buku ini adalah hasil pengumpulan Jabatan Alam Sekitar yang diperolehi dari Parlimen Malaysia dan diterbitkan berasaskan kepada teks asalnya.

Projek ini dibiayai oleh Kerajaan Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995):
Nombor Projek SETIA 46 00500 045

ISBN 983-9119-25-7

Cetakan Pertama Oktober 1994

Diterbitkan oleh
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Malaysia

Dicetak oleh
Malindo Printers Sdn. Bhd.
Lot 3, Jalan Ragum 15/17,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

KATA-KATA ALUAN

Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Alam Sekitar kerana usaha gigihnya untuk menerbitkan buku Malaysia: Soal Jawab Dewan Rakyat Mengenai Alam Sekitar 1976 – 1993.

Penerbitan buku ini dapat memberi petunjuk bahawa isu-isu alam sekitar telah mula diperbahaskan di Dewan Rakyat sejak tahun 1976 lagi, di mana bilangan pertanyaan dan jawapan semakin meningkat terutamanya di tahun 1990an.

Penglibatan semua pihak, khasnya Ahli-ahli Parlimen adalah besar maknanya dan sangat penting dalam proses meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar dalam kehidupan seharian mereka.

Alam sekitar merupakan salah satu faktor yang penting dalam memajukan sesebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Aspirasi negara menjelang tahun 2020 menempatkan pengurusan alam sekitar sebagai satu bidang yang perlu diberi penekanan serius selaras dengan perkembangan pembangunan industri negara.

Semua lapisan masyarakat khususnya Ahli-ahli Parlimen sebagai wakil rakyat, perlu memainkan peranan yang penting dalam mempastikan pembangunan negara yang berterusan dan berkualiti untuk menjamin keharmonian alam sekitar.

Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan saya agar dengan terbitnya buku Malaysia: Soal Jawab Dewan Rakyat Mengenai Alam Sekitar 1976 – 1993 ini, Ahli-ahli Parlimen semua dapat didedahkan kepada isu-isu semasa alam sekitar, dan nilai-nilai murni yang berkaitan dengan aspek pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar, supaya mereka dapat menjadi pemimpin yang proaktif serta berketrampilan dalam menangani masalah-masalah alam sekitar pada masa akan datang.

Sekian.



(DATUK LAW HIENG DING)
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

PRAKATA

Buku Malaysia: Soal Jawab Dewan Rakyat Mengenai Alam Sekitar 1976 – 1993 ini julung-julung kali diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan tujuan untuk mengumpulkan soalan dan jawapan mengenai alam sekitar yang diperbahaskan dalam Dewan Rakyat.

Sejumlah 397 Soalan dan Jawapan yang terkandung dalam buku ini telah disusun mengikut tahun, bermula dari tahun 1976 sehingga tahun 1993. Indeks buku ini pula disusun mengikut perkara yang telah dibangkitkan, dan mengikut nama Ahli Dewan Rakyat untuk memudahkan tujuan rujukan.

Bilangan soalan mengenai isu-isu alam sekitar yang telah diperbahaskan di Dewan Rakyat telah meningkat dari 20 dalam tahun 1976 kepada 87 dalam tahun 1993. Pertambahan sebanyak empat kali ganda ini jelas menunjukkan bahawa hal-ehwal alam sekitar telah menjadi satu bidang kemajuan hidup yang penting di kalangan orang ramai.

Penerbitan buku ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada semua Ahli Dewan Rakyat dan orang ramai mengenai isu-isu alam sekitar yang pernah dibangkitkan di Dewan Rakyat. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Parlimen Malaysia serta individu yang terlibat dalam penyediaan buku ini.




(DATO' DR. ABU BAKAR JAAFAR)
Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling
Malaysia

PIAGAM PELANGGAN

JABATAN ALAM SEKITAR

Jawapan kepada soalan-soalan Parlimen dan maklumbalas kepada Jemaah Menteri diberi dalam tempoh 1 hari hingga selewat-lewatnya 3 hari



Bilangan Soal Jawab Dewan Rakyat Mengenai Alam Sekitar, 1976 – 1993

1976
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHIAN HENG KAI
TARIKH	:	9 APRIL 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar sebuah kilang membuat ubat nyamuk, Syarikat Toong Sim Home Products Sdn. Bhd. di Kampong Baru Mambang Diawan mengancam kesunyian waktu malam di kawasan tersebut kerana kilang tersebut dikerjakan 24 jam sehari dan kecemaran udara kilang tersebut mengancam kesihatan penduduk-penduduk di sekeliling kilang itu; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk menjaminkan kesunyian kampung baru tersebut serta menentukan kesihatan penduduknya tidak terancam.

JAWAPAN

Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah dinyatakan di dalam surat beliau kepada saya bertarikh 22hb. Januari, 1976. Berikutnya saya telah mengarahkan seorang Pegawai dari Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya untuk menjalankan suatu penyiasatan pada 17hb. Februari, 1976. Berasaskan kepada penyiasatan tersebut adalah didapati yang kilang itu telah memulakan perusahaannya dalam bulan Jun 1975 dengan kebenaran Jawatankuasa Kampong Mambang Diawan untuk mengeluarkan ubat nyamuk dan bukan tembakau seperti disebut oleh Ahli Y.B. di dalam surat beliau.

Adalah jelas bahawa pembakaran sampah di sekitar kawasan kilang itu ialah sebab utama kepada masalah pencemaran udara. Dalam hal ini, pihak pengurus telah dinasihatkan supaya membuang sampah di tempat yang dibenarkan. Berkaitan dengan pencemaran bunyi yang timbul dari "stamping machine" pihak pengurus telah dinasihati supaya melengkapi atau mengubahsuai "stamping machine" untuk mengurangkan paras bunyi. Sungguhpun demikian, masalah pencemaran bunyi tidak dapat dielakkan sepenuhnya selain daripada penempatan semula kilang itu jauh dari kawasan kediaman, tetapi buat masa ini, perkara tersebut bukanlah di bawah kuasa Kementerian ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SHAARI BIN JUSOH
TARIKH	:	9 APRIL 1976

SOALAN

Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa debu-debu yang keluar dari kilang-kilang seperti Kilang Simen dan Kilang Gula di Perlis mencemarkan udara dan air sungai di kawasan-kawasan sekitar dan ini adalah gejala-gejala yang tidak sihat kepada kehidupan, dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini.

JAWAPAN

Dalam penjelasan ini saya hendak menyatakan bahawa Kementerian saya sedar terhadap masalah-masalah pencemaran debu yang timbul dari kilang-kilang simen dan gula seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Sebetulnya, ada juga punca-punca lain di seluruh negara yang menyebabkan masalah-masalah pencemaran air dan udara yang sama penting. Walau bagaimanapun, sebelum sebarang langkah kawalan dapat diambil, adalah wajar bagi kita menentukan kawasan-kawasan terancam dan memperhitungkan besarnya masalah ini. Tindakan ini sedang diusahakan oleh Kementerian saya dan akan meliputi punca-punca pencemaran yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu.

Saya yakin bahawa Ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya bahawa tidak ada kaedah yang lebih pendek dalam mengendali dan mengatasi masalah-masalah alam sekitar. Persiapan yang lebih mendalam dan "detail" adalah perlu untuk mengatasi masalah-masalah ini dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Buat masa ini, langkah-langkah sementara sedang juga diambil oleh Kementerian saya bila masalah-masalah ini dibawa ke pengetahuan kami dari masa ke semasa.

TAMBAHAN PADA JAWAPAN

1. Punca-Punca Utama Pencemaran Udara dan Air di Malaysia.

Masalah-masalah kami adalah berkaitan dengan pencemaran udara dan air. Selain daripada kilang-kilang simen dan gula, punca-punca utama pencemaran udara termasuk kuari, kilang papan, kenderaan bermotor, perusahaan bahan-bahan kimia, tempat pembakaran, stesen kuasa haba dan pembinaan pembersihan minyak. Kesemuanya punca-punca ini mengeluarkan jirim berzarah (particulate matter) seperti debu, asap, abu dan lain-lain. Gas bertoksik dan bau-bau timbul terutamanya dari perusahaan kimia seperti kilang asid, ekzos kenderaan bermotor, stesen kuasa haba dan pembinaan pembersihan minyak.

Untuk pencemaran air yang dianggap sebagai masalah yang lebih serius dan lebar, sektor-sektor utama pencemaran itu ialah perusahaan "agro-base" (seperti kelapa sawit, getah dan lain-lain, perusahaan kain, dan saluran najis yang melepaskan pembuangan toksik ke dalam perairan dan sungai kita).

2. Rancangan-Rancangan Yang Sedang Dijalankan.

Pada masa sekarang, kami sedang menjalankan penyelidikan "baseline" untuk mengumpulkan data secara kuantitatif dan kualitatif. Ini akan melibatkan penyiasatan ke atas keluasan dan kepentingan masalah-masalah pencemaran air dan udara. Dari ini kawasan-kawasan terancam akan dapat ditentukan.

Di samping itu juga, standard-standard sedang dirangkakan untuk mengawal pengeluaran bahan pencemaran ke udara selaras dengan maklumat-maklumat yang diterima.

Pada dasarnya terdapat dua jenis standard iaitu standard untuk paras pengeluaran dari punca asas dan standard untuk kualiti udara sekeliling. Standard-standard yang digunakan akan berubah mengikut kawasan dan keadaan sosio-ekonomik di kawasan tersebut. Contohnya, standard-standard yang lebih ketat akan digunakan di kawasan perumahan berbanding dengan kawasan perusahaan. Dengan ini adalah jelas bahawa perangkaan standard-standard ini memerlukan suatu kajian yang mendalam ke atas keadaan-keadaan tempatan yang sedia ada serta juga perubahan-perubahan yang mungkin berlaku di masa akan datang.

Berhubung dengan langkah-langkah sementara, ianya biasa dijalankan secara "ad-hoc" apabila aduan-aduan dibawa untuk perhatian kami, yang mana langkah-langkah pemulihan akan diperakukan mengikut kesanggupan kami.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH
TARIKH	:	14 APRIL 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat manakah kemajuan yang telah dicapai dalam perundingan untuk mendapat gantirugi dari pihak berkuasa kapal minyak Jepun Showa Maru yang terlibat dalam satu perlanggaran di Selat Melaka tidak lama dahulu.

JAWAPAN

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui) Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum tuntutan gantirugi berikutan daripada kemalangan kapal Showa Maru adalah berupa suatu tuntutan "multi-national" yang melibatkan tiga buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Oleh itu penyelesaiannya tentulah memakan masa kerana banyak masalah detil dan komplek yang terlibat dan patut diteliti.

Sebuah syarikat peguambela dan peguamcara, Drew and Napier telah dilantik oleh tuanpunya kapal Taheiyo Kaiun Co. Ltd., untuk mewakili mereka di dalam rundingan-rundingan dengan pihak kami. Beberapa perbincangan telah diadakan yang paling akhirnya pada 24hb November, 1975 dalamana butir-butir lanjut di atas tuntutan kita telah dibincangkan. Perkara ini sekarang sedang dikaji oleh Syarikat tersebut sebelum sesuatu keputusan lanjut dapat dibuat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD
TARIKH : 12 JULAI 1976

SOALAN

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau telah menerima satu surat bantahan daripada penduduk-penduduk Kampong Kubang Badak, Pasir Mas, mengenai kecemaran alam oleh kilang getah di kampong itu, jika ya, apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian beliau.

JAWAPAN

Sepucuk surat aduan daripada penduduk-penduduk Kampong Kubang Badak, Pasir Mas telah diterima pada 28hb. Mac 1976 dan berikutan daripada surat-menyurat kami, suatu pasukan dua orang pegawai teknikal daripada Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah dihantar ke tempat tersebut pada bulan Jun, 1976 untuk melakukan penyiasatan lanjut.

Setelah penyiasatan dijalankan adalah didapati bahawa proses pembasuhan getah-getah keping di dalam rumah asap yang terletak di Kampong Kubang Badak, Jalan Rantau Panjang adalah punca pada aduan ini. Pelepasan-pelepasan ini (yang dilakukan tanpa proses pembersihan) telah disalurkan dengan menggunakan saluran konkrit (sepanjang 675 kaki) yang kemudiannya mengalir melalui longkang biasa (sepanjang 440 kaki). Longkang ini kemudiannya mengalir ke satu kawasan yang becak. Adalah didapati juga bahawa beberapa pecahan telah berlaku kepada saluran konkrit itu dan keadaan ini telah menyebabkan bahan-bahan pencemaran tersebut melempah di beberapa tempat. Dalam pada itu, longkang biasa yang menyalurkan pencemaran itu adalah didapati mendatar sahaja dengan kawasan tersebut dan keadaan ini adalah tidak sesuai untuk pengaliran bahan-bahan pencemaran sehingga berlakunya masalah keadaan yang bertakong di beberapa tempat.

Berdasarkan kepada penyiasatan tersebut Bahagian ini sedang dalam proses membuat perakuan-perakuan kepada Pegawai Daerah yang berkenaan. Perakuan-perakuan tersebut akan meliputi perkara-perkara yang berikut:

(a) Bau-bau busuk yang timbul daripada kegiatan-kegiatan proses getah-getah keping itu tidak dapat dielakkan. Oleh kerana itu adalah dirasakan bahawa beberapa rancangan untuk memperbesarkan lagi rumah asap tersebut sebagaimana yang dicadangkan itu menimbulkan masalah-masalah yang lebih banyak. Dengan ini rancangan tersebut tidak patut diluluskan.

(b) Bahan-bahan pencemaran patutlah dibersihkan sebelum dilepaskan daripada kilang tersebut agar mengurangkan bau-bau busuk yang didapati telah membimbangkan penduduk-penduduk di kawasan sekitar.

(c) Longkang yang terbuka mestilah ditutup.

(d) Tempat-tempat yang pecah di saluran konkrit itu hendaklah diperbaiki.

(e) Longkang-longkang biasa yang menyalurkan bahan-bahan pencemaran itu hendaklah diperdalamkan lagi untuk mengadakan keadaan cerun yang akan melicinkan lagi pengaliran air basuhan.

(f) Pengurusan kilang tersebut hendaklah sentiasa mengendalikan pemeriksaan atas sistem parit agar sebarang pecahan atau pertakungan air tidak berlaku.

Langkah-langkah ini adalah sementara sahaja sebelum diadakan teknik kawalan yang lebih sesuai yang masa ini sedang disediakan untuk pelepasan-pelepasan pencemaran. Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengadakan standard-standard pelepasan pencemaran dan juga lain-lain peraturan yang berkaitan untuk industri getah secara keseluruhannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. HEE TIEN LAI
TARIKH : 13 JULAI 1976

SOALAN

Y.B. Dr. Hee Tien Lai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar bahawa punca bekalan air untuk Batu Pahat (Sungai Simpang Kiri) telah dikotori oleh kilang-kilang kelapa sawit dan lain-lain kilang yang menyebabkan air sungai itu tidak boleh dibersihkan dan dengan ini tidak sesuai untuk digunakan oleh manusia dan ini telah menyebabkan kekurangan air kepada rakyat dan menimbulkan berbagai-bagai kesusahan. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempastikan perkara seumpama ini tidak akan berlaku pada masa hadapan apabila punca air yang baru (Sungai Bekok) dibuka menjelang akhir tahun ini.

JAWAPAN

Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ialah suatu kes yang jelas menunjukkan masalah alam sekitar yang telah sekian terus meningkat akibat daripada kekurangan perhatian terhadap alam sekitar di dalam proses penggunaan tanah dan pembangunan.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya bahawa masalah ini tidak dapat diatasi dengan langkah-langkah yang tergesa-gesa tetapi memerlukan suatu program kawalan yang teratur. Memandangkan hal ini, Kementerian saya pada masa ini sedang menumpukan perhatian untuk membentuk standard-standard kawalan untuk pembuangan pelepasan-pelepasan kekotoran daripada perusahaan "agro-based" yang akan dilaksanakan di seluruh negara.

Di dalam usaha penyelesaian masalah pencemaran akibat daripada industri-industri "agro-based", perusahaan kelapa sawit dan getah terutama telah ditetapkan sebagai punca pencemaran air yang amat serius. Syarat-syarat kawalan pencemaran yang mengandungi standard pembuangan pelepasan pencemaran sedang dirancangkan untuk sektor tersebut. Standard-standard untuk kelapa sawit sudah hampir siap dan akan diwartakan:

1) Bau-bau busuk yang timbul daripada kegiatan-kegiatan proses getah-getah keping itu tidak dapat dielakkan. Oleh kerana itu adalah dirasakan bahawa beberapa rancangan untuk memperbesarkan lagi rumah asap tersebut sebagaimana yang dicadangkan itu akan menimbulkan masalah yang lebih banyak. Dengan ini rancangan tersebut tidak patut diluluskan.

2) Bahan-bahan pencemaran patutlah dibersihkan sebelum dilepaskan daripada kilang tersebut agar mengurangkan bau-bau busuk yang didapati telah membimbangkan penduduk-penduduk di kawasan yang bersekitar.

3) Longkang yang terbuka mestilah ditutup.

4) Tempat-tempat yang pecah di saluran konkrit itu hendaklah diperbaiki.

5) Longkang-longkang biasa yang menyalurkan bahan-bahan pencemaran itu hendaklah diperdalamkan lagi untuk mengadakan keadaan cerun yang akan melicinkan lagi pengaliran air basuhan.

6) Pengurusan kilang tersebut hendaklah sentiasa mengendalikan pemeriksaan atas sistem parit agar sebarang pecahan atau pertakungan air tidak berlaku.

Langkah-langkah ini adalah sementara sahaja, sebelum diadakan teknik kawalan yang lebih sesuai, yang pada masa ini sedang disediakan untuk pelepasan-pelepasan pencemaran. Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan dan juga lain-lain peraturan yang berkaitan untuk industri getah secara keseluruhannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ MOHD. IDRIS B. HJ. IBRAHIM
TARIKH : 15 JULAI 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Hj. Mohd. Idris b. Hj. Ibrahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(i) Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa penduduk-penduduk di kawasan Gombak yang berhampiran dengan Gudang Lee Rubber telah bertahun-tahun menderita kerana bau dari kilang getah tersebut. Adakah tindakan dan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan

(ii) Tidak pernahkah ada satu usaha pihak Kementerian dengan pihak Lee Rubber mengenai pemindahan gudang getah cair Lee Rubber ini untuk dipindahkan ke satu kawasan lain supaya bau busuk itu tidak ujud lagi di seluruh kawasan Gombak.

JAWAPAN

(i) Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan "issue" yang telah lama dihadapi dan perkara ini telah dibawa ke pengetahuan Kementerian saya. Penyiasatan telahpun dilakukan pada bulan Jun, 1976 baru-baru ini oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Alam Sekitar, dan berasaskan kepada penyiasatan itu adalah didapati bahawa masalah bau busuk itu berpunca daripada dua sumber; iaitu daripada kerja-kerja memproses getah "scrap" oleh "Lee Rubber Factory" dan pembuangan pelepasan kekotoran oleh "Lee Latex Factory". Di dalam hal ini, adalah tidak mungkin untuk mengambil langkah-langkah segera yang berkesan untuk menyelesaikan masalah bau busuk dan juga masalah pencemaran, sebelum standard-standard pelepasan dikuatkuasakan ke atas industri getah.

Pada masa ini suatu kajian yang mendalam ke atas perusahaan getah keseluruhannya sedang dijalankan. Sebaik-baik sahaja standard bagi pelepasan

getah ditentukan, langkah-langkah segera akan dilaksanakan untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan pelepasan. Berkaitan dengan ini suatu Jawatankuasa Standard Getah telahpun ditubuhkan di Bahagian Alam Sekitar untuk mengkaji keluasan masalah pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang getah dan juga untuk merangka langkah-langkah kawalan. Jawatankuasa ini telah siap menyediakan perakuan-perakuannya dan dijangkakan bahawa standard-standard bagi pembuangan pelepasan dan peraturan-peraturan yang berkaitan akan dikuatkuasakan di seluruh negara pada awal tahun depan.

Selanjutnya, Bahagian ini juga sedang mengkaji langkah-langkah sementara yang difikirkan dapat mengurangkan masalah bau busuk daripada kilang getah tersebut. Antaranya adalan dicadangkan agar getah-getah "scrap" itu dibasuh dengan teliti di ladang-ladang getah sebelum di bawa ke kilang tersebut untuk diproseskan.

(ii) Bagi menjawab soalan (ii), tidak.

JAWAPAN TAMBAHAN

Walaupun penempatan semua Kilang Lee Rubber merupakan langkah yang paling buruk bagi mengatasi masalah tersebut, tetapi ianya akan melibatkan masalah-masalah komplex dari segi pentadbiran dan tindakan undang-undang yang buat masa ini belum lagi di dalam tanggungjawab Bahagian ini. Soal-soal untuk mendapat kawasan lain yang sesuai serta juga nasib pekerja-pekerja di kilang tersebut hendaklah dipertimbangkan dengan lebih mendalam. Oleh ini Bahagian Alam Sekitar akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk mencari penyelesaian yang lebih berkesan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LEE LAM THYE
TARIKH : 16 JULAI 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan pendek yang diambil oleh Kementeriannya untuk menyelesaikan masalah kecemaran dalam berbagai bentuk di seluruh negara.

JAWAPAN

Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat meliputi bidang yang amat luas. Oleh kerana itu, tidak mungkin bagi saya menerangkan butir-butir program yang sedang dirancangkan, melainkan menyatakan perkara-perkara penting sahaja.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat maklumkan, bahawa program tindakan untuk kawalan pencemaran memerlukan satu pendekatan yang luas dan seimbang yang akan dicapai melalui satu pengurusan alam sekitar sistematik dalam mana langkah-langkah kawalan pencemaran menjadi usaha utama dan asas. Berkaitan dengan ini, Kementerian saya sedang merangkakan suatu program jangkamasa panjang (Rancangan Lima Tahun Alam Sekitar) yang akan mengandungi beberapa langkah-langkah pencegahan dan pemulihan.

Langkah-langkah ini akan ditujukan ke atas pembuangan pelepasan ke udara, air dan laut. Dalam hal ini, perkara yang asas bersangkut dengan alam sekitar seperti penempatan perusahaan-perusahaan perlindungan alam dan penggunaan tanah mestilah dikaji dengan teliti.

Di bawah rancangan ini, kajian pengawasan secara berterusan hendaklah dilakukan untuk menilai keluasan sebenarnya masalah pencemaran dan serta punca-puncanya. Di dalam rangka kerja yang luas ini, kajian-kajian akan dilaksanakan ke atas perusahaan pertanian dan akan diluaskan untuk meliputi perindustrian. Selanjutnya ialah penguatkusaaan standard-standard dan peraturan-peraturan

kawalan yang lain akan dikenakan ke atas semua pembuangan-pembuangan yang mencemarkan yang dilaksanakan melalui kegiatan pelesenan. Tindakan ini akan memerlukan suatu program pengawasan yang luas untuk menjamin kilang-kilang ini patuh kepada syarat-syarat tersebut.

Selain daripada ini juga, suatu program bagi mengawal dan mencegah pencemaran laut akan juga diberi perhatian yang berat oleh Kementerian saya. Suatu rancangan Kontingensi bagi Mengawal dan Mencegah Tumpahan Minyak di Selat Melaka telahpun disediakan oleh Kementerian saya yang mana telahpun diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini.

Mengenai langkah-langkah sementara, Kementerian saya sedang menumpukan perhatian ke atas soal-soal yang melibatkan kesihatan penduduk dan kualiti alam sekitar. Untuk usaha ini Kementerian saya telah memilih beberapa kawasan penting seperti Batu Caves, Juru dan sebagainya bertujuan untuk mengurangkan masalah pencemaran di kawasan-kawasan ini. Walau bagaimanapun sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bahagian ini baru saja menerima pegawai-pegawai untuk mengisi jawatan-jawatan teknikal. Ini tentu sekali berkehendakkan beberapa waktu sebelum program-program tersebut dapat dilancarkan dengan sepenuhnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL JALAL B. HJ. ABU BAKAR
TARIKH : 19 JULAI 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Abdul Jalal b. Hj. Abu Bakar menanya Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sama ada beliau sedar selain daripada pencemaran air sungai bahawa kolam-kolam yang terdapat di Luar Bandar juga turut dicemar sehingga air tiada boleh diminum, mandi dan untuk membasuh.

JAWAPAN

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar akan adanya kolam-kolam yang mengalami pencemaran. Cawangan Air di Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya akan menjalani kajian-kajian kualiti ke atas sungai-sungai yang mana program ini juga meliputi kolam-kolam air yang khas digunakan untuk minum, membasuh dan juga mandi. Kajian ini adalah perlu untuk menentukan punca-punca pencemaran di kolam tersebut dan seterusnya untuk merangka langkah-langkah kawalan ke atasnya. Di mana didapati langkah-langkah kawalan tidaklah sesuai, Bahagian ini akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan terutama sekali yang bersangkutan dengan pembekalan air bagi luar bandar.

Memandangkan kepada masalah kekurangan kakitangan di Jabatan ini, adalah dihargai sekiranya keterangan-keterangan yang lengkap mengenai kawasan-kawasan itu dapat disampaikan kepada Bahagian Alam Sekitar agar langkah-langkah dapat diadakan untuk memberi keutamaan kepada kawasan tersebut di dalam programnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HASHIM BIN GHAZALI
TARIKH	:	19 JULAI 1976

QUESTION

Y.B. Tuan Hashim bin Ghazali to ask the Minister of Science, Technology and Environment to state whether he is aware that a lot of rivers in the country have become polluted and smelly due to industrial wastewater, and if so, to state:

(i) the number of such affected rivers;

(ii) the steps taken by him to clean the rivers again.

ANSWER

I appreciate the Honourable Member's concern with regard to the worsening conditions of most of our rivers in this country. As a matter of fact, the subject has been considered as a very fundamental issue to the programme of water pollution control, which is being formulated by the Environment Division of my Ministry.

Since the programme is still under preparation, I do not consider it appropriate for me at this stage to elaborate on the exact number of rivers affected by this problem. In fact, it is the intention of the programme to identify more clearly the seriously polluted rivers in this country so that a priority listing may be drawn up for parallel action in pollution control. For this purpose it has been necessary to define water quality control regions and in this respect 49 river basin control regions have been isolated in Peninsular Malaysia.

However, based on a preliminary assessment of water quality data provided by the Drainage and Irrigation Department and other studies by several departments, including the Ministry of Health and the Environment Division of my Ministry, it is generally known that at least 11 river basins are presently facing water pollution problems of serious magnitude. Within these river basins about 6 rivers have been noted to be grossly polluted, about 8 rivers may be considered as facing potential water pollution problems.

The Division of Environment has identified the principal sources of pollution which include the agro-based industries, the food processing and canning industries, the metals and metal-related industries and industrial estates in general, due to the localised concentration of industries.

The actual solution to these problems would necessitate a planned and regulated monitoring programme which can be introduced in stages. The primary control mechanism involves the establishment of effluent discharge standards and control regulations. In this respect, Expert Committees of effluent standards for the Palm Oil and Rubber Industries are presently in their final stages of deliberations. These regulations will be finalised for enforcement early next year. Similarly, Expert Committees establishing effluent control regulations for the other major sources of pollution, have been planned for later this year.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ABDUL JALAL B. HJ. ABU BAKAR
TARIKH	:	28 JULAI 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Abdul Jalal b. Hj. Abu Bakar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Adakah Kerajaan Jepun telah membayar wang gantirugi kepada Kerajaan Malaysia sebagaimana yang telah dipersetujui antara mereka akibat kecemaran laut disebabkan pecahnya kapal minyak "Showa Maru" di Selat Melaka beberapa masa yang lalu, dan berikan jumlah bayaran yang mesti dibayar;

(b) Jika belum, bilakah bayaran itu akan dibuat dan bagaimanakah cara bayaran itu dibuat;

(c) Bagaimanakah Kerajaan kita bercadang untuk menggunakan wang bayaran gantirugi itu; dan

(d) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan berulangnya kejadian yang tersebut itu di Selat Melaka.

JAWAPAN

(a) Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebenarnya tuntutan gantirugi kerana kecemaran laut akibat daripada kemalangan kapal pengangkut minyak Jepun, "Showa Maru" telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia terhadap tuan-punya kapal tersebut, iaitu Taiheiyo Kaiun Co. Ltd., dan tidak Kerajaan Jepun sebagaimana yang telah difahamkan. Walau bagaimanapun urusan-urusan awal mengenai tuntutan ini telah dilakukan melalui Kerajaan Jepun, yang kemudiannya merujuk kepada pihak yang berkenaan.

Rundingan-rundingan telah dilakukan oleh pihak kami dengan syarikat tersebut yang kemudiannya telah melantik sebuah syarikat peguambela dan peguam cara untuk mewakili mereka di dalam rundingan-rundingan selanjutnya.

Dokumen-dokumen mengenai tuntutan tersebut telah kami serahkan kepada pihak yang berkenaan pada penghujung tahun lepas dan kini dikaji oleh syarikat tersebut. Pada masa ini, peguam mereka sedang berada di London untuk berunding dengan pihak insuran, dan keputusannya akan diumumkan kepada kami pada akhir bulan ini tidak lama lagi, dan adalah menjadi harapan saya agar dengan pelaksanaan standard-standard ini masalah pencemaran kelapa sawit akan dapat diatasi secara beransur-ansur. Pada masa ini juga, Bahagian Alam Sekitar dengan menyiapkan standard-standard untuk pembuangan pelepasan getah bagi memenuhi keperluan program kawalan tersebut.

Berhubung dengan ini Kementerian saya juga sedang mengkaji keperluan kualiti untuk kegunaan air yang berfaedah dari sudut pencemaran, sebagai langkah yang penting untuk menyelesaikan masalah alam sekitar berkaitan dengan pengurusan sumber-sumber air. Walau bagaimanapun saya ingin menekankan bahawa hasil-hasil dari program ini tidak akan dicapai di dalam masa yang singkat kerana ianya melibatkan kajian teknikal yang mendalam mengenai masalah tersebut secara keseluruhannya.

Berkaitan dengan Lembah Sungai Batu Pahat, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat, bahawa kawasan ini telah dipertimbangkan sebagai kawasan keutamaan yang akan dikaji oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya dengan kerjasama Kerajaan Negeri awal tahun hadapan. Dalam masa pengajian ini dijalankan langkah-langkah akan dirancangkan untuk perlindungan kawasan penadahan bekalan air untuk Sungai Bekok dan Sungai Simpang Kiri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN S. SAMY VELLU
TARIKH	:	30 JULAI 1976

SOALAN

Y.B. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau bercadang hendak memerintahkan kilang-kilang perusahaan di sekitar Kepong Baru mengambil langkah-langkah perlu untuk mengelakkan kekotoran udara yang mengancam suasana alam sekitar.

JAWAPAN

Ya, memanglah menjadi tujuan Kementerian saya untuk menguatkuasakan langkah-langkah kawalan pencemaran ke atas kesemua kilang-kilang perusahaan bukan sahaja di sekitar Kepong Baru tetapi juga di lain-lain kawasan. Walau bagaimanapun sebelum langkah-langkah ini dapat diperkenalkan, adalah perlu dikaji dan dinilaikan keluasan dan bentuk-bentuk masalah yang dihadapi agar "standard-standard" kawalan yang akan dirangkakan itu bersesuaian dengan matlamat perlindungan kualiti alam sekitar yang diperlukan.

Untuk tujuan ini, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telahpun menubuhkan sebuah panel yang mengandungi pakar-pakar daripada berbagai agensi kerajaan bertujuan untuk memperakukan kriteria-kriteria bagi perlindungan kualiti udara dan juga standard-standard pelepasan. Perakuan-perakuan panel ini akan dikaji oleh kami untuk dilaksanakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ABDUL JALAL B. HJ. ABU BAKAR
TARIKH	:	26 OKTOBER 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Abdul Jalal b. Hj. Abu Bakar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa berikutan dengan tenggelamnya Kapal Minyak "Showa Maru" dan Kapal Minyak Filipina di perairan Selat Melaka beberapa masa yang lalu:

(a) berapa banyakkah nilai pencemaran alam yang telah berlaku di perairan Selat Melaka akibat dari tenggelamnya kapal-kapal yang berikut itu;

(b) adakah kedua-dua negara tersebut telah menjelaskan pembayaran gantirugi seperti yang dijanjikan dan berapakah besar bayaran gantirugi itu;

(c) adakah kerajaan bercadang untuk mengambil dayausaha bagi penubuhan sebuah badan antarabangsa bagi mengawal pencemaran di Selat Melaka dan Asia Tenggara; dan

(d) apakah langkah-langkah dan usaha Kerajaan bagi mengawal lalulintas perkapalan di Selat Melaka dan melindungi dari kerosakan dan pencemaran.

JAWAPAN

(a) Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini menyentuh masalah kerosakan ekologi di mana persetujuan biasanya amatlah sukar dicapai. Walau bagaimanapun mengikut tafsiran kita, kerosakan yang dialami ialah dalam lingkungan $22 juta bagi Kapal Minyak "Showa Maru". Mengenai Kapal Minyak "Diego Silang" pula nilai kerosakan ekologi masih dikaji oleh Kementerian saya.

(b) Kedua-dua negara, Jepun dan Filipina masing-masingnya telah menyatakan hasrat mereka agar pembayaran gantirugi dilakukan dengan secepat mungkin. Tetapi sehingga ini sebarang pembayaran masih belum diterima lagi.

(c) Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kumpulan Pakar-Pakar Asean mengenai pencemaran laut telah mengkaji perkara ini dengan teliti dua tahun dahulu dan berpendapat bahawa setiap negara mestilah merangka rancangan kontingensinya sendiri untuk mengawal pencemaran minyak. Dalam hubungan ini kita telahpun mengadakan Rancangan Kontingensi Kebangsaan yang telahpun diluluskan oleh Jemaah Menteri. Pada masa ini tender-tender sedang dipelawa untuk memperolehi alat-alat yang diperlukan di bawah Rancangan ini. Hanya inilah satu cara yang praktikal untuk menghadapi masalah pencemaran laut. Walau bagaimanapun negara-negara yang berkenaan akan bekerjasama di antara satu sama lain melalui pertukaran maklumat-maklumat dan kepakaran. Dari segi ini memanglah terdapat langkah yang selaras untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran laut di rantau ini.

(d) Selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan di dalam jawapan (c) kerajaan juga sedang berusaha untuk mengadakan Skim Pemisahan Lalulintas (Traffic Separation Scheme) dan langkah-langkah lain untuk menentukan keselamatan pelayaran di Selat Melaka. Dalam hubungan ini Kerajaan telah bekerjasama dengan negara-negara Indonesia dan Singapura.

JAWAPAN TAMBAHAN

Perundingan-Perundingan telah dijalankan di antara Kementerian saya dengan pihak yang berkenaan pada bulan Ogos 1976 (Showa Maru) dan pada bulan Oktober 1976 yang lalu dengan wakil-wakil tuanpunya kapal "Diego Silang". Rundingan-rundingan ini akan diteruskan pada bulan hadapan di Kuala Lumpur untuk membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut.

Showa Maru

Tuan punya Kapal Taiheiyo Kaiun Company Limited. Wakil Insuran-Britannia Club & Japan P & I Club.

Diego Silang

Tuan punya kapal Philippines National Oil Company. Wakil Insuran-Graham Miller Ltd. Hongkong.

Tuntutan Gantirugi

Showa Maru

Kerosakan ke atas Perikanan	–	$	22,500,000.00
Kos Operasi	–	$	891,626.52
		$	23,391,626.52

Kerosakan ke atas perikanan telah dilakukan oleh Bahagian Perikanan, Kementerian Pertanian berdasarkan kepada jumlah tangkapan ikan sebelum kejadian "Showa Maru" dan tafsiran penangkapan ikan selepas kejadian tersebut dengan mengambil pertimbangan ke atas kesan-kesan pencemaran minyak tersebut.

Diego Silang

Kos Operasi	–	$	2,887,348.91
Kos Penyiasatan (Investigation Cost)	–	$	3,641.33
Kerosakan ke atas perikanan	–	$	3,255,414.24
		$	3,255,414.24

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B: TUAN LEE LAM THYE
TARIKH	:	29 OKTOBER 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) bagaimanakah seriusnya kerosakan terhadap nelayan-nelayan dan ekologi "marine" selepas peristiwa "Diego Silang";

(b) sama ada Kerajaan Malaysia telah menuntut gantirugi daripada tuanpunya kapal tersebut berdasarkan kerosakan yang terjadi; dan

(c) langkah-langkah yang sedang dirancang dan telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi atau mengurangkan kejadian seumpama itu.

JAWAPAN

(a) Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minatnya mengenai perkara ini dan inginlah saya memaklumkan bahawa kerosakan ke atas persekitaran laut memanglah tidak dapat dielakkan. Kerosakan ini telah dianggarkan dengan bantuan Jabatan Perikanan dan jumlah ini telah diambilkira di dalam tuntutan gantirugi kita yang telah dikemukakan kepada tuanpunya kapal "Diego Silang". Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya pada masa ini sedang mengadakan rundingan dengan pihak insuran dan tuanpunya kapal tersebut. Oleh kerana rundingan ini masih lagi berjalan, saya dapati tidak wajar bagi saya memberi penjelasan yang lebih lanjut mengenai perkara ini.

(b) Rundingan mengenai tuntutan gantirugi kita telah dijalankan di antara wakil-wakil insuran kapal pengangkutan minyak Filipina dengan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya pada bulan September yang lalu. Detil-detil mengenai tuntutan gantirugi sekarang ini berada dengan pihak insuran kapal tersebut yang sedang mengkaji dokumen tersebut dengan lebih lanjut

di London. Mereka adalah dijangkakan kembali di Kuala Lumpur pada bulan hadapan untuk mengakhiri rundingan ini.

(c) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Rancangan Kontingensi Kebangsaan untuk mengawal dan mencegah pencemaran minyak di Selat Melaka telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya pada masa ini sedang dalam proses untuk memperolehi alat-alat yang diperlukan. Pada peringkat pertama kami bercadang untuk mendapatkan alat-alat yang minima pada awal tahun hadapan dalam mana kita akan mengadakan kemampuan yang sederhana untuk menghadapi sebarang tumbahan minyak. Untuk tujuan ini tender-tender telahpun dipelawa untuk pembekal alat-alat pencegah pencemaran iaitu "boom", "skimmer" dan "barges".

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN THOMAS SALANG SIDEN
TARIKH	:	1 NOVEMBER 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal pembuangan barang-barang yang tak digunakan lagi supaya tidak mencemarkan sungai-sungai dan udara yang kita sedut bagi kepentingan dan kesejahteraan hidup kita.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat dan perhatiannya terhadap masalah pencemaran, yang sewajarnya dirasai sepenuhnya oleh Kementerian saya. Di dalam hubungan ini, usaha-usaha yang serius telah dan sedang dijalankan untuk mengawal kualiti alam dengan cara yang sistematik serta mengekalkan kualiti alam sekitar, walaupun di dalam lingkungan kemampuan tenaga yang terhad. Di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, cara yang paling berkesan untuk mengawal pencemaran alam sekitar ialah dengan mengadakan kawalan pelepasan yang ketat, iaitu dikenakan ke atas pelepasan debu, gas dan asap ke udara dan bahan-bahan pencemaran yang beracun ke dalam air.

Di dalam kaitan ini, saya ingin menjelaskan bahawa sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita tidak dapat mengelak daripada menghadapi setengah daripada masalah-masalah itu kerana memang tidak boleh wujud sesuatu keadaan "pollution free" di mana-mana negarapun. Walau bagaimanapun, kita ingin menentukan agar kualiti alam sekitar tidak merosot dengan berlakunya perkembangan perindustrian yang pesat. Langkah-langkah pencegahan pencemaran yang berkesan hanya boleh dilaksanakan dengan mengenakan had-had tertentu ke atas pelepasan-pelepasan pencemaran oleh kilang-kilang yang semakin banyak melepaskan gas-gas, debu, asap dan lain-lain bahan pencemaran. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, standard-standard bagi kesemua elemen yang mengujudkan masalah pencemaran air dan udar itu mestilah disediakan dengan dua pertimbangan penting seperti berikut:

(a) ianya mestilah disediakan di dalam rangka dasar tekno-ekonomi, iaitu di samping menentukan kepakaran teknik, ianya juga mestilah ekonomik agar tidak mendatangkan beban yang tidak diingini ke atas kilang-kilang yang kemudiannya boleh membantu usaha-usaha kita di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

(b) Standard-standard mestilah ditetapkan pada paras yang sewajarnya untuk melindungi alam sekitar, kesihatan dan keselesaan orang ramai.

Faktor-faktor ini sedang dipertimbangkan dengan teliti oleh Kementerian saya di dalam merangka standard-standard pelepasan. Tentu sekali standard-standard ini tidak dapat diadakan dengan serta merta untuk kesemua punca-punca pencemaran di negara ini oleh kerana sehingga ini terdapat tidak kurang daripada 14,000 buah kilang-kilang, tidak termasuk kenderaan bermotor yang telah menimbulkan masalah pencemaran udara yang serius. Di dalam keadaan ini, kita terpaksa menghadapi masalah ini dengan sistematik dan memberi perhatian utama kepada sektor pencemaran yang paling buruk; dan kemudiannya meliputi sektor-sektor yang lain. Tidak lama lagi, Kementerian saya akan mengadakan peraturan-peraturan ke atas pelepasan pencemaran kelapa sawit dan getah, dan seterusnya akan juga mengadakan peraturan yang sama ke atas bahan-bahan pencemaran yang lain. Mengenai pencemaran udara pula, kami akan menguatkuasakan Peraturan Udara Bersih (Clean Air Regulation) pada awal tahun depan untuk mengawal bahan pencemaran seperti "sulphur dioxide", "nitrogen oxide", debu dan bahan-bahan ampaian.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HASHIM BIN GHAZALI
TARIKH	:	11 NOVEMBER 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar kecemaran air sungai yang disebabkan oleh kotoran dari kilang-kilang seperti kelapa sawit, kilang getah, kilang udang dan sebagainya menyebabkan air sungai tersebut tidak boleh dimandi dan diminum, ikan dan udang galah mati, ramai nelayan udang galah hilang mata pencarian, jika ya:

(a) berapa banyak sungai yang telah dicemar oleh kotoran;

(b) berapa banyak sungai yang telah diselamatkan oleh beliau; dan

(c) apakah rancangan beliau bagi memulihkan semula keadaan air sungai di seluruh negara.

JAWAPAN

(a) I appreciate the Honourable Member's concern with regard to the pollution of our rivers in the country. As a matter of fact, this subject has been considered as a very fundamental issue to the programme of water pollution control, which is being formulated by my Ministry.

Based on preliminary assessment of water quality data provided by the Drainage and Irrigation Department and other studies by several departments including the Ministry of Health and the Environment Division of my Ministry, it is generally known that at least 11 river basins are presently facing water pollution problems of serious magnitude. Within these river basins about 6 rivers have been noted to be grossly polluted, about 8 rivers moderately polluted and approximately 12 – 15 other rivers may be considered as facing potential water pollution.

(b) The restoration of our rivers and streams is a gradual process, beginning with a careful formulation of discharge standards that may be allowed into the rivers and streams and together by strict enforcement of these standards, and finally, the maintenance of stream flow quality. Steps are now being taken and we are at the beginning of the process of restoring our polluted rivers and it will take a few years before beneficial results can be demonstrated.

(c) The programme begins with identification of affected river basins and streams and the ascertainment of the nature types and magnitude of pollution sources. These are being carried out and oil palm, rubber, sugar, food processing industries and heavy metals effluents have been identified as serious pollution sources. Standards for these are either completed or in the process of being completed. They will be enforced in stages. In a few years, despite the growing industries and development, the rivers and streams in the country will be gradually restored. My Ministry is working seriously towards this end.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD
TARIKH	:	15 NOVEMBER 1976

SOALAN

Y.B. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat ini apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau berikutan dengan bantahan penduduk-penduduk Kampong Kubang Badak, Pasir Mas mengenai kecemaran alam di sekitar kampong tersebut akibat adanya sebuah kilang getah di situ.

JAWAPAN

A team of two technical officers from the Enviroment Division of my Ministry was sent to carry out a detail investigation in June, 1976.

The source of the problem was effluent discharge from the washing of rubber sheets from a rubber smoke house in Kampong Kubang Badak, Pasir Mas. The problem was found to be preliminary due to the discharge of untreated effluent and inadequate and unsatisfactory drainage. Recommendations have already been forwarded to the District Officer for action. That was the most practical short-term measure.

Problem of this nature can only be resolved in a broad and systematic manner involving all rubber mills, treating effluents and uniform standards of effluent discharge.

My Ministry is now in the process of working out rubber effluent discharge standards and when these are completed a broad base solution for the problem of pollution from rubber effluent will be resolved.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN CHENG BEE
TARIKH : 30 NOVEMBER 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(i) apakah tindakan yang ia bercadang hendak ambil terhadap tuanpunya Kilang Baja Ikan yang berada di Jalan Alma/Bukit Minyak, Bukit Mertajam itu yang telah menjalankan perusahannya dan menyebabkan pencemaran dan gangguan bau yang sangat busuk kepada penduduk-penduduk di kawasan sekelilingnya walaupun telah ternyata bahawa Lesen yang dikeluarkan oleh L.P.K.T. Seberang Perai telah tidak dibaharui sejak tahun 1975.

(ii) adakah beliau sedar bahawa pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai tidak berupaya hendak memberhentikan Kilang Baja Ikan itu dari menjalankan perusahannya, dan penduduk-penduduk dalam kawasan itu sekarang ini telah tidak tersabar lagi dan mungkin menjadi kehilangan fikiran.

JAWAPAN

(i) Kementerian saya telah menyiasat aduan tersebut dalam bulan Jun tahun ini. Soal menghilangkan bau busuk tidak timbul di sini kerana kilang tersebut tidak dibenarkan untuk dikendalikan. Pengendalian secara haram boleh diambil tindakan sepertimana yang diperuntukan di bawah Ordinan Municipaliti. Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai telah diberi nasihat berkaitan dengannya. Pihak Lembaga telahpun memohon saman ke atas pengilang pada 15hb. Oktober 1976 dan sedang menunggu pihak mahkamah untuk menetapkan tarikh perbicaraan. Di sini terpulanglah kepada pihak mahkamah untuk memutuskan tentang masalah ini.

(ii) Untuk menjamin bahawa tindakan yang wajar diambil ke atas masalah ini Kementerian saya sedang berhubung rapat dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai. Pihak Lembaga telah mengambil langkah-langkah yang perlu ke arah menyelesaikan masalah ini seperti yang diperuntukan oleh undang-undang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ABU BAKAR B. ARSHAD
TARIKH	:	7 DISEMBER 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau akan mengadakan peraturan mewajibkan supaya sampah sarap dan lainnya tidak boleh dibuang ke sungai-sungai yang menjadikan kecemaran kepada sungai-sungai tersebut dan merosakkan hidupan air. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

As the Honourable Member is aware there are two types of wastes disposed into our rivers and streams mainly industrial and domestic.

With regard to industrial wastes they have been classified into different categories and standards for some of these have been completed and others in the process of being worked out. These can be enforced in a systematic way in the manner provided for under the Environmental Quality Act, 1974 and the subsequent regulations issued under the Act. The main pollutions such as oil palm and rubber effluents will be contained as from next year onwards.

The second category, the random discharge of domestic wastes and rubbish, as the Honourable Member is aware, is a problem thinly spread over a wide area and difficult to enforce and require stringent and continuous control at all local levels.

SOALAN TAMBAHAN

Y.B. Tuan Abu Bakar bin Arshad menyatakan apakah Y.B. Menteri sedar sama ada Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 meliputi lombong-lombong yang mengeluarkan air ke kawasan pertanian.

JAWAPAN

Larangan ke atas pembuangan air lombong ke kawasan pertanian telah dibekalkan oleh Seksyen 21, 24(1), (2) di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974.

CATITAN

Seksyen 21

Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh menentukan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pengeluaran, pelepasan atau peletakan buangan-buangan atau pengeluaran bunyi bising ke dalam sesuatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling dan boleh menguntukkan sesuatu kawasan, segmen atau unsur alam sekeliling ke dalam mana pengeluaran, pelepasan, pelepasan atau peletakan itu adalah dilarang atau disekat.

Seksyen 24 (1)

Melainkan jika dilesen, tiada seseorang boleh mencemar atau menyebabkan atau membenar dicemarkan mana-mana tanah-tanih atau permukaan mana-mana tanah dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah Seksyen 21.

Seksyen 24 (2)

Walau apapun keluasan seksyen kecil (1), seseorang hendaklah disifatkan sebagai mencemarkan sesuatu tanah-tanih atau permukaan sesuatu tanah jika:

(a) ia meletakkan apa-apa benda sama ada cecair, pepejal atau gas di dalam atau di atas mana-mana tanah-tanih atau di sesuatu tempat di mana benda itu boleh masuk ke dalam mana-mana tanah-tanih; atau

(b) ia mengadakan di atas mana-mana tanah suatu tempat melonggok sampah-sarap, tempat membuang kotoran, tempat membuang tanah-tanih dan batu-batan, tempat meletakkan enapcemar, lobang pancitan buangan atau dengan cara lain menggunakan tanah untuk tempat melupuskan atau tempat melonggok buangan pepejal atau secair sehingga mencela atau mengganggu manusia atau mengganggu air di bawah tanah atau menjadi mudarat kepada apa-apa kegunaan berfaedah akan tanah-tanih atau permukaan tanah itu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN EMBONG BIN YAHAYA
TARIKH	:	9 DISEMBER 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Embong bin Yahaya minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Adakah Kerajaan menuntut sebarang gantirugi dari pihak berkenaan akibat tumpahan minyak dari sebab pelanggaran kapal minyak di Selat Melaka pada bulan Julai, 1976 lalu, jika ada berapa banyak;

(b) Adakah rakyat Malaysia seperti nelayan dibayar sebarang kerugian akibat tumpahan minyak itu; dan

(c) Adakah Kerajaan bercadang hendak menyekat sebarang kapal minyak yang besar-besar dari melalui Selat Melaka di masa akan datang.

JAWAPAN

(a) There was a tanker accident involving three vessels in the Straits of Malacca resulting in the rapture and spill of oil from one of them, a tanker belong to the Philippines National Oil Company, "Diego Silang".

My Ministry coordinated the clean-up operations which were carried out on the spot by several Government agencies including the Navy and the Marine Department.

My Ministry met with the Philippines National Company officials and held discussion in August this year. Further meeting will be held in the middle of this month. As the Honourable Member is aware, the negotiations are at a delicate stage and shall be happy to supply the details when they have been completed.

Note for Y.B. Menteri: If Y.B. Menteri feels that more facts should be given, they are as follows:

The total claim made is $2,890,990.94 which is made up of as follows:

Operational cost	–	$ 2,887,348.91
Investigation cost	–	$ 3,641.03

Y.B. Menteri is reminded that this sum is less than that claim against "Showa Maru" and it might not be wise, tactically, to release at this stage.

(b) The responsibility of my Ministry is to negotiate with the tanker owners and their insurers. It does not include the actual distribution of compensation among potential recipients in this country.

(c) The Government is deeply concerned about the movement of large oil tankers in the Straits of Malacca. The Ministry of Communications is working out, in cooperation with Indonesia and Singapore, a Traffic Separation Scheme to minimise the danger of accidents in the Straits.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN OO GIN SUN
TARIKH	:	9 DISEMBER 1976

SOALAN

Y.B. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada siasatan sedang dijalankan untuk mencari cara bagi menjadikan hampas (sludge) daripada kilang minyak kelapa sawit sebagai bahan-bahan (by-products) yang berguna. Jika tidak, apakah langkah-langkah sedang diambil untuk mencegah kecemaran disebabkan oleh kekotoran yang tersebut dari keluaran minyak kelapa sawit.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Ahli di atas perhatian Y.B. Ahli mengenai ancaman-ancaman pencemaran yang disebabkan oleh lepasan-lepasan kelapa sawit.

Rancangan-rancangan untuk menjalankan penyelidikan bagi menjadi lepasan-lepasan kelapa sawit ke dalam bahan-bahan yang berguna tidaklah di bawah tanggongjawab Kementerian saya. Walau bagaimanapun usaha-usaha ke arah ini sedang dijalankan oleh berbagai pusat dan badan-badan penyelidikan seperti Universiti Pertanian dan MARDI untuk menjadikan hampas kelapa sawit kepada makanan binatang atau baja.

Berkenaan dengan masalah pencemaran berpunca daripada buangan-buangan kelapa sawit, saya amatlah bersukacita memaklumkan Y.B. Ahli bahawa Kementerian saya telahpun menyiapkan peraturan-peraturan bagi mengawal semua pembuangan lepasan-lepasan kelapa sawit ke dalam saluran-saluran air. Peraturan ini akan dikuatkuasakan di dalam tiga peringkat dan akan menjelaskan standard-standard lepasan yang dibenarkan dibuang oleh kilang-kilang kelapa sawit dari tahun ke setahun.

Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya. Peringkat pertama akan dimulakan pada awal tahun 1978 dalaman beberapa standard hendaklah dipatuhi melalui cara-cara pemulihan. Standard-standard ini akan ditinggikan secara sistematik dalam tahun 1979 dan 1980. Pada awal tahun pertama penguatkuasaannya, adalah dijangkakan 75% daripada buangan-buangan kelapa sawit itu akan diperbaiki. Setelah standard-standard ini dicapai, peringkat demi peringkat, buangan-buangan kelapa sawit tidak akan lagi merupakan satu pencemaran air di negara ini.

Supplementary Information

The effluent discharge standards under the three-year programme are as given below:

Date of Compliance	Standard A	Standard B	Standard C
Limits of Discharge	1.1.1978	1.1.1979	1.1.1980
pH	5.0 – 9.0	5.0 – 9.0	5.0 – 9.0
Oil (mg/l)	200	100	50
B.O.D. (5 day: 20 C)	5000	2000	500
C.O.D. (mg/l)	10000	4000	1000
Suspended Solids (mg/l) (dried @ 105 C)	1200	800	400
Total Solids (mg/l) (dried @ 105 C)	4000	2500	1500
Organic Nitrogen (mg/l)	200	100	50
Temperature (°C)	45 max	45 max	45 max

River Basins Facing Water Pollution Problems (11)	Rivers or Tributaries Known to be Grossly Polluted (6)	Rivers or Tributaries Known to be Moderately Polluted (8)	Rivers or Tributaries Facing Potential Water Pollution Problems (12 – 15)
1. Sg. Perai/Sg. Juru (Province Wellesley)	1. Sg. Juru	1. Sg. Perai	1. Sg. Segamat
2. Sg. Kelang (Selangor)	2. Sg. Kelang & Tributaries [Sg. Bunus, Sg. Batu, Sg. Gombak (lower)]	2. Sg. Kerian	2. Sg. Batang Padang
3. Sg. Muar	3. Sg. Muar	3. Sg. Bidor	3. Sg. Rembau (Sg. Linggi)
4. Sg. Batu Pahat	4. Sg. Batu Pahat	4. Sg. Kinta (lower)	4. Sg. Gemencheh (Sg. Muar)
5. Sg. Langat	5. Sg. Skudai (Johor)	5. Sg. Selangor (lower)	5. Sg. Kurau/Sg. Sepetang
6. Sg. Johor	6. Sg. Serai (Johor)	6. Sg. Langat (lower)	6. Sg. Bernam
7. Sg. Perak		7. Sg. Melaka	7. Sg. Kulim
8. Sg. Kedah		8. Sg. Kerling	8. Sg. Kuantan
9. Sg. Melaka			9. Sg. Rompin
			10. Sg. Endau
			11. Sg. Kemaman
			12. Sg. Kangar
			13. Sg. Muda

1977
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HASHIM BIN GHAZALI
TARIKH : 1 APRIL 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar ada terdapat kilang-kilang kelapa sawit telah didirikan dengan tidak mengikut peraturan menyebabkan kecemaran air sungai berhampiran dengannya; jika sedar apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi mendirikan sesebuah kilang kelapa sawit.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli di atas perhatiannya mengenai pencemaran yang disebabkan oleh pelepasan-pelepasan kelapa sawit. Berkaitan dengan syarat-syarat yang akan dikenakan itu sepertimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Ahli, peraturan-peraturan bagi kawalan pencemaran oleh kilang-kilang kelapa sawit telahpun siap disediakan oleh Kementerian saya dan dijangka akan diwartakan di dalam bulan Julai 1977.

Dengan pengumuman peraturan itu semua kilang-kilang kelapa sawit adalah dikehendaki memohon kelulusan daripada Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya bagi membuang pelepasan-pelepasan mereka itu. Sepertimana Yang Berhormat Ahli sedar, kita tidak boleh memerintah supaya pelepasan-pelepasan itu tidak dibuang sama sekali kerana itu akan memberi bebanan yang berat ke atas industri kelapa sawit. Cadangan kita adalah menghendaki industri-industri itu memulihkan (treat) pelepasan-pelepasannya dan menentukan satu had ke atas paras pelepasan yang boleh dibuang.

Sementara itu juga, persediaan-persediaan telah dibuat supaya Kementerian Perusahaan Utama dan Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya merujuk semula kilang-kilang kelapa sawit yang dirancangkan untuk dibina kepada Kementerian saya untuk mendapat kelulusan berkaitan dengan langkah-langkah bagi kawalan pencemaran. Setiap kilang kelapa sawit yang baru sekarang adalah dikehendaki memasang satu sistem pemulihan yang sesuai bagi mengawal pencemaran selaras dengan peraturan-peraturan bagi pembuangan pelepasan kelapa sawit yang ada itu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ABU BAKAR B. ARSHAD
TARIKH	:	6 APRIL 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Abu Bakar bin Arshad to ask the Minister of Science, Technology and Environment to state the total amount of expenditure spent on controlling the pollution in the Straits of Malacca as a result of oil spill from foreign oil tankers, and whether this expenditure have been claimed from the parties concerned and if so, to state the amount and if the claim has been met with, to state when and if not why.

JAWAPAN

There have been two accidents in the Straits of Malacca recently involving the oil tanker "Showa Maru" belonging to the Taiheiyo Kaiun Shipping Company Ltd. of Japan, and another oil tanker "Diego Silang" belonging to the Luzon Stevedoring Corporation, a subsidiary of the Philippine National Oil Company.

The Showa Maru ran aground near Buffalo Rock in the Singapore/Indonesian waters on 6th January 1975, and the "Diego Silang" collided with another vessel in the Straits of Malacca on 24th July, 1976. The Royal Malaysian Navy, the Marine Department and other Government agencies were involved in the clean-up operations which were coordinated by the Environment Division of my Ministry.

Malaysia's compensation claim for the Showa Maru spill was US$10 million. It comprised approximately US$500,000/- for clean-up operations, and the remainder for ecological damage. The insurance company representing the owners of "Showa Maru" have agreed to pay us US$500,000/- to cover the costs incurred by us. The remainder, the ecological damage, is not easily proved. A joint research team comprising marine biologists appointed by the Indonesian Government and the insurance company will do a survey to measure the ecological damage in the area hardest hit by the spill, that is, in the Indonesian waters. It was agreed that if any ecological damage is found, Malaysia will automatically receive a proportion (in the ratio of 2.5) of the compensation given to Indonesia.

With regard to "Diego Silang", negotiations with the insurers representing the tanker owners are still in progress. Government and insurance teams are examining the details of the claim. The negotiations are going on cordially and smoothly, and great progress has been achieved. I expect the entire negotiations will be completed in a few months time. For the time being, it will not be in the interest of the negotiations, then, to go into details at this stage. But I shall make an announcement the moment the negotiations are completed.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM CHO HOCK
TARIKH : 11 JULAI 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Sejauh manakah penyiasatan telah dibuat ke atas masalah kekotoran udara yang diakibatkan oleh "Malaysian Titanium Corporation Sdn. Bhd." Bukit Merah (Surat tuan AS. 1026/1 SK. 25) yang terletak berhampiran dengan kawasan kediaman yang ramai penduduk-penduduknya; dan

(b) Bagaimana sikap Kerajaan dalam memberi kebenaran untuk mendirikan syarikat itu (yang hanya terdapat 3 sahaja perusahaan serupa itu di dalam dunia) di Malaysia dengan tidak menentukan sama ada syarikat seperti itu akan mendatang bahaya atau sebaliknya.

JAWAPAN

(a) & (b) Saya menghargai perhatian yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat ke atas isu ini, yang sebenarnya telahpun mendapat perhatian Kementerian saya. Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa permohonan untuk menubuhkan kilang tersebut telah diluluskan tiga tahun yang lalu. Ini adalah sebelum tertubuhnya Bahagian Alam Sekitar.

Kilang tersebut telah memulakan kegiatannya pada 12hb. Disember 1976. Beberapa aduan telah dikemukakan kepada Kementerian saya, dan Bahagian Alam Sekitar dengan segera telah melakukan suatu penyiasatan pada 7hb. Januari, 1977.

Ahli Yang Berhormat juga menyebut tentang pengurusan alam sekitar. Ini juga merupakan sebahagian daripada langkah-langkah jangkamasa panjang yang dilaksanakan oleh Bahagian Alam Sekitar. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penyelesaian kepada masalah-masalah alam sekitar ini terletak pada tiga bidang yang utama. Pertamanya ialah perancangan di dalam bidang penggunaan tanah. Kesan-kesan penggunaan tanah dan keperluan untuk mengadakan pertimbangan ke atas alam sekitar ke dalam

projek-projek adalah jelas sekali. Keduanya, kita mesti mengadakan langkah-langkah sistematik dan saintifik untuk mengawal masalah pencemaran air, udara dan bunyi-bunyi bising ini. Akhir sekali terdapat persoalan yang penting berhubung dengan pemasangan alat-alat pencegah pencemaran dan dari suatu segi yang lain pula kesan-kesan ke atas ekologi, kesihatan dan sosial, sekiranya masalah pencemaran ini dibiarkan berlarutan.

Oleh itu, usaha penyelesaian jangka panjang mesti melibatkan perancangan di dalam bidang penggunaan tanah, teknik-teknik kawalan pencemaran yang saintifik dan juga pendekatan berasaskan analisa kos/faedah, yang mana kesemuanya disatukan dalam satu rancangan yang komprehensif.

Di dalam usaha untuk menghadapi pencemaran yang kian meluas di negara ini, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telahpun menentukan punca-punca utama pencemaran air dan udara. Ini meliputi kelapa sawit, getah, kimia, permakanan, simen dan juga kegiatan-kegiatan kuari. Had-had pencemaran bagi pembuangan dan pelepasan daripada kilang-kilang ini telahpun disediakan dan akan diwartakan untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Seumpamanya, saya telah mewartakan standard-standard pelepasan bagi perusahaan kelapa sawit. Peraturan ini sedang dikuatkuasakan sekarang. Tidak lama lagi, saya juga akan mewartakan pula standard pelepasan bagi perusahaan getah yang akan diikuti seterusnya dengan Peraturan-Peraturan bagi Udara Bersih yang meliputi berbagai industri.

Di samping itu, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya juga sedang bekerjasama rapat dengan Jabatan Pengangkutan Jalan, dan pihak Kerajaan tidak lama lagi akan mewartakan peraturan-peraturan bagi mengawal pelepasan asap yang berlebihan daripada kenderaan-kenderaan berdisel. Saya amat berpuashati untuk menyatakan bahawa kenderaan-kenderaan bermotor yang mempunyai asap yang berlebihan akan segera dikawal. Apabila saja peraturan-peraturan ini diwartakan, pemilik-pemilik kenderaan berdisel yang mempunyai asap-asap yang berlebihan daripada ekzos-ekzos akan diberi tempuh selama tiga bulan untuk membaiki enjin mereka supaya di dalam berkeadaan baik dan seterusnya mengurangkan pelepasan asap yang berlebihan . Pegawai Alam Sekitar dan Jabatan Pengangkutan Jalan akan bersama menguatkuasakan peraturan ini.

Semua peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan dengan ketat setelah diwartakan. Saya boleh memberi jaminan di dalam sidang pada hari ini bahawa kerja-kerja dan perancangan yang dilakukan di dalam masa dua tahun ini akan menunjukkan hasilnya di dalam melahirkan alam sekitar yang bersih, sihat dan produktif untuk semua.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN OO GIN SUN
TARIKH : 15 JULAI 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada langkah-langkah yang mencukupi sedang diambil ke atas pengurusan alam sekitar dan kawalan kecemaran supaya ianya tidak mengakibatkan kejadian-kejadian yang tidak diingini kepada negara kita memandangkan bahawa akan terdapat satu perkembangan kemajuan perusahaan di negara kita di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat beliau dan juga kerana membangkitkan suatu soalan yang penting di mana pengertiannya sangatlah luas dan berkaitan. Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa langkah-langkah yang positif telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran alam sekitar.

Kementerian saya amatlah sedar bahawa pembangunan yang pesat yang sedang kita alami di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini menimbulkan masalah kemerosotan alam sekitar dan pencemaran yang meluas.

Tindakan sedang diambil oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya melalui dua peringkat, iaitu dengan langkah-langkah tindakbalas segera ke atas aduan-aduan daripada orangramai dan keduanya, melalui langkah-langkah jangkamasa panjang dari segi mengadakan program kawalan pencemaran dan pengurusan alam sekitar bagi kawasan perindustrian dan perumahan.

Berasaskan kepada keputusan penyiasatan-penyiasatan tersebut, pasukan ini telahpun mengemukakan perakuan-perakuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bersabit dengan langkah-langkah kawalan pencemaran yang patut dilaksanakan,

serta juga garis-garis panduan mengenai perancangan kawasan bagi industri dalam hubungannya dengan kawasan perumahan, dan juga tentang penempatan industri-industri yang sesuai di dalam sesuatu kawasan perindustrian.

Di samping itu juga, berbagai peraturan yang berkaitan dengan kawalan pencemaran akan dikuatkuasakan tidak lama lagi di seluruh negara termasuk negeri Sarawak. Ini termasuk standad-standad pembuangan bagi kelapa sawit, getah dan juga Peraturan-Peraturan bagi Udara Bersih yang akan dikuatkuasakan tahun ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR
TARIKH	:	15 JULAI 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semenjak tahun 1976 hingga sekarang banyak kedapatan kapal-kapal pembawa minyak telah menumpahkan minyak bawaan mereka itu ke dalam lautan kita dan semenjak kejadian tumpahan minyak ini berlaku:

(a) berapa banyak pampasan telah diterima oleh negara kita sekarang;

(b) bagaimana cara pula nelayan-nelayan yang di tepi-tepi pantai, akibat tumpahan minyak ini mata pencariannya terjejas dan bagaimana pampasan akan dibayar kepada mereka;

(c) berapa kejadian tumpahan minyak di lautan kita semenjak tahun 1976 sehingga sekarang; dan

(d) negara manakah yang telah berjanji akan membayar gantirugi akibat dari kejadian ini.

JAWAPAN

Bagi menjawab soalan pertama Ahli yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini bahawa sejak tahun 1976 Kerajaan Malaysia telah menerima bayaran gantirugi sebanyak $1,250,000/- daripada pihak insuran Syarikat Perkapalan Taiheiyo Kaiun Berhad dari Negeri Jepun berkaitan dengan peristiwa tumpahan minyak dari kapal "Showa Maru" pada 6hb. Januari, 1975. Jumlah ini meliputi kos yang dialami di dalam gerakan pembersihan.

Saya ingin memberi jaminan kepada sidang ini bahawa dengan penguat-kuasaan yang ketat pelbagai peraturan-peraturan kawalan ini, masalah pencemaran di negara kita akan dapat dikurang dengan banyaknya.

Sebagaimana yang Ahli Berhormat sedia maklum tuntutan gantirugi berikutan daripada kemalangan kapal "Showa Maru" adalah berupa suatu tuntutan "multi-national" yang melibatkan tiga buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Oleh itu penyelesaiannya tentulah memakan masa kerana banyak masalah "detail" dan komplek yang terlibat dan patut diteliti.

Sebuah syarikat peguambela dan peguamcara, Drew and Napier telah dilantik oleh tuan punya kapal Taiheiyo Kaiun Co. Ltd. untuk mewakili mereka di dalam rundingan-rundingan dengan pihak kami. Beberapa perbincangan telah diadakan yang paling akhirnya pada 24hb. November 1975. Perkara ini sekarang sedang dikaji oleh syarikat tersebut sebelum sesuatu keputusan lanjut dapat dibuat.

SOALAN TAMBAHAN

Kapal pengangkut minyak Jepun, "Showa Maru" telah terkandas dekat dengan Pulau Sabarok, lima batu ke Selatan Singapura pada 6hb. Januari 1975 dan telah melibatkan tumpahan minyak sebanyak 4,000 tan yang telah juga merebak ke Tanjung Piai di Selatan Pantai Johor.

Di dalam usaha untuk mencegah pengaliran minyak itu daripada merebak dan menyebabkan kerosakan-kerosakan yang lebih banyak, pihak Kerajaan segera mengaturkan gerakan-gerakan pembersihan pada keesokan harinya (7hb. Januari, 1975). Gerakan ini hanyalah dijalankan pada 23hb. Januari, 1975.

Berdasarkan kepada kerugian-kerugian yang telah dialami berikutan daripada kejadian tersebut, Kerajaan telah mengemukakan tuntutan kos operasi (yang berjumlah lebih daripada $1 juta). Di samping itu, Kerajaan juga membuat tuntutan kerosakan ke atas perikanan di dalam jangkamasa yang "immediate". Ianya tidak meliputi kesan-kesan ekologi ke atas persekitaran perairan di mana bergantungnya kehidupan-kehidupan perairan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN FARN SEONG THAN
TARIKH	:	19 JULAI 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah pencemaran di negara ini di mana 560,000 tan pencemar-pencemar telah dilaporkan sebagai telah dikeluarkan di udara dalam tahun 1975, dan sama ada terdapat sebarang tambahan dalam beratnya pencemar-pencemar yang dikeluarkan itu di udara semenjak tahun 1975.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas minatnya terhadap masalah pencemaran udara di negara ini. Angka yang dipetik oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tepat, dan berpunca daripada suatu kajian pencemaran udara yang dijalankan baru-baru ini oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya.

Sebagaimana yang Dewan ini sedia maklum, kebanyakan daripada masalah pencemaran udara berpunca daripada kenderaan-kenderaan bermotor dan proses-proses perusahaan. Angka yang disebutkan tadi, iaitu 560,000 tan setahun meliputi pelepasan daripada semua punca-punca utama daripada kenderaan dan perindustrian. Oleh itu, masalah pencemaran udara di setengah tempat di negara ini boleh dikatakan serius. Malangnya, kawasan-kawasan tersebut termasuk kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang padat seperti bandar-bandar besar dan kawasan-kawasan perindustrian.

Contoh-contoh pelepasan daripada cerobong-cerobong kilang tersebut telah diambil dan dianalisakan. Keputusan analisa tersebut menunjukkan bahawa paras pelepasan gas lebihan seperti sulfur dioksida (sulphur dioxide) dan hidrogen klorid (hydrogen chloride) daripada cerobong kilang itu adalah didapati pada peringkat yang rendah.

Suatu penyiasatan lagi telah dijalankan oleh Bahagian Alam Sekitar ke atas kualiti udara "ambient" dan pelepasan cecair. Penyiasatan itu mengesahkan bahawa "concentration" bahan-bahan pencemaran yang disebabkan oleh kilang tersebut adalah pada paras yang rendah, dan masalah-masalah yang timbul adalah daripada bau-bau busuk dan tidak menyenangkan itu tidak akan berbangkit, kecuali di dalam keadaan-keadaan yang buruk seperti pertukaran udara rendah ataupun kekurangan tiupan angin untuk menghuraikan pencemar-pencemar itu. Asap-asap putih yang kelihatan dengan banyak itu mungkin telah menarik beberapa aduan, tetapi asap-asap ini telah disahkan mengandungi wap air yang tidak merbahaya.

Penyiasatan-penyiasatan kita juga menunjukkan bahawa terdapat penyeresapan (seepage) lebihan cecair daripada kolam buangan. Penyiasatan masih dijalankan dan kami akan menasihatkan kilang tersebut tentang langkah-langkah yang patut diambil tidak beberapa lama lagi.

Bagi menjawab bahagian kedua kepada soalah tersebut, saya ingin menyatakan di sini bahawa kilang itu ditubuhkan setelah permohonan diproses mengikut aturan-aturan kerja yang ada sebelum Bahagian Alam Sekitar ditubuhkan, dan ini selaras dengan amalan biasa yang terdapat pada masa itu.

Saya bersukacita untuk memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telahpun membentuk satu susunan kerja antara Jabatan-Jabatan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Kesihatan, Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Negeri dan beberapa lagi agensi-agensi yang berkaitan dalam mana semua perkara mengenai penubuhan-penubuhan industri-industri akan diselidiki dengan teliti dan kesan-kesannya ke atas alam sekitar akan dikaji ketika memproses permohonan-permohonan daripada kilang-kilang itu. Di dalam hubungan ini, Kementerian saya bertujuan untuk menggalakkan pembinaan teknologi yang "bersih" penggunaan cara-cara kawalan yang moden serta juga mengelakkan proses-proses yang boleh menimbulkan kesan-kesan alam sekitar yang ketara. Kilang yang dibicarakan ini telah mengadakan satu proses yang dinamakan "beneficated ilmenite process" yang mana proses ini diketahui lebih bersih daripada lain-lain proses di dalam usaha untuk memperolehi kembali "titanium" daripada tahi-tahi bijeh timah yang terdapat dengan banyaknya di negara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI DAING PASAUK
TARIKH	:	26 JULAI 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi kecemaran alam sekitar dan sungai di negeri Sarawak yang merbahaya kepada penduduk-penduduk di Sarawak.

JAWAPAN

Sepertimana Ahli Yang Berhormat maklum, negeri Sarawak mempunyai satu kawasan tanah yang luas, dalam mana sebahagian besar negeri itu masih diliputi dengan kawasan hutan. Masalah-masalah pencemaran yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat hanyalah terdapat di kawasan tertentu sahaja terutama di komplek-komplek perindustrian di bandar-bandar yang mana terdapat kesan-kesan pencemaran udara dan sungai. Pihak Kerajaan Negeri memandang berat ke atas masalah ini, serta mempunyai pandangan yang jauh terhadap masalah-masalah yang mungkin timbul hasil daripada proses-proses perindustrian masa depan. Pada awal tahun ini, pihak Kerajaan Negeri telah menjemput Kementerian saya untuk menghantar satu pasukan pakar-pakar ke Sarawak untuk mengkaji masalah-masalah di sana serta memperakukan cadangan-cadangan kawalan yang sesuai.

Berikutnya, satu pasukan pakar-pakar daripada Bahagian Alam Sekitar telahpun melawat kawasan perindustrian di Kuching dan di Miri dan membuat penyiasatan-penyiasatan segera mengenai masalah-masalah kecemaran berkaitan dengan industri-industri kayu-kayan, kilang simen dan juga masalah yang menyentuh pembuangan pelepasan tempatan dan perindustrian ke dalam sungai-sungai. Pakar-pakar tersebut juga mengkaji tentang penempatan berbagai-bagai projek perindustrian termasuk juga kesesuaian perancangan tapak letupan-letupan dari tempat-tempat "blast" telah menimbulkan gelombang-gelombang gempa yang boleh memburukkan lapisan batu kapur di kawasan tersebut yang seterusnya

menimbulkan bahaya-bahaya batu jatuh. Kerja-kerja memecah batu juga telah memburukkan masalah pencemaran debu sehingga sampai kepada paras yang tidak dapat diterima lagi.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedar kawasan Batu Caves adalah di dalam Negeri Selangor, dan kerjasama yang rapat serta penyertaan dari pihak Kerajaan Negeri adalah mustahak.

Selaras dengan ini, kajian-kajian yang telah dilakukan itu akan dikemukakan kepada satu jawatankuasa bersama mengandungi pegawai-pegawai dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang kemudiannya akan membuat perakuan-perakuan bagi menyelesaikan masalah ini.

Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa masalah ini senantiasa di dalam perhatian saya dan satu keputusan yang dapat diterima oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan dibuat sebaik saja Jawatankuasa bersama ini mengemukakan perakuan-perakuannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. WAN ZAINAB BT. M.A. BAKAR
TARIKH : 28 JULAI 1977

SOALAN

Y.B. Wan Zainab bt. M.A. Bakar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa air sungai yang dicemarkan oleh Ladang Getah Kuala Muda di Sungai Petani mengalir hingga ke Kampong Sungai Jerung dan Ladang Serabora, dan oleh kerana baunya busuk air ini tidak dapat digunakan oleh penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan itu, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

JAWAPAN

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa masalah pencemaran di dalam kes yang khusus ini adalah disebabkan oleh pembuangan pelepasan yang tidak dibersihkan daripada kilang getah bertempat di Kuala Muda. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar, masalah pencemaran daripada perusahaan getah mempunyai dua unsur utama. Ianya berkaitan dengan satu sektor perusahaan yang penting kepada ekonomi negara dan mesti diuruskan dengan penuh teliti. Keduanya, ia adalah satu masalah yang meluas dan memerlukan satu tindakan yang bukannya "ad-hoc", sebaliknya ia harus diatasi secara sistematik dan di peringkat kebangsaan.

Selaras dengan ini, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa pakar bagi mengkaji masalah ini dan merangka peraturan-peraturan kawalan yang sesuai.

Saya amat bersukacita untuk memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa peraturan-peraturan itu telahpun disiapkan dan akan diwartakan tidak lama lagi. Dengan pelaksanaan peraturan-peraturan ini, Ladang Getah Kuala Muda akan dikehendaki untuk memulihkan pelepasan daripada kilang itu mengikut standard-standard yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturan itu sebelum dibuang ke dalam sungai.

Berikutnya, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah melakukan kajian-kajian yang menyeluruh ke atas kawasan-kawasan ini dan juga mengadakan perundingan yang luas dengan industri-industri yang menyebabkan pencemaran udara. Perbincangan telah diadakan selama dua bulan dengan 17 kumpulan kerja yang berasingan.

Hasil daripada usaha-usaha ini, satu Peraturan bagi Udara Bersih yang komprehensif telah dirangkakan dan akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Di samping itu juga, Kementerian saya sedang bekerja rapat dengan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengurangkan bahan-bahan pencemaran udara yang banyak yang dikeluarkan oleh kenderaan-kenderaan bermotor terutama sekali teksi, bas, lori dan sebagainya. Peraturan-peraturan ini telah siap disediakan dan akan dikuatkuasakan sebaik saja meter-meter asap (smoke-meters) yang dipesan daripada luar negeri diterima. Saya telah dimaklumkan bahawa alat-alat ini telah-pun dipesan oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-Kemudahan Awam dan dijangka tiba dalam masa beberapa bulan lagi.

Adalah diharapkan setelah kedua Peraturan ini dikuatkuasakan (Peraturan bagi Udara Bersih dan Peraturan bagi Pelepasan-Pelepasan Ekzos) jumlah bahan-bahan pencemaran yang dilepaskan ke udara akan dapat dikurangkan dengan banyaknya.

Ahli Yang Berhormat juga ada menyebut bahawa jumlah bahan-bahan pencemaran yang dilepaskan ke udara akibat daripada pembakaran bahan api (fuel) telah dianggarkan 560,000 tan di dalam tahun 1975. Sejak tahun 1975, jumlah bahan api yang digunakan telah bertambah dengan kadar 10% tiap-tiap tahun dan adalah dijangkakan bahawa jumlah bahan-bahan pencemaran juga akan meningkat dengan kadar yang sama. Anggaran Bahagian Alam Sekitar yang terakhir mengenai bahan pencemaran yang dilepaskan ke udara di Malaysia ialah sebanyak 635,000 tan setahun, yang mana kebanyakkannya terdapat di kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai.

Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan bahawa Peraturan-Peraturan itu akan diwartakan tidak beberapa lama lagi dan akan dikuatkuasakan dengan ketatnya oleh Kerajaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SHAARI BIN JUSOH
TARIKH	:	24 OKTOBER 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian berkenaan sedar keadaan dalam kebanyakan bandar-bandar di Malaysia sekarang ini dalam mana banyak barang-barang di-biarkan busuk di tepi jalan raya hingga mengganggu lalulintas di jalan raya dan jika sedar, apakah tindakan Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi hal ini.

JAWAPAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Ahli di atas perhatian Ahli Yang Berhormat dan ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya sedar akan masalah yang meluas ini.

Masalah pembuangan sampah adalah tanggungjawab berbagai Kerajaan Tempatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun Kementerian saya sedar bahawa buat masa ini tidak ada cara yang teratur bagi lupusan buangan-buangan pepejal di negara ini. Oleh kerana itu, buangan tempatan dan di dalam keadaan yang tertentu buangan perindustrian tidak dibuang secara saintifik sehingga menjadi halangan dan gangguan kepada orang ramai. Kementerian saya sedar akan mustahaknya untuk mengadakan satu sistem pembuangan yang berkesan dan kami sedang meneliti perkara ini serta merancang untuk bekerja rapat dengan berbagai Kerajaan-Kerajaan Tempatan untuk merangka satu sistem lupusan buangan pepejal yang berkesan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DATUK HJ. SHAFIE BIN ABDULLAH
TARIKH : 9 NOVEMBER 1977

SOALAN

Y.B. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau sedar pembukaan hutan yang kurang cekap oleh pembalak-pembalak kayu telah menyebabkan kekotoran dan kecemaran serta kekurangan bekalan air minum di daerah Baling selama awal tahun 1977 hingga sekarang ini mendatangkan sungutan di kalangan rakyat.

JAWAPAN

Di dalam kes ini masalah pencemaran adalah disebabkan oleh pembuangan kelodakan daripada aktiviti-aktiviti pembukaan tanah baru bagi pembalakan. Pencemaran daripada proses kelodakan adalah meluas di negara ini. Ia berkait rapat dengan usaha-usaha pembukaan tanah baru, untuk berbandaran, kemajuan perumahan, pembinaan jalan raya, pertanian dan perlombongan.

Hanya satu cara saja yang dapat mengurangkan masalah pencemaran yang disebabkan oleh proses kelodakan, iaitu dengan melakukan langkah-langkah yang sesuai bagi perlindungan tanah pada peringkat pembukaan rancangan tanah itu. Sungguhpun ada beberapa undang-undang seperti Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perlindungan Tanah 1960, Undang-Undang Perhutanan 1934, Undang-Undang Perlombongan 1935, yang ditujukan bagi perlindungan dan penghakisan tanah serta juga menjelaskan langkah-langkah praktikal untuk mengatasi penghakisan tanah, tetapi ada didapati beberapa kekurangan di dalam setengah aspek-aspek praktikal telah tidak dikuatkuasakan dengan ketat dalam masa proses pembangunan.

Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bagi Mengkaji Masalah Kelodakan yang mengandungi pakar-pakar dari agensi-agensi Kerajaan, pusat-pusat penyelidikan, universiti-universiti dan badan-badan yang berkaitan untuk mengkaji undang-undang, peraturan-peraturan serta kod-kod amalan yang ada dan merangka garis-garis panduan bagi mengurangkan masalah penghakisan tanah.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedar perkara ini berkait dengan penggunaan tanah dan tanah adalah di bawah bidangkuasa Negeri di dalam mana, penyelesaiannya tentu sekali memerlukan kerjasama dan penyertaan Kerajaan-kerajaan Negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. HADADAK B. HJ. DAING PASAUK
TARIKH	:	17 NOVEMBER 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Hj. Hadadak bin Hj. Daing Pasauk minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan Kerajaan hendak ambil untuk mengatasi kecemaran alam sekitar dan sungai di negeri Sarawak memandangkan kecemaran udara yang merbahaya di kalangan penduduk-penduduk di Sarawak.

JAWAPAN

Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar akan masalah-masalah pencemaran di Sarawak. Kebanyakan masalah-masalah ini adalah berupakan masalah tempatan.

Pada bulan November tahun sudah, saya telah membawa bersama saya satu pasukan pakar-pakar alam sekitar dari Kementerian saya di Sarawak di mana mereka telah diberi peluang untuk menyaksi masalah-masalah ini sendiri. Hasil dari itu Kementerian saya telah mengemukakan kepada Kerajaan Negeri garis-garis panduan yang tertentu bagi mengadakan kawasan dan penempatan industri untuk mencegah masalah-masalah alam sekitar. Berkaitan dengan masalah-masalah alam sekitar yang ada, Kementerian saya sentiasa berhubung dengan Kerajaan Negeri untuk memberi nasihat tentang cara-cara kawalan pencemaran selaras dengan standard pelepasan dan pembuangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian saya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LEE LAM THYE
TARIKH : 17 NOVEMBER 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kejayaan yang dicapai dalam bidang alam sekitar sejak diluluskan Akta Kualiti Alam Sekitar dan bolehkah beliau memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa taraf am alam sekitar Malaysia telah bertambah baik mutunya semenjak Akta itu dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar, masalah-masalah pencemaran di negara ini adalah hasil kegiatan-kegiatan yang dijalankan berpuluh-puluh tahun tanpa sesuatu peraturan alam sekitar . Di sebaliknya Akta Kualiti Alam Sekeliling baru saja diluluskan dan pengisian jawatan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian baru juga selesai.

Masalah-masalah alam sekitar tidak boleh diatasi dengan sekelip mata. Kebanyakan masalah-masalah itu adalah komplek melibatkan proses teknologi, teknik-teknik pencegahan pencemaran, kos-kos peralatan serta juga dasar negara untuk mengindustri dan membangun dengan pesat. Kesemua fakta-fakta ini haruslah ditimbangkan di dalam merangka peraturan-peraturan dan langkah-langkah kawalan dalam sekitar. Di dalam hubungan ini, peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian saya adalah hasil daripada kajian-kajian yang panjang dan teliti ke atas kesan-kesan alam sekitar dan ekonomi mengenai langkah-langkah untuk mengawal pencemaran. Saya amat bersukacita untuk menyatakan bahawa di dalam masa yang singkat ini sejak kita mula bergerak, Kementerian saya telah menyiapkan empat Peraturan penting iaitu Peraturan-Peraturan bagi mengawal pembuangan pelepasan kelapa sawit, untuk mengawal pembuangan pelepasan getah, dan Peraturan untuk mengawal pelepasan perindustrian serta juga satu Peraturan bagi Udara Bersih. Keempat-empat peraturan akan dikuatkuasakan tidak lama lagi.

Industri-industri akan biasanya diberi satu jangkamasa perantaraan untuk mematuhi. Pihak industri haruslah menentukan teknologi yang sesuai dan juga memperolehi dan memasang peralatan tersebut serta juga mengujikannya. Sepertimana Sidang ini sedia maklum, ini semua tentu akan mengambil masa. Oleh kerana industri-industri yang berkenaan telahpun dirundingkan di setiap peringkat di dalam penyediaan peraturan-peraturan ini dan peraturan-peraturan yang utama telahpun siap, saya sukacita untuk menyatakan bahawa peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan dengan ketatnya.

Berkaitan dengan kualiti air, saya menjangka di dalam masa tahun pertama penguatkuasaan ketiga-tiga Peraturan ini akan terdapat satu kemajuan yang nyata di dalam kualiti sungai dan aliran-aliran kita oleh kerana kilang-kilang kelapa sawit, getah dan juga industri yang bukan agro-based akan dikehendaki mematuhi Peraturan-Peraturan ini. Di dalam bidang kualiti udara pula Peraturan-Peraturan bagi Udara Bersih akan dikuatkuasakan di dalam beberapa bulan ini. Pencemaran daripada punca-punca perindustrian akan dikurangkan dengan banyak sekali.

Akhir sekali, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa peraturan-peraturan ini akan tetap mengurangkan pencemaran daripada pembinaan-pembinaan industri yang baru oleh kerana kilang-kilang baru ini dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan ini dengan segera. Satu masalah timbul berkaitan dengan industri-industri yang telah lama dikerjakan. Masalah itu adalah dari segi teknik untuk mematuhinya dengan segera dan mereka ini akan diberi masa yang cukup untuk memperolehi, menguji dan membekal peralatan-peralatan kawalan pencemaran di dalam proses mereka yang ada itu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LEE LAM THYE
TARIKH	:	18 NOVEMBER 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini tidak ada pertubuhan pusat menjalankan penyiasatan pembuangan mengenai cara-cara hendak mengatasi berbagai-bagai aspek kekotoran air dan udara di Malaysia; dan

(b) sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Khas yang terdiri Ahli-Ahlinya dari pakar-pakar dari Jabatan Kerajaan, Badan-Badan Penyelidikan, Universiti-Universiti dan pihak swasta untuk menjalankan tugas mengenai aspek yang penting ini, dan jika tidak kenapa.

JAWAPAN

(a) Bagi menjawabnya, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar sepenuhnya bahawa buat masa ini tidak ada organisasi pusat yang menjalankan penyelidikan dan pembuangan untuk mengatasi pelbagai aspek pencemaran air dan udara di negara ini. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar, kita masih mengalami kekurangan pakar-pakar sains dan oleh itu kita harus memperuntukkan sumber-sumber penyelidikan yang kurang itu ke sektor awam untuk memperkembangkan penyelidikan yang prodaktif seperti MARDI, RRI dan sebagainya. Dengan ini, penyelidikan di dalam kawalan pencemaran paling baik diberikan kepada sektor swasta dan dalaman perkhidmatan-perkhidmatan pakar perunding di dalam bidang ini boleh diperolehi.

(b) Satu Pasukan Petugas telahpun ada mengandungi pakar-pakar dari Kementerian-Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Universiti-Universiti dan badan-badan penyelidikan. Ini adalah dijalankan di bawah Program

Perancangan Antara Jabatan yang diselenggarakan oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya. Ianya mempunyai tiga kumpulan kerja meliputi bidang pencemaran udara, pencemaran air dan perlindungan sumber-sumber alam sekitar. Tugas utama Kerajaan di sini adalah untuk mengkaji teknologi-teknologi yang ada dan kemungkinan penggunaannya, ekonomi penggunaan cara-cara yang lain dan bagi merangka langkah-langkah jangka panjang untuk melindung alam sekitar. Ini akan dilakukan melalui peraturan-peraturan yang mengawal pelepasan-pelepasan serta juga pembuangan effluen dan yang memberi satu asas dirancangkan bagi pembangunan ekonomi masa depan di dalam rangka kerja alam sekitar dan sumber-sumber yang berkekalan dan boleh diterima.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LEE LAM THYE
TARIKH	:	28 NOVEMBER 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa Lembah Kelang adalah kawasan yang paling kotor sekali dalam negeri ini, dan jika sedar, apakah langkah yang sedang diambil untuk membersihkan air, dan udara di lembah tersebut; dan

(b) apakah yang telah dibuat oleh Kementerian beliau untuk mengawal bakian dari tapak-tapak perumahan yang telah mengakibatkan banjir yang kerap berlaku di Lembah itu.

JAWAPAN

(a) Ya, saya sedar. Selaras dengan ini, Kementerian saya telah menjalankan kajian-kajian ke atas masalah pencemaran udara dan air di Lembah Kelang. Kebanyakan masalah-masalah ini adalah timbul hasil daripada kegiatan-kegiatan perindustrian masa dulu sebelum perancangan ataupun peraturan-peraturan alam sekitar diadakan.

Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah untuk mengawal masalah-masalah ini secara sistematik. Sebagai contohnya, empat peraturan-peraturan kawalan baru meliputi pencemaran air dan udara akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Peraturan bagi Udara Bersih akan mengurangkan pencemaran udara daripada badan-badan industri dengan banyaknya. Peraturan-peraturan bagi kelapa sawit, getah dan sisa perindustrian akan dapat mengurangkan pencemaran daripada punca-punca juga dengan jelas sekali.

(b) Seperti Ahli Yang Berhormat sedar, perumahan adalah di bawah bidang-

kuasa berbagai Kerajaan-Kerajaan Negeri. Kementerian saya sedar tentang masalah kelodakan tanah yang disebabkan oleh kegiatan-kegiatan pembangunan seperti pembangunan perumahan. Bahagian Alam Sekitar buat masa ini sedang menjalankan kajian-kajian untuk memperolehi cara-cara yang paling baik untuk mengawal masalah-masalah kelodakan tanah ini. Satu pasukan petugas sedang menyediakan satu laporan dan garis-garis panduan itu ke Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi penggunaan atau tindakan selanjutnya. Diharap garis-garis panduan ini akan dapat membantu di dalam mengurangkan kejadian kelodakan tanah dan banjir.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK
TARIKH	:	13 DISEMBER 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan masalah kecemaran perlu diatasi secara bersungguh-sungguh maka apakah langkah-langkah lebih berkesan yang telah disediakan bersabit dengan undang-undang mencegah kecemaran dan untuk menambah banyak lagi pegawai-pegawai petugas.

JAWAPAN

Sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini bahawa masalah-masalah pencemaran hendaklah diatasi secara teratur dan saintifik. Peraturan-Peraturan hendaklah dirangka dengan teliti supaya ianya berkesan dan tidak memberi beban yang berat kepada industri yang berkenaan. Saya amat sukacita untuk menyebut bahawa empat peraturan telahpun siap dan ianya akan memberi kesan yang jelas di dalam usaha bagi mengurangkan pencemaran udara dan air di dalam negara ini. Peraturan-peraturan ini ialah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, 1977 (Premis-Premis Yang Ditetapkan) (Kelapa Sawit Mentah) yang telah diwartakan baru-baru ini. Di samping itu juga Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Perlesenan) telah berkuatkuasa pada 1hb. Oktober, 1977. Peraturan-Peraturan Udara Bersih dan Peraturan bagi Effluen Perindustrian dan "Sewage" telah juga disiapkan untuk diwartakan dan dikuatkuasakan.

Bagi penguatkuasaan peraturan-peraturan ini, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah diluluskan untuk menambahkan kakitangannya bagi tahun akan datang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HASHIM BIN GHAZALI
TARIKH	:	15 DISEMBER 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar beberapa buah sungai dalam Daerah Larut dan Matang menjadi kotor menyebabkan ikan-ikan habis mati dan bau terlalu busuk serta terdapat ada penduduk-penduduk yang berhampiran sungai tersebut hilang mata pencarian sebagai nelayan yang sakit disebabkan minum air yang tersebut. Hal ini telahpun dikemukakan kepada beliau beberapa kali, tetapi tidak diambil sebarang tindakan; jika sedar, mengapakah beliau melambat-melambat tindakan yang diperlukan bagi mengatasi perkara ini.

JAWAPAN

Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai dari Kementerian saya telah dengan segera melakukan satu penyiasatan ke atas pencemaran Sungai Larut dan Matang pada 15hb. Jun 1977. Pencemaran tersebut telah dikesankan berpunca daripada pembuangan pelepasan oleh kilang getah dan kelapa sawit dan juga pelepasan dari kilang pengetinan makanan.

Kementerian saya telah mengambil satu pendekatan yang sistematik di dalam kawalan pencemaran. Ini adalah perlu untuk mengelakkan penutupan kilang-kilang dan boleh menghentikan kegiatan-kegiatan ekonomi. Pendekatan kita adalah untuk mengkaji masalah-masalah dan menyelesainya secara berperingkat mengikut asas ekonomi dan saintifik.

Keduanya, kita mestilah menyelesaikan masalah-masalah dari industri ke industri dan bukan berdasarkan firma-firma secara individu.

Selaras dengan ini, Kementerian saya telah menyiapkan Peraturan-Peraturan untuk mengawal pembuangan kelapa sawit, getah dan juga pelepasan dari industri-industri bukan "agro-based". Peraturan ini akan dikuatkuasakan tidak lama lagi. Dengan pelaksanaan Peraturan-Peraturan ini, kilang getah, kilang kelapa sawit dan kilang pengetinan makanan yang disebut di atas akan dikehendaki memulihkan pelepasan-pelepasan mereka untuk mematuhi standard-standard yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan dan seterusnya dapat mengatasi masalah pencemaran di Sungai Larut dan Matang dan lain-lain tempat di negara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN ABDUL RAHIM
TARIKH	:	15 DISEMBER 1977

SOALAN

Y.B. Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan pegawai-pegawai penguatkuasa di tiap-tiap negeri untuk mengatasi masalah kecemaran alam sekitar dan udara di negara kita.

JAWAPAN

Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa saya sedar tentang keperluan mengadakan pengkuatkusaan yang ketat pelbagai peraturan-peraturan yang dikemukakan oleh Kementerian saya. Berikutan dengan ini, kami telah mengambil langkah-langkah untuk menempatkan pegawai-pegawai alam sekitar di peringkat wilayah dan kemudiannya di peringkat negeri pula.

1978
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LEE LAM THYE
TARIKH	:	21 MAC 1978

SOALAN

Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perhubungan menyatakan kedudukan terbaharu dalam rundingan di antara Malaysia dan Britain mengenai kapalterbang Concorde dan apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, pada bulan Oktober, 1977 pihak Kerajaan British telah membuat satu permohonan untuk mengadakan penerbangan Concorde secara berjadual dari London ke Singapura melalui ruang angkasa udara Malaysia di Selat Melaka dengan kelajuan Supersonic. Kerajaan Malaysia setelah mengkaji permohonan ini dengan teliti tidak memberi kebenaran berasaskan kepada sebab-sebab kecemaran alam sekitar. Selepas itu pihak Kerajaan British telah membuat beberapa rayuan dan Pegawai-pegawai Malaysia dan British telahpun berunding sebanyak 5 kali. Malaysia telah meminta supaya pihak British memberi maklumat-maklumat dan butir-butir berkenaan dengan penerbangan yang dicadangkan itu termasuk perkara-perkara berhubung dengan kesan-kesan terhadap alam sekitar dan ekologi.

Dalam perundingan itu pihak Malaysia telah juga mengemukakan beberapa soalan untuk dijawab oleh pihak British dalam masalah kecemaran alam sekitar. Di samping itu juga, pakar-pakar alam sekitar sedang mengumpul maklumat-maklumat berkenaan dengan kecemaran udara berhubung dengan penerbangan Concorde dalam negara-negara lain. Segala butir-butir dan maklumat-maklumat yang diterima daripada pihak British itu pada masa ini adalah di dalam peringkat kajian.

Buat masa sekarang pihak Malaysia belum lagi berpuas hati dengan sepenuhnya sama ada penerbangan yang dicadangkan itu akan memberi kesan buruk atau tidak kepada alam sekitar. Sehingga pihak Malaysia berpuas hati sepenuhnya bahawa penerbangan Concorde tidak akan mengakibatkan kecemaran udara di Malaysia maka permohonan tersebut tidak akan dibenarkan.

SOALAN TAMBAHAN

Yang DiPertua, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada benar bahawa salah satu sebab utama yang menyebabkan kegagalan rundingan di antara British dan Malaysia mengenai "issue" Concorde ialah keengganan Kerajaan British untuk memberikan hak-hak daratan kepada MAS DC-10. Jika benar, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah permintaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan apakah jawapan yang telah diberikan oleh Kerajaan British mengenai "issue" ini?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, sungguhpun Malaysia tidak berpuas hati atas rundingan yang diadakan dengan British, ini tidak adalah soal atas Concorde, jadi soal yang kedua tidak berbangkit.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang DiPertua, tadi Yang Berhormat Menteri memberi penerangan atas masalah-masalah dalam perundingan Concorde, iaitu masalah kecemaran alam sekitar. Dengan ini saya suka minta Yang Berhormat Menteri menyatakan adakah cadangan pihak Kerajaan Malaysia untuk membeli Concorde pada masa depan untuk menghadapi cabaran baru dari dunia luar.

JAWAPAN

Soal ini tidak payah dijawab. Concorde orang lain tidak boleh terbang, Concorde kita boleh pula! *(Ketawa).*

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang DiPertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa 5 perundingan telahpun dijalankan di antara Kerajaan Malaysia dan Britain. Saya suka hendak bertanya sama ada perundingan ini akan diteruskan lagi dari masa ke masa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, jikalau pihak British beri kepada kita maklumat-maklumat yang kita minta, kita meneruskan rundingan.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Mohamad Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang DiPertua, sungguhpun dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi telah menyatakan bahawa masalah timbul dengan soal Concorde ini semata-mata berkait dengan soal kecemaran alam tetapi ada perasaan yang sangat tebal di sisi umat negeri ini dan juga daripada "public opinion" dunia yang merasa sikap Kerajaan British terhadap Malaysia di lapangan penerbangan, khasnya tentang memberi kemudahan untuk kapalterbang MAS mendarat di Britain patut juga dikaitkan dengan sebarang rundingan dan tidak mengikat semata-mata kepada soal kecemaran alam. Ini saya bangkitkan untuk Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan secara jujur iaitu walaupun pada pihak kita sendiri pada saat ini memegang soal Concorde ini semata-mata dari segi kecemaran alam tetapi ini juga satu masa menggunakan peluang untuk saling menukar pendapat dan perasaan antara kita dengan pihak British supaya dapat juga membangkitkan semula soal hak-hak yang kita anggap sesuai supaya kalau setakat kecemaran alam itu bagaimana kita buat sekalipun tidak dapat dihapuskan sama sekali di mana lapangan pun, sama ada dalam negeri, luar negeri, mahu tidak mahu kadang-kadang dengan berikhtiar terpaksa kita terima "threshold" setakat yang dapat ditahan kecemaran ini.....

JAWAPAN

Soalan tambahannya apa Yang Berhormat? Panjang sangat ini.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Sengaja saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan dan mengambil peluang ini mengumumkan perasaan umat kita dan juga "public opinion" dunia tentang sikap tidak adil yang patut juga dibetulkan sebelum kita selesaikan soal Concorde ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua, macam mana saya kata tadi sebagai jawapan atas soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi memang kita tidak puas hati atas sikap British dalam "air agreement". Tetapi sungguhpun begitu, yang pertama ialah kita mesti menjaga alam sekitar (environment) dan itu tidak boleh "compromise". Saya ada dapat butir-butir daripada beberapa buah negara mengatakan umpamanya: "US expert calls Concorde culprit in mystery

booms." Saya dapat macam-macam berita. Sungguhpun saya sedar perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi kita mesti ingat alam sekitar dan lain-lain perkara apabila kita berunding dengan pihak British.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang DiPertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa rundingan akan diteruskan kembali sekiranya Kerajaan British memberi maklumat. Apakah maklumat yang diperlukan untuk meneruskan perundingan itu?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, perundingan ini adalah atas sebab pihak British mengatakan ini tidak ada kena mengena dengan alam sekitar. Inilah yang kita hendak puas hati samada betul atau tidak dan sebab itulah kita meminta dan berunding dengan negara-negara lain di mana pihak British ada menjalankan penerbangan Concorde ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD
TARIKH : 3 APRIL 1978

SOALAN

Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil kajian yang tercapai atas kecemaran Sungai Kinta dan ikhtiar yang boleh menjamin sungai tersebut dapat dipulihkan seperti asalnya. Adakah benar sungai tersebut dicemarkan oleh lombong ataupun dengan sebab lain. Jika kecemaran disebabkan lombong, apakah tindakan yang dibuat terhadap lombong tersebut.

JAWAPAN

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa seluruh lembah Sungai Kinta telah pun dikaji. Kajian-kajian luar telah dijalankan pada bulan Januari, 1978 bertujuan:

(i) untuk mengesahkan semua punca-punca pencemaran yang ada;
(ii) untuk memeriksa kualiti air Sungai Kinta serta anak-anak sungainya yang utama termasuk Sungai Tumbok, Sungai Terus, Sungai Johan, Sungai Gopeng, Sungai Ria dan Sungai Pinji;
(iii) untuk menyiasat kampung-kampung yang terjejas;
(iv) untuk mengkaji kegunaan-kegunaan berfaedah sungai-sungai itu di dalam kontek penduduk tempatan yang bergantung kepada sumber air bagi tujuan perikanan, membasuh atau pun juga untuk minuman.

Hasil-hasil kajian yang awal menunjukkan bahawa pencemaran sistem Sungai Kinta adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti kegiatan-kegiatan perlombongan, kerja-kerja pembinaan dan perumahan dan juga pembukaan tanah untuk tujuan pertanian. Keadaan sistem sungai itu menjadi kian merosot di kawasan-kawasan bawahan aliran sungai itu apabila banyak lagi anak-anak sungai yang dicemari dengan teruk oleh aliran kelodak-kelodak tanah yang mengalir ke dalam Sungai Kinta.

Kawasan bawah Sungai Kinta telah mengalami masaalah kelodakan yang buruk sehingga air-air sungai itu telah melimpah ke tebing-tebingnya. Sembilan buah perkampungan yang mempunyai sejumlah 2,000 penduduk telah terlibat oleh ancaman ini.

Buat masa ini, Kementerian saya sedang mengulangkaji standard-standard untuk menjaga kualiti-kualiti air seperti dikehendaki bagi memenuhi berbagai kegunaan-kegunaan berfaedah sungai-sungai itu. Satu Jawatankuasa Antara Jabatan telahpun ditubuh untuk merangka garis-garis panduan yang sesuai bagi mencegah kelodakan sungai-sungai oleh berbagai aktiviti-aktiviti. Dengan adanya garis-garis panduan yang baru ini adalah dijangkakan bahawa perubahan-perubahannya yang besar akan berlaku ke atas kualiti sungai.

Sementara itu juga, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya sedang sentiasa mengawas Sungai Perak termasuk anak sungai yang utamanya iaitu Sungai Kinta sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi menilai hasil perlaksanaan berhubung dengan berbagai peraturan-peraturan kawalan pencemaran air.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATUK HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDULLAH
TARIKH	:	3 APRIL 1978

SOALAN

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah bertanya kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah diatur, disusun dan dijalankan untuk memesatkan pembinaan PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUN ISMAIL (PUSPATI) dan sehingga hari ini berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan ke arah pembinaan PUSPATI.

JAWAPAN

Langkah-langkah yang telah diatur, disusun dan dijalankan untuk memesatkan pembinaan projek PUSPATI adalah seperti berikut:

(i) Satu kumpulan Pengurusan Projek telah ditubuhkan untuk merancang, mereka-bentuk dan mengawasi pembinaan projek PUSPATI. Kumpulan ini diketuai oleh Pengarah PUSPATI dan ahli-ahlinya terdiri daripada seorang akitek dan tiga orang jurutera mekanikal, elektrikal dan struktur daripada Jabatan Kerjaraya dan seorang jurutera mekanikal daripada Lembaga Letrik Negara.

(ii) Bantuan pakar-pakar dari Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau IAEA telah didapati untuk membantu PUSPATI dalam bidang-bidang penentuan tapak, rekabentuk bangunan, fizika kesihatan dan keselamatan, pengurusan sisa dan penyediaan lapuran analisa keselamatan (Safety Analysis Report).

(iii) Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan di peringkat Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri telah dirundingi dan diminta memberi kerjasama dan sokongan mereka bagi menjayakan pembinaan projek ini.

(iv) Kerja-kerja pembinaan bangunan dan pembelian alat-alat kelengkapan yang

khusus akan ditender mengikut peraturan-peraturan khas bagi menjamin kualiti yang tinggi dan penyiapan kerja serta pembekalan alat-alat kelengkapan mengikut jadual.

(v) Rancangan latihan kakitangan PUSPATI di semua peringkat sedang giat dilaksanakan. Adalah dijangka bahawa apabila PUSPATI mulai beroperasi dalam tahun 1980 masaalah mendapatkan kakitangan yang terlatih tidak akan timbul.

Jumlah perbelanjaan termasuk tanggungan bagi projek PUSPATI setakat ini ialah sebanyak RM5,076,522.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HASHIM BIN GHAZALI
TARIKH	:	6 APRIL 1978

SOALAN

Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar masih terdapat kecemaran air sungai kerana pembuangan air lombong yang kotor dan pembuangan daripada kilang-kilang kelapa sawit yang menyebabkan banyak tanaman di kiri kanan sungai telah binasa, ikan-ikan dan udang-udang galah mati dan berbagai-bagai lagi yang merugikan rakyat, jika sedar mengapakah keadaan seperti itu masih menjadi-jadi hingga masa ini dan apa-apakah langkah beliau bagi mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, di bawah Program Kawalan Pencemaran Air Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, berbagai peraturan-peraturan telah baru-baru ini dirangkakan bagi mengawal setiap bentuk pencemaran, sama ada daripada proses kelodakan atau yang berbentuk fizikal sehinggalah kepada pencemaran yang berbentuk kimia. Peraturan-peraturan ini adalah seperti berikut:

(i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.

(ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah).

(iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Perindustrian Effluen).

Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan untuk mengawal semua lepasan-lepasan yang utama daripada kilang-kilang dan lombong-lombong yang telah mengakibatkan masalah-masalah pencemaran sungai seperti mana yang dise-

butkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa ini adalah peraturan-peraturan yang baru, dan akan dikuatkuasakan tidak lama lagi untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran yang telah meningkat sejak beberapa tahun yang lalu, hasil-hasil penguatkuasaannya tidaklah dijangkakan dapat dilihat dengan segera.

Di bawah peraturan-peraturan kawalan ini, kilang-kilang dan lombong-lombong akan diberi masa perantaraan bagi pengusaha-pengusaha berkenaan untuk membina sistem pengolahan dan untuk melaksanakan langkah-langkah kawalan yang lain bagi mematuhi dengan peraturan-peraturan ini. Sebagai contohnya, di bawah Peraturan-peraturan Kelapa Sawit yang telah diwartakan pada 3hb November, 1977, kilang-kilang kelapa sawit yang ada diberi tempoh sehingga 30hb Jun, 1978 untuk memasang loji-loji pengolahan mereka itu. Penguatkuasaan peraturan-peraturan ini akan dilakukan pada 1hb Julai, 1978 dan tindakan yang sewajarnya di bawah peraturan-peraturan ini akan dilakukan pada 1hb Julai, 1978 dan tindakan yang sewajarnya di bawah peraturan-peraturan ini akan diambil oleh Kementerian saya terhadap kilang-kilang yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR
TARIKH	:	6 APRIL 1978

SOALAN

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (di bawah S.O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar:

(a) berapa banyak sungai di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang telah dicemarkan oleh kilang-kilang yang membuang 'refuse'nya dan apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini kerana mengancam penduduk-penduduk di sekitar sungai itu; dan

(b) adakah Kerajaan sedar semenjak tertubuhnya Kementerian ini sungai, laut dan udara masih dicemarkan tetapi tidak ada langkah yang berkesan yang diambil terhadap aduan-aduan yang dibuat oleh rakyat terhadap kecemaran yang mengancam mata pencarian hidup mereka, yang dibuat hanya publisiti di surat-suratkhabar yang tidak menakutkan langsung kilang-kilang itu, oleh itu apakah tindakan Kerajaan terhadap kebimbangan rakyat di atas kecemaran yang berleluasa dewasa ini di negara kita.

JAWAPAN

(a) Lebih kurang sejumlah 42 batang sungai di Semenanjung Malaysia didapati tercemar ke peringkat yang jelas. Di Sabah dan Sarawak taksiran yang mendalam belum lagi dibuat dan akan dijalankan di dalam rancangan tahun 1979. Walaupun kilang-kilang tidaklah bertanggungjawab dengan sepenuhnya atas keseluruhan pencemaran, pembuangan-pembuangan dari kilang-kilang ini membawakan masalah kritikal kepada beberapa batang sungai yang telah tercemar disebabkan aktiviti-aktiviti seperti penggalian, merata tanah untuk jalan-jalan dan lebuh raya, bangunan-bangunan aktiviti-aktiviti pertanian dan urbanisasi. Beberapa langkah pengawalan pencemaran air telahpun disediakan dan sebahagian daripadanya sedang digubalkan untuk

mengatasi semua jenis pencemaran daripada; iaitu daripada kekotoran atau pencemaran fizikal hingga pencemaran kimia. Tiga set peraturan-peraturan kawalan pencemaran air akan disediakan sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam jawapan ke 4 tadi.

Satu kod amalan untuk mengelakkan kekotoran sedang digubalkan pada masa sekarang. Kod ini akan mengemaskinikan amalan masa dahulu dan semasa berhubung dengan pembangunan tanah termasuk infrastruktur, pembangunan pertanian dan perumahan dengan tujuan melindungi alam sekeliling. Adalah diharapkan semua pihak swasta dan awam akan mengamalkan kod ini untuk melengkapkan lagi langkah-langkah kawalan pencemaran air yang lain yang telah dijalankan oleh Kerajaan.

(b) Seperti Ahli Yang Berhormat sedar, masalah-masalah alam sekeliling di negara ini bukanlah baru oleh kerana ia telah dikumpulkan semasa beberapa tahun akibat aktiviti-aktiviti atas alam sekeliling sama ada jenis aktiviti-aktiviti urbanisasi perindustrian atau lain-lain kegunaan tanah. Memandangkan kepada jenis dan besarnya masalah ini, ianya tidak boleh diatasi dengan sertamerta. Sekiranya langkah-langkah kawalan hendak diambil, kesannya akan hanya dilihat dalam beberapa tahun. Masa hendaklah juga diberi kepada kilang-kilang yang sedia ada untuk mematuhi dengan peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan.

Sebagai sebuah agensi yang baru, tugas segera Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini adalah penentuan dan kualifikasi masalah-masalah ini supaya mendapat menyediakan langkah-langkah kawalan. Berbagai peraturan untuk mengawal pencemaran udara dan air seperti yang dinyatakan di atas telah disediakan dan dijangka dikuatkuasakan tidak lama lagi. Selain daripada peraturan-peraturan ini, Kementerian ini sedang menjalankan kerja atas langkah-langkah kawalan alam sekeliling seperti garis-garis panduan zon bagi penempatan industri-industri dan tafsiran kesan alam sekeliling yang bertujuan menyatukan pertimbangan-pertimbangan alam sekeliling pada peringkat-peringkat awal pembentukan dan pelaksanaan projek.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. CHEN MAN HIN
TARIKH : 7 APRIL 1978

SOALAN

Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan kemajuan perbincangan yang diadakan dengan pihak British Airways mengenai perkara kapalterbang Concorde berkait denga soal pencemaran alam sekitar serta juga perkara hak saksama untuk penerbangan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) ke London.

JAWAPAN

Maksud soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah terkandung di dalam soalan mulut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 21-3-1978 dan soalan tambahan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas pada 22-3-1978 yang mana jawapan-jawapannya telah diberikan di dalam Dewan yang mulia ini pada tarikh-tarikh tersebut. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu supaya merujuk kepada jawapan-jawapan tersebut. Buat masa ini saya tidak hendak menambahnya lagi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MUSTAPHA BIN ALI
TARIKH	:	7 APRIL 1978

SOALAN

Tuan Mustapha bin Ali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada Kementerian telah membuat keputusan muktamad untuk memindahkan pembinaan pusat reaktor atom dan nuklear dari tapak asalnya di Sungai Buloh ke suatu kawasan lain; dan

(b) apakah benar pihak Universiti Kebangsaan telah menawarkan satu kawasan yang sesuai untuk mendirikan pusat ini di kawasan Kampus Bangi. Jika ya, nyatakan sebab kenapa Kerajaan tidak menerima tawaran ini.

JAWAPAN

(a) Setakat ini Kerajaan belum membuat keputusan muktamad untuk memindahkan pusat reaktor atom atau PUSPATI dari tapak yang asal di Sungai Buloh ke suatu kawasan yang lain.

(b) Adalah benar bahawa pihak Universiti Kebangsaan Malaysia telah menawarkan satu kawasan di Kampus Bangi untuk penempatan projek PUSPATI. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan sedang mengkaji kesesuaian tapak ini serta tapak-tapak lain berdasarkan kepada ciri-ciri yang ditetapkan bagi penentuan tapak projek ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS
TARIKH	:	7 APRIL 1978

SOALAN

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kenapa projek Pusat Atom Tun Dr Ismail (PUSPATI) terbengkalai. Apakah bentuk perundingan akan diadakan untuk menjayakan projek ini dan dengan negara mana. Di manakah pula tapak pusat itu nanti. Apakah latihan yang telah diberi kepada pegawai-pegawai kita untuk mengendalikan pusat tersebut.

JAWAPAN

Projek PUSPATI telah terbengkalai kerana didapati bahawa tapak yang ada sekarang di Sungai Buloh tidak lagi sesuai oleh sebab adanya beberapa masalah teknikal.

Tiada perundingan tertentu dibuat dengan mana-mana negara untuk menjayakan projek PUSPATI kecuali dengan pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau IAEA.

Sehingga ini belum ada keputusan yang muktamad berkenaan dengan penempatan projek PUSPATI.

Latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai PUSPATI merupakan latihan akademik untuk mendapat ijazah-ijazah lanjutan dalam bidang sains dan teknologi nuklear dan latihan praktikal " on-the-job" di negara-negara yang mempunyai fasilitas reaktor untuk mendapatkan pengalaman.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD
TARIKH	:	20 NOVEMBER 1978

SOALAN

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak sungai-sungai menjadi punca air minum bagi ramai penduduk di negara ini terutama yang miskin di luar bandar dan banyak sungai-sungai tersebut yang dikotorkan oleh berbagai perkara, dan jika ya apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk menjamin bahawa sungai-sungai tersebut tidak dicemarkan airnya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, ya, saya sedar bahawa hanya dianggarkan 50% penduduk-penduduk luar bandar menikmati bekalan air paip, dan yang lainnya bergantung kepada punca-punca bekalan air yang tidak mencukupi seperti sungai-sungai, perigi-perigi dan terusan-terusan air. Adalah benar bahawa sungai-sungai, perigi-perigi dan parit-parit ini telah dicemari ke suatu tingkat yang tertentu oleh pembangunan tanah dan sumber-sumber asli negara serta juga disebabkan oleh pelepasan effluen-effluen perindustrian.

Kerajaan sedar akan masalah-masalah yang kian bertambah ini dan telah serta akan mengambil langkah-langkah yang patut untuk mengatasi dan mengurangkan berlakunya pencemaran.

Dalam hubungan ini, Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya, di atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling, telahpun menyiapkan beberapa peraturan bagi mengawal pencemaran. Peraturan-peraturan ini ialah:

(1) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang ditetapkan) (Minyak Kelapa sawit Mentah) 1977.

(2) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang ditetapkan) (Getah Asli Mentah).

(3) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian).

Peraturan-peraturan Kelapa Sawit yang telah diwartakan pada 1hb Julai, 1978 sudahpun di dalam penguatkuasaan. Peraturan-peraturan Kawalan Effluen Getah dan Peraturan-peraturan Kumbahan Effluen Perindustrian akan diwartakan sedikit masa lagi untuk dikuatkuasakan. Dengan pelaksanaan peraturan-peraturan ini semua kilang-kilang dan kilang-kilang kelapa sawit adalah dikehendaki mengolah effluen-effluen untuk mematuhi standard-standard yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan ini sebelum melepaskan effluen-effluen mereka ke dalam sungai-sungai atau alurair-alurair.

Satu susunan garis-garis panduan bagi mencegah kelodakan sedang juga disediakan. Garis-garis panduan ini akan mengemaskinikan amalan-amalan dahulu dan sekarang berkaitan dengan pembangunan tanah termasuk infrastruktur, pertanian dan pembangunan perumahan. Semua pihak-pihak awam dan swasta akan digalakkan mengikuti garis-garis panduan ini untuk diselaraskan dengan langkah-langkah kawalan pencemaran air yang lain.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Chan Teck Chan: Sungguhpun Kementerian yang berkenaan sudah ada mempunyai beberapa undang-undang yang berkenaan untuk mengawal pencemaran udara atau air dan lain-lain tetapi adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa disebabkan kekurangan "personnel" atau pegawai penguatkuasa yang berpengalaman dan berkeahlian di dalam bidang untuk mengesan dan mengatasi masalah pencemaran yang berpunca daripada kilang-kilang yang melepaskan kekotoran, umpamanya sungai dan parit telah dikotori, maka jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk masalah ini supaya segala aduan mengenai "pollution" ini boleh dikesan dan di atasi dengan segera dengan tidak mengambil masa setahun dua seperti mana yang berlaku di kawasan Tampin.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, saya sedar masalah-masalah ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan lebih banyak pegawai-pegawai untuk

Kementerian saya dan tidak lama lagi pegawai-pegawai ini akan keluar ke tempat-tempat yang tertentu untuk mengawal dan menguatkuasakan peraturan-peraturan ini.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini pada masa sekarang, berapakah bilangan sungai sudah dikotorkan (polluted), mana sungai yang ada yang tidak boleh digunakan atau ikan-ikan dan lain-lain hidupan tidak boleh hidup?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa untuk menjimatkan masa Dewan ini saya akan edarkan kepada Ahli Yang Berhormat nama-nama sungai yang tertentu supaya Ahli Yang Berhormat itu dapat makluman.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa sejak Akta Kawalan Kualiti Alam Sekitar ini dikuatkuasakan, maka ada berapakah kes, atau berapakah kilang-kilang atau orang perseorangan yang telah dihadapkan ke mahkamah kerana mereka melanggar undang-undang di bawah Akta berkenaan?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, oleh kerana peraturan-peraturan ini ada memberi tempoh yang tertentu untuk kilang-kilang mengambil langkah yang dikekalkan dalam peraturan-peraturan ini, pada masa ini belum lagi ada kilang-kilang yang telah dibawa ke mahkamah.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah sebabnya Kementerian beliau perlu dan terpaksa mengambil masa bertahun-tahun untuk membiarkan kilang-kilang bersiap sedia untuk mengu-

ruskan masalah "pollution" mereka, kerana kita dapati bahawa masalah pencemaran sama ada udara atau air adalah sangat serius, kalaulah Kerajaan tidak bertindak segera....

JAWAPAN

Soalan tambahannya apa?

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Chan Teck Chan: Apakah sebab Kementerian beliau mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk menguatkuasakan undang-undang yang sudah diluluskan oleh Dewan?

JAWAPAN

Itu sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi, iaitu diberi masa tempoh dalam undang-undang itu, tak boleh dia hendak ambil tindakan sebelum tempoh itu.

Tuan Yang DiPertua, perlu diingatkan Akta Kualiti Alam Sekitar baru sahaja diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 1974 dan tentulah masa hendak membuat aturan-aturan yang tertentu di bawah Akta ini serta satu tempoh patut dibuat kepada kilang-kilang yang ada untuk mengambil langkah-langkah yang perlu dalam peraturan-peraturan itu. Dasar ini dibuat kerana kita hendak menggalakkan perindustrian kepada kilang-kilang yang sedia ada untuk mengambil langkah-langkah yang tertentu itu.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang DiPertua, selain daripada kilang-kilang perusahaan yang mencemarkan udara dan air, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa lori-lori yang mengangkut tanah merah juga mencemarkan udara dan menyebabkan rumah-rumah kediaman di sepanjang jalan yang dilalui oleh lori itu menjadi kotor dan udaranya kotor juga. Jadi apakah tindakan Yang Berhormat Menteri terhadap lori-lori itu?

JAWAPAN

Soalan asalnya yang berpunca dengan sungai, jadi kalau pergi perkara lain, kapal-terbang jet dan lain-lain nanti panjang masalahnya terkeluar daripada soalan asal.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang DiPertua, selain daripada pencemaran daripada kilang-kilang dan sebagainya, kita juga mempunyai pencemaran dari manusia sendiri. Di kawasan saya pada tiga bulan yang sudah sewaktu wabak taun melanda kawasan saya, lebih kurang 150 orang penduduk telah terlibat dengan penyakit taun. Jadi apakah tindakan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini dengan kerjasama dari Kementerian Kesihatan bagi menggalakkan penduduk luar bandar mengadakan jamban curah untuk mengatasi masalah pencemaran air sungai yang disebabkan oleh manusia sendiri di mana di kawasan saya di sepanjang sungai yang telah diadakan satu kajian, iaitu sepanjang 10 batu maka didapati iaitu mulai daripada pukul 7.00 pagi hingga 11.00 pagi pencemaran ini adalah lebih kurang 5 pikul sehari. Jadi apakah tindakan ataupun kerjasama yang akan dijalankan oleh Kementerian ini bersama dengan Kementerian Kesihatan.

JAWAPAN

Ini pencemaran oleh manusia melalui sungai, termasuk juga dalam soal asal.

Tuan Yang DiPertua, Kerajaan memang mengambil berat tentang masalah ini dan satu kajian telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian saya akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan tentang perkara ini.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang DiPertua, saya hendak ucapkan terima kasih atas kesediaan Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan kepada saya untuk maklumat-maklumat mengenai kekotoran sungai, tetapi soalan tambahan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sehingga selepas Akta-akta diluluskan dalam Dewan ini dalam tahun 1974, masalah kekotoran atau "pollution" sungai-sungai di tanahair kita lebih teruk dan tidak terkawal dan kita

menghadapi satu masalah di mana tahun demi tahun lebih banyak sungai menjadi "polluted". Soalan saya ialah, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi angka sahaja untuk tahun 1974 dengan menyatakan berapa sungai menjadi "polluted" dan sekarang berapa sungai sudah "polluted" dan apakah tindakan yang telah diambil untuk membersihkan atau mengembalikan sungai yang "polluted" itu kepada keadaan yang bersih dan sihat?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, berkenaan dengan soalan tambahan pertama, butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam tangan saya. Jika perlu boleh dikaji, tetapi ini satu masalah yang timbul dari setahun ke setahun. Seperti saya katakan dalam jawapan saya yang asal, satu masa perlu diberi untuk mengatasi masalah ini.

Berkenaan dengan soalan tambahan yang kedua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pertambahan pencemaran itu, puncanya adalah daripada pembangunan yang pesat dalam negara kita ini dan satu perkara yang payah kita hendak mengatasi. Tetapi saya percaya dalam beberapa tahun lagi kita akan dapat kawal perkara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM
TARIKH	:	24 NOVEMBER 1978

SOALAN

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan positif yang dilaksanakan untuk menghindar kecemaran air sungai yang dahulunya dapat digunakan oleh penduduk-penduduk di tebingnya untuk membasuh dan minum.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, soalan seperti ini telahpun dijawab apabila saya menjawab soalan ke 18 yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pada 20-11-78 dan saya tidaklah ingin menambah apa-apa.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang DiPertua, soalan tambahan.

JAWAPAN

Tidak ada soalan tambahan, sebab soalan ini telah dijawab dan mengikut Peraturan Mesyuarat perkara yang sudah dibahas dan dibangkitkan dalam Dewan ini tidak boleh dibincangkan lagi melainkan Yang Berhormat Menteri ada menambah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS
TARIKH : 29 NOVEMBER 1978

SOALAN

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais *(di bawah S.O 24 (2))* minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar telah ada sebanyak 42 batang sungai telah tercemar sehingga menyebabkan kegelisahan penduduk yang tinggal di tepi sungai tersebut kerana tidak lagi mendapat bekalan air untuk minum dan mandi, dan yang paling bahaya lagi semua hidupan di dalam sungai tersebut telah mati. Jika sedar, apakah langkah beliau bagi mengatasi segera kecemaran yang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, ya saya sedar sebanyak 42 buah sungai telah mengalami pencemaran yang teruk dengan sebab-sebab utama oleh pelepasan dari kilang-kilang kelapa sawit dan getah. Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling telahpun mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk tujuan mengawal pencemaran. Langkah langkah yang dimaksudkan ialah dengan mengadakan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) tahun 1977.

(ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) tahun 1978.

(iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian).

Peraturan-peraturan bagi pelepasan-pelepasan Minyak Kelapa Sawit dikuatkuasakan mulai 1hb Julai, 1978. Peraturan-peraturan bagi pelepasan getah telah

dikemukakan untuk diwartakan. Peraturan-peraturan bagi Kumbahan dan Pelepasan perindustrian akan diwartakan tidak berapa lama lagi untuk dikuatkuasakan. Dengan perlaksanaan Peraturan-peraturan tersebut semua kilang-kilang kelapa sawit, getah dan perindustrian-perindustrian yang lain dimestikan untuk mengolah pelepasan-pelepasan supaya mematuhi standard-standard yang dikehendaki. Sebaik sahaja peraturan-peraturan kawalan dilaksanakan sepenuhnya adalah dijangka pencemaran-pencemaran akan dapat diatasi dan seterusnya dapat diperbaiki secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa.

Untuk mencapai tujuan ini Peraturan-peraturan tersebut perlulah dikuatkuasakan dengan tegas dan ini tentulah sekali memerlukan kakitangan-kakitangan yang mencukupi. Dalam hubungan ini 66 jawatan teknikal telah diluluskan bagi tahun 1978 dan 6 jawatan tambahan bagi tahun 1979. Setakat ini 40 jawatan telahpun dipenuhi. Dengan pengisian jawatan-jawatan tersebut Bahagian Alam Sekitar akan dapatlah menjalankan langkah-langkah penguatkuasaannya ke atas peraturan-peraturan yang baru berkuatkuasa ini dengan berkesan.

1979
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. TAN TIONG HONG
TARIKH : 20 MAC 1979

SOALAN

Dr. Tan Tiong Hong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerian menitikberatkan dan memberi perhatian kepada alam sekeliling kita dan usaha-usaha pada masa ini untuk memperbanyakkan berkaitan dengan sumber air yang menjadi masalah besar kepada rakyat dan apa tindakan tegas dan positif yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang melakukan penebasan hutan dan estet-estet untuk kawasan-kawasan perumahan dan perindustrian tanpa batasan dan perancangan hingga merosakkan tempat-tempat sedutan dan takungan air.

JAWAPAN

Seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat, kegiatan-kegiatan pembukaan tanah bagi pertanian, rancangan penempatan perindustrian dan rancangan perumahan mempunyai kesan-kesan yang membahayakan kepada sumber-sumber air melalui proses penghakisan dan kelodakan tanah yang disebabkan oleh pengaliran air. Keadaan ini telah diburukkan lagi oleh pembuangan effluen-effluen perindustrian dan perlombongan yang mencemar alam sekitar.

Kementerian saya sedar tentang perkara ini dan telah mengambil beberapa langkah di antara lainnya termasuk:

1) Mengadakan garis-garis panduan dan nasihat bagi mengelakkan kesan-kesan yang buruk ke atas kawasan tadahan air yang diakibatkan oleh pembukaan tanah dan penempatan industri-industri secara tidak teratur;

2) Pembentukan peraturan-peraturan kawalan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974; dan

3) Pelaksanaan satu Rancangan Pengawasan bagi Kualiti Air Kebangsaan.

Di samping itu juga, rancangan-rancangan sedang disiapkan oleh Kerajaan bagi mengadakan satu Kajian Sumber-Sumber Air Negara yang akan mengambil masa kira-kira 24 bulan bermula di dalam bulan Julai, 1979 di bawah bantuan dua pihak dengan Kerajaan Jepun.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat tentu setuju bahawa bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh pembukaan tanah dan penebasan hutan yang tidak sistematik memerlukan satu tindakan yang lebih luas meliputi pelbagai pihak dan bukannya semata-mata tugas Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun Negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN TING KEI WING
TARIKH : 23 MAC 1979

SOALAN

Tuan Ting Kei Wing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan

(a) sejauh manakah kekotoran bijih tembaga telah mendatangkan kesan kepada penduduk di Ranau di Sabah dan bilangan keluarga serta berapa ekar tanah yang terlibat;

(b) jumlah kerosakan yang berlaku serta ganti rugi yang dibayar kepada setiap keluarga; dan

(c) langkah-langkah berjaga-jaga yang diambil untuk menghindar kekotoran ini dari terus berlaku

JAWAPAN

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat dan perhatian beliau terhadap masalah-masalah alam sekitar bangkit dari kerja-kerja melombong di Lombong Tembaga Mamut dalam Negeri Sabah yang dijalankan oleh "Overseas Mineral Resource Development Sabah Berhad (OMRD)" dan jawapan saya adalah seperti berikut:-

(a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lombong Tembaga Mamut terletak di bahagian tenggara Gunung Kinabalu, lebih kurang 15 kilometer ke utara Ranau.

Di antara permintaan Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Tenaga Rakyat dan Alam Sekitar, Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya dengan kerjasama Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Sabah yang berkaitan telah menjalankan satu kajian awal pada bulan Mei, 1977 untuk menen-

tukan keluasan masalah-masalah pencemaran dan memperakukan langkah-langkah kawalan yang dapat dilaksanakan. Kesan pencemaran yang disebabkan terutamanya oleh pengaliran kelodakan tanah dari kawalan perlombongan dan pembuangan air lepasan dari lombong yang mengandungi bahan-bahan galian, telah melibatkan sebahagian dari dua batang sungai utama, Sungai Sugut/Sungai Labuk yang meliputi satu kawasan seluas lebih kurang 1,944 ekar. Jumlah keluarga yang terlibat ialah 455 yang mengandungi 2,056 orang kesemuanya.

(b) Kerosakan pada kawasan-kawasan yang berdekatan adalah melalui kemerosotan hasil padi serta kotoran pada bekalan air. Kemerosotan hasil padi pada tahun 1977 berjumlah lebih kurang 383,032 gantang beras yang berharga kira-kira $681,798. Kerosakan pada Sekim Perairan Loban yang disebabkan oleh kelodak tanah yang banyak telah dilaporkan mengakibatkan kes pemulihan berjumlah sehingga $59,145 bagi jangkamasa 1975 – 1977.

Pada bulan Mei, 1978, berdasarkan di atas satu formula yang ditetapkan bersama di antara Jabatan Pertanian Sabah dan Syarikat berkenaan bayaran pampasan telah dibuat oleh Syarikat itu berkaitan dengan kawasan yang terlibat seluas 1,233 ekar yang mana merupakan lebih kurang 63.4% dari kawasan yang terlibat. Sehingga kini, keadaan tersebut telah dikaji semula dan sebagai sebahagian dari penyelesaian keseluruhan kepada masalah tersebut, Kerajaan Negeri telah merasakan perlu untuk menempatkan semula serta memindah keluarga-keluarga dari kawasan-kawasan yang terlibat dengan teruk. Bagi tujuan yang tersebut di atas dan kos-kos berkaitan dengan peruntukkan bekalan air yang lain dan lain-lain kemudahan, satu persetujuan pampasan yang akhir telah dicapai.

(c) Bagi menjawab soalan ketiga pula, Syarikat tersebut telah mengadakan teknologi kawalan yang paling praktikal bagi mengawal pencemaran yang mana melibatkan kawalan pembuangan kelodakan dari punca serta pengolahan baja cair dari proses lombong dan menyimpan kelodak-kelodak dalam kolam-kolam besar. Langkah-langkah ini telah dikaji dari masa ke semasa oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya dan Kerajaan Negeri Sabah.

Kawalan pembuangan kelodak tanah menghendaki kawasan yang luas bagi pembinaan sekatan-sekatan kelodak tanah yang mana melibatkan pemindahan dan penempatan semula keluarga-keluarga di kawasan-kawasan ini dan ini akan diuruskan dengan wang gantirugi yang dibuat oleh Syarikat ini sepertimana yang dinyatakan oleh saya tadi.

SOALAN TAMBAHAN

Lombong Tembaga Mamut

Saya memang sedar tentang masalah berkaitan dengan kegiatan-kegiatan lombong tembaga di Mamut, Negeri Sabah.

Semenjak masalah alam sekitar timbul, tindakan telah diambil oleh pihak Kerajaan Sabah untuk membayar gantirugi kepada penduduk-penduduk yang terlibat dan menempatkan semula sebilangan penduduk-penduduk yang terancam oleh pencemaran. Bagi kawasan-kawasan di mana bekalan airnya tidak disempurnakan kemudahan bekalan air paip pun telah disediakan.

Langkah-langkah kawalan pencemaran telah diambil oleh pihak lombong untuk mengurangkan bahan-bahan pencemar daripada memasuki ke sungai-sungai. Pengawasan sungai-sungai yang terlibat telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian Tenaga Rakyat dan Pembangunan Alam Sekitar Negeri Sabah bersama dengan Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya.

Dari data-data kualiti air yang telah dikumpul, keadaan pada masa sekarang bertambah baik dan terkawal.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN UMAR B. HAJI ISMAIL
TARIKH	:	26 MAC 1979

SOALAN

Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan, adakah pihak Kementerian ini bercadang untuk membatalkan binatang-binatang seperti babi-hutan, kera, beruk dan tupai, daripada senarai binatang-binatang yang diperlindungkan, memandangkan binatang-binatang tersebut telah mendatangkan bencana dan kerugian besar kepada hasil tanaman petani-petani di luar bandar, jika ada bilakah akan dimulakan.

JAWAPAN

Pihak Kementerian tidak bercadang untuk membatalkan binatang-binatang liar seperti babi hutan, kera dan beruk daripada senarai binatang-binatang yang diperlindungi. Binatang-binatang liar yang tidak diperlindungi seperti tupai-tupai kampung atau tupai pinang yang merosakkan tanam-tanaman boleh dibunuh tanpa lesen atau permit. Binatang-binatang liar seperti babi hutan, kera dan beruk adalah diberi perlindungan tetapi permit atau lesen tidak perlu untuk membunuh hidupan liar jika ia merosakkan tanam-tanaman.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN TECK CHAN
TARIKH : 27 MAC 1979

SOALAN

Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan-tindakan tegas dan berkesan telah diambil oleh Kementeriannya untuk memperlindungi sungai-sungai dari dicemari, kerana menurut siasatan setakat ini sebanyak 42 buah sungai telah dicemari sangat seriusnya di Malaysia, 16 sungai sedang dicemari dan 7 sungai sedang menghadapi ancaman pencemaran, seperti berlakunya pencemaran baru-baru ini di Sungai Kuala Nerang (Kedah), Sungai Melaka (Melaka), Sungai Bekok (Johor), Sungai Rajang (Sarawak) dan lain-lain lagi.

JAWAPAN

Soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit pada 29hb. November 1978 dan jawapannya telah diberikan oleh Timbalan saya di dalam sidang itu.

Saya hanya ingin memaklumkan di sini bahawa sehingga kini semua peraturan-peraturan yang disebutkan dalam jawapan itu telah diwartakan dan yang terakhir sekali dikuatkuasakan adalah Peraturan Kawalan Bagi Effluen Perindustrian dan Kumbahan yang dikuatkuasakan pada 1hb. Januari 1979.

Untuk meningkatkan keupayaan penguatkuasa peraturan-peraturan beberapa pegawai teknikal tambahan telah diambil. Sehingga kini, 57 daripada 76 jawatan teknikal yang diluluskan telah diisi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN TING LING KIEW
TARIKH	:	14 JUN 1979

SOALAN

Tuan Ting Ling Kiew to ask the Minisiter of Science, Technology and Environment to state what plans are to ensure that air and sea pollution will not adversely affect the natural surroundings and fishes in Bintulu (Sarawak) with the implementations of the various multi-million dollars projects there.

JAWAPAN

As the Honourable Member is aware, sets of Regulations under the Environment Quality Act, 1974 to control pollution have been gazetted. All these Regulations are currently being enforced and are applicable to Sarawak as is to Sabah and Semenanjung Malaysia.

Under these Regulations, it is necessary in respect of each new project at the planning stage itself to submit proposed anti pollution measures to the Division of Environment for approval before implementation. This is to ensure that the measures taken are effective and conform to the standards stipulated in the Regulations. Unless and until such approval has been obtained, no person can carry out any work or construct on any land any building that is likely to cause pollution.

The Division of Environment is already in contact with the project proponents and the Bintulu Development Authority with a view to determining the likely environmental impact but it is yet too early to be in position to give details of plans.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. HEE TIEN LAI
TARIKH : 23 OKTOBER 1979

SOALAN

Dr. Hee Tien Lai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar bahawa melainkan langkah-langkah berkesan diambil bagi memberhentikan kecemaran selanjutnya kepada perairan kita, ianya akan akhirnya juga menjadi kawasan menangkap ikan yang miskin bagi nelayan-nelayan kita; jika ya, adakah beliau akan selanjutnya memasukkan peraturan mengenai pembuangan kekotoran dari kapal-kapal semasa melalui Selat Melaka di dalam Akta Kualiti Alam Sekitar bagi menentukan bahawa kapal-kapal asing dan tempatan menghormati perairan kita.

JAWAPAN

Sepertimana yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat, punca-punca pencemaran laut boleh dibahagikan kepada dua:-

(a) Punca-punca pencemaran daripada darat (land-based);

(b) Punca-punca daripada kegiatan-kegiatan perkapalan, perlombongan dasar laut, carigali dan pengeluaran minyak.

Pelepasan-pelepasan daripada 'land-based' telah dianggap sebagai masalah pencemaran yang serius memandangkan kepada kegiatan pembangunan yang pesat terutama di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Sementara itu pelepasan-pelepasan pencemaran berupa sisa-sisa daripada kumbahan, minyak, sampah sarap dan tumpahan minyak samada melalui kemalangan ataupun pelepasan yang disengajakan oleh kapal-kapal juga mendatangkan ancaman kepada kawasan perairan kita.

Saya memang sedar bahawa sekiranya langkah-langkah yang menyeluruh tidak diambil, masalah-masalah tersebut akan bertambah merosot. Walau bagaimana-

pun langkah-langkah yang segera telah diambil untuk mengawal pencemaran 'land-based' melalui berbagai peraturan yang sedang dikuatkuasakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Peraturan-peraturan ini adalah:-

(a) Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit) 1977;

(b) Peraturan Kualiti Alam Sekeliliing (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978;

(c) Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979.

Di dalam bidang kawalan pencemaran laut, Kerajaan telahpun mengadakan 'Rancangan Kontinjensi' untuk mengawal tumpahan dan pencemaran minyak dan usaha-usaha sedang giat dilakukan untuk membangunkan keupayaan kita di bawah rancangan tersebut. Berkaitan dengan ini Kerajaan juga sedang mengusahakan Skim Pemisahan Lalulintas untuk Selat Melaka yang di antara lainnya bertujuan untuk mengelak berlakunya kemalangan kapal-kapal di kawasan perairan kita. Dalam pada itu tindakan juga sedang diambil untuk mengadakan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling bagi mengawal pelepasan-pelepasan daripada kapal-kapal samada dalam bentuk minyak ataupun sampah sarap. Seksyen 27 di bawah Akta tersebut telah dengan tegas mencegah pelepasan dan tumpahan minyak di kawasan perairan Malaysia. Malahan, adalah menjadi harapan kita semoga kapal-kapal yang melintasi perairan kita menghormati hasrat Kerajaan di dalam melindungi kawasan perairan Malaysia. Dalam pada itu, penyelesaian kepada masaalah pencemaran di kawasan perairan antarabangsa sedang diusahakan melalui perundingan seperti di Persidangan Undang-Undang Laut Antrabangsa.

Satu program yang melibatkan kerjasama negara-negara Asean juga sedang dirangka bagi memajukan usaha-usaha mengawal dan mengkaji masalah pencemaran laut khususnya berhubung dengan pencemaran minyak. Ini akan dilakukan dengan kerjasama "United Nations Environment Programme" dan Kumpulan Pakar-Pakar ASEAN Mengenai Alam Sekitar yang telah ditubuhkan baru-baru ini.

1980
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN P. PATTO
TARIKH : 21 MAC 1980

SOALAN

Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa penggunaan ubat serangga "DIELDREX ENDREX" yang mengandungi bahan-bahan kimia yang dianggap sebagai yang paling baik untuk membunuh anai-anai di ladang-ladang getah dan lain-lain ladang boleh juga membunuh ikan-ikan sungai;

(b) sama ada benar bahawa ubat serangga ini tidak dijual di mana-mana negara dunia, kecuali di Malaysia, oleh kerana ia boleh membunuh ikan-ikan sungai;

(c) sama ada beliau sedar bahawa akibat penggunaan ubat serangga ini ikan-ikan dalam sungai telah mati dan rakyat yang miskin yang tinggal di tepi-tepi sungai dan bergantung kepada ikan sebagai makanan utama yang memberi zat protin kini tidak mendapat makanan yang mengandungi protin yang cukup; dan

(d) sama ada beliau sedar bahawa ladang-ladang getah boleh menggunakan ubat serangga jenis lain yang juga berkesan dan jika ya, sama ada Kerajaan akan mengharamkan penjualan racun serangga ini.

JAWAPAN

Mungkin Ahli Yang Berhormat maksudkan dua racun serangga yang berasingan iaitu yang dikenali dengan nama perdagangan "DIELDREX" nama am Dieldrin (HEOD) dan lain dengan nama perdagangan "ENDREX" dan nama am Endrin. Jika benar, saya difahamkan seperti berikut:-

(a) Manakala pengimportan dan kegunaan racun serangga Endrin diharamkan di negara ini bertahun-tahun dahulu iaitu sebelum Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (Akta 149) dikuatkuasakan mulai daripada 1hb. Disember,

1976. Racun serangga yang lain, iaitu Dieldren adalah digunakan dengan kuantiti yang terhad secara "spot application" khasnya kepada sistem akar tumbuhan. Adalah benar racun serangga ini boleh membunuh ikan-ikan sungai.

(b) Bagi menjawab soalan (b), mengenai penjualan di lain-lain negara walaupun makluman yang komprehensif tidak dapat dikesan dalam masa yang begitu singkat, setengah-setengah negara seperti Amerika Syarikat mengenakan larangan ke atas kedua-dua racun serangga ini dalam kategori bahan-bahan 'chloro-organo'.

Tidak sedar.

Memandangkan adanya racun-racun serangga alternatif yang berkesan tetapi tidak merbahaya kepada ikan-ikan dan hidupan air yang lain, perkara ini adalah dirujukkan untuk pertimbangan dan tindakan Lembaga Racun Makhluk Perosak di bawah Akta Racun Makhluk Perosak, 1974.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LEE KAW
TARIKH	:	27 MAC 1980

SOALAN

Tuan Lee Kaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar Batu Caves kini sedang retak akibat kerja-kerja kuari yang dijalankan oleh kuari-kuari, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kementeriannya sedang mengambil untuk menentukan Batu Caves itu tidak akan terjejas akibat aktiviti kerja-kerja kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat kuari berkenaan.

JAWAPAN

Ya, saya telah sedia maklum bahawa retak-retak telah dilaporkan berlaku di dalam Gua Gelap.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kuari-kuari tersebut dikendalikan melalui lesen pajakan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Oleh yang demikian, hanya Kerajaan Negeri sahaja yang dapat mengambil tindakan yang sewajarnya, umpamanya menarik balik pajakan-pajakan yang tersebut itu, sesudah ianya dikaji dengan teliti terutama dari segi sudut undang-undang.

Kementerian saya, melalui Bahagian Alam Sekitar, dari masa ke masa terus mengawas keadaan ini bersama-sama Jabatan Kajibumi dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, di samping badan-badan lain.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN TING CHEK MING
TARIKH	:	4 APRIL 1980

SOALAN

Tuan Ting Chek Ming: Apa tindakan telah diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengatasi kesusahan awam:

JAWAPAN

Masaalah ini timbul kerana kilang papan tersebut terlalu hampir dengan bandar Bruas dan dikelilingi oleh beberapa buah rumah, satu buah sekolah dan sebuah kuil.

Sebagai satu langkah jangka pendek untuk mengurangkan masaalah ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengarahkan kilang papan tersebut menghentikan pembakaran terbuka habuk-habuk papan dengan serta merta dan memperbaiki tempat pembakaran habuk papan dengan mendirikan satu alat yang baru.

Sebagai satu langkah jangka panjang, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah membuat cadangan kepada pihak berkuasa untuk menempatkan semula kilang papan tersebut jauh daripada kawasan perumahan. Bagi kilang yang sedia ada, di tempat yang berhampiran dengan kawasan perumahan, masalah seperti ini tentu tidak dapat dihapuskan dengan sepenuhnya, walau bagaimanapun semua peraturan-peraturan kawalan pencemaran dipatuhi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN V. GOVINDARAJ
TARIKH	:	4 APRIL 1980

SOALAN

Tuan V. Govindaraj minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar akan keadaan yang makin buruk di Batu Caves yang menjadi satu pusat ugama dan pelancongan akibat kerja menggali batu dan apakah langkah-langkah yang beliau bercadang mengambil untuk memberhentikan kemusnahan di sini.

JAWAPAN

Sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam masa Soal Jawab, pada 27hb. Mac 1980 ketika menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kluang, saya memang telah sedia maklum akan keadaan ini.

Oleh yang demikian, saya tidak akan menambah apa-apa lagi terhadap jawapan yang telah diberikan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. HISHAMUDDIN B. HJ. YAHYA
TARIKH : 10 JUN 1980

SOALAN

Tuan Hj. Hishamuddin b. Hj. Yahya minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sebab-sebabnya Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd., Maran Industrial Estate, Maran yang menduduki dan menggunakan premis berkenaan tanpa memegang sesuatu lesen di bawah Seksyen 18 (1), Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 dan juga menyebabkan kecemaran alam sekitar yang serius, (rujukan surat Kementerian AS. 31152/74 bertarikh 14hb. Mac, 1980) dan seterusnya diarahkan oleh Kementerian supaya menghentikan pendudukan dan penggunaan premis itu dengan serta-merta tetapi masih lagi berjalan seperti biasa dan tidak ada sebarang tindakan lanjut yang diambil oleh pihak Ketua Pengarah Alam Sekitar, menyebabkan penduduk sekitar bandar Maran menuduh adanya penyelewengan dari pihak pegawai Kementerian, dan jika ya, apa dan bilakah tindakan lanjut akan diambil mengenai perkara ini.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang diberikah oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Maran atas masaalah pencemaran. Memang benar, Syarikat Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. telah menduduki dan menggunakan premis berkenaan tanpa memegang sesuatu lesen di bawah Seksyen 18 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan ini menyebabkan kecemaran alam sekitar yang serius. Sebabnya ialah Syarikat Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. telah diluluskan tanah untuk mendirikan kilang kelapa sawit di Kawasan Perusahaan Maran oleh Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP) dengan dikenakan syarat supaya mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah Alam Sekeliling sebelum membina kilangnya. Syarikat tersebut telah membina kilang kelapa sawit itu dan menjalankan kilangnya tanpa mendapat lesen dari Ketua Pengarah Alam Sekeliling walaupun telah dinasihatkan untuk memperolehinya terlebih dahulu.

Kementerian saya telah mengambil tindakan mengikut undang-undang ke atas Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. di bawah menjalankan tugasnya

dengan cara pertama, menasihat syarikat tersebut supaya memohon mengikut undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling. Tindakan yang kedua ialah dengan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling memberi amaran seperti surat yang dirujukkan oleh Ahli Yang Berhormat. Akhirnya setelah pihak syarikat yang berkenaan gagal mengikut nasihat dan amaran itu, syarikat itu telah dihadapkan ke mahkamah di atas kesalahan mengikut Seksyen 18 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling. Mahkamah Sesyen Kuantan pada 6hb. Mei, 1980 telah membicarakan kes Syarikat Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd di atas pendakwaan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling dan mahkamah telah mendapati bahawa Syarikat itu telah bersalah dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak $1,000/- serta arahan supaya pihak Syarikat Sri Senggora Kilang Kelapa Sawit Sdn. Bhd. mendapatkan lesen dari Ketua Pengarah Alam Sekeliling.

Berikutnya pihak kilang telah diberi tempoh sehingga pertengahan bulan Jun oleh Kementerian saya untuk menyempurnakan dengan sepenuhnya keperluan-keperluan dalam permohonan lesen termasuk mengepilkan plan kejuruteraan yang lengkap bagi sistem-sistem kawalan pencemaran. Jika syarikat tersebut tidak memenuhi keperluan-keperluan permohonan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, Kementerian saya akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya seperti mendapatkan perintah Mahkamah menghentikan perjalanan atau operasi kilang kelapa sawit syarikat itu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN PETER PAUL DASON
TARIKH	:	25 NOVEMBER 1980

SOALAN

Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar tentang keadaan pencemaran yang serius di sungai-sungai dan sungai-sungai kecil di Pulau Pinang yang mengancam kesihatan rakyat, jika ya, sama ada beliau akan mengarah pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkenaan supaya membersihkan sungai-sungai dan sungai-sungai kecil; juga nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengesan keadaan sungai-sungai dan sungai-sungai kecil di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Saya memang sedar berlaku pencemaran sungai di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, keadaan adalah terkawal berikutan dengan penguatkuasaan beberapa peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kementerian ini juga mendapat kerjasama dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pentadbiran Negeri melalui penguasa-penguasa tempatan sedang mengawas pencemaran akibat dari cecair keluar daripada kilang-kilang perusahaan dan industri-industri lain dengan memastikan bahawa cecair keluar tersebut mematuhi standard-standard yang ditetapkan.

1981
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ
TARIKH : 20 MAC 1981

SOALAN

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah terdapat apa-apa penyakit yang menimpa rakyat yang disebabkan oleh udara yang tercemar dan air yang tercemar, jika ya, apakah jenis penyakit itu dan usaha untuk mengelakkannya.

JAWAPAN

Minat Ahli Yang Berhormat mengenai penyakit yang menimpa rakyat berpunca dari udara dan dan air yang tercemar adalah dialu-alukan.

Namun demikian, haruslah ditegaskan bahawa setakat ini tidak pernah berlaku apa jua penyakit yang merebak yang mana terdapat penentuan disebabkan oleh udara yang tercemar atau air yang tercemar. Mengikut aduan-aduan pencemaran alam yang telah diterima oleh Bahagian Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada beberapa kes aduan di mana penduduk-penduduk yang terlibat telah mengadu bahawa kesihatan mereka telah terganggu. Adalah ditegaskan bahawa penyakit-penyakit seperti yang diadukan tidak pernah disahkan sebagai akibat pencemaran air atau udara. Walau bagaimanapun, berdasarkan kuasa-kuasa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Bahagian Alam Sekitar telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap punca-punca pencemaran yang diadukan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat pelepasan yang dikenakan di bawah peraturan-peraturan kawalan alam sekitar.

Contoh-contoh penyakit yang pernah diadukan sebagai yang disebabkan oleh air atau udara yang tercemar ialah seperti berikut:-

Pencemaran Air:

Tahun	Penyakit	Punca Pencemaran	Tempat
1977	Gatal Mata	Kilang Racun Makhluk Perosak	Kuala Kedah, Kedah
	Gatal Kulit	Kilang Gula	Padang Terap, Kedah
1979	Penyakit Kulit	Kilang Kelapa	Sungai Seloi Sibuti, Sarawak
1980	Sakit Kepala	Kilang Racun Makhluk Perosak	Kuala Kedah, Kedah
	Gatal Kulit	Kilang Beras	Seberang Pumpung Alor Setar, Kedah
	Gatal Kulit	Kilang Getah	Sungai Tawar, Kedah
	Kudis/ cacing halus	Kilang Kelapa Sawit	Kg. Gloucestor Telok Anson, Perak
1981	Gatal Kulit	Kilang Batu Bata	Kg. Parit Pulai Batu Pahat, Johor.

Pencemaran Udara:

Tahun	Penyakit	Punca Pencemaran	Tempat
1980	Susah untuk bernafas	Kilang Baja	Kelang, Selangor
	Gatal Kulit	Kilang Minyak dan Beras	Penaga, Seberang Perai
	Penyakit Kulit	Setor Racun	Petaling Jaya, Selangor
	"Distress" Kanak-Kanak	Woksyop	Kuala Lumpur
	"Irritation of mucus membranes"	Kilang Kimia	Kuala Lumpur
	Bau yang mencekik, batuk & 'tension'	Kilang Kertas	Kuala Lumpur
	Gatal Kulit Sakit Mata	Kilang Padi	Kuala Kurau, Perak
	Susah untuk bernafas, badan menjadi kurus	Kilang Keluli	Kuala Lumpur
	'Black Carbon Soot' menyakitkan hidung, tidak dapat tidur kerana bau busuk	Kilang Keropok Pisang	Pulau Pinang

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ
TARIKH	:	23 MAC 1981

SOALAN

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian ini sedar ada banyak kawasan air tawar telah tercemar disebabkan oleh baja tanaman dan racun serangga serta racun rumput rampai, jika ya, apakah tindakan untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Ya, tidak begitu serius.

Terdapat dua cara bagaimana bahan racun mengalir ke dalam air tawar iaitu melarut-resap (leaching) dan dihanyut semasa hujan.

Cara yang berkesan yang telah dijalankan bagi mengatasi masaalah ini adalah:-

(1) Kawalan melalui perkhidmatan perkembangan kepada para petani mengenai amalan pertanian.

(2) Cara menggunakan (methods of application) racun, jenis, kuantiti dan masa yang sesuai bagi menggunakannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN FUNG KET WING
TARIKH : 26 MAC 1981

SOALAN

Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sebab-sebab banjir di Sabah yang menyebabkan 16 orang terbunuh; sama ada sebahagian sebab berlaku banjir tersebut adalah kerana kerja-kerja pembalakan yang pesat dan melalui serta pembukaan kawasan pertanian yang dijalankan tanpa mengambil kira ekologi kawasan tersebut; jika benar apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk membetulkan keadaan tersebut.

JAWAPAN

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bencana banjir adalah disebabkah oleh beberapa faktor alam yang di luar kawalan Kementerian saya. Punca utama kejadian banjir di Sabah baru-baru ini ialah kerana hujan lebat yang berlanjutan sehingga 29 hari berturut-turut. Sungguhpun demikian, saya tidak menafikan bahawa kegiatan-kegiatan pembalakan dan pembukaan kawasan pertanian yang dijalankan tanpa mengambil pertimbangan ke atas ekologi juga boleh menimbulkan keadaan bagi berlakunya banjir.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara tersebut yang berkaitan dengan penggunaan tanah adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Mengenai punca pencemaran dari kilang-kilang khasnya pengeluar baja dan racun terdapat 14 buah kilang dan masalahnya adalah terkawal di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979, P.U. (A) 12/79 yang berkuatkuasa mulai 1.1.79.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHD. BAKRI RAIS
TARIKH	:	26 MAC 1981

SOALAN

Tuan Mohd. Bakri Rais minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat baru-baru ini di Zoo Negara mengalami kekurangan peruntukan kewangan untuk menampung perbelanjaan sehari-hari. Satu dari punca besarnya ialah pencemaran alam di sekeliling kawasan. Adakah Kementerian beliau bercadang atau mengatur rancangan jangka panjang supaya dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh Zoo Negara sekarang ini. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Kementerian saya memang sedar yang Zoo Negara mengalami kemerosotan kedudukan kewangan sejak tiga tahun yang lepas untuk menampung perbelanjaan sehari-hari, tetapi kecemaran alam sekitar tidak boleh dikatakan punca besar kemerosotan itu. Namun demikian Kementerian saya telah mengambil tindakan-tindakan yang perlu seperti membuat penyiasatan terhadap masalah pencemaran alam di kawasan Zoo Negara serta membuat beberapa cadangan bagi mengatasi masalah itu, khasnya punca-punca air yang mengalir ke dalam tasik Zoo itu sama ada dari kawasan luar maupun dari kurungan-kurungan binatang hendaklah disalurkan ke sungai.

Hasil penyiasatan, Kementerian saya berpendapat yang masalah kewangan Zoo Negara itu adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:-

Kos penyelenggaraan telah melambung naik (cost escalation) sejajar dengan tekanan inflasi disebabkan dalam beberapa bidang khasnya:-

(a) Kenaikan harga makanan

(b) Kenaikan kos tenaga dan air

(c) Kenaikan perbelanjaan gaji dan penambahan kakitangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG HOONG KEAT
TARIKH : 10 APRIL 1981

SOALAN

Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar akan pertumpahan minyak di sepanjang pantai Pulau Aman yang mematikan ikan-ikan, mencemar pinggir pantai dan menyusahkan penghidupan nelayan-nelayan dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk membersihkan pertumpahan minyak.

JAWAPAN

Kementerian saya memang sedar di atas kejadian tumpahan minyak di perairan Pulau Aman yang berlaku pada 16hb. Januari, 1981. Aduan disampaikan secara lisan kepada Kementerian saya menerusi telefon daripada pihak MAJUIKAN Cawangan Negeri Pulau Pinang pada 20hb. Januari, 1981. Berikutan dengan itu, penyiasatan telah dijalankan di kawasan yang terlibat dan didapati bahawa tumpahan minyak sebenarnya berpunca dari kebocoran di salah satu saluran di Janakuasa Lembaga Letrik Negeri Prai. Hasil penyiasatan bukan sahaja dari perairan Pulau Aman tetapi juga di tempat-tempat lain menunjukkan bahawa kesan yang sebegitu buruk sebagaimana yang dilaporkan dengan meluasnya dalam akhbar tempatan khasnya pada 23hb dan 24hb. Januari, 1981 tidak dialami oleh sesiapapun.

Bagi kerja pembersihan tumpahan minyak, pihak MAJUIKAN tempatan telah mengambil tindakan serta merta mengendalikan kerja-kerja pembersihan dengan menceduk minyak sebanyak yang mungkin dari permukaan air dan sangkar ikan ("manual removal"). Di samping itu pihak LLN menghentikan operasi "Boiler Unit No. 3" dan mencegah tumpahan minyak berlaku.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHIENG TIONG KAI
TARIKH	:	9 JUN 1981

SOALAN

Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar akan kecemaran terhadap sungai-sungai yang utama di Sarawak. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN

Ya, saya memang sedar akan masaalah kecemaran sungai-sungai yang utama di Sarawak.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, meliputi seluruh Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Tindakan-tindakan telahpun diambil oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya untuk menguatkuasakan Peraturan-Peraturan tersebut. Peraturan-Peraturan bagi mengawal effluen kilang minyak kelapa sawit dikuatkuasakan mulai pada 1hb. Julai, 1978 manakala kilang getah telah dikuatkuasakan pada 1hb. April, 1979. Peraturan-Peraturan Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian pula telah mulai dikuatkuasakan pada 1hb. Januari 1979.

Dengan tertubuhnya pejabat Wilayah Bahagian Alam Sekitar di Kuching mulai 1hb. Januari, 1981, penguatkuasaan yang lebih berkesan akan dapat dilaksanakan disamping meningkatkan keupayaan pengawasan. Beberapa rancangan pengawasan telah ditetapkan untuk 7 limbangan sungai di Sarawak bagi melengkapkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Dengan adanya pejabat Wilayah di Sarawak akan meningkatkan lagi prestasi serta pengawasan Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya di Negeri Sarawak, untuk mengatasi masaalah pencemaran di sungai-sungai.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Perusahaan utama yang menyebabkan pencemaran sungai ialah dari kilang-kilang kelapa sawit, kilang getah, kilang kayu-kayan dan kilang-kilang sawit di Sarawak di mana 3 sudah di peringkat terkawal dan mendapat lesen dan satu adalah kilang baru yang lesennya sedang diproses oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Peraturan-Peraturan Kelapa Sawit, 1977.

Ketiga kilang getah yang jatuh di bawah Peraturan-Peraturan Getah Asli Mentah, 1978, telahpun mendapat lesen dan terkawal.

Bagi kilang-kilang kayu-kayan ianya tidak dibenarkan untuk membuang sampah sarap ke dalam sungai tetapi disebaliknya sampah-sampah itu dibakar sahaja.

Kilang membuat sago merupakan kilang kecil, jadi ianya tidak termasuk dalam Peraturan-Peraturan Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian, 1979.

2. Wilayah Sarawak (Sarawak) telah dibahagikan kepada 7 Limbangan Kualiti Air dan meliputi 42 batang sungai utama. Setakat ini 50 stesyen pengawasan kualiti air telah dipilih dan kerja-kerja pengawasan sedang dilaksanakan mulai bulan ini.

Kawasan-Kawasan Kualiti Air ialah:-

1. Sungai Kuching/Sungai Sadong
2. Sungai Sirabas/Sungai Lupar
3. Sungai Rajang
4. Sungai Batang Oya/Batang Mukah/Batang Balingian/Batang Tatan
5. Sungai Batang Kenena/Batang Suai/Sungai Niah
6. Sungai Baram
7. Sungai Limbang/Sungai Terusan

3. Pejabat Wilayah Sarawak ditubuhkan pada bulan Januari, 1981 dan sekarang mempunyai seorang Pegawai Kawalan, seorang Penolong Pegawai Kawalan Kanan dan seorang Penolong Pegawai Kawalan. Jumlah jawatan bagi Pejabat Wilayah Sarawak untuk tahun ini (1981) ialah 13. Berikut adalah jawatan-jawatan:-

Pegawai Kawalan	1
Penolong Pegawai Kawalan Kanan	1
Penolong Pegawai Kawalan	6
Juruteknik	3
Juruteknik Rendah	1
Attendan Makmal	1
JUMLAH	13

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN PETER PAUL DASON
TARIKH	:	15 JUN 1981

SOALAN

Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar pantai-pantai di sepanjang utara dan timur laut Pulau Pinang telah menjadi lebih tercemar dan ini tidak akan menggalakkan pelancongan dan jika ya, sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membaiki keadaan tersebut.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat mungkin bermaksud kepada pantai-pantai di kawasan Tanjung Bungah dan Batu Ferringhi di Pulau Pinang.

Kementerian saya memang sedar akan keadaan di situ dan sejak tahun 1979 Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telahpun menjalankan pengawasan kualiti air dan kajian-kajian pencemaran minyak di kawasan tersebut. Hasil dari kajian tersebut telah menunjukkan bahawa punca-punca kecemaran adalah daripada pelepasan kumbahan dan bahan-bahan partikal yang terampai akibat dari kegiatan-kegiatan pembangunan di sekitar kawasan berhampiran.

Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) telahpun dikuatkuasakan mulai 1hb. Januari, 1979 bagi mengawal pelepasan-pelepasan kumbahan dan effluen perindustrian. Peraturan-peraturan juga sedang dirangkakan bagi mengawal kecemaran laut daripada punca-punca laut seperti pelepasan dari kapal-kapal dan tangki-tangki minyak.

Berhubung dengan kecemaran akibat daripada kegiatan-kegiatan pembangunan, garis-garis panduan telahpun disediakan bagi mengawal hakisan dan kelodakan tanah, dan juga untuk menjalankan penilaian ke atas kesan-kesan alam sekeliling terhadap projek-projek pembangunan.

Garis-garis panduan tersebut akan dapat membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi-agensi Kerajaan untuk menggabungkan aspek-aspek kawalan alam sekeliling ke dalam perancangan pembangunan. Tambahan pula, Sekim Tambahan Pembentongan Georgetown (The Georgetown Sewerage Extension Scheme) yang meliputi Batu Ferringhi dan Bayan Baru adalah dijangka dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

Memandangkan kepada kemajuan-kemajuan seperti ini, adalah diharapkan keadaan akan bertambah baik dan bukannya bertambah buruk seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang berhormat.

Oleh yang demikian, soal mengenai kecemaran yang mengancam pelancongan tidak akan timbul.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN TECK CHAN
TARIKH : 16 JUN 1981

SOALAN

Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa hingga 31.5.1981, berapakah sungai telah dikesani dan dicemari di seluruh Malaysia dan nyatakan sebab musabab pencemaran tersebut dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk memperlindungi kepentingan hidupan dalam sungai ini serta kesihatan penggunaan air, dan berapakah orang telah dihadapkan ke mahkamah kerana didapati mencemari alam sekitar negara kita.

JAWAPAN

Sejumlah 21 batang sungai telah didapati tercemar.

Punca utama kecemaran sungai-sungai tersebut adalah dari pelepasan bahan-bahan buangan oleh industri-industri seperti effluen-effluen dari kilang kelapa sawit, kilang getah dan industri-industri perusahaan dan juga pelepasan kumbahan domestik dan buangan dari perusahaan ternakan.

Untuk mengatasi masalah kecemaran sungai-sungai ini, beberapa Peraturan telahpun dirangkakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan sedangpun dikuatkuasakan bagi mengawal pelepasan tersebut itu.

Setakat ini sebanyak 12 buah kilang kelapa sawit dan 5 buah kilang getah telahpun didakwa.

Kelodakan tanah merupakan satu lagi punca kecemaran sungai-sungai dan didapati lebih kurang 32 sungai telah terlibat mengandungi pepejal terampai yang melebihi tahap yang dibenarkan.

Kelodakan tanah timbul akibat dari kegiatan-kegiatan pembangunan tanah dan sumber-sumber semula jadi seperti perlombongan, pembukaan tanah baru bagi

kawasan pertanian yang sedia ada, pembalakan, pembangunan bandar dan infra-struktur keseluruhannya.

Masalah kelodakan tanah hanya dapat diatasi dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai terutama sekali pada peringkat awal perancangan sesuatu projek. Untuk mencapai tujuan ini, Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah menyediakan garis-garis panduan yang sesuai bagi mengawal dan mencegah hakisan dan kelodakan tanah untuk digunakan oleh Agensi-Agensi Kerajaan yang terlibat dan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SEOW HUN KHIM
TARIKH	:	28 OKTOBER 1981

SOALAN

Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar pencemaran udara di kawasan perusahaan Prai telah menjadi punca bahaya kepada kesihatan penduduk-penduduk di kawasan itu; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan akan diambil supaya kesihatan penduduk-penduduk di sana akan terjamin.

JAWAPAN

Tidak benar.

Kementerian saya mengadakan kajian pengawasan kualiti udara di seluruh negara khasnya di kawasan bandar-bandar besar dan kawasan lain yang mempunyai kawalan perindustrian termasuk Kawasan Perusahaan Prai. Adalah didapati yang paras debu dan sulfan dioksid tidak begitu tinggi yang boleh mengganggu kesihatan manusia. Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan agar menentukan yang kilang-kilang mematuhi keperluan-keperluan dan syarat-syarat di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978 – P.U. (A) 280/78.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah menubuhkan pejabat Bahagian Alam Sekitar Wilayah Utara di Butterworth mulai 15hb. Julai, 1981 yang bertujuan mengadakan pendekatan yang lebih berkesan bagi negeri-negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Pejabat ini beralamat di 8768-A, Jalan Bagan Luar, Butterworth, telefon no. 04-340441, dan Ahli Yang Berhormat serta pihak-pihak lain bolehlah menghubungi pejabat ini atas masalah-masalah pencemaran di kawasan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DATUK DR. HEE TIEN LAI
TARIKH : 13 NOVEMBER 1981

SOALAN

Datuk Dr. Hee Tien Lai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa Selat Melaka adalah yang paling kotor dan yang paling sibuk laluan laut di dunia; dan

(b) sekiranya syarat-syarat yang diedarkan oleh Bahagian Alam Sekitar untuk mengawal minyak dan keluaran-keluaran kotor dari kapal dan juga pembuangan sampah ke dalam laut akan dilaksanakan tidak lama lagi, dan jika ya, bila.

JAWAPAN

(a) Saya sedar. Kementerian saya memang mengambil perhatian berat di atas pencemaran perairan Selat Melaka sejak tahun 1975 lagi.

Langkah-langkah telah diambil bagi mengurangkan dan mengatasi pencemaran perairan serta meningkatkan keselamatan pelayaran di Selat Melaka.

Satu Rancangan Kontingensi Kebangsaan Selat Melaka telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 23hb. Jun, 1976 dan projek ini diperuntukkan pada asalnya sejumlah $23 juta yang kini telah meningkat kepada $35 juta di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi menampung perbelanjaan membeli alat-alat kelengkapan dan kapal-kapal. Projek ini sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang mana peringkat mendapatkan tambahan-tambahan telahpun dilaksanakan seperti berikut:-

(i) Kapal Kerja (Work Boat) 2 buah telah direka-bentuk dibina oleh Syarikat Perkapalan dalam negeri dan sekarang dua buah telah disiapkan dan digunakan iaitu:

a) Kapal Lang Siput

b) Kapal Lang Tiram

(ii) Alat-alat untuk pengawalan tumpahan minyak telahpun diperolehi.

(iii) Kapal Ronda dalam projek ini masih lagi dalam pembinaan.

(iv) Bot Tunda (Tug Boat):-

a) Lang Merah

b) Lang Sewah

Rancangan ini dilaksanakan oleh Kementerian saya bersama-sama dengan agensi-agensi lain terutamanya Jabatan Laut Semenanjung Malaysia.

Satu Tabung Pusingan (Revolving Fund) bagi mencegah tumpahan minyak di Selat Melaka sumbangan daripada Negeri Jepun sebanyak 400 juta (1 yen – 4 juta) telah diadakan. Tabung ini ialah untuk membiayai pada permulaannya kos pembersihan sekiranya berlaku tumpahan minyak di perairan Indonesia, Malaysia atau Singapura.

(b Memang benar Kementerian saya sedang giat menggubal peraturan-peraturan mencegah pelepasan minyak dan sampah sarap oleh kapal di Selat Melaka. Segala usaha ditumpukan supaya untuk menyegerakan proses ini dan mungkin dapat diwartakan dalam Warta Kerajaan untuk dikuatkuasakan menjelang akhir tahun 1982.

SOALAN-SOALAN TAMBAHAN PENCEMARAN SELAT MELAKA BAGI SIDANG DEWAN RAKYAT PADA 13HB. NOVEMBER 1981

Apakah sebab-sebab berlakunya pencemaran di Selat Melaka?

1 Sebab-sebab berlakunya pencemaran bolehlah dibahagikan kepada dua kumpulan:-

I) Kumpulan ini timbul dari punca-punca daratan akibat dari aktiviti-aktiviti pembangunan yang melibatkan pembuangan, kelodak, kumbahan dan effluen-effluen perindustrian dan airlarian dari daratan.

II) Kumpulan yang timbul dari pembuangan air 'ballast', air 'slops', kumbahan, sampah sarap dan lain bahan-bahan yang merbahaya daripada kapal-kapal dan kapal tangki minyak, tumpahan minyak akibat dari kemalangan kapal tangki minyak, punca-punca dari udara raya dan pengeluaran bahan-bahan mineral dari dasar lautan.

2. Apakah kemajuan yang telah dicapai berhubung dengan pelaksanaan Rancangan Kontingensi?

Dua daripada tiga buah pusat iaitu Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Johor telahpun mula menjalankan operasinya. Tiap-tiap pusat tersebut mempunyai sebuah Bot Kerja Besar yang dilengkapkan dengan 'booms' dan 'oil skimmers' yang dibantu oleh tongkang-tongkang dan bot-bot tunda. Sebuah bot peronda laju dan dua buah bot kerja kecil sedang dibina dan dijangka siap untuk digunakan dalam tahun 1982. Dengan adanya kesemua kapal-kapal dan alat-alatan tersebut, Malaysia akan dapat bersedia untuk menghadapi tumpahan minyak di Selat Melaka.

3. Sejauh manakah kerjasama antara Negara-Negara ASEAN telah dicapai berhubung dengan kawalan pencemaran laut?

Satu Kumpulan Pakar-Pakar ASEAN mengenai Alam Sekitar telah ditubuhkan sebagai forum bagi wakil-wakil Kerajaan dan pakar-pakar Kebangsaan dan negara-negara ahli membincangkan isu-isu alam sekeliling dengan terperincinya.

Kumpulan pakar-pakar ini mengadakan mesyuarat pada tiap-tiap tahun dan setakat ini empat mesyuarat telah diadakan. Satu Program Kecil Alam Sekitar Rantau ASEAN (AN ASEAN SUB-REGIONAL ENVIRONMENT PROGRAMME) telah dirangkakan dan dilaksanakan di mana perlindungan persekitaran laut telah diberi keutamaan. Satu Draf Rancangan Tindakan (Draft Action Plan) bagi perlindungan persekitaran laut dan kawasan-kawasan pantai di rantau ASEAN telah dirangka dengan bantuan UNEP dan diterima oleh negara-negara ahli ASEAN.

Lagi satu perkembangan yang penting adalah mengenai pelaksanaan Sekim Pemisahan Lalu Lintas di Selat Melaka dikuatkuasakan mulai Mei 1981 yang mana diselenggarakan oleh Malaysia, Indonesia dan Singapura. Di bawah Sekim ini, kesemua kapal-kapal yang mempunyai 'draught' yang dalam dan 'VLCC's', (Very Large Crude Carrier) dikenakan jarak di bawah lunas (keel) sekurang-kurangnya 3.5 meter pada setiap masa di pelayaran di Selat Melaka. Lalu lintas yang menghala ke Timur hendaklah belayar ke sebelah barat menghampiri Sumatra dan manakala lalu lintas yang ke timur pula, akan belayar di sebelah Timur menghampiri Malaysia. Sekim ini pada

dasarnya bertujuan untuk menjaga keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan adalah dijangka ianya dapat mengurangkan kadar kemalangan dan tumpahan minyak.

Jumlah Kapal-Kapal Yang Melalui Selat Melaka (One Fathom Bank)

Untuk Tahun 1980

Bulan		**Jumlah**
Januari	–	2,115
Februari	–	1,681
Mac	–	2,256
April	–	1,348
Mei	–	2,103
Jun	–	1,705
Julai	–	2,238
Ogos	–	1,461
September	–	2,040
Oktober	–	2,390
November	–	2,444
Disember	–	1,690

Untuk Tahun 1981

Bulan		**Jumlah**
Januari	–	2,408
Februari	–	1,858
Mac	–	2,376
April	–	2,050
Mei	–	2,287
Jun	–	2,230
Julai	–	2,044
Ogos	–	2,019
September	–	2,172

(Jumlah kapal-kapal temasuk kapal barang, kapal minyak, kapal tunda, kapal penumpang, kapal kontena, kapal perang dan kapal selam).

Waktu siang sahaja.

1982
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN OO GIN SUN
TARIKH : 19 MAC 1982

SOALAN

Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, memandangkan kepada perkembangan besar dalam negara di bawah berbagai Rancangan Malaysia, sama ada apa-apa langkah dijalankan untuk menilai dan mengkaji kesan sekitar projek-projek pembangunan; jika ya, apakah hasil kajian seperti itu.

JAWAPAN

1. Saya mengucapkan terima kasih ke atas minat Ahli Yang Berhormat terhadap kesan projek pembangunan raksaksa ke atas kualiti alam sekeliling kita. Memang benar Kerajaan mengambil berat terhadap kesan alam sekitar yang mungkin berlaku ekoran projek-projek tersebut. Langkah-langkah yang dijalankan ke arah penilaian secara sistematik kesan-kesan atas alam sekitar (Environmental Impact Assessment) ialah seperti berikut:-

   - Beberapa bengkel telah diadakan di beberapa agensi pembangunan kerajaan untuk membiasakan jururancang tentang prosedur penilaian kesan alam sekitar.

   - Empat seminar berkaitan dengan penilaian kesan alam sekitar telah dianjurkan oleh Kementerian saya semenjak 1977.

   - Seorang pakar Rancangan Colombo mengenai penilaian kesan alam sekitar dari New Zealand telah bertugas di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sepanjang tahun 1979.

   - Panduan Penilaian Kesan Alam Sekitar – Prosedur dan Garis Panduan telah disediakan oleh Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya dan telah diedarkan secara luas kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan.
   - Satu unit Penilaian Kesan Alam Sekitar telah ditubuhkan di Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya sejak awal tahun 1981 untuk

menyelaraskan segala aktiviti-aktiviti mengenai kajian dan penilaian alam sekitar, serta memainkan peranan 'catalytic'.

2. Objektif kajian kesan-kesan alam sektiar adalah untuk menentukan bahawa kesan-kesan akan sekitar yang buruk dikenalpastikan pada peringkat awal perancangan projek, dan mempastikan bahawa langkah-langkah yang wajar diambil untuk mencegah atau mengurangkan kesan-kesan buruk tersebut. Dalam hubungan ini, kajian-kajian alam sekitar yang telah dijalankan hingga setakat ini boleh dikatakan mencapai matlamat-matlamat tersebut. Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya juga akan mengawasi kemajuan perlaksanaan projek-projek di mana kajian kesan-kesan alam sekitar telahpun dijalankan untuk menentukan bahawa langkah-langkah kawalan alam sekitar yang disyorkan dilaksanakan. Kementerian saya bersedia memberi nasihat, panduan serta bantuan kepada pihak penganjur projek pada bila-bila masa sahaja.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Projek-projek di mana kajian kesan-kesan alam sekitar telah dijalankan:

    1. Projek Hidroelektrik Kenyir, Terengganu
    2. Projek "Terengganu Crude Oil Terminal"
    3. Projek "Copper Smelter" di Sabah
    4. Stesyen Janakuasa LLN di Pelabuhan Kelang
    5. Projek "Liquefied Natural Gas" di Bintulu
    6. "Petroleum Refinery" di Terengganu
    7. Projek Hidroelektrik Temenggor, Perak

2. Projek-projek di mana kajian kesan-kesan alam sekitar telah dicadangkan:

    1. Kilang Simen di Padang Rengas, Perak
    2. Kilang Simen di Pulau Langkawi, Kedah
    3. Kuari Dolomite di Sg. Long, Ulu Langat
    4. Stesyen Janakuasa LLN (Phase II) di Pelabuhan Kelang
    5. Projek "Asean Bintulu Fertilizer" di Bintulu, Sarawak
    6. Kilang Pulpa dan Kertas, Sabah
    7. Kilang Pulpa dan Kertas, Kelantan
    8. Kawasan Perindustrian Paka-Kerteh, Terengganu

3. Seminar-Seminar Mengenai Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar Yang diadakan:

(a) Seminar Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan Negara, 29 Mac 1977, Kuala Lumpur.
Bilangan peserta – 15
Pencalonan – Agensi-agensi Kerajaan, Universiti-Universiti, Pertubuhan-Pertubuhan Alam Sekitar dan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia.

(b) Seminar Kebangsaan Mengenai "Environmental Impact Assessment", 26 – 28hb. September 1977, Kuala Lumpur.
Bilangan peserta – 110
Pencalonan – Agensi-agensi Kerajaan, Universiti-Universiti, Pertubuhan-Pertubuhan Alam Sekitar dan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia.

(c) Seminar Kebangsaan Pengurusan Alam Sekitar dan Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar, 16 – 20hb. Oktober 1978, Petaling Jaya.
Bilangan peserta – 100
Pencalunan – Agensi-agensi Kerajaan, Universiti-Universiti, Pertubuhan-Pertubuhan Alam Sekitar dan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia.

(d) Seminar Kebangsaan Bagi Penyelaras-Penyelaras Alam Sekitar Dalam Sektor Awam, 3 – 5hb. April 1979, Petaling Jaya.
Bilangan peserta – 50
Pencalonan – Agensi-agensi Kerajaan dan Universiti-Universiti.

(e) Seminar on Environmental Impact Assessment 15hb. Disember 1980
Bilangan peserta – 20
Pencalonan – Agensi-agensi Kerajaan dan Universiti-Universiti.

(f) "WHO/UNEP Regional Workshop on Industrial Environmental Impact Assessment and Siting of Industry", 26 – 30 Januari 1981
Bilangan peserta – 16 dari 16 buah negeri di Wilayah Pasifik Barat
Bilangan Pemerhati – 11 (2 dari Korea, 9 dari Malaysia)

(g) "APDC/UNEP Regional Symposium on the Environmental Assessment of Development Projects", 11 – 15 Januari 1982
Bilangan peserta – 17 dari 15 negeri di Wilayah Asia dan Pasifik
Bilangan Pemerhati – 4 dari Malaysia

MAKLUMAT TAMBAHAN

Satu kajian oleh pegawai-pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara berkenaan dengan Projek Hidroelektrik Tembeling telah diadakan dan laporan telah disiapkan pada bulan Februari 1977.

Impak-impak negatif dan Projek Hidroelektrik Tembeling jika dilaksanakan adalah seperti berikut:-

(a) Menenggelamkan kira-kira 130 km persegi dan menjejaskan kira-kira 37% dari kawasan tanah lembah dan pamah di Taman Negara. Sehubungan dengan itu, ianya akan memupuskan spesis-spesis flora dan fauna, yang mana 70% spesis-spesis flora dan fauna yang tertua di dunia adalah terdapat di kawasan tanah rendah. Dengan kehilangan spesis-spesis flora dan fauna ini akan mengakibatkan kehilangan keupayaan genetik untuk memperbaiki lagi sumber-sumber alam semulajadi. Kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa Taman Negara ini sahaja yang masih lagi mempunyai hutan dara yang masih wujud di Semenanjung Malaysia.

(b) Menjejaskan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang telah sedia ada didirikan di kawasan tanah rendah. Taman Negara yang dibina sejak tahun 1979 lagi, di samping itu juga ianya akan memusnahkan jeram-jeram dan jenut-jenut yang wujud secara semula jadi di situ. Pembinaan dan pembangunan semula infrastruktur serta kemudahan-kemudahan akan memakan masa dan pelaburan yang banyak. Di masa yang sama juga akan menjejaskan minat para pelancong dari dalam dan luar negeri untuk berkunjung ke Taman ini.

(c) Selain dari menenggelamkan sebahagian dari kawasan Taman Negara ianya juga menjejaskan kira-kira 150 km persegi kawasan-kawasan di luar Taman Negara, termasuklah hutan-hutan dan kawasan-kawasan pertanian yang utama. Disamping itu, sungai-sungai dan tanah-tanah di sini akan mengalami hakisan-hakisan yang hebat.

(d) Akibat pembinaan empangan akan membiakkan cacing hati (liver fluke) selaras dengan pembiakan pesat siput-siput di situ. Ini akan menimbulkan penyebaran penyakit "schistomiasis".

(e) Menjejaskan kesan-kesan tinggalan sejarah yang bernilai berkemungkinan ada di kawasan yang ditenggelami akibat pembinaan empangan tersebut.

(f) Pembinaan empangan tersebut juga akan meninggalkan kesan-kesan negatif kepada ekosistem dan alam sekitar di tempat itu untuk selama-lamanya. Seandainya untuk dipulihkan semula adalah rumit dan tidak mungkin.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT
TARIKH	:	15 OKTOBER 1982

SOALAN

Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa peranan yang dijalankan oleh Kementerian begitu penting sekali kepada rakyat dalam negara, terutamanya bagi penduduk-penduduk luar bandar. Adakah Kementerian bercadang supaya Jabatannya diujudkan di peringkat daerah dan di peringkat negeri di seluruh negara. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Ya, saya sedar. Walau bagaimanapun mengenai bahagian kedua soalan Y.B. itu dimaksudkan sebagai Bahagian Alam Sekitar maka sukacita diberitahu bahawa memang ada diujudkan pejabat-pejabatnya di peringkat Wilayah. Mengenai penubuhan di peringkat negeri dan daerah itu dukacita diberitahu bahawa oleh kerana langkah-langkah ekonomi (economy drive), cadangan untuk membuka pejabat-pejabat di peringkat itu terpaksa ditangguhkan. Namun begitu, jika didapati perlu, pertimbangan akan diberikan untuk menubuhkan pejabat-pejabat cawangan di negeri-negeri yang lebih besar bergantung kepada keadaan kewangan.

Pejabat-Pejabat Wilayah Bahagian Alam Sekitar

(i) Pejabat Wilayah Alam Sekitar Butterworth, Pulau Pinang untuk memberi khidmat kepada negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak.

(ii) Pejabat Wilayah Alam Sekitar Kuala Lumupr untuk memberi khidmat kepada Wilayah Persekutuan, Negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

(iii) Pejabat Wilayah Alam Sekitar Kuantan, Pahang untuk memberi khidmat kepada negeri Kelantan, Trengganu dan Pahang.

(iv) Pejabat Wilayah Alam Sekitar Johor Bahru, Johor untuk memberi khidmat kepada negeri Johor.

(v) Pejabat Wilayah Alam Sekitar Kuching, Sarawak untuk memberi khidmat kepada negeri Sarawak.

(vi) Pejabat Wilayah Alam Sekitar Kota Kinabalu, Sabah untuk memberi khidmat kepada negeri Sabah.

Unit Khas

(i) Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)

(ii) Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD
TARIKH : 21 OKTOBER 1982

SOALAN

Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kabus dan awan mendung yang kerap didapati di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia sekarang adalah dengan kerana asap dan debu dari Gunung Berapi di Jawa Barat yang mengandungi bahan kimia yang tertentu yang boleh merbahaya kepada kesihatan seperti yang dilaporkan.

JAWAPAN

Tidak ada bukti bahawa asap dan debu dari gunung berapi di Jawa Barat ada kaitan dengan peristiwa ini.

Mengikut penyiasatan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia dan Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya, kabus ini berlaku ekoran daripada bakaran hutan dan pembakaran mengikut amalan pertanian suku kaum tertentu di Kalimantan dan Sumatra. Keadaan ini diburukkan lagi oleh musim kemarau yang berlanjutan. Kesimpulan ini juga disokongkan oleh gambar setalit (satellite imagery) yang diterima oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia.

Dari analisa-analisa yang telah dijalankan, tiada alasan bahawa keadaan kabus baru-baru ini adalah mudarat kepada kesihatan oleh kerana paras-paras silika, pepejal karbonat dan "heavy metals" tidak jauh beza daripada paras-paras biasa.

SOALAN TAMBAHAN

Y.B. Tuan Yeoh Poh San: Sama ada kabus ini merbahaya kepada kesihatan (toxic).

JAWAPAN

Pengawasan telah dijalankan kepada paras di antara 2 hingga 5 kaki dari muka bumi, dan analisa hanya menunjukkan kandungan pepejal yang tidak ada sifat kimia yang aktif (atau "inert particles which are non-toxic") seperti karbon, karbonat, sulfat.

Menyentuh satu lagi soalan tambahan Y.B. Tuan Yeoh Poh San, Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyatakan jawapan akan diberi secara bertulis.

SOALAN TAMBAHAN

1. **Jika tidak, apakah sebab-sebabnya kabus berlaku?**

Mengikut penyiasatan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia dan Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya, kabus ini berlaku ekoran daripada bakaran hutan dan pembakaran mengikut amalan pertanian suku kaum tertentu di Kalimantan dan Sumatra. Keadaan ini diburukkan lagi oleh musim kemarau yang berlanjutan. Kesimpulan ini juga disokongkan oleh gambar satelit (Satelite Image) yang diterima oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia.

2. **Apakah isi kandungan kabus?**

Sebenarnya isi kandungan tidak dapat dianalisa dengan tetap memandangkan ianya terdapat di peringkat "Lower Atmosphere" dan contoh-contoh udara hanya dapat diambil dengan pengguna teknik 'sophisticated' dan alat khas "Air borne", yang tidak terdapat di Malaysia.

3. **Adakah kabus ini merbahaya?**

Tiada alasan untuk menganggap, memandangkan lebih-lebih lagi bagi satu jangkamasa yang pendek, adalah dijangka kabus ini mengandungi pepejal karbonat (carbonate) dan silika (silica) dan paras-paras parameter lain termasuk "heavy metal" tidak jauh beza daripada paras-paras biasa (levels not significantly different from normal times).

4. **Apa paras dianggap merbahaya kepada kesihatan manusia?**

Ini merupakan satu soalan yang hipotetika (hypotetical) yang dilarangkan oleh Peratuan-Peraturan Dewan Rakyat sendiri. Selain daripada itu, perkara ini sebenarnya dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

SOALAN AM

1. **Apakah langkah-langkah untuk mencegah pencemaran udara?**

Di antara langkah-langkah yang sedang atau akan dilaksanakan untuk mencegah dan mengawal pencemaran udara ialah:-

(i) Penguatkuasaan peraturan-peraturan kawalan pencemaran udara seperti Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977.

(ii) Sumbangan/nasihat kepada pihak berkuasa perancang tentang kesesuaian lokasi tapak perindustrian dari segi potensi pencemaran.

(iii) Kajian kesan alam sekitar dijalankan untuk setiap projek/plan struktur yang berpotensi pencemaran.

(iv) Kajian peraturan-peraturan baru dengan tujuan mengurangkan isi kandungan plumbum dalam petrol, mengawal pelepasan pencemaran udara dari kenderaan berpetrol.

(v) Merayu dan mempaparkan Agensi-Agensi penguatkuasaan lain untuk menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi masing-masing secara lebih berkesan bagi membanteras pencemaran udara.

(vi) Memupuk dan meninggikan kesedaran orang ramai tentang bahaya pencemaran udara bagi membolehkan tindakan tegas oleh semua pihak yang terlibat.

JAWAPAN

Berdasar kepada keputusan pengawasan yang telah dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia dan Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya, kabus ini hanya mengandungi pepejal atau "particles" yang tidak "toxic" seperti berikut:

Keputusan analisa "Dry Fallout" – Petaling Jaya dari 1.9.1982 – 15.9.1982:

	1.9 – 15.9.82	**Kadar Purata Bulanan 1981**
Dust Precipitation	16.2 (32.4)	30.6
Magnesium	0.00 (0.00)	0.24
Calcium	0.00 (0.00)	0.55
Mercury	0.000 (0.00)	0.000
Copper	0.00 (0.00)	0.00
Iron	0.20 (0.40)	0.60
Manganese	0.00 (0.00)	0.02
Nickel	0.001 (0.002)	0.00
Lead	0.004 (0.008)	0.05
Zinc	0.00 (0.00)	0.04

1. All above values are in "mg" units

2. Values in bracket are obtained by multiplying the "1.9.82 to 15.9.82" values by 30/15 to give an indication of what the monthly values could be like.

Keputusan analisa ke atas "Wet Precipitation" – Petaling Jaya dari 1.9.1982 – 15.9.1982:

	1.9. 82– 15.9.82	**Average 1981 Monthly Value**
Volume	1.0 litre	7.0 litre
pH	4.61	4.76 (6.7 – 3.2)
Conductivity	14.00 uS	14.6 uS (35.5 – 3.5)
Solid Content	5.0 mg/l	11.9 mg/1 (20.0 – 4.0)
Sodium	0.2 mg/1	0.2 mg/1 (0.6 – 00)
Potassium	0.1 mg/1	0.1 mg/1 (0.3 – 0.1)
Magnesium	0.02 mg/1	0.04 mg/1 (0.08 – 0.01)
Calcium	0.1 mg/1	0.27 mg/1 (0.58 – 0.03)
Fluoride	0.01 mg/1	0.01 mg/1 (0.01 – 0.00)
Chloride	0.49 mg/1	0.32 mg/1 (0.57 – 0.00)
Ammoniacal-N	0.39 mg/1	0.16 mg/1 (0.33 – 0.08)
Nitrate-N	1.24 mg/1	0.32 mg/l (1.24 – 0.11)
Sulphate-S	0.69 mg/1	0.40 mg/l (1.30 – 0.10)
Mercury	0.00 mg/l	0.000 mg/1 (0.000 – 0.000)
Acidity	34.0 mg/l	28.0 µg/1 (46.0 – 22.0)
Copper	0.00 mg/l	0.00 mg/l (0.01 – 0.00)
Iron	0.00 mg/l	0.00 mg/l (0.02 – 0.00)
Manganese	0.00 mg/l	0.00 mg/l (0.00 – 0.00)
Nickel	0.00 mg/l	0.00 mg/l (0.00 – 0.00)
Lead	0.01 mg/l	0.01 mg/l (0.04 – 0.00)
Zinc	0.00 mg/l	0.02 mg/l (0.06 – 0.01)

Values in bracket are the "upper and the lower" values for the year 1981.

Pemerhatian ini adalah dibuat ke atas "suspended particulate" dengan menggunakan "high-volume air samples" dan juga ke atas "dry-fallout" iaitu bahan-bahan menurun ke permukaan bumi oleh kerana tarikan graviti. Maklumat ini telah dikaji dan dianalisa oleh Jabatan Kimia. Keputusan analisa daripada Jabatan Kimia menunjukkan bahawa kandungan kabus itu adalah dalam keadaan biasa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN YEOH POH SAN
TARIKH	:	22 OKTOBER 1982

SOALAN

Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan paras pencemaran udara seperti "carbon monoxide", "sulfur dioxides", "dioxides of nitrogens" dan sebagainya yang terdapat di kawasan Lembah Kelang dan apakah langkah yang telah diambil dan akan diambil untuk mengurangkan pencemaran di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Dalam program pengawasan kualiti udara yang dilaksanakan oleh Kementerian saya, paras pencemaran bagi bahan-bahan pencemaran yang utama diawasi secara sistematik. Pencemar utama itu ialah:-

(a) Sulfur dioksida

(b) Pepejal atau 'suspended particulate'

(c) Ozon

(d) Karbon monoksida

Selain daripada aktiviti pengawasan tersebut kajian khas dijalankan dari masa ke semasa mengenai pencemaran plumbum (lead). Mengikut analisa yang diperolehi bagi kawasan Lembah Kelang paras pencemaran bagi pencemar-pencemar utama itu adalah seperti berikut:-

(a) Bagi pepejal terampai (suspended particulate), purata paras yang diukur di kawasan perumahan seperti di Damansara Utama adalah hampir 100 mikrogram dalam satu meter padau (100 $\mu g/m^3$) manakala di sebuah kawasan perindustrian di Petaling Jaya ialah hampir 200 mikrogram dalam satu meter padu (200 $\mu g/m^3$).

(b) Bagi sulfur dioksid, paras yang direkodkan di Damansara Utama ialah kurang daripada 5 mikrogram dalam satu meter padu (5 $\mu g/m^3$). Di kawasan perindustrian Petaling Jaya paras yang direkodkan adalah 40 mikrogram dalam satu meter padu pada (40 $\mu g/m^3$). Walau bagaimanapun di stesen yang berdekatan dengan sebuah loji yang membuat asid sulfurik, paras yang direkodkan adalah lebih dari 100 mikrogram dalam satu meter padu (100 $\mu g/m^3$).

(c) Bagi karbon monoksida paras yang direkodkan di tepi jalan yang sibuk dengan lalulintas, seperti Jalan Pudu dan Jalan Raja Chulan adalah lebih dari "10 parts per million". Di lain-lain jalan di Kuala Lumpur paras yang direkod adalah dalam lingkungan 3 – 10 "parts per million".

(d) Bagi plumbum, purata paras yang direkod di tepi jalan yang sibuk dengan lalulintas seperti di Jalan Pudu, adalah lebih daripada 5 mikrogram dalam satu meter padu (5 $\mu g/m^3$)). Ukuran di tepi jalan di kawasan-kawasan perumahan seperti di Damansara Utama, parasnya adalah di bawah 1 mikrogram dalam satu meter padu (1 $\mu g/m^3$).

(e) Pengawasan awal di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa "ozone" ada terdapat di udara, walau bagaimanapun parasnya adalah jauh di bawah 0.01 "parts per million".

Di bawah program ini alat-alat pengawasan nitrogen oksida dan hidrokarbon telahpun diperolehi dan kedua-dua bahan pencemaran itu akan dimasukkan dalam rancangan pengawasan tidak lama lagi.

Di antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan ialah:

(i) Penguatkuasaan peraturan-peraturan kawalan pencemaran udara seperti Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977.

(ii) Sumbangan/nasihat kepada pihak berkuasa perancang tentang kesesuaian lokasi tapak perindustrian dari segi potensi pencemaran udara.

(iii) Kajian kesan alam sekitar dijalankan untuk setiap projek/plan struktur yang mempunyai potensi pencemaran.

(iv) Dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan dan Petronas, suatu kajian peraturan-peraturan baru dengan tujuan mengurangkan isi kandungan plumbum dalam petrol dan mengawal pelepasan pencemaran udara dari kenderaan berpetrol akan dijalankan.

(v) Memupuk kerjasama agensi-agensi kerajaan lain untuk mengetatkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan alam sekitar di bawah bidang kuasa masing-masing.

(vi) Mengujud dan memupuk kesedaran rakyat di semua peringkat tentang kebersihan alam sekitar.

NOTA TAMBAHAN

(a) W.H.O. Standard
60 – 90 $\mu g/m^3$

(b) W.H.O. Standard
40 – 60 $\mu g/m^3$

(c) Tiada purata WHO (WHO Standard) tetapi purata "United States Environmental Protection Agency" (USEPA) ialah 9.9. "parts per million".

(d) Tiada purata WHO (WHO Standard) tetapi purata "United States Environmental Protection Agency" (USEPA) ialah 1.5. mikrogram ($\mu g/m^3$).

MAKLUMAT-MAKLUMAT LANJUT:

(i) Keterangan yang jelas telahpun diberitakan dalam Sidang Akhbar saya pada 23hb. September, 1982.

(ii) Terdapat sebanyak 61 buah stesen pengawasan Bahagian Alam Sekitar di seluruh negara. Di samping itu Jabatan Kajicuaca juga mempunyai 10 stesen pengawasan di seluruh negara.

(iii) Hubungan kabus (haze) dengan pencemaran udara sememangnya ujud pencemaran udara di kawasan-kawasan perindustrian dan bandar-bandar. Tetapi kabus dan asap ini didapati di seluruh Semenanjung dan termasuk di Sabah dan Sarawak. Oleh itu kabus dan asap ini bukanlah akibat dari pencemaran udara, tetapi keadaan ini boleh memburukkan keadaan pencemaran udara di kawasan itu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN
TARIKH	:	28 OKTOBER 1982

SOALAN

Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Sama ada beliau sedar bahawa pencemaran udara dan air berleluasa dan keadaan ini semakin bertambah buruk terutamanya di kawasan-kawasan perindustrian dan apakah hasil yang berkesan telah dicapai dengan berkuatkuasanya Akta Kualiti Alam Sekeliling;

(b) Masalah-masalah besar yang dihadapi oleh beliau dalam melaksanakan Akta ini dan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah-masalah berkenaan.

JAWAPAN

(a) Pada satu ketika dahulu paras pencemaran air dan pencemaran udara boleh dikatakan serius. Berikutan dengan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya dan juga Kaedah-Kaedah Kereta Motor (kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 yang dibuat di bawah Ordinan Lalulintas Jalanraya 1958, had pencemaran boleh dikatakan terkawal. Ini adalah nyata daripada maklumat-maklumat yang terkandung dalam Laporan Ekonomi Tahun 1982/1983 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 22hb. Oktober, 1982 sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1982.

(b) Bagi menjawab soalan (b) pula, masalah-masalah besar dihadapi oleh Kementerian saya dalam melaksanakan Akta itu adalah:-

(i) Kesukaran mendapatkan tanah, khasnya kilang-kilang getah dan kelapa sawit yang telah dibina sebelum Akta dilaksanakan.

(ii) Beban kos operasi dan kapital.

(iii) Kekurangan kepakaran teknologi

(iv) Kekurangan personel yang mahir.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN

Adakah sebab-sebab lain bagi kemusykilan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya.

JAWAPAN

Selain daripada sebab-sebab utama, sebab-sebab lain adalah seperti berikut:–

Di kalangan sektor perindustrian:

(i) Kurang fahaman betapa pentingnya mencegah dan mengawal pencemaran.

(ii) Keengganan melabur wang dalam alat kelengkapan atas alasan kononnya ia merupakan "non-productive capital investment" dan tujuan utama mereka ialah mengeluar barang-barang dan bukan yang mengawal pencemaran.

(iii) Ketiadaan pengecualian cukai atas alat kelengkapan yang diimport ataupun susutan yang cepat (accelerated depreciation).

Di peringkat Bahagian Alam Sekitar:

(i) Kekurangan kakitangan teknikal yang mahir dan berpengalaman.

(ii) Kekurangan pejabat-pejabat cawangan di pusat-pusat bandar dalam satu rangkaian yang meliputi seluruh negara.

Umum:

(i) Penganjur-penganjur projek termasuk agensi-agensi Kerajaan tidak menghiraukan surat-menyurat daripada Bahagian Alam Sekitar umpamanya yang memerlukan kajian kesan alam sekitar atau yang memerlukan langkah-langkah tertentu diambil dalam masa tertentu.

(ii) Kekurangan "leverage" atau "clout" dalam Bahagian Alam Sekitar seperti yang wujud sekarang.

(iii) Kekurangan koordinasi di antara agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengurusan alam sekitar termasuk perancangan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kementerian saya sedar akan masalah ini, tindakan yang sewajarnya terus diambil untuk mengatasinya. Kedudukan masalah ini akan diawasi dengan teliti dari semasa ke semasa. Kedudukan sekarang ialah seperti berikut:-

1. Sg. Bidor – beberapa aduan telah diterima mengenai kematian ikan di sungai tersebut. Mengikut penyiasatan yang telah dijalankan semua kilang kelapa sawit dan kilang getah telah mematuhi standard yang ditetapkan. Kematian ikan kemungkinan disebabkan oleh fakta-fakta lain seperti pelepasan effluen secara haram dan 'run-off' baja pertanian. Kajian sedang dijalankan untuk memastikan sebab-sebab kejadian kematian yang sebenarnya.

2. Tikam Batu – Masalah pencemaran dari kilang-kilang di kawasan Perusahaan Tikam Batu telah dapat dikawal. Setakat ini kebanyakan kilang-kilang telahpun siap membina sistem pengolahan. Sebuah kilang akan memindahkan sebahagian daripada proses celupannya ke tapak baru supaya dapat dilengkapkan dengan satu sistem pengolahan yang sempurna. Kilang-kilang lain sedang membina sistem pengolahan.

3. Sungai Benut – Kilang yang menjadi punca pencemaran telah didakwa dan kilang tersebut telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengendalikan sistem pengolahannya dengan sempurna dan mematuhi standard-standard pelepasan effluen yang dikenakan. Kualiti air sungai telah bertambah baik dan pihak Perikanan telahpun melepaskan benih-benih udang galah dalam sungai tersebut pada bulan September 1982.

4. Sungai Muar – Selaras dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, kilang-kilang kelapa sawit dan getah di bahagian hilir Sungai Muar didapati mematuhi standard-standard pelepasan effluen yang dikenakan manakala di bahagian hulu sungai, telah dikesan beberapa punca pencemaran. Kilang-kilang yang berkenaan telah diberi arahan untuk meninggikan kecekapan sistem pengolahan yang sedia ada.

5. Sungai Merbok – Pencemaran sungai ini adalah terkawal. Kilang-kilang yang tidak mematuhi standard-standard pelepasan yang dikenakan telah didakwa. Pihak Majuikan pula sedang dalam proses melaksanakan projek 'aquaculture' memandangkan kualiti air disebelah hilir adalah memuaskan.

6. Sungai Kelang (Wilayah Persekutuan)
Punca-punca pencemaran sungai kelang ialah pelepasan effluen dari kilang-kilang, pelepasan kumbahan (sewage) dan kelodakan yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembangunan.

Pelepasan effluen dari kilang-kilang adalah dikawal dengan perlaksanaan beberapa Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Bagi mengawal pelepasan kumbahan sebanyak 100 juta ringgit telah diuntukkan bagi membina sistem pembentungan pusat (central sewage system) dan Dewan Bandaraya sedang melaksanakan projek pembentungan itu.

Masalah kelodakan Sungai Kelang adalah dikawal melalui pelaksanaan 'Earthwork By-Laws' oleh Dewan Bandaraya. Di samping itu Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah juga merangkakan garis-garis panduan bagi mencegah dan mengawal hakisan tanah dan kelodakan untuk kegunaan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Tempatan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengetahui masalah yang dialami ialah seperti berikut:-

1. Mengeluarkan garis-garis panduan bagi membolehkan agensi-agensi lain mengambil kira faktor-faktor alam sekitar.

2. Mengadakan seminar-seminar, bengkel-bengkel bagi kumpulan-kumpulan sasaran (target group) bagi meninggikan kesedaran alam sekitar.

3. Dengan kerjasama media massa khasnya RTM mengadakan rancangan-rancangan yang menitik beratkan alam sekitar.

4. Pendidikan alam sekitar untuk masyarakat umum melalui percetakan seperti majalah SEKITAR dan risalah-risalah.

5. Mengadakan pameran dan aktiviti-aktiviti lain sempena Hari Alam Sekitar Sedunia pada 5hb. Jun setiap tahun.

6. Kerjasama yang erat dari Kementerian Pelajaran khasnya Pusat Perkembangan Kurikulum, menyediakan bahan-bahan pendidikan untuk penggunaan dalam segmen manusia dan alam sekitarnya untuk sekolah-sekolah rendah.

7. Berusaha menambah bilangan kakitangan teknikal, bilangan pejabat-pejabat cawangan serta meninggikan kecekapan pegawai-pegawai teknikal yang sedia ada.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHD YUSOF BIN HJ. YAKOB
TARIKH	:	29 OKTOBER 1982

SOALAN

Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah Akta Alam Sekeliling 1974 dilaksanakan sepenuhnya di Sabah. Bolehkah Menteri berkenaan menerangkan berapa banyakkah bilangan kes-kes mengenai pencemaran alam sekitar di Sabah yang diambil tindakan oleh Kementerian berkenaan. Adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk membuat sebarang kajian mengenai pencemaran dan pembangunan alam sekitar di Sabah.

JAWAPAN

Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat dari Hilir Pedas, Akta Alam Sekeliling telah dijadikan undang-undang dalam tahun 1974 dan berkuatkuasa di seluruh negara.

Berikutan dengan pembukaan Pejabat Cawangan Bahagian Alam Sekitar Sabah di Kota Kinabalu pada 15hb. Mac, 1981, keupayaan melaksanakan Akta Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya telah dapat dipertingkatkan. Hasil usaha penguatkuasaan setakat ini adalah seperti berikut:-

(i) Dalam tahun lepas 2 buah kilang telah didakwa di Mahkamah;

(ii) Sebanyak 9 kes telah dikompaunkan bagi kesalahan-kesalahan tertentu;

(iii) Sebanyak 20 kes telah diberi amaran keras.

Kementerian saya juga menjalankan satu kajian garisdasar bersama Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Sabah dalam tahun ini. Tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai keadaan kualiti air di Lembaga Sungai Labuk dan Sugut selaras dengan kegunaan-kegunaan air sungai serta

kegunaan tanah di dalam kawasan tersebut pada masa ini. Di samping kajian yang saya sebutkan tadi, Bahagian Alam Sekitar (Wilayah Sabah) akan memberi keutamaan ke atas pelaksanaan kajian-kajian garisdasar bagi lembangan-lembangan sungai yang lain. Selain dari itu, memandangkan tidak ada data atau maklumat latar belakang mengenai alam sekitar Sabah, kerja-kerja pengawasan air dan udara juga diberi keutamaan. Buat masa ini, pengawasan sedang dilaksanakan bagi sebanyak 24 buah lembangan sungai, manakala bagi pengawasan udara pula sebanyak 3 buah stesyen telahpun ditetapkan di Kota Kinabalu. Pada tahun hadapan, beberapa stesyen lagi (akan diadakan) di Sandakan, Tawau dan Labuan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN

Sebutkan nama-nama kilang telah didakwa di Mahkamah dan dikompaunkan di negeri Sabah.

JAWAPAN

Kilang-kilang didakwakan ialah:-

1. Palmol Sabah Sdn. Bhd.
   - Melanggar syarat-syarat yang dikenakan dalam jadual pematuhan.
   - Didapati bersalah, diberi amaran dan dilepaskan.

2. Kilang Kelapa Sawit Sabah Palm Estate
   - Melanggar syarat-syarat yang dikenakan dalam jadual pematuhan
   - Didapati bersalah dan didenda sebanyak $800.00

Kilang-kilang yang dikompaunkan ialah:-

1. Lee Brothers and Contractor
   Kesalahan: Pembakaran terbuka
   Amaun dikompaunkan: $250.00

2. Penampang Plastic Foam and Furniture Factory
   Kesalahan: Pembakaran terbuka
   Amaun dikompaunkan: $500.00

3. Gardenia Sdn. Bhd.
   Kesalahan: Pemasangan cerobong tanpa kelulusan
   Amaun dikompaunkan: $500.00

4. Kinabalu Furniture Factory
   Kesalahan: Pembakaran terbuka
   Amaun dikompaunkan: $250.00

5. Ladalam Timber Complex
   Kesalahan: Pembinaan 'incincerator' tanpa kelulusan
   Amaun dikompaunkan: $500.00

6. Kilang Papan Teck Guan
   Kesalahan: Pembakaran terbuka
   Amaun dikompaunkan: $250.00

7. Hong Heng Feedmill
   Kesalahan: Pemasangan dandang tanpa kelulusan
   Amaun dikompaunkan: $200.00

8. Metropolitan Industri
   Kesalahan: Pemasangan dandang tanpa kelulusan
   Amaun dikompaunkan: $500.00

9. Syarikat Kinabutan Timber Sdn. Bhd.
   Kesalahan: Pembinaan 'incinerator' tanpa kelulusan
   Amaun dikompaunkan: $500.00

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN NG CHENG KUAI
TARIKH : 22 NOVEMBER 1982

SOALAN

Tuang Ng Cheng Kuai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya akan membuat kajiselidik tentang pencemaran perairan Selat Melaka berhubung dengan kesannya terhadap hasil laut di Pantai Barat.

JAWAPAN

Buat masa ini Kementerian belum menjalankan kaji selidik tentang kesan pencemaran ke atas hasil laut. Namun demikian saya sedar bahawa pencemaran ini merupakan satu daripada faktor yang menjejaskan tangkapan hasil laut tetapi terdapat juga beberapa faktor dasar yang lain seperti kerosakan tempat pembiakan ikan yang berleluasa dan juga penangkapan yang tidak terkawal (over-fishing).

Walau bagaimanapun MPKSN melalui Jawatankuasa Sains Samudra ada menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kecil yang menumpukan perhatian kepada pencemaran laut. Jawatankuasa ini sedang giat berusaha mengenalpasti bidang-bidang penyelidikan yang harus diberi keutamaan. Oleh yang demikian ada kemungkinan bidang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian.

Di samping itu Kementerian saya juga menyertai Rancangan Laut Serantau (Regional Seas Programme) bagi Persekitaran Laut Asia Timur, telah dibentuk di bawah Program Persekitaran Laut Serantau (UNEP) bersama-sama dengan "Intergovernment Maritime Organisation" (IMO) dan "World Health Organisation" (WHO) dan satu pelan tindakan telah digubal bagi menjalankan penyelidikan di persekitaran laut ASEAN untuk mengatasi masalah bahaya pencemaran. Sebuah Tabung Amanah telah ditubuhkan bagi tujuan ini.

Sementara itu berberapa rancangan pengawasan ke atas pencemaran laut sedang dilaksanakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-

peraturan di bawahnya. Di samping itu Skim Pemisahan Lalulintas telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada 1hb. Mei, 1981 bertujuan untuk mengurangkan berlakunya pencemaran minyak dan buangan daripada kapal-kapal. Kementerian saya juga menjalankan Rancangan Kontingensi Tumpahan Minyak di Selat Melaka bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Laut.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Dalam tahun 1977, kumpulan pakar ASEAN mengenai alam sekitar telah mengenalpasti 6 bidang utama bagi ASEAN Sub-Regional Environmental Programme (ASEP). Satu daripadanya ialah Persekitaran Laut. Ini ialah kerana negara-negara ASEAN mempunyai pantai yang luas dan persekitaran laut yang menghadapi bahaya pencemaran boleh dikatakan mengalami masalah-masalah yang sama.

Hasil dari minat bersama yang ditunjukkan, Rancangan Laut Serantau (Regional Seas Programme) bagi persekitaran Laut Asia Timur telah dibentuk sebagai salah satu daripada aktiviti Program Persekitaran Laut Serantau di bawah Persekitaran Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP). Terdahulu dari itu satu pelan tindakan (Action Plan) telah digubal bagi lautan yang mengelilingi negara-negara ASEAN. Projek ini telah dibiayai oleh sumbangan daripada 5 negara anggota ASEAN dan juga UNEP, IMO dan WHO. Di samping itu satu tabung amanah telah ditubuhkan bagi tujuan ini.

7 projek utama telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dari bulan Julai 1982 termasuklah bagi Selat Melaka.

1983
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN QUAH WEE LIAM
TARIKH	:	16 MAC 1983

SOALAN

Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah mengenai pencemaran udara dan air di kawasan Kluang dengan bertambahan bilangan kilang-kilang dan kawasan perindustrian memandangkan masalah pencemaran udara dan air di Kluang bertambah dari satu tahun ke satu tahun.

JAWAPAN

Kementerian saya pada amnya dan Bahagian Alam Sekitar khasnya memandang berat ke atas masalah-masalah pencemaran udara dan air di bandar Kluang dan juga di pusat-pusat bandar lain serta di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara kita.

Untuk mengawal pencemaran alam sekitar Kementerian saya menguatkuasakan beberapa Peraturan, dua daripadanya khas kepada kilang-kilang getah dan kelapa sawit.

Langkah-langkah yang berkesan telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi keseluruhan kawalan pencemaran. Langkah-langkah yang diambil merangkumi tindakan mencegah khasnya melalui perancangan awal dan juga mengawal pencemaran dengan menggunakan sistem pengolahan dan kawalan pencemaran udara yang berpatutan dan berkesan.

Memang benar dengan pembangunan pesat yang berlaku di negara kita serta proses urbanisasi maka punca pencemaran meningkat dari setahun ke setahun. Namun demikian punca-punca baru adalah tertakluk kepada kawalan yang sedia ada dan dikawal berasas kepada kemampuan penguatkuasaan dari segi tenaga manusia dan kelengkapan.

Untuk meninggikan kekesanan prestasi kawalan pencemaran, Kementerian saya memerlukan kerjasama dari segala lapisan masyarakat kita termasuk wakil-wakil Rakyat dengan mengemukakan aduan-aduan dan memberi maklum balas kepada Kementerian saya.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN

1. Berapa banyak kes-kes yang telah dikemukakan ke Mahkamah?

JAWAPAN

Kilang-kilang yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 mengikut Peraturan-Peraturan yang berkenaan adalah 8 buah kilang iaitu:-

(a) 5 kilang kelapa sawit
(b) 2 kilang kayu
(c) 1 kilang nenas

(Kes-kes berkenaan adalah di Lampiran I)

LAMPIRAN I

PENYATA KES-KES YANG DIDAKWA DI MAHKAMAH BAGI DAERAH KLUANG, JOHOR

Bil.	Nama Kilang	No. Kes	Mahkamah	Tarikh Sebut	Denda
1.	Ladang Tereh Mill	No. SS54/80	Johor Bahru (Sesyen)	2.12.80	$2,500.00
2.	Seong Thye Plantation Sdn. Bhd.	No. SS55/80	Johor Bahru (Sesyen)	2.12.80	$4,000.00
3.	Jahang Palm Oil Mill	No. SS56/80	Johor Bahru (Sesyen)	2.12.80	$2,500.00
4.	KSM Kahang Palm Oil Mill Sdn. Bhd.	No. SS57/80	Johor Bahru (Sesyen)	2.12.80	$4,000.00
5.	Southern Malay Palm Oil Mill	No. KS1160/81	Kluang (Majistret)	5.11.81	$3,000.00
6.	Kluang Kim Thye Sawmill Sdn. Bhd.	No. KS897/82	Kluang (Majistret)	6.9.82	$2,000.00
7.	Chan Wah Lee Plywood Sdn. Bhd.	No. 2029/82	Kluang (Majistret)	24.1.83	$1,000.00
8.	Kilang Nenas Peninsular Plantations Sdn. Bhd.	No. KS464/82	Kluang (Majistret)	8.6.82	$6,000.00
				TOTAL	$25,000.00

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN

2. Apakah tindakan penguatkuasaan yang lain yang dijalankan oleh Bahagian Alam Sekitar?

JAWAPAN

Di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 kilang-kilang perusahaan yang telah melanggar Peraturan-Peraturan tersebut telah diberi tawaran kompaun bagi kesalahan-kesalahan dan kes-kes yang telah didenda adalah 15 kes sehingga 28hb. Februari 1983. Jumlah bayaran denda adalah sebanyak $5,050.00.

SOALAN

3. Apakah punca-punca pencemaran yang utama di kawasan Kluang?

JAWAPAN

Punca-punca utama adalah seperti:-

(a)	Kilang kelapa sawit	–	18	
(b)	Kilang getah	–	6	
(c)	Lain-lain	–	52	(dalam Kawasan Perindustrian)
			28	(di luar Kawasan Perindustrian)
	Jumlah		104	

Nama kawasan-kawasan perindustrian di Kluang adalah:-

(a) Kawasan Perindustrian Yap Kau Sah
(b) Kawasan Perindustrian Kluang

MAKLUMAT TAMBAHAN

Aduan-aduan yang diterima dari kawasan Kluang adalah seperti di Lampiran 11 dan III.

LAMPIRAN II

SENARAI ADUAN PENCEMARAN UDARA YANG DITERIMA DI KLUANG, JOHOR BAGI TAHUN 1980, 1981, 1982 & JAN – MAC, 1983

Bil.	Tarikh Aduan Diterima	Pihak Diadu	Pengadu	Jenis Pencemaran	Jenis Industri
1.	25/2/80	Kluang Oil Palm Processing Sdn. Bhd. Kluang, JOHOR	Seorang pengadu yang tidak mahu dikenali	Asap hitam	Kilang Kelapa Sawit
2.	1/7/80	Kilang Papan Di Jalan Bakau Kluang, JOHOR	No. 22, Jalan Bakau Kluang, JOHOR	Abuk	Kilang Papan
3.	6/8/80	Kilang membuat peti kayu yang terbakar di No. 620, Batu 1 1/2, Jalan Mersing, Kluang JOHOR	Kui Ah Kui dll. 624, Batu 1 1/2 Jalan Bersing Kluang, Johor (Melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia)	Kekotoran	Kilang Papan
4.	13/8/82	Pencemaran Udara oleh Kilang Chan Wah Lee Plywood Sdn. Bhd. Kluang, JOHOR	Pengerusi Penduduk-Penduduk Kampong Yap Tau Sah Kluang, JOHOR	Debu	Kilang Papan
5.	10/1/83	Pencemaran Udara Dari Setor Simpanan Getah Segerap Basah, Di Kampong Baru Camek, Kluang, JOHOR	Encik Soon Boon Yong 15, Kampong Baru Camek Kluang, JOHOR	Bau Busuk	Setor Getah

LAMPIRAN III

SENARAI ADUAN-ADUAN PENCEMARAN AIR

No. Fail	Tarikh Aduan Diterima Oleh Bhg. Alam Sekitar	Pihak Diadu	Pengadu	Jenis Punca	Tindakan	Dibawa ke hadapan
	10.4.79	Kilang Getah Revertex – pencemaran Sungai Mengkibol	Khalid H. Alim Pengerusi Cawangan DAP Kluang	Kilang Getah	Masalah bau busuk telah dapat diatasi	
	26.11.79	Kilang Kelapa Sawit Kian Ho di Batu 26, Kahang – pencemaran Sungai Sembrong	UMNO, Cawangan Kahang, Johor	Kilang Kelapa Sawit	Kilang Kelapa Sawit Kian Ho terlibat dengan pencemaran loji air. Lawatan pada 2.12.82 terdpat sistem pengolahan, tiada effluen dilapiskan kerana takat pengeluaran rendah, menjadi berkeladak dan berbau lumpur disebabkan hujan lebat	
	29.4.81	Malaysia Textile Industries – Sg. Mengkibol	JKR, Kluang	Effluen Industri	Sedang berusaha untuk menambah kecekapan sistem pengolahan.	
	2.7.81	Kilang Kelapa Sawit Southern Malay, Simpang Renggam, Kluang – pencemaran Sg. Benut	Pejabat Daerah Kluang	Kilang Kelapa Sawit	Kilang Kelapa Sawit Southern Malay telah digantung lesen pada 10 Julai – 7 September, 1981	
	23.2.83	(i) Kilang Kelapa Sawit Landak Oil Mill (ii) Kilang Kelapa Sawit Paloh	Pejabat Daerah Kluang	Kilang Kelapa Sawit	Belum disiasat	

PENCEMARAN AIR SUNGAI BENUT

1. Masalah pencemaran air di Sungai Benut sampai ke pengetahuan Pejabat ini bermula dari surat Pejabat Daerah Kluang, bertarikh 28 Jun 1981 dan laporan akhbar New Straits Times dan Berita Harian pada 1 Julai 1981. Berikutan dengan ini, masalah yang sama juga dilaporkan di dalam akhbar-akhbar lain seperti berikut:-

–	1 Julai 1981	–	New Straits Times	–	'Fishing Folk Complain of Drying Lobster'.
			Berita Harian	–	'Tangkapan Udang Galah Merosot: Nelayan-Nelayan Resah'
–	4 Julai 1981	–	New Straits Times (Editorial)	–	'Dirty Scum'
–	14 Sept. 1981	–	Bintang Timur	–	'Udang Galah Mabuk: Jabatan Alam Sekitar Siasat Air Sungai'
–	30 Sept. 1981	–	The Star	–	'Plight of the Sungai Benut Fishermen'
–	8 Nov. 1981	–	The Sunday Star	–	'Palm Oil Mills with a Licence to Pollute'
–	1 Okt. 1982	–	Warta Tebrau	–	'Masalah Pencarian Belum Terhurai'
–	18 Feb. 1983	–	National Echo	–	'Prawn in River Did Not Die of Pollution'

2. Berikutan dengan laporan-laporan tersebut di atas, penyiasatan telah dilakukan oleh Pegawai-Pegawai Bahagian Alam Sekitar (Wilayah Selatan) pada 7 Julai 1981. Hasil dari penyiasatan-penyiasatan tersebut di atas didapati pelepasan effluen dari sebuah kilang kelapa sawit di hulu sungai tersebut adalah merupakan salah satu punca kematian udang galah. Lesen kilang tersebut telah digantung pada 10 Julai 1981. Ini bermakna kilang itu dikehendaki memberhentikan operasinya. Penggantungan lesen tersebut telah dibatalkan pada 7 September 1981 setelah Ketua Pengarah Alam Sekitar berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kilang. Kilang tersebut juga telah dihadapkan ke Mahkamah pada 5 November 1981 dan didenda sebanyak $3,000.00. Penyiasatan-penyiasatan lanjutan juga dijalankan pada 18 Julai 1981.

3. 20 – 25 Oktober 1981 – Kajian ke atas pencemaran Sungai Benut. Kajian tersebut mengesyaki bahawa kejadian udang galah mabuk telah disebabkan oleh:-

(i) Kilang kelapa sawit tersebut telah mengakibatkan kemasukan organik yang berlebihan akibat dari pelepasan effluennya yang menyebabkan rendahnya kandungan oksigen terlarut di dalam sungai.

(ii) Kandungan oksigen terlarut yang rendah di dalam sungai juga adalah disebabkan oleh kemasukan organik yang berlebihan dari pelepasan sebuah kilang nenas yang didapati berada dalam limbahan sungai tersebut.

(iii) Di samping itu pelepasan kumbahan domestik juga boleh disyaki sebagai punca yang merendahkan kandungan oksigen terlarut di dalam sungai. Sistem pemaritan domestik (domestic sewerage) adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

(iv) pH yang rendah (air adalah sedikit asidik). Ini disebabkan oleh kawasan terlibat terdiri dari tanah paya dan tanah gambut yang dalam keadaan semulajadi memang menghasilkan pH yang rendah daripada biasa. Memandangkan perkara ini adalah kejadian semulajadi oleh itu adalah di luar kemampuan Kementerian ini.

Bahagian Alam Sekitar telah menambahkan lagi takat percontohan untuk mengawasi kualiti air di sepanjang Sungai Benut dengan mengambil contoh-contoh air dari masa ke semasa. Pada tahun 1982 stesyen percontohan yang asal adalah 3 stesyen dan ditambah pada tahun 1983 sebanyak 2 lagi. Kesemuanya berjumlah 5 stesyen percontohan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SEOW HUN KHIM
TARIKH : 22 MAC 1983

SOALAN

Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar beribu-ribu ekor ikan ternakan di kawasan perairan di Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan, didapati mati pada 31.12.82, akibat pencemaran air. Jika ya, sama ada punca-punca pencemaran itu telah dikesan dan apakah langkah berkesan yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk menjamin agar sungai-sungai dan kawasan-kawasan perairan di negeri kita bebas daripada pencemaran.

JAWAPAN

Memang benar terdapat satu kejadian yang telah dilaporkan kepada Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya yang melibatkan kematian ikan dalam sangkar di kawasan perairan di Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan iaitu di Sungai Jejawi pada 31hb. Disember, 1982. Adalah difahamkan bahawa jenis ikan ternakan yang mati itu adalan IKAN LAUT, di antaranya ialah:-

(a) Ikan Kerapu (Epinephalus sedfasciatus)
(b) Jenahak (Ilutianus argentimaculatus)
(c) Siakap (Lates calcarifer)
(d) Siakap Merak

Berdasarkan kepada penyiasatan Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya dan juga penyiasatan berasingan Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian, adalah didapati bahawa kematian ikan-ikan itu BUKANLAH disebabkan oleh pencemaran tetapi berpunca dari keadaan hujan lebat yang berterusan beberapa hari sebelum kejadian itu berlaku yang membawakan satu atau lebih daripada 3 faktor seperti berikut:-

(a) Penurunan kemasin di kawasan ternakan itu yang disebabkan oleh hujan lebat yang berterusan dan air hujan telah dikumpul di tadahan pintu jajar

Jabatan Parit dan Taliair. Pembukaan pintu jajar sebagai langkah mencegah berlakunya air bah telah membawa banyak air tawar dengan mengejutkan dari hulu sungai ke hilir sungai sehingga ke kawasan kuala (iaitu tempat ternakan ikan) telah menyebabkan penurunan kemasin yang ketara dan menjadi kritikal ke atas jenis-jenis ikan yang diternak itu.

(b) Kemunculan bahan-bahan sedimen yang dibawa oleh arus air yang deras.

(c) Kawasan ternakan itu adalah dikelilingi oleh paya bakau yang mempunyai tanah asid. Pada musim hujan, asid di dalam tanah diserap keluar menyebabkan air menjadi asidik.

Kejadian yang dimaksudkan itu adalah yang keempat pernah berlaku di kawasan tersebut. Mengikut maklumat daripada pihak Jabatan Perikanan, kejadian-kejadian yang lepas ialah tiga kejadian yang kecil yang diketahui oleh Jabatan tersebut. Adalah difahamkan daripada pihak Jabatan Perikanan bahawa ketiga-tiga kejadian kecil yang dimaksudkan itu juga disebabkan oleh keadaan hujan lebat yang membawakan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi.

Memandangkan kematian ikan-ikan itu boleh dikatakan berpunca dari sebab-sebab malapetaka semulajadi, penternak-penternak ikan hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di kawasan-kawasan tertentu yang sesuai. Mereka bolehlah meminta nasihat serta tunjuk ajar dan sebagainya dari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia iaitu MAJUIKAN.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. YUSOF BIN HJ. YAKOB
TARIKH : 25 MAC 1983

SOALAN

Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tugas pejabat Bahagian Alam Sekitar di Sabah. Berapakah kes pencemaran alam sekitar di Sabah yang telah dipertengahkan ke Mahkamah dan berapakah darinya telah dikenakan denda?

JAWAPAN

Tugas Pejabat Cawangan Bahagian Alam Sekitar di Sabah adalah seperti berikut:-

(a) Penguatkusaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

(b) Pengawasan Kualiti Air dan Udara

(c) Penilaian Awal Tapak Industri

(d) Penyiasatan dan tindakan atas kes-kes aduan pencemaran.

Semenjak Pejabat Cawangan Bahagian Alam Sekitar di Sabah ditubuhkan dalam bulan Mei, 1981, dua kes kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telah dibawa ke Mahkamah dan keputusan adalah seperti berikut:-

(i) Satu kes yang melibatkan Sabah Estate Palm Oil Mill Sdn. Bhd. Sandakan telah dihadapkan ke Mahkamah pada 24.2.82 kerana melepaskan effluen yang berlebihan. Kilang tersebut telah didenda sebanyak $800.00

(ii) Satu kes yang melibatkan Pamol Sabah Ltd., Sandakan telah diberi amaran di bawah Seksyen 173(A) Kanun Acara Jenayah pada 24.2.82.

Senarai kes-kes yang telah dibawa ke Mahkamah Negeri Sabah

(i)	Pamol Sabah Ltd., Sandakan	–	Keputusan Mahkamah
		–	Amaran
(ii)	Sabah Palm Estate, Sandakan	–	Keputusan Mahkamah
		–	Denda $800.00

Dua lagi kes telah didaftarkan di Mahkamah yang mana satu kes yang melibatkan Sabah Agricultural Development Palm Oil Mill Sdn. Bhd. Sempurna, Tawau kerana menjalankan operasi tanpa lesen telah ditetapkan perbicaraan awal (mention) pada 28hb. April, 1983 dan satu lagi kes di mana tarikh perbicaraan awal belum lagi ditetapkan adalah melibatkan Syarikat Hock Lee Sawmill Sdn. Bhd., Kota Kinabalu kerana pembakaran terbuka.

Selain daripada itu, tawaran kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 telah melibatkan 11 kes seperti berikut:-

	Nama Kilang	**Telah Didenda**
(a)	Lee Brothers Furniture & Contractor Kota Kinabalu	$ 250.00
(b)	Syarikat Kinabalu Lumber Sdn. Bhd., Tawau	$ 500.00
(c)	Kilang Papan Hop Seng, Tawau	$ 500.00
(d)	Metropolitan Industry, Kota Kinabalu	$ 500.00
(e)	Kinabalu Furniture Factory, Kota Kinabalu	$ 250.00
(f)	Hock Lee Sawmill Sdn. Bhd., Kota Kinabalu	$ 250.00
(g)	Syarikat Len Chien Timber & Contractor Kota Kinabalu	$ 250.00
(h)	K.S. Lim Sdn.Bhd., Kota Kinabalu	$ 150.00
(i)	Ngee Seng Construction & Wood-Working	$ 150.00
(j)	Gaya Tyre Retrading Sdn. Bhd., Kota Kinabalu	$ 500.00
(k)	Gaya Tyre Retrading Sdn. Bhd., Kota Kinabalu (Kesalahan Kedua)	$ 500.00
	JUMLAH	$ 3,800.00

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN

1. Selain daripada kes-kes di Mahkamah bagaimanakah tindakan-tindakan yang lain yang dijalankan di bawah aktiviti penguatkuasaan?

JAWAPAN

Kesalahan dalam 11 kes telah dikompaunkan dengan bayaran denda sebanyak $3,800.00. Bagi 10 kes kesalahan lagi tawaran kompaun telah diberi tetapi jawapan masih ditunggu. Sekiranya mereka itu gagal menjelaskan tawaran kompaun dalam tempoh yang telah ditetapkan mereka akan dihadapkan ke Mahkamah. Sila lihat Lampiran 'B'.

SOALAN

2. Apakah tindakan yang telah diambil bagi menerangkan peranan dan fungsi cawangan Bahagian Alam Sekitar di Sabah?

JAWAPAN

Ketua Pengarah Alam Sekitar telah memberi taklimat di Majlis Mesyuarat Tindakan Negeri Sabah pada 5 Ogos 1982. Selain daripada itu surat pekeliling dan mesyuarat-mesyuarat telah diadakan dengan Agensi-Agensi Kerajaan di Negeri Sabah dalam usaha mendapatkan kerjasama sepenuhnya bagi melicinkan tugas-tugas Pejabat Cawangan di Sabah.

Adalah dijangka satu Seminar akan diadakan bagi Negeri Sabah mengenai aktiviti-aktiviti dan fungsi Bahagian Alam Sekitar Sabah menjelang akhir tahun ini.

Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 1982 satu pameran Hari Alam Sekitar telah dianjurkan selama 1 minggu mulai daripada 31 Mei hingga 5 Jun anjuran bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Pembangunan Sumber, Sabah.

Mengikut arahan YAB Ketua Menteri Sabah dalam bulan September, 1982 arahan telah dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Sumber Negeri Sabah supaya tidak lagi menduplikasikan tanggung jawab dan fungsi Bahagian Alam Sekitar Cawangan Sabah.

SOALAN

3. Di manakah Pejabat Wilayah Bahagian Alam Sekitar?

JAWAPAN

Pejabat Wilayah Bahagian Alam Sekitar di seluruh negara adalah seperti berikut:-

(a) Pejabat Wilayah Utara
Alamat: Bahagian Alam Sekitar (Wilayah Utara)
No. 4768-A, Jalan Bagan Luar
Butterworth
Seberang Perai
(Meliputi Negeri: Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak)
Telefon No. 04-340441

(b) Pejabat Wilayah Tengah
Alamat: Bahagian Alam Sekitar (Wilayah Tengah)
Tingkat 1 – 4, Bangunan Balai Islam
250-D, Jalan Ipoh
KUALA LUMPUR
(Meliputi Negeri: Wilayah Persekutuan, Selangor,
Negeri Sembilan dan Melaka)
Telefon No.: 916282

(c) Pejabat Wilayah Selatan
Alamat: Bahagian Alam Sekitar (Wilayah Selatan)
Tingkat 25, Komplek Tun Abdul Razak
Jalan Wong Ah Fook
Johor Bahru, JOHOR
(Meliputi Negeri: Johor)
Telefon No.: 073-226723 & 226123

(d) Pejabat Wilayah Timur
Alamat: Bahagian Alam Sekitar (Wilayah Timur)
Tingkat 4, Bangunan Asia Life
Jalan Telok Sisek
Kuantan, PAHANG
(Meliputi Negeri: Pahang, Terengganu, Kelantan)
Telefon No.: 095-29075 & 292911

(e) Pejabat Wilayah Sarawak
Alamat: Bahagian Alam Sekitar (Wilayah Sarawak)
Tingkat 7, Bangunan Tunku Abdul Rahman
Petra Jaya, Kuching, SARAWAK
(Meliputi Negeri: Sarawak)
Telefon No.: 082-86972 & 440972

Selain daripada itu 2 unit khas Bahagian Alam Sekitar ditubuhkan di rancangan pembangunan Wilayah:-

(a) Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
399, Jalan Telok Sisek
Kuantan, PAHANG
Telefon No.: 095-22466

(b) Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
Bangunan Dewan Undangan Negeri
Jalan Cherong Lanjut
Kuala Terengganu, TERENGGAU
Telefon No.: 096-23612 & 23554

Jawatan-jawatan bagi Pejabat-Pejabat Wilayah adalah seperti di Lampiran I.

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN				CATITAN
					M	C	I	L	
1	Ketua Pengarah Alam Sekitar PTD Tingkatan Tertinggi "D"	1	1	–	–	–	1	–	
2	Tim. Pengawal Kawalan Alam Sekitar Tingkatan Tertinggi F	2	2	–	–	1	1	–	
3	Ketua Penolong Pengarah* Kawalan Alam Sekitar Tingkatan Tertinggi "C"	3	3	–	1	1	1	–	*Penyandang cuti belajar – jawatan dipangku oleh Encik Peter Ho – PK Tingkatan Biasa
4	Ketua Penolong Pengarah Kawalan Alam Sekitar, PTD T/Kanan (Pentadbiran)	1	1	–	1	–	–	–	
5	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Tingkatan Kanan	7	7	–	5	2	–	–	
6	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Tingkatan Biasa	54	40	14	31	7	1	1	
7	Pegawai Tadbir Am T/Biasa	2	2	–	2	–	–	–	
8	Pegawai Kerja Kanan	1	1	–	1	–	–	–	
9	Penolong Pegawai Kawalan Kanan Alam Sekitar	6	6	–	3	2	1	–	
10	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	126	74	52	73	–	1	–	

	M	C	I	L
Kump. A				
Kump. B				
Kump. C				
Kump. D				
Jumlah				

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN				CATITAN
					M	C	I	L	
11	Pegawai Kerja Am	1	1	–	–	1	–	–	
12	(i) Pegawai Kerani Kanan	1	1	–	1	–	–	–	
	(ii) Pegawai Kerani Am	15	15	–	15	–	–	–	
13	Pem. Perpustakaan Tingkatan III	1	1	–	1	–	–	–	
14	Tukang Pelan Tingkatan Biasa	1	1	–	1	–	–	–	
15	Jurutringkas Tingkatan Biasa	4	4	–	3	1	–	–	
16	(i) Juruteknik T/Biasa*	67	35	32	28	5	2	–	
	(ii) Juruteknik Rendah	11	8	3	8	–	–	–	
17	Jurutaip	18	15	3	15	–	–	–	
18	Operator Telefon	3	3	–	2	–	1	–	
19	Pegawai Kerani Rendah	2	2	–	2	–	–	–	
20	Penghantar Cepat	1	1	–	1	–	–	–	
21	Attendan Makmal	11	9	2	7	–	2	–	

*Lihat Lampiran

	M	C	I	L
Kump. A				
Kump. B				
Kump. C				
Kump. D				
Jumlah				

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN			
					M	C	I	L
22	Pelayan Pejabat	10	9	1	8	–	1	–
23	Pencari Fail	1	1	–	1	–	–	–
24	Pemandu*	21	10	11	9	–	1	–
25	Buruh Am*	5	2	3	2	–	–	–
	JUMLAH	376	225	121	221	20	12	1

CATITAN

*Lihat Lampiran

	M	C	I	L
Kump. A	40	11	4	1
Kump. B	77	3	2	–
Kump. C	49	6	2	–
Kump. D	55	–	5	–
Jumlah	221	20	13	1

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN			
					M	C	I	L
1	Tim. Pengawal Kawalan Alam Sekitar, Tingkatan Tertinggi "F"	1	1	–	–	–	1	–
2	Ketua Pen. Pengawal Kawalan Alam Sekitar Tingkatan Tertinggi "G"	2	2	–	1	–	1	–
3	Pegawai Kawalan	18	24	4	9	4	–	1
4	Penolong Pegawai Kawalan	25	19	6	19	–	–	–
5	Juruteknik Tingkatan Biasa	6	5	1	3	1	1	–
6	Attendan Makmal	2	2	–	2	–	–	–
	JUMLAH	54	43	11	34	5	3	1

CATITAN

	M	C	I	L
Kump. A	10	4	2	1
Kump. B	19	–	–	–
Kump. C	3	1	1	–
Kump. D	2	–	–	–
Jumlah	34	5	3	1

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

Ibu Pejabat (Pentadbiran)

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN			
					M	C	I	L
1	Ketua Pengarah Alam Sekitar PTD Tingkatan Tertinggi "D"	1	1	–	–	–	1	–
2	Ketua Pen. Pengarah Kawalan Alam Sekitar P.T.D. Ting. Kanan Pentadbiran	1	1	–	1	–	–	–
3	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Tingkatan Kanan	1	1	–	–	1	–	–
4	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	7	4	3	4	–	–	–
5	Pegawai Tadbir Am Tingkatan Biasa	2	2	–	2	–	–	–
6	Pegawai Kerja Kanan	1	1	–	1	–	–	–
7	Penolong Pegawai Kawalan	5	2	3	2	–	–	–
8	Pegawai Kerja Am	1	1	–	–	1	–	–
9	Pegawai Kerani Kanan	1	1	–	1	–	–	–
10	Pegawai Kerani Am	9	9	–	9	–	–	–
11	Pegawai Kerani Rendah	2	2	–	2	–	–	–
12	Pembantu Perpustakaan Tingkatan Biasa	1	1	–	1	–	–	–

CATITAN

	M	C	I	L
Kump. A				
Kump. B				
Kump. C				
Kump. D				
Jumlah				

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

Ibu Pejabat (Pentadbiran)

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN			
					M	C	I	L
13	Tukang Pelan Tingkatan Biasa	1	1	–	1	–	–	–
14	Jurutringkas Tingkatan Biasa	4	4	–	3	1	–	–
15	Jurutaip	11	10	1	10	–	–	–
16	Operator Telefon	3	3	–	3	–	–	–
17	Penghantar Cepat	1	1	–	1	–	–	–
18	Pelayan Pejabat	4	4	–	4	–	–	–
19	Pencari Fail	1	1	–	–	–	–	–
20	Pemandu	4	3	1	3	–	–	–
	JUMLAH	61	53	8	48	3	2	–

CATITAN

	M	C	I	L
Kump. A	7	1	1	–
Kump. B	3	1	–	–
Kump. C	15	1	–	–
Kump. D	21	–	1	–
Jumlah	46	3	2	–

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

WILAYAH TIMUR

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN				CATITAN
					M	C	I	L	
1	Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	1	–	–	–	
2	Pegawai Kawalan	1	1	–	–	–	1	–	
3	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	–	1	–	–	
4	Penolong Pegawai Kawalan	11	7	4	7	–	–	–	
5	Pegawai Kerani Am	1	1	–	1	–	–	–	
6	Juruteknik Tingkatan Biasa	9	5	4	5	–	–	–	
7	Juruteknik Rendah	1	–	1	–	–	–	–	
8	Jurutaip	1	1	–	1	–	–	–	
9	Pelayan Pejabat	1	1	–	1	–	–	–	
10	Attendan Makmal	2	1	1	1	–	–	–	
11	Buruh Am	1	1	–	1	–	–	–	
12	Pemandu	4	1	3	1	–	–	–	
	JUMLAH	34	21	13	19	1	1	–	

	M	C	I	L
Kump. A	1	–	1	–
Kump. B	7	1	–	–
Kump. C	6	–	–	–
Kump. D	5	–	–	–
Jumlah	19	1	1	–

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

WILAYAH UTARA

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN				CATITAN
					M	C	I	L	
1	Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	1	–	–	–	
2	Pegawai Kawalan	1	1	–	–	1	–	–	
3	Pen. Pengawai Kawalan Kanan	1	1	–	–	1	–	–	
4	Penolong Pegawai Kawalan	13	7	6	7	–	–	–	
5	Pegawai Kerani Am	1	1	–	1	–	–	–	
6	Juruteknik Tingkatan Biasa	9	3	6	3	–	–	–	
7	Juruteknik Rendah	1	1	–	1	–	–	–	
8	Jurutaip	1	1	–	1	–	–	–	
9	Pelayan Pejabat	1	1	–	1	–	–	–	
10	Attendan Makmal	1	1	1	1	–	–	–	
11	Buruh Am	1	–	1	–	–	–	–	
12	Pemandu	4	2	2	2	–	–	–	
	JUMLAH	35	20	15	18	1	1	–	

	M	C	I	L
Kump. A	1	1	–	–
Kump. B	7	–	1	–
Kump. C	4	–	–	–
Kump. D	6	–	–	–
Jumlah	18	1	1	–

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

Ibu Pejabat (Udara)

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN				CATITAN
					M	C	I	L	
1	Timbalan Pegawai Kawalan Alam Sekitar Tingkatan Tertinggi "F"	1	1	–	–	1	–	–	
2	Ketua Pen. Pengawal Kawalan Alam Sekitar Tingkatan Tertinggi "G"	1	1	–	–	1	–	–	
3	Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	1	–	–	–	
4	Pegawai Kawalan	21	16	5	15	1	–	–	
5	Penolong Pegawai Kawalan	18	16	2	16	–	–	–	
6	Juruteknik Tingkatan Biasa	8	6	2	4	2	–	–	
7	Juruteknik Rendah	3	2	1	2	–	–	–	
	JUMLAH	53	43	10	38	5	–	–	

	M	C	I	L
Kump. A	16	3	–	–
Kump. B	16	–	–	–
Kump. C	4	2	–	–
Kump. D	2	–	–	–
Jumlah	38	5	–	–

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

WILAYAH TENGAH

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN				CATITAN
					M	C	I	L	
1	Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	1	–	–	–	
2	Pegawai Kawalan	1	1	–	–	1	–	–	
3	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	–	1	–	–	
4	Penolong Pegawai Kawalan	26	10	16	10	–	–	–	
5	Pegawai Kerani Am	1	1	–	1	–	–	–	
6	Juruteknik Tingkatan Biasa	16	7	9	6	1	–	–	
7	Juruteknik Rendah	3	2	1	2	–	–	–	
8	Jurutaip	2	1	1	1	–	–	–	
9	Pelayan Pejabat	1	1	–	–	–	1	–	
10	Attendan Makmal	3	3	–	1	–	2	–	
11	Pemandu	3	2	1	1	–	1	–	
12	Buruh Am	1	1	–	1	–	–	–	
	JUMLAH	59	31	28	25	2	4	–	

	M	C	I	L
Kump. A	1	1	–	–
Kump. B	11	–	–	–
Kump. C	7	1	–	–
Kump. D	6	–	4	–
Jumlah	25	2	4	–

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

WILAYAH SELATAN

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN				CATITAN
					M	C	I	L	
1	Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	–	1	–	–	
2	Pegawai Kawalan	1	1	–	1	–	–	–	
3	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	1	–	–	–	
4	Penolong Pegawai Kawalan	10	8	2	7	–	1	–	
5	Pegawai Kerani Am	1	1	–	1	–	–	–	
6	Juruteknik Tingkatan Biasa	8	4	4	2	1	1	–	
7	Juruteknik Rendah	1	1	–	1	–	–	–	
8	Jurutaip	1	1	–	1	–	–	–	
9	Pelayan Pejabat	1	1	–	1	–	–	–	
10	Attendan Makmal	1	1	–	1	–	–	–	
11	Pemandu	3	1	2	1	–	–	–	
12	Buruh Am	1	–	1	–	–	–	–	
	JUMLAH	30	21	9	17	2	2	–	

	M	C	I	L
Kump. A	1	1	–	–
Kump. B	9	–	1	–
Kump. C	3	1	1	–
Kump. D	5	–	–	–
Jumlah	17	2	2	–

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

WILAYAH SARAWAK

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN				CATITAN
					M	C	I	L	
1	Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	1	–	–	–	
2	Pegawai Kawalan	1	1	–	1	–	–	–	
3	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	–	1	–	–	
4	Penolong Pegawai Kawalan	8	1	7	1	–	–	–	
5	Pegawai Kerani Am	1	1	–	1	–	–	–	
6	Juruteknik Tingkatan Biasa	4	2	2	2	–	–	–	
7	Juruteknik Rendah	1	1	–	1	–	–	–	
8	Jurutaip	1	1	–	1	–	–	–	
9	Pelayan Pejabat	1	–	1	–	–	–	–	
10	Attendan Makmal	1	1	–	1	–	–	–	
11	Buruh Am	1	–	1	–	–	–	–	
12	Pemandu	1	–	1	–	–	–	–	
	JUMLAH	22	9	13	8	1	–	–	

	M	C	I	L
Kump. A	1	–	–	–
Kump. B	1	1	–	–
Kump. C	3	–	–	–
Kump. D	3	–	–	–
Jumlah	8	1	–	–

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

WILAYAH SABAH

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN			
					M	C	I	L
1	Pegawai Kawalan Kanan	1	1	–	1	–	–	–
2	Pen. Pegawai Kawalan Tingkatan Kanan	1	1	–	1	–	–	–
3	Penolong Pegawai Kawalan	6	2	4	2	–	–	–
4	Pegawai Kerani Am	1	1	–	1	–	–	–
5	Juruteknik Tingkatan Biasa	3	1	2	1	–	–	–
6	Juruteknik Rendah	1	1	–	1	–	–	–
7	Jurutaip	1	1	–	1	–	–	–
8	Pelayan Pejabat	1	1	–	1	–	–	–
9	Attendan Makmal	1	1	–	1	–	–	–
10	Pemandu	2	1	1	1	–	–	–
	JUMLAH	18	11	7	11	–	–	–

CATITAN

	M	C	I	L
Kump. A	1	–	–	–
Kump. B	3	–	–	–
Kump. C	2	–	–	–
Kump. D	4	–	–	–
Jumlah	11	–	–	–

KEDUDUKAN BILANGAN KAKITANGAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR
BERAKHIR PADA 28HB. FEBRUARI, 1983

BIL	NAMA JAWATAN	BIL. JAWATAN	JAWATAN DIPENUHI	JAWATAN KOSONG	JAWATAN DIPENUHI MENGIKUT KETURUNAN			
					M	C	I	L
	(DARA)							
1	Pegawai Kawalan	1	–	1	–	–	–	–
2	Penolong Pegawai Kawalan	2	1	1	1	–	–	–
3	Juruteknik Tingkatan Biasa	2	2	–	2	–	–	–
	JUMLAH	5	3	2	3	–	–	–
	(KETENGAH)							
1	Pegawai Kawalan	1	1	–	1	–	–	–
2	Penolong Pegawai Kawalan	2	1	–	1	–	–	–
3	Juruteknik Tingkatan Biasa	2	2	–	2	–	–	–
	JUMLAH	5	5	–	4	–	–	–

CATITAN

	M	C	I	L
Kump. A	–	–	–	–
Kump. B	1	–	–	–
Kump. C	2	–	–	–
Jumlah	3	–	–	–

	M	C	I	L
Kump. A	1	–	–	–
Kump. B	1	–	–	–
Kump. C	–	–	–	–
Jumlah	4	–	–	–

LAMPIRAN A

PENYATA KEKOSONGAN JAWATAN 28HB. FEBRUARI, 1983
Kementerian/Jabatan: BAHAGIAN ALAM SEKITAR
Kerajaan Persekutuan/Negeri: PERSEKUTUAN

KUMPULAN	Jumlah Jawatan Pada Penghujung Bulan Lepas	Jumlah Jawatan Baharu yang di ujudkan pada Bulan ini	Jumlah Jawatan	Jumlah Jawatan yang dipenohi	Kekosongan	CATITAN
Kumpulan A	70	–	70	56	14	(Tindakan yang telah diambil)
Kumpulan B	134	–	134	82	52	
Kumpulan C	89	–	89	57	32	2.
Kumpulan D	83	–	83	60	23	
JUMLAH BESAR	376	–	376	255	121	

SENARAI JAWATAN-JAWATAN YANG KOSONG PADA BULAN FEBRUARI 1983

KEMENTERIAN/JABATAN: BAHAGIAN ALAM SEKITAR
KERAJAAN PERSEKUTUAN/NEGERI: PERSEKUTUAN

Kumpulan	Nama Jawatan	Jumlah Kekosongan	Sama ada Jawatan Kenaikan Pangkat atau Lantikan Terus
A	Pegawai Kawalan	14	Lantikan terus/belum diisi sama ada sangkut/sementara.
B	Penolong Pegawai Kawalan	52	Lantikan terus/belum diisi sama ada sangkut/sementara.
C	Juruteknik Tkt. Biasa	32	Lantikan terus: (26 Semenanjung) (2 Sabah) (4 Sarawak)
D	Juruteknik Rendah	3	Semenanjung
D	Jurutaip	3	Semenanjung
D	Pelayan Pejabat	1	Lantikan terus: (1 Sarawak)
D	Attendan Makmal	2	(1 Sarawak, 1 Semenanjung)
D	Pemandu	11	Lantikan terus: (9 Semenanjung) (1 Sabah) (1 Sarawak)
D	Buruh Am	3	Lantikan terus: (2 Semenanjung) (1 Sarawak)
	JUMLAH	121	

LAPORAN KOMPAUN UNTUK TAHUN 1982 (WILAYAH SABAH)
WILAYAH SABAH (YANG TIDAK MENJELASKAN BAYARAN)

	NAMA KILANG	NO. FAIL	KESALAHAN	TARIKH KOMPAUN	TARIKH TUTUP	CATITAN
1.	Gardenia Beverage Sdn. Bhd. Kota Kinabalu, Sabah	31340/22/(2)	Per. 36	30/9/82	9/11/82	$500.00
2.	Gardenia Beverage Sdn. Bhd.	31340/22(3)	Per. 38	30/9/82	9/11/82	$500.00
3.	Kilang Papan Teck Guan Lahad Datu, Sabah	33111/442/(11)	Per. 11	30/9/82	9/11/82	$250.00
4.	Hong Heng Feedmill Kota Kinabalu, Sabah	31220/384/(4)	Per. 36	13/10/82	26/11/82	$200.00
5.	Kilang Papan Bonika Kg. Maritaman Sepitang, Sabah	31220/785/(4)	Per. 11	25/11/82	29/12/82	$500.00 (Surat dikembalikan) akan dihadapkan ke Mahkamah
6.	Kilang Papan Siap Lee Sdn. Bhd Kota Kinabalu, Sabah	33111/786(3)	Per. 11	22/12/82	31/1/83	$500.00
7.	Syarikat Hutan Banat Sdn. Bhd. Kota Kinabalu, Sabah	33111/848	Per. 11			$500.00
8.	Superwood Sawmill Sdn. Bhd. Kota Kinabalu, Sabah	3311/727	Per. 11	16/2/83	16/3/83	$200.00
9.	Aik Lee Timber Sawmill Papar, Sabah	33111/727	Per. 11	16/2/83	16/3/83	$200.00
10.	Syarikat Bakau Sdn. Bhd. Sepitang, Sabah	33111/801	Per. 11			$500.00
						$4000.00
	Jumlah Kes = 10 ($4000.00) Per. 11 = 8 Per. 8 = 1 Per. 36 = 1					

LAMPIRAN 'B'

LAPORAN KOMPAUN UNTUK TAHUN 1982 (WILAYAH SABAH)

NAMA KILANG	NO. FAIL	KESALAHAN	TARIKH KOMPAUN	TARIKH TUTUP	CATITAN
Lee Rubber Contractor Kota Kinabalu, Sabah	33111/564/(3)	Per. 11	28/4/82	27/5/82	$260.00 (28/6/82)
Syarikat Kinabalu Lumber Sdn. Bhd. Tawau, Sabah	33111/726/(2)	Per. 8	4/5/82	2/6/82	$500.00 (3/7/82)
Kilang Seng Tawau, Sabah	33111/689/(6)	Per. 8	7/5/82	10/6/82	$500.00 (10/6/82)
Metropolitan, Kota Kinabalu Sabah	32120/8/(4)	Per. 36	6/7/82	28/7/82	$500.00 (7/8/82)
Hock Lee Sawmill Sdn. Bhd. Tuaran Ros: Kota Kinabalu, Sabah	33111/563	Per. 11	29/1/81	2/3/81	$250.00 (16/6/81)
Syarikat Len Chien Timber & Kontraktor, Kota Kinbalu, Sabah	33111/565	Per. 11	3/3/81	3/3/81	$250.00 (25/4/81)
K.S. Lim Sdn. Bhd. Kota Kinabalu, Sabah	101/4 Jld. 6	Per 15	3/8/81	7/4/81	$150.00 (18/6/81)
Ngee Seng Construction & Woos Working Factory Sdn. Bhd. Kota Kinabalu, Sabah	33111/561	Per. 11	19/8/80	23/9/80	$160.00 (19/2/81)

LAMPIRAN 'B'

LAPORAN KOMPAUN UNTUK TAHUN 1982 (WILAYAH SABAH)

NAMA KILANG	NO. FAIL	KESALAHAN	TARIKH KOMPAUN	TARIKH TUTUP	CATITAN
Gaya Tyre Retrading Sdn. Bhd. Kota Kinabalu, Sabah	35510/15(3)	Per. 36	14/12/82	28/1/88	$500.00 (27/1/88)
Gaya Tyre Retrading Sdn. Bhd. Kota Kinabalu, Sabah	35510/15/(8)	Per. 33	14/12/82	28/1/88	$500.00 (27/1/88)
Jumlah kesalahan – 11 kes Peraturan 11 – 5 kes Peraturan 8 – 2 kes Peraturan 36 – 2 kes Peraturan 15 – 1 kes Peraturan 38 – 1 kes					

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. YUSOFF BIN HJ. YAKOB
TARIKH : 27 JULAI 1983

SOALAN

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Yakob minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan sejauh manakah Akta Alam Sekeliling, 1974 dikuatkuasakan di Sabah. Adalah beliau memberitahu berapa banyakkah kes-kes pencemaran alam sekitar di Sabah yang telah dihadapkan di Mahkamah dan berapa daripadanya telah dijatuhkan hukuman denda?

JAWAPAN

Semenjak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 mula dikuatkuasakan pada 15.4.75 ianya meliputi Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Namun demikian kegiatan penguatkuasaan baru sahaja dapat dipergiatkan dengan penubuhan pejabat Cawangan Bahagian Alam Sekitar, Kementerian saya bagi negeri Sabah mulai bulan Mac 1981. Hasil tindakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan berdasarkan kepada kemampuan dari segi kepegawaian empat kes telah dibawa ke Mahkamah dan keputusan adalah seperti berikut:-

(i) Sabah Palm Estate Palm Oil Mill Sdn. Bhd., Sandakan didapati bersalah kerana melepaskan effluen dengan kepekatan Oksigen Biokimia Yang Diperlukan (B.O.D.) yang berlebihan di Mahkamah Rendah Sandakan pada 24.2.1982 dan didenda sebanyak $800.00.

(ii) Kilang Kelapa Sawit Unipamol Sabah Ltd. didapati bersalah di Mahkamah Rendah, Sandakan dan telah diberi amaran di bawah Seksyen 173(A) Kanun Acara Jenayah pada 24.2.1982.

(iii) Sabah Agricultural Development Palm Oil Mill Sdn. Bhd. didapati bersalah dan didenda sebanyak $3,000.00 di Mahkamah Rendah Semporna pada 28.4.1983 kerana menduduki dan menggunakan premis yang ditetapkan (prescribed premises) tanpa lesen.

(iv) Syarikat Hock Lee Sawmill Sdn. Bhd., Kota Kinabalu didapati bersalah didapati bersalah di Mahkamah Kota Kinabalu pada 1.7.1983 dan didenda sebanyak $3,000.00 kerana membuat pembakaran terbuka tanpa lesen.

Selain daripada itu, tawaran kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 telah melibatkan 37 kes dengan jumlah kompaun sebanyak $16,000.00.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LING SIE MING
TARIKH	:	4 OGOS 1983

SOALAN

Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) bagaimana keadaan penggunaan tanah dan pencemaran/pengotoran sepanjang Batang Rejang; dan

(b) apakah tindakan Kerajaan akan ambil bagi mencegah kemerosotan keadaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tanah serta penggunaannya ialah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan Ahli Yang Berhormat dinasihatkan merujuk kepada Kerajaan Negeri berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan tanah.

Mengenai keadaan air, pada keseluruhannya keadaan kualiti air di Batang Rejang adalah dalam keadaan baik. Mungkin adanya keadaan pencemaran air di satu dua bahagian sungai itu dari masa ke semasa. Batang Rejang ialah sebuah sungai yang sangat panjang iaitu sepanjang kira-kira 550 kilometer. Oleh yang demikian bolehkah Ahli Yang Berhormat menjelaskan bahagian manakah yang dimaksudkan dalam pertanyaan beliau.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHAN KOK KIT
TARIKH	:	4 OGOS 83

SOALAN

Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan 'lead' yang terdapat dalam udara yang mengancam kesihatan orang awam.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, langkah-langkah yang telah diambil ialah seperti berikut:

a) Satu jawatankuasa antara agensi yang ditubuhkan oleh Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya di antara lain sedang mengkaji dan jika perlu akan mengenal pasti cara yang berkesan untuk menurunkan paras plumbum dalam minyak petrol daripada paras yang ada sekarang iaitu 0.84 gram dalam setiap liter minyak petrol kepada satu paras yang manasabah.

b) Mempergiatkan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, tahun 1974 terhadap kilang-kilang yang melepaskan plumbum dalam proses mereka, seperti kilang melebur plumbum dan kilang bateri supaya kilang-kilang tersebut tidak mengancam kesihatan orang ramai.

Beralih kepada paras plumbum di tempat kerja, perkara ini tertakluk kepada Akta Kilang dan Jentera, 1967 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Buruh.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DATUK JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI
TARIKH : 19 OKTOBER 1983

SOALAN

Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kebersihan sungai-sungai adalah penting, jika sedar nyatakan sungai-sungai mana yang dalam pemerhatian dan kawalan Kementerian ini?

JAWAPAN

Kerajaan memang sedar betapa pentingnya kebersihan sungai-sungai. Negara kita adalah bergantung kepada sungai-sungai untuk sumber utama air bagi bekalan kegunaan umum serta aktiviti-aktiviti pertanian dan perindustrian. Sejajar dengan ksesedaran ini Kementerian saya semenjak 1978 telah berusaha sebagai permulaannya mengadakan rangkaian stesen-stesen pengawasan yagn meliputi Semenanjung Malaysia. Mulai daripada tahun semasa, program ini telah diperluaskan untuk merangkumi seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab atas kawalan sungai-sungai ialah terletak di bawah jagaan tiap-tiap Kerajaan Negeri, khususnya Jabatan Parit dan Taliair Negeri masing-masing.

Senarai sungai-sungai yang diawasi adalah terlalu panjang untuk saya memandangkan ianya meliputi 78 sungai utama (57 di Semenanjung Malaysia, 11 di Sarawak dan 10 di Sabah). Bagi menjimatkan masa Dewan yang mulia ini dan dengan izin Yang DiPertua Dewan, senarai sungai-sungai yang dimaksudkan itu akan dihantar secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

SENARAI NAMA-NAMA SUNGAI YANG DIAWASI

A. Semenanjung Malaysia

1. Sg. Perlis
2. Sg. Kuar
3. Sg. Merbok
4. Sg. Kedah
5. Sg. Muda
6. Sg. Perai
7. Sg. Juru
8. Sg. Jejawi
9. Sg. Kerian
10. Sg. Kurau
11. Sg. Sepetang
12. Sg. Bruas
13. Sg. Raja Hitam
14. Sg. Perak
15. Sg. Bernam
16. Sg. Tengi
17. Sg. Selangor
18. Sg. Buloh
19. Sg. Kelang
20. Sg. Langat
21. Sg. Sepang
22. Sg. Linggi
23. Sg. Melaka
24. Sg. Duyong
25. Sg. Kesang
26. Sg. Muar
27. Sg. Batu Pahat
28. Sg. Benut
29. Sg. Pontian
30. Sg. Tebrau
31. Sg. Skudai
32. Sg. Johor
33. Sg. Sedili
34. Sg. Mersing
35. Sg. Endau
36. Sg. Rompin
37. Sg. Bebar
38. Sg. Merchong
39. Sg. Pahang
40. Sg. Kuantan
41. Sg. Balok
42. Sg. Cherating
43. Sg. Kemaman
44. Sg. Chukai
45. Sg. Kerteh
46. Sg. Paka
47. Sg. Dungun
48. Sg. Ibai
49. Sg. Marang
50. Sg. Merchang
51. Sg. Terangganu
52. Sg. Setiu
53. Sg. Keluang
54. Sg. Besut
55. Sg. Kemasin
56. Sg. Kelantan
57. Sg. Golok

B. SARAWAK

1. Sg. Sebako
2. Sg. Batang Kayan
3. Sg. Sarawak
4. Sg. Samarahan
5. Sg. Sadong
6. Batang Lupar
7. Batang Saribas
8. Batang Rajang
9. Batang Oya
10. Batang Mudah
11. Batang Kemena

C. SABAH

1. Sg. Padas
2. Sg. Papar
3. Sg. Tuaran
4. Sg. Bongan
5. Sg. Bengkoka
6. Sg. Sugut
7. Sg. Labuk
8. Sg. Kinabatangan
9. Sg. Segema
10. Sg. Kalumpang

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN V. GOVINDARAJ
TARIKH	:	15 NOVEMBER 1983

SOALAN

Tuan V. Govindaraj minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah hasil siasatan Kementerian beliau terhadap kilang CCM di Kelang dan apakah tindakan yang diambil untuk mencegah pencemaran sungai dan alam sekitar, serta penyakit-penyakit yang dihinggapi kepada pekerja-pekerja di kilang itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, atas permintaan Kerajaan Negeri Selangor satu penyiasatan yang menyeluruh dan kemas kini telah dijalankan bersama oleh tiga agensi Kerajaan iaitu Jabatan Kilang dan Jentera, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar dan hasil dari itu satu laporan terperinci telah dikemukakan pada bulan Ogos, 1982 kepada Kerajaan Negeri Selangor oleh Jabatan Alam Sekitar yang menjadi penyelaras tentang masalah pencemaran alam sekitar akibat operasi kilang Chemical Company of Malaysia Bhd.

Satu daripada perakuan yang dibuat ialah untuk mengadakan satu kawasan penempatan (buffer zone) di antara kilang ini dengan kawasan perumahan. Perwujudan kawasan ini merupakan satu standard yang perlu untuk mengurangkan kekesanan kegiatan perindustrian ke atas kawasan perumahan kerana kesemua kilang-kilang perusahaan akan sedikit sebanyak mengeluarkan atau mengakibatkan pencemaran. Berkaitan dengan ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah menyatakan bahawa permohonan bagi membina rumah akan hanya dipertimbangkan jika kawasannya terletak tidak kurang dari 1.6 km dari kilang tersebut.

Keduanya, ialan dengan mengadakan program pengawasan yang berterusan ke atas pelepasan dan pencemaran yang bertujuan untuk mengurangkan kesan pencemaran oleh kilang tersebut.

Di samping itu kilang ini juga sedang melaksanakan perubahan ke atas proses-proses yang terlibat dengan belanja sebanyak$17 juta, yang apabila siap nanti tidak akan lagi mengeluarkan bahan-bahan toksid.

Mengenai pencemaran udara pula, kilang tersebut telah memberi jaminan bahawa pihaknya akan memasang alat tertentu untuk mengurangkan bahan-bahan pencemaran yang seterusnya akan menghapuskan asap yang dikeluarkan oleh loji asid nitriknya.

Tuan Yang DiPertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kilang ini telah ditubuhkan dalam tahun 1965 lagi. Tetapi semakin ramai penduduk telah membuka perkampungan berdekatan dengan kawasan kilang tersebut. Sebagaimana dikatakan pada awal tadi kawasan perindustrian hendaklah dipisahkan dari kawasan perkampungan atau perumahan melalui zon penampanan (buffer zone). Jadi untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memindahkan penduduk-penduduk di situ ke kawasan yang baru atau lebih sesuai. Walau bagaimanapun keputusan ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Beralih kepada penyakit-penyakit yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, suka saya memaklumkan bahawa berdasarkan kepada rekod-rekod rasmi adalah didapati bahawa tidak terdapat sebarang laporan dari mana-mana Pegawai Perubatan yang mengesahkan mana-mana pekerja di kilang tersebut mendapat penyakit perusahaan disebabkan oleh kilang itu.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang DiPertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa salah satu langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor mengumumkan iaitu satu kawasan penempanan atau "buffer zone" akan diminta dilaksanakan di kawasan tersebut lebih kurang 1.6 km jaraknya daripada kilang tersebut. Dengan demikian, kalau Kerajaan melaksanakan kawasan "buffer zone" seperti yang diumumkan itu ini akan mengakibatkan kerugian kepada pihak Kerajaan Negeri, kerana kawasan tersebut tidak dapat digunakan untuk pembinaan perumahan dan sebagainya. Jadi adakah pihak kilang yang berkenaan akan membayar ganti rugi di atas tindakan untuk mengadakan buffer zone yang tersebut.

Yang kedua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengumumkan iaitu tidak ada pekerja-pekerja kilang yang telah terkena penyakit akibat daripada bekerja di

kilang tersebut. Jadi adakah penduduk-penduduk di sekitar kilang tersebut mengalami atau mengidap penyakit yang diakibatkan oleh kehadiran kilang tersebut; dan

Ketiga, sepertimana yang diketahui Akti Kualiti Alam Sekitar memperuntukkan syarat-syarat untuk mendapat kebenaran daripada Bahagian Alam Sekitar sendiri dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi kilang-kilang yang telah dibina sebelum kuatkuasa Akta Kualiti Alam Sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk menjawab soalan tambahan pertama tadi, berkaitan dengan kawasan penampanan di antara kawasan perindustrian dan kawasan perkampungan atau perumahan maka masalah ganti rugi ini tidak akan timbul, oleh kerana Kerajaan bercadang untuk menjadikan kawasan itu sebagai kawasan perindustrian ringan.

Berkenaan dengan soalan tambahan yang kedua tentang penyakit itu telahpun dijawab di dalam jawapan saya tadi. Mengikut rekod-rekod Kementerian saya, kami tidak ada menerima apa-apa laporan yang menunjukkan ada apa-apa kaitan dengan masalah itu .....

Tuan Yang DiPertua: Jawapan itu bukan bersangkut dengan orang-orang yang bekerja di dalamnya. Pertanyaannya ialah jiran-jiran, adakah sakit juga.

JAWAPAN

Mengikut aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian saya tidak ada apa-apa kaitan.

Yang ketiga, saya minta ulang sekali lagi.

Tuan Yang DiPertua: Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian kepada kilang-kilang yang dibina sebelum undang-undang ini dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, kalau saya tidak salah faham tujuan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan kilang-kilang yang telah didirikan sebelum

undang-undang itu dikuatkuasakan, dan apa tindakan yang diambil oleh Kementerian saya. Tuan Yang DiPertua, mengikut undang-undang yang ada sekarang, Kementerian saya adalah memberi masa iaitu dengan izin, "grace period" untuk kilang-kilang ini mematuhi peraturan-peraturan yang ada atau dikehendaki di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974. Selepas itu semua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta itu akan dipatuhi oleh semua kilang-kilang yang berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHD. RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID
TARIKH	:	21 NOVEMBER 1983

SOALAN

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat kilang-kilang kelapa sawit dan kilang-kilang getah di negara ini yang masih tidak mengambil indah arahan-arahan yang telah dibuat oleh Kementerian beliau bersabit dengan masalah pencemaran air dan pencemaran udara. Jika sedar, apakah tindakan selanjutnya terhadap tuan-tuan punya kilang yang degil itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Kementerian saya memang sedar bahawa masih terdapat segelintir kilang kelapa sawit dan kilang getah yang masih tidak mengambil indah terhadap arahan-arahan Kementerian saya.

Bagi kilang-kilang yang berdegil dan masih menyebabkan masalah pencemaran, tindakan mahkamah diambil dan sekiranya masalah pencemaran itu berterusan, maka tindakan akan diambil untuk menggantungkan lesen mereka.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang DiPertua, saya tertarik hati dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mengatakan bahawa mana-mana kilang yang berdegil akan diambil tindakan mahkamah.

Saya ucapkan tahniah sebanyak-banyaknya dan setinggi-tingginya kepada Kementerian ini kerana kesanggupan mereka itu tegas, tetapi ada kilang-kilang MARDEC yang duduk di bawah Kementerian Perusahaan Utama ikut bertanggungjawab membuat pencemaran udara dan air.

Saya boleh buktikan bahawa kilang yang seperti itu wujud dalam kawasan saya dan adakah pihak Kementerian ini sanggup membawa ke mahkamah kalau terbukti dan ada saksi lebih dari dua orang menunjukkan bahawa kilang ini telah menyebabkan timbulnya pencemaran air dan udara di kawasan yang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu ada kes-kes yang spesifik di dalam kawasan Yang Berhormat itu, bolehlah berhubung dengan Kementerian saya, tindakan sewajarnya mengikut Undang-undang akan diambil.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang DiPertua, bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada masalah pencemaran udara dan air daripada kilang-kilang besar yang masih ada disebabkan oleh kuasa seorang berpangkat dari pihak kilang atau pegawai-pegawai pemeriksaan tidak menjalankan tugas mereka dengan sempurna.

JAWAPAN

Tuan yang DiPertua, saya menafikan tuduhan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat ada butir-butir yang menunjukkan apa yang berlaku, bolehlah menyerahkan perkara itu kepada Kementerian saya dan kami akan mengambil tindakan.

SOALAN TAMBAHAN

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang DiPertua, adakah beliau sendiri pergi meronda untuk mengetahui di mana-mana tempat ada kilang-kilang yang ada mencemarkan kotoran air-air sungai dan udara kita misalnya dekat Kulai ada sebuah kilang kelapa sawit di mana ada banyak asap-asap keluar tiap-tiap hari, beberapa kali sehari dan ini mendahsyatkan kepada hidup-hidupan yang duduk di sana.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, ini adalah tanggungjawab pegawai di bawah Jabatan Alam Sekitar dan pegawai-pegawai yang berkenaan selepas menerima apa-apa aduan, akan dihantai ke tempat yang mana dilaporkan itu. Sebagai Setiausaha Perlimen , saya sendiri kadangkala ada melawat satu dua tempat yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN PETER CHIN GAN OON
TARIKH	:	21 NOVEMBER 1983

SOALAN

Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pencemaran abuk dan banyak kawasan-kawasan luar bandar adalah sangat tinggi daripada "standard" Malaysia iaitu 50 "microgrammes" setiap meter padu yang dicadangkan bagi kawasan-kawasan luar bandar dan sama ada Kementeriannya telah:-

(i) menjalankan kajian untuk mengenalpasti semua sumber-sumber pencemaran abuk dalam kawasan-kawasan luar bandar dan untuk mengawalnya;

(ii) mengambil langkah untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan udara bersih dengan lebih berkesan dan jika ya, apakah langkah-langkah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa banyak kawasan bandar mengalami pencemaran abuk yang sangat tinggi. Walaupun, Kementerian saya tahu beberapa kawasan di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Pulau Pinang mengalami pencemaran abuk. Bagi udara sekeliling (ambient air), paras rujukan yang digunakan ialah yang diperakukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk paras pepejal terampai yang dianggap selamat dari segi kesihatan, iaitu 60 hingga 90 "microgrammes" setiap meter padu. Tiada terdapat standard 50 "microgrammes" setiap meter padu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Menurut kajian-kajian dari pengawasan paras pepejal terampai di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ia menunjukkan paras yang melebihi 100 "microgrammes" setiap meter padu. Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar sedang giat melaksanakan satu program bagi mengenalpasti punca-punca perindustrian yang melepaskan abuk dan asap. Namun demikian, haruslah diingatkan bahawa terdapat juga punca abuk yang bukan berpunca dari aktiviti perindustian dan tidak tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Punca-punca yang dimaksudkan itu antara lain adalah seperti berikut:

(a) abuk yang bergantung dalam asap apabila bahan-bahan termasuk sampah kebun dan buangan kegiatan pertanian dan sebagainya dibakar dengan cara pembakaran terbuka;

(b) abuk dan asap yang dilepaskan oleh kenderaan seperti kereta bermotor terutamanya kereta berdiesel;

(c) abuk yang berterbangan apabila kereta lalu di atas jalan raya terutama jika jalan tidak bertar atau jalan terdapat banyak bahan kekotoran seperti tanah lumpur;

(d) abuk yang berpunca dari "wear and tear" pada permukaan jalan dan dari tayar kereta;

(e) abuk yang berpunca dari kegiatan-kegiatan pembinaan dan kemajuan tanah; dan

(f) bahan-bahan tanah dan lain-lain bahan dari lori-lori pengangkutan.

Untuk menjawab soalan kedua, memang benar bahawa penguatkuasaan yang berkaitan dengan pencemaran udara terutamanya habuk haruslah diperketatkan dan dikuatkuasakan sepenuhnya oleh semua pihak yang berkuasa. Di sini, tanggungjawab bagi mengawal keadaan di bawah bidangkuasa masing-masing terletak bukan sahaja ke atas Jabatan Alam Sekitar, tetapi juga pihak berkuasa Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah.

Bagi meninggikan kekesanan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, Kementerian saya telah mengenal pasti beberapa strategi untuk tindakan bersama. Strategi-strategi yang disebutkan di bawah ini adalah tambahan kepada langkah-langkah seperti memastikan supaya semua perparitan tidak terkambus atau tersekat oleh sampah, memastikan semua tanah-tanah dalam kawasan pembinaan tidak dibiarkan melimpah ke atas jalan raya, mencuci lori-lori dari tanah-tanah apabila keluar dari kawasan pembinaan, mengambil langkah perlu supaya tidak berlaku tumpahan dari lori-lori tersebut apabila mengangkut tanah-tanah atau sampah.

Strategi-strategi yang perlu dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak adalah seperti berikut:

(a) memerlukan semua kilang baru iaitu yang ditubuhkan selepas 1hb Oktober, 1978 supaya mengadakan sistem kawalan abuk yang berkesan;

(b) menjalankan kegiatan penguatkuasaan yang lebih intensif terhadap kilang-kilang yang melepaskan abuk;

(c) meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada kumpulan sasaran dengan penglibatan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar dalam kegiatan-kegiatan penyelarasan dan kerjasama dengan agensi-agensi lain melalui media-massa seperti radio, televisyen dan dan akhbar, menghadiri seminar dan bengkel dalam bidang-bidang tertentu dan sessi dialog dengan persatuan-persatuan pengilang; dan

(d) menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dengan kerjasama rapat dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri dalam bidang kawalan pencemaran abuk.

SOALAN TAMBAHAN

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang DiPertua, tadi Setiausaha Parlimen ada mengaku satu sumber pencemaran udara ialah dari kenderaan berat dan ringan. Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian bercadang membuat undang-undang atau peraturan-peraturan memerlukan semua kenderaan ini memasang alat anti pencemaran untuk membersihkan segala pengeluaran dari enjin.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, cadangan Ahli Yang Berhomat itu adalah baik ....

Tuan Yang DiPertua: Bukan dia mencadang, dia bertanya.

JAWAPAN

Kementerian akan mengambil cadangan itu untuk pertimbangan sewajarnya.

Tuan Yang DiPertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap kita dapat membayangkan berapa banyak 50 mikrograms tiap-tiap meter padu abuk.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN JUSTINE A/K TEMENGGONG JINGGUT
TARIKH : 22 NOVEMBER 1983

SOALAN

Tuan Justine a/k Temenggong Jinggut minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menya-takan adakah beliau sedar kebanyakan Sungai di Sarawak seperti Sg. Mujong, Sg. Paku, Sg. Melinau, Sg. Oyan dan lain-lain di Bahagian Ketujuh Sarawak telah mengalami kekotoran oleh sebab syarikat-syarikat yang membalak. Juga kebanyakan daripada sungai-sungai itu airnya tidak dapat diminum dan sebagai-nya. Apakah tindakan Kementerian tersebut sekarang dan akan diambil terhadap masalah ini.

JAWAPAN

Saya memang sedar bahawa beberapa buah sungai seperti Sg. Mujong, Sg. Paku, Sg. Melinau, Sg. Oyan dan lain-lain dalam Bahagian Ketujuh, Sarawak adalah nampaknya tercemar akibat aktiviti-aktiviti pembalakan dijalankan di beberapa buah kawasan bukit-bukau di kawasan hulunya. Dalam hubungan ini Jabatan Perhutanan Negeri, Sarawak telah mengeluarkan arahan kepada semua pengusaha pembalakan supaya berhati-hati setiap masa dan mengambil tindakan tertentu bagi mengurangkan masalah pencemaran sejauh mana yang boleh. Setakat ini, Kementerian saya tidak pernah menerima laporan dari mana-mana agensi Kerajaan mengenai berlakunya pencemaran sehingga menjejas kesihatan.

Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telah pun menyediakan garis-garis panduan bagi mencegah hakisan dan kelodakan dan terpulanglah kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengambil tindakan sewajarnya.

1984
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN JUSTINE A/K TEMENGGONG JINGGUT
TARIKH : 26 MAC 1984

SOALAN

Tuan Justine a/k Temenggong Jinggut minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyata-kan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan sungai-sungai di Batang Rejang dan Balleh di Bahagian Ketujuh, Sarawak mengalami pencemaran air oleh Syarikat Pembalakan. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian tersebut kepada masalah ini.

JAWAPAN

Saya sedar bahawa hanya sebilangan sahaja anak-anak sungai di Batang Rajang dan Balleh di Bahagian ketujuh, Sarawak mengalami pencemaran air disebabkan kelodakan tanah akibat dari aktiviti pembalakan di kawasan hulunya.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedar, pengeluaran lesen bagi pembalakan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak dan perkara ini diuruskan melalui Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak.

Dengan hal yang demikian, Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telahpun menyediakan Garis Panduan bagi Mencegah dan Mengawal Hakisan dan Kelodakan Tanah untuk membolehkan Kerajaan Negeri menjadikannya sebagai salah satu daripada syarat-syarat yang dikenakan di dalam lesen aktiviti pembalakan.

Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak merupakan agensi utama Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi menguatkuasakan syarat-syarat tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. CHEN MAN HIN
TARIKH : 30 MAC 1984

SOALAN

Dr. Chen Man Hin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada satu kajian telah dibuat berhubung dengan potensi pencemaran industri-industri yang ditubuhkan oleh HICOM ke atas alam sekitar di Lembah Kelang yang sudah pun mengalami udara 'smog' yang tinggi yang mengancam kesihatan beribu-ribu penduduk.

JAWAPAN

Berdasarkan kepada maklumat yang terdapat di Kementerian saya, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) dan HICOM-Yamaha Manufacturing Sdn. Bhd. ialah dua buah industri yang sedang ditubuhkan di Lembah Kelang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah membuat satu penilaian bagi kesesuaian tapak berhubung dengan potensi pencemaran bagi industri-industri tersebut dan didapati bahawa tapak mereka adalah sesuai. Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar telah juga menghendaki pihak HICOM mengemukakan keperluan-keperluan sistem kawalan pencemaran terhadap kedua-dua kilang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut sukatan-sukatan Jabatan Alam Sekitar paras gas ozon, iaitu komponen utama dalam 'smog', tidak mencapai paras yang membimbangkan seperti dituntut oleh Ahli Yang Berhormat dan sebenarnya boleh dikatakan rendah. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar akan meneruskan sukatan tersebut untuk mengawasi keadaan berlakunya 'smog' di kawasan Lembah Kelang supaya kesihatan penduduk tidak terancam.

Selain daripada itu satu rancangan tindakan untuk membersihkan Sungai Kelang telah disediakan dan rancangan ini telah dikemukakan dan diluluskan oleh Majlis Lembah Kelang baru-baru ini. Satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan di bawah Kementerian saya untuk menyelaras dan mengawas pelaksanaan rancangan tindakan tersebut.

Maklumat Tambahan Untuk Soalan Yang Dikemukakan Oleh Y.B. Dr. Chen Man Hin Di Dewan Rakyat Pada 30hb. Mac 1984

1. **Makna 'Smog'**

Pencemaran 'smog' meliputi campuran pencemar-pencemar yang terbentuk di dalam udara akibat reaksi kimia di antara oksida nitrogen dan hidrokarbon dengan adanya cahaya matahari. Sebahagian besar daripada 'photochemical smog' ialah ozon 'smog' selalunya dilaporkan di bandaraya-bandaraya seperti Los Angeles, Tokyo dan Sydney. Punca-punca pencemaran yang menyebabkan 'smog' ialah kereta-kereta motor khasnya yang menggunakan petrol.

2. **Kesan-kesan 'Smog'**

Kesan-kesan 'smog' terhadap kesihatan manusia termasuk sakit kepala, rangsang mata dan lapisan lendir pada hidung dan tekak, dan melemahkan tugas paru-paru yang mengakibatkan kesesakan nafas, batuk dan mengah. Kemungkinan dan keterukan kesan-kesan tersebut bergantung kepada paras kepekatan pencemaran dan 'sensitivity' tiap-tiap individu dan kegiatan yang sedang dijalankan oleh individu tersebut. 'Photochemical smog' juga boleh merosakkan tumbuh-tumbuhan dan mengurangkan penglihatan.

3. **Rancangan Jangka Panjang dan Jangka Pendek Untuk Mengawal Pencemaran di Lembah Kelang.**

Kementerian saya sedar tentang isu-isu alam sekitar seperti pencemaran udara, air, tanah termasuk hakisan tanah dan kelodakan, keadaan banjir dan perparitan, bunyi bising dan keperluan mencantikkan persekitaran. Beberapa langkah telah dirancangkan dan diambil bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Misalnya satu rancangan tindakan terhadap isu-isu alam sekitar di Wilayah Persekutuan supaya tindakan bersama diambil oleh semua pihak yang berkenaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan Alam Sekitar, universiti-universiti dan beberapa agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan. Rancangan-rancangan tindakan atau 'action plan' tersebut akan mengambil masa di antara 1 – 10 tahun bergantung kepada faktor-faktor seperti masa, tenaga manusia, peralatan dan kewangan untuk pelaksanaannya. Setakat ini sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan untuk menyelaras dan mengawas perkembangan rancangan tindakan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABD. RAHMAN
TARIKH	:	2 APRIL 1984

SOALAN

Y.B. Tuan Mamat Ghazalee b. Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapakah jumlah eksport binatang-binatang daripada negara ini untuk digunakan bagi eksperimen di luar negeri seperti monyet dan lain-lain. Tidak ini buruk kesannya. Apakah langkah-langkah untuk menyekatnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya kera dan beruk sahaja yang dieksport ke luar negeri untuk tujuan penyelidikan.

Jumlah kera yang telah dieksport adalah seperti berikut:

Tahun 1977	–	12,000 ekor
1978	–	18,000 ekor
1979	–	3,140 ekor
1980	–	4,135 ekor
1981	–	4,809 ekor
1982	–	3,743 ekor
1983	–	3,038 ekor

Pengeksportan kera dan beruk tersebut dilakukan berdasarkan kepada permohonan-permohonan yang diterima dari institusi-institusi yang membuat penyelidikan. Hanya permohonan dari institusi-institusi yang dibantu dengan wang awam dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri-negeri pengimpot yang berkenaan dan menjalankan penyelidikan yang berguna kepada manusia, terutamanya di bidang perubatan, sahaja dipertimbangkan. Institusi-instisusi tersebut juga diwajibkan menyertakan protokol prosidur serta penerangan berkenaan dengan penyelidikan yang bakal dijalankan menggunakan kera-kera yang dipohon.

Di antara penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh institusi-institusi yang menggunakan kera-kera dari Malaysia ialah:-

(i) penentuan terhadap keracunan ubat-ubat baru untuk kegunaan manusia;

(ii) penyelidikan virologi;

(iii) penyediaan serta penyelidikan vaksin polio dan campak;

(iv) kultur sel; dan

(v) penyelidikan saraf

Sehingga kini, tiada bukti-bukti nyata yang menunjukkan bahawa kera-kera dari Malaysia terlibat di dalam penyelidikan-penyelidikan selain dari yang tersebut di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeksportan kera dari Malaysia telah dihadkan sebanyak 5,000 ekor setahun semenjak tahun 1979. Satu musim tutup selama 5 tahun akan dikuatkuasakan pada 16hb Jun 1984 untuk membolehkan Jabatan Perhilitan menjalankan penyelidikan yang menyeluruh dan mendalam ke atas populasi kera.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. TAN SENG GIAW
TARIKH	:	2 APRIL 1984

SOALAN

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengapa tiada apa-apa tindakan diambil mengenai pencemaran alam yang keterlaluan akibat pembangunan dan pembakaran sampah di Jalan Kimia, Kg. Baru, Sg. Chua, Kajang, Selangor, dan adakah beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di situ telah mengadu bahawa getah, tayar-tayar lama, besi, kaca malah bangkai-bangkai binatang juga dibakar bersama, menyebabkan bau yang tidak tertahan serta habuk yang mengganggu pemandangan pemandu-pemandu kenderaan. Adakah beliau sedar bahawa 3 orang telah mati akibat barah hati (liver cancer) di kawasan ini, dan apakah tindakan-tindakan seterusnya yang akan diambil oleh Kementerian beliau mengenai keadaan ini.

JAWAPAN

Sejauh Kementerian saya terlibat, tidaklah benar sama sekali kononnya tidak ada tindakan diambil dalam kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Beralih kepada bahagian kedua dalam pertanyaan, memang benar Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya pernah menerima aduan semenjak Jun, 1982 daripada penduduk tempatan mengenai masalah pencemaran asap akibat pembakaran terbuka sampah sarap di Kg. Baru Sg. Chua, Kajang, Daerah Hulu Langat.

Aduan tersebut kesemuanya disiasat oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Alam Sekitar dan didapati berasas. Majlis Daerah Hulu Langat sebagai pihak berkuasa Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab telah dihubungi dan diberitahu secara bertulis seperti berikut:-

(i) Aduan itu hasil penyiasatan didapati berasas

(ii) Tindakan tertentu yang berkesan hendaklah diambil bagi menghentikan amalan pembakaran terbuka sampah sarap

(iii) Pelupusan sampah sarap haruslah dikendalikan dengan cara yang baik seperti menimbus sampah sarap dengan tanah/pasir diikuti dengan penyemburan pembasmi kuman

(iv) Kawasan tapak pelupusan sampah sarap eloklah dipagarkan bagi tujuan keselamatan.

Memandangkan tindakan susulan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar akan terus berhubung dengan pihak yang berkenaan dalam usaha menentukan perakuan-perakuan mendapat perhatian yang sewajarnya.

Menjawab bahagian ketiga dalam soalan, saya tidak sedar bahawa 3 orang telah mati akibat barah hati di kawasan itu.

SOALAN TAMBAHAN

Adakah Kementerian Kesihatan dihubungi berkenaan perkara kesihatan manusia terancam hingga 3 orang telah mati.

Memang Kementerian saya telah menghubungi Kementerian Kesihatan tetapi jawapan belum diterima.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai butir-butir lebih lanjut seperti orang yang terlibat dan tarikh kematian sila kemukakan kepada Kementerian saya untuk membolehkan siasatan lanjut diadakan.

Salah satu langkah Jangka Panjang ialah mengadakan 'Regional Oil Spil Combating Centre' berpusat di Davao di Filipina.

Saya juga difahamkan bahawa Kerajaan Negri Sembilan telah aturkan penyediaan satu Pelan Induk bagi pembangunan kawasan Port Dickson dijalankan secara kemas dan teratur.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LEE LAM THYE
TARIKH	:	4 APRIL 1984

SOALAN

Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kilang menimbulkan pencemaran yang dibawa ke mahkamah sejak 2 tahun lalu dengan menggariskan jenis perusahaan dan bentuk kesalahan dan jumlah denda yang dikutip. Oleh kerana denda yang dikenakan terlalu kecil, sama ada Kementerian bercadang meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling bagi mengenakan denda yang lebih berat ke atas pesalah-pesalah.

JAWAPAN

Bilangan kilang terlibat dalam kes pencemaran yang dibawa ke mahkamah ialah sebanyak 37 bagi tahun 1982 dan 48 bagi tahun 1983.

Jenis kilang-kilang yang terlibat termasuklah kilang-kilang berasaskan perkayuan, kilang kelapa sawit, kilang getah, kilang makanan, kilang batu bata, kilang padi, kilang kain, kilang kertas dan kilang kimia.

Bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan adalah seperti pelepasan effluen atau asap hitam melebihi had-had yang dibenarkan, melakukan pembakaran terbuka, melanggar syarat-syarat lesen, menjalankan operasi kilang getah atau kilang kelapa sawit tanpa lesen, membina atau memasang alat pembakaran bahanapi dan cerobong tanpa kelulusan bertulis Jabatan Alam Sekitar.

Jumlah denda yang telah dikenakan ke atas kilang-kilang yang dibawa ke mahkamah ialah sebanyak $89,350.00 bagi tahun 1982 dan sebanyak $69,300.00 bagi tahun 1983.

Cadangan oleh Ahli Yang Berhormat untuk mengenakan denda yang berat ke atas pesalah-pesalah telah diambil perhatian. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa setimpal dengan sesuatu kes kesalahan adalah tertakluk kepada budibicara

pihak Majistret. Oleh hal yang demikian saya telah menghubungi yang amat arif Ketua Hakim Negara yang telah memberi nasihat kepada semua pihak Majistret supaya mengenakan denda yang lebih berat. Saya tidak bercadang meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi tujuan mengenakan denda yang lebih berat kerana tindakan tersebut tidak menjaminkan hukuman berat dalam sesuatu kes kesalahan.

Maklumat Tambahan Untuk Soalan Yang Dikemukakan Oleh Y.B. Tuan Lee Lam Thye Di Dewan Rakyat Pada 4.4.1984

Jenis perusahaan yang menimbulkan pencemaran yang dibawa ke Mahkamah sejak dua tahun dahulu ialah seperti berikut:-

1.	Kilang berasaskan perkayuan	–	28
2.	Kilang kelapa sawit	–	15
3.	Kilang getah	–	5
4.	Kilang makanan	–	7
5.	Kilang batu bata	–	2
6.	Kilang padi	–	2
7.	Kilang kain	–	3
8.	Kilang kertas	–	1
9.	Industri keluaran besi	–	6
10.	Kilang simen dan kerja-kerja konkrit	–	3
11.	Lain-lain	–	11

Bentuk kesalahan bagi kilang-kilang yang menimbulkan pencemaran adalah seperti berikut:-

1.	Pelepasan effluen melebihi had-had yang dibenarkan	–	26
2.	Pelepasan asap hitam melebihi had-had yang dibenarkan	–	4
3.	Melakukan pembakaran terbuka	–	33
4.	Melanggar syarat-syarat lesen	–	13
5.	Menjalankan operasi kilang getah tanpa lesen	–	1
6.	Menjalankan operasi kilang kelapa sawit tanpa lesen	–	3
7.	Membina atau memasang alat pembakaran tanpa kelulusan bertulis Jabatan Alam Sekitar	–	4
8	Membina atau memasang cerobong tanpa kelulusan bertulis Jabatan Alam Sekitar	–	2

Kesalahan yang dikompaunkan:-

1.	Jumlah kes-kes kompaun bagi tahun 1982	–	196
2.	Jumlah kes-kes kompaun bagi tahun 1983	–	135
3.	Jumlah bayaran kompaun yang bagi tahun 1982	–	$64,100.00
4.	Jumlah bayaran kompaun yang bagi tahun 1983	–	$55,450.00

Kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 yang boleh dikompaunkan adalah berasaskan kepada betapa seriusnya sesuatu kes itu dan sama ada kes itu berlaku pertama kalinya. Kompaun maksima yang ditawarkan dihadkan kepada $500.00 bagi tiap-tiap kesalahan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN OMAR BIN ABDULLAH
TARIKH	:	6 APRIL 1984

SOALAN

Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan teratur dan jangka panjang bagi mengelakkan pantai Port Dickson terus menerus tercemar.

JAWAPAN

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang mempunyai rancangan yang teratur dan berjangka panjang untuk mengawal dan mengelakkan perairan Malaysia termasuk juga kawasan pantai Port Dickson, daripada tercemar. Rancangan ini adalah menyeluruh dan mengenali semua punca-punca pencemaran baik yang di darat mahupun yang di laut dan juga merangkumi langkah-langkah yang perlu diambil.

Punca-punca pencemaran dari darat adalah seperti berikut:-

(i) kumbahan
(ii) effluen-effluen perindustrian
(iii) hakisan tanah dan pemendapan
(iv) sampah sarap
(v) sisa-sisa perusahaan ternakan babi
(vi) lain-lain pelepasan menerusi sungai-sungai;

dan yang dari laut adalah seperti berikut:-

(i) pelepasan dan tumpahan minyak dari kapal-kapal tangki dan juga bot-bot perikanan

(ii) buangan kumbahan sampah sarap dan lain-lain benda yang mencemarkan di laut.

Untuk melaksanakan rancangan ini, kerjasama semua pihak adalah diperlukan. Pihak Kerajaan, bukan sahaja Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahkan juga lain-lain Kementerian dan Jabatan baik di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri dan tempatan mestilah bertanggungjawab. Rancangan ini akan lebih berkesan jika pihak swasta termasuk perusahaan-perusahaan perindustrian dan perkapalan dan juga orang ramai bekerjasama.

Kementerian saya sendiri melalui Jabatan Alam Sekitar mengambil langkah-langkah yang perlu seperti berikut:-

(i) menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan beberapa peraturan-peraturan di bawahnya

(ii) melaksanakan Rancangan Kontingensi Kebangsaan untuk Mencegah dan Mengawal Tumpahan Minyak di Selat Melaka.

(iii) menyelaraskan dengan Jabatan Laut di bawah Kementeian Pengangkutan kerja-kerja penguatkuasaan ke atas kapal-kapal yang membuang minyak dan benda-benda yang mencemarkan.

(iv) mengawasi kualiti air dan kebersihan am di Pantai Port Dickson dari masa ke semasa

(v) mengeluarkan Garis-Garis Panduan untuk Mencegah Hakisan Tanah, Penempatan Kilang-Kilang dan lain-lain Kegunaan Tanah serta Penilaian Alam Sekitar ke atas projek-projek pembangunan.

Selain daripada langkah-langkah yang di atas:-

(i) Majlis Bandaran Port Dickson mengambil tindakan yang baik seperti membersihkan pantai Port Dickson dari masa ke semasa.

(ii) Skim Perpisahan Lalu Lintas (Traffic Separation Scheme) telahpun dilaksanakan untuk mencegah berlakunya perlanggaran dan dengan ini diharap dapat mengelakkan tumpahan minyak.

Maklumat Tambahan Untuk Soalan Yang Dikemukakan Oleh Y.B. Tuan Omar bin Abdullah Pada 6.4.1984

Sejak tahun 1976, tidak ada kejadian tumpahan minyak yang besar dari kapal-kapal berlaku diperairan Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat kejadian di mana kapal-kapal yang melalui atau singgah di kawasan-kawasan Pelabuhan telah melepaskan minyak di kawasan-kawasan tersebut.

Jumlah kes-kes tumpahan minyak yang berlaku sejak 2 tahun yang lalu ialah:-

1982 – 19 kejadian

1983 – 8 kejadian

Jumlah kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah kerana melakukan kesalahan melepaskan minyak ialah:-

1982 – 1 denda $5000/-

1983 – 2 denda $1000/- bagi tiap-tiap kes

1984 – 1 denda $2500/-

Selain daripada itu 'clean-up' cost juga tuntut di mana pihak yang bertanggung-jawab dikenalpasti.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN YEW FOO WENG
TARIKH	:	16 JULAI 1984

SOALAN

Tuan Yew Foo Weng minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan dengan menempatkan pembinaan pembuangan sisa-sisa radioaktif berhampiran Pekan Papan 12.8 km dari Ipoh, bolehkah Menteri menyatakan apa sebab-sebabnya ditempatkan suatu pembinaan pembuangan sisa radioaktif berdekatan dengan kediaman penduduk-penduduk terutama sekali berhampiran dengan Papan; dan

Bolehkah beliau memberitahu tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan semua keperluan atau garis panduan dari "International Atomic Energy Agency" berkenaan dengan keselamatan akan dipatuhi. Adakah kemungkinan untuk memberitahu kepada orang ramai butir-butir berkenaan dengan keselamatan dan sama ada spesifikasi pembinaan pembuangan tersebut boleh diumumkan.

JAWAPAN

(a) Kawasan yang dipilih sebagai tempat menyimpan sisa radioaktif ini hendaklah memenuhi kesemua syarat teknikal yang ditentukan bagi sisa radioaktif jenis ini dan ini termasuklah dari segi taburan penduduk di sekitar tapak yang dipilih itu. Di antara beberapa kawasan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak, di dapati bahawa kawasan di Papan adalah paling sesuai dan memenuhi semua syarat yang ditentukan.

(b) Perjanjian di antara Syarikat dan Kerajaan Negeri Perak adalah langkah utama bagi memastikan syarikat mematuhi segala peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Berhubung dengan pembinaan yang sedang dilakukan itu, pihak Kerajaan belum lagi menerimanya kerana ianya belum siap. Kerajaan akan memeriksa peparit dan penyediaan kawasan ini dengan teliti dan hanya apabila Kerajaan berpuashati dengan kerja-kerja yang telah dilakukan itu, barulah Kerajaan akan membenarkan syarikat berkenaan menggunakannya.

Di samping itu, sebagai satu lagi langkah untuk menjamin keselamatan awan, program pengawasan alam sekitar di tapak penyimpanan dan di kawasan sekitarnya akan dilaksanakan bagi mempastikan sisa yang disimpan tidak akan mencemar alam sekeliling. Kerja-kerja pengawasan akan dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom apabila ia ditubuhkan hujung tahun ini. Adalah dijangka bahawa Unit Tenaga Nuklear di bawah Jabatan Perdana Menteri akan melaksanakan program pengawasan ini bagi pihak Lembaga.

Garis panduan yang diberi oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) mengenai ciri-ciri keselamatan berhubung dengan perkara ini telahpun diumumkan seperti yang tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan pada awal bulan lalu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM
TARIKH	:	17 JULAI 1984

SOALAN

Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mereka yang bertugas di pusat-pusat penyelidikan kajian seperti IMR, MARDI dan lain-lain adalah terdedah kepada bahan-bahan kimia yang beracun dan merbahaya yang boleh mencacatkan anggota, penglihatan, pendengaran dan juga boleh membawa maut jika ya, sama ada sebarang pampasan akan diberi kepada mereka kiranya mereka mendapat sebarang kecederaan semasa menjalankan penyelidikan/kajian.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, saya adalah sedar bahawa kakitangan di beberapa makmal dari sebilangan institut penyelidikan mungkin dari masa ke masa terdedah kepada bahan-bahan kimia toksik atau merbahaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pencen bagi kakitangan sektor awam telah sedia ada peruntukan yang membolehkan kaedah Pencen Hilang Upaya diberi kepada seseorang kakitangan yang disarakan dari perkhidmatan kerana mendapat penyakit akibat dari pendedahan kepada unsur-unsur yang membahayakan kesihatan semasa menjalankan urusan rasminya. Sekiranya kakitangan itu mati dalam perkhidmatan atau mati dalam tempoh 7 tahun dari tarikh mendapat sesuatu penyakit yang berpunca daripada pendedahan tersebut, maka tanggungan bagi kakitangan yang mati itu layak diberi Pencen Tanggungan.

Setakat ini belum ada berbangkit sebarang tuntutan untuk Pencen Hilang Upaya ataupun Pencen Tanggungan daripada kakitangan sektor awam yang telah mengalami bencana atau kecacatan akibat daripada pendedahan kepada alam pekerjaannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	17 JULAI 1984

SOALAN

Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyambut keinginan menyeluruh rakyat Malaysia yang sedar akan alam sekitar (environment-conscious) dan mengharamkan 'extraction', penyimpanan dan pengeksportan bahan-bahan radioaktif supaya menghapuskan segala risiko pencemaran udara, air dan makanan dan dengan demikian memastikan keselamatan rakyat Malaysia dan generasi-generasi akan datang terutama sekali mereka di Papan, Perak.

JAWAPAN

Pada masa ini tidak ada kegiatan melombong bahan-bahan radioaktif di negara ini. Bahan-bahan radioaktif yang dihasilkan di negara ini adalah keluaran sampingan dari kegiatan melombong bijih timah. Kerajaan tidak bercadang mengharamkan perlombongan bijih timah semata-mata kerana terdapat bahan-bahan radioaktif di dalamnya.

Kerajaan tidak membuat keputusan untuk menyimpan bahan-bahan radioaktif yang terhasil dari aktiviti-aktiviti perlombongan bijih ini dalam negeri dan tidak akan mengeksportnya buat masa ini. Langkah-langkah keselamatan bagi penyimpanan bahan-bahan radioaktif ini adalah menurut syarat-syarat Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. CHEN MAN HIN
TARIKH	:	18 JULAI 1984

SOALAN

Dr. Chen Man Hin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar tentang pencemaran ekstensif pantai-pantai di Port Dickson yang disebabkan oleh "effluents" yang dikeluarkan daripada hotel-hotel, kondominium, estet-estet perumahan, kedai-kedai dan emporium-emporium makan, bahawa ini merupakan satu ancaman kepada kesihatan perenang-perenang dan pelancong-pelancong dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghentikan pencemaran tersebut.

JAWAPAN

Saya memang sedar tentang masalah pencemaran Pantai Port Dickson. Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan kajian-kajian pengawasan kualiti air kawasan Pantai Port Dickson sejak 1979 dan rumusan-rumusan ialah seperti berikut:-

- Pencemaran berlaku akibat pelepasan kumbahan dari bandar Port Dickson dan banglo-banglo, hotel-hotel dan lain sebagainya.

- Namun demikian paras pencemaran adalah berlainan dari masa ke semasa dan kejadian ini tidaklah berlaku sepanjang masa.

Berikutan dengan kajian pengawasan tersebut langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil ialah seperti berikut:-

- Mempercepatkan perlaksanaan perancangan dan pembinaan sistem pembentongan dan penapisan air bagi daerah Port Dickson.

- Sejajar dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) pada awal tahun

1979 semua projek-projek baru dikehendaki oleh pihak berkuasa Kerajaan Tempatan untuk mematuhi standad-standad di bawahnya.

- Pihak berkuasa Kerajaan Tempatan akan mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasannya supaya menentukan tangki-tangki septik dan lain-lain loji pembersihan air kumbahan dibersihkan dengan lebih kerap lagi.

- Sejajar dengan perakuan dalam pelan induk bagi kemajuan pelancungan Port Dickson semua agensi yang terlibat akan terus menumpu perhatian kepada kehendak-kehendak pelan induk bagi pengurusan zon Pantai Port Dickson dan projek pembangunan tambahan tidak dibenarkan asalkan ia mematuhi kehendak-kehendak pelan induk.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN KHADRI BIN SABRAN
TARIKH	:	25 JULAI 1984

SOALAN

Y.B. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Sejauh manakah kajian telah terlaksana mengenai penggunaan bahan-bahan buangan dari babi (tahi babi) agar bahan-bahan tersebut terkawal dan tidak mengancam ketenteraman awam; dan

(b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyebarkan maklumat hasil dari kajian tersebut kepada orang ramai.

JAWAPAN

(a) Kementerian saya bersama dengan Jabatan Haiwan dan Universiti Pertanian Malaysia telah dan sedang menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengatasi masaalah pencemaran dari buangan ternakan babi dan untuk mengurangkan bau busuk dengan menggunakan buangan-buangan itu sebagai bahan untuk menghasilkan biogas.

Sebuah loji perintis biogas telah dibina di Pusat Haiwan, Sungai Buloh, Selangor. Loji perintis tersebut telah memakan belanja sebanyak $66 ribu dan mempunyai dua jenis sistem pengolahan iaitu satu sistem untuk ladang ternakan babi yang mempunyai di antara 100 hingga 1,000 ekor babi; dan satu lagi sistem di antara 1,000 hingga 5,000 ekor bagi. Loji perintis tersebut telahpun siap pembinaannya dan didapati sungguh berkesan.

Lain-lain kajian sedang dijalankan oleh lain-lain agensi Kerajaan seperti Kerajaan Negeri Selangor dan Universiti Pertanian Malaysia untuk mengolah effluen dari ternakan babi dan hasil kajian tersebut belum lagi diumumkan.

(b) Y.B. Timbalan Menteri Pertanian telah mengumumkan bahawa penternak-penternak babi bolehlah berhubung dengan pihaknya untuk mendapat butir-butir yang lebih lanjut mengenai langkah-langkah kawalan buangan dari babi. Beliau juga menjemput penternak-penternak babi untuk menyaksikan demonstrasi loji perintis tersebut di Sungai Buloh. Selain daripada itu, sebagai langkah untuk menyebarkan hasil kajian tersebut, pihak Jabatan Haiwan akan mengadakan perkhidmatan bimbingan (extension services) serta menerbitkan risalah, artikel dan sebagainya untuk kegunaan penternak-penternak tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN NEWMAN GABAN
TARIKH	:	25 JULAI 1984

SOALAN

Y.B. Tuan Newman Gaban minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kelodak yang berterusan di sungai-sungai utama dalam Daerah Kota Marudu telah menyebabkan kelam-kabut kepada beratus-ratus buah rumah dan beribu-ribu ekar tanah ladang yang sedang ditanam telah ditenggelami air; jika sedar, nyatakan:-

(a) apakah sebab-sebab utama berlakunya kelodak yang berterusan sekarang ini, yang mana tidak pernah berlaku pada masa dahulu, dan

(b) apakah tindakan yang akan diambil untuk memperluaskan dan memperbaiki sistem perparitan di Kota Marudu.

JAWAPAN

(a) Ya, saya sedar. Masalah utama di Daerah Kota Marudu ialah kejadian mendapan dan banjir akibat dari keadaan topografi dan faktor-faktor alam semula-jadi yang lain seperti cuaca tempatan. Masalah ini bertambah buruk disebabkan kegiatan pembalakan di Daerah Kota Marudu di mana terdapat sekurang-kurangnya 7 buah syarikat yang menjalankan kegiatan pembalakan di situ.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, tindakan sedang diambil oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair Sabah untuk menyelaraskan dan memperbaiki sistem perparitan di Daerah Kota Marudu.

Di dalam projek mencegah banjir Daratan Bandau di Daerah Kota Marudu, beberapa sungai utama di dataran tersebut akan diperluaskan serta diperdalamkan. Sungai-sungai yang terlibat ialah Sungai Bandau, Sungai Bongan, Sungai Lankon dan Sungai Tandek. Setakat ini, hanya rekabentuk bagi kerja-kerja memperluas dan memperdalamkan Sungai Bongan telah siap.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN SENG GIAW
TARIKH : 25 JULAI 1984

SOALAN

Tuan Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa sama ada beliau sedar akan salah satu pencemaran udara yang buruk di Kelang yang masih belum diatasi, seperti syarikat-syarikat Hume dan ASM di Bukit Raja. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil dan jika tidak mengapa begitu lama tidak, dan adakah Kementerian beliau sedar bahawa kesihatan penduduk-penduduk adalah terjejas. Betapa seriuskah penguatkuasaan undang-undang pencemaran alam oleh Kementerian beliau.

JAWAPAN

Saya memang sedar terdapat aduan pencemaran udara dari Kelang tetapi tidak sedar atas keburukannya seperti dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telahpun menyiasat aduan tersebut dan hasil penyiasatan tidak menunjukkan terdapat masalah pencemaran udara melainkan kejadian pada masa tertentu seperti pada peringkat ubahsuaian sistem kawalan (commissioning) ataupun apabila sistem kawalan mengalami kerosakan.

Beralih kepada kes-kes spesifik yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, Pegawai Daerah Kelang telah menyampaikan aduan terhadap Syarikat Hume Industries (M) Berhad tetapi aduan ini berkaitan dengan pencemaran bunyi bising. Hasil penyiasatan kilang tersebut telahpun diarah mengambil tindakan tertentu bagi mengurangkan paras bunyi bising dalam aktivitinya. Mengenai Syarikat Amalgamated Steel Mills Sdn. Bhd. (ASM) di Bukit Raja, setakat ini Jabatan Alam Sekitar telah menerima empat aduan kononnya pencemaran udara berlaku. Pelepasan abuk berlebihan berlaku kali pertama berikutan pelancaran (commissioning) sistem kawalan dan masalah ini telah diatasi dalam masa yang singkat. Lagi satu peristiwa pencemaran udara berlaku pada bulan November 1983 dan ini disebabkan oleh kerosakan sistem kawalan dan kilang telah diberi amaran

dan arahan tertentu. Kejadian terbaru ialah pada 26hb April 1984 selama lima jam, ini disebabkan oleh kerosakan motor sistem kawalan. Memandangkan kes ini ada bukti kejadian bertentangan dengan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 maka kertas penyiasatan disediakan untuk dihadapkan ke mahkamah asalkan ini mendapat kelulusan Timbalan Pendakwa Raya.

Soal kesihatan penduduk-penduduk tempatan terjejas tidak timbul oleh kerana setakat ini rekod rasmi tidak menunjukkan terdapat penyakit-penyakit akibat paras pencemaran udara.

Begitu juga soal Kementerian saya atau Jabatan Alam Sekitar tidak serius dalam usaha penguatkuasaan undang-undang pencemaran alam sekeliling tidak timbul sama sekali. Malahan kawalan pencemaran memerlukan persefahaman, kerja-sama dan sokongan semua pihak termasuk pekilang-pekilang sendiri, pekerja-pekerjanya dan juga agensi-agensi Kerajaan baikpun di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri dan juga rakyat jelata.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN
TARIKH : 22 NOVEMBER 1984

SOALAN

Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementeriannya untuk mengelakkan Selat Melaka daripada dicemari oleh tumpahan minyak dan pencemaran minyak disebabkan oleh pencucian kapal-kapal yang dibuat dengan sewenang-wenangnya. Adakah Kerajaan akan mengenakan levi kepada kapal-kapal yang belayar melalui Selat Melaka itu.

JAWAPAN

Sebagai makluman Y.B. dari Pontian ada dua jenis pencemaran minyak bergantung kepada sumber asalnya, iaitu:-

(i) buangan dan pencucian dari kapal (ballistic discharges)

(ii) tumpahan minyak

Untuk mengatasi masalah pencemaran yang disebabkan oleh pencucian kapal-kapal Kementerian saya dengan kerjasama Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain akan mengambil tindakan Mahkamah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 ke atas pihak yang bersalah. Walau bagaimanapun semua syarikat/perusahaan perkapalan dikehendaki mematuhi peraturan antarabangsa di bawah MARPOL Convention untuk tidak membuang "slop and other discharges" ke dalam perairan antarabangsa tetapi dikehendaki menggunakan kemudahan-kemudahan penerimaan dan pembersihan yang disediakan di pelabuhan-pelabuhan Pulau Sebarok di Singapura, Dumai di Sumatra dan Kerteh di Terengganu.

Sementara bagi pencemaran dari tumpahan minyak langkah-langkah yang telah diambil ialah dengan mengadakan sekim pemisahan trafik (Traffic Disposal Scheme) untuk mengurangkan kemungkinan pelanggaran. Di samping itu

Kerajaan juga telah mengadakan Rancangan Kontingensi (Contingency Plan) bersama-sama dengan Kerajaan-Kerajaan Indonesia dan Singapura bagi mengambil tindakan pembersihan ke atas mana-mana kejadian tumpahan minyak dengan menggunakan kemudahan Tabung Amanah (Revolving Fund).

Selat Melaka adalah merupakan perairan antarabangsa dan oleh itu apa-apa bayaran levi yang hendak dikenakan hendaklah mendapat persetujuan antarabangsa. Walau bagaimanapun Kerajaan masih mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalamnya.

SOALAN-SOALAN TAMBAHAN

1. Bagaimanakah Kementerian dapat mengesan kapal yang mengakibatkan kecemaran minyak?

   Kementerian mendapat kerjasama dari Pusat Penyelaras Maritim (Maritime Co-ordination Centre) di bawah Majlis Keselamatan Negara, yang membantu mengesan kapal-kapal yang bertanggungjawab.

2. Sejauh manakah nelayan-nelayan di Pantai Barat terjejas kerana pencemaran Selat Melaka, misalnya dari segi tangkapan?

   Setakat ini belum ada bukti bahawa pencemaran saja boleh menjejaskan tangkapan ikan. Walau bagaimanapun terdapat faktor-faktor lain seperti penangkapan yang berlebihan (over-fishing), kehilangan dan pemusnahan paya bakau (mangrove swamps) akibat dari kegiatan pembangunan dan pengambilan tanah (reclamations).

3. Sejauh manakah kekotoran di Selat Melaka?

   Pada keseluruhannya air laut adalah baik, melainkan tempat-tempat tertentu seperti di muara-muara sungai. Walau bagaimanapun Kerajaan-Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah-langkah pembaikan untuk mengatasinya. Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa mengawasi keadaan kekotoran ini.

4. Selat Melaka dikatakan 50% tercemar – Y.B. Ng Cheng Kuai

   Sebenarnya apa yang dimaksudkan oleh Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam ucapan perasmian latihan simulasi 'Gerakan Melaka

1984' adalah bahawa dari semua persisiran pantai yang dibanci didapati sebanyak 57% daripadanya menunjukkan ada tanda-tanda kekotoran minyak (in the form of tar).

SOALAN

Setakat ini, berapa banyakkah kejadian tumpahan minyak telah berlaku di Selat Melaka?

JAWAPAN

Sejak tahun 1976, tidak ada kejadian tumpahan minyak yang besar dari kapal-kapal yang melalui atau singgah di kawasan pelabuhan telah melepaskan minyak di kawasan-kawasan tersebut.

Jumlah kes-kes tumpahan minyak yang berlaku sejak 2 tahun yang lalu ialah:-

1982	–	19 kejadian
1983	–	8 kejadian

Jumlah kes-kes yang dihadapkan ke mahkamah kerana melakukan kesalahan melepaskan minyak ialah:-

1982	–	1 denda $5,000/-
1983	–	2 denda $1,000/- bagi tiap-tiap kes
1984	–	1 denda $2,500/-

Selain daripada itu 'clean-up cost' juga dituntut di mana pihak yang bertanggungjawab dikenalpasti.

SOALAN

Apakah rancangan Kerajaan untuk mendapatkan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Indonesia dan Malaysia?

JAWAPAN

Satu Kumpulan Pakar Teknikal antara Tiga Negara (Tripartite Technical Experts Group for the Safety of Navigation in the Straits of Malacca and Singapore) telah ditubuhkan untuk menyediakan langkah-langkah kerjasama serantau antara lain untuk mencegah dan mengawal pencemaran oleh kapal-kapal di Selat Melaka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABD. RAHMAN
TARIKH	:	28 NOVEMBER 1984

SOALAN

Y.B. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(i) Jenis-jenis ikan, serangga dan lain-lain haiwan yang telah pupus sama sekali, dan yang menghadapi bahaya pupus di negara ini. Apakah sebabnya dan bagaimana untuk menghindarkan keadaan bertambah buruk;

(ii) Apakah dan berapa banyak binatang-binatang seperti monyet dan lain-lain dieksport di negara-negara asing bagi tujuan-tujuan eksperimen.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada sejenis binatang sahaja yang telah pupus sama sekali di Malaysia. Hal mengenai serangga di Malaysia hanya telah dibawa kepada jagaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara sejak tahun 1973 dan setahu Kementerian, tidak ada jenis serangga yang pupus sama sekali. Mengenai ikan, ini adalah dalam jagaan Kementerian Pertanian.

Setahu Kementerian, Badak Jawa/Badak Raya adalah jenis binatang yang telah pupus sama sekali di mana spesimen yang paling terakhir telah ditembak mati di Malaysia pada tahun 1932 di Telok Intan. Antara beberapa jenis binatang, burung dan serangga yang sedang menghadapi bahaya pupus di Malaysia, nama-nama dan jenis-jenis mereka telah disenaraikan dalam jadual-jadual yang sedia ada di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca utama mengapa jenis-jenis binatang, burung dan serangga-serangga pupus atau sedang menghadapi bahaya kepupusan ialah kehilangan habitat akibat daripada aktiviti-aktiviti manusia yang pesat seperti berikut:-

(i) Pembukaan hutan untuk pertanian;
(ii) Pembalakan;
(iii) Galian;
(iv) Empangan hidro; dan
(v) Pembangunan bandar termasuk perumahan.

Aktiviti-aktiviti yang lain seperti pemburuan haram, eksploitasi perdagangan yang berlebih-lebihan dan pencemaran dari aktiviti-aktiviti pekilangan juga akan membawa kesan yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk menghindarkan keadaan dari menjadi bertambah buruk. Akta Perlindungan Hidupan Liar yang dikuatkuasakan pda 1972 memberi perlindungan kepada binatang-binatang yang terancam ini, di mana kesalahan-kesalahan perlanggaran Akta tersebut jika disabitkan boleh didenda sehingga $3,000 atau penjara selama dua tahun. Di dalam tahun 1983 sebanyak 2,096 kes-kes kesalahan di bawah Akta tersebut telah dikesan dari mana 318 kes telah dihadapkan ke mahkamah. Untuk mengukuhkan lagi penguatkuasaannya, beberapa pindaan untuk memberatkan lagi denda-denda yang sedia ada dan untuk mengemaskan peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini sedang dibuat. Untuk maksud yang sama, Akta Taman Negara 1980 telah juga dipinda dalam tahun 1983.

Selain daripada itu, Kementerian sedar bahawa hidupan liar adalah sebagai satu harta yang penting dan bernilai untuk generasi-generasi yang akan mewarisinya. Oleh yang demikian, beberapa jenis program penyelidikan dan pemuliharaan telah dijalankan oleh Kementerian saya untuk memuliharakan jenis-jenis binatang, burung dan serangga yang sedia ada di Malaysia. Program-program pengurusan dan pemuliharaan yang dijalankan sekarang termasuk program Badak Sumbu, Seladang, Harimau, Tuntung, Rusa, Burung Kuak dan lain-lain. Bagi langkah tempoh panjang, Kementerian saya juga mengambil tindakan untuk menyedari orang ramai mengenai kepentingan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia dari masa ke semasa.

JAWAPAN NO. (ii)

Untuk menjawab bahagian kedua soalan ini, ingin saya memaklumkan bahawa saya telah memberi jawapan kepada soalan yang serupa pada 2hb April 1984 dalam Dewan yang mulia ini. Untuk menjimatkan masa, saya hanya ingin memaklumkan bahawa hanya kera dan beruk sahaja yang dieksportkan ke luar negeri untuk tujuan penyelidikan. Sepertimana yang diumumkan oleh Y.B. Menteri di dalam Dewan yang mulia ini, pengekportan kera dan beruk telah diharamkan mulai 15hb Jun 1984.

1985
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. TAN SENG GIAW
TARIKH	:	25 MAC 1985

SOALAN

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengapakah kapal-kapal yang menjalankan kerja pembersihan ketika berlabuh di Selat Melaka tidak dihalang dari berbuat demikian. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka ini bila didapati berbuat demikian, jika tidak ada apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Kapal-kapal yang berlabuh di Selat Melaka boleh menjalankan kerja-kerja pembersihan asalkan air kotoran hasil dari kerja-kerja pembersihan itu tidak dilepaskan ke dalam laut. Kotoran ini hendaklah dibuang ke dalam 'slop reception and treatment facilties' sama ada di atas kapal itu sendiri atau pun di pelabuhan-pelabuhan.

Bagi kapal-kapal yang membuangkan air kotoran ke dalam laut, Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Laut dan Lembaga-Lembaga Pelabuhan akan menjalankan kerja-kerja pembersihan ke atas kotoran tersebut dan mengenakan kos perbelanjaan pembersihan kepada tuanpunya kapal-kapal berkenaan. Selain daripada itu, tindakan mahkamah juga akan diambil ke atas kapal-kapal tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN JUSTINE A/K TEMENGGONG JINGGUT
TARIKH	:	1 APRIL 1985

SOALAN

Y.B. Tuan Justine a/k Temenggong Jinggut minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sampai sekarang apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil mengenai masalah 'Water Pollution' di sungai-sungai di luar Bandar Sarawak. Memandangkan kebanyakan daripada sungai yang digunakan setiap hari itu mengalami pencemaran sampai tidak dapat diminum lagi.

JAWAPAN

Dari 21 lembangan sungai di Negeri Sarawak, 7 daripadanya mengalami masalah pencemaran air yang berbeza tahapnya. Sungai-sungai di luar bandar Sarawak menghadapi masalah-masalah pencemaran dan punca-punca pencemaran telah dikenalpasti seperti berikut:-

Nama Sungai	**Punca Pencemaran**
	Kilang Perindustrian
Batang Dalat/Oya	Kilang Sato
Sg. Satap/Sg. Sibuti	Kilang Kelapa Sawit
Sg. Merah/Batang Igan/Batang Rajang	Kilang Papan
Batang Lupar	Aktiviti Pembangunan Tanah
Sg. Bau Sg. Sarawak Kanan	Perlombongan (emas)
Sg. Tarap/Batang Satong Sg. Maaw/Batang Rajang	Penternakan Babi
Sg. Rajang Sg. Baram/Batang Kemena	Pembalakan

Kementerian saya sedang mengambil tindakan bagi mengatasi masalah pencemaran air di Sungai-Sungai di Negeri Sarawak melalui penguatkuasaan undang-undang terhadap industri-industri yang melepaskan buangan-buangan serta pelepasan kumbahan di dalam sungai melalui peruntukan peraturan-peraturan seperti berikut:-

(i) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977;

(ii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978; dan

(iii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979.

Punca-punca pencemaran air sungai di luar bandar Sarawak adalah dari aktiviti pembangunan tanah, perlombongan, pembalakan dan penternakan babi. Memandangkan kepada aktiviti-aktiviti tersebut adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, Kementerian saya telah menyedia beberapa garispanduan seperti:-

(i) Panduan Kawalan Hakisan dan Mendapan Tanah;

(ii) Panduan Pemulihan dan Pengurusan Tapak Sisa-Sisa Buangan; dan

(iii) Panduan untuk menempatkan dan mengezonkan industri-industri.

Panduan-panduan itu telah disediakan dan dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh Malaysia untuk digunakan di bawah bidang kuasa masing-masing. Kementerian saya akan terus melaksanakan prosedur penilaian kesan-kesan alam sekitar (environmental impact assessment) bagi projek-projek pembangunan. Tindakan ini merupakan salah satu alat perancangan yang mempastikan pertimbangan alam sekitar dalam segala rancangan pembangunan supaya pelaksanannya tidak mengakibatkan kesan-kesan buruk kepada alam sekitar termasuk pencemaran sungai.

Untuk makluman Y.B. Kerajaan Negeri Sarawak telah menyambut baik akan garis panduan-garis panduan yang telah disediakan oleh Kementerian saya dan sedang mengikutinya mengikut keupayaan dan kemampuan Kerajaan Negeri.

Pada keseluruhannya adalah didapati bahawa kualiti air sungai-sungai di Sarawak adalah baik. Walau bagaimanapun terdapat air sungai di kawasan pendalaman adalah keruh, akibat aktiviti-aktiviti yang saya telah sebutkan.

Kementerian saya sentiasa bersedia memberi nasihat serta menyusuli kemajuan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usahasama mengatasi masalah pencemaran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KOH TSU KOON
TARIKH	:	5 APRIL 1985

SOALAN

Y.B. Dr. Koh Tsu Koon minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bila dan bagaimana garis panduan-garis panduan penilaian kesan-kesan alam sekitar akan dilaksanakan dengan sepenuhnya. Apakah sebab-sebabnya pelaksanaan garis panduan-garis panduan ini ditangguh-tangguhkan.

JAWAPAN

Garis Panduan Penilaian Kesan Alam Sekitar (atau Environmental Impact Assessment Guidelines) telahpun disediakan bagi tujuan menggabungkan pertimbangan alam sekitar di dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan. Garis panduan tersebut masih di dalam peringkat percubaan dan hanya boleh dilaksanakan secara progresif. Pada masa ini, pihak Kementerian saya telah memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dengan menarik perhatian mereka kepada garis panduan tersebut supaya Kerajaan-Kerajaan Negeri memberi perhatian yang tegas untuk mengadakan kajian EIA bagi projek-projek pembangunan yang besar sebagai satu syarat di dalam projek itu. Dalam hubungan ini, adalah tidak benar bahawa perlaksanaan garis panduan ini telah ditangguh-tangguhkan.

Perlaksanaan garis panduan itu tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kerana ketiadaan kuasa undang-udang yang mewajibkan pemaju projek menjalankan kajian penilaian kesan alam sekitar.

Adalah dicadangkan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekitar Sekeliling, 1974 dan pindaan-pindaan itu akan mengadakan perbekalan di mana kajian penilaian kesan alam sekitar hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk mendapatkan kelulusan berkaitan dengan projek-projek yang mungkin membawa kesan-kesan kepada alam sekeliling. Adalah diharapkan pindaan kepada Akta tersebut akan dapat dilaksanakan pada tahun depan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN PETER CHIN GAN OON
TARIKH : 18 JULAI 1985

SOALAN

Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada sebarang peraturan-peraturan untuk melindungi orang-orang awam semasa pengangkutan bahan-bahan yang beracun dan mudah terbakar dari kemalangan-kemalangan yang mungkin berlaku dalam perjalanan; misalnya racun "herbicide paraquat" dan sama ada Kementeriannya akan melarang kegunaan racun "herbicide paraquat" ini yang mana telahpun dilarang di negara Sweden, Kanada, New Zealand dan Filipina; jika tidak, apakah sebabnya perlu digunakan cecair beracun ini yang boleh membunuh dengan menyerap menerusi kulit.

JAWAPAN

Pada masa ini tidak ada peraturan-peraturan untuk melindungi orang-orang awam semasa pengangkutan bahan-bahan beracun dan mudah terbakar dari kemalangan-kemalangan yang mungkin berlaku dalam perjalanan.

Berkenaan dengan racun "paraquat", satu Pasukan Petugas Paraquat telah ditubuhkan untuk menimbangkan masalah racun ini tidak lama dahulu dan seterusnya mengemukakan kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak. Pihak Lembaga telah memutuskan bahawa "paraquat" masih perlu dibenarkan penjualan dan penggunannya di negara ini pada masa ini. Walaupun "paraquat" adalah merbahaya jika disalahgunakan, tetapi racun ini amat berkesan dan ekonomik. Walau bagaimanapun kawalan penjualan dan penggunannya diperketatkan lagi dengan mengadakan peraturan-peraturan khusus di bawah Akta Racun Makhluk Perosak, 1974 untuk mengawal racun-racun yang amat merbahaya seperti "paraquat" ini. Di samping itu, Lembaga juga sedang mengkaji racun alternatif kepada "paraquat".

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	18 JULAI 1985

SOALAN

Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(i) sama ada benar kekotoran 'Lead' dalam tanah, udara dan air di sekitar bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah melebihi had toleransi;

(ii) memandang kepada hakikat bahawa 'lead' disebabkan oleh ekzos motokar, apakah kerajaan bercadang kandungan 'lead' dalam petrol ke tahap tidak melebihi 0.15 gram setiap liter.

JAWAPAN

(i) Ahli Yang Berhormat, berasaskan kepada pengawasan dan beberapa penilaian yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya, adalah didapati bahawa kualiti udara dari segi kandungan plumbum di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbandaran Petaling Jaya adalah tidak serius, kecuali di beberapa jalan yang kerap mengalami kesesakan kenderaan.

Untuk mengatasi masalah ini yang pada keseluruhannya berpunca dari eksos kenderaan bermotor, Kerajaan telah mengeluarkan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi kandungan plumbum dalam minyak petrol dikurangkan daripada 0.85 gm setiap liter ke 0.4 gm setiap liter. Peraturan-peraturan ini telahpun dikuatkuasakan semenjak 1hb Julai ini.

(ii) Sebagai langkah kawalan seterusnya, peraturan-peraturan tersebut mestilah dikurangkah dari 0.4 gm setiap liter ke 0.15 gm setiap liter mulai daripada 1hb Januari 1990. Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan yakin bahawa kandungan-kandungan plumbum di udara dan di dalam air serta tanah tidak melebihi had-had toleransi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHD RAZLAN BIN HAJI ABD HAMID
TARIKH	:	19 JULAI 1985

SOALAN

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abd. Hamid minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar masih banyak kilang-kilang seperti kilang getah dan kilang kelapa sawit di negara ini yang masih tidak mengikut peraturan-peraturan serta arahan-arahan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berhubung dengan masalah pencemaran udara, misalnya kilang kelapa sawit Synn Lee di Simpang, Taiping dalam Daerah Larut dan Matang, Perak. Jika sedar, apakah langkah-langkah dan tindakan beliau terhadap kilang-kilang ini sejak dua tahun yang lalu? Dan apakah beliau turut sedar bahawa air yang busuk lagi kotor dilepaskan ke dalam sungai Batu Tegoh di waktu-waktu yang tertentu menyebabkan pencemaran air sungai Batu Tegoh dan Sungai Matang sehingga mengakibatkan banyak udang galah dan ikan mati di dalam sungai-sungai tertentu.

JAWAPAN

Sejak tahun 1978 tindakan undang-undang melalui Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979 telah dikuatkuasakan. Pencemaran air dan udara telah dapat dikawal menyebabkan keadaan kualiti alam sekitar bertambah baik. Tindakan keras termasuk aduan ke mahkamah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kilang-kilang yang melanggar peraturan-peraturan tersebut.

Semua kilang-kilang dalam Daerah Larut dan Matang hendaklah diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar mengikut Undang-Undang tersebut, dan kilang-kilang tersebut telah memasang alat kelengkapan mengawal pencemaran. Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemeriksaan ke atas kilang-kilang tersebut dan mengambil tindakan mahkamah ke atas mana-mana kilang yang melanggar syarat-syarat

yang telah ditetapkan. Selain dari itu, semua kilang-kilang di dalam Daerah tersebut, iaitu kilang-kilang kelapa sawit dan getah, telahpun memasang loji-loji pembersihan effluen dan alat-alatan pengawalan pelepasan udara. Tuan-tuan pemunya kilang-kilang itu dikehendaki juga membuat laporan sukutahun mengenai kecekapan sistem kawalan pencemaran masing-masing.

Selama ini hanya terdapat satu kilang sahaja iaitu Syarikat Synn Palm Oil Mill Sdn. Bhd. yang didapati bersalah melepaskan asap hitam yang berlebihan dan didenda oleh mahkamah pada 25 september 1984. Kilang ini juga telah diberi arahan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar supaya memasang alat-alat tambahan untuk mencegah pelepasan asap, dan kecekapan pemasangannya terus diawasi. Berhubung dengan kematian udang galah dan ikan akibat pencemaran air di Sungai Bt. Tegoh dan Sg. Matang, selama ini Jabatan Alam Sekitar tidak menerima sebarang aduan mengenai kejadian ini. Dalam pada itu juga, sehingga ini Jabatan Alam Sekitar dalam mengendalikan pengawasan yang kerap di sepanjang sungai-sungai itu tidakpun mengesan keadaan kualiti air yang boleh menyebabkan kematian ikan atau udang galah. Walau bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar akan terus mengawasi dengan rapi keadaan di kawasan itu. Dalam hal ini, sukacita juga saya memaklumkan bahawa dengan tertubuhnya pejabat cawangan Alam Sekitar Wilayah Perak di Ipoh mulai 12 Julai 1985 pengawasan terhadap kilang-kilang di Negeri Perak akan diawasi dengan lebih rapi.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Kilang-kilang lain di kawasan Larut Matang:-

(a) Tupai Light Industrial Area -
Kilang memproses makanan :
Wing Thye Loong Sdn. Bhd.

(b) Bukul Bersatu Oil Palm Industries

(c) Masipso Sdn. Bhd.

(d) Guan Soon Eng Edible Oil Berhad

(e) Kilang Kertas (Taiping Paper Mill)

(f) Lee Rubber

(g) Synn Seng Rubber Factory

(h) Synn Rubber Factory

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LING SIE MING
TARIKH : 22 JULAI 1985

SOALAN

Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada sejak penggunaan gas cecair untuk menggantikan petrol kenderaan berapakah motor telah menggunakan gas cecair sekarang, mengapakah gas cecair tidak digunakan pada umumnya; sama ada benar Kerajaan berdasarkan konsep " Pimpinan melalui teladan", telah mengarahkan semua kenderaan Jabatan Kerajaan supaya menggunakan gas cecair.

JAWAPAN

Pada akhir tahun 1984, sebanyak 426 kenderaan bermotor telah menggunakan gas cecair untuk menggantikan petrol. Kerajaan telah memutuskan untuk tidak memaksa syarikat-syarikat minyak dan pengguna-pengguna untuk menggunakan gas cecair, sebaliknya membiarkan penggunaan ditentukan oleh kuasa pasaran atau, dengan izin "market forces".

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji secara lebih mendalam isu penggunaan gas cecair terutamanya dari segi implikasi terhadap kos dan hasil Kerajaan. Hanya selepas kajian ini selesai barulah Kerajaan mengadakan dasar untuk menggalakkan penggunaan gas cecair secara meluas.

Pada masa ini Kerajaan memang menggalakkan kenderaan Kerajaan supaya menggunakan gas cecair di masa sesuai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LING SIE MING
TARIKH : 25 JULAI 1985

SOALAN

Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar Kerajaan telah menimbang dan mempastikan bahawa rancangan kuasa hidroelektrik Pajum di Negeri Sarawak akan menyebabkan kerosakan dan menjejas alam sekitar, tumbuh-tumbuh dan keberbudian sosial.

JAWAPAN

Terlebih dahulu sukacita saya menarik perhatian Y.B. Tuan Yang Di Pertua Dewan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa nama rancangan kuasa hidro-elektrik yang dipersoalkan oleh Y.B. Ahli dari Bandar Sibu mungkin Bakun dan bukan Pajum.

Untuk makluman Y.B Ahli Bandar Sibu, satu kajian kemungkinan telah dijalankan oleh Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak, pihak pemaju Projek Hidro-Elektrik Bakun. Dalam kajian kemungkinan ini, soal-soal alam sekitar telah diambilkira dan langkah-langkah untuk mengatasi pelbagai masalah telah dikenalpasti. Antara langkah-langkah itu, 550 keluarga yang terdapat di dalam kawasan tadahan ampangan tersebut hendaklah dipindahkan ke tempat lain. Sungguhpun pelbagai sumber-sumber alam termasuk bahan galian, kayubalak, hidupan di air dan hidupan liar mungkin akan terhapus atau mengalami kerosakan, tetapi langkah-langkah yang wajar dan teratur boleh diambil oleh pihak pemaju untuk mengurangkan sebarang kerugian atau kerosakan yang dianggarpastikan.

Setakat ini, Kerajaan masih menimbang kos-kos dan faedah-faedah projek ini. Keputusan tentang perlaksanaan projek hanya dapat dibuat setelah beberapa kajian teknikal termasuk pertimbangan alam sekitar secara terperinci dijalankan.

Apa sebab Kerajaan Malaysia tidak mengadakan standad-standad untuk kualiti udara seperti habuk?

Seperti yang diterangkan oleh saya , masalah-masalah asap dan habuk berpunca dari berbagai aktiviti. Oleh yang demikian, jika standard kualiti udara diadakan, ia bukan mudah dikuatkuasakan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia menetapkan standad-standad pelepasan untuk punca-punca perindustrian seperti cerobong-cerobong (chimneys) dan standard pelepasan asap untuk ekzos kereta bermotor diesel. Penguatkuasaan standad-standad pelepasan akan mengurangkan pelepasan abuk dan asap dari punca-punca perindustrian dan kereta-kereta bermotor disel.

Paras kualiti udara yang diperakukan oleh WHO digunakan sebagai panduan untuk kerajaan supaya dapat mengetatkan standad-standad pelepasan dari masa ke semasa, jika perlu.

1986
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSOF BIN HJ. YAKOB
TARIKH : 13 MAC 1986

SOALAN

Y.B. Mohd Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat beberapa buah kilang getah, papan, batu, besi, aluminium dan bengkel-bengkel kereta yang bertaburan dengan tidak tentu arah di sepanjang jalan Putatan/Kota Kinabalu, iaitu dari Pekan Putatan hingga ke "airport" Kota Kinabalu. Alam sekitar yang ada di sekeliling kawasan tersebut bukan sahaja tidak aman tetapi dicemari oleh berbagai-bagai pencemaran alam sekitar seperti serpihan besi, debu,bau busuk, bising dan sebagainya. Kalau sedar apakah tindakan Kementerian beliau supaya perkara ini dapat diatasi demi ketenteraman penduduk-penduduk di sekitar kawasan berkenaan.

JAWAPAN

Saya bersetuju bahawa pencemaran boleh membawa kesan-kesan negatif kepada alam sekitar dan menjejaskan kesihatan manusia. Pada amnya di Malaysia, keadaan masalah pencemaran adalah terkawal.

Sejak 10 tahun yang lepas, kementerian saya telahpun menjalankan kegiatan kawalan pencemaran mengikut kuasa-kuasa yang diberi dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Perlu diingatkan disini bahawa kerja utama dalam tempoh 10 tahun yang lepas ialah usaha-usaha untuk mengatasi masalah-masalah pencemaran yang berpunca dari aktiviti-aktiviti perindustrian yang pada masa dulu tidak ada sebarang perundangan yang khas untuk mencegah dan mengawal pencemaran.

Mulai tahun 1985, Kementerian saya telah mengatur dan akan melaksanakan strategi-strategi yang berupa pencegahan atau preventif selain melaksanakan langkah-langkah kawalan pencemaran. Strategi-strategi baru ini merupakan:

(i) Penerapan unsur-unsur alam sekitar dalam perancangan penggunaan tanah di semua peringkat pentadbiran Kerajaan.

(ii) Kemasukan dimensi alam sekitar dalam penilaian program dan projek pembangunan di mana penilaian ke atas kesan-kesan alam sekitar dibuat terlebih dahulu dari peringkat kajian kemungkinan hingga pelaksanaan sebelum keputusan terakhir diambil.

(iii) Pengurusan program kawalan pencemaran alam sekitar termasuk sistem-sistem pengawasan dan penguatkuasaan melalui strategi-strategi setempat dan serentak.

Di samping itu, Kementerian saya sedang dan akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam pengurusan alam sekitar di peringkat Negeri dan Daerah. Kementerian saya telahpun mengatur langkah-langkah mengwujudkan Jawatankuasa Alam Sekitar di Peringkat Negeri, yang bertujuan menyelaraskan kegiatan penguatkuasaan pelbagai undang-undang mengenai kawalan pencemaran alam sekitar oleh Agensi-Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat di peringkat negeri. Melalui Jawatankuasa itu juga Kementerian saya akan memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak berkuasa Perancang di peringkat Negeri dan Daerah.

Rancangan-rancangan ini tidak dapat dijayakan tanpa sokongan dan penglibatan orang ramai. Rakyat negara kita mempunyai peranan di dalam hal ini. Oleh yang demikian, Kementerian saya juga sedang meningkatkan aktiviti-aktiviti sebaran maklumat dan pendidikan alam sekitar untuk meningkatkan tahap kesedaran alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat berkenaan dengan perlindungan dan pembaikan alam sekeliling. Kementerian saya juga melibatkan pihak-pihak swasta seperti Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia, pihak universiti dan pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran di sektor swasta dan di kalangan orang ramai dan mendapatkan kerjasama mereka supaya mengatasi masalah pencemaran yang dihadapi di negara kita. Setakat ini, sambutan dari semua pihak yang terlibat sangatlah menggalakkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD. ZAIN ABDULLAH
TARIKH : 31 MAC 1986

SOALAN

Y.B Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa menyedari masalah pencemaran telah menjadi masalah yang semakin rumit, di antara sebabnya, ia memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan juga kesihatan manusia, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mencegah keadaan tersebut.

JAWAPAN

Saya sedar tentang masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas. Tambahan lagi, dua hari yang lalu saya telah pun melawat ke kawasan tersebut untuk melihat secara dekat keadaan pencemaran itu. Kementerian saya telah membuat perakuan kepada pihak berkuasa tempatan yang antara lain ialah memindahkan kilang-kilang ini ke kawasan-kawasan perindustrian yang telah diperuntukkan. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah di Sabah juga telah mengambilkira perakuan ini dan penyelesaiannya telah dimasukkan ke dalam"Kota Kinabalu Comprehensive Development Plan" dan "Penampang Local Plan". Saya percaya masalah seperti ini akan dapat diatasi jika pihak berkuasa tempatan mematuhi antara lain Garis Panduan bagi Penempatan dan Pengezonan Industri yang telah disediakan oleh Kementerian saya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. TAN SENG GIAW
TARIKH	:	3 NOVEMBER 1986

SOALAN

Y.B. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap kedua-dua kilang "Associated Steel Mill and Chemical Company of Malaysia" di sempadan di antara Shah Alam dengan Klang serta "Cast Iron Product" di Seksyen 19/1 Petaling Jaya yang menghasilkan pencemaran udara yang amat buruk dari aktiviti-aktiviti mereka. Jika belum diambil tindakan, mengapa;

(b) Apakah tahap pencemaran udara yang dianggap sebagai telah melebihi had selamat;

(c) Apakah keberkesanan pengaruh pihak Kementerian ke atas Kerajaan Negeri semasa keputusan untuk meluluskan pembinaan sesuatu kilang perindustrian di sesuatu tempat. Jika berkesan, mengapa pula ketiga-ketiga kilang tersebut di atas berjaya dibina. Jika berpengaruh, apakah fungsi dan luasnya bidang kekuasaan pihak Kementerian dalam pandangan Kerajaan-kerajaan Negeri.

JAWAPAN

(a) Soalan Ahli Yang Berhormat menyangkakan bahawa ketiga-tiga kilang itu telah melakukan pencemaran udara yang amat buruk. Keadaan itu adalah tidak benar pada masa kini.

Pada suatu masa lampau, ketiga-tiga kilang itu pernah melakukan pencemaran udara. Semenjak itu, pihak kilang-kilang yang berkaitan telah memasang alat mencegah pencemaran udara ataupun meningkatkan lagi kawalan pencemaran sehingga mengurangkan paras pencemaran ke suatu

tahap yang boleh diterima. Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan di ketiga-tiga kilang itu.

(b) Had pelepasan untuk partikulat dari cerobong yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara bersih) 1978 ialah 0.4 gm tiap-tiap satu meter padu untuk "Chemical Company of Malaysia", dan 0.2 gram tiap-tiap satu meter padu, bagi "Amalgamated Steel Mill" dan "Cast Iron Products", dan ianya adalah dianggap akan menghasilkan paras pelepasan yang selamat.

(c) Dibawah Perlembagaan Persekutuan, hal-hal berkaitan dengan tanah dan penggunaannya serta kelulusan untuk mendirikan bangunan termasuk kilang adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Kilang Cast Iron Products telah didirikan pada tahun 1967 dan kilang "Chemical Company of Malaysia" pada tahun 1965, iaitu sebelum wujudnya Kementerian saya ataupun sesebuah agensi yang menjaga hal-hal alam sekitar. Kilang "Amalgamated Steel Mill" pula dibina pada tahun 1977, iaitu dua tahun sebelum penerimaan garis-garis panduan untuk pengezonan dan penempatan perindustrian oleh pihak Kerajaan Negeri pada tahun 1979. Maka, soal pengaruh Kementerian ke atas pihak Kerajaan Negeri tidaklah timbul.

Walaupun demikian, sejak tahun 1979, kerjasama antara Kementerian saya dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam perancangan alam sekitar adalah bertambah erat dan positif, terutamanya dalam menerapkan unsur-unsur alam sekitar dalam segala perancangan projek. Tambahan lagi, di peringkat negeri terdapatnya jawatankuasa yang menjaga hal-hal alam sekitar yang bekerja rapat dengan Jabatan Alam Sekitar untuk menyelaras dan memberi panduan dalam pengurusan alam sekitar.

Berkenaan dengan pandangan Kerajaan-kerajaan Negeri ke atas fungsi dan bidang kuasa Kementerian saya, adalah sukar diketahui. Maka saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat yang juga seorang ahli Dewan Undangan Negeri meminta pandangan daripada pihak Kerajan Negeri yang berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	17 NOVEMBER 1986

SOALAN

Y.B. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kecemaran udara oleh kilang-kilang simen bertambah buruk, jika sedar;

(a) Beberapa kilang simen didapati mencemarkan udara sejak undang-undang mencegah kecemaran udara dikuatkuasakan, dan sebutkan nama kilang tersebut;

(b) Tindakan terhadap mereka; dan

(c) Syarat-syarat dan alat-alat pencegah ditentukan oleh Kerajaan untuk menjamin kejadian tersebut tidak diulangi.

JAWAPAN

(a) Saya sedar bahawa kilang-kilang simen boleh menyebabkan pencemaran udara, tetapi saya tidak sedar ianya bertambah buruk. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling telah dikuatkuasakan pada tahun 1978. Bilangan aduan yang diterima terhadap kilang-kilang simen telahpun berkurangan iaitu dari 10 aduan dalam tahun 1977 ke hanya 3 dalam tahun 1985. Tiada sebarang aduan diterima dalam tahun ini.

(b) Soalan ini tidak timbul. Namun demikian, apakah terdapatnya sebarang aduan, penyiasatan dijalankan serta kerja pengawasan untuk kawasan-kawasan sekitar kilang-kilang simen. Adalah didapati bahawa kilang-kilang simen yang disiasat telah mematuhi had-had pelepasan yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturan.

(c) Syarat-syarat yang dibuat di bawah Peraturan-peraturan Udara Bersih 1978 dan alat-alat kawalan telah ditentukan iaitu had pelepasan habuk dari tanur simen bagi semua kilang simen tidak dibenarkan melebihi 0.2 gram dalam tiap-tiap satu meter padu, dan bagi kilang-kilang yang dibina selepas 1hb Oktober 1978, had pelepasan untuk kemudahan-kemudahan lain seperti penyejuk dan klinker tidak dibenarkan melebihi 0.1 gram dalam tiap-tiap meter padu.

Kilang simen juga dikehendaki membina cerobong yang cukup tinggi supaya penyelerakan pencemar berlaku dengan sempurna. Selain daripada itu, alat kawalan habuk yang berkesan seperti "electrostatic precipitator" dan beg penapis dikehendaki dipasang di semua kilang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. SIM KWANG YANG
TARIKH : 3 DISEMBER 1986

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil penyiasatan Kementerian beliau mengenai tuduhan pencemaran "cyanide" di Sungai Bau, Sungai Siniawan dan Tasik Benkanjang dalam bulan Julai 1986 di Sarawak, disebabkan aktiviti-aktiviti menggali mas di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tiada sebarang sungai yang dikenali sebagai Sg. Bau, malah adanya sebatang sungai yang dikenali sebagai Sg. Riam Bau iaitu salah satu daripada anak-anak sungai kepada Sg. Sarawak Kanan. Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sarawak telah menjalankan satu penyiasatan pada 5 Julai 1986 di pinggir lombong emas yang mana effluennya mengalir ke dalam Sg. Riam Bau. Hasil penyiasatan itu telah mengesahkan kesan "cyanide" di dapati dekat takat pelepasan itu dan ianya mempunyai paras yang lebih tinggi dari paras standard bagi bekalan minuman.

Kejadian ikan yang mati akibat kesan "cyanide" berlaku di Sg. Sarawak Kanan di Siniawan iaitu 67 km. dari lombong di Bau. Tidak ada sebarang kenyataan yang menunjukkan bahawa kejadian kematian ikan pada bulan Julai yang lepas adalah akibat dari pelepasan "cyanide" oleh lombong yang berkenaan.

Di kawasan yang dirujukkan oleh Ahli Yang Berhormat, tidak ada Tasik Benkanjang. Sekiranya tasik yang dimaksudkan ialah Tasik Benkanjang, maka tasik ini terletak di hulu kegiatan lombong tersebut dan tidak dicemari oleh "cyanide". Tambahan lagi, Sg. Siniawan ialah anak sungai kepada Sg.Sarawak Kanan dan tidak dicemari oleh "cyanide".

Buat masa ini, keputusan analisa percontohan menunjukkan paras bahan "cyanide" di takat-takat pengambilan air tertentu di Setiawan dan Sg. Sarawak Kanan mematuhi standard kualiti air bagi tujuan minuman dan didapati juga air yang dibekalkan kepada penduduk-penduduk tidak mengandungi bahan "cyanide".

1987
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH : 6 JULAI 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam sekitar menyatakan mengapa satu " Panel Pakar Saintis Bebas" tidak ditubuhkan untuk menyiasat kepada paras bahaya radioaktif dari Kilang Asia Rare Earth di Bukit Merah, Ipoh, dan terangkan langkah-langkah berkesan untuk mempastikan A. R.E. akan mematuhi spesifikasi "International Atomic Energy Agency" (IAEA) dan juga,

Terangkan bagaimana laporan "Environmental Impact Assessment" (EIA) dapat disempurnakan.

JAWAPAN BAGI BAHAGIAN KEDUA

Untuk makluman Y.B. Tuan Lau Dak Kee, laporan penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar (EIA) hanya diperlukan bagi aktiviti-aktiviti yang akan ditetapkan. Laporan EIA diperlukan semasa perancangan sesuatu projek dan sebelum ianya dijalankan. Untuk menjalankan kajian EIA dan penyediaan laporan EIA, garis panduan-garis panduan bagi tujuan ini telah disediakan. Mereka yang ingin menjalankan kajian EIA boleh merujuk kepada garis panduan ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR TAN SENG GIAW
TARIKH : 7 JULAI 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kriteria-kriteria bagi pemilihan tapak pembuangan sisa beracun di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengesyorkan bahawa tapak sebegini adalah diselenggarakan dengan selamatnya pada setiap masa. Apakah kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan kesan-kesan pembuangan sisa beracun serta kewujudan tapak sedemikian ke atas alam sekitar. Apakah hasil kajian-kajian ini. Mengapakah Negeri Selangor dipilih untuk mendirikan tapak ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Y.B. Dr. Tan Seng Giaw buangan sisa-sisa toksik dan merbahaya yang dikeluarkan oleh industri-industri akan diolah terlebih dahulu sebelum ianya dilupuskan ke satu tapak yang tertentu. Di antara kriteria-kriteria bagi pemilihan tapak buangan sisa-sisa toksik dan merbahaya ialah:

(1) jarak tapak dari kawasan perumahan

(2) jarak tapak dari sungai dan perparitan

(3) jarak tapak dari kawasan-kawasan industri

(4) sama ada tapak mudah mengalami banjir

(5) paras air bawah tanah

(6) kadar peresapan tanah

(7) kemudahan mendapatkan bahan-bahan lapisan seperti tanah liat

(8) kuantiti buangan dan saiz tapak

(9) kemudahan jalan keluar masuk

Setelah satu tapak pelupusan ditetapkan, tapak tersebut akan dilesenkan oleh Kerajaan sebagai tapak pelupusan buangan sisa-sisa toksik dan merbahaya dengan syarat-syarat tertentu dan pengendalian tapak itu akan diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar.

Kajian ke atas kesan-kesan alam sektiar akan dilakukan ke atas sesuatu tapak cadangan sebelum pembinaan tapak dijalankan.

Negeri Selangor dipilih sebagai salah satu negeri yang berpotensi untuk mengadakan satu tapak pelupusan kerana kedapatan konsentrasi aktiviti-aktiviti industri yang tinggi di kawasan Lembah Kelang yang mengeluarkan buangan-buangan toksik dan merbahaya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN PETER PAUL DASON
TARIKH	:	9 JULAI 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tempat-tempat yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pembuangan sisa-sisa toksik dan bilakah tawaran tersebut dibuat.

JAWAPAN

Tiada tapak untuk pembuangan sisa-sisa toksik ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan pada 20 Mei, 1985 satu Jawatankuasa Khas untuk mengenal pasti tapak yang sesuai untuk pelupusan buangan sisa-sisa toksik. Beberapa tapak telah dikenalpasti dan kajian kesesuaian sedang dijalankan. Apabila selesai kajian tersebut, tapak yang sesuai itu akan dikemukakan kepada kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk keputusannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN P. PATTO
TARIKH	:	29 OKTOBER 1987

SOALAN

Y.B. Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai sebarang dasar tentang pembuangan sampah (garbage disposal) bagi seluruh negara, jika ya, apakah dasar itu; adakah kesemua kerajaan tempatan di seluruh negara sedar dan memahami dasar itu, jika ya, adakah dasar itu dilaksanakan dengan sempurna oleh semua pihak berkuasa tempatan, jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Bagi makluman wakil dari kawasan Ipoh, Perak, ingin dimaklumkan bahawa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, Ketua Pengarah Alam Sekitar bertanggungjawab menggalakkan, menyelaraskan dan menjalankan perancangan di dalam pengurusan buangan termasuk sampah sarap. Akta yang sama melarang seseorang daripada membuang buangan di merata tempat atau membakar buangan secara terbuka yang mana hasil perbuatan itu telah menyebabkan gangguan kepada orang ramai atau mengakibatkan pencemaran air bawah tanah dan sebagainya.

Di dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah menggariskan satu kod amalan bagi pemilihan tapak pelupusan sampah sarap yang sesuai dan cara-cara yang baik bagi pelupusan ke atas tanah. Kod amalan ini setelah dipersetujui oleh Majlis Kerajaan Tempatan Negara diedarkan kepada semua pihak-pihak berkuasa tempatan bagi membantu mereka di dalam pengurusan sampah sarap di dalam kawasan majlis masing-masing dengan sempurna. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan adalah bertanggungjawab tentang penyelarasan pelaksanaan kod amalan pengurusan sampah sarap tersebut. Didapati sehingga masa ini pihak berkuasa tempatan masih belum dapat memenuhi panduan yang terkandung dalam kod amalan pengurusan sampah sarap tersebut kerana kekurangan kewangan, peralatan, tenaga manusia dan kepakaran.

MAKLUMAT TAMBAHAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT DARIPADA Y.B. TUAN P. PATTO PADA 29.10.1987

Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengurusan sampah sarap yang dihadapi oleh Pihak Kerajaan Tempatan.

Pada masa ini bahagian Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menubuhkan satu jawatankuasa pemandu atas penyediaan pelan tindakan kebangsaan bagi pengurusan sisa-sisa pepejal yang mana wakil Jabatan Alam Sekitar turut menjadi ahli. Tujuan utama pelan tindakan ini ialah untuk menyatupadukan semua aktiviti-aktiviti pengurusan sampah sarap yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian tersebut dan juga Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Pelan tindakan ini akan menetapkan satu polisi bagi pengurusan sampah sarap seterusnya pelan ini akan menyediakan matlamat-matlamat pengurusan sampah sarap dan garis panduan satu institusi sistem pengendalian dan peruntukan kewangan bagi sektor sampah sarap.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HOCK SENG
TARIKH : 16 NOVEMBER 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menghendakkan pertubuhan-pertubuhan industri tempatan yang mengeluarkan sisa-sisa merbahaya supaya melengkapkan kemudahan-kemudahan loji sisa dan sama ada skedul peraturan sisa-sisa yang telah menjadi akta di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar telah dikuatkuasakan. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979, semua industri dikehendaki mematuhi standard-standard yang ditetapkan bagi pelepasan buangan-buangan perindustrian. Di dalam mematuhi kehendak ini, industri-industri telah mengadakan loji pengolahan masing-masing di mana buangan-buangan ini diolah. Proses pengolahan mengasingkan kandungan sisa-sisa toksik di dalam buangan yang diolah dan memendapkannya di bawah tangki-tangki loji pengolahan sisa-sisa ini pula perlulah diproses menjadikannya tidak toksik sebelum dilupuskan ke atas tanah. Di samping itu, terdapat beberapa jenis sisa-sisa perindustrian yang lain tidak boleh diolah di dalam loji-loji pengolahan yang dimaksudkan. Sisa-sisa ini perlu dikendalikan dengan cara lain seperti guna semula, pembakaran dan cara-cara lain yang selamat.

Satu peraturan baru sedang dirangka bagi mengawal sisa-sisa dari tangki loji pengolahan dan sisa-sisa perindustrian yang tidak boleh diolah di dalam loji-loji pengolahan buangan perindustrian yang disebutkan di atas tadi. Lebih 50 kategori sisa dari lebih 40 jenis industri telah dikenalpasti untuk dijadualkan. Penyediaan peraturan ini perlu dibuat dengan teliti supaya semua aspek pengurusan, pengolahan dan pelupusan sisa-sisa secara sempurna dapat dipastikan. Kemudahan-kemudahan bagi mengendalikan sisa-sisa yang tidak boleh diolah di dalam loji-loji

pengolahan yang ada sekarang belum wujud. Dengan ketiadaan kemudahan ini, peraturan sisa-sisa perindustrian sukar dikuatkuasakan sepenuhnya.

MAKLUMAT TAMBAHAN KEPADA PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN GOOI HOCK SENG PADA 16.11.1987

1. Peraturan-Peraturan Sisa-Sisa Toksik dan Merbahaya

Peraturan-Peraturan Bagi Mengawal Buangan-Buangan Toksik dan Merbahaya akan menjadualkan sebanyak lebih 50 kategori buangan dari 40 jenis industri yang terdapat di Malaysia. Peraturan ini diadakan bertujuan mengawal dan menetapkan cara yang paling sesuai dan selamat sahaja dibenar digunakan bagi pengendalian dan pelupusan buangan-buangan toksik dan merbahaya. Setiap industri yang mengeluarkan buangan-buangan tersebut dikehendaki mematuhi semua kehendak peraturan yang dimaksudkan apabila ianya dikuatkuasakan nanti demi memelihara alam sekitar dari tercemar akibat pelupusan secara sembarangan.

2. Pengolahan dan Pelupusan Sisa-sisa Toksik dan Merbahaya

Satu kajian kemungkinan sedang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bersama-sama juruperunding Dames & Moore di bawah pembiayaan "United States Trade Development Programme" bagi menentukan sistem-sistem yang sesuai dan selamat digunakan bagi mengolah dan melupus sisa-sisa toksik dan merbahaya dari industri-industri.

2.1 Industri-Industri Besar dan Sederhana

Industri-industri besar dan sederhana mengolah sisa-sisa jenis bukan organik di dalam loji pengolahan yang terdapat di premis masing-masing. Sisa-sisa jenis organik yang dikeluarkan oleh industri-industri ini, walau bagaimanapun tidak dapat diolah di dalam loji pengolahan yang sama. Sisa-sisa ini disimpan di dalam bekas-bekas tertentu di premis kilang masing-masing.

2.2 Industri Kecil

Industri kecil tidak berkemampuan dan kebanyakannya tidak mempunyai ruang tapak yang cukup untuk mengadakan loji pengolahannya sendiri.

2.3 Cara-cara Pengolahan dan Pelupusan

Satu sistem pengolahan dan pelupusan berpusat (centralised treatment and disposal facilities) perlu disediakan bagi mengendalikan sisa-sisa yang tidak boleh diolah di dalam loji pengolahan yang terdapat di premis kilang dan sisa-sisa dari industri-industri kecil.

Enapcemar yang terkumpul dari loji-loji pengolahan bukan organik perlu distabilkan melalui proses pengerasan (solidification process) di mana ianya dijadikan ketul-ketul pepejal sebelum ianya dilupus ke tapak pelupusan atas tanah (landfill).

Sisa-sisa organik pula diproses bagi tujuan guna semula atau dilupus secara membakar di dalam insinerator khas untuk sisa-sisa toksik dan merbahaya. Setelah dibakar abuk-abuk yang terhasil perlu distabilkan melalui proses pengerasan (solidification process) sebelum ianya dilupuskan ke tapak pelupusan atas tanah (lanfill).

3. Usaha-Usaha Kerajaan Menubuhkan Tapak Pelupusan Atas Tanah (Landfill) Bagi Sisa-Sisa Toksik dan Merbahaya

Usaha-usaha bagi mengenalpasti tapak-tapak pelupusan yang sesuai sedang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama yang rapat dari pihak-pihak kerajaan negeri khususnya negeri-negeri Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Negri Sembilan dan Melaka. Untuk tujuan ini, jawatankuasa kerja telah ditubuhkan pada peringkat negeri.

Pejabat-pejabat tanah akan mengesyorkan tapak-tapak yang akan dilawat-siasat oleh pegawai-pegawai yang terdiri dari wakil-wakil Jabatan Alam Sekitar, pejabat tanah sendiri dan wakil Jabatan Kajibumi. Jika sekiranya terdapat mana-mana tapak didapati berpotensi Jawatankuasa tersebut akan seterusnya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan negeri supaya membenarkan satu kajian terperinci dijalankan. Apabila selesai kajian dan tapak didapati benar-benar berpotensi dijadikan tapak pelupusan sisa-sisa toksik dan merbahaya, maka syor dibuat kepada kerajaan negeri berkenaan.

3.1 Kriteria-Kriteria Bagi Pemilihan Tapak Pelupusan Atas Tanah

- Tapak hendaklah mempunyai paras air bawah tanah yang rendah
- Terdapat lapisan tanah liat yang tebal
- Kedudukan tapak yang jauh dari kawasan kediaman dan tapak pengambilan air

TABLE 1
LIST OF SCHEDULED WASTES

1 Mineral oil and oil contaminated waste

2. Waste containing polychlorinated biphenyls (PCB) and polychlorinated triphenyls (PCT)

3. Spent organic solvents containing halogen and/or sulphur e.g. Methylene choloride, 1,1,1 trichloroethane, dimenthyl suphide.

4. Spent aromatic solvent without containing compounds of organic halogen and/or sulphur. e.g. toluene, xylene, thinner, turpentine, kerosene.

5. Spent non-aromatic organic solvent without containing compounds of organic halogen or sulphur; e.g. acetone, ketones, alcohols, cleasing-benzene.

6. Residues from recovery of halogenated solvent, may contain oil, fat and solvents.

7. Residues from recovery of non-halogenated solvent, may contain oil, fat and residues of solvent.

8. Spent organo-metalic compounds (except mercury compounds; e.g. tetraethyl lead, tetramethly lead and organotin compounds; may be mixed with benzene

9. Flux wastes, may contain mixture of organic acids, solvents or compounds of ammonium chloride.

10. Spent aqueous alkaline solutions not containing cyanide, may contain heavy metals.

11. Spent aqueous alkaline solutions not containing cyanide, may contain heavy metals.

12. Spent aqueous chromic acid solutions.

13. Spent aqueous inorganic acid solutions other than spent chromic acid solutions, may contain heavy metals.

14. Spent aqueous or discarded photographic waste from film processing or plates making.

15. Metal hydroxide sludges containing one or several of the following mwtals; i.e. chromium, copper, nickel, zinc, lead, cadmium, aluminium and tin.

16. Plating bath sludges containing cyanide.

17. Spent salt containing cyanide.

18. Sludges of inks, paints, pigments, lacquer with/ without organic solvent.

19. Wastes of printing ink, paint, pigment, lacquer, varnish or wood preservative containing organic solvents.

20. Sludges, dust, slag, dross and ashes, may contain oxides and/or sulphate of one several of the following metals, lead, cadmium, copper, zinc, chromium, nickel, iron, vanadium and aluminium.

21. Spent or discarded strong acids or alkalis

22. Spent oxidising agents

23. Immobilized scheduled wastes; e.g. chemically fixed/ encapsulated sludges

24. Discarded drugs expect living vaccines and euphoric compounds

25. Pathogenic and clinical wastes and quarantised materials

26. Containers and bags containing hazardous residues

27. Mixtures of scheduled waste.

28. Tar or tarry residues from oil refinery or petrochemical plant

29. Wastes of printing ink, paint, pigment, lacquer varnish or wood preservative containing organic solvents

30. Clinker, slag and ashes from scheduled wastes incinerator

31. Waste of printing ink, pigment, paint, or lacquer without containing solvents

32. Spent tars or anti corrosion oils

33. Spent ethylene glycol

34. Wastes containing phenol and/or formaldehyde

35. Residues of isocyanate compounds, (excluding solid polymeric material)

36. Adhesive or glue waste may contain organic solvents (excluding solid polymeric materials)

37. Uncured resin wastes, may contain organic solvents and/or heavy metals; e.g. epoxy resin, phenolic resin

38. Latex effluent, rubber or latex sludges containing organic solvent or heavy metals

39. Sludges from the re-refining of used oil product; e.g. oily sludges containing acid or lead compound

40. Sludges containing flouride

41. Mineral sludges; e.g. calcium hydroxide sludges, phosphating sludges, calcium sulphate sludges, carbonates sludges.

42. Asbestos wastes.

43. Wastes from the production, formulation and trade of pesticides; e.g. herbicides, insecticides, rodenticides and fungicides.

44. Press cake from pretreatment of glycerol soap lye.

45. Wastes containing dye.

46. Wastes from wood preserving operation using inorganic salts containing copper, chromium and as arsenic of fluoride compounds or of using compound containing chlorinated phenol and/or creosate.

47. Mercury wastes, containing metalic mercury, organic and inorganic mercury compounds.

48. Arsenic wastes from the purification process of phosphoric acid.

49. Spent catalysts.

50. Leachate from sceduled wastes landfills.

51. Rags, papers, plastics etc. comtaminated with organic solvents.

52. Containers and bags containing hazardous residues.

53. Discarded or off specification batteries containing leads, mercury, nickel and lithium

54. Pharmaceutical wastes.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. SHAHIDAN BIN KASSIM
TARIKH	:	24 NOVEMBER 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memansuhkan terus projek haidero elektrik di Ulu Tembeling dan mewartakan kawasan tersebut sebagai Taman Negara selama-lamanya.

JAWAPAN

Projek haidero elektrik ini telah dimansuhkan terus. Memandangkan kawasan Ulu Tembeling merupakan sebahagian daripada Taman Negara, maka tidaklah perlu kawasan tersebut diwartakan sebagai Taman Negara selama-lamanya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN TEOH TEIK HUAT
TARIKH	:	25 NOVEMBER 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada tapak pembuangan sisa-sisa beracun yang dicadangkan di Pulau Pinang telah dikenal pastikan oleh Kerajaan Negeri dan jika ya, beri lokasi tapak tersebut dan bilakah ianya akan bermula.

JAWAPAN

Jabatan Alam Sekitar sedang membuat permohonan di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, untuk menjalankan kajian secara terperinci.

MAKLUMAT TAMBAHAN KEPADA PERTANYAAN MULUT Y.B. TUAN TEOH TEIK HUAT PADA 25.11. 1987

Terdapat sepuluh (10) tapak yang telah dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi dikaji oleh sebuah Jawatankuasa pemilihan tapak di peringkat negeri Pulau Pinang untuk menentukan kesesuaian tapak-tapak tersebut sebagai tapak pelupusan buangan-buangan toksik dan merbahaya. Kajian yang dijalankan adalah berupa kajian peringkat awal berdasarkan kepada beberapa kriteria-kriteria tertentu. Tapak-tapak yang terlibat terletak di dalam Daerah-daerah Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Daerah Barat Daya. Kesemua tapak-tapak ini didapati mempunyai paras air bawah tanah yang tinggi dan jenis tanah yang tidak sesuai kecuali satu (1) tapak di Daerah Seberang Perai Selatan. Jawatankuasa pemilihan tapak telah mencadangkan tapak tersebut dikaji secara terperinci untuk mempastikan kesesuaiannya sebagai tapak pelupusan buangan-buangan toksik dan merbahaya. Usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kementerian saya bersama-sama pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan kajian tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT
TARIKH : 26 NOVEMBER 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Abdul Mulok Awang Damit minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan pencemaran laut tidak akan berlaku dengan pembuangan sisa-sisa dari kilang kertas "Sabah Forest Industries" ke laut Teluk Brunei;

(b) apakah kandungan kimia yang disalurkan ke laut; dan

(c) adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk mengadakan satu sistem pengawasan yang berterusan untuk mengawasi pembuangan sisa-sisa dari kilang tersebut.

JAWAPAN

(a) Untuk menjawab bahagian (a), Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan seperti berikut:-

(i) Kilang Kertas "Sabah Forest Industries" Sdn Bhd telah dikehendaki menjalankan Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar; iaitu EIA, supaya faktor-faktor yang boleh menjejaskan kualiti alam sekeliling dikenalpastikan dan selanjutnya langkah-langkah pembetulan dirancangkan. Penilaian ini telah dijalankan dan pihak kilang telah dikenakan langkah-langkah kawalan untuk menetukan tiada kesan-kesan serius akan berlaku kepada kualiti air di Teluk Brunei; dan

(ii) Rekabentuk kemudahan-kemudahan pengeluaran kilang tersebut, sistem kawalan pencemaran yang dicadangkan telah disemak dan didapati

menurut cadangan Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar yang telah dijalankan. Kilang itu telah dikehendaki memasang sistem pengolahan yang moden dan berkesan selaras dengan teknologi yang wujud.

(b) Untuk menjawab bahagian (b), effluen kilang yang telah diolah dan disalurkan ke dalam laut adalah mengikuti standard sungguhpun mengandungi sebatian klorin, "sulphate", "sulphite", pepejal terampai dan lain-lain bahan organik.

(c) Untuk menjawab bahagian (c),

(i) Jabatan Alam Sekitar mengawasi kilang ini dari masa ke masa untuk menentukan pekilang mematuhi kehendak undang-undang. Pihak kilang juga dikehendaki bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar untuk menjalankan program pengawasan supaya kualiti pelepasannya standard-standard yang ditetapkan dan kualiti air di Teluk Brunei tidak terjejas.

(ii) Sebagai langkah seterusnya, pihak kilang dikehendaki juga mengambil percontohan effluen yang dilepaskan pada tiap-tiap hari menyampaikan laporan bulanan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk disemak tahap pematuhannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. SHAHIDAN BIN KASSIM
TARIKH	:	27 NOVEMBER 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Shahidan bin Kasim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memansuhkan terus projek hidro elektrik di Ulu Tembeling dan mewartakan kawasan tersebut sebagai Taman Negara selama-lamanya

JAWAPAN

Projek hidro elektrik ini telah dimansuhkan terus. Memandangkan kawasan Ulu Tembeling merupakan sebahagian daripada Taman Negara, maka tidaklah perlu kawasan tersebut diwartakan sebagai Taman Negara selama-lamanya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	27 NOVEMBER 1987

SOALAN

Y.B. Tuan Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilakah dan berapakah aktiviti ekonomi telah dijadikan *"prescribed activities"* di bawah pindaan baru kepada "Environment Quality Control Act", dan berapakah projek telah mengemukakan EIA (Environment Impact Assessment) kepada Kementeriannya dan adakah DOE (Department of Environment) mempunyai kakitangan, kepakaran dan kelengkapan yang sesuai untuk menguatkuasakan pindaan tersebut itu.

JAWAPAN

Aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan di bawah seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 meliputi 19 kategori aktiviti seperti berikut:-

1) Pertanian
2) Lapangan Terbang
3) Saliran dan Pengairan
4) Tebusguna Tanah
5) Perikanan
6) Perhutanan
7) Perumahan
8) Industri
9) Infrastruktur
10) Pelabuhan
11) Perlombongan
12) Petroleum
13) Penjanaan dan Pemancaran Kuasa

14) Kuari
15) Keretapi
16) Pengangkutan
17) Pemajuan Rekreasi dan Peranginan
18) Pengolahan dan Pelupusan Buangan
19) Bekalan Air

Perintah untuk menetapkan aktiviti-aktiviti yang tersebut telahpun diwartakan pada 5 November ini.

Mengenai soalan kedua, sejak pindaan kepada Akta, sebanyak enam laporan EIA telah diulangkaji dan diluluskan, manakala dua lagi sedang disemak. Untuk melaksana dan menguatkuasakan pindaan kepada Akta, iaitu keperluan mengenai penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar mencadang untuk menggunakan kakitangan yang sedia ada. Ini adalah dianggap mencukupi buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar perlu mempunyai kakitangan tambahan dan kepakaran yang sesuai pada tahun-tahun akan datang selaras dengan tambahan beban kerja yang dijangkakan.

1988
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN TEOH TEIK HUAT
TARIKH : 11 MAC 1988

SOALAN

Y.B. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan bahawa operasi kilang Datuk Keramat Smelting Company di Jalan Dato' Kramat Pulau Pinang adalah selamat alam sekitarnya oleh kerana ianya beroperasi di kawasan kediaman dan komersial yang berdensiti tinggi, dan sama ada terdapat sebarang rancangan untuk memindahkan tapak industri?

JAWAPAN

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan agar operasi kilang "Datuk Kramat Smelting Co." selamat dari segi alam sekitar adalah:-

(i) mengkehendaki semua cerobong yang melepaskan gas atau benda asing udara dibina dengan cukup tingginya supaya gas atau benda asing yang dilepaskan akan diserakkan dengan baik dan tidak memberi kesan-kesan buruk kepada kawasan sekitarnya.

(ii) mengarah pihak kilang supaya memasang loji penapis habuk supaya paras pelepasannya tidak melebihi standard yang ditetapkan di bawah Akta.

(iii) mengarahkan kilang mematuhi arahan dan mempraktikkan amalan kejuruteraan yang baik untuk mengurangkan gangguan kepada orang ramai yang tinggal berhampiran.

Berkenaan dengan langkah-langkah tersebut, pihak kilang telah mematuhi arahan untuk meninggikan cerobong-cerobong serta membuat pesanan untuk loji penapis habuk yang akan dipasang tidak lama lagi. Walaupun demikian, ianya

tidak akan menyelesaikan masalah wasap (atau fumes) yang menjadi masalah. Saya difahamkan bahawa tiada teknologi yang sedia ada untuk nasihat Jabatan Alam Sekitar, pihak kilang telah menghubungi Pusat Penyelidikan Timah Asia Tenggara (atau SEATRAC) di Ipoh, Perak yang telah sudi menawarkan khidmat seorang pakar Bangsa-Bangsa Bersatu untuk membuat kajian ke atas penyelesaian masalah tersebut.

2. Kilang ini sebenarnya telah dibina dan mula beroperasi sejak tahun 1905 lagi. Pada ketika itu, tidak ada kawasan perumahan atau perdagangan di sekitarnya. Masalah yang.dimaksudkan itu hanya timbul apabila kawasan sekitar mempunyai penduduk serta aktiviti perdagangan yang wujud kemudian. Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar telah menyedarkan pihak kilang dan mencadangkan supaya pihak kilang mencari tempat operasi yang lebih sesuai. Terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi tapak yang sesuai di mana kilang ini boleh ditempatkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN S.S. SUBRAMANIAM
TARIKH : 21 MAC 1988

SOALAN

Y.B. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah benar pihak "Chemical Company Malaysia" yang mengadakan suatu kilang di Padang Jawa mempunyai satu stok 10 ton Nitrogen di kilangnya pada setiap masa, apakah langkah-langkah untuk mencegah bahawa jika kebocoran atau kemalangan gas beracun tersebut berlaku dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menjaga keselamatan rakyat di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Adalah benar kilang "Chemical Company Malaysia" di Padang Jawa mempunyai stok Nitrogen di kilangnya pada setiap masa, tetapi kuantitinya hanya satu ton sahaja. Nitrogen adalah gas yang tidak beracun. Oleh itu, langkah-langkah kecemasan bagi mengawal sebarang kebocoran bagi gas nitrogen tidak diperlukan. Lagipun, tangki berkenaan selalu diperiksa oleh pihak berkuasa bagi menentukan keadaannya sentiasa baik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. TING CHEW PEH
TARIKH : 25 MAC 1988

SOALAN

Y.B. Dr. Ting Chew Peh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencegah atau mengatasi masalah:

(a) pencemaran air;
(b) pencemaran udara;
(c) pencemaran bunyi

Sila nyatakan kejayaan dan masalah-masalah yang dihadapi setakat ini.

JAWAPAN

Soalan Ahli Yang Berhormat sebenarnya menyentuh satu bidang kerja yang agak luas dan merangkumi hampir semua bidang kerja Jabatan Alam Sekitar. Secara ringkas, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:-

(a) Bagi mengawal pencemaran air, tiga peraturan telah digubalkan dan dilaksanakan:

(i) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 bagi mengatasi masalah pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang kelapa sawit.

(ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 bagi mengatasi pencemaran dari kilang getah; dan

(iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Industri) 1979 bagi mengawal masalah pencemaran dari kilang-kilang lain.

(b) Bagi mengawal pencemaran udara dari kilang-kilang Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 telah digubalkan dan dikuatkuasakan. Bagi mengawal masalah pencemaran yang berpunca daripada

kenderaan-kenderaan bermotor, Jabatan Alam Sekitar juga menguatkuasakan Kaedah-kaedah Kereta Bermotor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977.

(c) Bagi mencegah pencemaran bunyi bising, pemasangan alat-alat dan jentera baru dalam kilang yang boleh menyebabkan bunyi bising dikawalkan melalui peruntukan yang ada di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Untuk kawalan bunyi bising dari kenderaan bermotor, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Bunyi Bising Kenderaan) 1987 telah digubalkan dan dilaksanakan.

Memandangkan kawalan pencemaran memerlukan kerjasama semua lapisan masyarakat, maka langkah-langkah bukan perundangan juga telah diambil:-

(i) Meningkatkan perhubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dengan menggalakkan penubuhan Jawatankuasa Bertindak Alam Sekitar di peringkat negeri, bagi menyelaras urusan hal ehwal alam sekitar.

(ii) Menyediakan garis panduan amalan baik pengurusan alam sekitar bagi panduan dan nasihat agensi-agensi pembangunan; dan

(iii) Mengadakan aktiviti-aktiviti kesedaran alam sekitar untuk memperluaskan pengetahuan orang ramai dan mengadakan kurikulum pendidikan alam sekitar di sekolah.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah dan strategi-strategi tersebut di atas, kerajaan telah berjaya mengawal pelepasan air kotor dari kilang-kilang kelapa sawit dan kilang getah. Pelepasan effluen dari kilang lain juga semakin bertambah baik. Dengan demikian, kualiti air sungai yang tercemar dahulu pun semakin jadi bersih. Berhubung dengan ini juga, semua kilang baru telah memasang alat-alat kawalan pencemaran udara, manakala kejadian pelepasan asap hitam dan amalan pembakaran terbuka adalah terkawal. Dalam hal ini juga, rekod menunjukkan kadar pematuhan had asap kenderaan pada setakat ini telah sampai 85 peratus berbanding dengan hanya 50 peratus pada tahun 1979.

Berhubung dengan masalah yang masih dihadapi, Kerajaan masih menghadapi pencemaran yang berpunca dari kerja-kerja tanah, penebangan pokok dan kekurangan loji betungan kumbahan. Ini memerlukan perhatian dan kerjasama semua pihak berkenaan.

Dalam hal ini juga, adalah didapati bahawa secara am, orang ramai masih tidak memahami kepentingan perlindungan alam sekitar dan tidak beri perhatian berat ke atas kebersihan sekitaran mereka. Para rakyat dan pengusaha adalah digesa supaya memberi sokongan penuh kepada kerajaan untuk bersama-sama mengekal dan meninggikan kualiti alam sekeliling kita.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHUA JUI MENG
TARIKH	:	28 JUN 1988

SOALAN

Y.B. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah hasil kajian yang telah dijalankan di semua sungai besar di seluruh semenanjung oleh pakar Australia;

(b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pencemaran sungai di Lembah Klang; dan

(c) adakah Kementerian bercadang memindahkan kilang-kilang ke sungai.

JAWAPAN

(a) Kajian ke atas semua sungai yang besar di seluruh semenanjung yang telah dijalankan oleh mana-mana pakar Australia.

(b) Semua jawatankuasa pasukan petugas telah dibentuk di peringkat Kementerian bagi menyelaraskan segala tindakan-tindakan pembaikan dan penguatkuasaan. Bidang tugas dan peranan setiap agensi yang terlibat telah-pun dikenalpasti oleh jawatankuasa berkenaan. Mutu air sungai sentiasa ditentukan dari semasa ke semasa melalui program pengawasan kualiti air bagi menilai sejauh mana keberkesanan tindakan-tindakan yang telah diambil sehingga kini. Selain daripada itu Kementerian ini juga akan terlibat dalam program 10 tahun Pembersihan Sungai Klang iaitu satu program pembaikan dan pembersihan sungai yang menyeluruh yang kini masih dalam peringkat perancangan.

(c) Pihak Kementerian sentiasa mengkaji tentang kesesuaian tapak letak kilang-kilang yang sedia ada atau yang akan diwujudkan sama ada ianya

boleh mengancam atau memberi kesan-kesan buruk terhadap penduduk atau kawasan-kawasan persekitaran. Jika terdapat mana-mana kilang yang boleh mengancam penduduk-penduduk dan kawasan-kawasan sekitar, Kementerian ini akan menghubungi pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk membincangkan isu pemindahan tapak letak kilang tersebut. Jika tidak, kilang-kilang tersebut akan terus kekal terletak di tempatnya. Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya berupaya mengawal pencemaran yang dilepaskan dari kilang-kilang ke dalam sungai. Bagi pihak pengusaha kilang pula, kebanyakan mereka kini mampu mengadakan teknologi kawalan pencemaran yang cekap dan berkesan untuk memenuhi syarat-syarat dan piawai-piawai yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

SOALAN-SOALAN TAMBAHAN

1. Apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mendapatkan khidmat pakar asing bagi kajian semua sungai yang besar?

JAWAPAN

Tidak ada, oleh kerana Jabatan Alam Sekitar sedang menjalankan Program Pengawasan Kualiti Air serta keadaan sungai-sungai besar di negara ini.

Sessi-sessi dialog telahpun diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memberi taklimat mengenai keadaan sungai-sungai di negeri masing-masing. Pada keseluruhannya, keadaan sungai telah bertambah baik kecuali Sg. Linggi di Negeri Sembilan, Sg. Merbok di Kedah, Sg. Buloh dan Sg. Sepang di Selangor dan Sg. Kelang. Sungai-sungai ini tercemar dengan partikulat yang disebabkan oleh pembangunan tanah dan beban BOD tinggi yang berpunca dari najis termasuk buangan ternakan.

2. Apakah kilang mampu mengatasi masalah pencemaran effluen?

JAWAPAN

Kebanyakan di antara pengusaha kilang mampu mengadakan teknologi kawalan pencemaran yang cekap dan berkesan untuk memenuhi syarat-syarat dan paras-paras yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. ABDUL HADI DERANI
TARIKH	:	5 JULAI 1988

SOALAN

Y.B. Dr. Abdul Hadi Derani minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samaada Kerajaan menggalakkan kajian dan eksplorasi sumber kekayaan laut di dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia selain daripada eksplorasi mencari telaga minyak dan gas. Sekiranya ada, apakah jenis-jenis eksplorasi yang telah dan akan dijalankan?

JAWAPAN

Kerajaan memang menggalakkan para saintis di negara ini menjalankan kajian ke atas kawasan Zon Ekonomi Eksklusif yang mana kekayaannya masih belum dieksploitasikan sepenuhnya oleh negara kita.

Selain daripada program mencari telaga minyak dan gas, aktiviti-aktiviti lain juga telah dipertingkatkan dan malah dipergiatkan lagi di bawah pelbagai program eksplorasi dan penilaian sumber-sumber hidup di laut. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan ialah:-

a) Eksplorasi perlombongan;

b) Kajian perikanan;

c) Penyelidikan Strategik Oseanografi;

d) Penyelidikan Sains Laut;

e) Penyelidikan Bersama Sains Laut ASEAN;

f) Ekspedisi Tahunan "MATAHARI" oleh Universiti Pertanian Malaysia di Laut China; dan

g) Penilaian Sumber-Sumber Hidup Laut di Pantai Timur dan Barat Semananjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN THOMAS SALANG SIDEN
TARIKH : 6 JULAI 1988

SOALAN

Y.B.Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hampir 95% air sungai di Negeri Sarawak dicemari oleh tanah dari hasil kerja pembalakan dan kebanyakan penduduk pendalaman yang meminum air dari sungai-sungai mendapat masalah. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian supaya kesihatan penduduk tidak terjejas?

Apakah Kementerian berkenaan tidak setuju untuk mengarahkan tuan punya lesen pembalakan memberi sejumlah keuntungan mereka untuk membina air yang bersih untuk kegunaan penduduk setempat?

JAWAPAN

Tidak ada maklumat yang menunjukkan bahawa hampir 95% air sungai di Negeri Sarawak dicemari oleh tanah dari hasil kerja-kerja pembalakan.

Sebenarnya, mengikut Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak lebih kurang 71% penduduk luar bandar menerima bekalan air di bawah skim bekalan air luar bandar sama ada yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak ataupun Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak. Skim ini juga membekalkan air ke rumah-rumah di dalam kawasan pendalaman. Kebanyakan rumah-rumah panjang ini disediakan bekalan air dalam bentuk `gravity feed` ataupun perigi.

Pada keseluruhannya, adalah didapati bahawa kualiti air sungai-sungai di Negeri Sarawak adalah baik. Cuma terdapat air sungai di setengah-setengah kawasan pendalaman yang keruh, tetapi ini bukan hanya akibat aktiviti pembalakan malah aktiviti-aktiviti tanah pindah (shifting cultivation) dan aktiviti-aktiviti pembangunan tanah yang lain.

Kementerian Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk mengarah tuan-tuan punya lesen pembalakan untuk memberi sebahagian daripada keuntungan mereka untuk membina bekalan air yang bersih bagi penduduk setempat. Kuasa ini adalah terletak pada Kerajaan Negeri yang berkenaan.

SOALAN TAMBAHAN

1. Sejak Perintah Penilaian Kesan kepada Akta Alam Sekeliling 1987 telah dikuatkuasakan pada 1 April 1988, bolehkah aktiviti seperti pembalakan dikuatkuasakan di bawah perintah ini?

JAWAPAN

1. Ada benar. Aktiviti pembalakan meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih adalah satu aktiviti yang ditetapkan di bawah perintah tersebut dan yang memerlukan satu kajian EIA sebelum aktiviti itu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, oleh kerana kuasa meluluskan aktiviti tersebut adalah di bawah pihak berkuasa Kerajaan Negeri, di mana syarat-syarat seperti keperluan menjalankan EIA boleh dikenakan kepada pemborong-pemborong pembalakan, maka Kementerian sedang bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri bagi memasukkan keperluan EIA sebagai syarat-syarat lesen pembalakan. Kementerian ini akan sentiasa bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan perintah EIA supaya kualiti air dapat dikawal dengan berkesan.

SOALAN TAMBAHAN

2. Adakah Y.B. Menteri sedar aktiviti pembalakan boleh menyebabkan pencemaran air?

JAWAPAN

2. Saya tidak menafikan pembalakan boleh menyebabkan hakisan tanah dan kelodakan sungai, tetapi tahap pencemaran boleh dikurangkan dengan mematuhi garis panduan pencegahan hakisan tanah yang telah disediakan oleh Kementerian.

SOALAN TAMBAHAN

3. Sudahkah Perintah EIA diwartakan? Jika ya, bila?

JAWAPAN

3. Perintah EIA telah diwartakan pada 5 November, 1987.

SOALAN TAMBAHAN

4. Bilakah Perintah EIA dikuatkuasakan?

JAWAPAN

4. Perintah EIA dikuatkuasakan pada 1 April 1988.

SOALAN TAMBAHAN

5. Adakah kilang papan lapis Rimbunan Hijau di Sibu yang baru-baru dirasmikan oleh PM telah mematuhi Perintah EIA?

JAWAPAN

5. Kelulusan bagi kilang papan lapis tersebut telah diproses melalui saluran biasa dengan dirujukkan kepada Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO HAJI SAIDIN BIN HJ MAT PIAH
TARIKH	:	8 JULAI 1988

SOALAN

Y.B. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan benarkah ada dakwaan mengatakan kelodak dan sisa minyak telah melanda pantai dan perairan Teluk Ramunia dan Sungai Renggit dekat Pengerang sehingga mengancam pendapatan lebih 200 nelayan kecil di kawasan itu. Jika benar, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mencegah kejadian yang seumpama itu tidak akan berulang lagi di masa hadapan?

JAWAPAN

Pada 11 Julai 1987, Jabatan Alam Sekitar telah menerima laporan sisa minyak melanda pantai di antara Tg. Pengelih ke Tg. Setapa berhampiran dengan Teluk Ramunia.

Kejadian itu berlaku akibat sebuah kapal "Stolt Advance" terkandas dekat Batu Berhenti di perairan Indonesia pada 7 Julai 1987 dan tompok-tompok minyak telah hanyut mengikut arus selepas melanda pantai Singapura.

Dalam hal ini, sebaik sahaja laporan ini diterima, tindakan serta-merta untuk membersihkan pantai telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut dan pihak berkuasa tempatan mengikut tatacara di bawah Rancangan Kontingensi Mencegah Tumpahan Minyak di Selat Melaka. Operasi itu telah selesai dengan jayanya.

Kerajaan tidak dapat mengelakkan daripada kejadian kemalangan di laut seperti ini berlaku. Akan tetapi untuk satu Prosedur Seragam (atau Standard Operation Procedure) telah dipersetujui antara Indonesia, Singapura dan Malaysia di mana penukaran maklumat dan tindakan bersama terhadap tumpahan minyak dapat dibuat dengan serta merta selain daripada Rancangan Kontingensi kita yang sedia ada.

LAPORAN MENGENAI MASALAH PENCEMARAN ALAM SEKITAR

1. Pencemaran Air Laut Tanjung Piai, Pontian/Penahanan Kapal Arshiles dan Luna

1.1 Pejabat Shahbandar Johor Bahru telah dihubungi dan memaklumkan bahawa Jabatan Laut Johor tidak pernah menahan kedua-dua kapal tersebut kerana:-

(a) Tidak ada laporan ataupun aduan tentang pencemaran/tumpahan minyak yang disebabkan atau berpunca daripada kedua-dua kapal tersebut.

(b) Kapal-kapal tersebut berada di luar daripada kawasan perairan Malaysia. Jabatan Alam Sekitar juga difahamkan bahawa kapal-kapal tersebut berada di luar perairan Singapura.

1.2 Dalam hal ini, laporan akhbar (Berbahasa China) keluaran 4 Jun 1988 itu adalah tidak benar.

2. Pencemaran Udara (Habuk) Di Kg. Timah, Tg. Tualang, Batu Gajah, Perak

2.1 Pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar telah menyiasat masalah pencemaran yang diadukan itu, dan mendapati ianya berpunca dari 2 buah perusahaan iaitu:-

(i) Perusahaan membuat arang Fook Yik Trading Co.

(ii) Kilang Papan Woh Hup Kee

2.2 Daripada siasatan yang dijalankan menunjukkan bahawa aduan tersebut adalah benar dan berasas.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pertanyaan Dewan Rakyat - 8.7.88

Y.B. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah

I. **Tuntutan**

(i)	Tuntutan Pembersihan	–	$ 6, 968.64
(ii)	Tuntutan gantirugi kerosakan perkakas dan kehilangan pendapatan nelayan	–	$ 135,000.00

Agen kapal "STOLT ADVANCE" ini di Singapura telah dihubungi dan tuntutan telah dikemukakan baru-baru ini kepada agen perkapalan untuk diselesaikan.

II. **Kejadian Tumpahan Minyak Lain Di Kawasan Itu**

Pada tempoh yang sama (22 Julai 1987) sebuah kapal tangki Libyan bernama ELHANI juga terkandas di perairan Indonesia. (Pihak berkuasa Malaysia terlibat dalam mengawasi pergerakan minyak yang ditumpah itu. Sementara waktu pengesahan kerosakan ditunggu, Kerajaan Malaysia telah minta wang cagaran US$20,000 dari tuan punya kapal melalui Kerajaan Indonesia yang pada masa itu menahan kapal berkenaan). Walau bagaimanapun kejadian ini tidak mengakibatkan kerosakan besar.

III. **Kerja Penguatkuasaan**

Kawalan tumpahan minyak sama ada berpunca dari kemalangan atau pembersihan tangki memerlukan kemudahan kapal dan kakitangan yang terlatih.

Pada masa kini, penguatkuasaan dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan bantuan daripada Jabatan Laut, Polis Marin dan pihak pelabuhan masing-masing. Usaha sedang dijalankan untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama daripada pihak Jabatan Kastam, TLDM dan TUDM.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pertanyaan Dewan Rakyat -8.7.88

Y.B. Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah

I. **Tuntutan**

(i)	Tuntutan pembersihan	– $	6,968.64
(ii)	Tuntutan gantirugi kerosakan perkakas dan kehilangan pendapatan nelayan	– $	135,000.00

Agen kapal ini di Singapura telah dihubungi untuk menyelesaikan tuntutan ini.

II. **Kejadian Tumpahan Minyak Lain Di kawasan Itu**

Pada tempoh yang sama (22 Julai 1987) sebuah kapal tangki Libyan bernama ELHANI juga terkandas di perairan Indonesia. (Pihak berkuasa Malaysia terlibat dalam mengawasi pergerakan minyak yang ditumpah itu. Sementara waktu pengesahan kerosakan ditunggu, Kerajaan Malaysia telah minta wang cagaran US$20,000 dari tuan punya kapal melalui Kerajaan Indonesia yang pada masa itu menahan kapal berkenaan).

III. **Akaun Amanah Bagi Perlindungan dan Pemeliharaan Kualiti Alam Sekeliling (Trust Fund) M$ /juta**

Akaun ini dikawal oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar dan ianya ditubuhkan memperakaunkan terimaan-terimaan dan bayaran-bayaran berkenaan dengan perlindungan dan pemeliharaan kualiti alam sekitar. Ianya ditubuhkan ekoran dari wang gantirugi yang diperolehi dari kapal-kapal "Diego Silang" dan "Showa Maru".

IV. **Revolving Fund Committee (RFC)**
(Jawatankuasa Tabung Pusingan) Yen 400 juta (M$ 7.2 juta)

Akaun ini dikawal oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar dan ianya ditubuhkan untuk memperakaunkan terimaan-terimaan dan bayaran-bayaran berkenaan dengan perlindungan dan pemeliharaan kualiti alam sekitar. Ianya ditubuhkan ekoran dari wang gantirugi yang diperolehi dari kapal-kapal "Diego Silang" dan "Showa Maru".

V. **Revolving Fund Committee (RFC)**
(Jawatankuasa Tabung Pusingan) Yen 400 juta (M$7.2 juta)

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Malaysia, Singapura dan Indonesia, dan ianya ditubuhkan bagi mengawal/ mengurus tabung pusingan bagi membantu dari segi kewangan dalam kes-kes kejadian tumpahan minyak berpunca dari kapal di kawasan-kawasan Selat Melaka dan Selat Singapura.

I. **Kes-Kes Pencemaran Laut**

Tarikh	Lokasi	Kapal	Tuntutan $ Pembersihan	Kerosakan	Selesai
9.7.1986	16km dari Batu Pahat di Kawasan Selat Melaka	Bright Duke	–	–	Sudah
11.6.1987	Berhampiran Gelang Patah (Off Tg. Piai, Johor) Di Selat Melaka	M.T. Angel	$1,480.77	$30.400.00	Sudah
11.8.1987	Berhampiran Tanjung Pengelih Di Kawasan Selat Singapura	M.T. Stolt Advance	$6,969.64	$135,000.00	Belum
22.7.1987	Berhampiran Helen Maar Reef di Kawasan Philip Channel Selatan Singapura	M.T. El-Hani	$13,137.60	$1,000.00	Belum
18.1.1988	Berhampiran Tanjung Piai	Barge Estern Bright			Belum

II. Skim Pemisah Lalulintas (Traffic Separation Scheme)

Skim ini diadakan di kawasan Selat Melaka dan Selat Singapura dan ianya bertujuan untuk menjaga keselamatan pelayaran kapal-kapal yang melalui kawasan-kawasan tersebut. Kapal-kapal yang menuju ke Timur dikehendaki belayar di sebelah barat selat berhampiran Sumatra, manakala kapal-kapal menuju ke barat belayar di sebelah timur Selat berhampiran Malaysia.

Selat Singapura adalah satu saluran yang sempit dan terdapat banyak lalulintas kapal yang besar. Setakat ini cadangan telah dikemukakan untuk menambah alat panduan pelayaran (navigation aids) bagi mengurangkan kemungkinan kemalangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN TEOH TEIK HUAT
TARIKH	:	19 OKTOBER 1988

SOALAN

Y.B. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan lokasi tapak-tapak yang telah dikenalpastikan atau didapati bagi pembuangan sisa-sisa toksid industri di dalam negara ini dan sehingga ke hari ini, apakah kajian-kajian atau ujian-ujian yang dijalankan oleh Kementerian ini atau badan-badan lain bagi memastikan kesesuaian tapak-tapak ini.

JAWAPAN

Ingin dimaklumkan bahawa sehingga kini, sejumlah 80 kawasan yang telah dikenalpasti oleh pihak-pihak Kerajaan Negeri Selangor, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Kedah dan Melaka telah dikaji oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya. Kawasan-kawasan yang dimaksudkan disiasat mengenai penggunaan tanah di sekitarnya terutama sekali dari segi jarak kedudukannya dengan sistem aluair seperti parit, sungai, kolam dan tasik, takat pengambilan air minuman, kawasan perumahan, kawasan pertanian dan kawasan perindustrian. Seterusnya kajian geologi dan hidrogeologi peringkat awal juga telah dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi ke atas lima kawasan yang didapati mempunyai kedudukan yang sesuai pada masa siasatan awal yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Berdasarkan maklumat-maklumat awal yang telah dikumpul dan dianalisa, hanya terdapat satu kawasan di Negeri Selangor dan satu kawasan di Pulau Pinang yang didapati berpotensi untuk dijadikan sebagai tapak pembuangan sisa-sisa toksik industri. Jabatan Alam Sekitar telah mengesyorkan kepada negeri-negeri berkenaan supaya kajian terperinci geologi dan hidrogeologi serta penilaian kesan-kesan alam sekitar dijalankan ke atas tapak-tapak tersebut bagi memastikan kesesuaian tapak-tapak berkenaan.

PENEMPATAN KAWASAN PENYIMPANAN SISA MERBAHAYA YANG TELAH DIOLAH

Tapak penyimpanan sisa-sisa yang telah diolah belum dipastikan lagi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi menekankan bahawa tapak-tapak yang akan dicadangkan untuk menyimpan sisa yang telah diolah akan dicadangkan untuk menyimpan sisa yang telah diolah akan mengambil kira kesesuaian dari segi teknologi terbukti, kajian geologi, sosio-ekonomi dan prospek pembangunan kawasan tersebut.

Seperti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melantik dua buah syarikat antarabangsa itu I. Kruger dari Denmark dan Chem-Security Ltd. dari Kanada untuk menjalankan kajian terhadap cadangan sebuah kemudahan bagi pengurusan, pengolahan dan penyimpanan sisa-sisa toksik dan merbahaya. Kedua-dua syarikat tersebut telah diminta mengambil tindakan seperti berikut :-

(a) menyediakan jadual pelaksanaan dalam tempoh 3 bulan serta laporan kemajuan bulanan seterusnya;

(b) menyampaikan rekabentuk muktamad mengenai kemudahan yang dicadangkan itu dalam tempoh 12 bulan; dan

(c) perundingan dengan mana-mana pihak sama ada kerajaan ataupun bukan kerajaan berkenaan dengan cadangan kemudahan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. BUJANG HJ. ULIS
TARIKH	:	28 OKTOBER 1988

SOALAN

Y.B. Tuan Hj. Bujang Hj. Ulis minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Setakat ini, semenjak tahun 1970, adakah usaha telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengambil apa-apa tindakan ke atas hakisan dan kesan dari hakisan tebing Sungai Simunjan yang selama ini telah menyebabkan penduduk-penduduk bandar Simunjan begitu kerap pindah randah.

(b) Kalau ada apakah usaha-usaha itu; kalau tidak adakah Kementerian beliau bercadang hendak mengambil langkah yang tegas dan kontrit untuk mengurangkan hakisan itu dan mengurangkan beban penduduk-penduduk Simunjan akibat hakisan itu; dan

(c) Apakah sumbangan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kepada Sarawak semenjak ianya diwujudkan hingga ke hari ini, pada umumnya/ keseluruhan.

JAWAPAN

(c) Pada keseluruhannya Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak telah menjalankan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang di Negeri Sarawak supaya paras pencemaran dapat dikawal.

Stesen-stesen pengawasan air dan udara telah ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti pengawasan kualiti air dan udara.

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri Sarawak tentang kesesuaian tapak dari segi alam sekitar serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak pekilang untuk mengawal pencemaran.

Segala aduan tentang pencemaran alam sekitar sentiasa disiasat dan tindakan susulan diambil untuk mengatasi pencemaran tersebut.

Di samping itu Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak menjalankan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar dan telah memberi bantuan dan nasihat kepada Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pengurusan alam sekitar seumpamanya menentukan supaya faktor alam sekitar diambilkira dalam perancangan projek pembangunan.

JAWAPAN

Untuk maklumat Y.B. sungai dan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Masalah hakisan tanah dan tebing Sungai Simunjan adalah disebabkan oleh ' tidal bore' yang mana merupakan satu fenomena yang susah dikawal atau di luar kawalan manusia. Masalah ini telah dikenalpasti oleh beberapa Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak yang terlibat dalam pembangunan Bandar Simunjan tetapi tiada apa-apa tindakan diambil oleh pihak-pihak tertentu bagi memelihara tebing sungai berkenaan dari terus dihakiskan oleh 'tidal bore' itu.

'Tidal bore' berlaku di masa air pasang di mana air masin dari laut memasuki sungai dengan lajunya dan keadaan ini menyebabkan air yang sedang pasang itu menjadi ombak yang akan menghakiskan tebing-tebing sungai. Di Negeri Sarawak terdapat dua (2) batang sungai yang mengalami masalah 'tidal bore' iaitu Sungai Simunjan dan satu lagi Sungai Batang Lupar yang terletak dalam Bahagian Sri Aman.

Menurut Jabatan Parit dan Taliair, Sarawak, oleh kerana kos untuk memelihara tebing sungai berkenaan agak tinggi dari segi 'Cost Effectiveness' maka Kerajaan Negeri telah bercadang untuk membina satu bandar baru Simunjan yang terletak lebih kurang 8 km dari pekan Simunjan sekarang.

Dari maklumat Jabatan Tanah dan Ukur Sarawak, 1/3 tapak bagi bandar baru itu telahpun siap ditolak dan dibersihkan sejak 2 hingga 3 tahun yang lampau, tetapi masalahnya belum ada sesiapa yang pindah ke tapak berkenaan.

Memandangkan bahawa tanah dan sungai adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri maka masalah ini bukannya di bawah bidang kuasa Kementerian saya dan setakat ini Kerajaan Negeri telah dan sedang berusaha bagi mengatasi masalah penduduk-penduduk bandar Simunjan yang dikatakan begitu kerap pindah randah.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa bersedia memberi nasihat serta menyusuli kemajuan dan tindakan-tindakan yang di ambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya ada dalam usahasama mengatasi masalah ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mempunyai 4 Jabatan di Negeri Sarawak dan Jabatan Alam Sekitar merupakan satu daripadanya.

Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Sarawak telah ditubuhkan di Sarawak pada awal tahun 1981 dalam usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengadakan kawalan yang menyeluruh terhadap pencemaran alam sekitar seperti pencemaran air dan udara yang berpunca dari pembuangan sisa-sisa kekotoran kilang tanpa kawalan. Perbuatan melupuskan sisa-sisa kekotoran ke dalam sungai-sungai tanpa dikawal bukan saja mencemar sungai-sungai berkenaan tetapi juga menyebabkan air sungai berkenaan tidak dapat digunakan oleh penduduk-penduduk yang tinggal di tepi-tepi sungai dan bergantung kepada sungai-sungai tersebut sebagai punca bekalan air untuk kegunaan domestik seperti membasuh, minum dan juga mandi. Selain dari itu, pelepasan buangan-buangan kilang yang toksik tanpa dikawal boleh membunuh ikan-ikan serta hidupan-hidupan air yang lain.

Pelepasan habuk-habuk kayu serta debu tanpa dikawal ke udara juga menimbulkan masalah kepada orang ramai yang tinggal di sekitar kilang-kilang berkenaan.

Kewujudan Jabatan Alam Sekitar di Sarawak pada tahun 1981 adalah tepat masanya terhadap mengadakan kawalan pencemaran alam sekitar seperti yang diperuntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Antara lainnya Akta ini mempunyai objektif bagi mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling untuk kesejahteraan dan kesihatan orang ramai melalui penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta berkenaan.

Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar telah dapat memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk khidmat nasihat serta input bagi penubuhan dan penempatan kilang-kilang berkenaan dapat dikawal di peringkat perancangan lagi.

Selain dari itu, Jabatan Alam Sekitar, Sarawak juga telah bertindak sebagai satu agensi untuk menyelaraskan tindakan-tindakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan di mana tindakan-tindakan bagi mengawal sesuatu masalah yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar oleh diambil oleh pihak-pihak berkuasa tersebut.

Dalam konteks ini, penubuhan Jabatan Alam Sekitar di Sarawak telah dapat memberi sumbangan terhadap mencapai matlamat kerajaan dalam memelihara mutu atau kualiti alam sekitar melalui penguatkuasaan undang-undang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	28 OKTOBER 1988

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada Peraturan Sisa yang Dijadualkan (Scheduled Waste Regulations) telah diwartakan, seperti yang telah diperuntukkan di bawah Environment Quality Control Act. Jika belum, kenapa demikian.

(b) berapakah tempat telah ditetapkan di Negeri Selangor untuk membuang sisa toksik perindustrian, dan apakah langkah-langkah sedang diambil untuk memastikan bahawa pembuangan sisa toksik itu tidak membahayakan kesihatan penduduk-penduduk tempatan.

JAWAPAN

(a) Draf peraturan tersebut telah siap disediakan dan dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk semakan.

(b) Tentang tapak pelupusan sisa Negeri Selangor, ingin dimaklumkan bahawa belum terdapat sebarang tapak yang ditetapkan dengan pasti bagi tujuan pelupusan sisa toksik. Kajian-kajian tertentu masih perlu dijalankan untuk menentukan kesesuaian tapak-tapak yang akan dikendalikan. Sisa-sisa yang akan dilupuskan di tapak pelupusan yang akan dibina nanti perlu diolah terlebih dahulu supaya sifatnya tidak akan membahayakan alam sekitar dan seterusnya kesihatan penduduk-penduduk tempatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. MOHAMED BIN YAACOB
TARIKH	:	10 NOVEMBER 1988

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian ini sudah merancang atau sudah melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Teknologi di negara ini untuk masa akan datang supaya lebih maju dan tinggi.

JAWAPAN

Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian sedang disediakan oleh Majlis Penyelarasan dan Pemindahan Teknologi dan Alam Sekitar. Tujuan utama Pelan ini adalah untuk menentukan langkah-langkah utama serta strategi-strategi yang boleh dilaksanakan supaya sektor perindustrian dapat meningkatkan lagi keupayaan teknologi yang diimport ke negara ini. Pelan ini telah mengambilkira keutamaan industri-industri serta isu-isu teknologi yang telah dikenalpasti dalam Pelan Induk Perindustrian. Di samping itu, pelan ini diharap menentukan program-program untuk meningkatkan daya inovasi dan rekacipta tempatan.

Sebagai permulaan, Jawatankuasa Pembentukan Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian di Majlis tersebut telah mengenalpastikan 23 kajian yang perlu dijalankan bagi menentukan taraf keupayaan teknologi di sektor perindustrian. Kajian ini meliputi pelbagai bidang teknologi seperti elektronik, bioteknologi, teknologi pengeluaran, plastik dan lain-lain lagi. Kajian ini dilaksanakan oleh penyelidik dan perunding tempatan. Rumusan-rumusan kajian itu akan dibincangkan kelak oleh kumpulan-kumpulan pakar yang dilantik dari sektor swasta dan awam. Tujuannya ialah untuk merangkumi pendapat-pendapat semua pihak yang terlibat di dalam teknologi perindustrian. Pada masa kini, laporan-laporan berhubung dengan pelan ini sedang dibincangkan oleh panel pakar-pakar yang juga ditubuhkan.

Selain dari itu, Kerajaan telah menjemput pakar-pakar tempatan, usahawan-usahawan, penyelidikan-penyelidikan, golongan akademik dan pegawai-pegawai Kerajaan untuk menganggotai Konsortium Kebangsaan untuk Pembentukan Pelan Induk Teknologi Perindustrian Malaysia. Konsortium ini akan menjadi satu badan "referendum" yang penting bagi maksud menentukan isu-isu pembangunan teknologi perindustrian. Deraf laporan-laporan yang merangkumi pendapat-pendapat pakar-pakar akan dibincangkan kelak oleh Konsortium Kebangsaan ini dalam satu Kongress Kebangsaan. Adalah diharap Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian yang dihasilkan akan mendapat satu konsensus semua pihak untuk melaksanakannya. Pelan yang dihasilkan dari proses ini akan menentukan langkah-langkah yang perlu diambil oleh sektor industri. Di samping itu, ianya menyediakan strategi-strategi yang akan membolehkan industri-industri tempatan menemui cabaran pembangunan teknologi yang akan menentukan taraf persaingan dan keuntungan sesuatu industri. Sebagai satu Pelan Tindakan, ia akan mengandungi strategi dan juga program yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan, industri dan badan-badan profesional lain. Adalah dijangka bahawa Pelan Tindakan ini disiapkan pada pertengahan tahun 1989.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN JAMES JIMBUN A/K PUNGGA
TARIKH	:	14 NOVEMBER 1988

SOALAN

Y.B. Tuan James Jimbun a/k Pungga minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan Kementerian untuk mengurangkan jumlah sisa bahan-bahan berbahaya seperti "Mercury", "Cadmium", "Lindane", "DDT" dan "Pentachlorophenol" untuk "accuatic" keadaan di sekeliling.

JAWAPAN

Di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979, standard-standard yang boleh diterima bagi mengurangkan bahaya pelepasan sisa-sisa merbahaya seperti raksa dan kadmium ke dalam sistem alurair telah pun ditetapkan dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Bagi bahan kimia "lindane", "DDT" dan "pentachlorophenol", dimaklumkan bahawa penggunaan, penjualan, pengimportan, pengilangan dan pengstoran bahan-bahan tersebut adalah dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak, 1974 yang dikuat-kuasakan sepenuhnya oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak di bawah Kementerian Pertanian. Juga dimaklumkan bahawa mana-mana industri atau punca yang melepaskan effluen kurang daripada 60 meter padu sehari dan effluen-nya tidak mengandungi sebarang logam berat, industri atau punca berkenaan tidak tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. MOHD SHARIF JAJANG
TARIKH : 24 NOVEMBER 1988

SOALAN

Y.B. Tuan Hj. Mohd. Sharif Jajang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah benar Daerah Sepang akan dijadikan kawasan 'Toxic Waste'. Jika benar apakah tidak ada pilihan lain. Apakah Yang Berhormat Menteri akan menimbangkan semula jika terdapat bantahan-bantahan dari penduduk.

JAWAPAN

Soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah pun diberi jawapannya oleh Y.B. Menteri di Dewan yang mulia ini pada 19 Oktober yang lalu semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan memandangkan kedua-dua soalan itu adalah sama rupanya. Maka dengan itu, saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Memang benar kawasan di negeri Selangor yang telah kenalpasti sebagai sesuai dijadikan tapak pelupusan buangan toksik yang telah diolah ialah di Daerah Sepang. Walaupun begitu, satu kajian terperinci geologi dan hidrogeologi serta penilaian kesan-kesan alam sekitar perlu menjalankan terlebih dahulu sebelum kawasan yang berkenaan dapat dikatakan sesuai. Kerajaan Negeri Selangor supaya menjalankan kajian terperinci tersebut. Sebabnya kawasan ini dipilih ialah setelah kajian awal dilakukan ke atas sejumlah 45 kawasan di Negeri Selangor, didapati kawasan yang berkenaan ialah yang paling sesuai.

1989
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN S.S. SUBRAMANIAM
TARIKH : 7 MAC 1989

SOALAN

Y.B. Tuan S.S. Subramaniam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) adakah beliau sedar udara di bandar Kuala Lumpur kita mempunyai gas-gas seperti "sulphur dioxide", "nitrogen dioxide" dan "ozone" dengan kadar yang boleh menjejaskan kesihatan penduduk-penduduk di Ibu Kota kita. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementeriannya untuk mengurangkan kadar racun tersebut di dalam udara kita; dan

(b) adakah Menteri sedar kenderaan-kenderaan yang lalu lalang di ibukota kita sedang menjadi satu punca yang utama bagi pencemaran udara dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian di atas kilang-kilang yang sedang membuat kenderaan-kenderaan tersebut. Apakah sebabnya negara kita tidak boleh mengikuti beberapa negara-negara lain berhubung dengan pencegahan racun-racun dari kenderaan kita.

JAWAPAN

1. (a) Saya memang sedar bahawa udara di bandar Kuala Lumpur mempunyai gas-gas seperti dioksida sulfur, dioksida nitrogen dan sebagainya. Pengawasan oleh Jabatan Alam Sekitar menunjukkan parasnya adalah terkawal dan selamat. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar telah dan sedang melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kawalan pencemaran terutamanya dari segi pencegahan. Kerja ini termasuklah inventori punca-punca mencemar, inventori beban pencemar, penguatkuasaan undang-undang kawalan, pengawasan paras bahan pencemar, pelaksanaan program mengurangkan bahan-bahan yang boleh mencemar, misalnya plumbum dan "benzene" dalam petrol, nasihat dan panduan kepada agensi lain supaya dalam segala projek

pembangunan, pertimbangan alam sekitar dan konsep pembangunan berterusan dapat digabungkan. Jabatan Alam Sekitar juga bekerja rapat dengan Dewan Bandaraya dalam melaksanakan pelbagai program memelihara kualiti alam sekeliling bandaraya.

(b) Memang benar bahawa kenderaan-kenderaan di Ibu Kota sudah menjadi satu punca utama pencemar udara yang disebabkan oleh pertambahan bilangan kenderaan dan juga penyelenggaraan yang tidak lengkap. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar termasuklah pemeriksaan ke atas kilang-kilang yang membuat kenderaan bagi menentukan kenderaan-kenderaan yang dikeluarkan mematuhi standard pelepasan asap dan kehendak undang-undang sebelum kenderaan dipasarkan. Jabatan Alam Sekitar juga sedang menyediakan rancangan kawalan bagi menentukan segala pemasangan injin baru mematuhi standard pelepasan baru, selaras dengan kemajuan teknologi. Di dalam hal ini, undang-undang dan standard Kawalan Malaysia adalah setanding dengan banyak negara lain, dan dalam keadaan tertentu, lebih baik dari negara-negara lain.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU
TARIKH : 15 MAC 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) setiap berapa lamakah pemeriksaan dibuat terhadap pencemaran air di sungai-sungai di negara ini;

(b) sama ada air daripada Sungai Merotai, Tawau, yang mana menjadi nadi utama bekalan air bagi penduduk-penduduk Tawau, pernah diperiksa secara teliti. Jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan bahawa air tersebut bebas daripada pencemaran.

JAWAPAN

Saya mohon menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat seperti berikut:-

1. (a) Pada amnya, pemeriksaan ke atas sungai-sungai dilakukan di antara 4 sehingga 12 kali setahun bergantung kepada tahap pencemaran sungai-sungai berkenaan.

(b) Jabatan Alam Sekitar dan menjalankan pemeriksaan ke atas Sungai Merotai dan mendapati pada keseluruhannya kualiti air sungai tersebut tidak tercemar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	21 MAC 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah langkah yang berkesan untuk mempertahankan alam sekitar dari pencemaran udara, penghakisan tanah, banjir dan tanah bergaram yang semakin lama semakin serius.

JAWAPAN

Pada keseluruhannya, keadaan pencemaran udara adalah terkawal. Langkah-langkah yang berkesan daripada aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan kerjasama pihak-pihak berkuasa negeri dan tempatan serta pengusaha-pengusaha industri telah membawa hasil seperti berikut:-

(i) bilangan kenderaan yang melulusi ujian pelepasan asap hitam telah meningkat daripada kurang 50% pada tahun 1977 kepada lebih daripada 85% sehingga kini;

(ii) paras plumbum di udara telah menurun daripada lebih kurang 6 mikrogram setiap meter padu di persimpangan jalanraya sibuk sebelum tahun 1985 kepada kurang daripada 2 mikrogram setiap meter pada masa kini;

(iii) pelepasan asap dari cerobong kilang telahpun berkurangan, dan kebanyakan kilang dapat menepati had-had pelepasan yang dibenarkan;

(iv) kes-kes pembakaran terbuka ke atas buangan kilang, dan pertanian serta di tapak pembinaan telah berkurangan juga.

Tambahan lagi, garis-garis panduan untuk mencegah pencemaran udara bagi beberapa jenis industri telah diedarkan kepada pihak-pihak pengusaha pada peringkat perancangan dan operasi. Jenis-jenis industri ini ialah kilang baja ikan, kilang kelapa sawit dan kilang papan.

Berkenaan dengan masalah hakisan tanah dan kelodakan, Jabatan Alam Sekitar telahpun mengedarkan garis-garis panduan untuk mencegah dan mengawal masalah itu kepada pihak-pihak Kerajaan Negeri. Tanggungjawab pelaksanaan garis-garis panduan itu adalah di bawah jagaan Kerajaan Negeri masing-masing.

Jika garis-garis panduan itu dilaksanakan, ianya merupakan salah satu daripada langkah-langkah untuk mengatasi masalah banjir. Walaupun demikian, masalah banjir adalah diselenggarakan oleh pihak Jabatan Parit dan Taliair di bawah Kementerian Pertanian. Adalah difahamkan bahawa Jabatan Parit dan Taliair mempunyai program sendiri untuk melebar dan mendalamkan sungai-sungai supaya mengurangkan kejadian banjir.

Di dalam hal tanah bergaram pula, ianya juga terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Parit dan Taliair. Namun sejauh pengetahuan saya, masalah tanah garam belum lagi menjadi nyata sehingga merupakan satu masalah di negara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	22 MAC 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) berapa banyakkah sisa-sisa industri sedang dikeluarkan seluruh Malaysia setahun;

(b) adakah pihak Kementeriannya telah memutuskan untuk menempatkan Sepang, Selangor serta Valdor, Pulau Pinang, sebagai tempat pembuangan sisa industri, walaupun penduduk-penduduk di kedua-dua kawasan itu telah bersuara menentang cadangan Kerajaan tersebut; dan

(c) pernahkah pihak Kerajaan menghantar sisa-sisa industri untuk dibuang ke luar negeri, dan apakah dasar Kerajaan terhadap pembuangan sisa tersebut di seberang sempadan antarabangsa.

JAWAPAN

a. Berdasarkan kepada inventori yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bagi tahun 1987, lebih kurang 380,000 meter padu buangan-buangan toksik dan berbahaya dikeluarkan setahun.

b. Kerajaan belum memutuskan sama ada tapak-tapak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dijadikan sebagai tapak pelupusan. Kesesuaian tapak perlu dijalankan dan ini bergantung kepada persetujuan Kerajaan Negeri berkenaan. Di samping itu, Kerajaan sentiasa meneliti pandangan dari semua pihak dan akan mengambilkira keselamatan dan kesihatan orang awam di dalam menentukan kedudukan tapak tersebut.

c. Ya, pihak Kerajaan pernah meluluskan beberapa penghantaran buangan toksik dan berbahaya oleh pihak pekilang untuk pelupusan di luar negeri. Walaupun pihak Kerajaan belum mempunyai dasar tertentu pada masa ini, prosedur yang diamalkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk meluluskan penghantaran buangan toksik dan berbahaya di luar negeri adalah tertakluk kepada dua syarat seperti berikut:-

(i) Penghantaran untuk pelupusan tersebut mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa di negara berkenaan; dan

(ii) Syarikat atau pihak yang akan menerima buangan tersebut mengesahkan bahawa mereka mempunyai kemudahan pengolahan dan bersedia menerima buangan tersebut untuk pelupusan yang sempurna.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
TARIKH : 23 MAC 1989

SOALAN

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan betapa berkesannya usaha Kerajaan dalam mengatasi hujan asid di dalam negara kita. Secara perbandingan, negeri-negeri manakah yang paling tenat sekali kadar pencemaran tersebut berbanding dengan tingkat-tingkat yang dianggap selamat mengikut standard dunia. Kegiatan-kegiatan jenis apakah yang berupa penyumbang utama kepada keadaan hujan asid di negara kita. Berapa peratuskah sumbangan setiap jenis kegiatan tersebut kepada masalah hujan asid.

JAWAPAN

Punca-punca yang menyebabkan hujan asid di negara kita boleh dibahagikan kepada punca bergerak seperti kenderaan dan punca tetap atau tidak bergerak seperti stesen janakuasa elektrik dan perindustrian lain.

Setakat ini usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan khususnya Jabatan Alam Sekitar bagi menghindar masalah hujan asid ialah dengan mengawal penggunaan bahanapi, minyak yang dibakar untuk penjanaan kuasa.

Di samping itu, pengukuran paras gas-gas seperti sulfur dioksida dan nitrogen dioksida di udara dijalankan bagi menentukan sama ada paras kandungan yang terdapat sekarang boleh mengakibatkan hujan asid. Keputusan-keputusan pengukuran menunjukkan bahawa paras gas-gas asid ini adalah rendah. Ini bererti di negara kita masalah berkaitan hujan asid belum timbul. Di negara barat, hujan asid telah mencatatkan pH di bawah paras 4 yang mana ianya telah mengakibatkan kesan buruk ke atas hutan rimba dan tasik. Walau bagaimanapun, paras pH air hujan di beberapa kawasan bandar dan perindustrian di negeri Pulau Pinang, Selangor Darul Ehsan dan Johor Darul Takzim telah menurun sejak tahun 1984 oleh kerana bertambahnya penggunaan kenderaan dan aktiviti perindustrian.

Sungguhpun aktiviti perindustrian, stesen janakuasa elektrik dan penggunaan kenderaan merupakan punca-punca utama yang boleh akibatkan hujan asid, namun Kementerian ini masih kekurangan data-data yang lengkap untuk menentukan dengan tepat peratusan sumbangan oleh setiap aktiviti tersebut terhadap masalah hujan asid.

Dalam pada itu, program pengawasan hujan asid akan diteruskan dan Jabatan Alam Sekitar akan mengkaji langkah-langkah pengawalan yang lebih ketat jika perlu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HU SEPANG
TARIKH	:	23 MAC 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Hu Sepang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah sungai yang ada di negara ini yang begitu tercemar sekali dengan bahan-bahan organik sehingga ia tidak selamat untuk diproses menjadi air paip dan adakah Menteri berkenaan sedar bahawa apabila air sungai yang begitu tercemar dengan bahan-bahan organik diubati dengan klorin akan menghasilkan "phenolic compounds" dan "organochlorine substances" yang akan menyebabkan kanser dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk mencegah rakyat Malaysia daripada diracuni.

JAWAPAN

Dalam tahun 1988, sebanyak 86 lembangan sungai telah diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar. Dari jumlah tersebut, hanya 4 lembangan sungai yang mengalami pencemaran bahan organik yang serius. Sebelas lagi didapati sedikit tercemar, dan yang lain adalah bersih atau bebas daripada pencemaran tersebut.

Antara 4 batang sungai yang serius termasuklah Sungai Juru, Sungai Kelang, Sungai Sepang dan Sungai Kemaman. Walaubagaimanapun, bagi sungai-sungai tersebut, hanya bahagian-bahagian tertentu sahaja yang tercemar, terutamanya di bahagian-bahagian yang menerima kumbahan dan buangan ternakan binatang.

Dari 4 batang sungai itu, hanya Sungai Kelang dan Sungai Kemaman yang digunakan untuk bekalan air minum. Sungguhpun begitu, kedudukan takat pengambilan air bagi sungai-sungai berkenaan adalah di bahagian hulunya yang didapati bebas dari pencemaran organik. Maka, masalah penghasilan bahan kanser seperti "phenolic compunds" dan "organo-chlorine" adalah terkawal dan tidak membimbangkan. Sebagai satu langkah pencegahan, Kerajaan sedang dalam proses mengkaji dan sekiranya perlu, mengubahkan sistem pengolahan air kepada jenis sistem yang boleh mengelakkan dan menghapuskan ancaman ini.

10 Rivers which are classified as **slightly polluted** by organics (1988).

	Name of Rivers	Public Water Supply Scheme	Results on Status (1988)
1.	Merbok	Yes, (but upstream)	–
2.	Perai	Yes, (downstream of Station No. 5405621)	10 samples were taken but all complied to III (Std) - 6.0 mg/1
3.	Jejawi	Yes (upstream)	–
4.	Kerian	Yes (downstream of Station No. 5206632)	5 samples were taken, but all complied to class - 6.0 mg/1
5.	Raja Hitam	No	–
6.	Buluh	Yes (downstream)	
7.	Linggi	Yes (downstream of station No.2619607)	9 samples were taken, all complied to class III - 6.0 mg/1
8.	Balok/Cherating	No	–
9.	Golok	Yes (but very much upstream)	–
10.	Batang	Yes (but upstream) Rajang	–
11.	Sg. Limbang	No	–

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN GERARD MATH LEE MIN
TARIKH	:	20 JUN 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Gerard Mat Lee Min minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar:

(i) Sudahkah Malaysia menandatangani "1997 Montreal Protocol"? Jika belum, bila?

(ii) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkenalkan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk membantu melindungi lapisan ozon.

JAWAPAN

Kerajaan telah memutuskan supaya menjadi parti kepada Protokol Montreal. Pihak Kementerian Luar Negeri akan mengambil tindakan untuk menandatangani Protokol berkenaan selepas diselesaikan prosedur yang formal ianya akan dilakukan tidak lama lagi.

Negara kita bukanlah pengeluar CFC dan halon dan kita hanya mengimport bahan-bahan kimia ini. Dalam pada itu, usaha sedang dijalankan untuk menentukan bahawa pengimportan bahan-bahan tersebut dicatat dan diawasi. Satu Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Perlindungan Lapisan Ozon telah ditubuhkan dibawah Jabatan Alam Sekitar dan dianggotai oleh jabatan-jabatan yang berkaitan, pihak pekilang, pembekal dan universiti-universiti bagi mengkaji dan mengambil tindakan yang perlu untuk melindungi lapisan ozon. Selanjutnya kerja-kerja sedang dijalankan untuk menentukan dan menetapkan sistem tariff Kod Kastam bagi bahan-bahan yang diimport itu dan di mana perlu undang-undang yang sedia ada akan dipinda dan dikemaskinikan.

Kerajaan juga menggalakkan industri-industri baru menggunakan bahan-bahan dan teknologi alternatif selaras dengan hasrat dan matlamat melindungi lapisan ozon.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN TEOH TEIK HUAT
TARIKH : 20 JUN 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar bahawa cadangan-cadangan untuk membina tapak pembuangan sisa-sisa toksid di Kampong Valdor, Pulau Pinang telah dibatalkan dan akan ditempat semula di dua buah kepulauan di sekitar negeri Pulau Pinang. Jika ya, beri sebab-sebab mengapa cadangan pelan untuk membina tapak pembuangan ini di Kampong Valdor telah dibatalkan dan namakan kedua-dua pulau yang dikenalpastikan bagi pembinaan tapak pembuangan sisa-sisa toksid di negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN

Ya, adalah benar bahawa cadangan membina tapak pembuangan di Kampong Valdor telah dibatalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ketetapan ini diambil atas rayuan dari Ahli YB dari Nibong Tebal dan YB Ahli Undangan Negeri dari Sungai Bakap bersama wakil-wakil dari parti-parti Komponen Barisan Nasional. Setakat ini, beberapa tapak baru sedang dikaji oleh Kerajaan Negeri, dan belum ada lagi apa-apa ketetapan dibuat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN NGOI THIAM WOH
TARIKH	:	23 JUN 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kementeriannya telah menjalankan penyiasatan ke atas keadaan lapisan ozon (ozone layer) di ruang angkasa negara kita, jika ya, apakah keadaan sekarang dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Ya, tetapi hanya kajian secara ad hoc telah dijalankan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia bersama-sama dengan Dr. Mohd Illyas dari Jabatan Fizik Universiti Sains Malaysia. Kajian itu dilakukan ke atas kawasan Kuala Lumpur dalam tahun-tahun 1981 dan 1982.

Kajian itu menunjukkan bahawa lebih banyak lagi perlu dijalankan, tetapi data yang telah diperolehi adalah berguna untuk kajian-kajian pada masa depan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN NGOI THIAM WOH
TARIKH : 26 JUN 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kementeriannya mempunyai kakitangan penguatkuasa yang mencukupi; jika ya, mengapa masih terdapat banyak lagi kilang-kilang yang tidak mematuhi kehendak-kehendak undang-undang alam sekitar belum didakwa ke mahkamah,dan jika tidak, mengapa masalah ini masih wujud.

JAWAPAN

Bagi melaksanakan semua aktiviti dan program Jabatan Alam Sekitar adalah didapati bahawa kakitangan di Jabatan Alam Sekitar setakat ini adalah tidak mencukupi. Walau bagaimanapun keutamaan telah diberi kepada bidang kerja mengikuti keperluan dan sumber-sumber yang ada. Adalah benar bahawa dari semasa ke semasa terdapat sebilangan kecil kilang yang tidak bertanggungjawab dan melakukan kesalahan di bawah undang-undang. Dalam hal ini saya ingin meyakinkan kepada Y.B. bahawa tindakan keras sedang dan akan diambil terhadap mereka, dan jika perlu, termasuk pengenaan perintah larangan bagi menentukan bahagian kilang yang mencemar ditutupkan sehingga tindakan pembetulan diambil oleh kilang. Di samping itu, bagi mengatasi kekurangan kakitangan dan meningkatkan prestasi Jabatan Alam Sekitar, permohonan telah dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambahkan tenaga kerja.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN P. PATTO
TARIKH : 26 JUN 1989

SOALAN

Y.B. Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan mengambil untuk menyelamatkan alam dunia kita dari masalah penyempitan lapisan "ozone" (thinning of the ozone layer) dan apakah hasil pelaksanaan langkah-langkah ini.

JAWAPAN

Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang untuk 30 Jun ini, memandangkan kedua-dua soalan menyentuh isu berkaitan dengan lapisan ozon.

Kerajaan sedar akan ancaman kepada bumi yang datang dari penghapusan lapisan ozon di atmosfera, maka Kerajaan telah bersetuju untuk menyertai Protokol Montreal mengenai Bahan-bahan yang Menghapuskan Ozon.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negara kita bukanlah pengeluar "chloro-fluorocarbons" (atau CFC) dan Halon, dan kita hanya mengimport bahan-bahan kimia ini. Dalam pada itu, usaha sedang dijalankan untuk menentukan bahawa pengimportan bahan-bahan tersebut dicatat dan diawasi.

Berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil, saya telah memberi penjelasan semasa menjawab soalan yang serupa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar pada 23 Jun yang lalu, dan saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

Berkenaan dengan hasil daripada langkah-langkah untuk melindungi lapisan ozon, memandangkan kita sedang mula melaksanakannya, maka adalah terlalu awal untuk melihat hasilnya sekarang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI
TARIKH	:	29 JUN 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Basri bin Bajuri, minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pencemaran air sungai telah menjadi begitu serius sehingga memupuskan sebahagian besar hidupan dalam sungai serta menutup peluang pekerjaan nelayan-nelayan di sungai. Jika ya:-

(a) apakah Kementerian menyedari bahawa pekilang-pekilang khususnya pekilang kelapa sawit ataupun pelombong-pelombong melepaskan air yang kotor ke sungai-sungai pada waktu-waktu tertentu misalnya pada waktu malam;

(b) sejauh manakah kesan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Kementerian dalam mengatasi masalah berkenaan.

JAWAPAN

Ya, Kerajaan sedar bahawa masalah pencemaran berlaku di beberapa batang sungai, dan hanya di bahagian-bahagian tertentu sungai-sungai yang berkaitan. Pada keseluruhannya keadaan air sungai adalah terkawal. Sekiranya, Ahli Yang Berhormat memerlukan butir-butir lanjut, Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling.

Untuk menjawab (a), Jabatan Alam Sekitar pernah menerima aduan-aduan bahawa pencemaran air sungai telah berlaku akibat darpada pelepasan air kotor oleh pekilang-pekilang pada waktu malam. Malangnya, kebanyakan aduan ini adalah dibuat secara am sahaja, dan tidak ada butir-butir yang cukup diberi untuk membolehkan tindakan tertentu diambil.

Berkaitan dengan pelepasan effluen dari lombong, Jabatan Galian di bawah Kementerian Perusahaan Utama, juga pernah menerima aduan mengenai

pelepasan air kotor dari lombong-lombong. Siasatan sentiasa dibuat apabila aduan diterima oleh Jabatan itu.

Di dalam mengawasi operasi perlombongan, Jabatan berkenaan penguatkuasaan beberapa peraturan, antaranya tentang penggunaan air oleh lombong. Satu sistem air-pulang-balik dikenakan kepada semua sekim melombong. Sebarang pembuangan air lebihan hanya dibenarkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Pada keseluruhannya pencemaran oleh lombong adalah terkawal kerana pemeriksaan yang rapi sentiasa dibuat oleh pegawai-pegawai dari Jabatan berkenaan. Pegawai-pegawai tersebut memeriksa lombong-lombong tidak kurang dari sekali setiap bulan, di samping mengambil contoh-contoh air buangan untuk analisa.

(b) Penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah berkesan dan boleh dilihat dari segi pengurangan beban BOD untuk effluen minyak kelapa sawit di mana beban itu dikurangkan dari 5,000 miligram setiap liter pada tahun 1978 kepada 100 miligram setiap liter mulai daripada tahun 1983 hingga kini.

Kilang-kilang yang tidak dapat mematuhi peraturan-peraturan yang berkesan akan dihadapkan ke mahkamah, misalnya pada 1988, 4 buah kilang telah dihadapkan ke mahkamah bersabit dengan pelepasan effluen yang tidak mematuhi kehendak undang-undang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ONG KEE KEAT
TARIKH	:	30 JUN 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Ong Kee Keat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat mana Majlis-majlis Daerah/Perbandaran sudi bekerjasama dengan Kementerian beliau dalam usaha menguruskan masalah pembuangan sampah sarap dan masalah pencemaran udara, khususnya yang diakibatkan oleh pengilang-pengilang yang tidak berlesen, kepada Majlis Tempatan yang kurang bekerjasama.

JAWAPAN

Seperti Ahli YB dari Ampang sedia maklum pengurusan sampah sarap serta pembakaran sampah yang pencemaran udara adalah di bawah tanggungjawab Majlis-Majlis Daerah dan Perbandaran berkenaan. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya boleh beri nasihat dan garis panduan kepada mereka supaya amalan baik diadakan. Sukacita saya memaklumkan Ahli YB bahawa kebanyakan Majlis telah sedar tentang faedah nasihat dan garis panduan yang diberi dan sedang berusaha melaksanakannya.

Dalam hubungan ini untuk memperbaiki pengurusan alam sekitar dalam semua peringkat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Bertindak Alam Sekitar telah di peringkat negeri, dan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah bersetuju cadangan itu. Dengan hal yang demikian, sekiranya Ahli YB mendapati mana-mana majlis tertentu tidak beri kerjasama dalam pengurusan alam sekitar, sila maklumkan kepada saya dan saya sedia memberi segala bantuan untuk menimbulkannya dengan Jawatankuasa tersebut bagi tindakan susulan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH : 24 OKTOBER 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Lau Dak Kee, minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada ia sedar bahawa banyak kritik diberi oleh tuan punya kereta, khasnya kereta teksi dan kereta sewa dan lori terhadap cara-cara untuk menguji kecemaran asap oleh Kementeriannya, jika sedar, terangkan:-

(a) apakah kritik-kritik yang telah diterima oleh Kementeriannya;

(b) pandangan dan tindakan diambil atas kritik itu:

(c) senaraikan garis panduan untuk menguji asap.

JAWAPAN

(a) Jabatan Alam Sekitar telah menerima berbagai kritikan. Ada yang mengatakan bahawa cara ujian ini, iaitu Ujian Percepatan Bebas melalui "Meter Light Absorption" tidak sesuai kerana kenderaan diesel tidak mencemar. Aduan lain yang diterima ialah bahawa prosedur ujian Jabatan Alam Sekitar tidak sama dengan ujian oleh agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan. Terdapat juga beberapa tuan punya kenderaan yang mendakwa bahawa cara ujian itu bukan cara betul dan boleh merosakkan enjin kenderaan.

(b) Pandangan dan tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah seperti berikut:-

Cara ujian asap yang digunakan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah cara yang terbukti untuk mengesan pencemaran asap kenderaan diesel. Bukan saja cara ini digunakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan di seluruh dunia, bahkan ia juga digunakan oleh pembuat-pembuat enjin kenderaan diesel. Dengan itu, aduan bahawa cara ini boleh menyebabkan kerosakan enjin adalah tidak berasas.

Cara ujian inipun juga diperuntukkan dengan jelas dan terperinci dalam

Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Penguji Jabatan Alam Sekitar juga adalah pegawai yang berkelayakan dan terlatih. Jabatan Alam Sekitar juga dari masa ke semasa memberi tunjuk ajar dan penerangan berhubung dengan cara ujian ini kepada tuan punya kenderaan supaya mereka memahami matlamat dan cara ujian ini.

Saya sendiri telah menyampaikan penjelasan ini kepada Persatuan-Persatuan Perusahaan Pengangkutan pada sesi dialog yang diadakan di setiap negeri dalam tahun 1986.

Berhubung dengan prosedur ujian yang dikatakan tidak sama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain, Jabatan Alam Sekitar telah memaklumkan agensi-agensi lain mengenai prosedur yang patut diikuti serta keperluan-keperluan pembuat meter ujian asap. Setakat ini, prosedur yang digunakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan didapati adalah seragam dengan apa yang diamalkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

(c) Prosedur menguji asap adalah terlalu teknikal untuk dinyatakan di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi, prosedur ini dihuraikan dengan jelas di dalam Buku Panduan Prosedur Ujian Asap, dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mendapat butir-butirnya, beliau boleh berhubung dengan Jabatan Alam Sekitar.

SOALAN

1. Adakah kerosakan enjin boleh berlaku akibat dari ujian asap hitam

JAWAPAN

1. Sejak 1979 lagi, sejumlah 197,558 buah kenderaan telah diuji dengan cara/prosedur yang sama dan hanya tuan punya dua buah kereta mengemukakan aduan kerosakan enjin akibat dari ujian asap hitam. Hal ini adalah dalam perhatian Pejabat Peguam Negara.

MAKLUMAT TAMBAHAN KEPADA PERTANYAAN DI DEWAN RAKYAT Y.B. TUAN LAU DAK KEE 24. 10.1989

SOALAN

(1) Bolehkah Kementerian melonggarkan kehendak ujian asap hitam

JAWAPAN

Perlulah ditegaskan di sini ujian asap hitam adalah penting untuk menentukan kenderaan-kenderaan ini tidak menyebabkan pencemaran. Sejak tahun 1979 apabila Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977

digubalkan dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar, bilangan kereta-kereta yang mencemar telah diturunkan daripada 90% sehingga 14% tahun ini dan keadaan telah semakin bertambah baik. Masalah-masalah cara ujian yang dihadapi bukan satu isu di sini, lebih-lebih lagi jangan di'politicise'. Seperti yang telah saya terangkan tadi cara ujian yang digunakan adalah tepat, sesuai dan terbukti dan telah diterima oleh majoriti tuan punya kenderaan. Kementerian saya tidak berhasrat menyebabkan segala kesusahan kepada tuan-tuan punya kenderaan diesel. Tetapi mereka mesti mematuhi kehendak undang-undang dan menjaga enjin mereka supaya bersama-sama memperbaiki kualiti udara negara kita. Dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar telah menyampaikan segala bantuan kepada mereka seperti khidmat nasihat dan ujian percuma.

SOALAN

(2) Untuk memberi penguatkuasaan yang lebih berkesan bolehkah kenderaan diesel diuji dalam woksyop atau depo dan selanjutnya ditahan dan dilarang operasinya kiranya berasap banyak?.

JAWAPAN

Penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan diesel ini telah dijalankan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Dengan peruntukan-peruntukan yang ada adalah didapati bahawa terdapat beberapa kerumitan undang-undang sekiranya kenderaan ini diuji di dalam premis bagi maksud mengambil tindakan undang-undang. Untuk mengelakkan segala masalah perundangan, penguatkuasaan telah dijalankan hanya ke atas kenderaan yang digunakan (in-use) seperti diperuntukkan dalam Seksyen 59 Akta tersebut. Soal penahanan dan melarangkan kegunaan kenderaan-kenderaan yang berasap berlebihan adalah tertakluk kepada kuasa Pegawai-Pegawai Pengangkutan Jalan dan pihak Polis. Dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar telah bekerjasama rapat dengan kedua-dua pihak ini untuk memberi kesan kepada usaha penguatkuasaan.

SOALAN

(3) Adakah insentif-insentif disediakan oleh pihak Kerajaan bagi menggalakkan kenderaan diesel menggunakan gas supaya mengelakkan pencemaran?

JAWAPAN

Bukan semua kenderaan diesel boleh tukar bahanapi dengan gas, misalnya kenderaan-kenderaan besar seperti lori dan trak yang berenjin besar kapasitinya dan terpaksa menjalankan perjalanan jauh, kerana dalam hal ini kos bahanapi gas akan melebihi kos diesel. Sebaliknya bagi kenderaan-kenderaan kecil khususnya teksi yang menggunakan petrol, mereka akan dapat faedah kos penyelenggaraan

dan kos operasi yang rendah. Dalam hal ini faedah-faedah adalah jelas dan adalah terpulang kepada mereka untuk menggunakan faedah ini dalam menukarkan kepada gas. Setakat ini Kerajaan tiada insentif khas bagi menggalakkan kenderaan disel menukarkan kepada gas.

SOALAN

(4) Apakah kemudahan yang ada bagi ujian asap hitam?

JAWAPAN

Jabatan Alam Sekitar mempunyai meter asap di setiap Pejabat Wilayah dan ujian asap hitam percuma telah diadakan dari masa ke semasa dan juga atas permintaan khas daripada mereka yang mengkehendaki perkhidmatan ini. Selain daripada ini terdapatlah beberapa woksyop swasta yang juga menawarkan perkhidmatan ini. Jabatan Pengangkutan Jalan juga mempunyai meter ujian asap di pusat-pusat pemeriksaan mereka di mana ujian telah dijalankan setiap 6 bulan kepada kenderaan-kenderaan diesel dalam keadaan baik tidak sepatutnya melepaskan asap hitam yang boleh dilihat. Maka ini boleh dijadikan satu cara yang senang dan murah untuk semua tuan punya kenderaan disel menjalankan pemerhatian sendiri terhadap keadaan kenderaan mereka.

SOALAN

(5) Adakah Kementerian bercadang mengadakan undang-undang baru untuk mengawal pencemaran yang berpunca daripada kenderaan? Kenapa cadangan undang-undang sebelum ini belum dapat dilaksanakan?

JAWAPAN

Ya, Kementerian saya sedang berusaha untuk mengadakan peraturan-peraturan baru bagi mengawal pelepasan pencemar daripada kenderaan bermotor berdasarkan kepada pendekatan supaya pencemaran dapat dikawal dari peringkat awal. Deraf-deraf sebelum ini telah mendapat ulasan daripada Jabatan Peguam Negara. Jabatan Alam Sekitar masih berusaha untuk menggabungkan kehendak-kehendak baru ini ke dalam penggubalan peraturan ini. Oleh kerana penggubalan ini melibatkan bukan sahaja kepakaran undang-undang bahkan juga melibatkan pengetahuan teknikal yang berbutir dan jawatan Penolong Ketua Pengarah yang bertanggungjawab kepada hal ini masih belum diisi, maka Jabatan Alam Sekitar perlu memberi keutamaan kepada kerja-kerja lain yang mustahak. Maka dalam hal ini kelewatan menyediakan undang-undang ini telah berlaku. Walau bagaimana-pun segala usaha sedang diadakan supaya peraturan-peraturan ini boleh disiapkan untuk penguatkuasaan pada awal Rancangan Malaysia Keenam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHIAN HENG KAI
TARIKH	:	9 NOVEMBER 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar kesihatan penduduk-penduduk sepanjang Jalan Ciku, Bukit Mertajam kini dijejaskan oleh pencemaran debu dan apakah tindakan sedang diambil untuk menjaga kesihatan penduduk-penduduk di sana selain daripada melarikan dari tanggungjawab itu.

JAWAPAN

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak menerima apa-apa laporan bahawa kesihatan penduduk-penduduk di sepanjang Jalan Ciku, Bukit Mertajam telah dijejaskan. Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar Pejabat Wilayah Utara, cuma satu aduan terhadap pencemaran debu di Jalan Ciku, Bukit Mertajam telah diterima pada 22 Julai 1989 dari Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam sendiri. Penyiasatan yang dijalankan pada 1 Ogos 1989 menunjukkan gangguan debu ini berasal dari trafik di atas satu jalan tanah merah di bawah jagaan Majlis Perbandaran Seberang Prai. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam sendiri telah dimaklumkan tentang hal ini pada 16 Ogos 1989. Nasihat telah disampaikan kepada Majlis Perbandaran Seberang Prai tentang cara mengatasi grednya untuk menemui bilangan jalan tanah merah berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN TING CHEK MING
TARIKH	:	27 NOVEMBER 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kilang Titanium di Jalan Lahat (di hadapan Kampung Baru Bukit Merah, Ipoh) telah diberi lesen untuk menjalankan operasi, jika ada, terangkan mengapa ia dibenarkan beroperasi dan sama ada kilang tersebut boleh dioperasikan di luar Malaysia. Adakah operasi kilang tersebut membahayakan kepada kesihatan dan nyawa-nyawa penduduk yang tinggal berhampiran. Apakah langkah-langkah telah diambil untuk menjamin dan menyelia bahawa suasana tidak akan tercemar. Nyatakan syarat-syarat lesen yang diberikan kepada kilang ini untuk memulakan operasi-operasinya dan siapakah pemegang-pemegang saham kilang ini dan bagaimanakah operasi kilang ini memberikan kepentingan kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Kilang Titanium kepunyaan Syarikat Malaysia Titanium Corporation di Bukit Merah, Ipoh telah diberi lesen oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memproses "ilmenite" bagi menghasilkan pigmen "titanium dioxide". Akan tetapi, syarikat itu tidak dibenarkan beroperasi memandangkan "ilmenite" adalah merupakan suatu jenis galian yang mengandungi unsur-unsur radioaktif semulajadi.

Operasi kilang tersebut juga adalah tertakluk kepada kehendak Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984. Ini bermakna kilang tersebut juga perlu mendapatkan lesen daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saya difahamkan bahawa kilang tersebut telah menghantar surat hasrat kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom bagi tujuan mengoperasi kilang. Walau bagaimananpun, Lembaga itu belum mengeluarkan lesen kerana syarikat tersebut belum melengkapkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Sekirannya kilang tersebut dibenarkan untuk beroperasi kelak, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom akan menjalankan program pengawasan radiologikal di dalam kawasan kilang dan juga di kawasan-kawasan di sekitarnya. Program ini akan menentukan tidak berlaku sebarang pencemaran bahan radioaktif di dalam kilang ataupun di kawasan persekitarannya.

Syarikat tersebut telah diberikan beberapa syarat di dalam lesen yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dan di antaranya ialah syarat bahawa syarikat tersebut hendaklah mengambil langkah-langkah sesuai termasuk memasang alat-alat pencegah pencemaran udara, air dan kebisingan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Syarikat tersebut sekarang telah diambilalih seratus peratus oleh pihak asing iaitu HITOX Corporation of America dari Amerika Syarikat dan Airtrust Group of Companies dari Singapura yang memegang ekuiti sebanyak 87.5% dan 12.5% masing-masing.

Kilang tersebut disyaratkan mengambil serta melatih warganegara Malaysia supaya dapat mencerminkan dengan secepat mungkin yang boleh komposisi bilangan kaum penduduk negara bagi semua peringkat jawatan sehinggalah peringkat pengurusan. Tambahan lagi, syarikat itu hendaklah seboleh-bolehnya menggunakan bahan-bahan mentah, komponen-komponen dan alat-alat tempatan serta perkhidmatan-perkhidmatan daripada syarikat-syarikat kepunyaan rakyat Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	28 NOVEMBER 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Adakah "Environmental Quality Control Act" dengan peruntukan-peruntukan EIA telah dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan sepenuhnya, di Negeri Sarawak dan Sabah, khasnya dalam memelihara hutan rimba yang terancam dari pembalakan kayu; dan

(b) Adakah laporan EIA telah diterima, dikaji dan diluluskan oleh Kementeriannya tentang pelaksanaan projek "Aluminium Smelting Plant" di Bintulu dan Projek Resort Highway untuk menyambungi Genting, Cameron dan Fraser's Hill, dan jika ia, apakah keputusan Kerajaan.

JAWAPAN

Mengenai soalan (a), Peraturan yang menghendaki penyediaan laporan penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar, atau EIA dikuatkuasakan di seluruh negara termasuk Negeri Sarawak dan Sabah mulai daripada 1 April, 1988.

Negeri-negeri Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai Pelan Pengurusan Hutan yang juga bertujuan memelihara hutan rimba daripada diancam oleh aktiviti pembalakan.

Mengenai soalan (b), pihak penggerak projek "Aluminium Smelting Plant" di Bintulu sedang berusaha menyediakan laporan EIA; dan mengenai projek lebuh raya peranginan di antara Genting Highlands dengan Bukit Fraser dan Cameron Highlands, pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengarah penggerak projek tersebut menyediakan laporan EIA yang berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN JAWAH A/K GERANG
TARIKH	:	28 NOVEMBER 1989

SOALAN

1. **Y.B. Tuan Jawah a/k Gerang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah sungai di Negeri Sarawak yang sudah tercemar dan usaha-usaha ataupun langkah Kerajaan untuk membaik pulih sungai-sungai tersebut. Dan apakah yang menyebabkan pencemaran sungai-sungai ini?

2. Adakah kerosakan enjin boleh berlaku akibat dari ujian asap hitam?

JAWAPAN

Dalam program pengawasan sungai tahun 1988, sebanyak 20 batang sungai di Sarawak telah diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar. Kesemua sungai yang diawasi di Negeri Sarawak didapati bebas dari pencemaran organik dan ammonia. Kandungan logam-logam berat dalam air sungai juga didapati rendah dan parasnya sentiasa di bawah paras piawai yang ditetapkan bagi tujuan perikanan. Walau bagaimanapun, terdapat 11 batang sungai di mana paras kelodakannya tinggi, Sungai Sarawak, Batang Sadong, Sungai Kerian, Batang Rajang, Batang Oya, Batang Mukah, Sungai Balingan, Batang Kemena, Sungai Sibuti, Batang Baram dan Sungai Limbang.

Ada dua cara Kerajaan menjaga kebersihan sungai, iaitu penguatkuasaan undang-undang dan pembentukan garis panduan bagi mencegah hakisan tanah dan kelodakan sungai. Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan termasuklah Kerajaan Negeri dalam usaha menguatkuasakan undang-undang dan mengelak masalah pencemaran, khususnya kelodakan sungai.

2. Sejak 1979 lagi, sejumlah 197,558 buah kenderaan telah diuji dengan cara/prosedur yang sama dan hanya tuan punya dua buah kereta mengemukakan aduan kerosakan enjin akibat dari ujian asap hitam. Hal ini adalah dalam perhatian Pejabat Peguam Negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN TEOH TEIK HUAT
TARIKH	:	28 NOVEMBER 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah keputusan atau tindakan yang telah diambil selama ini untuk membina tapak pembuangan sisa-sisa toksik dan juga menyatakan jumlah sebenar sisa-sisa toksik di dalam negara ini dan di manakah ianya disimpan sekarang ini.

JAWAPAN

(a) Kerajaan telah mengambil keputusan untuk melantik 2 buah syarikat antarabangsa, iaitu I. Kruger dari Denmark dan Chem-Security Limited dari Kanada untuk menjalankan kajian terperinci ke arah penubuhan suatu kemudahan bagi pengolahan dan penyimpanan sisa-sisa toksik dan merbahaya yang telah diolah. Kedua-dua syarikat itu diberi tempoh tidak melebihi 12 bulan untuk menyiapkan kajian tersebut.

(b) Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bersama-sama dengan Juruperunding dari luar negeri pada tahun 1987, jumlah sisa-sisa toksik yang dikeluarkan dianggarkan jumlah pada masa sekarang ialah lebih kurang 400,000 meter padu.

(c) Buat masa sekarang ini, oleh kerana ketiadaan kemudahan pelupusan dan pengolahan yang sesuai, sisa-sisa yang bersifat toksik dan merbahaya yang dikeluarkan oleh kilang disimpan di premis kilang masing-masing. Di samping itu, ada juga di antara pekilang-pekilang, setelah mendapat kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar, menghantar buangan-buangan tertentu yang dikeluarkan oleh kilang mereka ke negara-negara lain yang bersedia menerima buangan tersebut untuk diolah dan dilupuskan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	30 NOVEMBER 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah telah diambil untuk mengawasi masalah pencemaran alam sekitar di Bandar Kuching khasnya di kawasan Bintawa dan Pendiang yang sedang mengalami pencemaran perindustrian.

JAWAPAN

Keadaan kualiti alam sekeliling Bandar Kuching pada keseluruhannya adalah baik dan terkawal. Masalah pencemaran alam sekitar di kawasan Bintawa dan Pendiang merupakan masalah pencemaran udara yang berpunca dari industri berasas kayu. Cara pelupusan buangan kayu dengan insinerator yang lama dan tidak cekap serta kekurangan zon penampan yang sesuai telah mendatangkan gangguan kepada penduduk tempatan.

Satu dialog dengan pengusaha-pegusaha kilang kayu ini telah diadakan pada 10 Julai tahun ini yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Para pengusaha telah diberitahu mengenai cara pengendalian buangan kayu yang tidak tepat serta reka-bentuk insinerator yang kurang sesuai. Mereka selanjutnya telah diberi arahan supaya meningkatkan kecekapan alat kawalannya serta memperbaiki dan menukarkan insineratornya kepada jenis yang lebih berkesan cara pembakarannya.

Setakat ini, tindakan undang-undang telah diambil terhadap mereka yang tidak mematuhi nasihat dan arahan Jabatan Alam Sekitar. Sebuah kilang telah dikenakan perintah larangan supaya tidak menggunakan insineratornya sehingga diperbaiki. Tindakan yang sama sedang dipertimbangkan terhadap tiga kilang lain jika didapati kemajuan kerja memperbaiki telah memuaskan. Denda kompaun juga telah dikenakan atas lapan kilang lain. Tindakan undang-undang akan terus diambil terhadap kilang yang lain sekiranya didapati masih tidak berusaha mem-

perbaiki keadaan tercemar. Sekiranya kilang yang dikenakan perintah larangan boleh menunjukkan bukti bahawa tindakan telah ambil untuk memperbaiki operasi kilang seperti membuat pesanan untuk insinerator dan alat-alat baru, maka pertimbangan boleh diberi supaya perintah itu dilonggarkan selama 6 minggu untuk mematuhi kehendak undang-undang.

Selain daripada itu, pihak "Sarawak Timber Industry Development Corporation" (STIDC) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal untuk membuat kajian mengenai cara lupusan buangan industri dan membantu pihak industri mengatasi masalah pencemaran udara. Jabatan Alam Sekitar juga telah mendesak pihak berkuasa Bandaraya Kuching supaya insinerator yang mereka bercadang membeli menggunakan bahan buangan kayu ini sebagai bahanapi untuk menghasilkan kuasa elektrik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN DR. ABDUL HADI DERANI
TARIKH	:	6 DISEMBER 1989

SOALAN

Y.B. Abdul Hadi Derani minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk menangkis tuduhan-tuduhan kononnya negara-negara membangun termasuk Malaysia telah menyebabkan masalah alam sekitar seperti kehakisan lapisan ozon dan pelepasan "chlorofluorocarbon" ke udara dan lain-lain masalah akibat perindustrian serta pembukaan hutan untuk projek pembangunan. Majlis-Majlis Daerah/Perbandaran sudi bekerjasama dengan Kementerian beliau dalam usaha menguruskan masalah pembuangan sampah sarap dan masalah pencemaran udara, khususnya yang diakibatkan oleh pengilang-pengilang yang tidak berlesen. Kepada Majlis Tempatan yang kurang bekerjasama.

JAWAPAN

Setakat ini tidak ada apa-apa kritikan yang menuduh bahawa negara-negara membangun termasuk Malaysia telah menyebabkan pengurangan lapisan ozon melalui pelepasan "chlorofluorocarbon" (CFC) ke dalam atmosfera dan juga oleh kegiatan perindustrian. Walaupun demikian, terdapatnya kritikan yang tidak berpatutan mengenai permusnahan kawasan Hutan Hujan Tropika negara kita.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk melindungi kawasan hutan dengan mewujudkan Taman-Taman Negara, santuari hidupan liar dan kawasan hutan kekal. Kayu balak yang ditebang ialah dari kawasan hutan produktif di bawah suatu Pelan Pengurusan Hutan. Di bawah Pelan itu, pendekatan yang diikuti ialah penebangan selektif supaya pokok-pokok lain dapat terus tumbuh. Sesungguhnya kita menyayangi hutan hujan tropika kita seperti golongan pencinta alam, jika tidak, lebih lagi daripada mereka.

Di peringkat antarabangsa perwakilan-perwakilan Kerajaan yang menyertai persidangan dan sebagainya telah memberi keterangan dan makluman yang jelas dan

terperinci mengenai dasar tersebut. Risalah-risalah dan filem-filem rencana mengenai dasar alam sekitar dan perhutanan negara kita telahpun disebarkan melalui Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar Malaysia.

Deklarasi Langkawi mengenai Alam Sekitar yang ditajai Malaysia di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel baru-baru ini, telah dimaklumkan di persidangan-persidangan yang disertai, dan Deklarasi ini antaranya menekankan pengurusan hutan yang berterusan.

Kerajaan tidak mempunyai apa-apa untuk diselindungi, malah Kerajaan telah menjemput rombongan Pertubuhan Antarabangsa Kayu Balak Tropika (atau ITTO) untuk meninjau kawasan hutan di negeri Sarawak. Pada tahun ini juga, 2 rombongan dari Republik Bersekutu Jerman yang terdiri dari ahli-ahli Parlimen Jerman (di antaranya terdapat wakil-wakil dari Parti "Green Peace") telah melakukan lawatan ke Sarawak dan mereka menyuarakan kepuasan hati terhadap keadaan hutan tropika hijau negara kita. Sebenarnya kita menggalakkan semua pengkritik untuk melawat negara kita dan dengan itu melihat dengan sendirinya akan usaha pemuliharaan kita serta keadaan sebenar kawasan hutan tropika hijau Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	6 DISEMBER 1989

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah betul bahawa Kementeriannya telah menjalankan 12 penaksiran tubrukan persekitaran (EIA atau environmental impact assessment) pada tahun 1988 di bawah "Environmental Quality Control Act, 1974;"

(b) adakah bilangan penaksiran tubrukan persekitaran (EIA) terhadap itu mencukupi untuk mengawal masalah pencemaran alam sekitar bagi 18 bidang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan; dan

(c) pernahkah Kementeriannya menjalankan sesuatu EIA terhadap penebangan kayu di Negeri Sarawak, adakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk melaksanakan dengan sepenuhnya Akta Kawalan Kualiti Alam Sekitar terhadap industri penebangan kayu di Negeri itu. Jika Ya, bilakah Akta tersebut akan dilaksanakan.

JAWAPAN

1 (a) Mengenai soalan bahagian (a) sebenarnya Jabatan Alam Sekitar telah menerima dan mengulas 14 laporan penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar atau EIA dalam tahun 1988 dan bukannya 12 laporan penilaian.

(b) Bilangan laporan penilaian di atas merupakan kesemua laporan yang diterima untuk EIA bagi tahun 1988. Dengan demikian, kesemua laporan telah ditaksir.

(c) Sebenarnya, kajian EIA perlu dijalankan oleh pihak pembalak. Jabatan Alam Sekitar telah menarik perhatian dan memohon kerjasama Kerajaan Negeri

Sarawak terhadap keperluan kajian EIA bagi aktiviti pembalakan supaya perintah EIA dapat dikuatkuasakan dengan sepenuhnya.

SOALAN TAMBAHAN

Apakah kajian EIA akan dijalankan untuk projek lebuh raya peranginan (resort highway project)?

JAWAPAN

Mengikut Perintah EIA, projek seumpama ini dikehendaki kajian EIA. Sejauh mana pengetahuan Kementerian ini, kajian EIA akan dijalankan sebagai satu bahagian di dalam kajian kemungkinan projek itu.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. **Adakah permohonan pembaharuan lesen melombong tertakluk kepada EIA?**

   - Semua permohonan pembaruan lesen melombong adalah tertakluk kepada kajian EIA sekiranya tersenarai dalam bilangan 11, Jadual di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

2. **Dari senarai syarikat yang mempunyai sijil pajakan galian, berapakah yang aktif dan yang tidak aktif?**

   - Mengikut rekod Jabatan Galian, Wilayah Sarawak dan Sabah, dari 19 syarikat yang mempunyai sijil pajakan galian, 9 syarikat masih aktif dan yang lain tidak.

3. **Adakah syarikat melakukan kesalahan sekiranya menjalankan kerja-kerja perlombongan tanpa mengemukakan laporan EIA?**

   - Mengikut Seksyen 34(6) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985, menjalankan sesuatu aktiviti yang ditetapkan merupakan suatu kesalahan sekiranya laporan yang dikehendaki tidak dikemukakan dan diluluskan.

4. **Apakah denda yang boleh dikenakan ke atas sesiapa yang melanggar Seksyen 34(A) Akta tersebut.**

- Seseorang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah menghendakinya mematuhi tindakan yang dinyatakan di dalamnya itu.

5. **Sebutkan bilangan kes perlombongan emas yang tertakluk kepada EIA?**

- Sejak penguatkuasaan undang-undang EIA pada 1 April 1988 hingga 6 April 1990 sebanyak 14 kes perlombongan yang tertakluk kepada EIA dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar. Cuma 3 di antara kes-kes tersebut adalah kes perlombongan emas.

- Setakat ini hanya tiga laporan EIA telah diterima, dua untuk melombong bijih timah di Selangor dan Perak dan satu lagi untuk melombong tembaga di Sabah?

6. **Bagaimana pula keadaan kualiti air Sg. Bau?**

- Sungai Bau adalah sebatang anak sungai kecil bagi Sungai Sarawak Kanan. Ianya menerima secara langsung air pelepasan dari aktiviti perlombongan di kawasan berdekatan. Data-data pengawasan kualiti air Sg. Bau kadang-kalanya merekodkan paras kandungan "cyanide" yang agak tinggi melebihi had yang disyorkan sesuai bagi kehidupan akuatik dan kegunaan air domestik. Apabila ini berlaku Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak akan terus menghubungi Jabatan Galian Sarawak untuk tindakan selanjutnya di bawah perundangan galian. Sungguhpun Sg. Bau merekod kandungan cyanide tetapi setelah aliran air tiba di Sg. Sarawak Kanan, sungai yang mempunyai kepentingan kegunaan air minuman, kandungan "cyanide" tidak dapat dikesan lagi.

  Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Y.B., Jabatan Alam Sekitar Wilayah Sarawak akan terus mengawasi keadaan kualiti air di sekitar Daerah Bau untuk mengesan sebarang masalah pencemaran yang mungkin timbul supaya tindakan segera dapat diambil.

1990
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NIK ABDULLAH HAJI NIK ARSHAD
TARIKH : 27 FEBRUARI 1990

SOALAN

Tuan Haji Nik Abdullah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) apakah tindakan yang diatur untuk jangka pendek dan jangka panjang bagi melaksanakan kehendak 'Perisytiharan Langkawi' yang diputuskan oleh CHOGM berhubung dengan masalah alam sekitar;

(b) sejauhmana langkah mengeluarkan kayu balak dan lain-lain hasil hutan dilakukan secara liberal oleh Kerajaan Barisan Nasional memberi kesan kepada suasana persekitaran dan sejauh mana pula dasar pengeluaran kayu-kayan itu dapat disesuaikan dengan kehendak Perisytiharaan Langkawi itu;

(c) berikut dengan minat Kerajaan untuk meluaskan sektor industri perkilangan maka apakah langkah untuk mengimbangi masalah pencemaran supaya masalah yang dihadapi oleh negara-negara perindustrian tidak menjadi masalah pula kepada negara ini; dan

(d) bagaimana keputusan CHOGM berhubung dengan alam sekitar tadi dapat dilaksanakan di rantau ASEAN termasuk membersihkan rantau ini dari dijadikan tempat membuang sisa radioaktif atau toksid.

JAWAPAN

(a) Kerajaan bukan sahaja serius dalam merangka Deklarasi Langkawi ini bahkan juga telahpun melaksanakannya. Kerajaan sedang giat berusaha supaya semua agensi Kerajaan serta orang awam juga sedar akan implikasi deklarasi ini. Deklarasi ini juga diumumkan di forum-forum atau mesyuarat -mesyuarat untuk makluman dan penerimaan.

Untuk jangka panjang, faktor-faktor alam sekitar akan diambilkira dalam semua kegiatan termasuk pembangunan industri dan kemajuan tanah. Seterusnya semua agensi Kerajaan telah diarahkan melalui Pekeliling Bil. 3 Tahun 1989 supaya mengambilkira faktor-faktor alam sekitar termasuk dalam persediaan Rancangan Malaysia Keenam. Begitu juga semua aktiviti-aktiviti swasta dan agensi pembangunan Kerajaan yang telah ditetapkan adalah dikehendaki untuk menjalankan kajian EIA. Selain daripada itu, Kerajaan telahpun menubuhkan urusetia di Kementerian Luar Negeri untuk menentukan semua resolusi dilaksanakan dengan berkesannya.

(b) Jika perkataan 'liberal' yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pangkalan Chepa bermaksud tanpa kawalan, itu adalah tidak benar. Bagi semua lesen pembalakan, syarat-syarat dikenakan mengikut peraturan-peraturan tertentu, satu daripadanya ialah berdasarkan prinsip pengurusan perhutanan berterusan atau "sustainable forestry management principle". Ini adalah selaras dengan pelan tindakan alam sekitar yang terkandung di dalam Deklarasi Langkawi, iaitu usahasama negara-negara membangun dipergiatkan dalam bidang pengurusan perhutanan, perkilangan dan pengeksportan hasil hutan yang mempunyai nilai tambahan.

(c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengimbangi masalah pencemaran sektor perindustrian ialah melalui rancangan dan kelulusan penempatan industri-industri dengan mengambilkira faktor-faktor alam sekitar, termasuk pemasangan alat-alat untuk mengelak pencemaran alam sekitar. Di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 setiap aktiviti perindustrian yang berpotensi mencemar dikehendaki menjalankan satu kajian kesan alam sekitar sebelum projek industri dapat diluluskan.

(d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan CHOGM berhubung dengan alam sekitar dapat disalurkan melalui Mesyuarat Pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN dan Mesyuarat Menteri ASEAN yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal alam sekitar dan juga forum dan persidangan serantau yang lain.

Mengenai pencegahan pembuangan sisa buangan berbahaya serta menentukan bahawa pembuangan sisa berasal dari negara-negara maju tidak berlaku di negara-negara membangun, kawalan boleh dilaksanakan melalui program dan aktiviti kerjasama antara anggota ASEAN. Dalam hal ini juga, matlamat ini boleh dicapai sekiranya satu perjanjian antarabangsa mengawal penggerakan buangan berbahaya luar sempadan iaitu Konvensyen Basel dapat diterima oleh semua negara termasuk ASEAN.

JAWAPAN KEPADA SOALAN TAMBAHAN

CHOGM

1. Selepas CHOGM, belum ada mesyuarat rantau ASEAN mengenai alam sekitar. Mesyuarat yang akan datang dijangka diadakan pada bulan Jun 1990 dan Malaysia ialah tuan rumah bagi mesyuarat kali ini. Agenda mesyuarat termasuk sama ada Deklarasi Langkawi akan dibincangkan belum diputuskan lagi.

2. Sambutan negara-negara lain kepada Deklarasi Langkawi setakat ini adalah baik. Misalnya, di Persidangan Menteri-Menteri mengenai Pencemaran Atmosfera dan Perubahan Iklim pada bulan November 1989 yang dihadiri oleh wakil, dari lebih daripada 70 buah negara, Deklarasi Langkawi telah disebutkan dalam Deklarasi Noordwijk yang dikeluarkan di akhir persidangan tersebut.

MASALAH PENAN

1. Putera Charles telah membuat ucapan berdasarkan maklumat yang tidak tepat. Perkara ini boleh menjejaskan nama baik Kerajaan dan negara. Satu nota bantahan telah dihantar melalui Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM
TARIKH	:	1 MAC 1990

SOALAN

1. **Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berhubung dengan pemendekan trek perjalanan mendaki Gunung Tahan dan apakah rasional serta tujuan sebenar pemendekan trek tersebut. Apakah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar bahawa trek lama yang telah wujud sekian lamanya sebenarnya amat sesuai untuk melatih belia-belia menjadi lebih 'adventurous' di samping latihan membina semangat mereka.

JAWAPAN

1. Adalah benar, projek pembinaan laluan jip yang sedang berjalan sekarang ini bertujuan untuk memendekkan masa pendakian ke puncak Gunung Tahan. Ia juga membolehkan lebih ramai berkesempatan membuat pendakian. Walaupun dengan pembinaan laluan jip ini, rentis ke Gunung Tahan daripada Kuala Tahan masih juga dibuka untuk pelawat-pelawat yang lebih 'adventurous' dan mempunyai banyak masa untuk pendakian ke Gunung Tahan.

   Projek laluan jip ini hanyalah sampai ke Kuala Juram sahaja iaitu di kaki Gunung Tahan. Selepas had ini, pelawat-pelawat perlu mendaki sejauh lebih kurang 21 km untuk sampai ke puncak Gunung Tahan.

SOALAN TAMBAHAN

(i) Berapakah kos projek laluan jip ini dan siapakah membinanya?

Anggaran kos projek laluan jip ini ialah $3.5 juta dan dibina oleh Rejimen Pembinaan Jurutera ke 91.

(ii) Bilakah projek ini dijangka siap?

Projek ini dijangka dapat disiap pada 1991.

(iii) Berapa jauhkah laluan jip ini?

Projek laluan jip Taman Negara ini ialah sejauh 14 km daripada sempadan sebelah barat Taman Negara Pahang, Merapoh.

(iv) Adakah kes-kes kemalangan berlaku kepada pendaki-pendaki Gunung Tahan?

Kes-kes kemalangan kepada pendaki-pendaki jarang berlaku. Dalam tahun 1989, daripada sejumlah 2,018 orang yang membuat pendakian, tiada sebarang kemalangan berlaku. Pelawat-pelawat yang ingin mendaki Gunung Tahan diperlukan mempunyai 'guide' di samping keperluan sihat tubuh badan dan mampu membuat pendakian.

SOALAN TAMBAHAN

(a) Bilakah projek laluan jip ini bermula dan berapakah kos pembinaannya?

Projek ini telah bermula pada pertengahan tahun 1988 dengan anggaran kos berjumlah $3.5 juta.

(b) Tidakkah pembinaan laluan jip ini akan menjejaskan alam persekitaran fauna dan flora kawasan tersebut?

Untuk pembinaan projek ini, pihak Jabatan telahpun membuat 'Environmental Impact Assessment' dan pihak Jabatan Alam Sekitar telah memberikan ulasannya untuk projek ini terus dijalankan. Laluan jip ini hanyalah selebar 8 m sahaja iaitu 3.6 m laluan jip dan selebihnya sebagai bahu jalan. Projek ini akan dibuat dengan pemotongan kayu dan pemotongan tanah yang paling minima untuk mengekalkan keindahan alam semulajadi kawasan tersebut.

(c) Kenapakah projek ini diberikan kepada pihak askar untuk membinanya?

Projek ini diberi kepada pihak askar kerana kemampuan mereka untuk melaksanakannya di samping dapat mengurangkan kos pembinaannya.

(d) Apakah langkah-langkah keselamatan yang disediakan jika berlakunya kemalangan kepada pendaki-pendaki?

Pendaki-pendaki yang ingin mendaki ke Gunung Tahan diperlukan mempunyai 'guide' di samping keperluan sihat tubuh badan. Pihak Jabatan Perhilitan juga mempunyai perhubungan telefon di Taman Negara dan ini akan membolehkan bantuan helikopter diminta daripada pihak askar jika berlakunya kemalangan yang serius.

(e) Adakah kemudahan-kemudahan penginapan disediakan di laluan jip ini?

Beberapa tempat penginapan akan disediakan di Kuala Negeram dan Kuala Juram di samping pembinaan 'log cabin' di pertengahan rentis ke Gunung Tahan. Dengan adanya kemudahan-kemudahan kepada pendaki-pendaki tanpa perlu berkhemah. Kemudahan-kemudahan ini juga dengan tidak secara langsung dapat menjaga keselamatan pendaki-pendaki iaitu dengan memudahkan kerja-kerja untuk menyelamat jika berlakunya kemalangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW AH KIM
TARIKH : 5 MAC 1990

SOALAN

Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samaada beliau sedar para penduduk Seri Petaling di Kuala Lumpur telah mengadu untuk lebih tiga tahun mengenai pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh sebuah tempat pembuangan sampah sarap yang terletak di Taman Sri Petaling dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk hentikan tempat pembuangan sampah sarap itu daripada digunakan terus.

JAWAPAN

Ya, saya ada menerima aduan bahawa para penduduk di sekitar tapak pelupusan sampah Sri Petaling menghadapi masalah pencemaran udara iaitu asap dan bau busuk. Memandangkan hal pengurusan tapak pelupusan sampah sarap adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan, Kementerian saya telah merujuk masalah ini kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan memberi nasihat untuk memperbaiki Amalan Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah Sarap yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Kementerian saya telah diberitahu bahawa pencemaran asap adalah daripada tindakan 'scavenger' dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mampu mengawalnya.

Berkaitan dengan penutupan tapak berkenaan Kementerian saya diberitahu bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang berusaha untuk cari tapak baru dan juga bercadang membina insinerator untuk menggantikannya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN CHIAN HENG KAI
TARIKH : 13 MAC 1990

SOALAN

Y.B. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sama ada beliau sedar bahawa selama ini bau busuk yang dikeluarkan oleh Alma Rubber Estate Sdn. Bhd. di Alma, Bukit Mertajam telah mengancamkan kesihatan penduduk-penduduk di sekeliling kawasan itu;

(b) adakah beliau menerima sebarang aduan dari mana-mana pihak; dan

(c) apakah tindakan telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan masalah ini untuk waktu sementara dan masa jangka panjang.

JAWAPAN

(a) Saya sedar bahawa penduduk-penduduk berhampiran dengan Kilang Alma Rubber Estates Sdn. Bhd. di Alma, Bukit Mertajam telah mengadukan bau busuk dari kilang menyebabkan gangguan. Walau bagaimanapun, saya tidak menerima apa-apa laporan perubatan yang mengatakan bau yang timbul mengancam kesihatan penduduk-penduduk berkenaan.

(b) Ya, Jabatan Alam Sekitar ada menerima aduan penduduk-penduduk berkenaan melalui Sahabat Alam Malaysia dan Majlis Perbandaran Seberang Perai pada tahun 1988.

Setakat ini, tiada teknologi berkesan yang boleh menghapuskan bau dari kilang getah dengan sepenuhnya. Bau busuk dari sistem pengolahan boleh berlaku dari masa ke semasa apabila terdapat kekacauan biologikal (biological upset) dan boleh menyebabkan pelepasan gas "methane" dan "hydrogen sulphide" yang sifat semula-jadinya berbau.

Oleh yang demikian, Jabatan Alam Sekitar telah menggesa pihak kilang berkenaan supaya lebih berjaga-jaga terhadap perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada siasatan terbaru yang dijalankan, adalah didapati bahawa masalah bau busuk telah berkurangan dan tiada lagi aduan bau busuk diterima setakat ini.

Langkah jangkamasa panjang bagi mengatasi gangguan ini ialah dengan memindahkan kilang berkenaan jauh dari kawasan kediaman. Perkara ini perlu dipertimbangkan oleh pihak berkuasa iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan teliti dari segi kesan ekonomi dan pemilihan tapak yang sesuai.

SOALAN TAMBAHAN

1. Punca bau busuk dari kilang getah yang boleh dikawal:

   Daripada kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan baru-baru ini, adalah didapati bau busuk yang berpunca dari pengering (dryer) dalam sebahagian proses kilang getah boleh dikurangkan ke paras yang boleh diterima, melalui pembasuh (scrubber) di mana air dengan bahan kimia digunakan untuk mencuci gas pelepasan dari peralatan ini.

2. Bilangan kilang getah yang dilesenkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling:

   Jumlahnya 210:

   Yang terdiri dari kilang SMR, kilang 'Latex' dan rumah asap yang mempunyai pengeluaran melebihi 5 tan sehari.

3. Pencapaian dalam kawalan effluen kilang getah:

   Sejak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kilang Getah Asli) (Premis Yang Ditetapkan) 1978 dikuatkuasakan, kadar pencemaran dari kilang-kilang getah telah dapat dikurangkan ke paras yang amat rendah, iaitu kurang daripada 5% beban pencemar yang asal, dan effluennya tidak akan menjejaskan kehidupan perairan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

MASALAH MENGENAI PELUPUSAN GETAH TERVULKAN

Masalah ini tertimbul atas satu arahan Lembaga Pasaran Pelesenan Getah Malaysia supaya buangan getah tervulkan dibakar untuk mengelakkan masalah pencemaran getah mutu Malaysia(SMR). Jabatan Alam Sekitar telah menerima banyak aduan orang ramai terhadap pencemaran yang berakibat daripada cara pelupusan ini.

Setakat ini Jabatan Alam Sekitar dalam memberi kerjasama ke atas mengatasi masalah mencemar mutu SMR, telah mengeluarkan lesen pelanggaran terbuka. Walau bagaimanapun Kementerian Perusahaan Utama telah digesa supaya mencari jalan untuk mendapat cara penyelesaian jangkamasa panjang seperti gunasemula barang buangan ini, memperbaiki proses pengeluaran supaya amalan pembakaran tidak diteruskan.

Jabatan Alam Sekitar juga bekerjasama dengan RRIM dalam memajukan satu insinerator yang sesuai. Setakat ini pembakaran di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya tidak dibenarkan sama sekali dan bagi Lembaga Kelang, hanya kes-kes yang tidak boleh tidak , diberi kelulusan untuk satu jangka masa pendek saja.

Dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar pada Julai 1989 telah menyediakan satu draf surat bagi YB Menteri Sains untuk menyedari YB Menteri Perusahaan Utama.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
TARIKH : 13 MAC 1990

SOALAN

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) setakat mana kemajuan yang tercapai oleh Kerajaan dalam mengesyorkan pengurangan dalam kegunaan 'chlorofluorocarbon' dalam industri-industri, terutamanya pelaburan baru, serta pencapaian dalam usaha menggesa industri-industri tersedia ada mengurangkan penggunaan CFC. Apakah pula tahap yang dicapai dalam usaha membeku pengeluaran serta penggunaan CFC di Malaysia pada akhir tahun 1989 dan menjelang Februari 1990 bila dibanding dengan tahap penggunaan serta pengeluaran pada tahun 1980 dan 1986;

(b) berkenaan dengan cadangan "Conservation International" mengenai "ecotourism", apakah kemungkinan Kerajaan akan memberi pertimbangan yang serius kepada cadangan ini;

(c) bagaimana pula dengan laporan yang seharusnya dikemukakan oleh syarikat perunding Belanda mengenai sistem pembuangan sisa-sisa beracun di Malaysia.

JAWAPAN

(a) Usaha akan dijalankan untuk mengurangkan penggunaan chlorofluorocarbons (CFCs) dan langkah pertama ke arah itu ialah untuk mengatasi keadaan masa kini. Setakat ini penggunaan CFCs di negara kita tidak melebihi 0.3 kg. per kapita yang adalah paras rendah daripada had-had yang ditentukan di bawah Protokol Montreal. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang menggalakkan pihak industri untuk menggunakan semua CFCs. Soal ini tidak timbul kerana Malaysia tiada kilang mengeluarkan apa-apa CFCs.

(b) Berkenaan dengan "eco-tourism" Kerajaan belum menerima apa-apa cadangan mengenainya dari "Conservation International". Kerajaan sedia memberi pertimbangan kepada apa-apa cadangan yang konkrit dan membina.

(c) Kerajaan tidak menerima apa-apa laporan daripada perunding Belanda atau meminta firma Belanda untuk menjalankan apa-apa kerja perunding.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Mereka seterusnya dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan setiap bulan. Kedua-dua firma tersebut telah diberi tempoh selama satu tahun, bermula dari November 1989 bagi menyiapkan laporan kajian untuk ulasan dan kelulusan Jabatan Alam Sekitar, pada akhir tahun ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. CHEN MAN HIN
TARIKH : 14 MAC 1990

SOALAN

Y.B. Dr. Chen Man Hin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil di tepi pantai khasnya di Pelabuhan Port Dickson dan Pulau Pinang di mana air laut dilaporkan mengandungi kadar kuman (bakteria) yang tinggi.

JAWAPAN

Program Pengawasan Kualiti Air Laut yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar semenjak tahun 1979 telah menunjukkan beberapa tempat di Port Dickson dan di Pulau Pinang mengalami pencemaran dari pelepasan kumbahan.

Pelepasan kumbahan daripada hotel-hotel, kawasan perumahan dan juga kawasan komersial merupakan punca-punca utama yang menyebabkan kehadiran kadar kuman (bakteria).

Tindakan susulan yang telah dibuat ialah:-

(i) mengadakan lawatan penguatkuasaan bagi memastikan prestasi sistem pengolahan kumbahan berada dalam keadaan baik; serta

(ii) menentukan kualiti pelepasan kumbahan berada di bawah standard yang telah ditetapkan dari masa ke semasa.

Sementara itu, Jabatan Alam Sekitar melalui Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 akan memastikan segala bentuk projek pembangunan yang baru terutama di kawasan persisiran pantai, mengambilkira aspek-aspek kawalan pelepasan kumbahan ke perairan pantai.

Selain daripada itu, dari segi jangka panjang loji pengolahan pusat di kawasan peranginan Port Dickson dan juga di kawasan peranginan pantai utara, Pulau Pinang sedang dalam peringkat akhir perlaksanaan. Loji ini akan membantu mengurangkan kadar kuman (bakteria) di tempat-tempat tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' HJ. SAIDIN HJ. MAT PIAH
TARIKH	:	15 MAC 1990

SOALAN

Y.B. Dato' Hj. Saidin Hj. Mat Piah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi mengatasi alam sekitar akibat yang timbul dengan dasar Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri sekarang ini?

JAWAPAN

Sejak penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pihak Kementerian telah melaksanakan pengurusan alam sekitar melalui strategi kawalan pencemaran dan perancangan guna tanah. Langkah kawalan dilaksanakan oleh penguatkuasaan peraturan-peraturan di bawah Akta tersebut, di mana had-had dikenakan ke atas effluen dan pelepasan bendasing dari industri, demi memelihara hidupan akuatik dan kualiti udara sekeliling. Langkah perancang guna tanah pula dilaksanakan dengan berpandu kepada garis-garis panduan penempatan dan pengezonan supaya membantu pihak perancang tanah iaitu Kerajaan-kerajaan Negeri, dalam mengasingkan kawasan perindustrian daripada estet perumahan dengan mengadakan zon penampan (buffer-zone) yang sesuai. Selain dari itu, kilang-kilang lama, iaitu yang ujud sebelum Akta, digalakkan mengguna teknologi baru untuk mengatasi masalah pencemaran, dan kilang-kilang baru dikehendaki memasang peralatan kawalan pencemaran sebelum memulakan operasi. Secara dasar, pihak Kementerian memberi tumpuan kepada, dan menggalakkan amalan mengguna semula bahan buangan (waste recycle) dan 'zero waste technology'.

Strategi ini masih berterusan dan diperkukuhkan lagi dengan pengenalan peraturan baru berkaitan buangan bahan toksik dan juga pelaksanaan EIA (Environmental Impact Assessment), di mana pemaju sesuatu projek yang ditafsirkan sebagai aktiviti yang ditetapkan, dikehendaki menjalankan satu Kajian Penilaian Kesan-kesan ke atas Alam Sekeliling (EIA) sebelum projek diluluskan. Dengan demikian segala aspek alam sekeliling diambilkira dalam perancangan dan pembangunan industri. Dalam pada itu, kempen kesedaran dan pendidikan masih berterusan untuk orang awam dan murid-murid sekolah di seluruh negeri, begitu juga seminar, konvensyen dan bengkel teknologi alam sekitar, di mana pihak swasta, khususnya sektor industri giat mengambil bahagian.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. FUNG KET WING
TARIKH	:	13 JUN 1990

SOALAN

1. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samaada beliau sedar bahawa "SAFMA Fishmeal Plant" di Sepangar Bay (Kota Kinabalu) sedang mencemari udara di keseluruhan kawasan sekelilingnya dengan terkeluarnya bau busuk yang menjejaskan suasana pembelajaran lebih kurang lima ratus orang murid Sekolah Kebangsaan Gantisan yang berhampiran serta kesihatan penduduk-penduduk kampung-kampung sekelillingnya. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan pencemaran udara di kawasan itu dihentikan dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap "SAFMA Fishmeal Plant" itu.

JAWAPAN

1. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar tentang masalah Kilang Baja Ikan SAFMA di Sepangar Bay, Kota Kinabalu.

   Hasil dari siasatan Jabatan Alam Sekitar pihak pengusaha kilang telah diarah untuk memasang alat kawalan bau busuk. Walau bagaimanapun masih juga berlaku dari semasa ke semasa terutama sekali sewaktu musim tangkapan ikan meningkat. Untuk mengurangkan tahap pencemaran, bahan mentah yang segar telah digunakan dan kebersihan kilang sentiasa dijaga seperti telah ditetapkan dalam Garis Panduan Amalan Terbaik (Best Practicable Means) yang telah disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Alam Sekitar juga memohon kerjasama pihak berkuasa tempatan supaya mengenakan syarat ini dan pemeriksaan kesihatannya menjalankan penguatkuasaan dengan lebih kerap.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kilang Memproses Baja Ikan SAFMA, Kota Kinabalu

1. **Bilakah kilang ini ditubuhkan dan adakah kedudukannya sesuai?**

Kilang baja ini mula beroperasi pada tahun 1986 dan ianya terletak di dalam sebuah kawasan yang menempatkan pelbagai industri. Kedudukan kawasan yang hampir dengan penduduk menimbulkan masalah bau busuk kerana sifat pemerosesan kilang dan bahan mentah yang digunakan menghasilkan "residual pollutant" walaupun sistem kawalan yang baik dipasang.

Apa-apa cadangan sekiranya ada untuk menempatkan semula kilang seperti ini perlu dikaji dengan teliti dari segi kesesuaian tapak dan kesan sosio-ekonomi.

2. **Apakah tindakan yang pernah diambil terhadap kilang ini?**

Tindakan mahkamah dan sebagainya belum pernah diambil ke atas kilang ini kecuali mengeluarkan arahan untuk memasang alat kawalan bau busuk dan mengawal keseluruhan kilang daripada tercemar.

3. **Berapa bilangan aduan pernah diterima mengenainya?**

Mengikut rekod Pejabat Wilayah Jabatan Alam Sekitar di Sabah, tidak kurang dari 5 kali aduan telah diterima sejak 1986 daripada kilang-kilang berdekatan dan juga penduduk di situ.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LAW LAI HENG
TARIKH : 13 JUN 1990

SOALAN

Y.B. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Memandangkan bahawa keadaan iklim dunia semakin berubah-ubah akibat kemusnahan "ozone" di angkasa, adakah Kerajaan akan mengenakan sebarang perundangan yang menghalang penggunaan aerosol plumbum (lead) dan bahan kimia "chorofluorocarbon" (CFC) dalam barangan penggunaan yang didapati merbahaya kepada lapisan "ozone";

(b) Adakah Kementerian membuat sebarang kajian impak persekitaran mengenai kesan penebangan balak dan pembersihan kawasan hutan lebihan ke atas negara; jika ada, apakah hasil kajian tersebut.

JAWAPAN

(a) Kerajaan sedang mengkaji keperluan meminda undang-undang yang ada ataupun merangka undang-undang baru tujuan kawalan penggunaan CFC dan Halon, selaras dengan kehendak-kehendak Protokol Montreal. Langkah ini adalah perlu bagi Malaysia mematuhi ketetapan dalam mengawal penggunaan CFC/Halon walaupun diberi tempoh 70 tahun merangka strategi kawalan. Kawalan kemasukan bekalan atau import-eksport diberi keutamaan dalam merangka strategi bagi sebarang peraturan untuk masa akan datang supaya dapat mematuhi kadar penggunaan tahun asas 1986 di bawah Protokol, dengan syarat kadar penggunaan kita tidak melebihi 0.3 kg/kapita. Bagi maksud permulaan ini, penguatkuasaan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.35) 1989 pada 14.12. 1989 adalah antara lain bertujuan mengemaskinikan skim inventori kemasukan bahan-bahan CFC dan Halon. Selain daripada itu, penggunaan CFC dalam aerosol tidak digalakkan

dan bahan ganti yang selamat hendaklah digunakan. Pada keseluruhannya, sebarang yang boleh, pihak industri hendaklah menggunakan semula bahan-bahan CFC yang digunakan pada masa ini.

Berkenaan dengan plumbum (lead) pula, bahan ini tidak dikaitkan dengan masalah hakisan lapisan ozon tetapi ianya adalah salah satu pencemar udara. Oleh itu Kerajaan telah mengambil langkah wajar dengan menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985.

Pada 1 Januari 1990 yang lalu, paras kepekatan plumbum dalam petrol yang dibenarkan telah diketatkan dari 0.4 gram/liter kepada 0.15 gram/liter.

(b) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak ada menjalankan sebarang kajian spesifik tentang kesan penebangan balak dan pembersihan kawasan hutan. Bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar ada menjalankan program pengawasan kualiti alam sekitar termasuklah pengawasan kualiti air dan udara yang secara tidak langsung apabila program tersebut dijalankan di kawasan-kawasan pembalakan boleh menunjukkan kesan aktiviti berkenaan ke atas kualiti air dan udara. Saya juga difahamkan agensi-agensi lain seperti Institut Penyelidikan Perhutanan ada menjalankan Kajian seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Y.B.

MAKLUMAT TAMBAHAN

PENGGUNAAN CFC DAN HALON

1. **Berapakah kualiti CFC dan Halon yang dikeluarkan dan digunakan di negara ini?**

Negeri ini tidak mengeluarkan CFC atau halon sebaliknya mengimport lebih kurang 3840 tan metrik setahun (1986) dari U.S.A., U.K., dan secara kasar penggunaan CFC/Halon ialah 0.24 kg/kapita.

2. **Siapa-siapakah pengguna bahan CFC dan halon?**

Pengguna-pengguna utama CFC ialah industri-industri elektronik dan semikonduktor, barangan elektrik, 'foam'/plastik, industri penyejukan dan aerosol; manakala halon digunakan oleh industri pembuatan pemadam api dan alat-alat elektronik dan komputer.

3. **Apakah kesan ekonomi terhadap negara kita sekiranya penggunaan bahan CFC dan halon perlu dikurangkan atau diberhentikan sama sekali?**

Satu kajian dijangka akan diadakan tidak lama lagi oleh Jabatan Alam Sekitar antara lain untuk mengkaji perkara tersebut dan mencadangkan pilihan-pilihan yang boleh dibuat oleh industri dari segi teknikal, menganggar kos yang diperlukan untuk mematuhi kehendak Protokol dan mengenalpastikan keperluan latihan tenaga kerja dalam usaha mengurangkan penggunaan CFC, penggunaan bahan ganti dan mengawal pelepasan CFC.

4. **Adakah bahan ganti CFC dan halon terdapat di negara ini?**

Di antara bahan ganti yang boleh digunakan ialah, "biodegradable detergent, genolsilv 2010, methylene chloride, butane/methane/acetone, LPG, methanol" dan lain-lain.

5. **Adakah Kerajaan bercadang mengurangkan lagi tahap kandungan plumbum di dalam petrol?**

Perkara ini akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Apakah keputusan progran pengawasan kualiti alam sekitar yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi kawasan-kawasan di mana aktiviti pembalakan dijalankan?

Masalah pencemaran yang agak ketara yang disebabkan oleh aktiviti pembalakan ialah hakisan tanah terutama sekali kawasan-kawasan tebing sungai di mana kayu-kayu balak dikumpul untuk diangkut keluar dari hutan melalui sistem pengaliran sungai. Aktiviti pembalakan juga turut menyebabkan kandungan pepejal terampai yang tinggi di dalam air sungai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B.TUAN HAJI MOHD. ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM
TARIKH	:	13 JUN 1990

SOALAN

1. **Y.B. Tuan Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejak Deklarasi Langkawi yang merupakan satu kejayaan dalam mengorak langkah memelihara alam sekitar dunia:-

   (a) sejauh manakah usaha-usaha Kerajaan yang telah, sedang dan akan diambil untuk memelihara alam sekitar negara sejajar dengan Deklarasi tersebut;

   dan

   (b) apakah kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh negara untuk membuka mata dunia akan kedudukan sebenar mengenai pemeliharaan alam sekitar negara yang mana sebelum ini telah banyak menerima kecaman-kecaman terhadap pencemaran alam sekitar.

JAWAPAN

1. (a) Bagi menjawab soalan (a), sukacita dimaklumkan negara kita boleh berbangga dengan apa yang telah dicapai di dalam usaha ke arah memelihara alam sekitar dan juga kepada usaha-usaha yang sedang dan akan diambil bagi mempertingkatkan lagi pencapaian tersebut. Di antara usaha-usaha ini termasuklah:-

   (i) mengawal pencemaran alam sekitar oleh punca-punca seperti industri, kenderaan, perbandaran dan kawasan-kawasan yang dibangunkan bagi tujuan tertentu melalui penguatkuasaan undang-undang Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya semenjak tahun 1975 lagi;

   (ii) menerapkan nilai-nilai alam sekitar di dalam semua perancangan aktiviti-aktiviti pembangunan;

(iii) menentukan supaya projek-projek baru yang tertentu menjalankan kajian kesan alam sekitar dan menetapkan langkah-langkah kawalan yang perlu diambil;

(iv) memelihara hutan tropika dan mempelbagaikan sumber-sumber alam semulajadi tropika melalui kewujudan taman-taman seperti Taman Negara, Taman Negeri dan sebagainya;

(v) meningkatkan aktiviti-aktiviti kesedaran dan pendidikan alam sekitar untuk semua lapisan masyarakat;

(vi) menggalakkan penggunaan bahan-bahan gantian klorofluorokarbon dan halon serta penggunaan semula bahan-bahan kimia tersebut.

Deklarasi Langkawi merupakan satu lagi kejayaan cemerlang yang dicapai ke arah memperbaiki kualiti alam sekeliling negara ini sehingga kini dan kesemua aktiviti yang disebutkan tadi adalah sejajar dengan hasrat yang tercatat di dalamnya.

1. (b) Bagi menjawab soalan (b), sukacita dimaklumkan, Malaysia adalah di antara negara terawal di dunia yang mengambil tindakan mewarta undang-undang mengawal pencemaran alam sekitar pada tahun 1974, iaitu dua tahun sahaja selepas Deklarasi Stockholm yang merumuskan satu pelan tindakan alam sekitar di peringkat dunia. Sejak itu pelbagai program alam sekitar telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan jayanya sehingga ke satu tahap yang boleh dibanggakan di mana kepakaran dan pengalaman pegawai-pegawainya mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan diberi peluang memberi perkhidmatan pakarunding kepada negara lain yang memerlukan, juga diterima sebagai tenaga kerja di badan antarabangsa seperti United Nations Environment Programme (UNEP). Deklarasi Langkawi yang telah menerima sambutan baik di peringkat antarabangsa merupakan kemuncak kejayaan negara di dalam bidang pengurusan alam sekitar di peringkat dunia. Kerajaan telahpun menetapkan 21 Oktober tiap-tiap tahun sebagai Hari Alam Sekitar Kebangsaan untuk memperingati hari ulang tahun Deklarasi Langkawi. Negara kita juga telah beberapa kali menjadi tuan rumah bagi persidangan-persidangan peringkat antarabangsa mengenai isu-isu alam sekitar serta mengambil bahagian aktif di dalam persidangan di luar negeri. Sukacita juga dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa kebangsaan bertujuan menyediakan pendirian negara di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Brazil pada tahun 1992 nanti. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum pernah menerima kecaman-kecaman dari mana-mana pihak luar terhadap masalah pencemaran alam sekitar negara ini kecuali isu pembalakan yang mana ini timbul akibat salah faham oleh beberapa pihak-pihak tertentu.

Salah faham ini telahpun dijelaskan melalui beberapa pengurusan hutan tropika negara kita melalui program-program pengurusan sumber secara teratur dan pengeluaran sumber secara berterusan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

DEKLARASI LANGKAWI

1. Apakah persidangan-persidangan antarabangsa yang negara kita menjadi tuan-rumah?

JAWAPAN

Sebagai contoh, pada penghujung tahun 1989, satu persidangan antarabangsa mengenai penipisan lapisan ozon telah diadakan di Pulau Pinang dan pada minggu ini, satu lagi persidangan peringkat antarabangsa mengenai "Conservation of Tropical Biodiversity" sedang dijalankan di Kuala Lumpur.

2. Apakah persidangan antarabangsa yang pernah dihadiri ?

JAWAPAN

Di antara persidangan-persidangan tersebut ialah :-

(i) "International Parliamentarian Forum on Preservation of Global Environment" di Tokyo;

(ii) "Ministerial Conference on Atmospheric Pollution and Climatic Change" di Belanda;

(iii) Persidangan Protokol Montreal di Montreal;

(iv) Persidangan/Konvensi Vienna di Vienna;

(v) Persidangan Basel tentang Pergerakan Buangan Toksik dan Berbahaya.

3. Mengapakah Kerajaan membatalkan projek pembinaan empangan Bakun?

JAWAPAN

Kerajaan mengambil keputusan ini setelah menimbangkan dengan teliti pandangan-pandangan oleh semua pihak (seperti agensi-agensi kerajaan, NGO dan agensi-agensi lain).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B.TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	15 JUN 1990

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kenapa Kementeriannya belum menguatkuasakan dan melaksanakan Akta "Environment Quality Control Act" di bidang industri pembalakan kayu, sehingga tidak ada sebarang EIA dikehendaki oleh Kementeriannya untuk disemak dan diluluskan; dan apakah langkah-langkah akan diambil untuk lesen membalak kayu yang lama dikeluarkan di Negeri Sarawak pun dikesankan di bawah Akta tersebut, memandangkan bahawa pemegang lesen-lesen tersebut juga bertanggungjawab kepada dasar Kerajaan melindungi alam sekitar selaras dengan Pengisytiharan Langkawi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang yang menghendaki penyediaan laporan penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar, atau EIA dikuat-kuasakan di seluruh negara termasuk Negeri Sarawak mulai daripada 1 April 1988.

Berhubung dengan pemegang-pemegang lesen pembalakan yang lama yang dikeluarkan sebelum 1hb. April 1988, mereka tidak tertakluk kepada keperluan EIA.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH : 18 JUN 1990

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kenapa Kementeriannya tidak memerlukan 17 buah syarikat yang diberi lesen melombongkan emas di Daerah Bau di Negeri Sarawak untuk mereka mengikut peraturan-peraturan yang ada di bawah "Environment Quality Control Act", supaya kegiatan syarikat-syarikat itu dapat dikawal dari segi perlindungan alam sekitar, dan adakah pihak DOE menjalankan ujian air sungai berhampiran dengan lombong emas di Daerah Bau dan Kuching dari masa ke semasa untuk menentukan paras "cyanide" di air itu, jika tidak, kenapa. Jika ya, apakah hasilnya.

JAWAPAN

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, adalah dimaklumkan, di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1985, semua aktiviti perlombongan bahan galian di kawasan-kawasan baru di mana pajakan hektar dan semua aktiviti pemprosesan bijih dikehendaki menjalankan kajian kesan ke atas alam sekitar. Mengenai aktiviti melombong emas di Daerah Bau, Negeri Sarawak setakat ini Jabatan Alam Sekitar dapat mengesan satu syarikat sahaja yang memohon untuk melombong dan memproses bijih emas di daerah berkenaan. Satu arahan telah dikeluarkan mengingati syarikat ini supaya menjalankan kajian kesan alam sekitar sepertimana dikehendaki oleh undang-undang. Dalam pada itu Jabatan Alam Sekitar juga difahamkan bahawa terdapat 19 buah syarikat yang mempunyai sijil pajakan galian yang masih sah telah dikeluarkan sebelum tarikh berkuatkuasanya Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 pada 1 April 1988.

Jabatan Alam Sekitar memangnya ada menjalankan pengawasan kualiti air di kawasan yang dimaklumkan oleh ahli Y.B. khususnya di Sungai Sarawak di mana terdapatnya sebuah loji pengambilan air di hilir kawasan perlombongan Daerah Bau. Data-data yang telah diperolehi bagi tahun 1990 menunjukan bahawa paras 'cyanide' tidak dikesan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. CHEN MAN HIN
TARIKH	:	19 JUN 1990

SOALAN

Y.B. Dr. Chen Man Min minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar masalah hujan asid di Lembah Klang sedang bertambah buruk dan sama ada kilang-kilang di lembah tersebut telah menukar dan kini menggunakan minyak yang bersih atau memasang 'scrubbers' sebagai mencegah pengeluaran bahan-bahan pencemaran ke dalam udara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut data-data pengawasan air hujan yang dikumpul sejak tahun 1985, kawasan Lembah Klang tidak mengalami sebarang masalah hujan asid. Sungguhpun begitu Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terus mengambil langkah-langkah kawalan sewajarnya dengan menguatkuasakan undang-undang alam sekitar bagi mencegah pencemaran udara yang boleh mengakibatkan hujan asid.

Industri-industri dan pengguna-pengguna bahanapi lain digalak mengguna bahanapi yang tidak mencemarkan udara seperti gas cecair petroleum, gas asli dan sebagainya. Industri-industri juga dimestikan memasang alat-alat kawalan pencemaran udara seperti "scrubber" bagi mengurangkan pelepasan gas-gas ke udara serta dapat mematuhi standard-standard dan kehendak-kehendak yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN TEOH TEIK HUAT
TARIKH	:	21 JUN 1990

SOALAN

Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sama ada pakar perunding yang dilantik untuk menjalankan kajian-kajian feasibiliti tentang pembinaan tapak-tapak pembuangan sisa-sisa toksik di negara ini telahpun disiapkan, jika ya, beri butir-butir tentang kajian-kajian ini; dan

(b) jumlah sisa-sisa toksik yang kini disimpan oleh kilang-kilang dalam negara ini dan sama ada sebarang inventori sisa-sisa toksik disimpan oleh kilang-kilang ini; jika ya, apakah data-data dari inventori ini akan diumumkan dan dibekalkan kepada kumpulan-kumpulan kepentingan awam.

JAWAPAN

(a) Kajian kemungkinan yang sedang dijalankan oleh dua syarikat antarbangsa untuk mereka bentuk, membina dan mengendalikan kemudahan bersepadu bagi pengumpulan, pengangkutan, pengolahan dan pelupusan buangan-buangan toksik dijangka siap pada akhir tahun ini.

(b) Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya ada maklumat mengenai buangan berbahaya atau buangan terjadual yang dihasilkan oleh kilang-kilang di Malaysia iaitu berpandukan Laporan Kajian yang dibuat oleh Juruperunding Dames & Moore 1987. Jabatan ini sedang dalam proses mengumpul maklumat dan menyediakan inventori buangan yang tersimpan selaras dengan Peraturan-Peraturan (Buangan Terjadual) 1989 yang dikuatkuasakan pada 1 Mei 1989.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa bekerjasama dengan mana-mana pihak yang memohon mendapatkan data inventori khususnya bagi tujuan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pelupusan buangan terjadual secara selamat.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kedua syarikat dikehendaki menyampaikan laporan bulan kemajuan kerja pelaksanaan dan syarat ini sedang dipatuhi.

1. **Bagaimanakah Jabatan Alam Sekitar mengikuti kemajuan kajian ini?**

   Kedua firma dikehendaki menyampaikan laporan bulanan kemajuan kerja pelaksanaan dan syarat ini sedang dipatuhi.

2. **Bilakah inventori ini dijangka siap?**

   Inventori mengenai bahan-bahan toksik yang tersimpan di dalam kilang sedang dijalankan dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

3. **Bilakah tapak-tapak yang dikaji oleh kedua firma pakarunding dan di manakah letaknya?**

   Kedua firma pakarunding diberikan pilihan untuk memilih tapak-tapak di mana kajian kesan alam sekitar (EIA) akan dijalankan bagi menentukan kesesuaiannya sebagai tapak pelupusan buangan terjadual. Laporan kajian ini kelak akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk dinilai dan dipertimbangkan. Sehingga kini Jabatan Alam Sekitar belum menerima sebarang laporan kajian yang dimaksudkan.

4. **Adakah firma-firma ini memenuhi bidang tugas yang ditetapkan dan adakah firma-firma ini menghadapi sebarang masalah di dalam menjalankan bidang tugasnya?**

   Projek ini adalah merupakan projek pelaburan swasta sepenuhnya. Oleh itu Kerajaan tidak terlibat di dalam projek. Tanggungjawab Kerajaan ialah menentukan pelaksanaan projek ini memberi faedah kepada pembangunan negara khususnya di bidang perindustrian dan tidak sama sekali menjejaskan kualiti alam sekitar.

5. **Adakah Kementerian menerima apa-apa bantahan mengenai tapak-tapak pelupusan buangan terjadual.**

Sebarang bantahan yang diterima akan kelak diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian saya sebelum apa-apa keputusan diambil di dalam hal menetapkan tapak pelupusan buangan terjadual.

6. **Adakah pihak Kerajaan boleh mempercepatkan pembinaan tapak pelupusan memandangkan kuantiti buangan yang dikeluarkan semakin meningkat.**

Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya di dalam membantu mempercepatkan pembinaan tapak pelupusan buangan terjadual. Sememangnya tidak dinafikan negara kita sangat memerlukannya. Baru-baru ini saja Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengumumkan bahawa Kerajaan bersedia memberi status perintis kepada mana-mana pihak yang berminat dan akan membina tapak pelupusan buangan terjadual.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN P. PATTO
TARIKH : 21 JUN 1990

SOALAN

Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar pembinaan sebuah kilang "North Port Klang Estate", Selangor yang mengeluarkan asid toksid "2,4-dichlorophenoxy acetic" (2,4-D) yang mengandungi bahan-bahan kimia yang telah terbukti bersangkut dengan kecacatan kelahiran dan kematian bayi di kalangan keluarga-keluarga bekas Perajurit Perang Vietnam oleh kerana kimia ini digunakan secara luas di Vietnam semasa Perang Vietnam, jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau untuk menahan kilang ini dari mengeluarkan kimia merbahaya ini supaya tidak terdapat nanti di kalangan rakyat Malaysia kecacatan kelahiran dan kematian bayi.

JAWAPAN

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya dimaklumkan, Jabatan Alam Sekitar ada menerima permohonan dari sebuah syarikat bagi mendirikan kilang mengeluar bahan kimia "2,4-dichlorophenoxyacetate". Permohonan tersebut sedang diproses. Mengikut maklumat yang terkandung di dalam permohonan berkenaan, kilang ini akan memproses bahan keluaran "2,4-dichlorophenoxyacetate", sejenis bahan kimia yang lazim digunakan di negara ini sebagai racun rumpai/pokok-pokok. Sebenarnya bahan kimia yang dimaksudkan oleh ahli Y.B. itu ialah campuran kimia "2,4,5-trichlorophenoxyacetic acid" dengan "2,4-dichlorophenoxyacetate" atau lebih dikenali sebagai "Agent Orange". Mengikut fakta saintifik kimia, "2,4,5-trichlorophenoxyacetic acid" adalah sejenis bahan kimia yang amat toksik.

Walau bagaimanapun pengeluaran, penjualan, penstoran dan pengeluaran bahan-bahan kimia racun rumpai adalah di bawah kawalan Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Di dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar akan berhubung rapat dengan pihak Lembaga Pelesenan Racun Makhluk Perosak bagi menyelaraskan permohonan pembinaan kilang tersebut.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Apakah tindakan yang boleh diambil sekiranya kilang tersebut telah didirikan?

   Jabatan Alam Sekitar akan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya termasuklah tawaran mengkompaun dan dihadapkan ke mahkamah.

2. Bilakah permohonan diterima oleh Jabatan Alam Sekitar?

   Jabatan Alam Sekitar Wilayah Tengah menerima permohonan pada 30 Oktober, 1989 dan tidak dapat memberi keputusan sehingga kini kerana maklumat yang dikemukakan masih belum lengkap.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD OMAR
TARIKH : 22 JUN 1990

SOALAN

Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kedudukan pencemaran udara di negara ini secara umum dan mengikut bandar-bandar (ibu negeri). Di antara kawasan bandar-bandar itu, di udaranya. Bagaimana dan sejauhmana pula kesan 'industrialisasi' dalam pencemaran udara di negara ini. Seterusnya apakah kawalan jangka panjang oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, pencemaran udara di negara kita secara umumnya masih di tahap terkawal. Di kebanyakan bandar-bandar besar seperti ibu negeri, keadaan pencemarannya juga masih di paras memuaskan kecuali di beberapa lokasi tertentu di mana selalu terdapatnya kesesakan lalulintas keadaan pencemaran udara khususnya habuk terampai boleh melebihi had pencemaran yang ditetapkan.

Secara umum memang terdapat pertambahan kadar beban pencemaran yang dilepaskan ke udara sejak bertambahnya bilangan industri-industri di negara ini. Paras kandungan habuk terampai di dalam udara khususnya didapati meningkat tinggi dan mulai menurun ke paras yang boleh diterima sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini memberi gambaran bahawa langkah-langkah kawalan pencemaran yang diambil mula menunjukkan kesan baik terhadap kualiti udara. Di dalam perkara ini Kerajaan akan senantiasa memberi pertimbangan saksama ke atas kehendak negara untuk terus membangun dan pada masa yang sama menjamin keselesaan orang ramai. Di antara langkah-langkah jangkamasa panjang yang sedang diambil termasuklah:-

- menguatkuasa sepenuhnya undang-undang yang menghendaki aktiviti pembangunan yang ditetapkan menjalankan kajian kesan ke atas alam sekitar.

- menerapkan nilai-nilai alam sekitar di dalam perancangan pembangunan guna tanah.

- mempertingkatkan program-program kesedaran dan pendidikan alam sekitar di semua lapisan masyarakat.

- Menggalakkan industri-industri supaya menggunakan teknologi pemerosesan dan bahan mentah yang tidak mengakibatkan pelepasan bahan pencemar atau buangan toksik dan berbahaya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN P. PATTO
TARIKH : 22 JUN 1990

SOALAN

Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa suhu di Cameron Highlands telah meningkat kebelakangan ini sehingga 2 darjah celcius dan ini telah menjadikan Cameron Highlands tambah panas akibat penebangan pokok-pokok hutan di situ sepertimana didedahkan oleh pihak Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur, jika ya, apakah tindakan Kementerian beliau untuk mempastikan bahawa projek lebuh raya menyambung Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands yang dijangka menelan perbelanjaan lebih kurang $2 billion sepertimana diumumkan oleh Timbalan Menteri Kerjaraya, Datuk Alex Lee, beberapa ketika dahulu, tidak dilaksanakan demi menjaga alam sekitar yang bersih dan juga suhu di ketiga-tiga bukit tidak meningkat dan ia tetap menjadi tempat tumpuan pelancong-pelancong.

JAWAPAN

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar tentang berlakunya peningkatan suhu, di Cameron Highlands dan mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca dari stesen pengawasannya di Cameron Highlands suhu telah meningkat cuma sebanyak 0.7°C dalam tempoh 1967 sehingga 1987. Kenaikan suhu di Cameron Highlands itu adalah berpunca daripada kesan interaksi beberapa faktor yang mana paling penting ialah kesan pembangunan setempat. Keadaan interaksi yang komplek itu menyebabkan kesukaran mengasingkan sumbangan setiap faktor kepada kenaikan suhu yang dikesan.

Perkhidmatan kajicuaca sedang merancang satu program penyelidikan bersistematik bertujuan meneliti masalah saintifik ini.

Mengenai cadangan projek lebuh raya yang menyambungkan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands, suatu kajian penilaian kesan-kesan kepada alam sekitar (EIA) akan dijalankan dan laporannya akan diberi sebelum pelaksanaan projek tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN P. PATTO
TARIKH : 26 JUN 1990

SOALAN

Y.B. Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

1. Adakah Syarikat Eng Thye Plantation Berhad telah dihukum untuk membayar gantirugi kepada pembiak-pembiak ikan yang mengalami kerugian akibat kematian ikan yang disebabkan oleh buangan industri (industrial waste) daripada sebuah kilang kelapa sawit kepunyaan syarikat tersebut di Kuala Gula, Perak, yang mencemar dan meracuni sebuah sungai berdekatan dengannya dan kolam-kolam ikan yang berdekatan juga, jika ya, berapakah jumlah gantirugi yang dibayar dan berapa orang pembiak ikan dibayar gantirugi itu; dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mempastikan bahawa kilang ini mahupun kilang-kilang lain di negeri Perak tidak tercemar dan meracuni sungai-sungai atau kolam-kolam ikan yang boleh menjejaskan punca mata pencarian pembiak-pembiak ikan.

JAWAPAN

1. Penyiasatan yang dijalankan selepas kejadian dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar menunjukkan tiada bukti konkrit sama ada kematian ikan disebabkan oleh pelepasan effluen kilang kelapa sawit seperti dituntut. Walau bagaimanapun dalam hal gantirugi seperti ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak diberi kuasa undang-undang untuk menghendaki mana-mana pihak yang bersabit membayar gantirugi kepada pihak yang terlibat.

   Dalam masa yang sama, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang mempertingkatkan kerja-kerja penguatkuasaan undang-undang terhadap kilang-kilang yang terletak di kawasan sensitif sebagai langkah pencegahan untuk mempastikan mereka sentiasa mematuhi had-had pelepasan yang dibenarkan. Pihak penternak juga telah dinasihatkan supaya menilai semula kedudukan penternakan

tersebut dan jika perlu dialihkan ke kawasan yang lebih sesuai di mana kemasinan air, pH dan oksigen terlarut didapati lebih stabil.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Mengikut maklumat yang ada, tiada bukti jelas bagi mengesahkan punca kematian ikan adalah disebabkan keracunan air buangan dari Syarikat Eng Thye Plantations mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan dalam syarat lesen. Selain daripada itu, semasa aduan disiasat, kilang didapati mematuhi had-had pelepasan yang dibenarkan.

Hasil siasatan Pegawai Jabatan Alam Sekitar Wilayah Perak pada 7 dan 10 Februari 1990 menunjukkan kematian ikan-ikan di Kuala Gula adalah berpunca dari perubahan fizikal air sungai semasa berlakunya air pasang surut dan hujan sepanjang hari, mengakibatkan kemasinan menurun menjadikan air tawar kemasaman, pH yang asidik dan paras oksigen terlarut menjadi rendah serta kelodakan yang luar biasa.

Menurut maklumat yang diterima, selepas kejadian tersebut, Syarikat Eng Thye bersetuju memberi saguhati kepada 6 orang pembiak ikan yang tersebut, tetapi mereka tidak berpuas hati dan masih mahukan pembayaran gantirugi. Saya difahamkan masalah ini masih dalam peringkat rundingan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG WING ON
TARIKH : 17 DISEMBER 1990

SOALAN

1. **Tuan Wong Wing On** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   a. Sama ada beliau sedar sebuah kilang papan dan arang di Kampung Timah, Tanjung Tualang, Perak Darul Ridzuan mengeluarkan gas-gas yang mengandungi karbon dioksida, karbon monoksida dan sisa-sisa seperti karbon dengan kuantiti yang besar setiap hari, dan bahawa gas-gas tersebut bukan sahaja mengotorkan alam sekitar, tetapi juga mengancam kesihatan, terutama sekali sistem pernafasan penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan tersebut; dan

   b. Jika ya, apakah tindakan atau langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin kebersihan alam sekitar di kawasan tersebut dan kesihatan penduduk-penduduk berkenaan.

JAWAPAN

a. Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememanglah dalam setiap proses pembakaran, gas-gas tersebut dihasilkan. Walau bagaimanapun masalah tersebut telah dikawal selepas beberapa pengubahsuaian dibuat.

b. Masalah kilang papan di Kg. Timah, Tanjung Tualang timbul kerana kekurangan perancangan pada masa lampau di mana rumah-rumah telah dibina berhampiran kilang tanpa zon penampan yang mencukupi. Punca yang dikatakan menimbulkan masalah ialah pelepasan asap dari cerobong tempat membakar habuk gergaji. Bagaimanapun pembinaan tempat membakar dengan izin "incenarator" ini telah dapat menyelesaikan masalah pelupusan habuk gergaji yang lebih serius apabila dilupuskan dengan cara-cara lain. Pelepasan asap dari kelengkapan ini sebenarnya adalah terkawal dan tidak memudharatkan alam sekeliling. Jabatan Alam Sekitar sentiasa mengawasi cara pelepasan tersebut.

   Mengenai perusahaan membuat arang di Kampung Timah, Tanjung Tualang,

tiada sebarang cerobong dipasang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perusahaan ini telahpun berpindah atas nasihat pihak berkuasa dan jarak tapak sekarang dengan Kg. Baru, Kg. Timah sudah melebihi 500 meter. Oleh yang demikian keadaan alam sekitar di kawasan itu telah bertambah baik. Jabatan Alam Sekitar akan terus mengawasi kilang tersebut untuk memastikan bahawa cara pelepasan asap yang ada sentiasa mematuhi kehendak undang-undang alam sekitar.

SOALAN TAMBAHAN 1

Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas kilang ini dan bila?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kilang papan dan arang di Kampung Timah, Tanjung Tualang ini sememangnya diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar sejak tahun 1987 lagi. Pemeriksaan mengejut telah diadakan pada 10 Ogos 1989, 23 April 1988, 27 April 1988 dan 14 Mac 1990. Pada keseluruhannya kilang-kilang ini sentiasa memberi kerjasama kepada Jabatan Alam Sekitar. Pengusaha membuat arang telahpun berpindah dari tapak asalnya dan kilang papan pula telah membaiki sistem dengan izin "cyclone dan bunker" bagi mengawal pelepasan habuk gergaji.

SOALAN TAMBAHAN 2

Apakah jenis kesalahan dan denda-denda yang boleh dikenakan?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan oleh industri kilang papan adalah seperti berikut:

a. Pembinaan kilang yang ditetapkan berdekatan dengan kawasan kediaman tanpa kebenaran Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling (Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, (Udara Bersih) 1978, P.U.A. 280);

b. Melakukan pembakaran terbuka sisa perusahaan (Peraturan 11, P.U.A. 280);

c. Pelepasan asap hitam berlebihan (Peraturan 15, P.U.A. 280);

d. Tidak mengendalikan alat kawalan dengan sempurna (P. 40 P.U.A. 280);

e. Membina tempat bakar dengan izin "incinerator" tanpa kebenaran.

Semua kesalahan-kesalahan tersebut boleh dikenakan denda di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Setiap kesalahan boleh dikompaun tidak lebih $500.00 atau jika disabit kesalahan oleh mahkamah boleh didenda tidak lebih $10,000.00 dan penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

SOALAN TAMBAHAN 3

Apakah strategi yang boleh dilaksanakan supaya perkara ini tidak berulang?

JAWAPAN

a. Tuan Yang DiPertua, Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar sedang bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi memastikan kilang-kilang tidak dibina terlalu dekat dengan kawasan kediaman, dan kawasan perumahan pula tidak dibangunkan berhampiran dengan kawasan perindustrian bagi mengelakkan masalah pencemaran alam sekitar.

b. Dalam perancangan tapak-tapak perindustrian baru, Kerajaan-Kerajaan Negeri sentiasa digalakkan untuk menempatkan kilang-kilang berasaskan kayu di suatu tapak yang khas untuk memudahkan lagi pengurusan sisa perusahaan jenis yang sama.

c. Jabatan Alam Sekitar juga telah menyediakan garis panduan penempatan dan pengezonan industri bagi panduan semua pengusaha-pengusaha tempatan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi membantu dalam masalah pengurusan alam sekitar terutama pengawasan dan pencegahan pencemaran.

SOALAN TAMBAHAN 4

Apakah alat-alat kawalan atau teknologi yang boleh digunakan?

JAWAPAN

a. Tuan Yang DiPertua, kaedah yang berkesan bagi mengatasi masalah asap hitam ialah melaksanakan pembakaran yang sempurna. Ini bolah dicapai dengan memasang sistem pembekalan bahan api yang terkawal secara berterusan dan dengan hanya memasang alat-alat "feeding cyclone" dengan izin, sebelum alat pembakaran. Gas hasil dari pembakaran yang berhabuk hendaklah disalurkan melalui sistem kawalan seperti bag penapis atau dengan izin "bag filters" yang berkecekapan tinggi.

b. Sebagai alternatif, sisa tred tersebut tidak perlu dibakar tetapi digunakan semula sebagai bahan mentah untuk keluaran sampingan yang lain seperti dengan izin "clipboard" dan lain-lain lagi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIEW AH KIM
TARIKH	:	18 DISEMBER 1990

SOALAN

1. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar pencemaran udara di kawasan industri kecil di 368, Jalan Sungai Besi berikutan dengan kegiatan lori-lori mencemari kawasan itu. Rumah-rumah dan gerai-gerai menjadi seperti timbunan debu. Jika sedar, apakah langkah-langkah menghalang kegiatan lori-lori terlibat, jika tidak, adakah pencemaran udara demikian dibiarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Y.B., Jabatan Alam Sekitar tidak pernah menerima sebarang aduan pencemaran udara di Kawasan 368, Jalan Sungai Besi seperti yang dinyatakan.

SOALAN TAMBAHAN

1. Adakah pernah menerima aduan yang serupa ini di tempat-tempat yang lain?

Jabatan Alam Sekitar pernah menerima aduan mengenai masalah yang sama di Jalan Chan Sow Lin yang disebabkan oleh debu melimpah dari lori-lori, banjir dan keadaan jalan yang buruk. Kerana kawasan yang terlibat adalah agak rendah, maka apabila hujan turun, air akan bertakung dan setelah air surut kawasan itu dipenuhi tanah merah dan berdebu apabila keadaan kering.

Jabatan Alam Sekitar sedang menyelaras tindakan untuk menyelesaikan masalah ini dengan mendapatkan kerjasama daripada agensi-agensi yang mempunyai bidang kuasa seperti Kementerian Pengangkutan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak Polis.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN GOOI HOCK SENG
TARIKH	:	18 DISEMBER 1990

SOALAN

1. **Y.B. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjalankan kajian alam sekitar (Environment impact study) secara persendirian dalam cadangan projek untuk membangunkan Bukit Bendera oleh Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. dan adakah Kerajaan negeri Pulau Pinang telah membuat permohonan untuk melaksanakan perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menjalankan kajian penilaian kesan-kesan alam sekitar (EIA) secara persendirian bagi projek pembangunan di Bukit Bendera Pulau Pinang, dan mengikut rekod Kementerian tiada permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan kajian EIA berkenaan.

Mengikut prosedur yang diamalkan sekarang, setiap penggerak projek atau juruperunding yang dilantik oleh penggerak projek adalah dikehendaki menjalankan kajian EIA dan mengemukakan laporan untuk kelulusan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan.

SOALAN TAMBAHAN 1

1. Sudahkah penggerak projek iaitu Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. menyediakan laporan EIA dan apakah tindakan Jabatan Alam Sekitar?

JAWAPAN

Laporan EIA berdasarkan konsep asal pembangunan telah dikemukakan, dan telah ditolak oleh Jabatan Alam Sekitar kerana tidak lengkap serta tidak mematuhi Kehendak-Kehendak Seksyen 34A (2) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan) 1985. Penggerak projek dikehendaki mengemukakan semula laporan EIA berdasarkan konsep pembangunan yang baru yang dapat mengawal kesan

alam sekitar ke tahap minimum. Laporan baru ini belum lagi dikemukakan oleh penggerak projek.

SOALAN TAMBAHAN 2

Apakah tindakan undang-undang boleh diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jika penggerak projek membangunkan projek tersebut tanpa menjalankan EIA?

JAWAPAN

Menjalankan aktiviti tanpa terlebih dahulu mengemukakan laporan EIA untuk kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 34A(8) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 1985). Jika didapati bersabit kesalahan tindakan yang boleh diambil termasuklah denda tidak melebihi $10,000/- atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun, atau kedua-duanya sekali. Dalam pada itu, sekiranya kesalahan diteruskan, denda tambahan sebanyak $1,000/- sehari boleh dikenakan selepas notis dikeluarkan kepada penggerak projek untuk mematuhi tindakan yang dinyatakan dalam notis berkenaan.

SOALAN TAMBAHAN 3

Apakah sebab-sebab penolakan projek ini?

JAWAPAN

Projek ini tidak disokong kerana pembangunannya melibatkan pembukaan tanah yang luas dan akan mendatangkan kesan-kesan yang ketara dari segi hakisan tanah dan mendapan sungai, yang akan menjejaskan sungai-sungai yang menjadi sumber utama bekalan air bagi penduduk-penduduk di Pulau Pinang.

SOALAN TAMBAHAN 4

Bolehkah permohonan projek ini ditimbang semula?

JAWAPAN

Permohonan projek ini boleh dipertimbangkan semula jika pemaju mengubah konsep asal pembangunan kepada jenis pembangunan melibatkan pembukaan tanah yang minima. Berdasarkan perbincangan antara pemaju dengan Jabatan Alam Sekitar pada 21 September 1990, pemaju bersetuju mengubah konsep pembangunan dan akan menyediakan laporan EIA baru untuk dipertimbangkan semula oleh Jabatan Alam Sekitar.

SOALAN TAMBAHAN 5

Apakah perkembangan kes ini setakat ini?

JAWAPAN

Perkembangan kes ini adalah seperti tersenarai dalam Jadual 1.

JADUAL 1.
PERKEMBANGAN PROJEK PEMBANGUNAN BUKIT BENDERA, PULAU PINANG

Tarikh	Tempat	Perkara
18.6.90	–	Terima laporan awal EIA.
6.7.90	–	Surat JAS minta pelan susunatur lengkap, pelan kegunaan tanah, dan data-data garisdasar kualiti air.
13.8.90	–	Terima maklumat-maklumat tambahan di atas.
20.8.90	–	Ringkasan kes dan isu-isu berkaitan projek dikemukakan untuk perhatian Y. Bhg. Dato' KSU
30.8.90	JAS	Mesyuarat Jawatankuasa Teknik EIA. Keputusan: Projek tidak disokong Alasan : Kesan ketara dari segi hakisan tanah dan mendapan sungai yang menjadi sumber utama bekalan air penduduk Pulau Pinang.
2.9.90	–	Surat keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknik EIA dikeluarkan kepada pemaju.
4.9.90	–	Surat Y. Bhg. Dato' Ketua Setiausaha kepada YB SUK Pulau Pinang, memaklumkan tentang projek tidak disokong.
20.9.90	–	Kertas makluman kepada Y. Bhg. Dato' KSU tentang kedudukan terkini projek, termasuk mengemukakan satu naskah laporan EIA untuk rujukan.
21.9.90	JAS	Perbincangan dengan pemaju dan jururunding EIA tentang alasan penolakan projek dan keperluan mengubah konsep asal pembangunan. Pengerusi : PKP (P) 1 Keputusan : Pemaju bersedia merangka konsep baru pembangunan dan mengemukakan laporan EIA baru.
9.10.90	–	Surat daripada pemaju tentang kesediaan mengemukakan laporan EIA baru berdasarkan konsep pembangunan baru.
24.10.90	–	Surat JAS kepada pemaju tentang kesediaan menimbang semula permohonan ini berdasarkan konsep pembangunan baru.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' K. KUMARAN
TARIKH	:	19 DISEMBER 1990

SOALAN

1. **Y.B. Dato K. Kumaran** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan :-

   a. Sama ada beliau sedar sisa-sisa pembuangan Kilang MARDEC di Tapah mengeluarkan bau busuk yang menjejaskan kesihatan rakyat persekitarannya, serta merosakkan "zinc-zinc" bumbung rumah-rumah berhampiran dengannya; dan

   b. Jika sedar, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan bau busuk di persekitaran kilang tersebut.

JAWAPAN

a. Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar mengenai masalah bau busuk yang berpunca daripada Kilang Getah MARDEC di Tapah. Kementerian juga telah menerima satu aduan pada bulan September 1990 mengenai kerosakan bumbung "zinc" rumah kerana operasi kilang.

b. Dalam hal ini, kilang MARDEC telah membina sistem pengolahan effluen serta mengkaji kemungkinan merendahkan penggunaan bahan kimia. Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Pejabat Wilayahnya di Ipoh juga, telah mengeluarkan arahan tegas kepada pihak kilang supaya mengambil langkah-langkah segera untuk mempertingkatkan kecekapan sistem pengolahan effluen dan alat-alat kawalannya, demi mengatasi masalah bau busuk dan pencemaran pada amnya.

   Tindakan undang-undang akan dikenakan terhadap kilang tersebut jika arahan-arahan Jabatan Alam Sekitar tidak dipatuhi.

SOALAN TAMBAHAN 1

Apakah sebab-sebab bumbung zing rumah yang berhampiran dengan kilang tersebut rosak.

JAWAPAN

Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar, sehingga kini, tiada bukti yang menunjukkan bahawa operasi kilang telah menyebabkan kerosakan bumbung zing rumah.

SOALAN TAMBAHAN 2

Apakah status pematuhan kilang-kilang MARDEC.

JAWAPAN

Semua kilang MARDEC mempunyai sistem pengolahan effluen, serta alat-alat kawalan pencemaran udara. Namun demikian, kecekapan dan pengendalian sistem pengolahan effluen dan alat kawalan pencegah pencemaran udara kadangkala didapati tidak memuaskan.

Dalam hal ini Jabatan Alam Sekitar sedang menjalankan penguatkuasaan yang lebih kerap terhadap kilang-kilang tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. AFFIFUDDIN B. HJ. OMAR
TARIKH : 19 DISEMBER 1990

SOALAN

1. **Dato' Dr. Affifuddin b. Hj. Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang untuk mempastikan bahawa udara berjerebu seperti yang berlaku di Lembah Kelang akhir Ogos lalu tidak akan berulang lagi. Adakah benar udara di Kuala Lumpur mengandungi gas-gas yang "carcinogenic" pada tahap yang merbahayakan. Adakah kaitan yang positif (positive correlation) berlaku di antara kewujudan gas-gas ini dengan kejadian barah paru-paru di dalam bandar Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Y.B., untuk mengawal masalah udara berjerebu usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang adalah seperti berikut:-

Pertama, usaha-usaha jangka pendek:

a. Mempertingkatkan dan memperketatkan lagi penguatkuasaan terhadap asap hitam dari kenderaan dan kilang-kilang dan kegiatan-kegiatan pembakaran terbuka;

b. Menubuhkan satu jawatankuasa kebangsaan mengenai masalah jerebu untuk mengwujudkan satu sistem amaran awal yang boleh mengesan kemungkinan berlakunya keadaan berjerebu supaya langkah-langkah kawalan dan kecemasan dapat diambil; dan

c. Mempertingkatkan lagi sistem pengawasan kualiti udara di seluruh negara supaya maklumat-maklumat terperinci dapat diperolehi.

Kedua, usaha-usaha jangka panjang:

a. Mengenakan paras pelepasan yang ketat ke atas kenderaan dan kilang-kilang terutama di Lembah Kelang; dan

b. Mempertingkatkan lagi program kesedaran orang ramai supaya tidak melakukan amalan yang boleh menyebabkan keadaan lebih buruk.

Setakat ini masih belum ada lagi bukti yang sah yang menunjukkan bahawa udara di Kuala Lumpur mengandungi gas-gas "carcinogenic". Setakat ini juga belum ada laporan yang diterima daripada pihak yang berkuasa bahawa kejadian barah paru-paru di Kuala Lumpur disebabkan oleh gas ini.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN 1

Berapakah bilangan aduan mengenai pembakaran terbuka di tapak-tapak pelupusan sampah sarap di bawah urusan Majlis-Majlis Daerah dan Kerajaan Tempatan?

JAWAPAN

Bilangan aduan pembakaran terbuka telah meningkat dari 9 dalam tahun 1985, kepada 11 tahun 1987, dan 13 dalam tahun 1989.

SOALAN 2

Di manakah puncanya aduan-aduan pembakaran terbuka?

JAWAPAN

Dalam tahun 1989 sahaja, 70 peratus dari aduan-aduan pembakaran terbuka berpunca dari tapak-tapak pelupusan sampah sarap Lembah Kelang, di bawah urusan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Daerah Hulu Langat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Daerah Petaling, Majlis Perbandaran Shah Alam.

SOALAN 3

Apakah status tindakan undang-undang terhadap Majlis Daerah Hulu Langat?

JAWAPAN

Pada 11hb. Ogos, 1990, aduan orang ramai telah diterima lagi mengenai pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah sarap di Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat, Selangor. Pasukan penguatkuasaan dari Pejabat Alam Sekitar, Wilayah tengah telah berkejar ke situ dan mendapati pembakaran terbuka masih berlaku lagi dan tidak ada apa-apa tindakan diambil oleh Pihak Majlis Daerah Hulu Langat, baik pekerjanya maupun kontraktornya. Yang DiPertua Majlis Daerah

Hulu Langat telah disaman oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling pada 11 Ogos 1990. Kes ini telah disebut di Mahkamah Majisteret Kajang pada 9 Oktober 1990. Pihak Majlis Daerah Hulu Langat tidak mengaku salah. Kes ini akan dibicarakan pada 26 Mac 1991.

SOALAN 4

Adakah tindakan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ke atas pihak Kerajaan Tempatan atau Majlis Daerah itu bercanggah dengan dasar Kerajaan?

JAWAPAN

Semestinyalah tidak. Jika mana-mana agen Kerajaan melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang sekalipun termasuk Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 saya tidak nampak mengapa agen Kerajaan ini tidak boleh disaman dan diambil tindakan undang-undang. Sepatutnya, Kerajaanlah patut menunjukkan teladan yang baik, menjaga keadaan sekeliling supaya bersih, dan tidak melakukan apa-apa perbuatan termasuk pembakaran terbuka sampah sarap yang mencemarkan alam sekitar.

Ini bermakna juga Kerajaan "means business" dengan izin, dan tidak teragak-agak lagi mengambil tindakan undang-undang, lebih-lebih lagi segala usaha tidak berjaya termasuklah usaha-usaha lain seperti permintaan kerjasama melalui mesyuarat, nasihat, surat amaran, notis dan kompaun tidak diterima.

SOALAN 5

Apakah punca-puncanya atau sebab-sebab berlakunya keadaan jerebu?

JAWAPAN

Kementerian saya telah mengenalpasti beberapa faktor yang utama yang membawa keadaan udara di Lembah Kelang Berjerubu. Satu faktor yang memang sudah ada iaitu keadaan semulajadi Lembah Kelang yang dikelilingi oleh bukit-bukit dan banjaran gunung Titiwangsa. Keduanya, sungguhpun kebanyakannya, lebih dari 83 peratus kenderaan bermotor disel dan kilang-kilang mematuhi standard-standard pelepasan, tetapi bilangan punca-punca yang boleh mencemarkan, lebih-lebih lagi bilangan kenderaan telah bertambah dengan pesatnya, terutama di Lembah Kelang.

Apabila berlakunya musim kering, tiada hujan, dan tiada pula perubahan angin maupun pertukaran cuaca, maka keadaan udara dikatakan terlalu tenang dan stabil. Dalam keadaan seperti ini, mana-mana pelepasan habuk ke udara akan terperangkap dan tidak terlepas ke atas ke angkasa luar. Dalam keadaan biasa habuk-

habuk itu berterbangan ke tempat-tempat lain dan tidak mencemar mana-mana keadaan setempat.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya dengan kerjasama semua pihak berkenaan akan terus memperincikan lagi punca-punca masalah itu, supaya penyelesaian yang baik dapat dibuat dengan berkesan, dan harap, dengan izin Tuhan, keadaan jerebu dapat dielakkan.

SOALAN 6

Pernahkah keadaan berjerebu berlaku dahulu?

JAWAPAN

Pernah, dan keadaan yang lebih serius lagi telah berlaku dalam bulan September 1983, di mana bukan sahaja negara kita Malaysia sahaja yang mengalaminya bahkan juga negara-negara jiran kita, Indonesia dan Singapura.

SOALAN 7

Mengapa terdapat laporan-laporan yang bercanggah?

JAWAPAN

Apabila berlakunya keadaan jerebu, banyak pihak termasuk media-massa telah membuat kenyataan yang bermirip spekulasi sahaja. Keadaan yang sebenar telah dijelaskan oleh Kementerian saya melalui kenyataan akhbarnya.

SOALAN 8

Adakah Kementerian akan memperbanyakkan lagi stesen-stesen pengawasan kualiti udara?

JAWAPAN

Dalam tahun 1989/90, terdapat di seluruh negara 32 stesen-stesen pengawasan habuk terampai (suspended particulate), dan 192 stesen-stesen pengawasan habuk mendap.

Hampir satu pertiga stesen-stesen pengawasan habuk terampai ditempatkan di Lembah Kelang.

SOALAN 9

Adakah keadaan berjerebu ini berlaku di tempat-tempat lain?

JAWAPAN

Keadaan berjerebu bukan sahaja dialami di Lembah Kelang sahaja bahkan juga di tempat-tempat lain seperti Los Angeles, Cincinnati, Pittsburgh, Belgium dan juga di London dalam tahun lima dan enam puluhan.

SOALAN 10

Bagaimana aduan pencemaran boleh diadukan oleh orang ramai?

JAWAPAN

Orang ramai boleh menelefon terus pegawai-pegawai alam sekitar di Butterworth, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu, Kuantan, dan Kuala Terengganu. Kementerian bercadang juga untuk mengwujudkan "Hotline" khas bagi tujuan ini di seluruh negara.

SOALAN 11

Apakah keanggotaan dan kegiatan Jawatankuasa Jerebu?

JAWAPAN

Jawatankuasa Jerebu dipengerusikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan ahli-ahlinya terdiri dari wakil-wakil Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca, Institut Penyelidikan Perubatan, Universiti-Universiti Tempatan, dan Pusat Remote Sensing Negara.

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sekali pada 18 Septembar 1990.

Satu daripada kegiatan Jawatankuasa ini ialah menentukan prosidur untuk bertindak antara agensi dan pihak-pihak tertentu dalam menghadapi keadaan jerebu, dan mengesyorkan supaya sistem pengawasan kualiti udara dipertingkatkan.

Selain daripada itu, satu Jawatankuasa lain yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah ditubuhkan untuk merangka sistem pengawasan kualiti udara di Malaysia antara lain untuk mendapatkan kerjasama dan penglibatan pihak swasta serta pelaburan dalam dan luar negeri.

SOALAN 12

Mengapa sistem pengawasan kualiti udara di negara ini masih belum diperkemaskan lagi?

JAWAPAN

Banyak masalah yang telah dihadapi dan sedang diatasi antara lain mendapatkan tanah yang sesuai untuk tapak-tapak stesen, kelengkapan, jurutera-jurutera elektronik/elektrik dan juruteknik-juruteknik berpengalaman, dan teknologi terbaik.

Kementerian saya sedang merangkakan satu strategi dan rancangan supaya perkhidmatan kerja-kerja pengawasan kualiti udara diswastakan, dengan menarik pelaburan dalam dan luar negeri.

SOALAN 13

Betulkah ada kajian di negara ini yang menunjukkan bahawa pencemaran udara di Kuala Lumpur boleh membawa barah paru-paru, iaitu keadaan ber"carcinogenic"?

JAWAPAN

Kementerian saya tidak menerima apa-apa laporan dari mana-mana pihak mengenai perkara ini. Saya difahamkan bahawa kajian masih berjalan dan belum ada apa-apa kesimpulan lagi dibuat setakat ini.

SOALAN 14

Apakah langkah-langkah Kementerian untuk memperketatkan lagi standad-standad pelepasan kereta-kereta bermotor diesel?

JAWAPAN

Kementerian sedang merangka satu lagi Peraturan baru bukan sahaja untuk terus mengawasi standad pelepasan asap hitam, bahkan juga untuk menentukan semua engin-engin disel sebelum diimport, dipasang, dan digunakan di Malaysia mestilah mengikut standad UN ECE 24.03, iaitu standad yang sama akan dikuatkuasakan di Singapura dalam tahun 1991.

SOALAN 15

Data-data bagi kompaun, mahkamah, bagi kenderaan bermotor, industri-industri dan lain-lain institusi, serta orang perseorangan bagi kesalahan terhadap pencemaran udara dan air.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, bagi tahun 1989 terdapat 448 kempen penguatkuasaan terhadap kenderaan bermotor. Sejumlah 42,284 telah ditahan untuk diperiksa. Hanya 7,085 buah kenderaan sahaja yang dikompaun (1726 bas, 1205 teksi, 2470 lori, 519 kenderaan persendirian dan 1175 lain-lain jenis kenderaan).

Sepanjang tahun 1989, sebanyak 279 buah kilang telah dikompaun di atas kesalahan pencemaran udara.

Selain daripada itu, 5 buah kilang telah didakwa di mahkamah atas kesalahan pencemaran air dan 17 buah kilang atas kesalahan pencemaran udara menjadikan 22 buah kilang semuanya yang didakwa.

Maklumat Penguatkuasaan: 1989

	KOMPAUN			MAHKAMAH		
	Air	Udara	Jumlah	Air	Udara	Jumlah
Motor Vehicle	–	7085	7085	–	–	–
Factories	–	279	279	5	17	22
Institution	–	–	–	–	–	–
Individual	–	-		–	–	
Jumlah	–	7364	7364	5	17	22

1. "Motor Vehicles"

1.	7085 (1989)	–	compound	
2.	Breakdown:			
	Bus	–	1,726	
	Taxi	–	1,205	
	Lorry	–	2,470	
	Individual	–	519	
	Others	–	1,175	7,085
3.	Stop for inspection	–	42,284	

2. Pendakwaan

1.	1989	–	22
2.	$42,700 fines collection		

SOALAN 16

Sejauh manakah masalah hujan asid di seluruh negara?

JAWAPAN

Menurut Laporan Analisa Hujan Asid oleh Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca pada tahun 1985 sebanyak 87.5 peratus stesen pengawasan menunjukkan hujan berasid. Nilai ini meningkat ke seratus peratus pada tahun 1986 dan menurun ke 94.1 peratus pada tahun 1987. Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, akan terus mengambil langkah-langkah kawalan sewajarnya dengan menguatkuasakan undang-undang alam sekitar yang sedia ada bagi mencegah pencemaran udara yang boleh mengakibatkan hujan asid.

SOALAN 17

Sejauh manakah kebenaran kenyataan bahawa pencemaran udara di bandaraya Kuala Lumpur adalah lebih teruk dari Tokyo?

JAWAPAN

Laporan rasmi yang diterima untuk menerangkan kenyataan ini ialah Laporan "World Resource 1988-1989" yang menunjukkan bahawa bandaraya Kuala Lumpur mencatatkan purata tahunan kandungan habuk terampai sebanyak 104 $\mu g/m^3$ dari 1982-1985 berbanding dengan 52 $\mu g/m^3$ di Tokyo. Adalah sukar untuk membuat perbandingan tahap pencemaran udara di antara kedua-dua bandar berkenaan kerana terdapat perbezaan pada lokasi serta keadaan geografi stesen-stesen pengawasan serta alat pengawasan yang digunakan. Pada tahun 1987, paras kualiti udara bagi kandungan tahunan habuk terampai di Kuala Lumpur ialah 100 $\mu g/m^3$.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN BILLY ABIT JOO
TARIKH	:	21 DISEMBER 1990

SOALAN

1. **Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   a. Sama ada "Environment Impact Assessment" (EIA) telah dibuat di kawasan pembalakan di Negeri Sarawak khasnya di Hulu Rajang; dan

   b. Di kawasan di mana kegiatan pembalakan telah berlaku, apakah langkah yang telah diambil untuk mengurangkan/mengelakkan pencemaran sungai (river pollution).

JAWAPAN

1. a. Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada kerja EIA yang telah dibuat di mana-mana kawasan di negeri Sarawak termasuk di Hulu Rajang. Ini adalah kerana Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Ke Atas Alam Sekitar) 1987, hanya berkuatkuasa mulai 1 April 1988.

   b. Setakat ini kawalan pencemaran sungai yang disebabkan oleh aktiviti pembalakan adalah melalui garis panduan-garis panduan dan syarat-syarat lesen yang dikenakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

SOALAN TAMBAHAN

SOALAN 1

Mengapa belum ada lagi kajian EIA bagi aktiviti pembalakan di Sarawak?

JAWAPAN

Kementerian saya tidak sedar maupun dimaklumkan ada terdapat kelulusan pembalakan dengan izin "Concession" baru selepas 1hb April 1988 iaitu tarikh Perintah EIA 1987 mula berkuatkuasa di seluruh negara.

SOALAN 2

Apakah aktiviti-aktiviti yang telah menjalankan kajian EIA di Sarawak?

JAWAPAN

Sehingga 31 Oktober 1990, sebanyak 11 projek di Sarawak telah menjalankan kajian EIA, dan laporan-laporan EIA akan diterima oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling bagi 9 lagi projek.

Aktiviti	Nama Projek	Jenis Laporan	Status Tarikh
Industri	Cadangan 'Chemicals & Adhesives Plant' di Kawasan Perindustrian Kidurong, Bintulu Sarawak oleh Bintulu Adhesives & Chemicals Sdn. Bhd	PA	Lulus 31.07.90
	Cadangan Peningkatan Kapasiti Pengeluaran Loji Ammonia & Urea di Batu 12, Tanjung Kidurong, Bintulu Sarawak oleh Asean Bintulu Fertiliser Sdn. Bhd	PA	Lulus 02.03.90
Petroleum	Projek Carigali Minyak Onshore Sarawak Di Lutong & Rasau Bahagian 4, Sarawak Blok Sk-14 oleh Petronas Carigali Sdn. Bhd./MBODC	PA	Lulus 16.06.88
	Projek 'Second Central-Luconia Trunkline' di Central Luconia Field 125km Offshore Tg. Kidurong Bintulu, Sarawak oleh Sarawak Shell Berhad	PA	Lulus 31.05.89
	Projek Shell MDS di Kawasan Perindustrian, Bintulu, Sarawak oleh Shell MDS (M) Sdn. Bhd	PA	Lulus 30.06.90
		AR	Lulus 25.06.90
	Exploration Drilling Offshore SK-9 di Blok SK-9, Offshore Bintulu, Sarawak oleh Agip (M) Ltd. Corp.	PA	Lulus 12.03.90
	Miri Gas Separation Plant Project di Miri, Sarawak oleh Petronas Gas Sdn. Bhd	PA	Lulus 26.07.90
	Cadangan untuk memasang Pelantar & Saluran Paip bagi Projek Pengumpulan & Penggunaan Gas Baram Delta (BARDEGG) di Delta Baram, Sarawak oleh Petronas Carigali Sdn. Bhd	PA	Lulus 20.08.90
	ERB West-St Joseph Gas Pipeline di ERB West ke St. Joseph, Sarawak oleh Sarawak Shell Berhad	PA	Lulus Nov. 90
Penjanaan & Pemancaran Kuasa	Bintulu Combined Cycle Power Station di Bintulu, Sarawak oleh Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak	PA	Lulus Nov. 90

Petunjuk : PA - Penilaian Awal
AR - Analisa Risiko

JADUAL 1

Bilangan Kes Yang Tertakluk Kepada Perintah EIA Dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar Dari 1 April 1988 – 31 Oktober 1990

No.	Aktiviti	Bilangan kes EIA yang dirujuk			Jumlah
		1988	1989	1990	
9	INFRASTRUKTUR	3	18	43	64
14	KUARI	3	18	41	62
18	PEMBANGUNAN REKREASI & PERANGINAN	2	9	27	38
4	INDUSTRI	7	10	12	29
12	PETROLEUM	9	5	10	24
6	PERHUTANAN	1	7	15	23
18	PENGOLAHAN & PELUPUSAN BUANGAN	6	7	10	23
11	PERLOMBONGAN	9	1	12	22
7	PERUMAHAN	3	5	13	21
1	PERTANIAN	2	7	4	13
13	PENJANAAN & PEMANCARAN KUASA	6	2	3	11
4	TEBUSGUNA TANAH	0	5	5	10
5	PERIKANAN	0	4	4	8
19	BEKALAN AIR	2	2	2	6
3	SALIRAN DAN PENGAIRAN	2	3	0	5
10	PELABUHAN	1	2	1	4
2	LAPANGAN TERBANG	0	0	2	2
15	KERETAPI	0	0	2	2
20	TIADA KATEGORI[b]	1	1	0	2
16	PENGANGKUTAN	0	0	0	0
	JUMLAH	57	106	206	369

Petunjuk:

a. Aktiviti projek mengikut Perintah EIA, 1987

b. Projek dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif:
Memasang Kabel & Talian Paip, selain daripada Petroleum

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN JAWAH A/K GERANG
TARIKH : 21 DISEMBER 1990

SOALAN

1. **Tuan Jawah A/k Gerang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejak Deklarasi Langkawi (EIA) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan:

   a. bagi mempastikan kegiatan membalak yang mengakibatkan beberapa sungai keruh dan dicemari dapat dikurangkan;

   b. bagi mempastikan sungai-sungai khasnya dekat bandar-bandar besar tidak lagi dicemari oleh sampah yang dibuat oleh orang ramai yang tidak bertanggungjawab; dan

   c. untuk menentukan langkah-langkah memelihara alam sekitar sedunia digiatkan dengan lebih lagi.

JAWAPAN

a. Tuan Yang DiPertua untuk makluman ahli Y.B., EIA atau Penilaian Kesan Alam Sekitar bukan diisytiharkan melalui Deklarasi Langkawi tetapi dikuatkuasakan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Ke Atas Alam Sekitar) 1987.

   Pemegang lesen atau penggerak projek bagi aktiviti pembalakan dikehendaki terlebih dahulu menjalankan kajian EIA untuk kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebelum aktiviti tersebut boleh dijalankan. Melalui kajian EIA tersebut, kesan-kesan alam sekitar termasuk pencemaran air sungai dapat dikenalpasti di peringkat awal lagi perancangan dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan dapat digabungkan ke dalam pelan pelaksanaan projek pembalakan berkenaan sebelum projek tersebut dilaksanakan.

b. Sebenarnya, hal-hal berkaitan dengan pengurusan sampah khasnya di bandar-bandar besar adalah tanggungjawab pihak Majlis Kerajaan Tempatan yang berkenaan. Bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar sentiasa memberi kerjasama kepada

pihak Kerajaan Tempatan dalam kempen-kempen kebersihan mereka termasuklah program-program untuk menyedarkan orang ramai supaya tidak membuang sampah sarap bukan sahaja ke dalam sungai tetapi juga ke dalam parit. Juga melalui Perintah EIA, kajian kesan-kesan ke atas alam sekitar perlu dijalankan bagi tapak baru pelupusan sampah sarap sebagai satu langkah bagi mengelakkan pencemaran sungai.

c. Sebelum Deklarasi Langkawi lagi, Malaysia telah bergiat dalam berbagai forum di peringkat serantau dan antarabangsa mengenai isu-isu alam sekitar dan pembangunan yang di antara lain termasuk Persidangan Sedunia Kedua Mengenai Perubahan Iklim dan Mesyuarat-Mesyuarat Persediaan Bagi Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang akan diadakan di Brazil pada 1992. Selain daripada itu negara kita juga telah mengambil bahagian yang aktif dalam beberapa mesyuarat lain seperti berikut:

(i) Mesyuarat 'Chlorofluorocarbon and Ozone Layer' (Peringkat Menteri) bulan Mac 1989 di London.

(ii) 'UNEP Conference on Transboundary Movement of Hazardous Wastes' juga bulan Mac 1989 di Basel.

(iii) 'Vienna Convention for the Protection of the Ozone Layer' bulan April 1989 di Helsinki.

(iv) 'Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer' bulan Mei 1989 di Helsinki.

(v) 'Atmospheric Pollution and Climate Change' bulan November 1989 di Netherlands.

(vi) 'Baguio Policy Workshop on Coastal Resources' bulan Mac 1990 di Manila.

(vii) Mesyuarat Ke 4 Menteri-Menteri ASEAN mengenai Alam Sekitar pada bulan Mei 1990 di Kuala Lumpur.

(viii) 'Second Conference of Parties to Montreal Protocol' bulan Mei 1990 di London.

(ix) 'ESCAP Ministerial-Level Conference on Environment and Development in Asia and the Pacific, pada bulan Oktober 1990 di Bangkok.

(x) '2nd World Climate Conference and Senior Officials Meeting on Ministerial Declaration', pada bulan November 1990, di Geneva.

1991
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN AHMAD BIN OMAR
TARIKH	:	7 JANUARI 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah hasil kajian yang diperolehi dari keadaan berjerebu di kawasan Lembah Klang pada tahun ini. Apakah langkah Kerajaan bagi mengawasi pencemaran udara yang semakin serius di negara ini khasnya di bandar-bandar yang sedang pesat membangun dan berkembang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kajian khusus di Lembah Klang di mana terletaknya juga ibu kota Kuala Lumpur, paras habuk terampai di udara didapati meningkat sejak 19 Ogos, 1990 sehingga 27 Ogos, 1990. Peningkatan kandungan habuk terampai bagi beberapa tempat melebihi seratus peratus dari keadaan biasa.

Pada masa yang sama kandungan logam-logam berat termasuk kuprum, plumbum, ferrum, kadmium dan kromium didapati berada pada paras biasa dan tidak membahayakan.

Mengenai langkah-langkah untuk mengawasi pencemaran udara ianya telah dijelaskan di Dewan ini pada 19 Disember 1990 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Oleh yang demikian saya tidak berhajat untuk menambah apa-apa lagi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI IBRAHIM B. HAJI JENDOL
TARIKH	:	7 JANUARI 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Jendol minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Berapa luaskah kawasan hutan simpanan yang telah diswastakan dan adakah keluasan tersebut cukup untuk menyempurnakan "Ecology System";

(b) Apakah nisbah di antara jumlah penduduk dan Hutan Simpan yang telah ditetapkan oleh Kementerian bagi negara ini dan adakah Kementerian telah mengkaji keperluan nisbah ini selaras dengan pertumbuhan penduduk bagi jangka waktu 50 tahun dari sekarang;

(c) Apakah tindakan susulan yang telah diambil/buat ke atas Deklarasi Langkawi dan apakah tindakbalas/sambutan dunia terhadap Deklarasi tersebut; dan

(d) Apakah keadaan Lapisan Ozon di rantau ini dan langkah-langkah kawalan yang telah dan akan diambil.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan-Kerajaan Negeri tidak pernah menswastakan kawasan hutan simpanan.

(b) Kementerian Perusahaan Utama tidak menetapkan nisbah di antara jumlah penduduk dan Hutan Simpan. Walau bagaimanapun, mengikut perangkaan tahun 1989, peratus keluasan kawasan berhutan ialah 56.3% dan luas hutan per kapita, secara keseluruhan ialah 1.05 hektar, tetapi jika diambilkira

keluasan Hutan Simpanan kekal sahaja, keluasan hutan per kapita ialah 0.72 hektar.

Sebagai perbandingan, keluasan per kapita hutan termasuk "woodland" dalam tahun 1987 seperti dilaporkan oleh Pertumbuhan Makanan dan Pertanian (FAO) bagi beberapa buah negara maju adalah di antara 0.02 hektar hingga 1.10 hektar manakala bagi negara-negara jiran pula adalah di antara 0.19 hektar hingga 0.86 hektar sahaja.

Berdasarkan kepada perangkaan di atas, adalah jelas menunjukkan bahawa nisbah di antara jumlah penduduk dan Hutan Simpanan di Malaysia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara maju dan negara-negara jiran. Dengan pelaksanan pengurusan dan pembangunan hutan yang intensif dan sistematik, keluasan per kapita Hutan Simpanan Kekal di Malaysia adalah berkeupayaan untuk menampung keperluan penduduk di masa hadapan.

(c) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengisytiharan Langkawi mengenai Alam Sekitar mengenal pasti 8 punca masalah dan jenisnya, dan memperakui 16 program untuk tindakan bersama antara negara-negara Komanwel. Kesemuanya ini adalah seperti yang terjelas dalam Deklarasi ini dan saya tidak perlu sebutkannya satu per-satu, untuk menjimatkan masa.

Untuk mengatasi beberapa masalah alam sekitar itu, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang menyeluruh dan khususnya baikpun sebelum mahupun selepas Deklarasi ini diisytiharkan pada 21 Oktober 1989. Antara langkah-langkah utama yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

(i) Memperkuatkan lagi dasar-dasar Kerajaan dan rogram-program Kementerian dan Jabatan yang melaksanakan konsep pembangunan berterusan iaitu segala keputusan Kerajaan dan swasta mestilah mengambilkira faktor-faktor alam sekitar, seperti melaksanakan kajian EIA sebelum satu-satu projek pembangunan itu dilaksanakan.

(ii) Mendesak negara-negara maju dan agensi-agensi antarabangsa menubuhkan tabung-tabung amanah untuk alam sekitar, dan dengan usaha satu tabung yang dinamakan "Multilateral Fund for Montreal Protocol", dengan izin, telah ditubuhkan tahun lepas, sumbangan untuk tabung ini akan meningkat mulai tahun ini dari US$53 juta ke US$160 juta dalam tahun 1993.

(iii) Kerajaan telah dan akan terus mengambil peranan yang aktif di semua persidangan dan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa mengenai isu-isu alam sekitar antarabangsa termasuk perubahan iklim (climate change) dengan izin, lapisan ozon, perhutanan, tenaga, bahan-bahan toksik dan berbahaya, dan "biological diversity", dengan izin;

(iv) Kerajaan telahpun menyiapkan kajian mengenai Dasar dan Pelan Induk Kegunaan Tenaga semenjak tahun 1985 dan terus menggalakkan usaha-usaha untuk menjimatkan dan mempertingkatkan kecekapan penggunaan tenaga;

(v) Kerajaan telahpun menguatkuasakan Protokol Montreal di Malaysia, dan akan mengawal kegunaan bahan-bahan "Chlorofluorocarbons" (CFCs) dan Halons dan bahan-bahan lain yang serupanya yang boleh menipiskan lapisan Ozon di luar angkasa;

(vi) Kerajaan telahpun dan akan terus menjaga dan memelihara kepentingan perhutanan, perikanan dan pertanian di Malaysia, supaya sumber-sumber ini terlindung dan terjamin untuk penggunaan yang berterusan;

(vii) Kerajaan telahpun mengwujudkan Peraturan-Peraturan untuk mengawal pelupusan bahan-bahan toksik dan berbahaya dan telahpun melantik dua firma antarabangsa untuk menjalankan kajian dan membangunkan loji-loji pelupusan yang selamat;

(viii) Kerajaan telahpun mengratifikasikan beberapa Konvensyen Antarabangsa, mengenai alam sekitar dan terus berbuat demikian mengikut masa dan jadual yang telah ditentukan;

(ix) Kerajaan terus melancarkan bermacam bentuk program dan acara sebagai langkah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya alam sekitar dijagai bersama. Dalam pada itu, Kerajaan telahpun memperkenalkan sukatan-sukatan pelajaran mengenai Alam dan Manusia di semua peringkat persekolahan, institut-institut pengajian tinggi dan Universiti; dan

(x) Kerajaan telahpun membentuk Jawatankuasa Kebangsaan untuk "UN Conference on Environment and Development" (UNCED) 1992, dengan izin, dan Jawatankuasa ini telah kerap kali bermesyuarat, dan telahpun menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk seminar, woksyop dan kajian, dan juga menyelaraskan pendirian Malaysia di semua persidangan dan mesyuarat antarabangsa mengenai alam sekitar dan pembangunan.

(d) Sepanjang Kementerian saya ketahui, tiada sebarang kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengenai keadaan lapisan ozon dibuat di rantau ini, khususnya di Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah menyertai usaha-usaha antarabangsa untuk menyelamatkan lapisan ozon. Pada 29 Ogos 1989 negara kita telah menganggotai "Montreal Protocol on Substances That Deplete the Ozone Layer", dengan izin, dan telahpun mengambil tindakan-tindakan yang dikehendaki di bawah Protokol ini, termasuk langkah-langkah :-

(i) Mengatasi penggunaan bahan-bahan "Chlorofluorocarbons" (CFC) dan Halon di Malaysia;

(ii) Mengawal import bahan-bahan ini mulai pada 14 Disember 1989, seperti yang dikehendaki di bawah Perintah-Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1989;

(iii) Menggalakkan industri-industri yang ada menggunakan semula bahan-bahan tersebut;

(iv) Menggalakkan industri-industri baru menggunakan bahan-bahan ganti atau teknologi yang sesuai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	28 JANUARI 1991

SOALAN

Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Apakah tindakan yang diambil untuk melaksanakan perakuan-perakuan Laporan Projek Pembaikan Alam Sekitar Lembah Klang (Klang Valley Environmental Improvement Project Report) yang disiapkan dalam bulan April 1987 dan juga nyatakan bilakah laporan tersebut akan diumumkan;

(b) Apakah mekanisme laporan yang dilaksanakan untuk memaklumkan orang ramai mengenai kemajuan berbagai peringkat prosedur Penilaian Kesan Alam Sekitar oleh Jabatan Alam Sekitar bagi projek-projek yang diluluskan semenjak April 1988;

(c) Apakah langkah-langkah ketara yang Kerajaan Persekutuan mempunyai untuk melaksanakan komitmen-komitmen yang tertera di dalam Perisytiharan Langkawi Tahun 1989 ke atas alam sekitar;

(d) Apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan untuk hentikan kehilangan kakitangan yang berpengalaman oleh Jabatan Alam Sekitar serta untuk membaiki keberkesanannya; dan

(e) Bilakah kemudahan-kemudahan untuk sisa-sisa toksik akan diadakan dan apakah jenis perundingan dengan orang ramai yang akan dijalankan oleh perunding-perunding yang dilantik itu.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Urusetia Perancangan Lembah Klang adalah seperti berikut:

(i) Kawalan Pencemaran Air - Kerajaan sedang mempertingkatkan Program 10 Tahun Pembersihan Sg. Klang/Sg Gombak. Setakat ini sebahagian daripada keseluruhan program ini sedang dipertimbangkan.

(ii) Pengurusan Pelupusan Sampah Sarap- Satu sistem pelupusan sampah sarap berasaskan `landfill' dengan izin berkonsepkan 'regional' sedang dipertimbangkan untuk dilaksanakan secara pengswastaan.

(iii) Hakisan dan mendapan dan pengurusan 'watershed' – Pihak Berkuasa Tempatan bersama Jabatan Alam Sekitar semasa meluluskan Pelan Pembangunan telah menetapkan supaya pemaju pembangunan menjalankan kerja-kerja mereka dengan cara yang boleh mengawal hakisan dan mendapan.

(iv) 'Underserved Areas' – Kerajaan sentiasa memperbaiki secara beransur-ansur keadaan di kawasan ini. Penduduk setinggan akan berpeluang menduduki kawasan yang dikhaskan untuk kawasan perumahan secara berperingkat-peringkat melalui Program Perumahan Kos Rendah sama ada yang dijalankan oleh pihak Kerajaan atau Swasta.

(v) Pengurusan Kualiti Udara- Tindakan sentiasa diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengawal pencemaran khususnya kualiti udara. Tindakan yang diambil termasuk mencegah pembakaran secara terbuka dan kawalan pengeluaran asap-asap daripada kenderaan-kenderaan.

(b) Untuk makluman Y.B. perangkaan mengenai projek-projek tersebut dapat diperolehi di dalam Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

(c) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengisytiharan Langkawi memaktubkan perakuan bersama negara-negara maju dan sedang membangun yang menganggotai Kesatuan Negara Komanwel tentang komitmen masing-masing, secara individu dan secara berkumpul terhadap pengekalan dan pemuliharaan alam semulajadi, khususnya sejak timbul isu-isu besar yang dialami dunia seperti perubahan cuaca, penipisan lapisan ozon, pencemaran melangkah sempadan dan pengurusan hutan tropika.

Dalam melaksanakan komitmen-komitmen Pengiystiharan Langkawi, tidak boleh dinafikan bahawa fenomena alam sekitar seperti tersebut di atas ada

hubungkait dan berpunca dari tabiat-tabiat manusia sendiri sejak tibanya kemajuan ekonomi kepada sesuatu negara. Jika diteliti asal usulnya, keadaan cuaca dan lapisan ozon misalnya dengan secara tidak langsung dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti perindustrian di mana pelepasan-pelepasan kilang dan kenderaan, dalam bentuk wap/gas seperti karbon dioksida meningkatkan suhu atmosfera. Kegunaan klorofluorokarbon (CFCs) dan halon dalam barangan buatan pula menjejas kesejahteraan ozon dan dengan itu mendedahkan hidupan di bumi kepada pencemaran 'ultraviolet' yang berbahaya. (Oleh itu nyatakan bahawa dengan mengawal pencemaran dari punca-punca sedemikian, mudarat kepada alam sekeliling dapat dikurangkan sedikit sebanyak).

Dalam hal ini adalah dimaklumkan bahawa usaha-usaha Kerajaan Malaysia selama ini dalam mengawal pencemaran alam sekitar masih berterusan dengan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Punca-punca utama pencemaran seperti industri dan kenderaan tetap diawasi dengan penguatkuasaan peraturan-peraturan tertentu; di mana antara kemajuan negara ini adalah pengawalan pencemaran industri berasas pertanian iaitu kilang kelapa sawit mentah dan getah asli mentah.

Selain dari itu, nilai-nilai alam sekitar diserapkan ke dalam aktiviti-aktiviti pembangunan di peringkat perancangan lagi, melalui proses penilaian awal tapak letak dan kajian kesan alam sekitar (Environmental Impact Assessment). Sumber-sumber asli hutan tropika juga terpelihara dan kawasan-kawasan terlindung diisytiharkan seperti rezab hutan, Taman Negara/Negeri dan laut. Dalam hal ini, didapati perhubungan rapat antara Kerajaan Pusat dan negeri adalah penting sekali dan dengan adanya portfolio alam sekitar peringkat Exco hampir di semua Kerajaan Negeri, maka langkah-langkah kawalan dalam pembangunan lebih mudah dilaksanakan.

Pada peringkat antarabangsa pula, penglibatan Malaysia dalam berbagai program alam sekitar makin bertambah. Negara kita telah menganggotai Konvensyen Vienna 1985 mengenai Lapisan Ozon, Montreal Protocol 1987 bagi menghadkan kegunaan klorofluorokarbon yang menipiskan Lapisan Ozon, persidangan-persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam kawalan perubahan iklim dunia, dan forum-forum mengawal pergerakan buangan toksik melampaui sempadan (transboundary pollution) termasuk Konvensyen di Basel. Perjanjian "bilateral" dengan beberapa negara masih juga berterusan di mana bantuan teknik dari negara-negara maju diperolehi untuk pembangunan program-program alam sekitar terutama dalam bidang latihan, kerja penyelidikan dan kajian-kajian khas. Malahan di rantau ini,

kerjasama ASEAN juga meningkat, lebih-lebih lagi dengan terbentuknya "ASEAN Senior Officials on the Environment (ASOEN)" yang telah dilancarkan di Malaysia, iaitu tuan rumah kepada Persidangan ASEAN tentang alam sekitar pada Jun 1990.

Seperti diperakukan bersama di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu, usaha-usaha ke arah alam sekitar sejahtera adalah berlandaskan konsep pembangunan berterusan (sustainable development) dan semua negara-negara terlibat termasuk Malaysia sedang membuat persiapan untuk mengutarakan isu-isu semasa di "United Nations Conference on Environment and Development (UNCED)" di Brazil 1992 nanti.

(d) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak dapat menyekat mana-mana pegawai dan kakitangan yang ingin berhenti untuk menerima tawaran kerja yang lebih menarik dengan gaji yang lebih lumayan di syarikat-syarikat swasta. Walau bagaimanapun untuk mengurangkan kehilangan kakitangan yang berpengalaman di Jabatan Alam Sekitar, usaha sedang dibuat dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengwujudkan lebih banyak jawatan-jawatan baru serta jawatan-jawatan kenaikan pangkat.

(e) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan untuk sisa-sisa toksik akan mula dibina sebaik sahaja tapak yang sesuai dipilih. Kajian yang dijalankan oleh perunding-perunding yang dilantik ini akan merangkumi aspek-aspek sosio-ekonomi di mana pandangan orang ramai akan diambilkira dan dipertimbangkan dengan terperinci.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW
TARIKH	:	26 JUN 1991

SOALAN

Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) kadar pencemaran di Sungai Rajang, Sarawak dan langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pencemaran air ini; dan

(b) kadar pencemaran udara di Sarawak secara umumnya terutama sekali sepanjang tepi Sungai Rajang dari Sibu ke Bawah Assam serta langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah pencemaran udara.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa kini Batang Rajang adalah bebas dari pencemaran organik dan logam berat. Walau bagaimanapun Batang Rajang ini didapati mengandungi kandungan bahan pepejal terampai yang tinggi yang menyebabkan air sungai menjadi kelodak dan berlumpur jika dibandingkan dengan masa-masa yang lepas.

Langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk menjaga kebersihan sungai adalah dengan mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang dan pembentukan garis panduan bagi mencegah hakisan tanah dan kelodakan sungai. Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar sentiasa berusaha dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan dan membaiki kaedah pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk mengelakkan masalah pencemaran, khususnya kelodakan sungai.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pencemaran udara di Negeri Sarawak adalah terkawal. Data pengawasan udara, 1990 menunjukkan

bahawa purata tahunan kandungan habuk terampai yang direkod ialah 48 (mikro gramme) $\mu g/m^3$ dan nialai ini adalah masih rendah dari Garis panduan Tahunan bagi kualiti udara di Malaysia. Tetapi kandungan habuk yang mendap di kawasan Sibu dan persekitarannya, adalah tinggi iaitu 170 mg/m^2/hari, dan ini adalah melebihi Garis panduan yang ditetapkan iaitu 133 mg/m^2/hari.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal masalah pencemaran udara di negara ini pada amnya ialah dengan memperketatkan dan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, mempertingkatkan lagi sistem pengawasan kualiti udara, serta memperketat dan mempertingkatkan pelaksanaan Perintah EIA. Bagi Sibu dan kawasan-kawasan lain, pekilang-pekilang kayu telah diberi masa untuk menggunakan incinerator atau menggunakan semula serpihan dan habuk kayu, dengan bantuan dan kerjasama antara pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan Persatuan Perkayuan Sarawak, dengan izin 'Sarawak Timber Association'.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HARRISON NGAU LIANG
TARIKH	:	26 JUN 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Harrison Ngau Liang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kajian Penilaian Alam Sekitar semestinya dibuat oleh syarikat-syarikat tertentu berhubung dengan kegiatan seperti berikut:-

(a) aktiviti-aktiviti rancangan Skim Pertanian besar-besaran di kawasan Bakong/Tinjar, Baram, Sarawak; dan

(b) aktiviti-aktiviti pembalakan di kawasan Baram

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana pihak tanpa mengira agensi Kerajaan atau swasta yang ingin menjalankan apa-apa aktiviti yang tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987 adalah dikehendaki terlebih dahulu mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling.

Perintah ini yang telah berkuatkuasa pada 1 April 1988 antara lainnya mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang tertakluk di bawahnya menurut jenis atau keluasan tapak projek.

(b) Menurut rekod Jabatan Alam Sekitar sehingga tarikh ini belum ada lagi kajian Penilaian Alam Sekitar yang telah dijalankan untuk aktiviti pertanian dan pembalakan yang dijalankan di mana-mana kawasan di Negeri Sarawak termasuklah di kawasan Bakong/Tinjar dan Baram.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	11 JULAI 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) pemusnahan ekologi dan kesan sampingan terhadap manusia akibat pembinaan Empangan Hidro-elektrik Pelagus di Belaga, Sarawak;

(b) sama ada Kementerian ada menjalankan penyelidikan mengenai penilaian alam sekeliling (EIA) di kawasan itu dan jika ada, bilakah Kerajaan ingin mengumumkan Laporan `EIA' kepada orang ramai; dan

(c) langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menjamin kesihatan serta keselamatan penduduk-penduduk di Bahagian 3,4,6 dan 7 tersebut sekiranya kerajaan tidak ingin mengumumkan Laporan 'EIA' mengenai pembinaan Empangan Hidro-elektrik Pelagus di Belaga, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Empangan Hidroelektrik Pelagus di Belaga, Sarawak tidak ada dalam rekod Jabatan Alam Sekitar, di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Oleh itu pertanyaan-pertanyaan (b) dan (c) Yang Berhormat tidak timbul.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	11 JULAI 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) bagaimanakah kucar-kacir mengenai pembangunan di Pulau Redang berlaku;

(b) mengapa kontraktor berkenaan dibenarkan untuk memulakan kerja sebelum kerja Jabatan Alam Sekitar memproses kajian awal mengenai kesan ke atas alam sekitar;

(c) bagaimanakah pembangunan ini konsisten dengan hakikat bahawa perairan di sekitar pulau tersebut adalah sebahagian dari Taman Marin Malaysia yang pertama; dan

(d) apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengelakkan pemusnahan selanjutnya pada sistem ekologi marin yang mudah rosak di sekitar pulau tersebut.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pihak Jabatan Alam Sekitar, tidak timbul isu kucar-kacir kerana penggerak projek (Redang Island Resort Sdn. Bhd.) mengemukakan laporan kesan-kesan alam sekitar (EIA) seperti yang dikehendaki dan setelah disemak, laporan berkenaan diluluskan dengan beberapa syarat.

(b) untuk makluman Yang Berhormat juga, urusan membenarkan kontraktor memulakan kerja adalah di luar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

(c) Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman mempunyai cadangan untuk memajukan Pulau Redang sebelum undang-undang mengenai penilaian kesan alam sekitar (EIA) berkuatkuasa pada 1 April 1988 dan selepas Pulau Redang diwartakan sebagai Taman Laut di bawah Akta Perikanan, 1985 pada tahun 1985. Kerja-kerja pembangunan dimulakan dengan pembinaan jalan dari kuala ke hulu Sungai Redang pada bulan Mac, 1988. Kerja-kerja pembinaan yang melibatkan pembersihan tanah dan pemotongan bukit diberhentikan pada akhir 1990. Pada Disember 1990, penggerak projek mengemukakan laporan EIA untuk membangunkan sebahagian daripada pulau tersebut sebagai tempat pelancongan dan rekreasi.

(d) Penggerak projek telah mengemukakan Laporan Kajian Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA), selaras dengan kehendak seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Laporan tersebut telah mengambil kira isu-isu alam sekitar serta langkah-langkah kawalan yang terperinci terutama berkaitan pemuliharaan hutan bakau dan terumbu karang serta pemuliharaan ekologi laut dan pulau.

Projek ini melibatkan kawasan seluas 157.9 hektar iaitu lebih kurang sepuluh peratus (10%) daripada jumlah luas kawasan pulau.

Kelulusan laporan EIA telah diberikan dengan beberapa syarat dan satu program untuk mengawas pematuhan syarat-syarat sedang dilaksanakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN
TARIKH	:	11 JULAI 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak dan jika sedar apakah tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang padi di Kedah yang tidak mengikut peraturan berhubung dengan sekam-sekam padi yang mengganggu atau mencemar kampung-kampung atau sekolah-sekolah yang berdekatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, saya sedar bahawa ada kilang-kilang padi di Negeri Kedah Darulaman yang menyebabkan pencemaran kepada penduduk di sekitarnya. Masalah pencemaran timbul disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

(i) Kedudukan kilang yang tidak sesuai kerana terlalu hampir dengan kawasan kediaman, sekolah dan sebagainya.

(ii) Cara-cara dan teknologi pelupusan telahpun wujud tetapi tidak berdaya maju khasnya bagi kilang-kilang sederhana dan kecil.

Tindakan-tindakan telah dan/akan terus diambil terhadap kilang-kilang yang didapati tidak mematuhi kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan berkaitan. Pembakaran terbuka ke atas sekam padi adalah salah satu kesalahan yang lazim dilakukan dan tindakan undang-undang telahpun dan akan terus diambil ke atas mereka-mereka yang terlibat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHAMAD BIN SABU
TARIKH	:	15 JULAI 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Kenapakah Kerajaan tidak bersikap terbuka menerima teguran berhubung dengan isu-isu alam sekitar dan pencemaran daripada pertubuhan alam sekitar, persatuan pengguna dan seumpamanya, sedangkan asas teguran mereka adalah berdasarkan kajian ilmiah; dan

(b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh persatuan-persatuan tersebut khususnya dalam menanggapi permasalahan berikut :-

(i) Pembalakan yang tidak terancang di Malaysia;

(ii) Ancaman sisa radioaktif di Bukit Merah, Perak dan Sepang, Selangor;

(iii) Pencemaran laut di sekitar Juru, Seberang Perai;

(iv) Pencemaran asap kilang-kilang di kawasan perindustrian; dan

(v) Pembuangan sisa-sisa industri ke dalam sungai.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar senantiasa mengamal sikap terbuka dan menimbang teguran-teguran mengenai isu-isu alam sekitar dan pencemaran daripada semua pihak termasuklah agensi-agensi bukan kerajaan.

Kerajaan telahpun mengiktiraf peranan badan-badan bukan kerajaan dengan meminda Seksyen 4 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan memasukkan dua daripada ahli-ahli Majlis Kualiti Alam Sekeliling iaitu majlis tertinggi yang ditubuhkan untuk menasihati Menteri mengenai polisi-polisi alam sekitar dan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dari badan-badan bukan kerajaan. Di samping itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga mengadakan majlis-majlis dialog dengan persatuan-persatuan bukan kerajaan untuk berbincang, bertukar pendapat dan mendapatkan pandangan mereka mengenai aspek-aspek alam sekitar dari semasa ke semasa. Badan-badan bukan Kerajaan juga dijemput mengambil bahagian di dalam pelbagai aktiviti-aktiviti dan program-program alam sekitar seperti perayaan Hari Alam Sekitar, seminar-seminar alam sekitar dan sebagainya.

(b) Bagi menjawab soalan kedua Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa:-

(i) Pembalakan di Malaysia dijalankan mengikut sistem dan perancangan yang terkawal di bawah peruntukan-peruntukan Akta Perhutanan Negara, 1984 yang memperuntukkan antara lain bahawa:-

(a) setiap Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri menyediakan dan melaksanakan pelan pengurusan hutan negeri yang memperuntukkan penebangan yang dibenarkan sama ada dalam bentuk isi-padu atau kawasan mengikut prinsip penghasilan secara berkekalan;

(b) setiap Pengarah Perhutanan Negeri menyediakan dan melaksanakan pelan penghutanan semula;

(c) sebelum apa-apa lesen dikeluarkan, setiap Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri mensyaratkan pemohon melaksanakan:

(i) penandaan di atas tanah kawasan yang dinyatakan di bawah lesen sebagaimana ditentukan oleh pengarah;

(ii) penyediaan pelan pengurusan hutan atau pelan pengusahasilan hutan serta pelan penghutanan semula mengikut cara yang ditentukan oleh pengarah;

Setiap kesalahan dan pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta ini boleh dikenakan hukuman dan penalti sebagaimana diperuntukkan di dalamnya. Walaupun kita mempunyai sistem pengurusan dan pengusahasilan hutan yang lengkap dan tersusun, Kerajaan adalah sentiasa bersikap terbuka ter-

hadap setiap cadangan daripada mana-mana pihak untuk memperbaiki lagi sistem yang sedia ada dan demi menjaga dan memelihara sumber hutan negara secara berterusan.

(ii) Pengendalian sisa radioaktif di Bukit Merah, Perak diawasi sepenuhnya oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) melalui peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984; manakala di Sepang, Selangor pula, sepanjang pengetahuan saya tidak ada sebarang ancaman sisa radioaktif di kawasan tersebut.

(iii) Pencemaran laut di sekitar Juru, Seberang Perai yang masih ketara adalah disebabkan oleh kumbahan dari kawasan-kawasan kediaman dan komersial serta najis ternakan khinzir. Usaha-usaha sedang dipertingkatkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan bagi menyelesaikan masalah pelepasan kumbahan dan najis ternakan khinzir.

(iv) Pencemaran asap oleh kilang-kilang dikawal melalui peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Kilang-kilang diarah memasang alat-alat kawalan pelepasan asap dan bendasing ke udara. Penguatkuasaan dijalankan untuk menentukan pematuhan.

(v) Pembuangan sisa-sisa industri ke dalam sungai adalah dikawal dan dikehendaki mematuhi standad-standad yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan berikut:-

- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 mula berkuatkuasa pada 4 November 1977.

- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 mula berkuatkuasa pada 1 Disember 1978.

- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1979.

- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 yang mula berkuatkuasa pada 1 Mei 1989.

Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya kilang didapati tidak mematuhi mana-mana peruntukan yang ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN GOOI HOCK SENG
TARIKH	:	22 JULAI 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian telah menolak laporan EIA yang telah dibentangkan oleh Berjaya Corporation/Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. berkenaan projek pembangunan di Bukit Bendera. Sekiranya ada, apakah alasannya laporan tersebut ditolak.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menolak laporan awal EIA cadangan pembangunan Bukit Bendera yang dikemukakan oleh Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. pada 1990 kerana konsep pembangunannya melibatkan pembukaan tanah yang luas dan laporan tidak lengkap.

Laporan EIA yang baru berdasarkan konsep pembangunan yang diubahsuai diterima pada 12 Jun 1991 dan sedang dipertimbangkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

SOALAN TAMBAHAN

SOALAN

1. Sejak penguatkuasaan undang-undang EIA, sebutkan bilangan pendakwaan-pendakwaan yang dikenakan ke atas penggerak-penggerak projek yang melanggar undang-undang tersebut.

JAWAPAN

1. Saya memohon menjawab soal Ahli Y.B. seperti yang berikut:

Belum ada kes pendakwaan dikenakan sejak penguatkuasaan undang-undang tersebut.

SOALAN

2. Memandangkan bahawa kebanyakan pelaburan telah berlaku, kenapa hanya 14 bilangan laporan EIA dijalankan?

JAWAPAN

2. Kebanyakan projek pelaburan tersebut tidak memerlukan kajian EIA. Walau bagaimanapun mereka adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak Peraturan-Peraturan lain di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

SOALAN

3. Apa tindakan yang akan diambil terhadap pembalak-pembalak yang menjalankan aktiviti pembalakan tanpa kajian EIA?

JAWAPAN

3. Mengikut peruntukan di bawah Perintah EIA, sesiapa yang dikehendaki menjalankan kajian EIA tetapi tidak berbuat demikian boleh disabitkan kesalahan dan dikenakan denda.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' HJ. MOHD. ABU BAKAR B. RAUTIN IBRAHIM
TARIKH	:	22 JULAI 1991

SOALAN

Y.B. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) adakah Kerajaan menjalankan kajian pencemaran Selat Melaka oleh sebab pembuangan sisa-sisa minyak oleh kapal-kapal laut asing; dan

(b) jika ya, adakah sebarang tindakan yang telah diambil ke atas tuan punya kapal-kapal berkenaan.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, Jabatan Alam Sekitar menjalankan pengawasan air laut di Selat Melaka bagi mendapatkan maklumat kualiti air laut khususnya kandungan minyak/gris di permukaan air dari semua punca termasuk buangan dari kapal-kapal laut asing.

(b) Tindakan yang diambil ke atas tuan punya kapal berkenaan ialah dengan menahan kapal dan menuntut kos perbelanjaan bagi membersihkan sebarang tumpahan minyak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH : 22 OKTOBER 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) definasi dan jenis bagi sisa-sisa toksik, bukan toksik dan radioaktif yang telah dikenalpastikan oleh Kementeriannya;

(b) sebutkan dengan lebih jelas terhadap sisa-sisa tersebut yang akan mendatangkan kesan buruk ke atas alam sekitar negara ini; dan

(c) tapak-tapak yang sesuai telah dikenalpasti untuk dijadikan kawasan pelupusan dan kawasan buangan sisa-sisa tersebut.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Y.B., sisa-sisa toksik didefinasikan di bawah Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989. Terdapat 107 kategori **buangan terjadual** yang disenaraikan. Definasi bagi sisa-sisa radioaktif adalah sepertimana yang terdapat di dalam seksyen 2 Bahagian 1 Akta Pelesenan Tenaga Atom. Manakala sisa-sisa bukan toksik pula tidak dijadualkan di bawah Peraturan-Peraturan yang berkenaan.

(b) Sisa-sisa toksik atau buangan terjadual ini akan mendatangkan kesan buruk ke atas alam sekitar sekiranya buangan ini tidak dikendalikan dengan kaedah pelupusan yang selamat dan terbukti.

(c) Pada masa ini sebuah tapak di Negri Sembilan sedang dikaji dengan terperinci bagi menentukan kesesuaiannya sebagai tapak pengolahan dan pelupusan buangan terjadual.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG WING ON
TARIKH	:	25 OKTOBER 1991

SOALAN

Tuan Wong Wing On minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pihak berkuasa telah dikenalpasti punca sisa-sisa industri bertoksik yang ditemui di Pantai Remis, Negeri Perak Darul Ridzuan beberapa bulan yang lalu, dan juga nyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menjamin kebersihan serta keselamatan kawasan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas di peringkat Daerah Manjung untuk menyiasat dan mengambil tindakan-tindakan wajar berkaitan sisa-sisa industri bertoksik yang ditemui di Pantai Remis, beberapa bulan yang lalu. Jawatankuasa ini telah mengenalpasti tapak pelupusan yang sesuai dan selamat bagi memindahkan sisa-sisa tersebut. Rekabentuk tapak dan cara pelupusan yang akan dijalankan adalah dengan cara yang paling selamat. Selepas sisa-sisa dipindahkan, kawasan yang terlibat akan dibersihkan. Penyiasatan bagi mengenal pasti punca masalah tersebut masih diteruskan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	25 OKTOBER 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah pemindahan teknologi dari negara asing dapat ditunaikan sehingga hari ini; dan

(a) sebutkan jenis teknologi telah dipindahkan kepada rakyat dan syarikat tempatan;

(b) sebutkan negara dan syarikat asing yang telah tunaikan jaminan tersebut;

(c) apakah kesulitan dan kelemahan yang dihadap mengenai proses pemindahan tersebut; dan

(d) apakah tindakan telah, sedang dan akan diambil untuk mencapai matlamat tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Y.B., Malaysia telah banyak menafaat daripada pemindahan teknologi dari negara-negara maju yang telah membenarkan syarikat-syarikat tempatan meningkatkan produktiviti mereka serta mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi dan berteknologi canggih. Juga, proses-proses pengeluaran yang bermutu telah diperkenalkan dan ini telah membuat membolehkan industri-industri kita dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Sebilangan besar pekerja-pekerja telah didedahkan kepada teknologi-teknologi serta teknik-teknik pengurusan moden dari luar negara dan ini sedikit sebanyak telah menyumbangkan kepada pertumbuhan tenaga manusia mahir di negara kita.

(a) Sukacita saya memaklumkan di sini bahawa sebanyak 827 perjanjian pemindahan teknologi telah diluluskan dalam tempoh 1986 sehingga Jun

1991. Kebanyakan daripada jumlah ini adalah terdiri daripada perjanjian-perjanjian bantuan teknik (42%) dan perjanjian-perjanjian pelesenan dan paten (19%). Teknologi-teknologi yang telah diimport meliputi beberapa kumpulan industri termasuk elektrik dan elektronik (23%), kimia dan barangan kimia (15%), barang-barang logam dibentuk (9%) dan sebagainya.

(b) Sebahagian besar perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi yang telah diluluskan dalam tempoh yang sama adalah dengan negara Jepun (42%), United Kingdom (11%) dan Amerika Syarikat (11%). Antara syarikat-syarikat yang telah berjaya berbuat demikian termasuk Matsushita, Motorolla dan Grundig yang mana telah menubuhkan pusat-pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini. Saya tidak dapat membutirkan di sini senarai lengkap syarikat-syarikat yang telah memindahkan teknologi mereka kepada syarikat-syarikat tempatan kerana terlalu panjang.

(c) Pemindahan sesuatu teknologi ini bergantung kepada faktor-faktor seperti adanya bilangan para pekerja mahir, keupayaan pekerja untuk menyerapkan sesuatu teknologi yang baru, tingkatan penggunaan mesin dan jentera sebagainya. Juga, sikap pengurusan terhadap teknologi-teknologi dari luar adalah penting. Pembangunan teknologi akan berkembang sekiranya pengurusan memberi minat dan perhatian penuh terhadap usaha-usaha menyerapkan teknologi-teknologi yang diimport serta mengubahsuaikan dan memperbaikinya untuk keadaan tempatan.

(d) Kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa rancangan ke arah meningkatkan keupayaan teknologi tempatan. Ini adalah kerana pemindahan teknologi dari luar negeri tidak akan berkesan selagi tahap keupayaan teknologi tempatan adalah rendah. Satu Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian telah dilancarkan pada tahun lepas yang bertujuan meningkatkan keupayaan teknikal di kalangan industri-industri kecil dan sederhana. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah $1160 juta khusus untuk membiayai projek-projek penyelidikan dan pembangunan secara langsung serta projek-projek pembangunan kemudahan infrastruktur fizikal dan pembangunan sumber manusia yang berkaitan. Peruntukan besar ini bertujuan meningkatkan keupayaan institusi-institusi penyelidikan awam di negara ini agar dapat memainkan peranan yang lebih aktif lagi bagi membantu industri khususnya industri kecil dan sederhana dalam perolehan, penyerapan dan pengubahsuaian teknologi dari luar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BIN OMAR
TARIKH : 25 OKTOBER 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) langkah-langkah segera dan jangka panjang yang telah diambil untuk mengenalpasti kawasan atau zon pelupusan sisa toksid dan bukan toksid di seluruh negara;

(b) apakah kajian yang telah dibuat bagi mengenalpasti tahap ancaman bahaya sisa toksid di negara ini dan mengikut kajian Kementerian, terangkan kedudukan sebenar ancaman sisa toksid di negara ini; dan

(c) sebagai perbandingan, nyatakan kesan ancaman sisa toksid negara ini di kalangan negara-negara ketiga di dunia.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Alam Sekitar telahpun menjalankan kajian mengenai tapak-tapak yang berpotensi untuk dijadikan tapak pelupusan buangan terjadual di negara ini sejak tahun 1981 lagi. Sehingga kini sebanyak lebih kurang 90 buah tapak telah disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar sendiri dan dengan kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri. Beberapa tapak yang berpotensi telah dikenalpasti. Kajian EIA sedang dijalankan ke atas satu daripada tapak-tapak tersebut. Untuk jangkamasa panjang, usaha yang sama sedang dan akan diteruskan. Berhubung dengan sisa-sisa bukan toksik, ianya dilupuskan di tapak-tapak pelupusan yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan.

(b) Mengikut kajian menyeluruh yang dijalankan pada tahun 1987, sejumlah lebih 380,000 meter padu buangan terjadual dikeluarkan setahun oleh lebih

kurang 1,000 pengeluar buangan. Daripada jumlah ini 70 peratus telah mengisytiharkan kepada Jabatan Alam Sekitar tentang jenis, jumlah kuantiti dan kaedah pelupusan yang diamalkan, manakala 30 peratus masih belum berbuat demikian. Jabatan Alam Sekitar akan terus menjalankan penguatkuasaan dari semasa ke semasa ke premis pengeluar-pengeluar yang berkenaan bagi mempastikan bahawa buangan ini dikendalikan dengan kaedah yang dibenarkan supaya ianya tidak memberi sebarang ancaman kepada alam sekitar.

(c) Pengurusan buangan terjadual di negara ini adalah terkawal. Semua aspek pengurusan telah diambil kira oleh Kerajaan. Peraturan-peraturan bagi mengawal masalah pelupusan buangan terjadual telah diwujudkan dan berkuatkuasa. Usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi menubuhkan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. Negara Malaysia adalah di antara sebilangan kecil negara-negara sedang membangun yang telah mengujudkan perundangan dan pengurusan buangan terjadual.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN GOOI HOCK SENG
TARIKH	:	25 OKTOBER 1991

SOALAN

Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan memandangkan perluasan penentangan orang-orang awam terhadap projek Bukit Bendera, bersedia untuk menolak laporan EIA Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. dan projek tersebut keseluruhannya kerana kesan yang serius dan negatif terhadap ekologikal dan sosial.

JAWAPAN

Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menerima lebih kurang 1300 ulasan bertulis daripada orang awam dan persatuan-persatuan mengenai bantahan terhadap cadangan pembangunan projek oleh Bukit Pinang Leisure Sdn. Bhd. di Bukit Bendera, Pulau Pinang. Jabatan Alam Sekitar juga telah menubuhkan Panel Pengulas Laporan EIA, bagi tujuan meneliti aktiviti-aktiviti dan langkah-langkah kawalan yang dicadangkan di dalam Laporan EIA tersebut. Panel telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga kali dan setakat ini, rumusan sedang dirangka untuk ketetapan Panel ini di mesyuaratnya yang dijadualkan pada awal bulan Disember 1991 ini. Panel ini dalam rumusannya akan mengambil kira semua ulasan yang diterima.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. V. DAVID
TARIKH	:	31 OKTOBER 1991

SOALAN

Dr. V. David minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada di Negeri Selangor ada tempat buang sisa toksik (toxic waste dump) dan jika ada, sila nyatakan tempat di mana ianya terletak;

(b) sama ada cadangan untuk menambahkan `toxic waste dump' di Selangor dan jika ada, di mana ianya akan diletak dan bilakah dijangka akan dibina; dan

(c) sama ada kos pembinaan tempat buang sisa toksik ini akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Negeri Selangor belum ada tapak yang dibina untuk melupus buangan terjadual;

(b) Oleh kerana di Negeri Selangor belum ada tapak pelupusan buangan terjadual, maka soalan (b) adalah tidak berbangkit; dan

(c) Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya pembinaan tapak pelupusan buangan terjadual dilaksanakan oleh pihak swasta dengan kos pembinaannya ditanggung sepenuhnya oleh swasta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHAMAD BIN SABU
TARIKH	:	6 NOVEMBER 1991

SOALAN

Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa kilang Fermpro Sdn. Bhd di Perlis yang mengeluarkan bahan kimia ethanol telah ditenggelami banjir pada penghujung Julai 1991;

(a) Sebanyak manakah kerosakan tanaman padi dan lain-lain akibat dari limpahan kimia dari kilang tersebut;

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk membayar gantirugi kepada para petani yang mengalami kerosakan tanaman akibat limpahan kimia tersebut; dan

(c) apakah langkah Kerajaan untuk menjamin limpahan kimia seperti itu tidak berulang lagi pada masa akan datang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains,Teknologi dan Alam Sekitar tidak ada menerima sebarang aduan atau maklumat lanjut berhubung dengan perkara:

(a) iaitu banjir pada penghujung Julai, 1991.

(b) berhubung dengan hal gantirugi tidak timbul.

Mengenai perkara (c) kilang Fermpro Sdn. Bhd. di Perlis, Jabatan Alam Sekitar telahpun mengarahkan kilang supaya membina loji pengolahan bagi mengawal effluennya setelah Jabatan Alam Sekitar menjalankan penyiasatan berikutan aduan orang ramai pada tahun 1990. Loji yang sedang dibina ini dijangka beroperasi pada bulan Disember, 1991 ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD
TARIKH	:	11 NOVEMBER 1991

SOALAN

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) berapakah jumlah kes kesalahan membuang sisa toksik yang terdapat di negara ini sejak tiga tahun yang lalu. Berikan butiran terperinci mengenai seperti tempat, bentuk kesalahan, nama syarikat dan apa pula bentuk hukuman yang dikenakan; dan

(b) apakah pihak Kementerian mempunyai cukup pegawai penguatkuasa untuk mempastikan kesalahan seperti di atas dapat dikawal dan diambil tindakan. Jika tidak, apakah cadangan Kementerian untuk mengawal masalah pencemaran dan pembuangan sisa toksik secara haram ini.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 setakat ini adalah sebanyak 2 kes sahaja.

Kedua-dua kes kesalahan tersebut berlaku di kawasan Perindustrian Shah Alam, Selangor Darul Ehsan oleh Syarikat Tetuan Swilynn (M) Sdn. Bhd. dan Corro Coat (M) Sdn. Bhd. Masing-masing telah dikenakan kompoun berjumlah $1,000.00 bagi tiap-tiap syarikat.

(b) Jabatan Alam Sekitar sedang berurusan dengan SPA bagi pengambilan kakitangan tambahan untuk mempertingkatkan lagi aktiviti penguatkuasaan. Kementerian sedang mengambil langkah untuk mempertingkatkan pengurusan dan penguatkuasa seperti berikut:

(i) meningkat program pendidikan dan sebarang maklumat;

(ii) menggalakkan penggunaan teknologi bersih;

(iii) menggalakkan penggunaan semula bahan buangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW
TARIKH : 12 NOVEMBER 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerian tersebut sudah mempunyai penyelesaian terhadap pencemaran air dan udara yang teruk itu di kawasan Sibu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan pencemaran air dan udara yang masih berlaku di kawasan Sibu dan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor.

Aktiviti pembalakan dan kilang-kilang kayu yang terletak di tebing sungai melupuskan buangan terus ke dalam sungai. Masalah ini akan dapat diselesaikan sekiranya kilang-kilang tersebut mempunyai sikap yang lebih bertanggungjawab menguruskan buangan dengan lebih teratur.

Kandungan *E. coli* yang tinggi di dalam air sungai adalah disebabkan pelupusan kumbahan dari kawasan perbandaran dan najis ternakan secara terus tanpa pengolahan ke dalam sungai. Pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti pihak berkuasa tempatan dan pengusaha ternakan perlu menyediakan loji-loji pengolahan untuk mengolah kumbahan dan effluen yang dimaksudkan.

Pencemaran udara di kawasan tersebut pula diakibatkan oleh kilang-kilang yang menggunakan "incinerator" yang mempunyai rekabentuk yang tidak mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Masalah-masalah pencemaran ini bertambah teruk disebabkan sebahagian besar kilang kayu wujud di kawasan yang berdekatan dengan kawasan perumahan atau perkampungan.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak sedang giat berusaha untuk mendapatkan kerjasama pengusaha-pengusaha kilang di kawasan berkenaan untuk mempertingkatkan kawalan pencemaran masing-masing. Setakat ini Jabatan berkenaan telah mengambil tindakan undang-undang termasuk mengkompoun kilang-kilang yang didapati melanggar peraturan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD
TARIKH	:	13 NOVEMBER 1991

SOALAN

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah pihaknya sedar bahawa sebilangan besar pengusaha tekstil di Batu Pahat, Johor, khususnya yang terbabit dengan proses mencelup tekstil telah mencemarkan air di sekitar kawasan kilang mereka. Apakah tindakan yang sudah diambil dan apa pula langkah pencegahan selanjutnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian menyedari mengenai masalah pencemaran air di Batu Pahat, Johor khususnya dari kilang-kilang tekstil.

Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya untuk mengawal masalah pencemaran yang dihadapi. Kilang-kilang yang terlibat telah juga diberi notis untuk memasang loji-loji pengolahan effluen supaya effluen mereka dapat mematuhi standard-standard yang ditetapkan. Di samping itu Jabatan Alam Sekitar juga telah bekerjasama dengan pihak-pihak lain seperti Majlis Daerah Batu Pahat dan Tenaga Nasional di dalam menyelesaikan masalah ini.

Jabatan Alam Sekitar sedang berurusan dengan SPA bagi pengambilan kakitangan tambahan untuk mempertingkatkan lagi aktiviti penguatkuasaan. Kementerian sedang mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan pengurusan dan penguatkuasaan seperti berikut:

(i) meningkat program pendidikan dan sebaran maklumat;

(ii) menggalakkan penggunaan teknologi bersih;

(iii) menggalakkan penggunaan semula bahan buangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ABD. HADI BIN HAJI AWANG
TARIKH : 14 NOVEMBER 1991

SOALAN

Tuan Haji Abd. Hadi bin Haji Awang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan alasan-alasan yang telah dikemukakan sehingga mengizinkan Kerajaan Negeri Terengganu melaksanakan projek pembangunan di Pulau Redang yang dikendalikan oleh Redang Island Resort sedangkan:

(a) Perairan Pulau Redang telah diisytiharkan sebagai Taman Laut di bawah Akta Perikanan (Pindaan 1985);

(b) Beberapa pakar saintis termasuk Jabatan Perikanan sendiri telah mengumumkan pendapat mereka bahawa projek sebegini ini pulau tersebut jelas akan mengancam status Taman Lautnya akibat daripada hakisan tanah, pemendapan sungai dan laut, pembuangan sisa-sisa kimia, pemusnahan hutan bakau dan sebagainya;

(c) Kerajaan Negeri Terengganu sendiri pada suatu ketika yang lalu telah membuat keputusan untuk mengekalkan Pulau Redang sebagai Taman Negeri (State Park) selaras dengan statusnya sebagainya Taman Laut; dan

(d) Jabatan Perikanan sendiri telah mengemukakan bantahan mereka terhadap projek Redang Island Resort.

JAWAPAN

Kelulusan bagi sebarang pembangunan projek adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini. Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, hanya memperuntukkan bahawa sebarang aktiviti yang ditetapkan bawah Akta ini hendaklah menjalankan kajian Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) dan mengemukakan laporan tersebut kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Ketua Pengarah selepas meneliti laporan tersebut dan mendapati ia memenuhi kehendak

Seksyen 34A adalah dikehendaki supaya meluluskan laporan tersebut dengan atau tanpa syarat. Kelulusan laporan EIA bagi pembangunan Redang Island Resort dikemukakan kepada pihak berkuasa meluluskan projek yang relevan iaitu Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman pada 15 Mac 1991.

Dalam mempertimbangkan laporan EIA, antara perkara utama yang diambilkira ialah langkah-langkah kawalan dan tebatan untuk mengurangkan kesan-kesan yang tidak diingini termasuk hakisan tanah dan pemendapan sungai dan laut, ke tahap yang dapat diterima. Dalam hal ini, kelulusan Laporan EIA telah diberikan setelah Jabatan Alam Sekitar berpuas hati dengan langkah-langkah kawalan yang dicadangkan dan syarat-syarat kelulusan dikenakan kepada pemaju. Jabatan Alam Sekitar juga tidak menerima bantahan daripada Jabatan Perikanan malah mengambilkira nasihat teknikal Jabatan berkenaan dalam merangka dan melaksanakan program-program pengawasan pelaksanaan projek.

Pengwartaan Enakmen Taman Negeri adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan setahu saya setakat ini, Pulau Redang tidak diisytiharkan sebagai Taman Negeri. Enakmen tersebut belum lagi diwartakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HOCK SENG
TARIKH : 25 NOVEMBER 1991

SOALAN

1. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan perkara-perkara yang berikut:-

   (a) bilangan laporan EIA yang diciplak dan dikesani oleh DOE dan untuk menamakan perunding-perunding yang terlibat;

   (b) sama ada perunding-perunding yang terlibat akan disenaraihitamkan; dan

   (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan peringkat penyeliaan terhad terhadap projek-projek EIA yang diluluskan akan diperbetulkan dengan segera.

JAWAPAN

1. (a) Setakat ini tiada apa-apa aduan menciplak laporan EIA diterima daripada pihak ketiga atau "third party" dengan izin mahupun dikesan oleh Jabatan Alam Sekitar.

   (b) Sekiranya dapat dikenalpastikan mana-mana perunding terlibat di dalam menciplak laporan EIA, tindakan sewajarnya, termasuklah menyenaraihitam perunding berkenaan, akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar.

   (c) Pada umumnya, di dalam mengendalikan laporan EIA mana-mana projek, Jabatan Alam Sekitar membenarkan orang awam meneliti laporan EIA berkenaan untuk ulasan sewajarnya (public document).

   Walau bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar mempunyai kuasa budibicara untuk menetapkan klasifikasi sebahagian daripada laporan EIA berkenaan, dari semasa ke semasa tertakluk kepada:-

   (i) tahap kepentingan keselamatan negara (national security) sesuatu projek tertentu; dan

   (ii) fakta-fakta teknikal yang dikemukakan di dalam laporan EIA berkenaan.

   Dengan klasifikasi ini, bahagian tersebut tidak boleh dipamerkan untuk rujukan orang awam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG
TARIKH	:	26 NOVEMBER 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan;

(a) kenapa Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang efektif untuk pembuangan (dumping and disposal) sisa toksik (toxic waste) di mana telah menjejaskan kesihatan orang awam dan keadaan alam sekitar; dan

(b) adakah Kerajaan bertujuan untuk mengambil tindakan yang keras untuk menghalang aktiviti-aktiviti pembuangan sisa toksik di Malaysia; jika ya, sila berikan butir-butir tindakan yang diambil, jika tidak, berikan sebab-sebabnya.

JAWAPAN

(a) Dakwaan Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar, sebaliknya Kerajaan adalah memberikan perhatian serius ke atas pengurusan buangan terjadual di Malaysia. Langkah-langkah mengawal pelupusan buangan terjadual ini sedang dijalankan melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan. Kerajaan juga menggalakkan dan memberi insentif-insentif tertentu kepada pihak-pihak swasta yang terlibat di dalam aktiviti menubuhkan kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. langkah-langkah ini membolehkan buangan-buangan terjadual dikendali dan terkawal dan selamat.

(b) Kerajaan sememangnya mengambil tindakan yang keras terhadap pelupusan buangan terjadual di tempat-tempat yang tidak dilulus dan dilesenkan. Untuk memastikan pelupusan buangan terjadual tidak dilakukan dengan sewenangnya, pekilang-pekilang diarah menstor dan menyimpan rekod terperinci untuk setiap jenis buangan. Pemeriksaan ke kilang-kilang dijalankan untuk memastikan bahawa mereka mematuhi kehendak undang-undang sepenuhnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW
TARIKH : 26 NOVEMBER 1991

SOALAN 19

1. **Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan telah melancar untuk melawan kempen anti Malaysia atas dasar alam sekitar, dan kalau sudah, bagaimana.

JAWAPAN

1. Sepanjang pengetahuan Kementerian ini kempen anti Malaysia atas dasar alam sekitar itu tidak wujud. Walau bagaimanapun kita sedang berusaha di peringkat antarabangsa untuk memperkenalkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar. Kerajaan juga mengambil bahagian dalam persidangan serantau dan antarabangsa seperti berikut :

   (i) "Montreal Protocol" tentang Klorofluorokarbon atau CFC (perosak lapisan ozon);

   (ii) Konvensyen tentang Perubahan Iklim;

   (iii) Mesyuarat badan antarabangsa selain dari "United Nations Environment Programme" atau UNEP, seperti ESCAP dan UNIDO, dalam menyediakan usul masing-masing ke Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) yang akan diadakan di Brazil, Jun 1992; dan

   (iv) Mesyuarat "ASEAN Senior Officials on the Environment (ASOEN)" di mana Malaysia sebagai Pengerusi telah mengumpulkan pendirian sesama ASEAN tentang isu alam sekitar sedunia.

2. Bagi membanteras tuduhan-tuduhan tentang pemusnahan hutan, satu laporan telah diterbitkan oleh Kementerian saya bertajuk "An Initiative for

the Greening of the World" yang bertujuan membentangkan di UNCED fakta-fakta tentang kehijauan yang ujud sedunia, memberi keseimbangan kepada tanggapan masa kini yang agak berat sebelah dan negatif terhadap negara-negara membangun, dan mengemukakan usul-usul tertentu untuk dilaksanakan oleh negara-negara maju dan membangun bagi membendung pemusnahan hutan.

3. Untuk menyelaras usaha-usaha ke UNCED, dan menyediakan pendirian negara, Kerajaan telah mengwujudkan Jawatankuasa Pemandu UNCED yang diurusetia oleh Kementerian Luar Negeri. Usaha terbaharu Malaysia ke arah yang sama adalah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Kedua Peringkat Menteri di Kalangan Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan pada penghujung bulan April 1992. Persidangan ini merupakan susulan kepada Persidangan Pertama di Beijing awal tahun ini, yang telah berjaya membulat-suarakan negara-negara membangun ke arah Deklarasi Beijing tentang Alam Sekitar dan Pembangunan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. AFFIFUDDIN BIN HJ. OMAR
TARIKH : 27 NOVEMBER 1991

SOALAN

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah sebenarnya faktor yang menyebabkan sekitar Lembah Klang berjerebu terus di masa tertentu pada tiap-tiap tahun. Sebelum ini 'open burning' dikatakan punca utama. Tetapi selepas pengawalan diadakan keadaan berjerebu ini makin menjadi-jadi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah udara berjerebu yang kadangkala dialami di sekitar Lembah Klang adalah disebabkan oleh kehadiran pencemar-pencemar udara di atmosfera yang stabil yang berlaku terutamanya dalam musim kemarau. Oleh kerana keadaan semulajadi muka bumi di kawasan Lembah Klang ini, pencemar-pencemar berkenaan kekal berada dalam udara pada tempoh tertentu sehinggalah terdapat arus angin yang mampu menyerakkan ke kawasan-kawasan lain ataupun terdapat hujan yang lebat yang boleh memendakkannya ke bumi.

Keadaan udara berjerebu menjadi serius pada masa-masa tertentu seperti kejadian yang berlaku pada bulan September dan Oktober 1991 baru-baru ini, sebahagian besar adalah disebabkan oleh faktor luaran, iaitu kejadian kebakaran hutan dan pokok-pokok tanaman di kawasan Kalimantan dan Sumatera, Indonesia.

Walau bagaimanapun punca-punca tempatan seperti pelepasan asap dari kenderaan bermotor, aktiviti perindustrian dan pembakaran terbuka dari tapak-tapak pelupusan sampah sarap adalah juga punca kepada masalah udara berjerebu menjadi lebih serius terutama di kawasan Lembah Klang.

Untuk mengatasi masalah ini Kerajaan sedang berusaha sedaya upaya dengan memperketatkan lagi undang-undang terhadap aktiviti pembakaran terbuka, pelepasan asap dari kenderaan-kenderaan bermotor dan kilang-kilang.

Selain daripada itu Kerajaan juga sedang menimbang untuk mengadakan satu sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkesan terutamanya di kawasan Lembah Klang ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. ABD. HAMID B. HJ. ABD. RAHMAN
TARIKH	:	28 NOVEMBER 1991

SOALAN

Tuan Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) berapakah tahap pencemaran udara dan air di negara kita mengikut Ukuran Antarabangsa terutamanya di estet perindustrian; dan

(b) kebelakangan ini kadar pencemaran sungai-sungai makin meningkat. Sungai-sungai manakah yang telah dikenalpasti dan bagaimanakah tahap pencemarannya, dan apakah struktur-struktur cemaran yang membahayakan dan kesannya kepada pengguna; dan

(c) apakah langkah-langkah penguatkuasaan Kerajaan untuk membendung dan mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

(a) pada umumnya, tahap pencemaran udara dan air di negara ini termasuk estet-estet perindustrian adalah terkawal, walaupun terdapat beberapa kawasan didapati agak tercemar.

(b) Berdasarkan kepada data pengawasan kualiti air sungai yang dipungut oleh Jabatan Alam Sekitar, didapati ada setengah sungai yang mana pencemarannya meningkat, tetapi ada juga sungai yang keadaannya adalah lebih baik. Di antara sungai-sungai yang tahap pencemarannya meningkat ialah seperti Sungai Benut, Sungai Sepang, Sungai Iban, Sungai Pontian Besar dan Sungai Kelang. Dan di antara sungai-sungai yang bertambah baik ialah Sungai Juru, Sungai Buloh, Sungai Kemaman, Sungai Merbok, Sungai Kedah dan Sungai Langat. Untuk menjimatkan masa butir-butir lanjut terdapat dalam Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar yang terakhir, dan saya dengan sukacitanya boleh menyerahkan senaskah kepada Ahli Yang Berhormat untuk rujukan.

Pada keseluruhannya, sungai-sungai yang terjejas akibat pencemaran ini masih boleh digunakan untuk tujuan pengairan pertanian, dan rekreasi. Walau bagaimanapun ianya tidak sesuai untuk digunakan bagi tujuan mandi-manda dan minuman tanpa dirawat terlebih dahulu.

(c) Bagi mengawal pencemaran di negara ini, Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN KERK KIM HOCK
TARIKH	:	28 NOVEMBER 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejak 1.9.91:

(a) berapakah kes pembuangan sisa-sisa toksik secara haram oleh kilang-kilang di pantai laut telah dikesan, mengikut pecahan negeri;

(b) di manakah tempat-tempat pembuangan berlaku;

(c) nama kilang-kilang yang terlibat dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 2 kes pembuangan buangan terjadual yang dapat dikesan berlaku di kawasan pantai laut negara iaitu di Pantai Remis, Perak Darul Ridzuan dan di Tanjung Penggelih, Johor Darul Takzim. Adalah disyaki pelupusan di Pantai Remis berpunca dari kilang, manakah kejadian di Tanjung Penggelih dipercayai berpunca dari kapal tangki minyak. Penyiasatan masih diteruskan bagi kedua-dua kejadian di Pantai Remis dan di Tanjung Penggelih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	2 DISEMBER 1991

SOALAN

Y.B. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Adakah suatu pungutan suara awam telah dijalankan ke atas kesan Taman Marin Pulau Redang yang dijalankan oleh pembangunan pelancongan di Pulau tersebut sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta Kualiti Persekitaran (Pindaan 1981);

(b) Apakah yang telah dilakukan ke atas aduan tentang pembasmian hutan di atas pulau yang berkenaan, pemendapan dan pencemaran terumbu karang di sekitar pulau tersebut, yang merupakan akibat kerja pembangunan pelancongan;

(c) Adakah benar bahawa kampung-kampung di atas pulau tersebut telah dipindah-alihkan kerana mereka dianggap "menjolok mata" para pelancongan; dan

(d) Apakah yang telah dilakukan sejak WWF Malaysia mendakwa bahawa: Walaupun Pulau Redang telah menjalani EIA, tetapi persekitaran di situ masih hebat diganggui oleh pembangunan ke atas pulau tersebut; tiada data pengujian persekitaran yang dapat memastikan bahawa cadangan di laporan EIA diikuti secara tegas.

JAWAPAN

(a) Tidak ada pungutan suara awam yang dijalankan mengenai kesan pembangunan pelancongan di Pulau Redang dan tidak ada peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 1985) yang menghendaki pungutan suara awam diadakan.

(b) Aduan berkenaan telah disiasat dan didapati tidak benar. Dari pengawasan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dan pihak Konsultan didapati setakat ini tiada berlaku sebarang pemendapan yang berlaku di atas terumbu karang di bawah rumah penduduk kampung atas air telah lama berlaku disebabkan oleh aktiviti-aktiviti harian penduduk setempat kampung tersebut.

(c) Pemindahan penduduk-penduduk Kampung Pulau Redang ke Hulu Redang adalah projek Kerajaan Negeri Terangganu Darul Iman dan tidak merupakan sebahagian daripada projek rekreasi dan pelancongan yang sedang dilaksanakan oleh Redang Island Resort Sdn. Bhd.

(d) Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak berkuasa meluluskan projek-projek pembangunan ialah Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab memberi nasihat dari segi pengurusan alam sekitar. Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar hanya meluluskan laporan EIA bagi pembangunan Parcel IV sahaja yang melibatkan kawasan seluas 157.9 hektar untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi termasuk padang golf. Di antara syarat kelulusan ialah keperluan pemaju menjalankan kerja-kerja pengawasan dan menunjukkan bukti pematuhan syarat kelulusan seperti yang ditetapkan di bawah sub-seksyen (7) seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Selain daripada pengawasan oleh pihak pemaju, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perikanan dan Persatuan Alam turut menjalankan kerja-kerja pengawasan. Setakat ini, Jabatan alam sekitar berpuas hati dengan langkah-langkah kawalan yang diambil dan data pengawasan menunjukkan bahawa keadaan masih terkawal.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. NAWAWI MAT AWIN
TARIKH	:	3 DISEMBER 1991

SOALAN

Dr. Nawawi Mat Awin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sama ada kajian telah dibuat tentang sumbangan negara-negara dalam dunia ini terhadap pencemaran alam sekitar, termasuk `ozone layer' yang lalu disebut-sebut, sama ada pencemaran kimia atau lain-lain; dan

(b) jika ada, sama ada Kerajaan akan menyebarkan hasil kajian itu supaya seluruh dunia mengetahui senarai mereka-mereka yang benar-benar bertanggung-jawab atas pencemaran alam ini.

JAWAPAN

(a) Pada umumnya masalah pencemaran alam sekitar berlaku bilamana negara-negara di dunia mula membangun khususnya di dalam aktiviti perindustrian masing-masing. Sebagai contoh negara-negara perindustrian yang mempunyai bilangan penduduk sejumlah hanya 25 peratus penduduk dunia adalah merupakan negara-negara yang bertanggungjawab ke atas pelepasan 75 peratus karbon dioksida dunia. Dari segi per kapita pelepasan karbon negara-negara perindustrian seperti Kanada dan Amerika Syarikat, pelepasannya melebihi 4 tan metrik setahun. Sebaliknya negara-negara membangun hanya mengeluarkan kurang dari setengah tan metrik per kapita karbon. Angka-angka tersebut dipetik dari kenyataan oleh Dr. Mostafa Tolba, Pengarah Eksekutif Program Alam Sekitar Bangsa-Bangsa Bersatu.

Penipisan lapisan ozon adalah disebabkan oleh kesan-kesan perindustrian negara-negara maju akibat penggunaan bahan-bahan CFC dan Halon. Negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom adalah di antara negara-negara pengeluar dan pengguna utama bahan-bahan tersebut. Perkara ini terbukti apabila kajian saintifik menunjukkan bahawa penipisan lapisan ozon berlaku di kutub utara dan kutub selatan.

(b) Bagi menjawab soalan (b), setakat ini Kerajaan Malaysia sendiri masih belum menjalankan apa-apa kajian terhadap sumbangan pencemaran oleh negara-negara lain di dunia. Walau bagaimanapun maklumat-maklumat ini telah pun wujud dan tersebar luas. Malaysia menggunapakai maklumat tersebut di dalam rundingan-rundingan antarabangsa seperti "United Nations Conference on Environment and Development (UNCED)" dan rundingan mengenai "Framework Convention on Climate Change (FCCC)".

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN
TARIKH	:	10 DISEMBER 1991

SOALAN

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kerajaan mengawal hospital-hospital Kerajaan dan swasta yang menggunakan bahan radioaktif dan sinar x di dalam perubatan seperti X-Ray dada, gigi dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Penggunaan bahan-bahan radioaktif dan radas penyinaran oleh hospital-hospital dan klinik swasta di negara ini adalah dikawal melalui proses pengeluaran lesen oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengikuf kehendak-kehendak undang-undang yang termaktub di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984. Manakala bagi hospital-hospital dan klinik Kerajaan pula kawalan penggunaan bahan-bahan radioaktif dan radas penyinaran dibuat melalui kaedah-kaedah pentadbiran seperti pengeluaran garis panduan serta menyedia dan menjalankan program-program kawalan mutu di tiap-tiap hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang berusaha untuk meminda Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 bagi membolehkan hospital Kerajaan dikawal di bawah Akta tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. PUAN ROHANI ABD. KARIM
TARIKH	:	10 DISEMBER 1991

SOALAN

Puan Rohani Abd. Karim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tentang pelaksanaan kerja-kerja pembersihan Sungai Sarawak dan sungai-sungai lain seperti Sungai Tabuan yang sangat kotor serta tercemar. Keadaan sungai ini membimbangkan dan akan menjejaskan imej negeri Sarawak khasnya, bagi Bandaraya Kuching dalam tarikan pelancongan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar ada menjalankan pengawasan kualiti air di Sungai-Sungai Negeri Sarawak.

Berdasarkan kepada keputusan analisa contoh air sungai yang diambil dari sungai-sungai di sekitar daerah Kuching, adalah didapati bahawa paras 'Coliform' dan *'E. coli'* adalah tinggi dan melebihi Piawai Kebangsaan bagi Kualiti Air di Malaysia.

Punca masalah pencemaran ini adalah dari kumbahan mentah dan kumbahan yang separa diolah yang dilepaskan ke dalam sungai-sungai.

Walau bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai sebarang stesen pengawasan di Sungai Tabuan pada masa ini. Langkah-langkah akan diambil untuk menubuhkan stesen pengawasan di sungai tersebut supaya penilaian kualiti air dapat dijalankan dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan kerja-kerja pembersihan sungai, sepanjang pengetahuan saya Kerajaan Sarawak sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi melaksanakan program ini bagi mempastikan imej Bandaraya Kuching akan terus kekal sebagai pusat tarikan pelancong.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN
TARIKH	:	11 DISEMBER 1991

SOALAN

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Berapa banyakkah industri di Malaysia yang menggunakan bahan radioaktif.

(b) Berapa ramaikah pekerja yang bekerja di dalam industri-industri tersebut; dan

(c) Sudahkah industri-industri tersebut mendapat lesen yang sah daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Sehingga Oktober 1991 ada 17 bidang industri semuanya yang menggunakan bahan radioaktif.

(b) Bilangan pekerja yang terlibat pada Oktober 1991 adalah 1592 orang.

(c) Semua kilang tersebut telah dilesenkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN
TARIKH	:	11 DISEMBER 1991

SOALAN

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat manakah Kementerian mengambil langkah-langkah menentukan supaya alam sekitar dijaga rapi dalam perkara-perkara tersebut di bawah ini :-

(a) Bila kilang-kilang didirikan;

(b) Bila rumah mahal, murah dan "condominium" didirikan;

(c) Bila kereta motor mengeluarkan asap berlebihan; dan

(d) Bila hutan belantara diberi kepada pembalakan-pembalakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah ambil langkah-langkah seperti berikut terhadap:-

(a) **Kilang-Kilang**

Pekilang mestilah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Jabatan Alam Sekitar dari segi:

(i) Laporan EIA yang diluluskan jika kilang tersebut adalah satu aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987;

(ii) Kelulusan tapak; dan

(iii) Kebenaran bertulis bagi alat-alat pembakaran, cerobong dan sistem kawalan pencemaran.

(b **Rumah-rumah mahal, murah dan "Condominium"**

Pemaju mestilah terlebih dahulu mendapatkan juga kelulusan Jabatan Alam Sekitar dari segi :-

(i) Laporan EIA yang diluluskan bagi projek-projek perumahan semua jenis yang keluasan tanahnya ialah 50 hektar atau lebih; dan

(ii) Bagi projek-projek perumahan yang kecil dan melebihi 30 unit rumah, kebenaran bertulis dari Jabatan Alam Sekitar [seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979].

(c) **Kereta motor mengeluarkan asap**

Kenderaan bermotor yang mengeluarkan asap adalah dikawal dengan penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 yang diwartakan di bawah Ordinan Kenderaan Bermotor 1952. Penguatkuasaan kaedah-kaedah ini dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalanraya dengan sokongan daripada pihak Polis dan Jabatan Alam Sekitar.

(d) **Pembalakan**

Pemohon lesen pembalakan yang seluas 500 hektar atau lebih perlu membuat kajian EIA dan mendapatkan kelulusan laporan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar, sebelum menjalankan aktiviti tersebut. Semasa aktiviti pembalakan dijalankan, Jabatan Perhutanan perlu menguatkuasakan juga syarat-syarat tentang alam sekitar termasuk langkah-langkah pengawalan hakisan tanah dan kelodakan sungai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	17 DISEMBER 1991

SOALAN

Y.B. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Sama ada beliau sedar akan masalah alam sekitar khasnya yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan pendalaman di Sarawak akibat kegiatan pembalakan yang tidak terkawal;

(b) Kalau ya, mengapa Kerajaan berkeputusan tidak ingin menghadiri Sidang Kemuncak Alam Sekitar Sedunia tahun depan di Brazil yang dikelolakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu tentang masalah alam sekitar dunia; dan

(c) Dengan memilih tidak ingin menghadiri Sidang Kemuncak tersebut, bagaimanakah Kementerian dapat menyelesaikan masalah alam sekitar ini yang dihadapi oleh rakyat bumi Sarawak yang selama ini tertindas.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), semua kegiatan pembalakan di Negeri Sarawak adalah dikawal melalui pemberian lesen pembalakan oleh pihak berkuasa berkenaan dengan syarat-syarat tertentu termasuk kawalan alam sekitar. Masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk pendalaman di Sarawak telahpun diambilkira semasa permohonan lesen pembalakan itu dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan.

Berasaskan jawapan soalan (a), masalah yang dinyatakan di soalan (b) dan (c) adalah tidak timbul.

1992
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	28 APRIL 1992

SOALAN:

1. **Tuan Lau Dak Kee** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan Malaysia telah dapat lebih 1000 daripada kira-kira 1300 pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di seluruh dunia telah mengubah pendirian dan kini menyokong cadangan dan perjuangan Malaysia mengenai alam sekitar untuk faedah seluruh dunia. Ia mungkin mencapai lebih tiga perempat yang dijangkakan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Kuala Lumpur baru-baru ini. Oleh yang demikian mengapa Malaysia masih enggan untuk menghadiri mesyuarat UNCED di Brazil yang dijadualkan pada Jun tahun ini.

JAWAPAN

1. Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia masih belum buat apa-apa ketetapan sama ada akan menghadiri Mesyuarat UNCED. Kerajaan akan menetapkan perkara ini sesuai dengan hasil Persidangan Peringkat Menteri Negara-Negara Sedang Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur setakat ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. ABD. HADI BIN AWANG
TARIKH	:	28 APRIL 1992

SOALAN

1. **Tuan Haji Abd. Hadi Bin Awang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap sebuah syarikat swasta di Pantai Remis yang bertanggungjawab membawa masuk lebih 5,000 tan metrik sisa toksid dari Singapura untuk dibuang di Pantai Tanjung Batu dekat pekan berkenaan sejak beberapa tahun lalu; dan

   (b) apakah langkah-langkah sewajarnya yang akan diambil untuk memastikan bahawa peristiwa yang seumpama itu tidak akan berulang.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, sehingga ke tarikh ini Kerajaan belum lagi mengambil tindakan mahkamah terhadap syarikat terlibat kerana siasatan polis belum lagi selesai. Tindakan lanjut hanya akan diambil bergantung kepada hasil siasatan polis.

(b) Tuan Yang DiPertua, bagi memastikan bahawa kejadian membawa masuk buangan toksik secara haram ke negara ini tidak terjadi, negara Malaysia akan menyertai "Basel Convention" bagi mengawal pergerakan dan pelupusan buangan berbahaya melangkahi batas negara, yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Kewangan (Jabatan Kastam) sedang meneliti undang-undang kastam yang wajar bagi pengawalan import.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	29 APRIL 1992

SOALAN

1. **Tuan Lau Dak Kee** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah Malaysia telah mendedah dan menyelesaikan masalah yang mengancamkan alam sekitar, seperti masalah Hutan Tropika, pembuangan sisa radioaktif, sisa toksid, sisa bukan toksid, masalah perubahan iklim, bertambah CFC, biodiversiti dan pemindahan teknologi.

JAWAPAN

1. Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah mengambil berbagai langkah untuk menyelesaikan masalah yang mengancamkan alam sekitar; misalnya melalui program dan aktiviti penguatkuasaan oleh agensi-agensi yang berkuasa, pendidikan alam sekitar, pengawasan kualiti air dan udara, penglibatan dalam forum-forum antarabangsa mengenai alam sekitar dan menjadi ahli kepada perjanjian antarabangsa seperti Protokol Montreal. Tuan Yang Di Pertua, satu risalah yang menerangkan kejayaan usaha ini telah disediakan dan telah disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Maklumat Tambahan

(i) **Usaha Penyelesaian Masalah CFC**

Mesyuarat Keempat Parti Protokol Montreal yang akan diadakan pada 22-25 November 1992 di Copenhagen, Denmark dijangka akan mempercepatkan lagi 'phase-out' keluaran dan kegunaan CFCs dan Halon bagi mengurangkan pemusnahan lapisan ozon yang semakin berterusan.

(ii) Pelupusan Sisa-sisa Toksik

Bagi menyelesaikan masalah pelupusan sisa-sisa toksik, Kerajaan telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 sejak 1 Mei 1989. Di samping itu, tapak khas bagi mengolah dan melupus buangan-buangan tersebut sedang dikaji kesesuaiannya dan laporan EIA mengenai tapak tersebut dijangka diterima oleh Jabatan Alam Sekitar bulan Mei 1992. Kemudahan yang dicadangkan tersebut dijangka mula menerima buangan pada pertengahan tahun 1993 dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 1995. Bagi mengawal import dan eksport buangan berbahaya, usaha ke arah mengratifikasi "Basel Convention" sedang dijalankan. Setakat ini 20 buah negara telahpun mengratifikasikan "Basel Convention" dan ianya telahpun dikuatkuasakan pada 5 Mei 1992.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH	:	30 APRIL 1992

SOALAN

Tuan Harrison Ngau Laing minta Perdana Menteri menyatakan kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada masa ini.

(a) sektor penduduk manakah yang paling dipengaruhi oleh kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;

(b) sehingga manakah pemusnahan alam sekitar menyumbang kepada masalah kemiskinan dan penurunan dalam taraf kehidupan rakyat. Sudah adakah kajian dibuat untuk menentukan kesan pemusnahan alam sekitar ke atas ekonomi negara? Jika sudah apakah hasil kajian ini dan jika belum mengapa kajian belum dilakukan?

(c) apakah insentif yang diberikan kepada sektor perdagangan agar mereka peka terhadap alam sekitar dalam operasi mereka; dan

(d) apakah langkah-langkah yang digunakan oleh Kerajaan untuk melindungi kehidupan rakyat negara ini daripada industri-industri yang tidak dibenarkan beroperasi di negara asal mereka kerana mengeluarkan pencemaran yang terlalu banyak agar tidak memasuki negara ini dan memusnahkan alam sekitar serta membahayakan kehidupan rakyat negara ini.

JAWAPAN

(a) Jawapan perlu disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

(b) Jawapan perlu disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

(c) Kerajaan memang sentiasa memberikan galakan dan insentif kepada sektor perdagangan agar mereka peka terhadap alam sekitar. Antaranya ialah dengan memberikan pertimbangan dalam pengecualian cukai ke atas pembelian alatan kawalan pencemaran, memberikan insentif kepada penubuhan dan pengurusan kemudahan bagi merawat sisa-sisa industri seperti pengecualian cukai, elaun modal khas, taraf perintis dan sebagainya di bawah Akta Galakan Pelaburan (1989). Di samping itu juga, pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, penjagaan serta pengekalan mutu kualiti alam sekitar dari segi kebersihan dan kepentingannya, adalah merupakan insentif bagi peningkatan produktiviti negara. Sehubungan dengan itu juga, pihak industri tidak terkecuali dari menyediakan satu persekitaran yang bersih dan bebas dari pencemaran bagi mempastikan pertumbuhan berterusan dan berpanjangan.

(d) Kerajaan telah menetapkan satu prosidur kelulusan yang bersepadu bagi mengawal kemasukan industri-industri yang tidak dibenarkan beroperasi di negara asal. Peranan ini telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti MIDA, MITI, Pusat-Pusat Pelaburan yang terdapat di negeri-negeri di dalam membuat penilaian dan penapisan tentang kesesuaian sesuatu industri tersebut dari aspek alam sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI IBRAHIM BN MAHMOOD
TARIKH	:	4 MEI 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) adakah Kerajaan sedar mengenai penubuhan gabungan kaum-kaum asli dari negara-negara berhutan tropika yang dibentuk Februari lalu hasil persidangan mereka di Pulau Pinang; berapa negarakah yang telah mengambil bahagian dalam persidangan itu; dan

(b) adakah Kerajaan telah menerima sebarang resolusi atau memorandum daripada persidangan tersebut. Jika ada, apakah reaksi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Kementerian saya (Kerajaan) tidak sedar dan tidak pasti penubuhan gabungan itu hasil dari Persidangan seperti yang dimaksudkan. Untuk makluman, sehingga ke hari ini Jabatan Pendaftaran Pertubuhan tidak menerima sebarang permohonan untuk menubuhkan gabungan yang dimaksudkan.

(b) Kementerian saya (Kerajaan) tidak menerima sebarang resolusi atau memorandum yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	5 MEI 1992

SOALAN

1. **Dr. Kua Kia Soong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   (a) sama ada pemaju di Pulau Redang mengikuti syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Persekitaran;

   (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk mengawasi pembangunan yang berterusan di atas Pulau yang berkenaan; dan

   (c) sama ada Kerajaan memberi perhatian kepada pendapat para pakar dari Persatuan Alam Semulajadi Malaysia (Malaysia Nature Society) bahawa padang golf tidak sesuai untuk sebuah pulau seperti Pulau Redang, di mana ia merupakan sebahagian daripada taman marin yang telah diwartakan.

JAWAPAN

(a) Dalam masa ini pemaju projek pembangunan pelancongan dan rekreasi di Pulau Redang telah mematuhi mengikuti syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

(b) Untuk mengawasi pembangunan di Pulau Redang, JAS telah menjalankan pengawasan daratan serta kualiti air bulanan di sekitar tapak projek sejak bulan Mei 1991. Di samping itu juga, JAS telah menjalankan pengawasan pematuhan syarat-syarat EIA. JAS juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang, untuk menyelaraskan data pengawasan serta membincangkan masalah dan langkah-langkah yang perlu diambil lagi untuk mempastikan semua masalah adalah terkawal.

(c) Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada pendapat para pakar dari mana-mana pihak termasuk Persatuan Pencinta Alam yang juga menganggotai Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang. Ahli-Ahli lain terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perikanan, dan pemaju-pemaju projek pembangunan di Pulau Redang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB
TARIKH	:	6 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Haji Buniyamin Bin Yaakob** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) setakat manakah tindakan diambil terhadap sebuah syarikat swasta di Pantai Remis yang dilaporkan bertanggungjawab membawa masuk sisa toksid dari Singapura untuk dibuang di pantai Tanjung Batu sejak beberapa tahun lalu;

   (b) oleh kerana pihak polis dilaporkan sudah pun menyiapkan laporan siasatan kes pembuangan sisa toksid itu, mengapakah Kerajaan masih belum membawa syarikat dan tuan punyanya ke muka pengadilan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan masih belum mengambil tindakan terhadap syarikat terlibat kerana siasatan oleh pihak berkenaan belum lagi selesai.

Maklumat Tambahan

1. Kesalahan boleh didakwa di bawah seksyen 268 Kanun Kesiksaan (FMS Cap. 45) penalti seksyen 290 Kanun yang sama. Maximum $100/=

2. Mulai 01/05/89 iaitu tarikh berkuatkuasa Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 di bawah Peraturan 4, yang mana buangan terjadual hendaklah dilupuskan di premis yang ditetapkan sahaja. Hukuman maksima $10,000 atau 2 tahun penjara.

3. Tuntutan kos pembersihan di bawah seksyen 47(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
TARIKH	:	6 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan proses pemilihan dalam memberikan syarikat Denmark, I. Kruger Engineering dan United Engineers Malaysia, hak untuk memaju dan menjalankan pusat kemudahan pengendalian dan pembuangan toksid yang pertama dalam negara ini; dan mengapakah tapak pusat tersebut ditempatkan di Bukit Nanas, Negri Sembilan, dengan memberikan senarai tapak-tapak lain yang dipertimbangkan dan dipilih pada peringkat pertama dan mengapakah ianya ditolak kemudiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 1989, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menjemput syarikat-syarikat yang berminat untuk melaksana dan mengoperasi sistem pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di negara ini supaya menghantar cadangan-cadangan mereka ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk dipertimbangkan. Di akhir tempoh masa yang diberikan, iaitu pada 30 Jun 1989, sebanyak 15 syarikat (konsortium) daripada pelbagai negara termasuk Malaysia, telah mengemukakan cadangan masing-masing. Dua konsortium, iaitu yang diketuai oleh I. Kruger Engineering AS, Denmark, dan Chem-Security Ltd, Kanada, telah dipertimbangkan untuk diterima oleh Kerajaan.

Kriteria pemilihan adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

(a) Sebarang cadangan diterima dalam masa yang ditetapkan iaitu di antara 6 Mei - 30 Jun 1989;

(b) Tiada jaminan Kerajaan kuantiti, baik dari segi buangan minima atau kewangan dikehendaki oleh pencadang;

(c) Tiada kehendak monopoli;

(d) Inisiatif untuk mencari tapak sendiri; dan

(e) Lain-lain kemudahan yang berkaitan yang akan dibangunkan seperti pemerolehan kembali (recovery) buangan.

Pada hak untuk memajukan kemudahan tersebut telah diberikan kepada konsortium yang diketuai oleh I. Kruger Engineering AS, Denmark, kerana konsortium berkenaan memenuhi segala kehendak Kementerian termasuk bersedia menjalankan kajian EIA terhadap tapak yang dicadangkan oleh Kerajaan di Negeri Sembilan. Syarikat Chem-Security telah menarik diri kerana tidak meneruskan kajian EIA seperti yang disyaratkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam proses penilaian yang dijalankan komposisi konsortium bukan merupakan suatu kriteria di dalam pemilihan. Tambahan pula, di masa mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Syarikat I. Kruger Engineering AS belum memutuskan siapa yang akan menjadi rakan-kongsinya di negara ini. Lain-lain rakan-kongsi yang disenaraikan di masa syarikat tersebut menghantar cadangan adalah Chemcontrol AS dan Enviroplan AS, Denmark.

Tapak cadangan di Bukit Nanas, Negri Sembilan dipilih berikut:

(a) Tanahnya hendaklah stabil dari segi geomorfologi dan tiada punca air daratan.

(b) Mempunyai lokasi yang strategik di Semenanjung;

(c) Melalui penilaian awal ia tidak menunjukkan potensi yang boleh menyebabkan kesan ekologi yang tidak baik;

(d) Kawasan ini tidak mendapat hujan yang terlalu banyak;

(e) Baik dari segi geologi dan hidrogeologi;

(f) Mempunyai topografi yang baik iaitu terletak di kawasan yang tinggi dan tidak berpotensi menyebabkan pencemaran terhadap air daratan;

(g) Mempunyai tanah dari jenis tanah liat yang mana boleh digunakan sebagai bahan penutup;

(h) Mempunyai zon penampan (buffer zone) yang baik kerana terdapat ladang kelapa sawit dan getah di sekelilingnya;

Tapak cadangan di Bukit Nanas, Port Dickson, Negri Sembilan dipilih setelah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar meneliti sebanyak 91 buah tapak di seluruh negara sejak tahun 1981 lagi. Pecahan jumlah tapak-tapak yang dilawati dan dinilai kesesuaiannya adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Tapak
Selangor	45
Pulau Pinang	15
Negeri Sembilan	14
Johor	8
Kedah	6
Melaka	3
Jumlah	91

Penolakan tapak-tapak lain yang telah dikenalpasti sebelum ini dibuat kerana tapak-tapak tersebut tidak memenuhi kriteria-kriteria pemilihan utama yang telah dinyatakan di atas.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	6 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah syarikat telah dilantik oleh pihak berkenaan untuk menjalankan EIA bagi projek Aluminium Smelting Plant di Bintulu, Negeri Sarawak, skop dan "terms of reference" EIA itu, kelayakan syarikat yang menjalankannya, dan langkah-langkah untuk merundingkan dengan penduduk-penduduk di bandar Bintulu dan sekelilingnya dalam kajian tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum terima apa-apa maklumat berkaitan dengan EIA oleh sebab projek ini masih di peringkat awal perancangan.

Maklumat Tambahan

Penggerak projek ialah Hydro Aluminium (Norsk Hydro) daripada Norway usahasama dengan Chew Swee Loong Holding, Pulau Pinang. Susulan mengenai EIA telah dibuat semenjak 14 Julai 1988. Maklumat terakhir pada 29 Julai 1991, kajian EIA tidak akan dijalankan sehingga rundingan mengenai harga gas dengan PETRONAS selesai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG
TARIKH	:	6 MEI 1992

SOALAN

1. **Dato' Haji Mohd Sharif bin Jajang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah Kementerian sedar tentang masalah alam sekitar yang mula dipersoalkan dan apakah langkah-langkah mengatasinya:-

   (a) apakah program-program pemeliharaan alam sekitar yang dikenalpasti untuk dilaksanakan;

   (b) berapa banyakkah Pusat 'Recycling' (Recycling Centres) dan Pusat Penerangan 'Recycling' yang telah diwujudkan serta lokasi pusat dikurangkan berikutan dengan pengenalan teknologi 'recycling' sejak ia mula diperkenalkan di Malaysia; dan

   (c) apakah peratus kejayaan 'recycling' dan berapa peratuskah rakyat Malaysia yang dianggar mengamalkan kegiatan 'recycling'.

JAWAPAN

(a) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar akan faedah gunasemula (recycling) sebagai salah satu kaedah pengurusan bagi bahan-bahan buangan yang tidak terpakai.

(b) Buat masa ini tiada satupun Pusat 'Recycling' (Recycling Centres) dan Pusat Penerangan 'Recycling' yang telah diwujudkan di dalam negara ini. Walau bagaimanapun, beberapa kempen gunasemula (recycling) telah dianjurkan oleh firma-firma swasta dan organisasi-organisasi seperti Malaysian Nature Society (MNS), Malaysian Business Council, Akhbar The STAR dalam kempen pemungutan botol, tin, aluminium dan surat khabar lama.

Kerajaan sangat menggalakkan kempen-kempen seumpama itu dan memberi kerjasama di dalam pelaksanaan penganjuran kempen-kempen tersebut.

(c) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tiada cukup data untuk mengganggarkan peratus kejayaan program gunasemula (recycling). Walau bagaimanapun resepsi orang ramai didapati adalah sangat menggalakkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOR CHEE HEUNG
TARIKH : 7 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) adakah cara semasa untuk merawat sisa-sisa toksik dalam negara kita dianggap memuaskan oleh Jabatan Alam dan Sekitar yang mana ianya tidak membawa akibat buruk kepada manusia;

   (b) berapakah kategori sisa toksik di dalam senarainya yang dijeniskan oleh Jabatan Alam Sekitar (DOE);

   (c) apa jenis sisa-sisa toksik yang akan dihantar ke luar negeri seperti Amerika Syarikat untuk rawatan; dan

   (d) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengenalpasti sisa toksik tidak dibuangkan merata-merata tempat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Cara terbaik bagi menghindarkan akibat buruk yang mungkin ditimbulkan oleh buangan terjadual adalah dengan mengurangkan penghasilan buangan melalui pertukaran proses pengeluaran, penggunaan teknologi bersih dan pemerolehan-kembali. Kebanyakan industri besar dan sederhana terutama sekali yang terletak di kawasan-kawasan perindustrian, telahpun mempunyai kemudahan sendiri untuk merawat buangan-buangan toksik dan berbahaya seperti asid, alkali, effluen mengandungi logam berat, dan lain-lain lagi. Masalah sekarang ialah kilang-kilang kecil yang tidak mempunyai sistem pengolahan mereka sendiri kerana kekurangan pengetahuan dan modal

untuk berbuat demikian. Di samping itu juga terdapat buangan-buangan seperti enapcemar (sludges) daripada sistem pengolahan effluen dan buangan-buangan pelarut (spent solvents) yang tidak dapat dilupuskan kerana ketiadaan kemudahan yang sesuai.

(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 menyenaraikan sebanyak 107 kategori buangan yang ditakrifkan sebagai buangan-buangan terjadual (buangan toksik dan berbahaya). Senarai tersebut boleh didapati di dalam Jadual Pertama, Peraturan 2, Peraturan-Peraturan tersebut di atas.

(c) Buangan-buangan terjadual yang dibenarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk dieksport keluar negeri adalah hanya buangan-buangan yang tidak boleh dirawat di negara ini sendiri kerana ketiadaan kemudahan yang sesuai. Contoh-contoh buangan terjadual yang dihantar keluar negeri untuk rawatan atau pemerolehan-kembali (recovery) adalah minyak mengandungi 'polychlorinated bi-phenyls' (PCB) dan enapcemar (sludges) mengandungi logam berat. Walaupun negara ini masih dalam proses mengratifikasikan "Basel Convention", tetapi segala prosedur penghantaran adalah mengikut kehendak-kehendak 'convention' tersebut iaitu dengan persetujuan negara import tersebut melalui prosedur pemberitahuan terlebih dahulu (prior informed consent) dan pengesahan bahawa buangan terjadual tersebut dilupuskan dengan selamat.

(d) Kerajaan telah dan akan meningkatkan lagi usaha menguatkuasakan undang-undang yang menghendaki buangan sedemikian dilupuskan secara selamat di tapak pelupusan terselamat. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah melantik sebuah konsortium yang akan membangun dan mengoperasi kemudahan bersepadu bagi mengolah dan melupus buangan-buangan terjadual yang dihasilkan oleh industri-industri di negara ini secara terselamat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM
TARIKH : 7 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Shahidan Bin Kassim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) sama ada Kerajaan sudah mengadakan penghebahan standard mutu alam sekitar dan pengawalannya dan keperluan penguatkuasaan yang lebih ketat;

   (b) bilangan kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan tadahan hujan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal daripada berlakunya pencerobohan pembalakan haram di kawasan berkenaan; dan

   (c) adakah Kerajaan mengkaji cara-cara "toxic waste disposal" dengan cara yang lebih baik seperti "biological waste treatment" di mana bakteria digunakan untuk memusnahkan "toxic waste" yang terbukti dalam membaikpulih pencemaran hasil sisa bahan petrol.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

a) Melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, standard mutu alam sekitar telah dihebahkan melalui Warta Kerajaan dan media massa. Pengawalan dan keperluan penguatkuasaan yang lebih ketat pula telah dihebahkan melalui Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling yang diterbitkan setiap tahun oleh Jabatan Alam Sekitar serta melalui media massa.

b) Peraturan 8 (1), Jadual Keempat di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979, telah di-senaraikan sebanyak 377 kawasan-kawasan tadahan iaitu kawasan-kawasan

di hulu permukaan atau di atas bahagian bawah permukaan pengambilan perbekalan air, bagi maksud-maksud kegunaan manusia, termasuk air minuman. Bagi kawasan-kawasan tadahan air ini, kawalan penguatkuasaan ke atas pelepasan dari punca-punca pencemaran menggunakan standard yang lebih ketat lagi.

Mengenai pencerobohan pembalakan haram di kawasan berkenaan, Jabatan Hutan telah meningkatkan usaha penguatkuasaan dan pengawasan untuk mencegah dari berlakunya kejadian tersebut.

c) Cadangan Yang Berhormat itu adalah baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cara tersebut itu adalah satu cara pengolahan yang berkesan dan memang telah ada kilang-kilang penapis minuman mentah di negara ini yang mengamalkan kaedah "biological waste treatment" tersebut dengan mengadakan kemudahan-kemudahan yang dipanggil "land farming".

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN G. PALANIVEL
TARIKH	:	7 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan G.Palanivel** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah Kementerian mempertimbangkan untuk mewajibkan industri-industri mengadakan secara mandatori audit alam sekitar iaitu "environmental auditing", satu sistem kawalan alam sekitar yang meliputi penilaian sistematik dan objektif bagaimana organisasi-organisasi, pengurusan serta alat-alat berjalan atau berfungsi.

JAWAPAN

1. Tuan Yang DiPertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas satu cadangan yang agak baik. Jabatan Alam Sekitar, Kementerian saya setakat ini sangat menggalakkan firma mengamalkan audit alam sekitar dan terdapat beberapa pihak sedang amalkannya dengan secara kecil. Kementerian saya sedang menimbangkan melalui Jawatankuasa Ulangkaji Undang-Undang Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	11 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Lau Dak Kee** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah sungai-sungai di seluruh Malaysia yang tercemar dari buangan sisa kimia, sisa toksid, bukan toksid dan lain-lain buangan, apakah langkah telah sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data pengawasan kualiti air yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1991, bilangan sungai yang tercemar adalah didapati seperti berikut:-

11 batang sungai dicemari oleh raksa (mercury)
28 batang sungai dicemari oleh plumbum
22 batang sungai dicemari oleh bahan organik
52 batang sungai dicemari oleh ammoniakal nitrogen
69 batang sungai dicemari oleh pepejal terampai

Bagi mengawal pencemaran air dari punca industri terdapat 4 peraturan telah digubal dan dikuatkuasakan iaitu seperti berikut:-

(i) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 bagi mengatasi masalah pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang kelapa sawit;

(ii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 bagi mengawasi pencemaran dari kilang getah;

(iii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979 bagi mengawal masalah pencemaran dari kilang-kilang lain; dan

(iv) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 bagi mengawal masalah pencemaran bahan-bahan toksik dari kilang-kilang.

Usaha-usaha untuk meminda undang-undang seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan undang-undang yang berkaitan dengannya sedang dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain bertujuan untuk memperkemaskan undang-undang tersebut supaya ianya lebih berkesan.

Selain daripada menguatkuasakan undang-undang Jabatan Alam Sekitar sedang berusaha untuk mengadakan satu tapak pelupusan bagi sisa-sisa toksik yang diurus secara sistematik bagi mencegah bahan-bahan pencemaran tersebut dibuang secara berleluasa oleh pihak-pihak tertentu ke dalam sungai-sungai dan perairan-perairan Malaysia.

Pihak Jabatan Alam Sekitar juga sedang menjalankan kajian untuk mengkelaskan segmen-segmen sungai di seluruh Malaysia mengikut kegunaan-kegunaan yang berfaedah supaya pemeliharaan sungai-sungai dapat dijalankan dengan lebih bermakna.

Pihak Jabatan Alam Sekitar sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain bagi mengatasi masalah pencemaran dari kumbahan domestik yang merupakan punca utama pencemaran air pada masa kini.

Bagi mengatasi masalah kelodakan, pihak-pihak berkenaan yang terlibat dengan aktiviti pembangunan tanah digesa supaya mempertingkatkan langkah-langkah kawalan untuk mengatasi hakisan tanah dan kelodakan bagi mengurangkan kandungan pepejal terampai di dalam sungai-sungai dan perairan-perairan di Malaysia.

LAMPIRAN A

Senarai Sebelas (11) Sungai yang Tercemar oleh Logam Raksa/Mercury Mengikut Negeri.

1.	Perlis	– Sungai Perlis
2.	Kedah	– Sungai Merbok
3.	Pulau Pinang	– Sungai Juru
		– Sungai Prai
		– Sungai Kerian
		– Sungai Jejawi
4.	Perak	– Sungai Sepetang
		– Sungai Bernam
5.	Selangor	– Sungai Sepang
6.	Melaka	– Sungai Kesang
		– Sungai Duyong

Senarai Dua Puluh Lapan (28) Sungai yang Tercemar oleh Logam Plumbum Mengikut Negeri.

1.	Perlis	– Sungai Perlis
2.	Kedah	– Sungai Muda
3.	Pulau Pinang	– Sungai Jejawi
		– Sungai Juru
4.	Perak	– Sungai Sepetang
		– Sungai Bernam
5.	Selangor	– Sungai Langat
		– Sungai Tengi
		– Sungai Buloh
		– Sungai Sepang
6.	Melaka	– Sungai Duyong
7.	Johor	– Sungai Mersing
		– Sungai Pontian Kechil
		– Sungai Johor
		– Sungai Pontian Besar
		– Sungai Sedili Besar
		– Sungai Selidi Kechil
		– Sungai Tebrau
		– Sungai Muar
		– Sungai Endau
		– Sungai Batu Pahat
		– Sungai Benut
		– Sungai Skudai
8.	Pahang	– Sungai Kuantan
9.	Terengganu	– Sungai Setiu
		– Sungai Besut
		– Sungai Terengganu
10.	Kelantan	– Sungai Golok

Senarai Dua Puluh Dua (22) Sungai yang Tercemar oleh Bahan Organik.

1. Sungai Melaka
2. Sungai Jejawi
3. Sungai Sepang
4. Sungai Kelang
5. Sungai Juru
6. Sungai Kerian
7. Sungai Mersing
8. Sungai Kemaman
9. Sungai Paka
10. Sungai Pontian Besar
11. Sungai Johor
12. Sungai Endau
13. Sungai Buloh
14. Sungai Tebrau
15. Sungai Benut
16. Sungai Pontian Kechil
17. Sungai Skudai
18. Sungai Prai
19. Sungai Linggi
20. Sungai Ibai
21. Sungai Batang Sadong
22. Sungai Batang Mukah

Senarai Lima Puluh Dua (52) Sungai yang Tercemar oleh Ammoniakal Nitrogen.

1. Sungai Juru
2. Sungai Duyong
3. Sungai Melaka
4. Sungai Tebrau
5. Sungai Sepang
6. Sungai Skudai
7. Sungai Kelang
8. Sungai Jejawi
9. Sungai Merbok
10. Sungai Perlis
11. Sungai Prai
12. Sungai Endau
13. Sungai Muar
14. Sungai Batu Pahat
15. Sungai Kedah
16. Sungai Linggi
17. Sungai Ibai
18. Sungai Buloh
19. Sungai Kerian
20. Sungai Benut
21. Sungai Kesang
22. Sungai Pontian Kechil
23. Sungai Johor
24. Sungai Pontian Besar
25. Sungai Langat
26. Sungai Mersing
27. Sungai Sedili Besar
28. Sungai Muda
29. Sungai Selidi Kechil
30. Sungai Setiu
31. Sungai Kelantan
32. Sungai Selangor
33. Sungai Terengganu
34. Sungai Paka
35. Sungai Chukai
36. Sungai Besut
37. Sungai Kemasin
38. Sungai Dungun
39. Sungai Kemaman
40. Sungai Pahang
41. Sungai Golok
42. Sungai Air Baloi
43. Sungai Perak
44. Sungai Tengi
45. Sungai Sarawak
46. Sungai Batang Sadong
47. Sungai Papar
48. Sungai Putatan
49. Sungai Tuaran
50. Sungai Mengalong
51. Sungai Padas
52. Sungai Membakut

Senarai Enam Puluh Sembilan (69) Sungai yang Tercemar oleh Pepejal Terampai.

1. Sungai Tengi
2. Sungai Iban
3. Sungai Balok
4. Sungai Besut
5. Sungai Jejawi
6. Sungai Raja Hitam
7. Sungai Bruas
8. Sungai Buloh
9. Sungai Selangor
10. Sungai Langat
11. Sungai Merbok
12. Sungai Kemasin
13. Sungai Perlis
14. Sungai Endau
15. Sungai Skudai
16. Sungai Pahang
17. Sungai Duyong
18. Sungai Prai
19. Sungai Kelang
20. Sungai Juru
21. Sungai Pontian Besar
22. Sungai Kelantan
23. Sungai Golok
24. Sungai Bebar
25. Sungai Perak
26. Sungai Bernam
27. Sungai Linggi
28. Sungai Air Baloi
29. Sungai Pontian Kechil
30. Sungai Kuantan
31. Sungai Sepang
32. Sungai Tebrau
33. Sungai Sepetang
34. Sungai Kemaman
35. Sungai Muar
36. Sungai Johor
37. Sungai Muda
38. Sungai Benut
39. Sungai Kedah
40. Sungai Melaka
41. Sungai Batang Trusan
42. Sungai Batang Tatau
43. Sungai Batang Lawas
44. Sungai Jimilajan
45. Sungai Juai
46. Sungai Batang Rajang
47. Sungai Batang Mukah
48. Sungai Kerian
49. Sungai Batang Saribas
50. Sungai Batang Kayan
51. Sungai Batang Sadong
52. Sungai Batang Oya
53. Sungai Lembang
54. Sungai Batang Baram
55. Sungai Sibuti
56. Sungai Niah
57. Sungai Batang Balingian
58. Sungai Silabukan
59. Sungai Kadamaian
60. Sungai Bingkongan
61. Sungai Tawau
62. Sungai Putatan
63. Sungai Sungut
64. Sungai Labok
65. Sungai Segama
66. Sungai Kalumpang
67. Sungai Padas
68. Sungai Tuaran
69. Sungai Mengalong

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	11 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan masalah pencemaran pantai seluruh Malaysia pada amnya, dan di Negeri Sarawak pada khasnya, sumber-sumber pencemaran itu dan pihak yang bersalah, serta langkah-langkah yang diambil untuk membersihkan sungai-sungai dan pantai negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian kecil perairan pantai di seluruh Malaysia dicemari pada amnya oleh pepejal terampai, *E. coli*, minyak dan geris. Kandungan pepejal terampai yang tinggi adalah akibat dari aktiviti-aktiviti pembangunan tanah samaada di sepanjang tebing sungai mahupun di persisiran pantai seperti pelancongan perindustrian, perumahan dan infrastruktur. Kandungan *E. coli* yang tinggi pula adalah akibat dari pelepasan kumbah yang tidak diolah sepenuhnya yang terhasil dari pertambahan penduduk atau pelancongan. Manakala kandungan minyak dan geris adalah akibat dari aktiviti-aktiviti perkapalan dan carigali minyak.

Di persisiran Sarawak juga dicemari oleh pencemaran yang sama di mana pencemarannya adalah hasil dari aktiviti-aktiviti pembangunan tanah, pertambahan penduduk, perkapalan dan carigali minyak.

Untuk mengelakkan pencemaran ini berlaku, agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab haruslah menguatkuasakan aspek-aspek yang berkaitan mengikut program dan aktiviti kawalan agensi masing-masing.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Program dan aktiviti kawalan Agensi:

(a) Kemudahan sistem kumbahan
   - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(b) Kawalan pelupusan sampah sarap
   - Kerajaan Tempatan

(c) Kawalan pembukaan tanah
   - Kerajaan Tempatan

(d) Kawalan pelepasan dari industri
   - Jabatan Alam Sekitar

(e) Kawalan laluan perkapalan dan pelepasan dari kapal
   - Kementerian Pangangkutan

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH : 12 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah akan diambil oleh masyarakat antarabangsa supaya Amerika Syarikat serta negara-negara maju lain menandatangani perjanjian di bawah 'Framework Convention on Climatic Change' untuk memastikan paras 'carbon dioxide' di udara tidak akan melebihi paras dan ada pada tahun 1990, untuk mengelakkan 'Greenhouse Effect' dan 'Global Warming'.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Ahli Yang Berhormat mesti sedar bahawa dalam perkara ini Kerajaan Malaysia tidak dapat menjadi jurucakap bagi pihak masyarakat antarabangsa tentang apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh mereka.

SOALAN TAMBAHAN

1. Apakah langkah-langkah akan diambil oleh Malaysia?

JAWAPAN

Malaysia sebagai satu anggota terlibat dalam perundingan 'Framework Convention on Climatic Change' ini hanya boleh menggesa Amerika Syarikat dan negara-negara maju menyertai perjanjian itu apabila siap dirunding. Adalah hak Kerajaan mereka sama ada akan menyertai perjanjian ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	12 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samaada pihak Kerajaan telah meluluskan suatu EIA untuk projek memajukan kemuncak Bukit Bendera di Pulau Pinang, dan jika ada, apakah langkah akan diambil untuk mengelakkan masalah banjir di kawasan sekelilingnya selepas pelaksanaan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, jawapan adalah 'tidak'.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN
TARIKH : 12 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) apakah dasar umum berkaitan dengan pengawasan kebersihan dan pengekalan alam sekitar yang bersih, indah dan nyaman;

   (b) apakah dasar umum berkaitan pembuangan dan kemusnahan bahan-bahan buangan sama ada sampah sarap atau pembuangan perindustrian dan sebagainya dan setakat manakah peranan dan pengaruh Kementerian ke atas Kerajaan-kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Perbandaran bagi menentukan dan mengawasi keselamatan dan keselesaan penduduk-penduduk di dalam menggubal dasar-dasar yang berkenaan; dan

   (c) apakah dan setakat manakah perkembangan dan kejayaan dasar-dasar Kerajaan yang diamalkan berkaitan dengan pembersihan pantai, sungai, jalan raya dan tempat-tempat awam di negara kita.

JAWAPAN

(a) Dasar umum berkaitan dengan pengawasan kebersihan dan pengekalan alam sekitar yang bersih, indah dan nyaman adalah seperti yang tergaris di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelima. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah mewujudkan Dasar Alam Sekitar Negara yang secara keseluruhannya memberi pertimbangan kepada faktor-faktor bagi menyeimbangkan keperluan aktiviti-aktiviti manusia dengan alam sekitar, yang antara lain keperluan bagi mengekalkan keadaan alam sekitar yang sihat bagi kehidupan manusia yang sempurna.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, usaha-usaha bagi mencapai tujuan Dasar Alam Sekitar Negara diteruskan. Usaha-usaha untuk mengimbangkan eksploitasi sumber-sumber semulajadi, diberi penekanan utama melalui program-program pengurusan alam sekitar termasuk menggalakkan penglibatan orang-orang awam, kumpulan penduduk dan sektor swasta di dalam kempen kesedaran alam sekitar, pendidikan dan latihan tentang alam sekitar.

Bagi mengawasi kebersihan dan mengekalkan alam sekitar yang bersih, indah dan nyaman, Kerajaan telah membentuk Pelan Tindakan Negara Bagi Pengurusan Sisa-Sisa Pepejal dan mengadakan Program Bersih dan Indah yang secara umumnya untuk mewujudkan alam sekitar yang bersih dan indah dengan melibatkan aktiviti-aktiviti kebersihan seperti kebersihan tandas awam, pantai, parit dan longkang, kampung baru, kampung tradisi, kawasan setinggan dan lain-lain.

(b) Kerajaan dari masa ke semasa mempertingkatkan tahap pengurusan buangan sampah sarap dan buangan daripada industri. Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, kerajaan juga telah dan sedang mengambil usaha dalam mempertingkat keadaan di tapak-tapak pelupusan sampah sarap dan membangun tapak-tapak pelupusan yang baru dengan mengambil kira faktor-faktor alam sekitar. Pengurusan penggunaan bahan-bahan pembungkusan, gunasemula, mengenakan kos pengolahan dan pelupusan serta aktiviti-aktiviti pendidikan awam adalah antara usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi pengurusan sampah sarap. Bagi buangan-buangan industri pula, Kerajaan telah menggalakkan usaha-usaha ke arah pengurangan, kuantiti penghasilan buangan, 'zero waste approach', penggunaan proses pengilangan yang menghasilkan buangan yang minima, pemerolehan kembali dan penggunaan teknologi bersih.

Bagi mengawasi keselamatan dan keselesaan penduduk, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian-Kementerian berkenaan telah dari semasa ke semasa mengujudkan kerjasama yang rapat dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri serta Kerajaan Tempatan dan pelaksanaan dasar-dasar untuk tujuan ini disalurkan melalui Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan. Perkara-perkara yang berkaitan dengan kawalan pencemaran alam sekitar pula dibincangkan di dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab ke atas Alam Sekitar.

(c) Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pihak berkuasa berkenaan telah menumpukan usaha-usaha dalam meningkatkan kepakaran pengurusan peralatan dan amalan-amalan pengumpulan dan pelupusan sampah sarap. Pada amnya pengswastaan beberapa aktiviti yang berkaitan dengan kebersi-

han telah meningkatkan tahap kebersihan bagi kebanyakan tempat. Walau bagaimanapun tahap kesedaran awam dan kesedaran sivik masih belum mencapai ke tahap yang diharapkan. Berkaitan dengan aktiviti pembersihan pantai, aktiviti ini merupakan aktiviti 'on-going' Kerajaan Negeri dan peruntukan tahunan telah dikhaskan bagi aktiviti ini. Mengenai program pembersihan sungai, pihak berkuasa berkenaan mempunyai program pemeliharaan sungai di semua peringkat negeri dan daerah. Program ini bertujuan menyelenggarakan sungai-sungai supaya ianya dapat berfungsi sebagai saluran air dengan cekap dan berkesan. Program pemeliharaan sungai ini serta program mencegah banjir yang juga diuruskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran telah dapat memperbaiki keadaan sungai di samping mengurangkan masalah banjir dan pertakungan air.

Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang mengawal pelepasan effluen ke alurair sedikit sebanyak dapat mempengaruhi kualiti air sungai dan air laut, di mana hasil pemerosesan data kualiti air telah menunjukkan pengurangan pencemaran daripada effluen industri yang berasaskan pertanian.

Walau bagaimanapun agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam perkara ini sentiasa bekerjasama antara satu sama lain berdasarkan bidang kuasa masing-masing untuk mengekalkan alam sekitar yang bersih, indah dan nyaman.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH : 13 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Lau Dak Kee** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah garis panduan telah ditetapkan untuk memberi perlindungan alam sekitar dalam aspek pembangunan masyarakat, perhutanan, perumahan, perkilangan, pengangkutan, kehidupan manusia, haiwan dan tanaman, apakah penekanan telah membawa kesan yang diharap-harapkan untuk mencapai matlamat tersebut, apakah kesulitan atau halangan yang dihadapi setakat ini dan masa depan.

JAWAPAN

1. Tuan Yang DiPertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang mengambil perhatian berat untuk memberi perlindungan ke atas alam sekitar. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah merangka garis panduan-garis panduan alam sekitar bagi bidang-bidang di mana kawalan melalui undang-undang tidak dapat disesuaikan bagi tujuan kawalan pencemaran dan pengurusan alam sekitar yang berkesan. Untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, garis panduan-garis panduan telah digubal bagi kumpulan-kumpulan sasaran tertentu, misalnya industri kelapa sawit dan kayu bagi sektor perkilangan supaya industri-industri ini dapat mematuhi undang-undang alam sekitar.

   Bagi bidang-bidang alam sekitar di bawah bidang kuasa agensi-agensi Kerajaan yang lain tetapi aktiviti-aktiviti mereka mempunyai kesan-kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap alam sekitar, garis panduan-garis panduan juga telah digubal. Tujuannya ialah untuk membantu agensi-agensi ini mengambilkira faktor-faktor alam sekitar dalam aktiviti-aktiviti atau projek-projek mereka, misalnya dalam sektor perumahan, pembangunan infrastruktur, penjanaan kuasa dan pengurusan sampah sarap yang banyak mempunyai kesan, secara langsung terhadap alam sekitar.

   Garis panduan-garis panduan yang telah disediakan telah membantu pihak-pihak perancang dan berkuasa tempatan dan agensi-agensi lain untuk mempertingkatkan kawalan pencemaran dan pengurusan alam sekitar. Walau bagaimanapun masalah untuk melindungi alam sekitar secara keseluruhannya masih tetap dihadapi dan Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai seperti mengatasi kekurangan kakitangan mahir dan sesuai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN AHMAD BIN OMAR
TARIKH	:	14 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   (a) pendirian negara berhubung dengan Persidangan Antarabangsa mengenai Alam Sekitar yang akan diadakan di negara Brazil tidak berapa lama lagi; dan

   (b) setakat ini, bagaimanakah tindakan antarabangsa yang telah diambil bagi menghadapi tekanan yang semakin kuat terhadap negara ini berkaitan soal pemusnahan dan pencemaran alam sekitar.

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendirian negara berhubung dengan Persidangan Antarabangsa mengenai Alam Sekitar yang akan diadakan di negara Brazil tidak berapa lama lagi adalah seperti yang telah disebutkan dalam 'Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan'. Antara lain perkara-perkara yang ditekankan oleh negara adalah:

   1. Negara berhak untuk membangun;

   2. Negara mempunyai hak kedaulatan ke atas sumber-sumber asli;

   3. Prinsip-prinsip perhutanan perlu dipersetujui dahulu sebelum negara bersetuju mengambil bahagian dalam Konvensyen Perhutanan;

   4. Untuk membolehkan negara membangun memainkan peranan dalam mengatasi masalah alam sekitar, negara maju menanggung beban kewangan untuk program mengatasi pencemaran alam sekitar melalui satu mekanisma yang demokratik dan 'transparent'.

(b) Ahli Yang Berhormat, setakat ini berbagai-bagai tindakan telah diambil bagi menghadapi tekanan yang semakin kuat terhadap negara berkaitan dengan soal pemusnahan dan pencemaran alam sekitar. Antara langkah-langkah ini adalah:

(i) Menganjurkan Persidangan Kedua Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Pembangunan, untuk menekankan pendirian dan hak-hak negara.

(ii) Menghantar missi dan delegasi ke negara maju bagi menerangkan usaha-usaha Kerajaan dalam mengawal pemusnahan dan pencemaran alam sekitar serta membanteraskan tuduhan-tuduhan yang tidak benar;

(iii) Mengedarkan bahan-bahan seperti majalah, risalah dan bahan-bahan pendidikan lain lagi untuk menerangkan program-program pengawalan alam sekitar.

(iv) Menghadiri forum antarabangsa seperti, dengan izin, 'Framework Convention on Climate Change', kepelbagaian biologi, mesyuarat FAO dan ITTO dan sebagainya bagi mempertahan dasar dan polisi negara. Selain itu, negara akan menghadiri persidangan di Rio bagi menyuarakan pendirian berkaitan isu-isu perhutanan dan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan.

(v) Mengemukakan cadangan bagi menghijau dunia melalui satu video dokumentari yang dilengkapi dengan buku penerangan bertajuk dengan izin, "An Initiative for the Greening of the World" yang menerangkan keadaan kehijauan di negara-negara maju berbanding dengan kawasan hijau di Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	14 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) siapakah dalam Kementeriannya yang mengkaji dan meluluskan semua laporan EIA yang disampaikan, dan apakah kelayakan mereka;

   (b) kriteria untuk menetapkan skop dan terima rujukan bagi sesuatu EIA, dan kriteria untuk meluluskan EIA itu; dan

   (c) apakah peraturan-peraturan sedang ditetapkan untuk melayakkan sesuatu syarikat atau pihak tertentu untuk tujuan kerja mereka menyediakan laporan EIA.

JAWAPAN

(a) Jabatan Alam Sekitar ialah agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang mengkaji serta meluluskan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (environmental impact assessment or EIA) yang dikemukakan oleh penggerak projek. Pegawai-pegawai penilai yang terlibat mempunyai kelayakan profesional serta telah menjalani latihan di bidang EIA.

(b) Secara amnya, skop atau bidang rujukan bagi penyediaan sesuatu laporan EIA adalah bergantung kepada jenis projek yang dicadangkan oleh penggerak projek. Antara kriteria atau asas penting yang diambilkira bagi kelulusan sesuatu laporan EIA termasuklah:-

   (a) mengikut garispanduan bagi penyediaan laporan EIA;

(b) langkah kawalan yang dicadangkan mencukupi; dan

(c) kesan sampingan tidak ketara.

(d) Bagi setiap laporan EIA yang hendak dikemukakan oleh penggerak projek, laporan EIA tersebut hendaklah disediakan oleh mereka yang berkelayakan serta berpengalaman dalam bidang kajian alam sekitar. Dalam hal ini, penggerak projek adalah dinasihatkan supaya menggunakan khidmat perunding yang bertauliah serta mempunyai pengalaman luas dalam bidang kajian alam sekitar untuk memudahkan serta mempercepatkan lagi proses penyediaan laporan EIA berkenaan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Sehingga ini, satu senarai perunding EIA telah disediakan dan sedang dalam poses untuk didokumentasikan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. PUAN ROHANI ABD. KARIM
TARIKH : 19 MEI 1992

SOALAN

1. **Puan Rohani Abd. Karim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tentang tindakan "SOS Sarawak Campaign Committee" yang bergiat cergas di Jepun yang telah mencemarkan nama Malaysia dari segi:

   a) apakah tindakan susulan yang akan diambil untuk membanteras kegiatan subversif seperti ini;

   b) siapakah anggota "SOS Sarawak Campaign Committee" dan apakah tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap mereka-mereka ini; dan

   c) adakah mereka akan dikategorikan sebagai agen subversif dan akan diharamkan untuk masuk atau kembali ke Malaysia seperti tindakan yang diambil oleh Kerajaan Indonesia baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Kerajaan sedang mengumpul maklumat lengkap mengenai kedudukan yang sebenar tentang pertubuhan tersebut. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan serta urusan perhubungan yang dibuat, melalui forum antarabangsa, misi luar negeri dan lain-lain.

b) Kerajaan sedang dalam proses menyiasat anggota-anggota "SOS Sarawak Campaign Committee". Aktiviti-Aktiviti yang dijalankan oleh mereka diawasi dan tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka sekiranya aktiviti-aktiviti mereka didapati boleh menjejaskan keselamatan dan kestabilan negara.

c) Cadangan Yang Berhormat akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN WAHAB SUHAILI
TARIKH : 19 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Wahab Suhaili** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) mengapa boleh berlakunya pembuangan sisa toksik dari Singapura ke Pantai Perak;

   (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini; dan

   (c) adakah hubungan antara Malaysia dan Singapura terjejas akibat peristiwa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Pembuangan sisa toksik dari Singapura ke Pantai Remis Perak berlaku kerana sikap tidak bertanggungjawab pihak Syarikat yang membawa masuk buangan tersebut. Syarikat yang telah membuat kenyataan kastam yang salah di masa pengimportan tersebut dibuat.

(b) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Pasukan Polis DiRaja Malaysia sedang mendapatkan bukti-bukti yang jelas bagi mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak-pihak terlibat. Penyelesaian jangka-panjang yang akan diambil untuk mengatasi masalah seperti ini ialah dengan mempergiatkan usaha untuk negara kita menyertai "Basel Convention" bagi mengawal pergerakan buangan berbahaya di kalangan negara-negara.

(c) Tidak ada bukti bahawa hubungan di antara Malaysia dengan Singapura telah terjejas akibat peristiwa ini. Sebaliknya Kerajaan kedua-dua negara sedang bekerjasama untuk membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHAMAD BIN SABU
TARIKH	:	20 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Mohamad Bin Sabu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat manakah tindakan diambil oleh Kementerian berhubung dengan laporan pembuangan sisa kimia dan bahan toksid di kawasan taman perumahan Sri Muda, Bukit Kemunting, Shah Alam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah pun menjalankan siasatan terhadap laporan pembuangan sisa kimia tersebut. Buangan tersebut sedang dipungut dan akan dilupuskan mengikut cara yang selamat. Jabatan Alam Sekitar sedang menyiasat kes ini dan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap semua pihak yang didapati terlibat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW
TARIKH	:	21 MEI 992

SOALAN

1. **Tuan Robert Lau Hoi Chew** meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) Nama sungai-sungai di Sarawak yang mempunyai pencemaran, dan air yang tidak sesuai untuk diminum tanpa dibersihkan; dan

   (b) Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,
Untuk Makluman Yang Berhormat,

(a) Pada umumnya semua air sungai di negara ini perlu dibersihkan diolah supaya selamat digunakan untuk minuman.

(b) Langkah-langkah bagi mengatasi masalah pencemaran air sungai adalah dengan mengamalkan pencegahan dan pengawalan terhadap pencemaran tersebut bermula dari puncanya. Punca-punca pencemaran pada umumnya adalah terdiri dari kumbahan oleh penduduk, bahan buangan dari ternakan, pelupusan sampah sarap dan buangan industri, effluen dari industri berasaskan pertanian dan industri pembuatan, dan lain-lain. Untuk mengawal punca-punca ini daripada mencemar, Kerajaan telah mewujudkan undang-undang supaya program-program penguatkuasaan terhadap punca-punca tersebut dapat dijalankan. Di samping program penguatkuasaan, penyediaan kemudahan sistem pengolahan dan penempatan sesuatu punca adalah dilakukan dengan teliti untuk mengelakkan dari berlakunya pence-

maran. Selain dari itu, Kerajaan juga menggalakkan pemakaian teknologi bersih dan tinggi dalam memproses pengeluaran serta dalam pengolahan effluen. Teknologi yang tinggi adalah juga dalam pertimbangan bagi memproses air minuman ke tahap yang lebih bersih dan selamat.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Untuk makluman, dari pengawasan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, 8 daripada 20 batang sungai yang diawasi adalah tergolong dalam sungai yang sederhana tercemar. Sungai-sungai yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

1. Sungai Batang Lawas
2. Sungai Similajau
3. Sungai Batang Tatau
4. Sungai Batang Mukah
5. Sungai Batang Trusan
6. Sungai Batang Kemena
7. Sungai Batang Oya
8. Sungai Suai

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. RUHANIE BIN HAJI AHMAD
TARIKH	:	21 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Ruhanie Bin Haji Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pihaknya kini mempunyai cukup pegawai penguatkuasa untuk mempastikan tidak wujud syarikat tidak bertanggungjawab yang membuang sisa toksid secara rambang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah diperuntukkan sebanyak 87 jawatan Pegawai Penguatkuasa di seluruh negara yang bertanggungjawab bagi menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta tiga belas (13) Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya.

Penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Alam Sekitar yang telah diluluskan mulai Ogos 1991 yang baru lalu telah memperuntukkan beberapa pertambahan jawatan dan ini sedikit sebanyak akan membantu memperkemaskan lagi aktiviti penguatkuasaan. Pengisian 24 jawatan yang kosong sedang diusahakan oleh pihak Kementerian.

Secara amnya, Jabatan Alam Sekitar terpaksa mengoptimakan tenaga kerja yang sedia ada dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di seluruh negara, termasuklah bagi mengawal masalah pembuangan sisa toksik secara rambang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM
TARIKH : 21 MEI 1992

SOALAN

1. **Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   a) sama ada Kerajaan bercadang ataupun merancang untuk mewajibkan penggunaan "biodegradable plastic" dan mengharamkan pengeluaran plastik HDPE yang biasa digunakan;

   b) sama ada Kerajaan bercadang mengharamkan penggunaan gas halogen sebagai bahan "propellent" sebagai langkah mengurangkan kesan pencemaran lapisan ozon; dan

   c) apakah kesan jangka panjang fenomena "El Nino" terhadap iklim dan penting sekali taburan air hujan dalam negara.

JAWAPAN

   a) Kerajaan setakat ini tiada rancangan untuk mengharamkan pengeluaran plastik 'high density polyethylene' tetapi menggalakkan penggunaan 'bio degradable plastic'.

   b) Gas "halogen" tidak digunakan sebagai bahan "propellent" tetapi gas "halon" digunakan dalam sistem pencegahan kebakaran. Setakat ini kegunaan gas "halon" tidak digalakkan lagi seperti yang diwajibkan di bawah Protokol Montreal.

   c) Fenomena "El Nino" berlaku sekali dalam setiap dua hingga tujuh tahun untuk selama dua belas (12) hingga lapan belas (18) bulan. Hanya fenomena yang berintensiti kuat dapat mendatangkan kesan yang genting terhadap

cuaca di Malaysia, khususnya di Sarawak timur dan Sabah yang terletak berhampiran dengan kawasan yang dipengaruhi oleh fenomena ini iaitu di Pasifik Barat Daya. Tiada kesan jangka panjang atas iklim tetapi bila fenomena "El Nino" berlaku kesan utama adalah seperti berikut:-

i) Tempoh hujan lebat semasa fasa awal musim tengkujuh (November-Disember) di pantai timur Semenanjung Malaysia tidak begitu panjang dan serius.

ii) Dalam fasa akhir musim tengkujuh (Januari-Mac) tempoh cuaca kering akan berpanjangan dan amaun hujan akan berkurangan.

iii) Oleh sebab jumlah air hujan yang diterima dalam tempoh ini tidak mencukupi, maka ini akan mempengaruhi bekalan air kepada orang ramai dan sektor pertanian.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. HAJJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR
TARIKH	:	4 JUN 1992

SOALAN

1. **Hajjah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan penggunaan petrol tanpa plumbum untuk semua jenis kenderaan yang menggunakan petrol sebagai langkah untuk mengawal pencemaran.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Melalui perundingan, syarikat-syarikat minyak di Malaysia telah bersetuju memperkenalkan petrol tanpa plumbum. Kerajaan telah memberikan pengurangan cukai sebagai insentif. Memandangkan perkara ini telah berjalan dengan lancar, kewajipan melalui undang-undang adalah tidak perlu buat masa ini.

Walau bagaimanapun, bukan semua kenderaan boleh menggunakan petrol tanpa plumbum. Kira-kira 15 peratus kenderaan lama tidak sesuai menggunakan petrol tanpa plumbum. Dalam hal ini, Kerajaan akan menentukan bekalan petrol dengan plumbum yang rendah adalah mencukupi untuk keperluan di seluruh negara. Bagi kenderaan baru, penggunaan petrol tanpa plumbum adalah digalakkan. Mulai 1 Januari 1994, semua kenderaan baru yang dipasang dengan alat "catalytic converter' perlu menggunakan petrol tanpa plumbum untuk mempastikan penggunaan alat tersebut.

Maklumat Tambahan

Fungsi "Catalytic Converter"

Untuk makluman, Tuan Yang DiPertua, alat 'catalytic converter' digunakan untuk mengurangkan pencemaran udara khususnya pelepasan Karbon Monoksida, Hidrokarbon dan Nitrogen Oksida daripada ekzos kenderaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	20 JULAI 1992

SOALAN

1. **Dr. Kua Kia Soong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan perubahan yang konkrit di dalam polisi Kerajaan sejak Kerajaan menandatangani Konvensi Biodiversiti dan Agenda 21 di Rio.

JAWAPAN

Pada masa ini, Kerajaan sedang merangka dan mengkaji program-program yang akan dilaksanakan seperti yang digariskan dalam Konvensi Biodiversiti dan Agenda 21.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM
TARIKH	:	20 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   (a) sama ada Kerajaan sudah mengadakan penghebahan standard mutu alam sekitar dan pengawalan dan keperluannya dan keperluan penguatkuasaan yang lebih ketat; dan

   (b) jumlah luas kawasan mengikut negeri-negeri yang dikenalpasti sebagai kawasan tadahan hujan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal daripada berlakunya pencerobohan pembalak haram di kawasan yang berkenaan.

JAWAPAN

(a) Kerajaan telah menetapkan standard-standard bagi pelepasan pencemar ke alam sekitar dan dikuatkuasakan melalui beberapa peraturan yang dibuat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Pihak penggerak projek, pihak kilang dan lain-lain pihak yang berkepentingan dari semasa ke semasa telah diberitahu tentang keperluan untuk mematuhi standard yang berkenaan. Di samping itu orang ramai juga telah dimaklumkan tentang peranan mereka untuk mengemukakan aduan-aduan apabila kilang-kilang menyebabkan pencemaran iaitu tidak mematuhi standard yang ditetapkan. Kerajaan memang bertindak tegas ke atas pihak-pihak kilang yang tidak dapat mematuhi standard-standard tersebut seperti mengenakan kompaun dan tindakan mahkamah. Walau bagaimanapun, kerjasama pihak swasta dan orang ramai adalah penting untuk keberkesanan penguat-kuasaan yang dijalankan.

Kerajaan juga telah mengadakan standard mutu alam sekitar untuk digunakan bagi merancang projek-projek pembangunan. Standard mutu alam sekitar ini merupakan matlamat kualiti alam sekitar yang diperlukan dan ianya tidak dikuatkuasakan oleh undang-undang.

(b) Menunggu input daripada Kementerian Perusahaan Utama.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	20 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   (a) sama ada Loji Lebur Aluminium Bintulu yang dicadangkan itu akan dibina atau tidak;

   (b) jika akan dibina, adakah loji ini akan mendatangkan pencemaran alam sekitar atau tidak; dan

   (c) sama ada Kerajaan akan mendengar dan mengambil kira pandangan penduduk-penduduk Bintulu sebelum keputusan pembinaan loji tersebut dibuat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar masih belum menerima apa-apa permohonan mengenai projek ini.

Maklumat Tambahan

Penggerak projek ialah Hydro Aluminium (Norsk Hydro) daripada Norway usahasama dengan Chew Swee Loong Holding, Pulau Pinang. Susulan mengenai EIA telah dibuat semenjak 14 Julai 1988. Maklumat terakhir pada 29 Julai 1991, kajian EIA tidak akan dijalankan sehingga rundingan mengenai harga gas dengan PETRONAS selesai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH : 20 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   (a) sama ada Kementerian telah menetapkan bahawa semua kilang papan (besar atau kecil) dikehendaki membina insinerator-insinerator untuk membakar sampah kayu-kayan. Tetapi tidak memberi contoh-contoh insinerator yang standard kepada mereka menyebabkan mereka sentiasa didenda oleh pihak Kementerian;

   (b) pengusaha-pengusaha kilang tersebut setakat ini masih belum mengetahui cara-cara untuk mengatasi masalah ini. Apakah langkah-langkah oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan

   (c) sama ada Kementerian akan memberi kelonggaran kepada mereka supaya tidak didenda dalam masa mereka sedang membina 'insinerator standard'.

JAWAPAN

   (a) Tuan Yang DiPertua, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak menetapkan bahawa semua kilang papan (besar dan kecil) dikehendaki membina insinerator untuk membakar sisa kayu-kayan. Pembinaan insinerator bagi membakar sisa kayu kayan adalah merupakan salah satu pilihan bagi cara pelupusan, dan terpulanglah kepada pihak kilang untuk memilih pelbagai jenis insinerator yang terdapat dalam pasaran asalkan ia dapat mematuhi syarat-syarat pelepasan yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 serta memenuhi spesifikasi teknikal dan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

(b) Memang terdapat beberapa cara untuk mengatasi masalah pelupusan sisa-sisa kayu kayan selain daripada penggunaan insinerator dan terpulanglah kepada pihak kilang untuk memilih cara yang dianggap berkesan dan lebih ekonomi. Walau bagaimanapun, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bersedia untuk memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak yang memerlukannya.

(c) Ya.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Bagi Soalan 1 (c):

Kelonggaran memang telah diberikan kepada pihak kilang dalam masa mereka sedang membina insinerator yang berkesan dan dapat mematuhi standard pelepasan yang telah ditetapkan. Ini dibuat melalui pemberian Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 22 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, di mana Lesen Pelanggaran diberikan dalam tempoh/jangkamasa tertentu bagi kilang untuk menggunakan insinerator lama sebelum insinerator baru siap dipasang. Lesen Pelanggaran ini bukanlah satu kebenaran untuk mencemar alam sekitar tetapi adalah satu alat atau kaedah untuk membolehkan dan memastikan pihak kilang mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Bilangan Lesen Pelanggaran yang telah dikeluarkan di bawah Seksyen 22 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 kepada pihak kilang sewaktu sedang membina insinerator baru bagi tahun 1988-1991 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Lesen Pelanggaran Yang Telah Dikeluarkan
1988	16
1989	1
1990	0
1991	6

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH : 20 JULAI 1992

SOALAN

1. **Dr. Kua Kia Soong** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   a) sama ada Kerajaan berpuashati dengan kajian analisis risiko atas penempatan pusat pembuangan sisa-sisa beracun di Bt. Nanas, Negri Sembilan;

   b) apakah kemungkinan berlakunya pemancaran gas-gas merbahaya ke dalam udara serta pembocoran ke dalam air bawah tanah di kawasan tersebut;

   c) apakah jaminan yang telah diberikan kepada penternak-penternak babi di sekitar kawasan tersebut yang mengekportkan hasil ternakan mereka ke Singapura dan lain-lain tempat. Mereka dijangka akan menanggung akibat buruk penempatan pusat pembuangan sisa-sisa beracun di Bukit Nanas ini; dan

   d) apakah yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa organisasi-organisasi yang menghasilkan sisa-sisa beracun ini akan mula memperhentikan pengeluaran sisa-sisa beracun mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Kajian risiko ke atas penempatan pusat pembuangan sisa-sisa beracun di Bt. Nanas, Negri Sembilan yang disediakan oleh pihak pencadang sedang dikaji oleh panel EIA. Jabatan Alam Sekitar akan membuat ketetapan terhadap laporan tersebut setelah ulasan diterima dari ahli panel EIA.

(b) dan (c),

Kajian EIA ke atas tapak pelupusan adalah bertujuan untuk mengkaji risiko yang akan berpunca dari pengendalian/pengurusan tapak pelupusan dan langkah-langkah pencegahan/kawalan yang akan diambil untuk mengatasi masalah pencemaran yang akan timbul. Kesan-kesan ke atas alam sekitar dan penternakan babi akan dapat dinilai setelah laporan EIA selesai dikaji.

(d) Pengeluaran buangan dari kilang-kilang tidak dapat diberhentikan sama sekali. Walaupun begitu sisa-sisa tersebut dapat dikurangkan sekiranya pihak-pihak kilang mengambil tindakan tertentu seperti menggunakan semula buangan, memperolehi kembali bahan-bahan bernilai dan sebagainya. Langkah-langkah penguatkuasaan peraturan-peraturan berhubung dengan buangan terjadual sedang dikuatkuasakan untuk mengawal pengeluaran buangan toksik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WAHAB BIN SUHAILI
TARIKH	:	21 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan :-

   a) adakah Kerajaan menuntut pampasan daripada pihak Korea Selatan di atas pencemaran alam disebabkan kebakaran kapal minyak dari Korea Selatan di Pelabuhan Kelang baru-baru ini; dan

   b) berapakah anggaran kerugian yang dialami oleh Kerajaan Malaysia dalam kebakaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi soalan (a) dan (b) pihak Kerajaan belum boleh membuat keputusan sekarang, kerana siasatan belum siap dijalankan oleh Lembaga Siasatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	21 JULAI 1992

SOALAN

(a) Sama ada Kementerian sedar bahawa BDA (Bintulu Development Authority) akan membina Kilang Perusahaan Makanan di Kemena, Bintulu;

(b) Kita sedia maklum bahawa terdapat banyak kilang berasaskan kayu ditubuhkan di Kemena, Bintulu. Sekiranya Kilang Perusahaan Makanan tersebut dibina di Kemena, bagaimana Kementerian dapat memastikan makanan yang dihasilkan itu tidak tercemar; dan

(c) Jumlah peruntukan oleh Kementerian yang disalurkan kepada Kementerian Kesihatan Sarawak pada tahun 1991 dan 1992.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum menerima apa-apa permohonan mengenai pembinaan kilang perusahaan makanan di Kemena, Bintulu daripada 'Bintulu Development Authority'.

(b) Kawasan Perusahaan Kemena, Bintulu diakui menjadi tumpuan perusahaan-perusahaan berasaskan kayu. Oleh yang demikian pembinaan kilang makanan di dalam kawasan perusahaan ini tidak digalakkan memandangkan bahawa kedua-dua jenis perusahaan ini tidak 'compatible'. 'Bintulu Development Authority' akan dinasihatkan mengenai perkara ini untuk mengelakkan masalah pada masa depan.

(c) Bagi menjawab soalan (c) dimaklumkan bahawa hal ini tidak berbangkit.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD
TARIKH : 23 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kes pelanggaran Akta Perlindungan Alam Sekitar yang dilakukan oleh sektor perkilangan sejak akta itu dikuatkuasakan. Berapakah kes yang dibawa ke mahkamah dan apakah bentuk hukuman yang dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, bilangan kes pelanggaran terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya sejak Akta itu dikuatkuasakan ialah sebanyak 3430 kes, di mana sebanyak 2971 kes telah dikenakan tawaran kompaun dan selebihnya 459 kes telah dihadapkan ke mahkamah. Buat setakat ini, bagi kes-kes yang dibawa ke mahkamah, hanya hukuman penalti/denda sahaja yang telah dikenakan, meskipun ada terdapat peruntukan di dalam Akta bagi mengenakan hukuman yang lebih berat, seperti hukuman penjara tidak melebihi 2 tahun.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Jadual I
Kes-kes Pelanggaran Terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, dan Peraturan-Peraturan Di Bawahnya serta Denda yang dikenakan bagi Tahun 1990-1992.

Tahun	Tindakan	Bilangan Kes	Denda
1990	Kompaun	413	RM200,000.00
	Mahkamah	19	RM52,300.00
1991	Kompaun	1063	RM409,200.00
	Mahkamah	45	RM87,000.00
1992*	Kompaun	521	#RM250,000.00
	Mahkamah	30	RM51,150.00

* Sehingga 30 Jun 1992
\# Anggaran

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	28 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   (a) menurut kenyataan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos serta Ketua Menteri Sarawak bahawa Empangan Hidro-Elektrik Murun serta projek-projek Empangan lain di Belagus pasti akan dibina oleh Kerajaan di Kawasan Bakun di Bahagian Tujuh Sarawak. Akan tetapi, pada 11 Julai 1991, mengikut kenyataan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar apabila menjawab soalan mulut kepada saya, beliau menegaskan bahawa cadangan pembinaan Empangan Hidro-Elektrik Pelagus di Belaga Sarawak tidak ada dalam rekod Jabatan Alam Sekitar. Menurut kedua-dua kenyataan ini, terdapat maklumat bercanggah sama ada projek ini akan diteruskan atau tidak. Apakah alasan Kementerian mengenai perkara ini;

   (b) sekiranya tiada rekod mengenai projek ini di Jabatan Alam Sekitar, maka apakah langkah di bawah undang-undang yang boleh diambil mengenai penyelidikan Penilaian Alam Sekitar (EIA) di kawasan tersebut sebelum projek diteruskan; dan

   (c) maklumat menyatakan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mempunyai hak untuk membuat keputusan akhir dan muktamat mengenai sesebuah projek yang ada berkaitan dengan alam sekitar. Apakah pandangan Kementerian ini mengenai Projek Hidro-Elektrik di Murun.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada 11 Julai 1991 masih kekal.

(b) Tanpa merujuk secara khusus kepada projek-projek berkenaan, adalah dimaklumkan bahawa sebarang projek empangan hidro-elektrik yang akan menenggelami kawasan melebihi keluasan empat puluh (40) hektar dan mempunyai empangan melebihi ketinggian lima belas (15) meter, atau mempunyai kolam takungan air melebihi empat ratus (400) hektar adalah tertakluk kepada Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang menghendaki penggerak projek mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) untuk pertimbangan kelulusan oleh Jabatan Alam Sekitar.

(c) Perkara ini tidak berbangkit.

Maklumat Tambahan

1. Di bawah pertuntukan Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 Jabatan Alam Sekitar selepas berpuas hati dengan sebarang laporan EIA akan memberi kelulusan dengan syarat. Sebaliknya, sekiranya laporan tidak menepati garis-panduan yang ditetapkan dan tidak lengkap, laporan akan ditolak dengan menyatakan asas-asas permohonan. Bagaimanapun pemaju boleh menyemak semula laporan berkenaan dan mengemukakan laporan baru untuk dipertimbangkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH : 29 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan :

   (a) adakah beliau sedar bahawa beberapa Kerajaan Negeri telah mengumumkan tempat-tempat menyimpan sisa-sisa toksik; jika sedar adakah Kementerian beliau meluluskan tempat-tempat menyimpan sisa-sisa toksik di Negeri-negeri, umpamanya, Perak, Kedah, Negri Sembilan;

   (b) sebutkan garis panduan Kementerian yang dikenalpasti untuk menyimpan sisa-sisa toksik di tempat-tempat yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri-negeri tersebut;

   (c) adakah Kementerian beliau menjalankan pemeriksaan selanjutnya untuk menentukan bahawa tempat-tempat menyimpan sisa-sisa toksik adalah selamat; jika ada, bila masanya, jika tidak, mengapa; dan

   (d) sebutkan apa jenis sisa-sisa toksik yang disimpan di pekan Papan, Pusing, Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar tentang kehendak pihak Kerajaan Negeri untuk mengadakan tempat-tempat untuk menyimpan sisa-sisa toksik di negeri masing-masing seperti yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Negeri yang terlibat. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sudah memberi penjelasan supaya projek-projek tersebut dijalankan kajian EIA terlebih dahulu sebelum apa-apa kerja dilakukan terhadapnya.

b) Pemilihan tapak penyimpanan buangan toksik perlu berpandukan kepada garis-garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar mengenai pemilihan tapak penyimpanan buangan terjadual.

c) Tapak penyimpanan akan disiasat setelah tapak-tapak dicadangkan pihak Kerajaan Negeri dikemukakan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

d) Sisa-sisa yang tersimpan di Papan, Pusing, Perak adalah tidak termasuk dalam kategori buangan terjadual. Buangan tersebut ialah buangan radioaktif.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Soalan (b)

1. Tapak penyimpanan buangan toksik perlulah dipilih berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

   a) Tapak penyimpanan seboleh mungkin hendaklah dibangunkan di kawasan perindustrian;

   b) Zon penampan yang secukupnya iaitu sekurang-kurangnya 1000 ke 1500 meter daripada tapak tersebut dengan kawasan kediaman hendaklah diadakan;

   c) Kawasan yang secukupnya hendaklah juga diadakan bagi membina loji pengolahan effluen yang mungkin terhasil;

   d) Tapak yang dipilih hendaklah terletak di hilir takat pengambilan air minuman atau punca-punca air untuk kegunaan domestik;

   e) Kegunaan tanah sekitar tapak hendaklah bersesuaian (compatible) di antara satu dengan lain. Umpamanya, jika tapak perindustrian dipilih, hendaklah tiada terdapat industri makanan berhampiran;

   f) Tapak hendaklah tinggi dan tidak mudah dinaiki banjir; dan

   g) Tapak hendaklah 'accessible' untuk tujuan pemindahan api dan lain-lain kecemasan.

2. Sebelum tapak diluluskan, Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) hendaklah dijalankan ke atas tapak cadangan bagi menentukan kesesuaiannya bagi tujuan penyimpanan buangan terjadual.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH	:	29 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   (a) mengapa Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Sek. 34A) mengenai Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) tidak sekali dikuatkuasakan di negeri Sarawak terhadap kegiatan pembalakan, skim-skim pertanian besar-besaran oleh Kerajaan dan swasta dan perlombongan;

   (b) apakah sebab-sebab yang dikenalpasti oleh Kementerian terhadap syarikat-syarikat yang terlibat dalam kegiatan pembalakan, perlombongan dan skim-skim pertanian besar-besaran tidak mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974;

   (c) siapakah yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta ini terhadap kegiatan-kegiatan tersebut, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar atau Kerajaan Negeri; dan

   (d) adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pernah berhubung dan membincang penguatkuasaan Akta ini dengan Kerajaan Negeri, apakah pendirian mereka.

JAWAPAN

(a) & (b) Tuan Yang DiPertua, untuk menjawab soalan (a) dan (b), adalah tidak benar sama sekali dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Baram yang mengatakan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 tidak dikuatkuasakan di Negeri Sarawak bagi aktiviti-aktiviti pembalakan, skim-skim pertanian dan perlombongan oleh pihak Kerajaan atau swasta. Berdasarkan rekod Jabatan

Alam Sekitar, tiada syarikat-syarikat yang terlibat di dalam kegiatan pembalakan, skim-skim pertanian dan perlombongan di Negeri Sarawak yang tidak mematuhi Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

(c) Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah Jabatan yang bertanggungjawab di dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Di bawah Akta tersebut pihak pemaju bagi projek yang tertakluk kepada EIA adalah dipertanggungjawabkan dan diwajibkan mengemukakan laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar.

(d) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pelaksanaan Akta ini.

Maklumat Tambahan

(a) Bagi aktiviti pertanian, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian ini telah menerima dua permohonan projek pertanian seperti berikut yang mana penggerak projek akan menyediakan laporan EIA:

(i) Cadangan Projek Pembangunan Pertanian Sebangan-Bajong; dan

(ii) Cadangan Projek Pembangunan Pertanian Lembangan Sungai Saribas.

(b) Sehingga kini Jabatan Alam Sekitar belum menerima laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi aktiviti pembalakan dan perlombongan di Sarawak.

(d) Berhubung dengan kegagalan syarikat atau mana-mana penggerak projek yang gagal mengemukakan laporan EIA sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, denda maksimum RM10,000 (sepuluh ribu ringgit) atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan jika bersabit kesalahan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH	:	29 JULAI 1992

SOALAN

1. **Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) berapa ramai pegawai dan kakitangan alam sekitar yang bertugas di Jabatan Alam Sekitar di Negeri Sarawak; dan

   (b) berapa banyakkah aduan-aduan mengenai masalah alam sekitar yang telah diterima; apakah jenis masalah ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Sarawak.

JAWAPAN

(a) Tuan Yang DiPertua, pada masa ini, Jabatan alam sekitar di Negeri Sarawak mempunyai 15 orang pegawai dan kakitangan.

(b) Dari tahun 1990 hingga Julai 1992, Jabatan Alam Sekitar di Negeri Sarawak telah menerima sebanyak 147 kes aduan mengenai masalah alam sekitar. Di antara masalah yang diadukan ialah yang berkaitan dengan pencemaran udara yang berpunca dari perusahaan berasaskan kayu, pencemaran bunyi bising, pencemaran air sungai dan pencemaran bau busuk. Setiap aduan telah disiasat dan bagi kes-kes pelanggaran undang-undang, tindakan mengenakan kompaun dan mahkamah telah diambil. Selain daripada tindakan yang berbentuk hukuman seperti yang dinyatakan di atas, pihak kilang yang bermasalah juga telah diberi arahan untuk mengatasi masalah yang diadukan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Bagi soalan 1 (a)

Jadual 1

Bilangan Perjawatan di Jabatan Alam Sekitar
Negeri Sarawak Sehingga Julai 1992

KUMPULAN	JAWATAN	BILANGAN
Pengurusan dan Professional	Pengarah	1
	Pegawai Kawalan Kanan	1
Sokongan	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	1
	Pen. Pegawai Kawalan	4
	Juruteknik	4
	Pegawai Kerani	1
	Jurutaip	1
	Pembantu Am Rendah	1
	Pemandu	1
	Jumlah	15

2. Bagi Soalan 1 (b)

Jadual 2

Bilangan Kes-Kes Aduan Pencemaran Alam Sekitar
di Negeri Sarawak Mengikut Jenis Bagi Tahun 1990-1992 (Julai)

Jenis Aduan	**1990**	**1991**	**1992**	
1. Udara	26	37	29	
2. Air	8	6	2	
3. Bunyi Bising	6	4	4	
4. Bau Busuk	–	8	–	
5. Lain-lain	6	7	4	
Jumlah	46	62	39	= 147

Jadual 3

Tindakan Penguatkuasaan Bagi Kes-Kes Aduan Pencemaran Alam Sekitar
di Negeri Sarawak Bagi Tahun 1990-1992 (Julai)

Tindakan Diambil	**1990**	**1991**	**1992**
1. Pendakwaan	–	1	–
2. Kompaun	7	9	2
3. Amaran	11	8	5
4. Arahan	16	17	9
5. Rujuk Agensi Lain	12	16	19
6. Dalam Siasatan	–	–	15
Jumlah :	46	51	50

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	30 JULAI 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah hasilnya daripada Persidangan 'Earth Summit' membangun mengenai alam sekitar dan pembangunan yang diadakan di Rio de Janeiro, Brazil, berikan butir-butirnya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini adalah sama maksudnya dengan soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Tuan Ahmad bin Omar dan telah dijawab sepenuhnya oleh Y.B. Timbalan Menteri Luar Negeri pada 20.7.1992. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan lagi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	30 JULAI 1992

SOALAN

Y. B. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sama ada Kementerian akan mengkaji semula dasar-dasar am perlindungan alam sekitar dalam usaha ke arah pembangunan. Jika tidak, apakah langkah yang khas akan diambil berkaitan dengan ekonomi, sosial dan nilai mental terhadap sumber asli ini. Kalau tidak, mengapa;

(b) Kerajaan kita telah mengumumkan usaha kami kepada negara-negara membangun usaha kita dalam pentadbiran alam sekitar kita, khasnya perhutanan. Adakah Kementerian melakukan sesuatu usaha untuk mendidik masyarakat umum tempatan dalam bidang yang sama? Kalau tidak, mengapa?

(c) sama ada Kementerian terlibat dalam pemindahan teknologi yang sesuai. Apakah penyelidikan secara saintifik yang telah dijalankan untuk mencari teknologi sesuai yang melibatkan alam sekitar; dan

(d) sama ada Kementerian melibatkan sektor swasta, kumpulan rakyat, pertubuhan sukarela serta masyarakat umum untuk meningkatkan taraf alam sekitar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kalau ya, apakah langkah yang diambil. Kalau tidak, mengapa; dan

(e) sama ada Kementerian mengiktirafkan kebijaksanaan orang-orang ulu khasnya pengetahuan mereka terhadap alam sekitar, termasuk maklumat mengenai tumbuhan, binatang, tanah dan sumber air serta bentuk kegunaannya. Sama ada Kementerian akan menimbangkan secara amali ilmu-ilmu orang-orang ulu ini, kedua-duanya secara sara dan dalam campuran ilmu moden yang dapat menciptakan cara untuk pembangunan pesat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sentiasa mengkaji semula dasar-dasar am perlindungan alam sekitar selaras dengan kepentingan semasa serta tahap teknologi kawalan yang ada. Umpamanya sekarang ini pengkajian semula undang-undang berkaitan alam sekitar yang melibatkan Kementerian dan agensi lain serta pihak swasta/bukan kerajaan sedang dijalankan. Dari semasa ke semasa juga peruntukan Akta Kualiti Alam Sekelliling, 1974 dan Peraturan di bawahnya dipinda/digubal mengikut keperluan, termasuk pindaan Akta pada tahun 1985 yang mensyaratkan keperluan Penilaian Kesan ke atas Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment).

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, matlamat dasar-dasar am alam sekitar telahpun diperbadankan dalam Rancangan-Rancangan Malaysia, iaitu Ketiga hingga Keenam, dan juga Dasar Pembangunan Negara. Matlamat dasar seperti tertera dalam kedua-dua rancangan tersebut mencerminkan azam Kerajaan untuk mengwujudkan alam sekeliling yang lebih selesa untuk dinikmati oleh rakyat negara ini. Oleh kerana itulah Kerajaan sedang mempertingkatkan usaha-usahanya dengan menguatkuasakan perundangan alam sekitar dan program-program pembangunan.

(b) Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama telah dengan bersusah payah memperkukuhkan pendirian delegasi Malaysia di persidangan-persidangan antarabangsa untuk menyebarkan usaha-usaha negara dalam pengurusan perhutanan. Usaha-usaha sedemikian telah mencapai puncaknya ke tahap yang genting, dengan penglibatan aktif di "Persidangan Negara-Negara Membangun Tentang Alam Sekitar dan Pembangunan" di Kuala Lumpur, diikuti Kemuncak Bumi di Rio baru-baru ini.

Selain dari itu, sukacita juga dimaklumkan kewujudan Unit Pendidikan, Maklumat dan Hal Ehwal Antarabangsa di Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang tugasnya, antara lain adalah untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat tempatan tentang alam sekitar melalui pengeluaran risalah, pita video dan berbagai bahan publisiti di samping aktiviti ceramah, pameran dan kempen kesedaran.

(c) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terlibat dalam usaha dan program untuk memindahkan teknologi yang ada kaitan dengan bidang--

kuasa Kementerian ini, terutama mengenai alam sekitar. Teknologi yang diperlukan diperolehi secara bantuan teknikal dari negara asing atau pertubuhan antarabangsa, dalam bentuk penempatan juru-runding atau penganjuran kursus latihan, perolehan peralatan sesuai dan sebagainya.

Perlu diingatkan bahawa proses ini adalah dua-hala dan tidak semestinya Malaysia selaku penerima saja. Dalam teknologi kawalan pencemaran misalnya perusahaan kelapa sawit mentah dan getah asli mentah, kejayaan Malaysja telahpun menjadi contoh yang sedang diikuti oleh negara serantau.

(d) Kementerian memang melibatkan sektor swasta, kumpulan rakyat, pertubuhan sukarela serta masyarakat umum dalam pengurusan alam sekitar amnya, dan antara langkah-langkah usahasama yang diambil adalah seperti berikut:

- penggubalan/ulangkaji peraturan
- peninjauan Laporan EIA
- kempen-kempen pendidikan alam sekeliling
- penyediaan pendirian untuk persidangan antarabangsa
- dialog tahunan antara pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) dan Kementerian.

(e) Setakat ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum lagi mengiktirafkan ilmu orang-orang ulu yang berkaitan alam sekitar. Namun begitu Kerajaan sentiasa menghormati kemahiran kaum-kaum asli atau 'indigenous groups', sama ada dalam bidang perubatan tradisi ataupun pengetahuan tentang flora dan fauna serta sumber-sumber alam yang lain. Beberapa galakan yang sesuai telah dan sedang diberi kepada golongan ini melalui berbagai agensi kerajaan yang mentadbirkan program-program bagi mereka, seperti Jabatan-jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Perhutanan, Pertanian dan Kesihatan. Dalam pada itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa terbuka kepada idea dari mana-mana pihak, moden atau tradisional yang dapat memberi manfaat kepada kesejahteraan alam semulajadi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN IBRAHIM MUSTAFA
TARIKH	:	3 OGOS 1992

SOALAN

1. **Tuan Ibrahim Mustafa** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

   a) punca utama berlakunya pencemaran air di negara ini;

   b) nyatakan 3 negeri utama di negara ini yang paling banyak menghadapi masalah pencemaran air;

   c) senaraikan jenis industri (mengikut sumbangan kepada masalah pencemaran air) yang paling banyak menyebabkan berlakunya pencemaran air; dan

   d) bagaimanakah Kementerian dapat mengatasi masalah-masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca utama pencemaran air adalah dari aktiviti-aktiviti pembukaan dan kerja-kerja tanah.

(b) Tiga (3) negeri utama yang menghadapi masalah pencemaran air adalah Negeri Perlis, Selangor & Kuala Lumpur dan Negri Sembilan.

(c) Aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pencemaran air adalah aktiviti pembukaan tanah, dan diikuti oleh industri lain seperti penternakan khinzir, kilang-kilang kelapa sawit, getah dan industri pembuatan.

(d) Untuk mengatasi masalah ini langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut;

1. Menjalankan program pembersihan sungai
2. Pengkelasan sungai-sungai oleh Kerajaan Negeri
3. Penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Kerajaan Tempatan di mana semua effluen dari perusahaan, kumbahan, mestilah mengikut 'standard' sebelum ianya dilepas ke alur air dan pengawalan terhadap pelupusan bahan-bahan pepejal, sampah sarap, dan buangan terjadual.

Di samping itu pihak Kementerian juga telah membangkitkan di dalam mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan di dalam mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan yang telah membincangkan Garis panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan antara lain mengenai keperluan untuk menyusun semula Jadual Kerja pembinaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW
TARIKH	:	4 OGOS 1992

SOALAN

1. **Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menyatakan:-

   a) kemajuan kawalan pencemaran udara dan air di Sarawak;

   b) adakah perlu bagi pemilik kilang baru mendapat surat izin (clearance) daripada Kementerian sebelum mereka dapat menerima lesen untuk beroperasi. Kalau tidak, mengapa; dan

   c) adakah Kementerian akan mengadakan pejabat di semua bahagian di Sarawak agar dapat memenuhi dan menguatkuasa polisi dan peraturan Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

a) Punca utama pencemar udara di Negeri Sarawak ialah kilang-kilang papan, perabot dan papan lapis yang mempunyai alat bakarsampah (incinerator) yang tidak sesuai dan tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah mengambil langkah untuk mengawal situasi tersebut melalui perbincangan dengan pihak kilang dengan tujuan untuk menukarkan alat-alat bakarsampah dengan yang baru yang lebih sesuai dan dapat berfungsi dengan sempurna. Tindakan melalui penguatkuasaan undang-undang telah dikenakan kepada kilang-kilang yang masih degil untuk berbuat demikian.

   Dari segi masalah pencemaran air, punca-punca pencemaran tersebut yang telah dikenalpasti ialah daripada kerja-kerja pembukaan tanah (land clearing),

perusahaan membuat sagu, kilang-kilang getah dan kilang-kilang kelapa sawit. Tahap pencemaran daripada kilang-kilang getah dan kelapa sawit masih terkawal manakala pengusaha kilang-kilang sagu telah melantik jururunding dari universiti tempatan untuk kajian bagi kawalan pelepasan effluen dan kawalan terhadap kerja-kerja membuka tanah pula telah dilaksanakan dari masa kesemasa.

b) Pembinaan kilang-kilang baru perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar jika kilang-kilang tersebut tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-pPeraturan di bawahnya. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa sebarang pembinaan kilang baru tidak mendatangkan apa-apa masalah pencemaran dari segi alam sekitar atau corak guna tanah dan juga dapat memastikan 'compatibility' dalam rancangan pembangunan masa hadapan.

c) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum lagi mempunyai cadangan untuk mengadakan Pejabat Jabatan Alam Sekitar di setiap Bahagian di Sarawak. Walau bagaimanapun cadangan Ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	4 OGOS 1992

SOALAN

Y.B. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Persekitaran menyatakan, memandangkan kajian yang dibuat oleh Universiti Pertanian Malaysia atas tajaan 'World Wide Fund for Nature' yang mendapati bahawa projek padang golf dan tempat peranginan membawa kesan persekitaran yang buruk ke atas Pulau Redang;

(a) apakah tindakan Kerajaan untuk memberhentikan kesan pemusnahan ke atas taman marin Redang ini;

(b) apakah penjelasan yang dapat Kerajaan berikan ke atas jaminan awal bahawa "setiap tahap pembangunan akan diawasi secara berhati-hati";

(c) sama ada pegawai-pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar menjalankan pemeriksaan tetap setiap dua bulan ke atas prŏgres pembangunan; jika ya, mengapakah mereka membenarkan ekosistem bakau, ekosistem marin dan persekitaran dirosakkan sehingga ke tahap sebagaimana yang dibongkarkan oleh kajian Universiti Pertanian Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), (b) dan (c) sekaligus, memang tidak benar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar membenarkan pembangunan projek pelancongan dan peranginan di Pulau Redang merosakkan ekosistem marin, ekosistem bakau dan persekitarannya. Sebaliknya, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang di mana ahli-ahlinya terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs), agensi-agensi Kerajaan dan pemaju projek. Tujuan jawatankuasa ini ialah untuk mengawasi keadaan pem-

bangunan projek pelancongan di Pulau Redang supaya langkah-langkah yang sesuai akan diambil dalam mempastikan semua masalah adalah terkawal.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pulau Redang pada masa kini sedang dibangunkan dan projek-projek yang sedang dilaksanakan termasuklah projek pelancongan dan peranginan, penempatan semula penduduk-penduduk dari Kuala Redang ke Hulu Redang dan juga pembangunan infrastruktur. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan tersebut mengakibatkan perubahan dan kesan kepada alam sekitar. Walau bagaimanapun, dari pengawasan yang telah dijalankan, semua masalah yang timbul dapat dikawal dengan langkah-langkah tebatan dan pencegahan yang sesuai.

Sekali lagi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pengawasan bulanan memang sedang dijalankan dan akan diteruskan oleh Jabatan Alam Sekitar supaya pembangunan projek tersebut tidak akan menjejas kualiti air dan ekosistem marin. Di samping itu, kerja-kerja pengawasan juga dijalankan oleh pemaju projek berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' HAJI MOHD. ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM
TARIKH	:	4 OGOS 1992

SOALAN

1. **Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghidupkan kembali sungai-sungai yang telah "mati" oleh sebab pencemaran dan menghijaukan kembali hutan-hutan dan kawasan hijau yang telah ditebang tebas untuk pembangunan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persoalan bagi menghidupkan kembali sungai-sungai yang telah "mati" itu tidak timbul, kerana setakat ini belum terdapat lagi sungai-sungai yang dikatakan "mati".

Dalam perkara menghijaukan kembali hutan-hutan dan kawasan hijau yang telah ditebang tebas untuk pembangunan, Kerajaan melalui pelbagai agensi seperti Pejabat Tanah, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Alam Sekitar telah mensyaratkan dalam pelbagai kelulusan mereka untuk menghijaukan persekitaran tapak pembangunan samaada tapak itu untuk perladangan atau pembangunan perumahan dan sebagainya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. ABD HAMID BIN HJ ABD. RAHMAN
TARIKH	:	4 OGOS 1992

SOALAN

1. **Tuan Hj. Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) bagaimanakah tahap pencemaran udara disebabkan asap kenderaan dan kilang di negara ini;

   (b) berapakah had pengeluaran asap mengikut Skala Hartridge Smoke Unit (HSU) di Malaysia;

   (c) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengurangkan pencemaran udara; dan

   (d) berapakah kompaun yang telah dipungut hasil daripada kesalahan-kesalahan pengeluaran asap yang berlebihan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada umumnya tahap pencemaran udara berpunca dari asap kenderaan dan kilang di seluruh negara adalah terkawal. Bagi menjamin kualiti alam sekitar sentiasa bersih, Jabatan Alam Sekitar akan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk mengawal pelepasan asap dari kilang-kilang mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, dan dari kenderaan bermotor melalui Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 dan Peraturan-Peraturan baru yang akan dikuatkuasakan pada 1 September, 1992 ini.

(b) Di bawah Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977, had pelepasan asap yang dibenarkan bagi kenderaan disel adalah tidak melebihi 50 unit Asap Hitam [Hatridge Smoke Unit (HSU)

(c) Bagi mengatasi masalah pencemaran ini beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dan di antaranya ialah:

(i) Kerja-kerja penguatkuasaan kawalan pelepasan dari kenderaan bermotor dan daripada aktiviti-aktiviti perindustrian oleh Jabatan Alam Sekitar akan dipertingkatkan;

(ii) Menggalakkan penggunaan minyak tanpa plumbum (Unleaded Gasoline) dan 'Natural Gas for Vehicle (NGV)' oleh pengguna kenderaan bermotor;

(iii) Menggubal peraturan-peraturan baru bagi mengawal pelepasan gas seperti karbon monoksid dan haidrokarbon dari kenderaan bermotor;

(iv) Mewajibkan pemasangan pengubah bermangkin (catalytic converter) bagi semua model kenderaan baru yang bermula pada tahun 1994.

(v) Meningkatkan kualiti minyak (fuel quality) yang dipasarkan seperti mengurangkan kandungan sulphur di dalam minyak.

Kerajaan merayu kepada semua pihak supaya memberi kerjasama kepada agensi-agensi Kerajaan dalam melaksanakan Peraturan-Peraturan dan langkah-langkah yang dirancang bagi menjamin Kualiti Alam Sekeliling terutamanya kualiti udara tidak tercemar. Ini kelak akan dapat menjamin kesihatan dan keselesaan untuk semua.

(d) Dari rekod Jabatan Alam Sekitar bagi tahun 1991 sahaja, sebanyak 9444 kenderaan telah disaman dengan jumlah kompaun yang dipungut dianggarkan berjumlah M$944,400.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN G. PALANIVEL
TARIKH	:	4 OGOS 1992

SOALAN

1. **Y.B. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah delegasi Malaysia di bawah pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri ke Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro dapat memperbaiki perasaan Anti-Malaysia dalam soal alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Semasa delegasi Malaysia berada di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, tunjuk perasaan dari mana-mana pihak tidak dirasai sebagai satu perkara yang menarik perhatian delegasi-delegasi lain yang hadir bersama. Perkara mengenai perasaan Anti-Malaysia juga tidak diperbincangkan oleh massa media. Sebaliknya, terdapat organisasi-organisasi bukan Kerajaan (NGOs) dan juga antarabangsa yang memberi sokongan terhadap pendirian Malaysia serta pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia. Di samping itu, imej Malaysia di peringkat antarabangsa telah meningkat melalui "coverage" media massa yang meluas terhadap Y.A.B. Perdana Menteri dan menteri-menteri yang bersamanya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	BERTULIS
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	19 OKTOBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Jumlah laporan EIA yang telah disampaikan kepada DOE pada tahun 1991 dan tahun 1992, dan berapakah laporan daripada jumlah itu telah diproses oleh EIA;

(b) Apakah langkah-langkah sedang diambil untuk Kementeriannya memproseskan laporan EIA yang disampaikan dengan lebih berkesan untuk mengelakkan kelewatan dalam melaksanakan sesuatu projek baru, tanpa mengorbankan tujuan Kerajaan mengimbangkan pembangunan dengan perlindungan alam sekitar;

(c) Adakah Kementeriannya bertujuan untuk mengamalkan 'prequalification' bagi syarikat-syarikat yang akan menyediakan laporan EIA untuk sesuatu projek, supaya hanya mereka yang berlayak dan berupaya diberi peluang didaftarkan dengan Kerajaan untuk menyampaikan laporan EIA;

(d) Apakah cadangan Kementeriannya untuk membuka prosedur penyediaan laporan EIA, supaya dalam proses penyiasatan, dan setelah laporan telah disediakan, orang awam akan diberi peluang memberi pandangan mereka, serta memeriksa laporan itu dalam satu masa sahaja; dan

(e) Apakah masalah telah dihadapi oleh pihak DOE, dalam melaksanakan Akta Kawalan Kualiti Alam Sekitar, supaya skop perlaksanaan Akta tersebut akan betul-betul diperluaskan kepada semua 'prescribed-activities' khasnya dari segi guna tenaga Kementeriannya, kepakaran, garis-panduan dan jentera pentadbiran yang ada sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan laporan EIA yang diterima untuk diproses oleh Jabatan Alam Sekitar dalam tahun 1991 adalah sebanyak 176 laporan di mana sebanyak 56 laporan dari jumlah ini adalah laporan-laporan yang belum selesai dan dibawa dari tahun 1990. Dari jumlah ini, 114 laporan atau 49.1 peratus telah diproses dalam tahun tersebut. Manakala baki 118 laporan atau 50.9 peratus yang belum selesai telah dibawa untuk diproses dalam tahun 1992. Bilangan laporan EIA untuk diproses oleh Jabatan Alam Sekitar dalam tahun 1992 sehingga 30 November 1992 adalah sebanyak 293 laporan di mana sebanyak 118 laporan dari jumlah ini adalah yang dibawa dari tahun 1991. Dari jumlah tersebut 228 laporan atau 77.8 peratus telah diproses dan bakinya sebanyak 65 laporan sedang dinilai.

Bagi menjawab soalan (b), langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk meningkatkan kecepatan dan kecekapan Jabatan Alam Sekitar dalam memproses laporan EIA adalah dengan antara lainnya:-

(i) mengadakan urusan pendaftaran Jururunding EIA;

(ii) menubuhkan Jawatankuasa Antara Agensi 'Serenti' mengenai Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (One-Stop Agency for EIA);

(iii) mengemaskinikan Buku Garis panduan EIA yang sedia ada;

(iv) menyediakan Format Baru Laporan EIA;

(v) menyediakan Garis panduan EIA spesifik mengikut aktiviti atau projek; dan

(vi) menghantar pegawai-pegawai EIA menghadiri kursus dan latihan yang sesuai sama ada di dalam atau di luar negeri.

Di samping itu juga Jabatan Alam Sekitar telah mengaturkan rancangan khas untuk menyelesaikan kes-kes laporan EIA yang dibawa ke hadapan (laporan tertunggak). Dalam tempoh antara Julai 1992 hingga September 1992, sebanyak 81 kes laporan EIA yang tertunggak telah diselesaikan.

Bagi menjawab soalan (c), firma-firma jururunding yang terlibat dalam penyediaan laporan EIA perlulah mempunyai kakitangan yang mahir dan berpengalaman untuk menghasilkan EIA yang lengkap dan berkualiti. Dengan cara ini akan

dapat mengelakkan pembaziran masa meminta maklumat tambahan daripada mereka. Untuk itu, Jabatan Alam Sekitar sedang menggubal kriteria-kriteria yang sesuai untuk tujuan pendaftaran jururunding EIA. Antara kriteria yang dicadangkan termasuklah syarikat perunding berkenaan hendaklah mempunyai tenaga kepakaran dalam bidang sains, perancangan, kejuruteraan dan sosio-ekonomi serta mempunyai pengalaman menyediakan laporan EIA di mana-mana negara pada masa yang lepas.

Bagi menjawab soalan (d), orang awam sememangnya diberi peluang untuk memberikan pandangan dan ulasan mereka dalam prosedur penilaian laporan EIA terperinci. Untuk tujuan ini laporan-laporan EIA adalah dipamerkan di tempat-tempat awam supaya orang awam dapat meneliti laporan-laporan tersebut dan seterusnya membuat ulasan atau pandangan ke atas laporan-laporan itu untuk disampaikan kepada Jabatan Alam Sekitar. Tempat-tempat laporan EIA terperinci ini dipamerkan dimaklumkan oleh Jabatan Alam Sekitar kepada orang awam melalui media cetak dan media elektronik termasuklah nama pegawai-pegawai yang boleh dihubungi untuk memberikan ulasan mereka. Sesudah itu pula, Jabatan Alam Sekitar akan melantik sebuah panel untuk menilai laporan EIA yang berkenaan di mana ahli-ahlinya adalah terdiri dari berbagai peringkat dan golongan seperti wakil agensi Kerajaan, ahli profesional, wakil pengguna dan wakil orang awam yang menghadiri panel tersebut atas nama pertubuhan bukan Kerajaan.

Bagi menjawab soalan (e), pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 khususnya yang berkaitan dengan prosedur EIA sememangnya meliputi semua aktiviti-aktiviti yang ditetapkan atau 'prescribed-activities' sebagaimana yang terdapat di dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Bagi meningkatkan kemampuan menguruskan EIA, usaha-usaha sedang dan akan dibuat bagi meningkatkan kecekapan dan kekesanan Jabatan Alam Sekitar melalui penambahan bilangan jawatan, latihan dan penyediaan garis-garis panduan pengurusan laporan EIA.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN BILLY ABIT JOO
TARIKH	:	20 OKTOBER 1992

SOALAN

Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Persekitaran menyatakan :

(a) sama ada Kementerian mengambil tindakan ke atas pencemaran air yang berlaku akibat kegiatan pembalakan di Sarawak; dan

(b) sama ada Menteri sedar yang kakitangan dan penuntut SRK Long Gang, Belaga dan SRK Long San menghadapi masalah yang rumit akibat pencemaran bekalan air mereka. Jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, kawalan kegiatan pembalakan di Negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Langkah-langkah kawalan yang wajar telahpun dilaksanakan untuk mengawal pencemaran air di Negeri Sarawak melalui sistem penebangan yang sesuai dan sistematik sepertimana yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak.

(b) Kementerian ini belum lagi menerima aduan secara rasmi mengenai masalah mendapatkan bekalan air bersih daripada kakitangan dan penuntut SRK Long Gang, Belaga dan SRK Long San. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini juga perlu dirujuk untuk perhatian pihak berkuasa berkenaan seperti Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Pendidikan di Negeri Sarawak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH : 20 OKTOBER 1992

SOALAN

Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sama ada agensi seperti FELCRA dan FELDA, yang terlibat dalam pelaksanaan skim pertanian besar-besaran di seluruh negara dan IADP, LCDA dan SALCRA yang menjalankan aktiviti yang sama di negeri Sarawak menjalankan kajian EIA terhadap kegiatan mereka mengikut kehendak Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;

(b) jika ada, berapa kajian dan laporan tersebut yang sudah diterima, sedang diteliti, ditulis dan yang ditolak setakat ini; dan

(c) jika tidak, adakah agensi-agensi berkenaan melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian dan Jabatan Alam Sekitar terhadap perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pengusaha projek bagi Skim Pertanian besar-besaran sama ada badan kerajaan atau swasta perlu mengemukakan laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Mengenai soalan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Jabatan Alam Sekitar telah menerima dua (2) buah laporan EIA bagi aktiviti pertanian. Di samping itu, laporan EIA bagi dua (2) projek FELDA, satu (1) projek FELCRA dan satu (1) projek LCDA sedang diusahakan.

Mengenai soalan (c), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 34A tersebut telah dikuatkuasakan pada 1 April 1988. Ini bermakna bahawa selepas 1 April 1988, projek-projek yang dikawal di bawah Akta tersebut perlu mengemukakan laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar. Dalam kes-kes di mana Jabatan Alam Sekitar mengenalpasti bahawa laporan EIA belum disediakan, langkah pertama yang diusahakan ialah Jabatan Alam Sekitar menasihatkan pengusaha projek menyediakan laporan EIA seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen tersebut. Dalam hubungan ini, beberapa badan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat telah diberi nasihat sedemikian oleh Jabatan Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI ABD. HADI BIN HAJI AWANG
TARIKH	:	3 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Abd. Hadi bin Haji Awang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada:

Adakah benar projek membina lapangan terbang dan projek membekal air bersih melalui paip dasar laut akan dibina di Pulau Redang, Terengganu. Jika benar siapakah yang akan menanggung kos pembiayaan dan berapakah anggaran kos membina setiap projek tersebut. Setakat manakah ketegasan pihak Jabatan terhadap syarat-syarat yang telah dilanggar oleh pemaju sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan diakui oleh laporan EIA (Kajian Analisa Alam Sekitar).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan Kesan Penilaian Alam Sekeliling (EIA) bagi projek pembangunan pelancongan dan rekreasi yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar hanya bagi pembangunan bilik hotel, villa percutian, kondominium, padang golf, rumah kelab, ladang kuda dan rumah pekerja. Mengenai pematuhan syarat pelaksanaan projek, Jabatan Alam Sekitar telah menyediakan program pengawasan bulanan ke atas kemajuan projek supaya kualiti air dan ekosistem marin di Pulau Redang tidak akan terjejas. Dari lawatan pengawasan yang terbaru pada bulan September 1992, didapati langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan adalah memuaskan.

Setakat ini, Jabatan Alam Sekitar belum menerima permohonan projek membina lapangan terbang dan projek membekal air bersih melalui paip dasar laut di Pulau Redang dari pemaju projek berkenaan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Lawatan yang terbaru pada September 1992 menunjukkan pembangunan kerja-kerja tanah dan penanaman rumput padang golf-9 lubang di tahap akhir dan 90% telah siap. Langkah-langkah kawalan yang telah disediakan termasuklah "cascading drain", "bund", "rubble wall", "stone-pitching", "concrete drain", dan penurapan jalan (access road) dijangka akan disempurnakan sebelum kedatangan musim tengkujuh, di samping menumpukan perhatian kepada kerja-kerja penyelenggaraan. Seterusnya penggerak projek juga mengadakan program menanam semula pokok-pokok bakau.

- Sehingga kini Jabatan Alam Sekitar hanya mendapat laporan pengawasan kualiti air sungai dan air laut yang telah dijalankan pada Mac 1992 daripada Jabatan Kimia. Percontohan air telah diambil dari 7 stesen percontohan dan keputusan bagi parameter-parameter adalah seperti berikut:

Parameter	**Unit**	**Keputusan Analisis (Purata)**
Suhu	^{0}C	25
Nilai pH	-	7.9
Kekeruhan	FTU	2.1
Warna	Hazen	5
Saliniti	%	33
Oksigen Terlarut	mg/1	7.7
Pepejal Terampai	mg/1	200
Minyak & Gris	mg/1	2.9
Logam Berat		
Besi (Fe)	mg/1	0.46
Kadmium	mg/1	t.k
Kromium	mg/1	t.k
Tembaga	mg/1	t.k
Plumbum	mg/1	t.k
Nikel	mg/1	t.k
Raksa	mg/1	t.k

Nota: Tidak kesan

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM
TARIKH	:	3 NOVEMBER 1992

SOALAN

Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah pencemaran akibat peningkatan kegiatan perindustrian. Nyatakan jenis-jenis pencemaran dan cara-cara untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ialah untuk mengimbangkan peningkatan aktiviti-aktiviti perindustrian dengan aktiviti-aktiviti pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar. Usaha-usaha mengimbangkannya dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat, khususnya agensi-agensi sektor awam dan sektor swasta.

Jenis-jenis pencemaran yang dihasilkan daripada peningkatan aktiviti-aktiviti perindustrian di negara ini ialah pencemaran air, udara, bunyi bising dan bahan buangan terjadual.

Bagi mempastikan pencemaran-pencemaran itu dapat diuruskan dengan sempurna, Jabatan Alam Sekitar telah menetapkan beberapa peraturan dan kaedah pencegahan dan pengawalan.

Melalui peraturan dan kaedah pencegahan, tumpuan diberikan kepada perancangan pelan-pelan struktur dan pelan-pelan tempatan untuk penetapan kawasan perindustrian dan kawasan perumahan, supaya langkah-langkah 'mitigation' pencemaran dikenakan pada peringkat awal dan punca pencemaran dijauhkan dari kawasan kediaman. Ianya dilaksanakan melalui:

(a) keperluan menyediakan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi projek-projek yang terjadual; dan

(b) Penilaian awal tapak bagi pembinaan kilang baru, pemasangan alat pembakaran bahanapi, sistem pengolahan effluen dan sistem rawatan pencemar udara dengan tujuan untuk mencegah pelepasan pencemar yang berlebihan.

Melalui peraturan dan kaedah pengawalan pula, tumpuan diberikan kepada kawalan pencemaran melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaan terhadap punca-punca pencemar tersebut seperti:

(a) kawalan penggunaan sistem pengolahan effluen, sistem rawatan pencemar udara dan persampelan rasmi effluen industri;

(b) tindakan mahkamah;

(c) kawalan asap hitam, plumbum dan bunyi bising daripada kenderaan bermotor;

(d) pengurusan bahan buangan terjadual secara sistematik dan mengikut cara pelupusan yang selamat; dan

(e) pengawasan air dan udara.

Peraturan dan kaedah-kaedah tersebut bertujuan untuk mempastikan supaya usaha-usaha memulihara dan mengawal alam sekitar di negara ini akan dapat dilaksanakan dengan sistematik.

MAKLUMAT TAMBAHAN

POLISI NEGARA MENGENAI PENGURUSAN ALAM SEKITAR DI BAWAH RMK 3, 5, DAN 6

(a) Untuk mengekalkan alam sekeliling yang bersih dan sihat.

(b) Untuk mengekalkan kualiti alam sekeliling relatif kepada keperluan pertambahan penduduk.

(c) Untuk meminimakan impak pertumbuhan penduduk dan aktiviti-aktiviti manusia seperti perlombongan, pembalakan, pertanian, perbandaran, pelancongan dan pembangunan sumber-sumber alam sekitar yang lain.

(d) Untuk mengimbangkan di antara pembangunan sosio-ekonomi untuk kemajuan kependudukan dengan pembaikan, pengurusan alam sekitar yang berterusan.

(e) Untuk menekankan lebih kepada pencegahan dibandingkan dengan kawalan, termasuk pengekalan kepelbagaian budaya dan khazanah negara yang unik.

(f) Untuk menghubungkan alam sekitar dengan perancangan dan pelaksanaan projek melalui pengesahan implikasi cadangan projek dan kos diperlukan untuk mengadakan langkah-langkah kawalan melalui Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar.

(g) Untuk menggalakan kerjasama dan meningkatkan hubungan di antara Agensi Pusat dengan Pihak Berkuasa Negeri juga di antara negara-negara ASEAN.

SENARAI UNDANG-UNDANG DI BAWAH BIDANG KUASA JABATAN ALAM SEKITAR

1. Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Pindaan 1985.

2. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.

3. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 dan Pindaan 1982.

4. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan), 1977.

5. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978.

6. Kaedah-Kaedah Kualiti Alam Sekeliling (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1978.

7. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978.

8. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978.

9. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979.

10. Di bawah Ordinan Lalu Lintas Jalan Raya 1958 Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977.

11. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum Dalam Gasolin Motor) 1985.

12. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.

13. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

14. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989.

15. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.

16. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR KUA KIA SOONG
TARIKH	:	4 NOVEMBER 1992

SOALAN

Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Persekitaran menyatakan sebab mengapa Kerajaan membenarkan pembentukan industri yang membawa pencemaran seperti kilang peleburan aluminium di Bintulu serta padang-padang golf, yang mana telah diharamkan oleh pihak berkuasa di Jepun.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum lagi menerima sebarang laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) bagi cadangan projek kilang peleburan aluminium di Bintulu, Sarawak. Dalam pada itu, aktiviti pembangunan padang golf adalah tidak tertakluk di bawah Seksyen 34(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Berdasarkan kepada maklumat yang sedia ada, aktiviti pembangunan padang golf tidak pernah diharamkan sama ada di negara ini, mahupun di Negara Jepun.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI SUKRI HAJI MOHAMED
TARIKH	:	4 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Sukri Haji Mohamed minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk melindungi rakyat Malaysia daripada bahaya dan ancaman yang dibawa oleh kapal Jepun yang membawa plutonium yang boleh membuat 150 bom nuklear melalui Selat Melaka memandangkan Malaysia mempunyai hak di bawah Undang-undang Laut (Law of the Sea) untuk mencegahnya daripada melalui Selat kita itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menghadapi masalah pengangkutan plutonium di perairan Selat Melaka antara lain ialah:

(a) menubuhkan Kumpulan Bertindak Kecemasan bagi membolehkan negara ini bertindak cepat melindungai rakyat daripada bahaya dan ancaman kemungkinan kemalangan di Selat Melaka yang dihasilkan daripada kapal yang membawa plutonium, dan juga mendapatkan bantuan antarabangsa dengan serta-merta menerusi Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (International Atomic Energy Agency);

(b) meningkatkan taraf keselamatan Selat Melaka di mana pandangan negara ini ke arah itu telah dipersetujui oleh mesyuarat "ASEAN Senior Official Meeting" (ASEAN SOM) di Manila baru-baru ini; dan

(c) negara ini bersama-sama dengan Negara-negara ASEAN telah berusaha untuk mendapatkan sokongan "European Community" dalam mesyuarat "Asean-European Community Ministerial Meeting" yang diadakan di Manila baru-baru ini dan juga negara-negara lain di dunia bagi meningkatkan taraf keselamatan pelayaran di Selat Melaka. Selepas mendapat sokongan antarabangsa negara ini akan terus berusaha supaya "Law of the Sea" dikaji semula.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Negara ini melalui Kementerian Luar Negeri telah menyatakan pandangan beratnya terhadap rancangan pihak Jepun membawa plutonium melalui Selat Melaka.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH	:	5 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah rancangan dan tindakan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam negara sendiri sebagai kewajipan Malaysia terhadap Perisytiharan Langkawi mengenai isu alam sekitar; Perisytiharan Kuala Lumpur yang dibuat semasa Sidang Negara-negara Selatan dan Perisytiharan Rio; Agenda 21 dan Konvensyen "Biological Diversity" yang Malaysia tandatangani di Sidang UNCED di Rio; dan

(b) adakah dalam cadangan "Greening of the World" Negara, Kerajaan menyentuh tentang kedudukan dan perlindungan hak Kaum Asli atau pribumi yang menduduki sebahagian kawasan hutan di negara-negara seluruh dunia. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Oleh sebab ada dua lagi soalan yang sama, maka saya memohon izin untuk menjawab kesemua soalan-soalan tersebut pada hari ini yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada:

(a) Bandar Kuching pada 26 November 1992; dan
(b) Teluk Intan pada 9 Disember 1992.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi melaksanakan pengisytiharan Rio dan Konvensyen Biodiversiti yang telah ditandatangani semasa Sidang Kemuncak di Rio de Janeiro pada bulan Jun 1992 ialah:

(a) menganjurkan Seminar Kebangsaan Mengenai UNCED yang telah diadakan pada 7 hingga 8 September 1992 di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk meneliti rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan yang telah dipersetujui di Rio serta peranan negara ini dalam melaksanakan rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan tersebut;

(b) mengkaji dan meneliti keputusan-keputusan yang telah dicapai di UNCED Rio, khususnya perkara-perkara yang terkandung dalam Agenda 21, iaitu suatu dokumen yang menyenaraikan pelan tindakan untuk dilaksanakan oleh negara-negara ahli berhubung dengan alam sekitar dan pembangunan;

(c) meningkatkan usaha-usaha mengimbangkan aktiviti-aktiviti pembangunan dan alam sekitar yang melibatkan pelbagai pihak iaitu agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan kumpulan-kumpulan lain;

(d) meningkatkan persefahaman dan penyelarasan dalam mengintegrasikan isu-isu alam sekitar dan pembangunan;

(e) menyelaras pemuliharaan dan pengawalan sumber-sumber asli dan kepelbagaian biologi;

(f) menubuhkan Majlis Alam Sekitar yang akan menetapkan garis panduan dalam menggubal dasar, strategi, program dan projek alam sekitar;

(g) meningkatkan program pendidikan dan kesedaran pemuliharaan alam sekitar di kalangan rakyat negara ini melalui kurikulum di sekolah-sekolah;

(h) melancarkan program Inisiatif untuk Penghijauan Dunia atau "An Initiative for the Greening of the World" (dengan izin) di mana program ini merupakan suatu cabaran kepada dunia, khususnya negara-negara maju, supaya pada penghujung dekad ini sekurang-kurangnya 30% daripada bumi hendaklah dihijaukan;

(i) melancarkan program penghijauan bumi semasa Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini di mana Y.A.B. Perdana Menteri sendiri telah membuat cabaran tersebut dan dokumen serta pita video mengenai tajuk tersebut telah diedarkan kepada negara-negara peserta semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro.

MAKLUMAT TAMBAHAN

"Greening of the World"

Mengenai persoalan daripada Y.B. Tuan Harrison Ngau Laing samada "Greening of the World" menyentuh tentang kedudukan dan perlindungan hak Kaum Asli atau pribumi, isu ini memang telah diambilkira dalam dokumen tersebut. Melalui program "The Greening of the World", Malaysia menyarankan kepada dunia maju supaya memelihara hutan di negara masing-masing dan ini bermakna hak-hak kaum asli dan golongan pribumi yang menduduki di kawasan-kawasan hutan ini akan terpelihara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	5 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang kepada Kerajaan untuk menutup Asian Rare Earth Sdn. Bhd. (ARE) supaya tidak beroperasi memandangkan syarikat ini membocorkan gas radioaktif ke dalam udara dalam proses pengeluarannya;

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes rayuan Syarikat Asian Rare Earth Sdn. Bhd. sedang dalam pertimbangan Mahkamah Agung. Dengan itu maka saya tidak berhasrat untuk membuat sebarang kenyataan sebelum kes ini diputuskan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Sama ada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan membuat sebarang perakuan kepada Kerajaan ke atas perkara ini adalah bergantung kepada keputusan mahkamah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	10 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada suatu laporan EIA (Environmental Impact Assessment) dikehendaki dan disediakan dalam melaksanakan projek 'Kuala Lumpur City Center' (KLCC) yang dicadangkan untuk memajukan bekas padang lumba kuda 'Selangor Turf Club', khasnya dari segi kajian lalulintas, serta kerja menyimpan kawasan kehijauan di pusat Bandaraya Kuala Lumpur, supaya mengimbangkan pembangunan dengan alam sekitar, dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Projek 'Kuala Lumpur City Centre' yang akan dimajukan di bekas padang lumba kuda 'Selangor Turf Club' tidak termasuk dalam senarai aktiviti yang ditetapkan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987. Dengan demikian, pengusaha projek berkenaan tidak perlu mengemukakan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Perancangan dan pembangunan projek ini ialah dalam bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

MAKLUMAT TAMBAHAN 1

Apakah komponen projek 'Kuala Lumpur City Centre'?
Projek berkenaan terdiri daripada pembangunan komponen-komponen berikut:-

i) Pembangunan Barat Laut
   - menara kembar setinggi 85 tingkat
   - paras ruang komersial (podium)
   - tempat letak kereta bawah tanah

ii) Taman orang ramai
   - 50 ekar taman yang dihiasi dengan tasik buatan manusia

iii) Infrastruktur
   - Jalan
   - Pembentungan
   - Bekalan air
   - Tenaga Elektrik
   - Telekomunikasi
   - Bekalan gas

Semua pembangunan ini dicadangkan di atas kawasan seluas 100 ekar (40 hektar).

MAKLUMAT TAMBAHAN 2

Adakah projek ini tidak boleh ditakrifkan sebagai aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah EIA?

Projek ini dicadangkan di atas kawasan yang sudah dibangunkan dan keluasan tapak ialah kurang daripada 50 hektar. Komponen-komponennya pula ialah bangunan pejabat, komersial dan tempat tinggal serta kemudahan rekreasi. Oleh yang demikian, projek ini tidak ditakrifkan sebagai aktiviti yang tertakluk kepada EIA di bawah kategori perumahan (50 hektar), infrastruktur ataupun pembangunan peranginan dan rekreasi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT-MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
TARIKH : 11 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan akta-akta yang digunakan untuk mencegah pertumpahan minyak dan bahan-bahan lain oleh kapal-kapal di perairan Malaysia. Apakah implikasi kepada penghidupan dan sistem ekologi perairan dan pantai di dalam jangka pendek dan panjang. Apakah langkah-langkah yang selamat yang boleh digunakan untuk membersihkan pertumpahan tersebut. Apakah sebenarnya berlaku dengan "Nagasaki Spirit".

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta-akta yang terlibat dalam mengawal tumpahan minyak dan bahan-bahan lain oleh kapal-kapal di perairan Malaysia adalah seperti berikut:-

(i) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974; dan

(ii) Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1985.

Jika tumpahan minyak didapati besar secara jangka pendek, ianya boleh meninggalkan kesan pencemaran pantai yang serius dan memusnahkan sistem ekologi perairan dan pantai. Secara jangka panjang pula, pantai-pantai yang teruk tercemar akan menjejaskan daya tarikan pelancong dan hasil penangkapan laut berkurangan.

Langkah-langkah yang selamat yang boleh digunakan untuk membersih tumpahan minyak di pantai adalah menggunakan kaedah gabungan iaitu secara manual dan alat penyedut minyak seperti "Oil Recovery System". Manakala pembersihan

minyak di laut dapat dijalankan menggunakan alat-alat seperti 'Oil-boom' yang digunakan untuk memerangkap tampok-tompok minyak, dan diikuti oleh alat "skimmer" bagi menyedut minyak berkenaan. Minyak yang telah disedut disimpan dalam suatu tangki dan akhirnya dibawa ke daratan untuk pelupusan.

Berhubung dengan apa yang sebenarnya berlaku dengan kapal "Nagasaki Spirit", dimaklumkan bahawa kapal tangki tersebut dalam perjalanan melalui Selat Melaka apabila berlanggar dengan sebuah kapal kontena "Ocean Blessing" pada lebih kurang jam 1232 pada 20 September 1992. Perlanggaran ini dilaporkan berlaku 24 batu nautika dari Belawan, dalam perairan Indonesia.

Perlanggaran tersebut menyebabkan kapal "Nagasaki Spirit" pecah di bahagian kiri dan melibatkan salah sebuah tangki minyak terbakar. Akibatnya dari jenis "Light Arabian Crude Oil" mengalir keluar ke laut. Kebakaran hanya dapat dipadamkan oleh bot penyelamat dari Singapura iaitu SEMCO SALVAGE and MARITIME pada 26 September 1992.

Semasa operasi memadamkan kebakaran, kapal "Nagasaki Spirit" hanyut dibawa arus dan melintasi sempadan Perairan Malaysia pada 25 September 1992. Kapal tersebut berada di Perairan Malaysia di sekitar Pulau Perak sehingga 27 September 1992 sebelum ditunda keluar dari perairan Malaysia oleh SEMCO SALVAGE and MARINE Ltd. dari perairan Malaysia. Sejak itu "Nagasaki Spirit" berada di luar Pelabuhan Belawan, Indonesia. Dalam tempoh tersebut kargo minyak yang sebelum ini berada dalam kapal "Nagasaki Spirit" telah dipindahkan ke kapal lain yang bernama "Pacific Diamond". Operasi pemindahan kargo tersebut dijalankan pada 27 Oktober 1992 dan berakhir pada 3 November 1992. Dengan ini tiada lagi ancaman pencemaran minyak dari kapal tangki berkenaan.

Pada masa ini "Nagasaki Spirit" masih berada di luar Pelabuhan Belawan, Indonesia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH : 11 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) tahap kesungguhan dan kekerapan Kerajaan mengesan proses pembangunan di Pulau Redang; dan

(b) adakah Kerajaan berpuashati dengan hasil pemeriksaan yang terbaru ke atas pembangunan di Pulau Redang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar telah memberi tumpuan mengawasi pembangunan projek pelancongan dan rekreasi di Pulau Redang agar tidak akan menjejaskan kualiti air dan ekosistem marin yang sedia ada. Perkembangan projek pembangunan di Pulau Redang sentiasa diawasi melalui lawatan pengawasan oleh Jabatan Alam Sekitar secara bulanan sejak April 1991 lagi. Seterusnya, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) juga bekerjasama dengan pihak kerajaan mengawasi keadaan pembangunan projek pelancongan di Pulau Redang supaya langkah-langkah yang sesuai akan diambil dalam mempastikan semua masalah adalah terkawal.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan pengawasan yang terbaharu telah dijalankan pada September 1992 dan didapati langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan oleh penggerak projek adalah memuaskan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Lawatan Pada September 1992

Lawatan terkini telah dijalankan pada September 1992 oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang. Ahli-ahli Jawatankuasa yang mengikuti lawatan tersebut terdiri dari pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar

(Ibu Pejabat)/(Negeri Terengganu/Kelantan), Malayan Nature Society, MNS (Encik Ahmad Chik), World Wide Fund for Nature Malaysia, WWF (Cik Sarala Aikanathan dan Cik Christina Ying) dan penggerak projek. Wakil-wakil dari Jabatan Perikanan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu tidak dapat hadir lawatan tersebut.

Semasa lawatan dijalankan adalah didapati pembangunan kerja-kerja tanah dan penanaman rumput padang golf - 9 lubang di tahap persiapan akhir.

Langkah-langkah kawalan yang telah disediakan adalah seperti berikut:

(i) Kolam perangkap mendap untuk menakung lumpur;
(ii) 'Concrete drain' untuk memperbaiki saluran air;
(iii) 'Rubble wall' di sepanjang padang golf di tepi paya bakau;
(iv) 'Stone pitching' bagi mencegah hakisan tepi bukit-bukit curam; dan
(v) Menanam rumput bagi menutup kawasan-kawasan tepi bukit yang telah siap dipotong.

Di samping itu, adalah didapati jalan di tapak projek belum diturap lagi. Jalan akan diturap pada akhir bulan Oktober sebelum kedatangan musim tengkujuh seperti dijanji oleh penggerak projek.

Pada amnya, ahli-ahli jawatankuasa berpuas hati dengan langkah-langkah tebatan yang telah diambil.

Terumbu Karang

Program pengawasan yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia di perairan Pulau Redang sehingga Februari 1992 menunjukkan kandungan logam berat dan *E. coli* tidak bertambah dan punca-punca yang mengakibatkan 'stress' kepada terumbu karang tidak dapat ditentukan.

Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat ketiga Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang pada 11 September 1992.

Hutan Bakau

Pada masa kini, Jabatan Alam Sekitar sedang mengumpul maklumat jumlah luas hutan bakau yang telah ditebang bagi projek pembangunan berkenaan. Seperti disyaratkan dalam surat kelulusan EIA, luas kawasan hutan bakau yang dibenarkan untuk ditebang adalah 7 ekar. Penggerak projek dan WWF telah dihubungi untuk mengemukakan dokumen/butir-butir mengenai jumlah luas hutan bakau yang telah ditebang seperti diakui oleh pihak berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' DR. JAMALUDIN DATO' MOHD. JARJIS
TARIKH	:	16 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Dato' Dr. Jamaludin Dato' Mohd. Jarjis minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Apakah tindakan Kementerian terhadap tuan punya kapal tangki Nagasaki Spirit dan Kontena Ocean Blessing yang mengotorkan dan mencemarkan perairan di Selat Melaka, Malaysia; dan

(b) Apakah anggaran kos yang terbabit untuk membersihkan pencemaran laut itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi jawapan (a) pihak Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar akan membuat tuntutan terhadap kos pembersihan dan gantirugi kerosakan alam sekitar dan agen insurans kapal Nagasaki Spirit yang telah mengotor dan mencemarkan pantai di bahagian pantai barat Semenanjung Malaysia.

Bagi Jawapan (b) pula, anggaran kos belum lagi ditentukan oleh kerana pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, sedang mengumpul data-data dan maklumat dari semua agensi yang terbabit di dalam operasi membersihkan pencemaran laut dan pantai di bahagian barat Semenanjung Barat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	17 NOVEMBER 1992

SOALAN

Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Persekitaran menyatakan:

a) apakah tindakbalas orang awam terhadap laporan EIA atas Pusat Pembangunan Sisa-sisa Toksik di Bukit Nanas, Negri Sembilan; dan

b) adakah Kerajaan masih berniat meneruskan projek yang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, bagi jawapan:

a) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menerima sepuluh ulasan sebelum tarikh tutup menerima ulasan bertulis iaitu 15 Ogos 1992 dan dua ulasan selepas tarikh ini. Laporan EIA yang dikemukakan bagi projek ini sedang diteliti oleh Jabatan Alam Sekitar dengan bantuan pakar-pakar yang dilantik dan wakil-wakil Jabatan Teknikal di peringkat persekutuan dan juga negeri.

b) Sama ada projek Kemudahan Bersepadu Pelupusan Terjadual di Bukit Nanas akan diteruskan bergantung kepada keputusan laporan EIA yang sedang di dalam peringkat kajian oleh Jabatan Alam Sekitar dan pakar-pakar yang telah dilantik.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Isu-isu utama yang dibangkitkan ialah mengapa Bukit Nanas telah dipilih dan juga kesan projek ke atas orang awam, pertanian dan juga penternakan khinzir. Isu-isu ini telah diambil perhatian, dan panel yang dilantik sedang mengkaji laporan dan maklumat tambahan yang dikemukakan oleh Penggerak Projek. Pandangan yang telah diberikan juga adalah berdasarkan sindrom tidak di belakang rumah saya atau "Not in my back yard" (NIMBY).

2 Jadual Pelaksanaan EIA oleh Jabatan Alam Sekitar

Aktiviti		**Tarikh**
Laporan diterima	:	8 Julai 1992
Iklan dalam Akhbar	:	14 & 15 Julai 1992
Mesyuarat Pertama Panel EIA	:	28 Julai 1992
Lawatan ke tapak projek	:	8 Ogos 1992
Hari terakhir terima ulasan	:	15 Ogos 1992
Mesyuarat kedua Panel EIA	:	25 Ogos 1992
Mesyuarat ketiga Panel EIA	:	17 Oktober 1992
Mesyuarat keempat Panel EIA	:	28 November 1992
Keputusan	:	Akhir Tahun 1992

3. Nama konsortium : Kualiti Alam Sendirian Berhad

   Ahli konsortium : I. Kruger AS, Denmark Chemcontrol AS, Denmark Enviroplan AS, Denmark Arab-Malaysian Development Bhd., United Engineers (M) Bhd.

4. Kos Projek : $190 Juta

5. Nama-nama Orang Perseorangan Yang Mengemukakan Ulasan

a.	En. Jamil John Wyman Willoughby	Penduduk dari Port Dickson
b.	Ir. S. Pakianathan	Jurutera Perlombongan
c.	Dr. Rosely Ab. Malik	Pensyarah, Jurutera Awam
d.	En. Ragubathy Paul Roslan a/l S. Packirisamy	Orang awam, Jurutera Kimia
e.	En. Lee Ban Day	Penduduk Jimah

6. Persatuan-persatuan Yang Mengemukakan Ulasan

   a. Persatuan Pengguna Pulau Pinang
   b. Environmental Protection Society Malaysia
   c. Persatuan Penternak-Penternak Negeri Sembilan
   d. Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung-Kampung dan The Anti-toxic Committee Jimah

7. Parti Politik Yang Mengemukakan Ulasan

   a. Democratic Action Party (DAP)
   b. Malaysian Chinese Association (MCA)
   c. Parti Gerakan Rakyat

8. Nama-nama pakar individu yang dilantik untuk mengulangkaji laporan EIA adalah seperti berikut:-

a.	Dr. Ahmad Badri Mohamad	Botani/Sains Alam Sekitar
b.	Dr. Aishah Abdul Latiff	Farmakologi/Toksikologi
c.	Dr. Anhar Suki	Pengolahan Effluen
d.	En. Azman Zainal Abidin	Kualiti Udara
e.	Ir. Gurmit Singh K.S.	Kejuruteraan Elektrik/ Alam Sekitar
f.	Dr. Hairi Abdullah	Sosiologi
g.	En. Hamdan Adnan	Sebaran Am
h.	Dr. Ismail Mohd Nor	Hidrologi/Hidrogeologi
i.	Dr. Nasiman Sapari	Air Bawah Tanah
j.	Ir. Sarabjeet Singh Sidhu	Analisis Risiko
k.	En. Tan Boon Koong	Kejuruteraan Geologi
l.	Dr, Tong Soo Loong	Kimia Analitikal
m.	Dr. Zahedi Fisal	Analisis Risiko

Nota

Pakar dilantik berdasarkan kepakaran masing-masing dan tidak mewakili mana-mana pertubuhan atau institusi di mana mereka berkhidmat.

9. Tempat-tempat Laporan Dipamerkan

a. Semua Pejabat Alam Sekitar
b. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
c. Majlis Daerah Port Dickson
d. Institut Teknologi Mara, Shah Alam
e. Universiti Islam Antarabangsa
f. Universiti Kebangsaan Malaysia
g. Universiti Malaya
h. Universiti Pertanian Malaysia
i. Universiti Sains Malaysia
j. Universiti Teknologi Malaysia
k. Universiti Utara Malaysia

10. Komponen Projek

a. Insinerator (untuk buangan organik)
b. "Physico-chemico" (buangan inorganik)
c. "Stabilisation" dan tapak pelupusan
d. Tiga Pusat Pungutan yang dicadangkan iaitu di Pulau Pinang, Johor dan Terengganu. Tapak-tapak belum dikenal pasti kecuali di Pulau Pinang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU
TARIKH	:	18 NOVEMBER 1992

SOALAN

Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

a) Berikutan dengan peristiwa tumpahan minyak yang sering berlaku di Selat Melaka, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan permasalahan pencemaran alam sekitar tidak berlaku ke atas pantai negara ini. Setakat manakah keupayaan dan persediaan Kerajaan untuk mengatasi sebarang malapetaka alam sekitar kiranya tumpahan minyak itu melanda Pulau Pinang dan Langkawi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk maklumat Yang Berhormat langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

(i) Kerajaan telah menubuhkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan melawan tumpahan minyak di mana agensi-agensi Kerajaan dan syarikat minyak terlibat sama di dalam operasi tersebut.

(ii) Kerajaan juga telah menyediakan peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak seperti menyediakan kapal, `booms', `skimmer' dan `dispersant'.

(iii) Kerajaan juga mengesyorkan syarikat-syarikat minyak supaya menubuhkan satu konsortium di mana satu tabung sumbangan syarikat-syarikat minyak tersebut dapat dibentuk bagi meningkatkan keupayaan mencegah dan melawan tumpahan minyak di Perairan Malaysia.

Dengan kerjasama yang padu di kalangan agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat minyak, peralatan untuk mencegah dan melawan tumpahan minyak seperti kapal-kapal, bot-bot, `boom', `skimmer', `dispersant' dan tenaga kerja diancam pencemaran pada masa yang sesuai ke tempat yang diperlukan seperti Pulau Pinang dan Langkawi.

Tuan Yang DiPertua,

Saya ingin menggulung perbahasan mengenai pergerakan kapal kargo Jepun Akatsuki Maru yang membawa bahan Plutonium daripada Perancis ke Jepun, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie Ahmad dari Parit Sulong dan Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Hadi Awang (PAS). BERKAITAN JUGA DENGAN SOALAN AHLI YANG BERHORMAT MOHD BIN SABU.

Dalam hal ini, sekali lagi saya ingin memaklumkan bahawa Malaysia telahpun mengambil langkah-langkah yang perlu bagi meminta Kerajaan Jepun menggunakan perairan selain daripada Selat Melaka yang ternyata adalah satu Selat yang sibuk dan mempunyai risiko kemalangan yang tinggi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah masing-masing membangkitkan kebimbangan kita kepada rakan sejawat mereka di Jepun yang telahpun mengambil maklum akan pandangan kita.

Selain daripada itu, Malaysia juga telah meminta kerjasama rakan-rakan serantau ASEAN seperti Indonesia dan Singapura supaya mengambil tindakan yang sama, iaitu meminta Kerajaan Jepun menggunakan perairan selain daripada Selat Melaka, selaras dengan kenyataan Kerajaan Jepun untuk menggunakan perairan yang paling terbuka dan menepati 200 batu nautika daripada pantai.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa setakat ini, Kerajaan Jepun tidak dapat memberi maklum perairan mana yang akan dilalui oleh kapal Akatsuki Maru ini kerana pengumuman mengenai perjalanannya akan menjejaskan keselamatan kapal tersebut. Namun demikian, Kerajaan Malaysia telah mendapat jaminan akan diberitahu sekiranya kapal tersebut memilih untuk melalui Selat Melaka.

Mengenai pencemaran dan kemalangan di Selat Melaka pula, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menentukan supaya pencemaran dan kemalangan di Selat yang sempit ini diminimakan. Dalam hal ini, satu Jawatankuasa Tetap yang terdiri daripada beberapa Agensi Kerajaan yang terdiri daripada Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Dalam Negeri, Majlis Maritim Kebangsaan dan

Kementerian Luar Negeri ditugaskan untuk menasihatkan Kerajaan mengenai langkah-langkah mengatasi masalah-masalah tersebut.

Berhubung dengan pengangkutan plutonium dari Perancis ke Jepun pula, satu Kumpulan Bertindak Kecemasan Ad-Hoc telah pun ditubuhkan bagi menghadapi masalah-masalah yang mungkin timbul. Di antara tindakan yang akan diambil oleh Kumpulan Bertindak ini termasuk mengadakan rancangan kontingensi, pemeriksaan kapal, menyediakan alat-alat bantuan pelayaran dan perkhidmatan kapal atau `piloting services' seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil daripada Parit Sulong.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan untuk soalan (c), Pengangkutan bahan nuklear, termasuk bom, memenuhi peraturan pengangkutan antarabangsa. Peraturan yang paling penting ialah bahan itu hendaklah dalam keadaan subgenting sepanjang masa. Subgenting bermaksud satu keadaan yang tidak boleh menghasilkan letupan sebagai lawan kepada genting yang bermaksud satu keadaan yang boleh menghasilkan letupan. Bahan nuklear bukan bom memang tidak akan meletup kerana ia akan terus berada dalam keadaan subgenting dalam semua keadaan. Bom nuklear, sebaliknya boleh bertukar daripada keadaan subgenting kepada keadaan genting kerana ia memang direka khas untuk menghasilkan letupan. Jika berlaku letupan nuklear di Selat Melaka ia bukan sahaja membahayakan Malaysia tetapi juga seluruh rantau ini. Itulah sebabnya Malaysia menyokong Triti Tak Memperkembangkan Senjata Nuklear (NPT) dan berusaha menjadikan rantau ini satu rantau yang aman bebas dan berkecuali (ZOFAN).

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	BERTULIS
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHOR CHEE HEUNG
TARIKH	:	19 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) memandangkan soal persekitaran semakin menjadi penting, adakah Kerajaan akan menggubal satu etika perdagangan perindustrian yang dapat mengimbangi soal membuat keuntungan maksimum dengan pemeliharaan alam sekitar. Jika ya, apakah isi kandungan tersebut;

(b) dalam tahun 1990, lebih daripada 1000 kilang di Malaysia telah dikenalpasti sebagai pengeluar utama bahan buangan toksid yang mengeluarkan 400,000 tan metrik sisa toksid. Apakah tindakan Kerajaan terhadap kilang-kilang ini yang mencemar dan mengancam alam sekitar. Adakah undang-undang dan peraturan yang sedia ada itu memadai dari segi melindungi dan memelihara alam persekitaran; dan

(c) apakah pula tindakan Kerajaan terhadap dua masalah ini:-

(i) kurangnya kemudahan pelupusan bahan buangan di dalam dan di luar kawasan industri.

(ii) peluasan kegiatan ekonomi ke kawasan tumbuh-tumbuhan, perlindungan hutan dan tadahan mengakibatkan masalah serius bekalan air.

Sila jelaskan secara terperinci.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai soalan (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan bahawa semua pelabur asing ke negara ini tidak dikecualikan dari mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan semua Peraturan-

Peraturan di bawahnya. Bagi memastikan perkara ini dipatuhi, Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bekerjasama untuk menentukan supaya semua permohonan projek perindustrian akan dirujuk terlebih dahulu untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar. Dengan itu, faktor menyimbangi soal membuat keuntungan dan pemeliharaan alam sekitar telah dapat diambilkira oleh Jabatan alam sekitar semasa membuat penilaian ke atas permohonan-permohonan tersebut.

Mengenai soalan (b) tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang yang mencemar dan mengancam alam sekitar termasuklah dengan memberi amaran kompaun dan memberi arahan untuk memberhentikan pelepasan buangan. Di samping itu, tindakan mahkamah juga akan diambil sekiranya pihak kilang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan. Dalam hal yang sama, buat masa ini undang-undang dan peraturan yang ada adalah memadai bagi mengawal pengurusan buangan toksik dan berbahaya pada masa sekarang.

Mengenai soalan (c) untuk mengatasi masalah pelupusan buangan di dalam dan di luar kawasan industri, langkah-langkah sedang diambil dengan kerjasama Pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan penyiasatan kesesuaian tapak yang dicadangkan bagi tujuan pelupusan buangan industri bersifat toksik. Selain dari itu, pihak Kerajaan Negeri juga telah dicadangkan untuk menubuhkan kawasan penyimpanan-penyimpanan sementara di dalam kawasan perindustrian baru bagi buangan ini. Langkah-langkah juga sedang diambil bagi menjemput pelabur swasta untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi penubuhan dan pengoperasikan sistem pengolahan dan pelupusan buangan industri tersebut. Untuk buangan industri pepejal bukan toksik seperti sampah sarap, garis panduan telahpun diadakan untuk Majlis-majlis Kerajaan Tempatan bagi pemilihan tapak-tapak pelupusan, dan cara-cara untuk menguruskan buangan ini.

Sepertimana masalah pelupusan buangan industri, Kerajaan juga mengambil perhatian terhadap masalah pembangunan di kawasan-kawasan hutan tadahan air. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini, kajian penilaian kesan-kesan alam sekitar atau EIA adalah diminta untuk sebarang cadangan pembalakan atau pengubahan penggunaan tanah hutan kepada kegunaan tanah lain di dalam kawasan tadahan di mana terdapat kolam-kolam takungan air yang digunakan bagi bekalan air. Langkah ini adalah untuk mempastikan supaya impak terhadap alam sekitar amnya dan sumber-sumber air khasnya tidak terjejas akibat aktiviti tersebut. Dalam pada itu, Kerajaan juga sedang merangka Strategi Pemuliharaan Negara supaya sumber-sumber asli negara ini akan terpelihara bagi maksud pembangunan yang berterusan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' HAJI BASRI BAJURI
TARIKH	:	24 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Dato' Haji Basri Bajuri minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar:

(a) sejauh manakah kawasan-kawasan ternakan khinzir telah memenuhi kehendak akta;

(b) setakat ini (1980-1992) berapa banyakkah tindakan undang-undang telah diambil; dan

(c) apakah Kementerian sedar bahawa kawasan perkelahan Morib juga telah dicemari oleh najis khinzir dan apakah tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjawab **soalan pertama**, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kawasan-kawasan ternakan khinzir adalah tertakluk di bawah Enakmen Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan. Bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar adalah untuk mengawasi kualiti air, termasuk semua air sungai dan air laut. Jika berlaku pencemaran air sungai dan air laut akibat daripada buangan ternakan khinzir maka Jabatan Alam Sekitar akan menasihatkan Kerajaan Negeri berkenaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian selaras dengan peraturan yang sedang berkuatkuasa di Negeri tersebut.

Bagi menjawab **soalan kedua,** setakat ini masih belum ada penternak khinzir didakwa di bawah Enakmen Kawalan Penternakan Babi 1991 di Negeri Selangor Darul Ehsan. Bagaimanapun penternak khinzir di Negeri Selangor Darul Ehsan telah diminta untuk menyediakan kemudahan kawalan pencemaran buangan khinzir masing-masing sehingga akhir tahun ini.

Bagi menjawab **soalan ketiga,** Jabatan Haiwan Negeri Selangor Darul Ehsan telah memberi nasihat kepada semua penternak khinzir berkenaan supaya menyediakan

kolam pengolahan najis khinzir. Berikutan daripada nasihat itu, kadar pencemaran daripada najis ternakan khinzir di kawasan berkenaan telah dapat dikurangkan pada tahap yang memuaskan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan sedang mengambil tindakan-tindakan dalam usaha untuk menguatkuasakan Enakmen Kawalan Penternakan Babi 1991 secara berperingkat-peringkat iaitu;

   (a) meminta penternak khinzir untuk memperbaiki keadaan ladang ternakan khinzir masing-masing;

   (b) membuat pemeriksaan ladang-ladang khinzir bagi mempastikan ladang-ladang tersebut mempunyai kemudahan kawalan pencemaran buangan khinzir sehingga akhir bulan Disember 1992;

   (c) menimbang permohonan lesen sementara daripada penternak khinzir yang telah mempunyai kemudahan kawalan pencemaran buangan khinzir yang memuaskan di peringkat ladang masing-masing; dan

   (d) mengenalpasti beberapa kawasan di Negeri Selangor Darul Ehsan untuk ternakan khinzir.

2. Berhubung dengan masalah pencemaran air laut akibat daripada najis ternakan khinzir di Pantai Morib, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor telah memberi nasihat supaya penternak-penternak khinzir di kawasan-kawasan sekitarnya menyediakan kemudahan kawalan kolam pengolahan najis khinzir di ladang-ladang mereka. Berikutan daripada itu, pencemaran air laut akibat daripada najis khinzir di kawasan pantai Morib telah dapat dikurangkan. Usaha-usaha sedang diteruskan bagi mempastikan kawalan akibat pencemaran najis khinzir itu mencapai ke tahap yang cemerlang. Usaha-usaha ini termasuk tindakan undang-undang sekiranya masih terdapat penternak khinzir yang gagal mematuhi nasihat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Negeri Selangor Darul Ehsan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN RICHARD RIOT A/K JAEM
TARIKH	:	24 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Richard Riot a/k Jaem minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah Kerajaan sedar bahawa banyak batang sungai di kawasan pembalakan di Negeri Sarawak tercemar sehingga airnya berwarna kekuning-kuningan disebabkan hakisan tanah; dan

(b) Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan pencemaran air akibat kegiatan pembalakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjawab soalan yang pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar terdapat beberapa batang sungai di Negeri Sarawak yang telah tercemar akibat daripada aktiviti-aktiviti pembalakan.

Soalan kedua telah pun dijawab pada 20 Oktober 1992 iaitu sewaktu menjawab pertanyaan jawab mulut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Rajang.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Jawapan kepada Ahli Yang Berhormat Daripada Ulu Rajang pada 20 Oktober 1992:

"Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan kegiatan pembalakan di Negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak. Langkah-langkah kawalan yang wajar telahpun dilaksanakan untuk mengawal

pencemaran air sungai-sungai di Negeri Sarawak melalui sistem penebangan yang sesuai dan sistematik sepertimana yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak."

2. Jabatan Alam Sekitar sentiasa memberikan pandangan kepada pihak-pihak berkuasa berkenaan, termasuk di peringkat Negeri Sarawak, untuk menggesa pihak-pihak yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti pembalakan supaya mematuhi garis panduan-garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengawal hakisan tanah dengan tujuan untuk mencegah berlakunya kelodakan sungai-sungai di Negeri Sarawak. Oleh sebab bidang kuasa pengurusan aktiviti-aktiviti pembalakan adalah di bawah bidang kuasa Pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak, maka sebarang aduan mengenai pencemaran sungai telah dirujuk kepada pihak berkuasa berkenaan untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM
TARIKH	:	25 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Saidin @ Yusof Bin Adam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada:

(a) berapakah jumlah pakar-pakar Sains dan Teknologi yang ada di negara kita mengikut kaum;

(b) berapa peratuskah kekurangan pakar-pakar tersebut baru dapat memenuhi keperluan negara; dan

(c) adakah Kerajaan bercadang memanggil balik pakar-pakar Sains dan Teknologi rakyat Malaysia yang telah menukar kewarganegaraan mereka dan bermastautin di negara asing.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjawab **soalan pertama,** untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pakar-pakar sains dan teknologi di negara ini ialah seramai 5,537 orang.

Bagi menjawab **soalan kedua,** Kerajaan memang menyedari bahawa negara ini masih lagi kekurangan pakar-pakar sains dan teknologi terutamanya untuk melaksanakan penyelidikan dan pembangunan di sektor awam dan swasta. Nisbah jumlah pakar-pakar sains dan teknologi dengan jumlah penduduk di negara ini adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan lagi bilangan pakar-pakar sains dan teknologi melalui skim-skim latihan.

Bagi menjawab **soalan ketiga,** dalam usaha untuk meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan di negara ini serta untuk menampung kekurangan para penyelidik, terutamanya dalam bidang perindustrian, Kerajaan telah berusaha untuk menggalakkan pakar-pakar sains dan teknologi warganegara Malaysia yang

berkerja di luar negeri untuk balik bekerja di negara ini. Usaha ini merupakan sebagai tambahan kepada usaha-usaha mendapatkan pakar-pakar sains dan teknologi daripada negara-negara sedang membangun seperti India, Pakistan, Republik Rakyat China dan Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS). Bagi pakar-pakar sains dan teknologi rakyat Malaysia yang telah menukar kewarganegaraan mereka dan bermastautin di negara asing, sekiranya mereka berminat untuk berkhidmat di negara ini dan perkhidmatan mereka diperlukan, maka permohonan mereka akan dipertimbangkan mengikut peraturan dan kaedah yang dipakai bagi menimbang permohonan warganegara asing.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pembahagian tenaga penyelidikan mengikut kelayakan:

Kelayakan	**Bilangan**
Ph. D	1,289
M. Sc	2,247
B. Sc	2,001
JUMLAH	5,537

2. Pembahagian tenaga penyelidikan mengikut disiplin:

Disiplin	**Bilangan**
Kejuruteraan	1,353
Komputer	242
Perubatan	333
Pertanian	1,162
Sains Asas	1,632
Lain-lain	815
JUMLAH	5,537

3. Perbandingan nisbah pakar-pakar Sains dan Teknologi dengan negara-negara maju:

Negara	**Bilangan Dalam Sejuta Penduduk**
Malaysia	400
Korea Selatan	1,300
German	3,000
United Kingdom	3,200
Jepun	6,500

4. Bidang-bidang keutamaan untuk pengambilan pakar asing dan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negeri:

Teknologi Pembuatan Termaju
Teknologi Bahan Termaju
Mikroelektronik dan Teknologi Maklumat
Bioteknologi/Teknologi Kimia
Tenaga
Alam Sekitar
Teknologi Makanan
Perubatan

5. Pada tahun 1989 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengadakan satu kajian mengenai tenaga pakar-pakar sains dan teknologi yang terdapat di Malaysia dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Ia adalah dibuat melalui penghantaran borang soalselidik kepada semua institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi dan sektor swasta. Dari kajian tersebut jumlah pakar-pakar Sains dan Teknologi yang terdapat di negara kita adalah sebanyak 5,537 orang iaitu yang mempunyai ijazah di peringkat Ph.D, M.Sc dan B.Sc dalam beberapa disiplin di bidang Sains dan Teknologi. Walau bagaimanapun pembahagian jumlahnya mengikut kaum tidak dijalankan dan tiada maklumat mengenai diperolehi ketika ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP
TARIKH : 25 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Puan Hajjah Rakibah Binti Haji Abdul Manap minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat apakah Kementerian melalui SIRIM telah dapat merumuskan apa-apa cara untuk memusnah sampah sarap yang dibuat daripada bahan plastik memandangkan karung dan beg plastik digunakan untuk membungkus dengan meluasnya dan ini tidak akan reput seperti sampah sarap yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah positif telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah pencemaran akibat daripada penggunaan bahan plastik ini yang tidak senang reput. Antara langkah-langkah itu:

(a) menubuhkan Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan, wakil-wakil dari Persatuan Pekilang Plastik Malaysia dan "Plastic Resins Producers Industry Group" dengan tujuan untuk mengkaji masalah pelupusan sisa-sisa plastik di negara ini dan merumuskan kajian dan program penyelidikan dalam bidang ini serta menetapkan takwim, iaitu sepertimana yang dipersetujui dalam Majlis Dialog antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan Persatuan Pekilang Plastik Malaysia pada bulan Jun 1992;

(b) SIRIM sedang melaksanakan satu kajian mengenai pemprosesan semula sisa-sisa plastik yang akan dijadikan sebagai imput bagi satu projek penyelidikan yang akan dilaksanakan pada bulan Februari 1993; dan

(c) SIRIM juga telah membuat persiapan untuk satu lagi projek penyelidikan "kajian dan Penghasilan Bahan Plastik Terdegradasi" di mana matlamat kajian ini ialah untuk membangunkan satu proses yang boleh mengubah kompesis resin supaya mudah reput secara tindakan biologi dan projek ini dijangka dilaksanakan pada Januari 1993.

Walaupun terdapat beberapa jenis teknologi yang terbukti untuk memproses semula sisa-sisa plastik, masalah utama pelaksanaannya ialah pengutipan dan pengasingan bahan plastik mengikut jenis. Ini bermakna bahawa kejayaan projek ini amat bergantung kepada kerjasama daripada semua pihak, khususnya penghuni rumah dan Penguasa-penguasa Tempatan. Dalam hal ini, SIRIM sedia membantu untuk memberi panduan kepada pihak-pihak tersebut mengenai cara pengutipan, pengasingan, pembersihan dan penyimpanan pelupusan sisa-sisa plastik sebelum diproses semula.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHOR CHEE HEUNG
TARIKH	:	26 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) setakat hari ini, apakah kedudukan Selat Melaka dari segi pencemaran alam sekitar kerana sejak kebelakangan ini, terdapat banyak kemalangan kapal dan tumpahan minyak di sekitar perairan itu;

(b) apakah langkah-langkah Kerajaan yang telah dan akan diambil untuk menjamin perairan di Selat Melaka itu bebas daripada pencemaran tumpahan minyak dan buangan sisa-sisa perindustrian; dan

(c) sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil itu telah berjaya mencapai hasil yang diingini.

JAWAPAN

Bagi menjawab **soalan pertama,** untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa perairan Selat Melaka telah bebas daripada ancaman tumpahan minyak khususnya daripada kapal "Nagasaki Spirit".

Bagi menjawab **soalan kedua,** langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin perairan Selat Melaka tidak tercemar oleh kejadian-kejadian tumpahan minyak, antara lain ialah:

(a) menubuhkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan untuk Mencegah dan Melawan Tumpahan Minyak di Selat Melaka yang melibatkan Agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat minyak;

(b) menyediakan peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak seperti kapal, "boom", "skimmer" dan "dispersant"; dan

(c) menubuhkan konsortium yang tujuannya antara lain ialah untuk mengadakan tabung sumbangan syarikat-syarikat minyak bagi meningkatkan keupayaan mencegah dan melawan tumpahan minyak di negara ini.

Kawalan buangan sisa-sisa perindustrian dilaksanakan melalui penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Hasil daripada usaha-usaha itu, buangan sisa-sisa perindustrian di kebanyakan kawasan adalah terkawal.

Bagi menjawab **soalan ketiga,** hasil daripada langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memulihara dan mengawal alam sekitar adalah memuaskan. Namun demikian, Kerajaan akan terus meningkatkan usaha-usaha memulihara dan mengawal alam sekitar di negara ini supaya rakyat negara ini akan terus menikmati persekitaran hidup dengan lebih selesa.

SOALAN TAMBAHAN

1. Apakah pandangan Y.B. Menteri ke atas kenyataan Y.B. Dato' Au Exco Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di dalam suratkhabar 'The Star' pada 25 November, 1992?.

   Saya berpendapat Y.B. Dato' Au telah membuat pandangan yang terlalu awal sebelum beliau diberikan taklimat yang terperinci semasa mesyuarat di Sarawak nanti. Saya percaya beliau mempunyai niat yang baik dan melalui pengalaman kita semasa kejadian tumpahan minyak baru-baru ini, kita telah mengenalpasti beberapa perkara yang perlu diperbaiki didalam melawan kejadian tumpahan minyak yang serupa.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Senarai Peraturan-peraturan di Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang berkaitan dengan buangan sisa-sisa perindustrian:

(a) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977;

(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1979;

(c) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979;

(d) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 1989;

(e) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual), 1989;

(f) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987;

(g) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual), 1989

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	26 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Malaysia selepas Sidang Kemuncak Bumi di Rio supaya menunaikan janji negara kita dengan dunia ini dalam mencapai keseimbangan di antara pembangunan dengan alam sekitar, khasnya dalam soal pembalakan hutan-hutan tropika;

(b) adakah suatu Majlis Alam Sekitar Negara telah ditubuhkan, siapakah mengetuainya, dan siapakah menganggotai Majlis itu; dan

(c) apakah cadangan telah dibuat dalam 'Post-Rio Conference' di Malaysia dan bagaimanakah akan cadangan-cadangan tersebut dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjawab **soalan pertama dan ketiga,** untuk makluman

(d) mengkelas dan menyekat kegiatan pembalakan di kawasan-kawasan tadahan tertentu serta mengambilkira sensitiviti sesuatu kawasan tadahan apabila merancang pembangunan yang boleh mengganggu kawasan tersebut;

(e) kawasan tadahan yang telah musnah, terutama di pinggir sungai, ditanam semula dengan pokok-pokok hutan yang sesuai;

(f) menganjurkan kursus pemuliharaan alam sekitar dalam industri pembalakan; dan

(g) mengkaji semula Dasar Sains dan Teknologi Negara dengan menitikberatkan perkembangan teknologi yang berteraskan kepada alam sekitar,

khususnya program-program penyelidikan dan pembangunan di bawah IRPA

Bagi menjawab **soalan kedua,** Kerajaan sedang mengkaji dengan teliti akan cadangan menubuhkan Majlis Alam Sekitar Negara.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Encik Cheong Ek Choon, Jabatan Perhutanan Sarawak menasihatkan supaya perkara-perkara mengenai pembalakan di Sarawak tidak dihebahkan di Parlimen, sebaliknya dirujukkan kepada Kerajaan Negeri tersebut. Pengurangan ke atas kuota pembalakan selama dua tahun (1992 dan 1993) adalah sebanyak 1.5 juta meter padu setiap tahun daripada jumlah 12.5 juta meter padu di tahun 1991. Ini bermakna pada tahun 1992 jumlah kuota pembalakan sejumlah 11.0 juta meter padu dan pada tahun 1993 sejumlah 9.5 juta meter padu.

2. Majlis Perhutanan Negara telah meminta supaya setiap Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia mengenalpasti kawasan tadahan hujan dalam hutan simpanan kekal (HSK) dan membahagikan kawasan tersebut mengikut kategori kelas A, B atau C. Kegiatan pembalakan tidak dibenarkan dalam kawasan kelas B dan C.

Kelas A
Kawasan tadahan yang menjadi sumber air mentah yang dirawat oleh loji air bertaraf konvensional yang biasanya diperolehi dari sungai.

Kelas B
Kawasan tadahan yang menjadi sumber air mentah yang bertaraf sub-konvensional dan ini termasuk yang membekalkan air secara langsung tanpa rawatan selain daripada proses pembasmian kuman yang biasanya diperolehi dari ulu sungai.

Kelas C
Kawasan tadahan yang membekalkan air mentah dari empangan kepada paip bekalan yang biasanya datang dari hutan terpelihara.

3. Cadangan-cadangan yang telah dibuat dalam seminar kebangsaan selepas UNCED yang diadakan pada bulan September, 1992 antara lain ialah:

(a) keputusan Rio khususnya yang terkandung di dalam Agenda 21 dan implikasinya dikaji dengan lebih mendalam oleh Agensi dan Jabatan Kerajaan supaya bidang-bidang yang tertentu dapat mendatangkan faedah kepada Malaysia;

(b) menerima konsep pembangunan mampan sebagai suatu proses evolusi dalam jangkamasa pendek, sederhana dan panjang;

(c) mewujudkan suatu pendekatan yang padu di peringkat kebangsaan untuk mendapatkan 'input' dan penyertaan daripada sektor bukan kerajaan seperti sektor perniagaan, cendiakawan dan kumpulan-kumpulan lain yang mempunyai minat terhadap soal alam sekitar;

(d) mengkaji perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri ke arah memudahkan pelaksanaan langkah-langkah alam sekitar;

(e) mengkaji semula Dasar Sains dan Teknologi Negara dengan menitikberatkan perkembangan teknologi yang berteraskan alam sekitar di bawah program IRPA. Dalam hal ini keupayaan sains dan teknologi dalam bidang pembangunan mampan perlu dimajukan;

(f) memberi perhatian kepada penggunaan dan pengurusan mampan terhadap sumber-sumber seperti perhutanan dan kepelbagaian biologi;

(g) kegiatan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kualiti alam sekitar perlu diberi tumpuan yang sewajarnya;

(h) bidang pembangunan mampan perlulah dijadikan sebagai suatu mata pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi dan juga di Institut-Institut Latihan seperti INTAN dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri supaya negara dapat menghadapi cabaran untuk melaksanakan Agenda 21; dan

(i) Majlis Alam Sekitar Negara yang dicadangkan itu patutlah diberi kepimpinan di peringkat yang tinggi sekali.

4. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah mengkaji cadangan menubuhkan sebuah Majlis Alam Sekitar Negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	30 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil penyiasatan oleh Jabatan Alam Sekitar di Kuching, Sarawak selepas suatu laporan telah dibuat oleh penduduk-penduduk Kampung Opar, Bau, Sarawak pada 7 Ogos 1992 bahawa air minum mereka atas Bukit Undan serta air Sungai Tubah telah dicemar oleh pembalak di situ, dan apakah tindakan telah diambil oleh DOE tersebut untuk melaksanakan 'Part 3 Quality (Sewage and Industrial Effluents) Regulations 1979', ataupun apa-apa undang-undang alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar Jabatan Alam Sekitar telah menerima satu surat aduan daripada penduduk-penduduk Kampung Opar mengenai pencemaran bekalan air akibat kegiatan pembalakan di kawasan Kampung Opar Gunung Undan/Gunung Api. Oleh sebab aduan itu berpunca daripada kegiatan pembalakan maka Jabatan Alam Sekitar telah merujukkan aduan itu untuk perhatian Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak. Ini adalah disebabkan bahawa pengurusan kesan sampingan daripada kegiatan pembalakan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri berkenaan. Kementerian ini percaya bahawa pihak berkuasa berkenaan di Negeri Sarawak sedang mengambil perhatian ke atas aduan tersebut dengan sewajarnya.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pengurusan dan penguatkuasaan hasil daripada aktiviti pembalakan di Negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak.

2. Peranan Jabatan Alam Sekitar apabila menerima aduan-aduan berhubung dengan pencemaran alam sekitar akibat daripada aktiviti-aktiviti pembalakan ialah merujukkan aduan-aduan itu untuk perhatian dan tindakan Jabatan Perhutanan Negeri berkenaan.

3. Adalah menjadi kelaziman Jabatan Alam Sekitar untuk tidak mencampuri urusan dan penguatkuasaan berhubung dengan pencemaran alam sekitar akibat daripada aktiviti-aktiviti pembalakan, khususnya di Negeri Sarawak. Ini adalah disebabkan bahawa Pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai keanggotaan, dasar dan peruntukan undang-undangnya sendiri khususnya dalam usaha untuk menyeimbangkan aktiviti-aktiviti pembalakan dengan pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar di negeri berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR TAN SENG GIAW
TARIKH : 30 NOVEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa aktakah yang dikuatkuasakan untuk sisa-sisa toksik di negara ini. Apakah jumlah sisa-sisa toksik setiap tahun sehingga 1995 dan 2000 di negara ini. Apakah cara-cara berkesan untuk membuang sisa-sisa toksik yang berunsur nuklear atau bukan nuklear bagi jangka pendek dan panjang. Berapa jenis bahan toksikkah yang biasanya dibuang ke dalam sungai-sungai dan laut. Sila senaraikan sungai-sungai yang menghadapi masalah pembuangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta dan Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan untuk mengawal pelepasan sisa-sisa toksik dan berbahaya di negara ini termasuklah:

(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;

(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979;

(c) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987;

(d) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989;

(e) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989; dan

(f) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989.

Berasaskan kepada keadaan sekarang, didapati bahawa pengeluaran buangan toksik dan berbahaya pada tahun 1992 hingga 1995 adalah dianggarkan sebanyak 380,000 tan setahun. Manakala menjelang tahun 2000 pula, dianggarkan sebanyak 470,000 tan setahun. Bagaimanapun jumlah buangan toksik dan berbahaya pada masa-masa akan datang akan dapat dikurangkan sekiranya pengusaha-pengusaha perindustrian berusaha dan mencari jalan untuk mengurangkan buangan tersebut melalui kaedah-kaedah yang bersesuaian.

Cara-cara yang berkesan untuk melupuskan buangan toksik dan berbahaya secara jangka pendek ialah menstor buangan tersebut dalam premis kilang atau di kawasan yang sesuai di luar tapak kilang. Di samping itu, melupus dan mengolah buangan itu di negara-negara yang mempunyai kemudahan pelupusan dan pengolahan buangan toksik dan berbahaya. Manakala secara jangka panjang pula, melupuskan buangan itu di tapak pelupusan khas yang akan dibina dan dikendalikan di negara ini. Selain daripada itu, pengusaha-pengusaha perindustrian yang menghasilkan buangan itu mengambil tindakan-tindakan untuk mengurangkan pengeluaran buangan, mengurangkan takat keracunan buangan dan mengubahsuai proses supaya tidak menghasilkan buangan toksik dan berbahaya.

Sisa-sisa toksik yang berunsur nuklear, khususnya sisa bahan radioaktif, pembuangannya adalah dilarang sama sekali. Bagi keperluan jangka pendek, sisa bahan radioaktif hendaklah dikendalikan secara menyimpan di premis para pelesen, menghantar ke Unit Tenaga Nuklear (UTN) untuk olah dan disimpan atau menghantar ke pembekal asal di seberang laut.

Buangan toksik dan berbahaya yang dilupuskan secara haram ke dalam alur air tanpa pengolahan awal lazimnya adalah terdiri daripada effluen yang mengandungi pewarna dan logam-logam berat yang masing-masing berpunca dari kilang tekstil dan kilang sadur elektrik (electroplating). Kilang-kilang yang terlibat telahpun diminta supaya memgambil tindakan sewajarnya untuk membina loji pengolahan effluen masing-masing atau berpindah ke tempat yang lebih sesuai. Di samping itu, kompaun dan tindakan mahkamah telah diambil ke atas mereka yang melakukan kesalahan tersebut.

Dari hasil pengawasan yang dilaksanakan, sungai-sungai yang terlibat dengan pelepasan buangan pewarna dan logam-logam berat ialah Sungai Klang di Lembah Kelang, Sungai Skudai dan Sungai Batu Pahat di Negeri Johor, Sungai Sepetang di Negeri Perak dan Sungai Juru di Pulau Pinang.

SOALAN TAMBAHAN

(a) Bilakah kajian mengenai pengeluaran buangan toksik dijalankan di Malaysia.

Kajian buangan toksik dan berbahaya di Malaysia telah dijalankan pada tahun 1985 dan 1988.

(b) Bagaimana data mengenai pengeluaran buangan toksik dan berbahaya diperolehi pada tahun 1992-2000.

Berasaskan kepada kajian yang lepas dan kadar pertumbuhan industri, data-data tersebut diperolehi melalui unjuran (projection).

(c) Adakah pihak kilang perlu melaporkan kadar pengeluaran buangan toksik dan berbahaya mereka setiap tahun.

Di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989, pengeluar buangan dimestikan melaporkan tentang pengeluaran buangan mereka satu kali kepada Jabatan Alam Sekitar dalam tempoh pengoperasian kilang mereka. Laporan tersebut perlu dikemukakan semula apabila terdapatnya kategori buangan yang baharu dan perubahan dari segi kuantiti buangan. Walaupun begitu di bawah Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 pihak kilang perlu melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar mengenai perkara ini apabila diminta berbuat demikian.

(d) Sehingga bilakah polisi jangka pendek pembuangan sisa-sisa toksik berunsur nuklear akan dilaksanakan.

Polisi pengurusan jangka pendek ini didapati amat berkesan dan dianggarkan dapat bertahan sehingga tahun 2000 ataupun lebih lama daripada itu. Anggaran ini berdasarkan sumber radioaktif yang digunakan di Malaysia kebanyakannya adalah berhayat pendek ataupun aktivitinya amat rendah. Sisa bahan radioaktif berhayat panjang pula dihantar kepada pembekal asal di seberang laut. Jika tidak ada perjanjian pemulangan sisa kepada pembekal asal di seberang laut, ia akan disimpan di Pusat Rawatan Sisa Kebangsaan di UTN yang mempunyai kelengkapan yang cukup untuk beberapa tahun yang akan datang.

(e) Bilakah polisi jangka panjang pembuangan sisa-sisa toksid berunsur nuklear akan diadakan.

Bagi keperluan jangka panjang, Kerajaan buat masa ini sedang berusaha menyelidik cara-cara yang berkesan untuk melupus sisa-sisa toksik yang berunsur nuklear. Walaupun aktiviti ini tidak begitu mendesak namun Kerajaan akan terus berusaha mengadakan satu polisi pelupusan bagi menggantikan polisi pengurusan sisa yang sedia ada sebaik sahaja polisi itu tidak lagi dapat menangani atau menghadapi keadaan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Akta berkenaan: "AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984".

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH : 2 DISEMBER 1992

SOALAN

Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada RH Plantation Sdn. Bhd., Kumpulan Sama Sdn. Bhd., Binu Plantation Sdn. Bhd., Bahtera Bahagia Sdn. Bhd., Sachiew Sdn. Bhd., Empressa Sdn. Bhd. dan Timrest Sdn. Bhd. yang terlibat dalam skim ladang besar-besaran di kawasan Baram, Bahagian Miri, Sarawak dan Syarikat Segara Kaya Sdn. Bhd., dan Sun Timber Sdn. Bhd. yang terlibat dalam kegiatan pembalakan di kawasan yang sama telah menjalankan kajian penilaian kesan kepada alam sekitar (EIA) terhadap kegiatan masing-masing mengikut Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;

(b) jika ada, sama ada kajian tersebut telah diterima dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar atau tidak; dan

(c) jika tidak, mengapa syarikat-syarikat tersebut sudah memulakan kegiatan mereka dan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian berkenaan terhadap perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai soalan (a) dan (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar belum menerima sebarang laporan Kajian EIA bagi skim projek ladang besar-besaran dan juga pembalakan di kawasan Baram, Bahagian Miri, Sarawak.

Mengenai soalan (b), Jabatan Alam Sekitar setakat ini belum menerima maklumat yang khusus mengenai aktiviti syarikat-syarikat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa mereka telah memulakan kegiatan mereka. Jabatan Alam

Sekitar Negeri Sarawak telah menghubungi syarikat-syarikat berkenaan supaya mereka mematuhi arahan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Sekiranya skim projek ladang besar-besaran dan juga pembalakan ini tertakluk kepada Seksyen 34A dan dilaksanakan selepas 1 April 1988 tanpa menjalankan kajian EIA terlebih dahulu, maka ini merupakan suatu kesalahan dan Jabatan Alam Sekitar boleh mengenakan denda maksimum RM10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya terhadap penggerak projek berkenaan jika bersabit kesalahan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Jabatan Alam Sekitar telah menerima maklumat-maklumat daripada LCDA Sarawak berkenaan dengan aktiviti syarikat-syarikat RH Plantation Sdn. Bhd., Binu Plantation Sdn. Bhd., Bahtera Bahagia Sdn. Bhd., Sachiew Sdn. Bhd., Empressa Sdn. Bhd. dan Timrest Sdn. Bhd.. Maklumat mengenai lokasi, keluasan dan status perancangan dan pelaksanaan projek adalah seperti berikut:

a) RH Plantation Sdn. Bhd.

Lokasi	:	Lot 53 Bok Land District
Luas	:	5251 hektar
Status perancangan dan pelaksanaannya	:	Projek sedang dilaksanakan

b) Binu Plantation Sdn. Bhd.

Lokasi	:	Lot 193 Bakong Land District
Luas	:	5329 hektar
Status perancangan dan pelaksanaan	:	Peringkat perancangan

c) Bahtera Bahagia Sdn. Bhd.

Lokasi	:	Lot I Block 11 Bukit Kisi Land District
Luas	:	3097 hektar
Status perancangan dan pelaksanaannya	:	Peringkat perancangan

d) Sachiew Sdn. Bhd.

Lokasi	:	Block 9 Suai Land District
Luas	:	3720 hektar
Status perancangan dan pelaksanaannya	:	Peringkat perancangan

e) Empressa Sdn. Bhd.

Lokasi	:	Lot 52 Bok Land District
Luas	:	2627 hektar
Status perancangan dan pelaksanaannya	:	Peringkat perancangan

f) Timrest Sdn. Bhd.

Lokasi	:	Lot 191 Bakong Land District Lot 45 & 49 Bok Land District
Luas	:	5657 hektar
Status perancangan dan pelaksanaannya	:	Peringkat perancangan

Jabatan Alam Sekitar telah menyusul kesemua syarikat berkenaan mengenai arahan untuk menjalankan kajian EIA pada 19 Mac 1990. Setakat ini tidak ada sebarang maklumbalas daripada syarikat-syarikat berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM
TARIKH : 2 DISEMBER 1992

SOALAN:

Y.B. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah reaksi negara-negara ASEAN terhadap cadangan beliau supaya negara-negara anggota berkenaan berkongsi membiayai kerja membersihkan perairan Selat Melaka yang tercemar dan mengenakan tol kepada kapal-kapal yang menggunakan perairan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya minta izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas pada 7 Disember 1992 dan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 14 Disember 1992, memandangkan ketiga-tiga soalan tersebut menyentuh soal keselamatan pelayaran, pembersihan dan pencemaran perairan Selat Melaka.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Selat Melaka dilingkungi oleh Malaysia, Indonesia dan Singapura dan ketiga-tiga negara ini dikenali sebagai 'littoral states', dengan izin. Dalam pada itu, tidaklah wajar.

(a) menubuhkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan untuk Mencegah dan Melawan Tumpahan Minyak di Selat Melaka yang melibatkan Agensi-Agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat minyak;

(b) menyediakan peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak seperti kapal, 'boom', 'skimmer' dan 'dispersant'; dan

(c) menubuhkan konsortium yang tujuannya antara lain ialah untuk mengadakan tabung sumbangan syarikat-syarikat minyak bagi meningkatkan keupayaan mencegah dan melawan tumpahan minyak di negara ini.

Mengenai anggaran kos kerja-kerja pembersihan perairan Selat Melaka dan pantai-pantai yang terlibat di negara ini akibat daripada perlanggaran kapal "Nagasaki Spirit" dengan "Ocean Blessing" pada 20 September 1992, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedang mengumpul maklumat mengenai kos

penyenggaraan daripada semua agensi yang terlibat dalam operasi pembersihan berkenaan bagi membolehkan Kerajaan mengemukakan tuntutan kepada pemilik kapal tangki tersebut.

Soal Selat Melaka dikemukakan ke peringkat ASEAN yang dianggotai oleh 3 buah negara lagi yang bukan `littoral states'. Namun begitu, Kerajaan sedang berusaha menganjurkan persidangan di peringkat antarabangsa bagi menbincangkan isu-isu berhubung dengan penggunaan Selat Melaka, termasuk isu-isu alam sekitar, keselamatan pelayaran dan pembersihan di perairan Selat Melaka. Persidangan itu akan dikelolakan oleh Kementerian Pengangkutan sebagai `lead agency' dan dijangka akan diadakan pada tahun depan.

Kerajaan tidak bercadang mengemukakan usul kepada Persidangan Laut Antarabangsa supaya Selat Melaka dihadkan bagi laluan kapal-kapal angkut yang kecil sahaja untuk mengelakkan daripada berlakunya perlanggaran dan pencemaran perairan Selat Melaka. Ini adalah disebabkan bahawa berasaskan kepada undang-undang negara dan antarabangsa, Malaysia tidak dapat menghalang secara langsung mana-mana kapal asing dari menggunakan Selat Melaka sebagai `innocent passage' dan `transit passage', dengan izin.

Sementara itu, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin perairan Selat Melaka tidak tercemar oleh kejadian-kejadian tumpahan minyak, antara lain ialah:

MAKLUMAT TAMBAHAN

Di bawah undang-undang Laut Antarabangsa (UN Convention on the Law of the Sea), 1982, hak `innocent passage' dan `transit passage' bagi kapal-kapal di Selat Melaka adalah terjamin. Ini bermakna Malaysia tidak boleh menghalang mana-mana kapal berkenaan sekiranya kapal tersebut membuat `innocent passage' dan `transit passage'.

Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 (OPS) merupakan undang-undang perkapalan negara yang terpakai bagi mengawalselia semua aktiviti dan hal ehwal keselamatan laut, perkapalan dan pelayaran negara. Namun demikian, seperti undang-undang antarabangsa, OPS tidak mempunyai peruntukan khusus yang membolehkan Kerajaan Malaysia menghalang menggunakan perairan Malaysia untuk tujuan 'innocent passage' bagi kapal-kapal asing. Walau bagaimanapun, OPS mempunyai peruntukan yang meluas bagi menentukan keselamatan perkapalan dan pelayaran, termasuk pemakaian penguatkuasaannya terhadap kapal-kapal asing. Peruntukan tersebut menghalang kapal masuk ke dalam perairan Malaysia sekiranya kapal tersebut tidak selamat dan memudaratkan Malaysia. Peruntukan seumpama ini boleh digunakan bagi menentukan tahap keselamatan yang tinggi yang perlu dipatuhi oleh semua kapal-kapal melalui perairan Malaysia.

Daripada penjelasan tersebut di atas, adalah ternyata bahawa Malaysia tidak dapat menghalang secara langsung mana-mana kapal asing dari menggunakan Selat Melaka bagi maksud `innocent passage'.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI SUKRI HJ. MOHAMED
TARIKH	:	7 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Sukri Hj. Mohamed minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan dalam masa empat bulan ini perairan Selat Melaka telah menyaksikan lima kemalangan besar iaitu perlanggaran kapal-kapal besar yang membawa muatan sarat dan berbahaya. Perlanggaran itu bukan sahaja telah menyebabkan kehilangan jiwa tetapi juga pencemaran di kawasan tersebut. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempastikan perairan Selat Melaka ini selamat dan tidak dicemari dengan tumpahan minyak atau bahan lain yang berbahaya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya minta izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 14 Disember 1992 memandangkan kedua-dua soalan tersebut menyentuh soal keselamatan pelayaran, pembersihan dan pencemaran perairan Selat Melaka.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin perairan Selat Melaka tidak tercemar oleh kejadian-kejadian tumpahan minyak antara lain ialah:

(a) menubuhkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan untuk Mencegah dan Melawan Tumpahan Minyak di Selat Melaka yang melibatkan Agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat minyak;

(b) menyediakan peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak seperti kapal, `boom', `skimmer' dan `dispersant', dengan izin; dan

(c) menubuhkan konsortium yang tujuannya antara lain ialah untuk mengadakan tabung sumbangan syarikat-syarikat minyak bagi meningkatkan keupayaan mencegah dan melawan tumpahan minyak di negara ini.

Kerajaan tidak bercadang mengemukakan usul kepada Persidangan Laut Antarabangsa supaya Selat Melaka dihadkan bagi laluan kapal-kapal angkut yang kecil sahaja untuk mengelakkan perlanggaran dan pencemaran laut Selat Melaka. Ini adalah disebabkan bahawa berasaskan kepada undang-undang negara dan antarabangsa, Malaysia tidak dapat menghalang mana-mana kapal asing dari menggunakan Selat Melaka sebagai "innocent passage" dan "transit passage", dengan izin.

Bagaimanapun, kerajaan sedang berusaha menganjurkan persidangan di peringkat antarabangsa bagi membincangkan isu-isu berhubung dengan penggunaan Selat Melaka, termasuk isu-isu alam sekitar, keselamatan pelayaran dan pembersihan di perairan Selat Melaka. Persidangan itu akan dikelolakan oleh Kementerian Pengangkutan sebagai agensi utama (lead agency) dan dijangka akan diadakan pada tahun depan. Soal Selat Melaka tidaklah wajar dikemukakan di peringkat ASEAN kerana Selat Melaka hanya dilingkungi oleh Malaysia, Indonesia dan Singapura yang dikenali sebagai `littoral states', dengan izin.

Mengenai anggaran kos kerja-kerja pembersihan perairan Selat Melaka dan pantai-pantai yang terlibat di negara ini akibat daripada perlanggaran kapal "Nagasaki Spirit" dengan "Ocean Blessing" pada 20 September 1992, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedang mengumpul maklumat mengenai kos penyenggaraan daripada semua agensi yang terlibat dalam operasi pembersihan berkenaan bagi membolehkan kerajaan mengemukakan tuntutan kepada pemilik kapal tangki tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. ABD. HAMID BIN HJ. ABD. RAHMAN
TARIKH : 8 DISEMBER 1992

SOALAN:

Y.B. Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hj. Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) nama dan kawasan-kawasan yang telah diadakan kajian untuk dijadikan tempat pembuangan sisa toksik di seluruh negara;

(b) apakah keputusan Kerajaan berhubung dengan masalah ini dan bilakah masalah pembinaan loji pengolahan dan pelupusan sisa toksik ini akan dibina; dan

(c) anggaran jumlah sisa toksik yang terdapat di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa kawasan di Negeri Selangor, Negeri Johor, Negeri Melaka, Negri Sembilan, Negeri Kedah, Negeri Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan telah dikaji untuk dijadikan tempat pelupusan sisa toksik.

Mengenai soalan (b), Kerajaan telah memutuskan bahawa sistem kemudahan dan pelupusan buangan toksik dan berbahaya dibina dan dikendalikan oleh pihak swasta. Berikutan daripada itu, Konsortium I. Kruger telah dipilih untuk menjalankan aktiviti tersebut. Konsortium itu sedang menjalankan Kajian Kesan Alam Sekeliling (EIA) untuk menentukan kesesuaian tapak yang dicadangkan. Mengikut perancangan asal, projek tersebut dijangka akan dibina pada pertengahan tahun 1993. Bagaimanapun ianya bergantung kepada beberapa faktor yang antara lain iaitu kelulusan EIA.

Mengenai soalan (c), jumlah buangan toksik dan berbahaya di negara ini adalah dianggarkan sebanyak 380,000 meter padu setahun.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Kawasan-kawasan yang dikaji untuk dijadikan tempat pelupusan mengikut negeri:

SELANGOR
- Petaling
- Gombak
- Klang
- Hulu Langat
- Hulu Selangor
- Kuala Langat
- Kuala Selangor
- Sabak Bernam
- Sepang
- Shah Alam

JOHOR
- Gelang Patah
- Air Hitam
- Pasir Gudang
- Tampoi

KEDAH
- Kulim
- Sg. Petani

WILAYAH PERSEKUTUAN
- Kuala Lumpur

MELAKA
- Alor Gajah

NEGRI SEMBILAN
- Seremban
- Port Dickson

PULAU PINANG
- Balik Pulau
- Seberang Prai Selatan
- Seberang Prai Tengah
- Seberang Prai Utara

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIN BIN WAN MAHMOOD
TARIKH	:	8 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamin bin Wan Mahmood minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Adakah Kementerian mendapat maklumat tentang keadaan lapisan ozon di langit Kuala Terengganu, Pulau Pinang dan Port Dickson yang kononnya berkemungkinan tembuk dan sila terangkan kesannya jika benar ia tembuk;

(b) Adakah kawasan-kawasan tertentu yang lain di negara ini dan Asia Tenggara umumnya yang lapisan ozonnya terancam dan apa kesannya kepada negara ini; dan

(c) Sila nyatakan langkah wajar dilakukan bagi mengelak dan menghadap kemungkinan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak menerima sebarang bukti saintifik yang menunjukkan keadaan lapisan ozon di langit Kuala Terengganu, Pulau Pinang dan Port Dickson yang terancam.

Mengenai soalan (b), negara ini telah mula menyelaras secara komprehensif keadaan ozon atmosfera terutamanya lapisan ozon stratosfera mulai bulan November tahun ini. Hasil penyelarasan ini akan diperolehi sedikit masa lagi. Bagaimanapun berasaskan kepada hasil pengukuran ozon yang dilaksanakan oleh negara-negara jiran didapati bahawa setakat ini tidak menunjukkan kecenderungan kekurangan ozon di rantau ini.

Mengenai soalan (c), perjanjian "Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer", dengan izin, adalah merupakan di peringkat antarabangsa untuk mengelakkan penipisan lapisan ozon. Antara langkah yang disyorkan ialah untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan bahan-bahan CFC (Chloro Fluoro Carbon) dan Halon.

Negara merupakan sebahagian daripada parti kepada Protokol Montreal tersebut. Berikutan daripada ketetapan ini, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan undang-undang yang berkaitan atau merangka undang-undang baru bagi memenuhi keperluan Protokol Montreal khususnya mengenai kawalan penggunaan bahan-bahan CFC dan Halon.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kawalan Kemasukan Bekalan atau Import Eksport Bahan-bahan CFC dan Halon

Kawalan kemasukan bekalan atau import-eksport diberi keutamaan di dalam merangka strategi bagi sebarang peraturan untuk masa akan datang supaya dapat mematuhi kadar penggunaan tahun asas 1986 di bawah Protokol, dengan syarat kadar penggunaan tidak melebihi 0.3 kg/kapita. Bagi maksud permulaan ini, penguatkuasaan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1985 pada 14 Disember 1989 adalah antara lain bertujuan mengemaskinikan skim inventori kemasukan bahan-bahan CFC dan Halon.

Kesan Kekurangan Ozon Di Udara Atas

Lebih baik pihak Jabatan Alam Sekitar dan/atau Kementerian Kesihatan memberi komen kerana kesan atas manusia bergantung kepada faktor termasuk terletaknya kawasan yang terlibat misalnya kawasan Khatulistiwa atau iklim sejuk (mid-latitude and polar regions).

Pemonitoran di Malaysia

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia telah bermula memonitor secara komprehensif keadaan ozon atmosfera terutamanya lapisan ozon stratosfera mulai dari bulan November 1992 setelah pemonitoran ozon itu dilancarkan dengan rasmi oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada 30 Oktober 1992.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN ONG TIN KIM
TARIKH : 9 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan dalam sidang Kemuncak Bumi Sedunia di Rio de Jeneiro, apa peranan Malaysia dalam sidang ini. Apa kita telah capai, apa program akan dilaksanakan oleh Kementerian beliau di dalam negara kita dan luar negara kita untuk melaksanakan persetujuan sidang Kemuncak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan dan pengaruh Malaysia di Sidang Kemuncak Bumi Sedunia yang berlangsung di Rio de Jeneiro pada bulan Jun yang lalu bolehlah dianggap sebagai luar biasa di mana Malaysia adalah di antara 10 negara yang paling aktif dalam sidang tersebut. Di kalangan negara-negara membangun, Malaysia telah diterima sebagai jurucakap yang utama bagi negara-negara Selatan-Selatan.

Selain daripada mencapai peranan dan imej yang utama ini, Malaysia juga telah dilantik sebagai Pengerusi kepada Jawatankuasa mengenai Institusi. Jawatankuasa ini telah berjaya menyediakan perakuan mengenai rangka kerja institusi-institusi selepas Sidang Kemuncak di Rio de Jeneiro dan di antaranya ialah mengenai penubuhan sebuah Suruhanjaya mengenai Pembangunan Mampan (Commission on Sustainable Development) di bawah Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC) Bangsa-Bangsa Bersatu. Jawatankuasa ini juga telah dapat menyelesaikan kerja-kerjanya lebih awal daripada Jawatankuasa-jawatankuasa lain semasa Sidang Kemuncak di Rio dan penyelesaian kerja-kerja Jawatankuasa mengenai Institusi ini telah dilihat sebagai salah satu daripada kejayaan utama di Rio.

Mengenai program di dalam negara kita untuk melaksanakan persetujuan semasa Sidang Kemuncak di Rio, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memulakan dengan menganjurkan satu Seminar Kebangsaan Mengenai UNCED pada bulan September 1992 di Kuala Lumpur untuk meneliti rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan yang telah dipersetujui di Rio. Seminar ini telah merumuskan langkah-langkah bagi melaksanakan persetujuan tersebut antara lainnya ialah:-

(a) keputusan Rio khususnya yang terkandung di dalam Agenda 21 dan implikasinya dikaji dengan lebih mendalam oleh agensi dan Jabatan Kerajaan supaya bidang-bidang yang tertentu dapat mendatangkan faedah kepada Malaysia;

(b) menerima konsep pembangunan mampan sebagai suatu proses evolusi dalam jangkamasa pendek, sederhana dan panjang;

(c) mewujudkan suatu pendekatan yang padu di peringkat kebangsaan untuk mendapatkan "input" dan penyertaan daripada sektor bukan Kerajaan seperti sektor perniagaan, cendiakawan dan kumpulan-kumpulan lain yang mempunyai minat terhadap soal alam sekitar;

(d) mengkaji perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri ke arah memudahkan pelaksanaan langkah-langkah alam sekitar;

(e) ulangkaji Dasar Sains dan Teknologi Negara dengan menitikberatkan perkembangan teknologi yang berteraskan alam sekitar di bawah program IRPA. Dalam hal ini keupayaan sains dan teknologi dalam bidang pembangunan mampan perlu dimajukan;

(f) memberi perhatian kepada penggunaan dan pengurusan mampan terhadap sumber-sumber seperti perhutanan dan kepelbagaian biologi;

(g) kegiatan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kualiti alam sekitar perlu diberi tumpuan yang sewajarnya;

(h) Bidang pembangunan mampan perlulah dijadikan suatu mata pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi dan juga di institut-institut latihan seperti INTAN dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negari supaya negara dapat menghadapi cabaran untuk melaksanakan Agenda 21; dan

(i) Majlis Alam Sekitar Negara yang dicadangkan itu patutlah diberi kepimpinan di peringkat yang tinggi sekali.

Mengenai program luar negara, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan program Inisiatif untuk Penghijauan Dunia atau "An Initiative for the Greening of the World". Program ini adalah merupakan suatu cabaran kepada dunia, khususnya negara-negara maju supaya pada penghujung dekad ini, sekurang-kurangnya 30% daripada bumi hendaklah dihijaukan.

Program ini telah dilancarkan semasa Persidangan Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini di mana YAB. Perdana Menteri sendiri telah membuat cabaran tersebut. Dokumen dan pita video mengenai tajuk tersebut telah diedarkan kepada negara-negara peserta semasa Sidang Kemuncak Bumi Di Rio de Janeiro.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menunaikan janji semasa Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio de Janeiro pada bulan Jun 1992 ialah:

   (a) menganjurkan Seminar Kebangsaan Mengenai UNCED yang telah diadakan pada 7 hingga 8 September 1992 di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk meneliti rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan yang telah dipersetujui di Rio serta peranan negara ini dalam melaksanakan rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan tersebut;

   (b) mengkaji dan meneliti keputusan-keputusan yang telah dicapai di UNCED Rio de Janeiro, khususnya perkara-perkara yang terkandung dalam Agenda 21, iaitu suatu dokumen yang menyenaraikan pelan tindakan untuk dilaksanakan oleh negara-negara ahli berhubung dengan alam sekitar pembangunan;

   (c) meningkatkan usaha-usaha mengimbangkan aktiviti-aktiviti pembangunan dan alam sekitar yang melibatkan berbagai pihak iaitu agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan kumpulan-kumpulan lain;

   (d) meningkatkan persefahaman dan penyelarasan dalam mengintegrasikan isu-isu alam sekitar dan pembangunan;

(e) menyelaras pemuliharaan dan pengawalan sumber-sumber asli dan kepelbagaian biologi;

(f) merancang penubuhan Majlis Alam Sekitar yang akan menetapkan garis panduan dalam menggubal dasar, strategi, program dan projek alam sekitar;

(g) meningkatkan program pendidikan dan kesedaran pemuliharaan alam sekitar di kalangan rakyat negara ini melalui kurikulum di sekolah-sekolah;

(h) melancarkan program Inisiatif untuk Penghijauan Dunia atau "An Initiative for the Greening of the World" (dengan izin) iaitu merupakan suatu cabaran kepada dunia, khususnya negara-negara maju, supaya pada penghujung dekad ini, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada bumi hendaklah dihijaukan;

(i) melancarkan program penghijauan bumi semasa Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan April 1992 di mana dalam persidangan itu Y.A.B. Perdana Menteri sendiri telah mengesyorkan supaya 30 peratus daripada bumi di negara masing-masing diliputi tumbuhan; dan

(j) mengedarkan dokumen dan pita video mengenai "An Initiative for the Greening of the World" kepada negara-negara peserta di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio de Janeiro pada bulan Jun 1992.

2. Matlamat dokumen "An Initiative for the Greening of the World" ialah untuk menyedar dan menyarankan kepada masyarakat dunia bagi memulihara hutan di negara masing-masing. Dengan demikian maka secara tidak langsung, kedudukan dan perlindungan hak Kaum Asli atau pribumi yang menduduki sebahagian kawasan-kawasan hutan berkenaan adalah terpelihara melalui program tersebut.

3. Cadangan-cadangan yang telah dibuat dalam seminar kebangsaan selepas UNCED yang diadakan pada bulan September 1992 antara lain ialah:

(a) keputusan Rio khususnya yang terkandung di dalam Agenda 21 dan implikasinya dikaji dengan lebih mendalam oleh agensi dan Jabatan Kerajaan supaya bidang-bidang yang tertentu dapat mendatangkan faedah kepada Malaysia;

(b) menerima konsep pembangunan mampan sebagai suatu proses evolusi dalam jangkamasa pendek, sederhana dan panjang;

(c) mewujudkan suatu pendekatan yang padu di peringkat kebangsaan untuk mendapatkan "input" dan penyertaan daripada sektor bukan Kerajaan seperti sektor perniagaan, cendiakawan dan kumpulan-kumpulan lain yang mempunyai minat terhadap soal alam sekitar;

(d) mengkaji perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri ke arah memudahkan perlaksanaan langkah-langkah alam sekitar;

(e) ulangkaji Dasar Sains dan Teknologi Negara dengan menitikberatkan perkembangan teknologi yang berteraskan alam sekitar di bawah program IRPA. Dalam hal ini keupayaan sains dan teknologi dalam bidang pembangunan mampan perlu dimajukan;

(f) memberi perhatian kepada penggunaan dan pengurusan mampan terhadap sumber-sumber seperti perhutanan dan kepelbagaian biologi;

(g) kegiatan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kualiti alam sekitar perlu diberi tumpuan yang sewajarnya;

(h) bidang pembangunan mampan perlulah dijadikan suatu mata pelajaran di insitusi pengajian tinggi dan juga di institut-institut latihan seperti INTAN dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri supaya negara dapat menghadapi cabaran untuk melaksanakan Agenda 21; dan

(i) Majlis Alam Sekitar Negara yang dicadangkan itu patutlah diberi kepimpinan di peringkat yang tinggi sekali.

4. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah mengkaji cadangan menubuhkan sebuah Majlis Alam Sekitar Negara dan syor-syornya sedang diteliti oleh YAB Perdana Menteri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN BILLY ABIT JOO
TARIKH	:	10 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerian beliau menyediakan garis panduan untuk melindungi alam sekitar:-

(a) pembuangan berjadual sisa-sisa minerakimia berbahaya; dan

(b) bahayanya bahan-bahan tertentu seperti paip PVC dan bahan-bahan yang dibuat daripada asbestos.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa Jawatankuasa Sektor Industri Bagi Mengkaji Skim Pengurusan Buangan Terjadual telah ditubuhkan pada awal tahun 1991 untuk menyediakan garis panduan bagi pengurusan buangan terjadual termasuklah buangan-buangan enapcemar mineral dan asbestos. Garis-garis panduan tersebut dijangka akan dapat disiapkan pada penghujung tahun 1992.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Apakah buangan asbestos yang dikawal?

Buangan yang dikawal di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 ialah enapcemar (sludge) debu asbestos dan beg-beg yang mengandungi gantian asbestos bebas.

Bahan keluaran seperti atap dan paip asbestos tidak tertakluk di bawah peraturan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	DATO' DR. AFFIFUDDIN BIN HAJI OMAR
TARIKH	:	14 DISEMBER 1992

SOALAN

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Sains dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan satu tabung alam sekitar (Environment Fund) untuk tujuan membantu badan-badan seperti NGO negara menjalankan program dan projek mereka. Apakah wujud suatu perhubungan yang 'constructive' di antara Kementerian dan NGO negara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum mempunyai Tabung Alam Sekitar yang khusus untuk membantu pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di negara ini bagi menjalankan program dan projek mereka. Bagaimanapun, sekiranya ada keperluan bagi menubuhkan tabung tersebut pada masa akan datang maka Kementerian ini akan mengkaji cadangan tersebut mengikut kesesuaiannya.

Setakat ini perhubungan antara Kerajaan dan NGO di negara ini adalah amat memuaskan. Antara aktiviti-aktiviti Kerajaan yang melibatkan NGO ialah perlantikan wakil NGO dalam Majlis Kualiti Alam Sekeliling, dialog antara Kementerian ini dengan NGO dan penglibatan pegawai-pegawai Kerajaan dalam seminar dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh NGO dan sebaliknya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM
TARIKH	:	14 DISEMBER 1992

SOALAN

Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah Kerajaan bercadang mengemukakan usul kepada Persidangan Laut Antarabangsa supaya Selat Melaka dihad bagi laluan kapal-kapal angkut yang kecil sahaja untuk mengelak dari berlakunya perlanggaran dan pencemaran laut Selat Melaka;

(b) adakah Kerajaan bercadang minta kerjasama negara jiran, seperti Republik Indonesia dan Republik Singapura supaya membuat usul yang sama kepada persidangan Laut Antarabangsa; dan

(c) adakah Kerajaan akan meminta gantirugi daripada pemilik kapal kargo yang berlanggar di Selat Melaka pada 21.9.1992, yang mengakibatkan lautan di Selat itu tercemar dan mengancam kehidupan laut di situ.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang mengemukakan usul kepada Persidangan Laut Antarabangsa supaya Selat Melaka dihadkan bagi laluan kapal-kapal angkut yang kecil sahaja untuk mengelakkan daripada berlakunya perlanggaran dan pencemaran laut Selat Melaka. Ini adalah disebabkan bahawa berasaskan kepada undang-undang negara dan antarabangsa, Malaysia tidak dapat menghalang secara langsung mana-mana kapal asing dari menggunakan Selat Melaka sebagai `innocent passage' dan `transit passage', dengan izin.

Mengenai soalan (b), satu Persidangan Antarabangsa akan diadakan dengan negara-negara jiran iaitu Indonesia, Singapura dan Thailand untuk meninjau cara-cara yang boleh menjamin dan menyelenggara keselamatan pelayaran dan pembersihan di perairan Selat Melaka.

Mengenai soalan (c), kejadian tumpahan minyak akibat perlanggaran kapal di Selat Melaka baru-baru ini telah mengakibatkan pencemaran dan ancaman kepada kehidupan laut di perairan Selat Melaka. Dengan demikian, Kerajaan sedang berusaha untuk membuat tuntutan terhadap kos pembersihan dan gantirugi kerosakan alam sekitar daripada agen insurans kapal "Nagasaki Spirit". Kerajaan juga akan mengemukakan tuntutan saman kepada syarikat kapal penyelamat SEMCO Salvage and Marine Pte. Ltd.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : PUAN HAJJAH ROSNAH BT HAJI MOHD. SALLEH
TARIKH : 16 DISEMBER 1992

SOALAN

Puan Hajjah Rosnah bt. Haji Mohd. Salleh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa lamakah masa diambil untuk membersihkan tumpahan minyak dari sebuah kapal di sekitar perairan pantai Malaysia. Berapakah kos untuk membiayai pembersihan tumpahan minyak oleh kapal "Nagasaki Spirit" yang baru lalu dan berapakah kerugian yang telah dialami oleh pihak Kerajaan dan rakyat negara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk menjawab soalan pertama masa yang diambil bagi membersih tumpahan minyak dari sesebuah kapal bergantung kepada sesuatu keadaan tumpahan minyak itu. Jika jumlah tumpahan minyak didapati besar dan meliputi kawasan perairan yang luas, masa untuk membersih tumpahan minyak itu mungkin berminggu-minggu atau berbulan-bulan malah mungkin bertahun-tahun. Pada masa-masa yang lepas Malaysia tidak pernah mengalami kejadian tumpahan minyak yang besar. Kejadian tumpahan minyak oleh kapal "Nagasaki Spirit" yang berlaku di Selat Melaka baru-baru ini adalah kecil dan tidak serius. Kerja-kerja pembersihan yang dilaksanakan di kawasan-kawasan perairan pantai yang terjejas dengan tumpahan minyak berkenaan hanya mengambil masa yang singkat iaitu selama 1-2 hari sahaja.

Bagi menjawab soalan kedua, kos untuk membiayai kerja-kerja pembersihan tumpahan minyak oleh kapal "Nagasaki Spirit" belum dapat ditentukan lagi kerana kerja-kerja mengumpul data dan maklumat berhubung dengan perkara tersebut masih dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar.

Bagi menjawab soalan ketiga, berhubung dengan kerugian telah dialami oleh pihak Kerajaan dan rakyat negara ini, perkara tersebut masih dalam peringkat kajian oleh beberapa agensi Kerajaan, manakala kajian kesan-kesan tumpahan minyak terhadap kehidupan laut di kawasan-kawasan yang terjejas seperti Pulau Langkawi dan pulau-pulau sekitarnya sedang dilaksanakan oleh pakar-pakar penyelidik dari salah sebuah universiti tempatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM
TARIKH	:	16 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Sains dan Teknologi menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengambil perekacipta tempatan sebagai anak angkat dan membiayai kerja-kerja mencipta tersebut supaya lebih canggih dan kemaskini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk membantu perekacipta-perekacipta tempatan dalam usaha bagi meningkat dan memperdagangkan hasil ciptaan mereka. Antara langkah-langkah itu ialah:

(a) menubuhkan Malaysia Technology Development Corporation', dengan izin, iaitu sebuah syarikat yang Kerajaan menjadi pemegang ekuiti dengan tujuan untuk mengenalpasti rekacipta-rekacipta yang baik dan berpotensi dan seterusnya membangunkannya untuk diperdagangkan;

(b) menyediakan kemudahan bagi perekacipta-perekacipta memohon gran penyama (matching grant) di bawah skim `Industrial Technology Assistance Fund', dengan izin, untuk tujuan penyelidikan lanjutan, rekabentuk, kajian pasaran dan sebagainya;

(c) memperkenalkan Anugerah Perekacipta Negara pada tahun ini dengan hadiah wang tunai sebanyak RM20,000 yang tujuannya ialah untuk menggalakkan bakat kreativiti dan memberi pengiktirafan kepada kejayaan mereka;

(d) menganjurkan pameran-pameran rekacipta tiap-tiap tahun dengan tujuan untuk memperkenalkan rekacipta dan perekacipta berkenaan kepada industri-industri tempatan dan bakal-bakal pengusaha; dan

(e) mengkaji cadangan menubuhkan Yayasan Rekacipta Negara dengan tujuan untuk membantu pereka-pereka tempatan khususnya pereka-pereka individu, mempertingkatkan hasil ciptaan mereka.

Kesemua aktiviti yang diterangkan sebentar tadi adalah selaras dengan matlamat 'anak angkat' yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. LT. KOL (B) IBRAHIM BIN SAREH
TARIKH	:	21 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) berapakah jumlah pegawai/anggota Jabatan Alam Sekitar yang secara terus terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang alam sekitar yang sedia ada. Adakah kekuatan ini cukup untuk penguatkuasaan yang berkesan; dan

(b) adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu unit penguatkuasaan khas untuk menentukan penguatkuasaan yang lebih berkesan dalam mana pencemaran alam sekitar dapat dikesan di peringkat lebih awal.

JAWAPAN

Tuan Yand DiPertua,

Mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pegawai Jabatan Alam Sekitar di seluruh Malaysia yang terlibat secara langsung dengan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya ialah seramai 49 orang.

Bilangan pegawai penguatkuasaan itu masih belum mencukupi untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan yang benar-benar berkesan jika dibandingkan dengan jumlah punca-punca pencemaran iaitu termasuk kira-kira 9,800 buah kilang. Di samping pembinaan itu, skop penguatkuasaan yang perlu ditanggung telah meningkat tahun demi tahun.

Mengenai soalan (b), unit-unit penguatkkuasaan telahpun ditubuhkan oleh Jabatan Alam Sekitar di peringkat di Pejabat-Pejabat Negeri. Unit-unit ini ditubuhkan untuk menentukan penguatkusaan ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya supaya berkesan di peringkat daerah dengan kerjasama agensi-agensi lain yang berkenaan. Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar telahpun menubuhkan Unit Pematuhan Projek EIA yang matlamatnya ialah untuk mempastikan syarat-syarat kelulusan laporan EIA dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha projek. Fungsi Unit ini ialah untuk mengesan dan mengawal di peringkat awal akan kemungkinan berlakunya pencemaran alam sekitar berikutan dengan pelaksanan projek-projek berkenaan. Di samping itu, langkah-langkah awalan kawalan pencemaran di buat melalui di antara lain khidmat nasihat seperti di Pusat Serenti di MIDA dan garis-garis panduan yang digunapakai oleh agensi-agensi perancangan yang berkaitan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. HAJI MOHAMAD BIN SABU
TARIKH : 21 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah tindakan susulan Kerajaan terhadap persetujuan antarabangsa di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janerio memandangkan tahap pencemaran air di sungai-sungai dan tahap pencemaran udara di kawasan-kawasan perindustrian dan di kawasan-kawasan besar di negara ini semakin mengancam kesihatan rakyat walaupun persidangan itu telah lama berlalu; dan

(b) sejauh manakah kesungguhan Kerajaan dalam tindakannya terhadap kilang-kilang yang terus melakukan pencemaran terhadap alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara tindakan susulan yang dilaksanakan oleh Kerajaan terhadap persetujuan antarabangsa semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio ialah penganjuran satu Seminar Kebangsaan mengenai UNCED di Kuala Lumpur pada awal September 1992 yang telah merumuskan langkah-langkah bagi melaksanakan persetujuan semasa Sidang Kemuncak Bumi tersebut. Dalam pada itu, usaha-usaha juga sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengawal pencemaran air di sungai-sungai dan pencemaran udara di kawasan perindustrian serta kawasan besar di negara ini melalui antara lainnya:

(i) keperluan menyediakan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi projek-projek yang terjadual;

(ii) penilaian awal tapak bagi pembinaan kilang baru, pemasangan alat pembakaran bahanapi, sistem pengolahan effluen dan sistem rawatan pencemar udara dengan tujuan untuk mencegah pelepasan pencemar yang berlebihan;

(iii) kawalan penggunaan sistem pengolahan effluen, sistem rawatan pencemar udara dan persampelan rasmi effluen industri;

(iv) tindakan mahkamah;

(v) kawalan asap hitam, plumbum dan bunyi bising daripada kenderaan bermotor;

(vi) pengurusan bahan buangan terjadual secara sistematik dan mengikut cara pelupusan yang selamat; dan

(vii) pengawasan air dan udara.

Mengenai soalan (b), Kerajaan sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan terhadap kilang-kilang yang melakukan pencemaran kepada alam sekitar. Aktiviti pengawasan meliputi percontohan udara, percontohan air, percontohan air laut, "tarball", bunyi bising dan percontohan air bawah tanah yang dijalankan sepanjang tahun di semua negeri di Malaysia.

Dalam usaha ini, di sepanjang tahun 1991, sebanyak 1407 lawatan penguatkuasaan dan 464 lawatan penyiasatan aduan (daripada aduan orang awam) telah dilakukan ke atas kilang-kilang di seluruh negara. Hasil daripada tindakan tersebut, Kementerian telah mengenakan sebanyak 609 kes surat saman, 325 kes notis arahan, 942 kes kompaun, 91 kes pendakwaan dan 10 kes perintah larangan.

Aktiviti-aktiviti ini akan terus dipertingkatkan melalui berbagai cara yang antaranya ialah dengan:

(i) meningkatkan kemampuan Jabatan Alam Sekitar dari aspek keanggotaan dan perundangan serta peraturan dalam melaksanakan kerja-kerja pengawasan dan penguatkuasaan undang-undang;

(ii) memberi khidmat nasihat dan garis panduan kepada kilang-kilang yang menghadapi masalah untuk mengawal pencemaran; dan

(iii) memonitor dan mengawasi keadaan pencemaran dari masa ke semasa bagi mempastikan supaya ianya tidak mendatangkan ancaman khususnya kepada kesihatan rakyat di negara ini.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menunaikan janji semasa Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio de Janeiro pada bulan Jun 1992 ialah:

   (a) menganjurkan Seminar Kebangsaan Mengenai UNCED yang telah diadakan pada 7 hingga 8 September 1992 di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk meneliti rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan yang telah dipersetujui di Rio serta peranan negara ini dalam melaksanakan rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan tersebut;

   (b) mengkaji dan meneliti keputusan-keputusan yang telah dicapai di UNCED Rio de Janeiro, khususnya perkara-perkara yang terkandung dalam Agenda 21, iaitu suatu dokumen yang menyenaraikan pelan tindakan untuk dilaksanakan oleh negara-negara ahli berhubung dengan alam sekitar dan pembangunan;

   (c) meningkatkan usaha-usaha mengimbangkan aktiviti-aktiviti pembangunan dan alam sekitar yang melibatkan berbagai pihak iaitu agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan kumpulan-kumpulan lain;

   (d) meningkatkan persefahaman dan penyelarasan dalam mengintegrasikan isu-isu alam sekitar dan pembangunan;

   (e) menyelaras pemuliharaan dan pengawalan sumber-sumber asli dan pelbagai biologi;

   (f) merancang penubuhan Majlis Alam Sekitar yang akan menetapkan garis panduan dalam menggubal dasar, strategi, program dan projek alam sekitar,

   (g) meningkat program pendidikan dan kesedaran pemuliharaan alam sekitar di kalangan rakyat negara ini melalui kurikulum di sekolah-sekolah;

   (h) melancarkan program Inisiatif untuk Penghijauan Dunia atau "An Initiative for the Greeening of the World" (dengan izin) iaitu merupakan suatu cabaran kepada dunia, khususnya negara-negara maju supaya pada penghujung dekad ini, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada bumi hendaklah dihijaukan.

   (i) melancarkan program penghijauan bumi semasa Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan

Pembangunan yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada April 1992 di mana dalam persidangan itu Y.A.B. Perdana Menteri sendiri telah mengesyorkan supaya 30 peratus daripada bumi di negara masing-masing diliputi tumbuhan; dan

(j) mengedarkan dokumen dan pita video mengenai "An Initiative for the Greening of the World" kepada negara-negara peserta di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio De Janeiro pada bulan Jun 1992.

2. Matlamat dokumen "An Initiative for the Greening of the World" ialah untuk menyedar dan menyarankan kepada masyarakat dunia bagi memulihara hutan di negara masing-masing. Dengan demikian maka secara tidak langsung, kedudukan dan perlindungan hak Kaum Asli atau pribumi yang menduduki sebahagian kawasan-kawasan hutan berkenaan adalah terpelihara melalui program tersebut.

3. Cadangan-cadangan yang telah dibuat dalam seminar kebangsaan selepas UNCED yang diadakan pada bulan September 1992 antara lain ialah:

(a) keputusan Rio khususnya yang terkandung di dalam Agenda 21 dan implikasinya dikaji dengan lebih mendalam oleh agensi dan Jabatan Kerajaan supaya bidang-bidang yang tertentu dapat mendatangkan faedah kepada Malaysia;

(b) menerima konsep pembangunan mampan sebagai suatu proses evolusi dalam jangkamasa pendek, sederhana dan panjang;

(c) mewujudkan suatu pendekatan yang padu di peringkat kebangsaan untuk mendapatkan "input" dan penyertaan daripada sektor bukan Kerajaan seperti sektor perniagaan, cendiakawan dan kumpulan-kumpulan lain yang mempunyai minat terhadap soal alam sekitar;

(d) mengkaji perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri ke arah memudahkan perlaksanaan langkah-langkah alam sekitar;

(e) ulangkaji Dasar Sains dan Teknologi Negara dengan menitikberatkan perkembangan teknologi yang berteraskan alam sekitar di bawah program IRPA. Dalam hal ini keupayaan sains dan teknologi dalam bidang pembangunan mampan perlu dimajukan;

(f) memberi perhatian kepada penggunaan dan pengurusan mampan terhadap sumber-sumber seperti perhutanan dan kepelbagaian biologi;

(g) kegiatan penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kualiti alam sekitar perlu diberi tumpuan yang sewajarnya;

(h) bidang pembangunan mampan perlulah dijadikan suatu mata pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi dan juga institut-institut latihan seperti INTAN dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negari supaya negara dapat menghadapi cabaran untuk melaksanakan Agenda 21; dan

(i) Majlis Alam Sekitar Negara yang dicadangkan itu patutlah diberi kepimpinan di peringkat yang tinggi sekali.

4. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah mengkaji cadangan menubuhkan sebuah Majlis Alam Sekitar Negara dan syor-syornya sedang diteliti oleh YAB Perdana Menteri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	21 DISEMBER 1992

SOALAN

Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sebab-sebabnya mengapa Malaysia belum menandatangani "Convention on Laws of the Sea", supaya mengawal penggunaan perairan maritim di sekeliling Malaysia dalam kerjasama dengan negara-negara jiran, khasnya dari segi perlindungan dan pengawalan perairan daripada pencemaran seperti yang telah berlaku di Selat Melaka baru-baru ini.

JAWAPAN

1. Meskipun Malaysia belum menandatangani Konvensyen terhadap Undang-Undang Kelautan (United Nations Convention on Laws of the Sea, UNCLOS), beberapa langkah penting bagi mengawal dan perlindungan maritim selaras dengan kehendak Konvensyen ini telah diambil.

2. Salah satu langkah kawalan dan perlindungan maritim, Kerajaan Malaysia telah menggubal undang-undang iaitu:

   a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974
   b) Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984

3. Dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, pelepasan minyak ke dalam perairan yang melebihi 100 ppm adalah menjadi satu kesalahan. Kuasa yang telah diberikan kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling adalah untuk menuntut kos akibat dari apa-apa tumpahan, dan untuk menahan dan menjual kapal sekiranya bayaran tidak dibuat (seksyen 47 & 48).

4. Dalam Akta Zon Ekonomi Eksklusif pula, pelepasan minyak ke dalam laut, di dalam lingkungan Zon Ekonomi Eksklusif, adalah tidak dibenarkan, dan kuasa untuk menahan dan menjual kapal tidak diperuntukkan (seksyen 15). Kuasa telah diberikan kepada semua agensi maritim Kerajaan seperti Tentera Laut Di Raja

Malaysia (TLDM), Polis Di Raja Malaysia, Cawangan Marin, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar.

5. Selain dari mewujudkan beberapa perundangan, Kerajaan Malaysia juga telah mengambil langkah operasi bagi kawalan dan perlindungan maritim. Salah satu daripada langkah tersebut ialah dengan mengadakan Pelan Tindakan Kebangsaan Melawan Tumpahan Minyak Kebangsaan yang terdiri daripada:

   a) Pelan Tindakan Melawan Tumpahan Minyak bagi Laut China Selatan yang masing-masing mengandungi Pelan Tindakan Melawan Tumpahan Minyak bagi:

      i) Pantai Timur,
      ii) Sabah dan
      iii) Sarawak.

   b) Pelan Tindakan Melawan Tumpahan Minyak bagi Selat Melaka.

6. Malaysia, bersama-sama Indonesia dan Singapura telah mengadakan Skim Pemisahan Lalulintas (Traffic Separation Scheme) di bahagian selatan Selat Melaka untuk keselamatan pelayaran kapal.

7. Kerajaan Malaysia juga adalah menjadi ahli yang aktif dalam perhubungan dua hala iaitu dengan Kerajaan Indonesia dan Singapura melalui Kumpulan Pakar Teknikal Tiga Negara (Tripartite Technical Expert Group, TTEG), satu Tabung Pusingan Selat Melaka (Malacca Straits Revolving Fund Committee) telah dibentuk dengan wang yang telah disumbangkan oleh Majlis Perkapalan Jepun, melalui Majlis Selat Melaka (Malacca Straits Council) berjumlah 400,000,000 Yen. Wang ini boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan dalam kerja-kerja melawan tumpahan minyak, tetapi wangnya harus ditampung semula selepas wang tuntutan diperolehi.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi rakyat Malaysia daripada bahaya dan ancaman yang dibawa oleh kapal Jepun yang membawa plutonium yang boleh membuat 150 bom nuklear melalui Selat Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan satu Kumpulan Bertindak Kecemasan dalam menghadapi masalah pengangkutan pluotonium di perairan Selat Melaka tersebut. Ini akan membolehkan negara ini bertindak cepat melindungi rakyat daripada bahaya dan ancaman kemungkinan kemalangan di Selat Melaka yang dihasilkan daripada kapal yang membawa plutonium, dan juga mendapatkan bantuan antarabangsa dengan serta-merta menerusi Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (International Atomic Energy Agency).

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempastikan perairan Selat Melaka ini selamat dan tidak dicemari dengan tumpahan minyak atau bahan lain yang berbahaya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin perairan Selat Melaka tidak tercemar oleh kejadian-kejadian tumpahan minyak, antara lain ialah:

(a) menubuhkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan untuk Mencegah dan Melawan Tumpahan Minyak di Selat Melaka yang melibatkan Agensi-Agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat minyak;

(b) menyediakan peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak seperti kapal, 'boom', 'skimmer' dan 'dispersant'; dan

(c) menubuhkan konsortium yang tujuannya antara lain untuk mengadakan tabung sumbangan syarikat-syarikat minyak bagi meningkatkan keupayaan mencegah dan melawan tumpahan minyak di negara ini.

Berhubung dengan kawalan bahan-bahan berbahaya yang lain, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk membentuk suatu Rancangan Kontingensi bagi mengawal bahan sedemikian.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. NAWAWI MAT AWIN
TARIKH : 21 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B. Dr. Nawawi Mat Awin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kesan pencemaran hasil daripada kecelakaan yang berlaku di Selat Melaka baru-baru ini dan apakah tindakan pencegahan yang berkesan yang boleh dan sedang diambil untuk mengelakkan daripada kejadian-kejadian serupa itu berlaku dan yang bertanggungjawab melarikan diri daripada pengadilan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian tumpahan minyak yang berlaku di Perairan Selat Melaka baru-baru ini telah mencemari pantai-pantai di Pulau Langkawi dan kepulauan di sekitarnya. Walau bagaimanapun, kajian ke atas pencemaran hasil dari kejadian ini masih sedang dijalankan oleh pelbagai pihak berkenaan.

Untuk mengelakkan daripada kejadian-kejadian yang serupa berlaku, Kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasaan maritim akan mempertingkatkan lagi kerja-kerja pengawasan dan penguatkuasaan di laut. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk mencegah dan melawan tumpahan minyak dengan:

(i) menubuhkan Rancangan Kontingensi Kebangsaan melawan tumpahan minyak di mana Agensi-agensi Kerajaan dan syarikat minyak terlibat sama di dalam operasi tersebut;

(ii) menyediakan peralatan-peralatan melawan tumpahan minyak seperti menyediakan kapal, `booms', `skimmer' dan `dispersant'; dan

(iii) mengesyorkan syarikat-syarikat minyak supaya menubuhkan satu konsortium di mana satu tabung sumbangan syarikat-syarikat minyak tersebut

dapat dibentuk bagi meningkatkan keupayaan mencegah dan melawan tumpahan minyak di perairan Malaysia.

Di samping itu, Kerajaan telah pun menggubal Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk mengawal segala bentuk pencemaran yang berlaku dari darat ke laut. Bagi kes tumpahan minyak yang mungkin berpunca dari kapal-kapal atau punca-punca lain di laut, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1985, ada menyediakan peruntukan kuasa bagi membuat tuntutan terhadap kos pembersihan dan gantirugi kerosakan alam sekitar serta mengemukakan saman terhadap pihak yang bertanggungjawab.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pada jam 00:32, 20 September 1992 kapal tangki "Nagasaki Spirit" telah berlanggar dengan kapal Kontena "Ocean Blessing" pada kedudukan 04° U, 098° 42' T berdekatan dengan Belawan, Sumatera di dalam perairan Indonesia.

Kapal tersebut telah terbakar dan menumpahkan lebih kurang 13,000 tan minyak. Pada 23-27 September 1992 kapal tangki "Nagasaki Spirit" telah memasuki perairan Malaysia berdekatan dengan Pulau Perak. Selepas itu kapal itu ditahan di Pelabuhan Belawan Indonesia.

Pantai-pantai Malaysia telah terjejas dengan tumpahan minyak tersebut terutama pantai-pantai di Pulau Langkawi dan kepulauan di sekitarnya.

Minyak yang baki dari kapal "Nagasaki Spirit" telah dipindahkan ke kapal lain melalui "Ship to Ship transfer" pada 3 Oktober 1992 dan sebanyak 26,466.657 tan minyak telah dipindahkan.

Kapal "Nagasaki Spirit" telah mendapat kebenaran keluar dari perairan Indonesia pada 23 November 1992. Kapal tersebut telah ditunda pada 25 November 1992 dan sampai di Singapura pada 29 November 1992.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	PUAN HAJJAH ROSNAH BT. HAJI MOHD. SALLEH
TARIKH	:	23 DISEMBER 1992

SOALAN

Puan Hajjah Rosnah Bt. Haji Mohd. Salleh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas kilang-kilang yang mengakibatkan pencemaran dan beberapa buah kilangkah yang dikenakan hukuman pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya yang berkaitan mengawal pencemaran alam sekitar yang berpunca dari kilang-kilang. Pada tahun ini (sehingga akhir bulan November 1992) terdapat sebanyak 1460 kompaun telah dikenakan terhadap mereka-mereka yang melanggar peraturan yang ditetapkan dan sebanyak 80 kes telah dibawa ke Mahkamah.

KES-KES MAHKAMAH 1992

Bil.	Negeri	Jenis Pencemaran	Jumlah Kes Yang Didaftar	Jumlah Kes Selesai	Jumlah Denda (RM)
1.	Perak	Air	19	16	41,750
2.	Terengganu	Air	2	1	800
3.	Johor	Air	9	Tiada	Tiada
4.	Melaka	Air	3	2	4,000
5.	Kelantan	Air	1	Tiada	Tiada
6.	Selangor	Air	37	37	49,300
7.	P. Pinang	Air	4	3	5,000
8.	Kedah	Air	6	5	10,400
9.	K. Lumpur	Air	4	3	3,500
10.	Sarawak	Air	5	2	2,300
11.	N. Sembilan	Air	9	9	14,450
12.	Sabah	Udara	2	1	1,000

KES-KES KOMPAUN 1992

Bil	Negeri	Jenis Pencemaran		Jumlah Kes Yang Didaftar	Jumlah Kes Yang Selesai	Jumlah Denda (RM)
		Air	Udara			
1	Johor	71	14	85	67	41,550
2	K. Lumpur	37	62	99	60	49,500
3	Kedah	5	13	18	14	8,000
4	Kelantan	50	27	77	56	33,100
5	Melaka	34	9	43	30	21,100
6	N. Sembilan	13	17	30	25	14,400
7	P. Pinang	26	48	74	53	32,850
8	Pahang	9	17	26	16	12,300
9	Perak	33	83	116	98	48,000
10	Sabah	10	24	34	33	14,000
11	Sarawak	110	154	264	219	131,650
12	Selangor	445	102	545	427	272,500
13	Terengganu	30	19	49	40	24,900

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIEW AH KIM
TARIKH	:	24 DISEMBER 1992

SOALAN

Y.B Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sungai-sungai yang mengalami pencemaran yang serius di seluruh Malaysia sama ada pencemaran itu masih boleh dikawal atau memerlukan perhatian segera di mana tahap kesihatan penduduk-penduduk membimbangkan akibat kawasan ternakan babi. Sila nyatakan:

(a) sama ada punca utama pencemaran ialah disebabkan kawasan perusahaan ternakan babi;

(b) sama ada pencemaran sungai ini boleh diatasi 100 peratus dengan memindahkan kawasan ternakan babi ke kawasan lain, atau mengharamkan terus perusahaan ternakan babi; dan

(c) sama ada kena mengharamkan semua punca pencemaran dan dikenakan denda yang berat seperti membuang sampah sarap, mengalir sisa besi atau minyak dari bengkel kereta dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil pengawasan kualiti air sungai di seluruh negara maka didapati bahawa aktiviti penternakan khinzir atau babi adalah merupakan punca pencemaran kedua terbesar selepas aktiviti kerjatanah untuk tujuan pembangunan.

Mengenai soalan (b), maksud memindahkan penternak-penternak khinzir ke kawasan-kawasan yang mempunyai loji bagi pengolahan effluen kepada effluen

yang mematuhi standard yang diterimapakai oleh Jabatan Alam Sekitar adalah untuk mengurangkan pencemaran air sungai-sungai ke suatu tahap yang boleh diterima, walaupun tidak dapat mencapai 100%. Ini adalah kerana masih terdapat punca-punca lain yang menyumbangkan kepada pencemaran sungai. Oleh itu, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan aktiviti penternakan khinzir.

Mengenai soalan (c), dalam menghadapi masalah pencemaran alam sekitar di negara ini, apa yang lebih penting ialah kerjasama semua pihak yang terlibat di semua peringkat termasuk pengusaha perindustrian, pemaju pembangunan, agensi-agensi Kerajaan, Penguasa-penguasa Tempatan dan orang awam. Peranan utama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ialah untuk memberi nasihat serta input kepada pihak-pihak berkenaan dalam usaha memulihara dan mengawal alam sekitar di negara ini. Dalam masa yang sama, jika terdapat mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta Peraturan-peraturan di bawahnya, maka mereka akan dikenakan tindakan.

Mengenai punca-punca pencemaran sampah sarap, buangan sisa-sisa besi ataupun minyak daripada bengkel kenderaan, garis panduan bagi pelupusan bahan-bahan pencemaran tersebut telahpun diwujudkan untuk kegunaan Penguasa-penguasa Tempatan. Di samping itu juga, kajian semula sedang dibuat ke atas kebanyakan undang-undang yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar, termasuk undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan seperti Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Kanun Tanah Negara dan beberapa undang-undang kecil Penguasa-penguasa Tempatan.

Malaysia: Water Quality Classification Based on Index Values

Parameter	Index Range (%)		
	Clean	Slightly Polluted	Very Polluted
BOD	> 90	80 – 90	< 80
Ammoniacal Nitrogen	> 71	71 – 91	< 91
Suspended Solids	> 75	70 – 75	< 70

Table 4.12
Peninsular Malaysia: Status and Trend of River Water Quality, 1991
(Ammoniacal Nitrogen)

Area	WQR	River Name	NH3-N Index	Rate of Change	Status
Peninsular Malaysia	06J	Juru	0	-72.54	Very Polluted
	23	Duyong	18	-20.25	
	22	Melaka	28	-13.75	
	28D	Tebrau	41	-11.30	Total = 25
	20	Sepang	10	-11.01	
	28C	Skudfai	32	-10.68	(-ve) = 25
	18	Kelang	9	-9.92	
	07	Jejawi	39	-9.79	(0) = 0
	04	Merbok	23	-9.46	
	01	Perlis	47	-9.24	(+ve) = 0
	06P	Prai	38	-7.15	
	32	Endau	53	-6.76	
	25	Muar	60	-6.20	
	26	Batu Pahat	55	-6.12	
	03	Kedah	52	-6.07	
	21	Linggi	36	-6.02	
	42	Ibai	51	-5.55	
	17	Buloh	25	-5.33	
	08	Kerian	67	-4.42	
	27B	Benut	48	-4.40	
	24	Kesang	62	-4.32	
	28A	Pontian Kechil	53	-3.45	
	29	Johor	50	-3.33	
	28B	Pontian Besar	64	-2.26	
	19	Langat	65	-1.84	
	31	Mersing	72	-5.05	Slightly Polluted
	30A	Sedili Besar	73	-4.55	
	05	Muda	72	-4.15	
	30B	Sedili Kechil	72	-3.54	Total = 19
	44	Setiu	85	-2.60	
	48	Kelantan	80	-1.81	(-ve) = 12
	16	Selangor	84	-1.50	
	43	Terengganu	75	-1.47	(0) = 0
	40	Paka	71	-1.29	
	39	Chukai	75	-0.81	(+ve) = 7
	46	Besut	80	-0.64	
	47	Kemasin	83	-0.22	
	41	Dungun	82	0.54	
	38	Kemaman	71	0.75	
	35	Pahang	90	1.18	
	49	Golok	74	1.39	
	27A	Air Baloi	72	1.83	
	13	Perak	82	2.60	
	15	Tengi	74	3.70	
					Clean
	33	Rompin	93	-1.01	
	34	Bebar	93	-0.96	Total = 9
	14	Bernam	94	-0.91	
	09	Kurau	96	0.71	(-ve) = 3
	37	Balok	94	2.13	
	36	Kuantan	94	3.21	(0) = 0
	11	Bruas	96	7.23	
	12	Raja Hitam	93	8.97	(+ve) = 6
	10	Sepetang	93	12.63	

Table 4.13
Sarawak: Status and Trend of River Water Quality, 1991

Area	WQR	River Name	NH3-N Index	Rate of Change	Status
Sarawak	51	Sarawak	87	-0.89	Slightly Polluted
	52	Batang Sadong	77	2.12	Total = 29
					(-ve) 9 = 1
					(0) = 0
					(+ve) = 1
	50	Batang Kayan	94	-0.91	Clean
	53	Batang Lupar	94	-0.66	
	62	Similajau	98	-0.46	
	60	Batang Trusan	98	-0.32	Total = 18
	68	Limbang	98	-0.32	
	70	Batang Lawas	98	-0.32	(-ve) = 10
	56	Batang Rajang	97	-0.23	
	60	Batang Tatau	98	0.12	(0) = 0
	57	Batang Oya	98	-0.08	
	55	Kerian	98	-0.02	(+ve) = 8
	58	Batang Mukah	98	0.04	
	61	Batang Kemena	98	0.06	
	54	Batang Saribas	96	0.19	
	59	Batang Balingian	98	2.20	
	67	Batang Baram	98	5.47	
	64	Niah	98	5.76	
	65	Sibuti	98	12.87	
	63	Suai	98	71.42	

Table 4.14
Sabah: Status and Trend of River Water Quality, 1991

State	WQR	River Name	NH3-N Index	Rate of Change	Status
Sabah	75	Papar	60	-9.00	Very Polluted
					Total = 1
					(-ve) = 1
					(0) = 0
					(+ve) = 0
	76	Putatan	80	-3.90	Slightly Polluted
	77	Tuaran	85	-3.20	Total = 5
	71	Mengalong	87	-2.68	(-ve) = 5
	72	Padas	89	-2.28	(0) = 0
	73	Membakut	91	-1.87	(+ve) = 0
	88	Silabukan	92	-1.63	Clean
	83	Sugut	95	-1.08	Total = 8
	87	Segama	95	-0.98	
	90	Kalumpang	95	-0.98	(-ve) = 8
	78	Kadamaian	95	-0.98	
	91	Tawau	93	-0.86	(0) = 0
	79	Bingkongan	96	-0.75	
	84	Labok	97	-0.57	(+ve) = 0

Table 4.15
Peninsular Malaysia: Status and Trend of River Water Quality in terms of Suspended Solids, 1991

Area	WQR	River Name	BOD Index	Rate of Change	Status
Peninsular Malaysia	15	Tengi	30	-12.56	Very Polluted
	42	Ibai	19	-10.58	
	37	Balok	32	-10.36	
	46	Besut	58	-6.24	Total = 29
	07	Jejawi	54	-6.05	
	12	Raja Hitam	61	-5.34	(-ve) = 21
	11	Bruas	55	-4.64	
	17	Buloh	48	-4.01	(0) = 0
	16	Selangor	64	-3.93	
	19	Langat	41	-3.34	(+ve) = 8
	04	Merbok	60	-3.20	
	47	Kemasin	56	-2.96	
	01	Perlis	61	-2.89	
	32	Endau	68	-2.52	
	28C	Skudai	67	-2.32	
	35	Pahang	69	-2.29	
	23	Duyong	56	-1.79	
	06P	Prai	69	-1.04	
	18	Kelang	51	-0.81	
	06J	Juru	68	-0.75	
	28B	Pontian Besar	46	-0.68	
	48	Kelantan	66	0.06	
	49	Golok	60	0.41	
	34	Bebar	69	0.92	
	13	Perak	63	1.35	
	14	Bernam	51	3.56	
	21	Linggi	56	4.47	
	27A	Air Baloi	66	4.84	
	28A	Pontian Kechil	46	12.20	
	36	Kuantan	70	-3.97	Slightly Polluted
	20	Sepang	72	-2.71	
	28D	Tebrau	71	-2.52	Total = 11
	10	Sepetang	73	-1.40	
	38	Kemaman	70	-0.97	(-ve) = 9
	25	Muar	73	-0.94	
	29	Johor	72	-0.82	(0) = 0
	05	Muda	72	-0.36	
	27B	Benut	70	-0.31	(+ve) = 2
	03	Kedah	72	0.42	
	22	Melaka	73	2.66	
	31	Mersing	76	-3.08	Clean
	30B	Sedili Kechil	80	-1.86	
	30A	Sedili Besar	81	-1.56	
	44	Setiu	85	-1.19	Total = 13
	08	Kerian	77	-0.41	
	33	Rompin	85	-0.26	(-ve) = 6
	09	Kurau	85	0.24	
	26	Batu Pahat	78	0.28	(0) = 0
	40	Paka	77	0.85	
	41	Dungun	88	2.33	(+ve) = 7
	24	Kesang	83	2.62	
	39	Chukai	79	3.13	
	43	Terengganu	88	3.21	

Table 4.16
Sarawak: Status and Trend of River Water Quality in terms of Suspended Solids, 1991

State	WQR	River Name	SS Index	Rate of Change	Status
Sarawak	69	Batang Trusan	29	-16.99	Very Polluted
	60	Batang Tatau	32	-14.08	
	70	Batang Lawas	41	-11.24	Total = 14
	62	Similajau	49	-9.65	
	63	Suai	64	-6.60	(-ve) = 13
	56	Batang Rajang	48	-5.70	
	58	Batang Mukah	30	-4.83	(0) = 0
	55	Kerian	31	-3.98	
	54	Batang Saribas	55	-3.30	(+ve) = 1
	50	Batang Kayan	67	-3.13	
	52	Batang Sadong	69	-2.56	
	57	Batang Oya	49	-2.34	
	68	Limbang	48	-1.88	
	67	Batang Baram	41	3.45	
					Slightly Polluted
	65	Sibuti	72	-1.79	
	64	Niah	71	1.19	Total = 3
	59	Batang Balingian	70	4.90	(-ve) = 1
					(0) = 0
					(+ve) = 2
					Clean
	51	Sarawak	76	0.48	
	61	Batang Kemena	76	2.69	Total = 3
	53	Batang Lupar	87	5.51	(-ve) = 0
					(0) = 0
					(+ve) = 3

Table 4.17
Sabah: Status and Trend of River Water Quality in terms of Suspended Solids, 1991

State	WQR	River Name	SS Index	Rate of Change	Status
Sabah	88	Silabukan	29	12.07	Very Polluted
	78	Kadamaian	57	-6.21	
	79	Bingkongan	60	-5.06	Total = 9
	91	Tawau	64	-3.59	(-ve) = 7
	76	Putatan	62	-1.03	(0) = 0
	83	Sugut	69	-0.79	(+ve) = 2
	84	Labok	67	-0.15	
	87	Segama	55	4.76	
	90	Kalumpang	63	5.90	
	72	Padas	73	0.25	Slightly Polluted
	77	Tuaran	73	0.39	
	71	Mengalong	70	3.79	Total = 3
					(-ve) = 0
					(0) = 0
					(+ve) = 3
	75	Papar	81	-2.02	Clean
	73	Membakut	77	2.73	Total = 2
					(-ve) = 1
					(0) = 0
					(+ve) = 1

Table 4.18
Peninsular Malaysia: Status and Trend of River Water Quality in terms of Biochemical Oxygen Demand, 1991

Area	WQR	River Name	BOD Index	Rate of BOD	Status
Peninsular Malaysia	22	Melaka	72	-4.88	Very Polluted
	07	Jejawi	79	-1.36	Total = 5
	20	Sepang	71	0.34	(-ve) = 2
	18	Kelang	79	0.89	(0) = 2
	06J	Juru	69	4.17	(+ve) = 3
	08	Kerian	81	-2.97	Slightly Polluted
	31	Mersing	88	-1.58	
	38	Kemaman	88	-1.39	
	40	Paka	89	-1.35	Total = 15
	28B	Pontian Besar	86	-1.23	
	29	Johor	85	-1.05	(-ve) = 12
	32	Endau	88	-0.89	
	17	Buloh	84	-0.84	(0) = 1
	28D	Tebrau	90	-0.76	
	27B	Benut	89	-0.73	(+ve) = 2
	28A	Pontian Kechil	88	-0.22	
	28C	Skudai	89	-0.09	
	06P	Prai	90	0.00	
	21	Linggi	89	0.02	
	42	Ibai	89	1.66	
	30B	Sedili Kechil	92	-1.01	Clean
	47	Kemasin	91	-1.00	
	26	Batu Pahat	91	-0.96	
	48	Kelantan	92	-0.93	Total = 33
	49	Golok	91	-0.85	
	25	Muar	92	-0.68	(-ve) = 24
	30A	Sedili Besar	92	-0.68	
	24	Kesang	94	-0.65	(0) = 1
	16	Selangor	95	-0.64	
	41	Dungun	94	-0.61	(+ve) = 8
	14	Bernam	93	-0.53	
	03	Kedah	92	-0.49	
	27A	Air Baloi	93	-0.40	
	05	Muda	94	-0.34	
	10	Sepetang	92	-0.32	
	39	Chukai	93	-0.32	
	43	Terengganu	94	-0.32	
	44	Setiu	95	-0.31	
	46	Besut	94	-0.25	
	19	Langat	91	-0.18	
	15	Tengi	95	-0.13	
	23	Duyong	95	-0.11	
	01	Perlis	94	-0.02	
	04	Merbok	92	-0.02	
	13	Perak	92	0.00	
	11	Bruas	96	0.17	
	09	Kurau	95	0.21	
	35	Pahang	95	0.32	
	34	Bebar	99	0.41	
	33	Rompin	98	0.44	
	37	Balok	98	0.52	
	36	Kuantan	97	0.63	
	12	Raja Hitam	98	2.05	

Table 4.19
Sarawak: Status and Trend of River Water Quality in terms of Biochemical Oxygen Demand, 1991

Area	WQR	River Name	BOD Index	Rate of Change	Status
Sarawak	52	Batang Sadong	88	-1.64	Slightly Polluted
	58	Batang Mukah	88	1.35	Total = 2
					(-ve) = 1
					(0) = 0
					(+ve) = 1
	51	Sarawak	94	-0.67	Clean
	70	Batang Lawas	97	-0.47	
	63	Suai	98	-0.30	
	68	Limbang	98	-0.26	Total = 18
	59	Batang Belingian	98	-0.20	
	64	Niah	98	-0.14	(-ve) = 8
	69	Batang Trusan	98	-0.10	
	67	Batang Baram	99	-0.06	(0) = 0
	54	Batang Saribas	98	0.06	
	65	Sibuti	98	0.19	(+ve) = 10
	61	Batang Kemena	99	0.29	
	55	Kerian	99	0.33	
	62	Sipilajau	98	0.33	
	56	Batang Rajang	98	0.63	
	53	Batang Lupar	99	0.68	
	60	Batang Tatau	98	0.84	
	57	Batang Oya	99	1.09	
	50	Batang Kayan	98	3.50	

Table 4.20
Sabah: Status and Trend of River Water Quality in terms of Biochemical Oxygen Demand, 1991

State	WQR	River Name	BOD Index	Rate of Change	Status
Sabah	76	Putatan	92	-1.15	Clean
	72	Padas	95	-0.80	
	79	Bingkongan	97	-0.51	
	75	Papar	96	-0.47	Total = 14
	77	Tuaran	96	-0.45	
	87	Segama	96	-0.37	(-ve) = 7
	71	Mengalong	97	-0.12	
	88	Silabukan	97	0.23	(0) = 0
	83	Sugut	94	0.26	
	73	Membakut	96	0.29	(+ve) = 7
	90	Kalumpang	100	0.57	
	91	Tawau	95	1.13	
	78	Kadamaian	97	1.30	
	84	Labok	98	3.86	

1993
DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN GOOI HOCK SENG
TARIKH	:	25 APRIL 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kemajuan setakat ini akan cadangan yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Dr. Abu Bakar Jaafar, untuk pembentukan satu kumpulan penyelidik bersama (a joint study group) yang terdiri dari agensi-agensi Kerajaan, Universiti-Universiti dan kumpulan-kumpulan pemeliharaan dan pemaju-pemaju tempat peranginan, untuk menentukan akan sumber pemendakan di sekitar perairan Pulau Redang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, satu jawatankuasa kecil berhubung cadangan pembentukan kumpulan penyelidikan bersama (a joint study group) telahpun bermesyuarat pada 1 Mac 1993 yang dihadiri oleh pihak Universiti Pertanian Malaysia, Unit Tenaga Nuklear, Jabatan Perikanan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, 'World Wide Fund for Nature Malaysia' (WWF), Persatuan Pencinta Alam (MNS), 'Asia Pacific Environmental Consultants Sdn. Bhd. (ASPEC), Jabatan Alam Sekitar dan penggerak projek Redang Island Resort Sdn. Bhd'. Mesyuarat pertama tersebut secara objektif telah mengambil ketetapan bahawa sumber pemendakan di sekitar perairan Pulau Redang akan ditentukan dengan menggunakan teknik 'radiotracer'. Jawatankuasa tersebut sedang merangka draf bidang kajian (TOR), 'scope of work' dan jumlah peruntukan yang mana akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa selanjutnya pada bulan Mei 1993.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. ABD. HAMID BIN HJ. ABD. RAHMAN
TARIKH	:	28 APRIL 1993

SOALAN

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hj. Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa terdapat banyak rungutan dari pengilang-pengilang yang mengatakan bahawa Jabatan Alam Sekitar lambat menyediakan kajian alam sekitar bagi sesebuah kilang atau kawasan pembangunan industri baru:

(a) sila nyatakan jumlah kes-kes yang kajian alam sekitar masih tertangguh dan belum dapat disiapkan; dan

(b) apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mempercepatkan proses kajian alam sekitar bagi pembangunan sesebuah kawasan perindustrian baru dan juga kilang-kilang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak terdapat kes-kes kajian alam sekitar yang tertangguh. Semua permohonan yang diterima sekiranya tertakluk kepada Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang memerlukan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) akan diproses dalam tempoh masa dua bulan dan sekiranya tidak tertakluk kepada EIA tempoh masa memprosesnya adalah satu bulan. Dalam hal ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan permohonan yang diterima kian meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 1992 sahaja sebanyak 5,783 permohonan diterima termasuk permohonan untuk pemasangan alat-alat kawalan pencemaran, berbanding dengan 3,481 permohonan yang diterima dalam tahun 1990.

(b) Jabatan Alam Sekitar sentiasa memandang berat terhadap kes-kes yang tertunggak dan telah mengambil langkah-langkah sewajar untuk menyelesaikan kes-kes ini dengan segera. Ini termasuklah mengulangkaji dan mengemaskini prosedur pemperosesan dari masa ke semasa serta memindahkan sementara pegawai-pegawai dari unit lain untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak. Pemperosesan kes-kes permohonan ini juga diawasi setiap masa melalui Mesyuarat Pagi Jabatan.


MAKLUMAT TAMBAHAN

a) Kedudukan status terkini kes-kes yang tidak tertakluk kepada EIA adalah seperti yang dilampirkan di mukasurat 617, 618 & 619.

b) Carta alir proses sesuatu permohonan seperti yang dilampirkan di mukasurat 616.

Prosedur-prosedur memproses

Pada keseluruhannya prosedur memproses boleh diringkaskan mengikut carta di bawah:-



Kedudukan Pelaksanaan PAI/KB/HPB
Tarikh Mesyuarat Pada 26 April 1993

Projek	Negeri	Tahun/ Kedudukan Semasa	Terima	Selesai	Dalam Proses
Penilaian Awal Tapak	Johor	1992	365	365	–
		Jan 1993	25	16	9
		Feb 1993	10	8	2
		Mac 1993	22	18	4
		24 April 1993	30	–	30
	Kedah/Perlis	1992	197	174	23
		Jan 1993	18	14	4
		Feb 1993	23	14	8
		Mac 1993	30	20	10
		24 April 1993	9	1	8
	Perak	1992	867	867	–
		Jan 1993	73	73	–
		Feb 1993	122	89	33
		Mac 1993	86	34	52
		2 April 1993	83	10	73
	Pahang	1992	494	493	1
		Jan 1993	39	38	1
		Feb 1993	32	26	6
		Mac 1993	43	35	8
		24 April 1993	7	15	7
	Melaka/ N. Sembilan	1992	450	450	–
		Jan 1993	32	32	–
		Feb 1993	40	40	–
		Mac 1993	65	65	–
		24 April 1993	36	17	19
	Selangor/ W. Persekutuan	1992	1059	1059	–
		Jan 1993	65	65	–
		Feb 1993	43	43	–
		Mac 1993	113	113	–
		24 April 1993	80	80	–
	Kelantan/ Terengganu	1992	281	281	–
		Jan 1993	26	24	2
		Feb 1993	31	26	5
		Mac 1993	20	12	8
		24 April 1993	11	2	9
	P. Pinang	1992	329	329	–
		Jan 1993	19	19	–
		Feb 1993	42	42	–
		Mac 1993	29	29	–

Projek	Negeri	Tahun/ Kedudukan Semasa	Terima	Selesai	Dalam Proses
	Sarawak	1992	258	258	–
		Jan 1993	30	13	17
		Feb 1993	2	19	–
		Mac 1993	18	15	–
		24 April 1993	4	5	–
	Sabah	1992	125	125	–
		Jan 1993	11	10	1
		Feb 1993	16	14	2
		Mac 1993	13	6	7
		24 April 1993	7	7	–
Kebenaran Bertulis	Johor	1992	349	349	–
		Jan 1993	15	8	7
		Feb 1993	15	13	2
		Mac 1993	25	16	9
		24 April 1993	15	–	15
	Kedah/Perlis	1992	12	12	–
		Jan 1993	1	–	1
		Feb 1993	1	–	1
		Mac 1993	1	1	–
		24 April 1993	1	–	1
	Perak	1992	32	32	–
		Jan 1993	1	1	–
		Feb 1993	3	2	1
		Mac 1993	1	1	–
		24 April 1993	1	–	1
	Pahang	1992	12	11	1
		Jan 1993	–	–	–
		Feb 1993	2	1	1
		Mac 1993	–	–	–
		24 April 1993	1	2	–
	Melaka/ N.Sembilan	1992	40	40	–
		Jan 1993	2	2	–
		Feb 1993	5	5	–
		Mac 1993	5	5	–
		24 April 1993	3	-	3
	Selangor/ W.Persekutuan	1992	121	121	–
		Jan 1993	10	10	–
		Feb 1993	9	9	–
		Mac 1993	11	11	–
		24 April 1993	12	12	–

Projek	Negeri	Tahun/ Kedudukan Semasa	Terima	Selesai	Dalam Proses
	Kelantan/ Terengganu	1992	8	8	–
		Jan 1993	2	2	–
		Feb 1993	2	2	–
		Mac 1993	–	–	–
		24 April 1993	–	–	–
	P.Pinang	1992	12	12	–
		Jan 1993	–	–	–
		Feb 1993	2	2	–
		Mac 1993	–	–	–
		24 April 1993	–	–	–
	Sarawak	1992	110	110	–
		Jan 1993	4	–	4
		Feb 1993	–	4	–
		24 April 1993	3	–	2
	Sabah	1992	3	3	–
		Jan 1993	2	1	1
		Feb 1993	1	1	–
		Mac 1993	2	1	1
		24 April 1993	–	–	–
		Jan 1993	8	6	2
		Feb 1993	3	3	-
		Mac 1993	4	4	-
		24 April 1993	12	8	4
	Sabah	1992	25	25	–
		Jan 1993	8	8	–
		Feb 1993	–	–	–
		Mac 1993	4	4	–
		24 April 1993	3	3	–

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
TARIKH	:	29 APRIL 1993

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengenai Pusat Pengolahan dan Pembuangan Sisa Toksik di Bukit Nanas, Negri Sembilan:-

(a) bilakah Kabinet bersetuju membina Pusat Toksik tersebut dan adakah Menteri-menteri MCA dan Gerakan membantah cadangan ini serta nyatakan syarat-syaratnya;

(b) apakah kos pembinaan dan Kajian Penilaian Alam Sekitar yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar;

(c) apakah keuntungan yang akan diperolehi oleh syarikat serta Kerajaan Negeri;

(d) apakah faedah atau sebaliknya yang akan diterima oleh penduduk di kawasan persekitaran; dan

(e) adakah Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan pembinaannya dan kalau ia, bila keputusan ini dibuat dan bila pembinaan akan dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Kerajaan belum lagi membuat keputusan muktamad terhadap penempatan kemudahan ini di Bukit Nanas, Negeri Sembilan. Sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab kepada ketetapannya, soal siapa menteri yang membantah projek tersebut tidak timbul.

(b) Mengikut cadangan asal konsortium pada 1989, kos keseluruhan projek yang akan ditanggung oleh konsortium sendiri adalah RM 200 juta. Setakat ini, kos Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) masih belum diketahui.

(c) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum menerima maklumat mengenai keuntungan yang akan diterima oleh pihak syarikat pada harga semasa. Keuntungan yang bakal diterima oleh Kerajaan Negeri pula adalah secara tidak langsung seperti bertambahnya pelaburan, mempercepatkan dan menambahkan proses perindustrian di negeri tersebut, naiknya nilai hartanah, bertambahnya peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan pengurusan alam sekitar dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

(d) Faedah yang akan diterima oleh penduduk tempatan adalah dari segi peluang-peluang pekerjaan yang akan wujud oleh Pusat Pengolahan dan Pelupusan berkenaan dan naiknya nilai hartanah di sekitarnya. Di samping itu, pembangunan infrastruktur, industri sampingan dan kemudahan asas akan bertambah. Dengan itu tahap kemakmuran rakyat akan meningkat. Mengikut laporan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA), tiada impak serius yang akan dihadapi oleh penduduk tempatan.

(e) Kerajaan Negri Sembilan belum lagi memberi keputusan muktamad mengenai cadangan Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	29 APRIL 1993

SOALAN

Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sebab mengapa Memorandum - fahaman dengan konsortium, Kualiti Alam Sdn. Bhd. telah ditandatangani sebelum projek pengurusan pembangunan toksid di Bukit Nanas itu masih belum memperolehi kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar serta Kerajaan Negeri;

(b) input-input yang telah dilakukan oleh bidang industri, misalnya oleh "Federation of Malaysia Manufacturers", berkenaan dengan letak harga dan yuran yang akan dikenakan oleh konsortium tersebut;

(c) cara bagaimana Kerajaan akan memastikan bahawa kesemua buangan toksid yang dihasilkan oleh bidang industri akan dibawa ke Pusat Pengurusan Pusat ini; dan

(d) sama ada akan wujudnya suatu sistem pengawalan yang dikendalikan oleh orang awam untuk memastikan buangan-buangan toksid berkenaan dikendalikan secara selamat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan Kualiti Alam Sdn. Bhd. masih dalam peringkat-peringkat perundingan dan masih belum ditandatangani lagi.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum menerima sebarang cadangan khusus daripada pihak industri mengenai letak harga bagi menggunakan kemudahan pengolahan dan pelupusan berkenaan. Walau bagaimanapun sebarang cadangan harga dan yuran akan diberi pertimbangan wajar apabila perundingan diadakan dengan pihak Kualiti Alam Sdn. Bhd.

(c) Hanya buangan terjadual yang tidak dapat dirawat dan dilupuskan oleh pihak industri sendiri akan menggunakan kemudahan ini dan buangan ini tidak termasuk bahan buangan radioaktif dan buangan hospital. Mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, pelupusan buangan terjadual diluar premis hanya boleh dikendalikan di kemudahan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar.

(d) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedia menimbangkan cadangan sistem kawalan oleh orang awam berkenaan sekiranya terdapat cadangan khusus dan setelah keupayaan mereka dipastikan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

(a) Surat yang telah diberikan kepada pihak konsortium pada 8 Januari 1992 adalah satu tawaran bagi membolehkan pihak konsortium meneruskan kajian kesesuaian tapak melalui EIA dan bukannya Memorandum Persefahaman.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI RUHANIE HAJI AHMAD
TARIKH	:	3 MEI 1993

SOALAN

Tuan Haji Ruhanie Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan betapa seriuskah kedudukan pencemaran laut yang berlaku di Selat Melaka sekarang akibat pelanggaran-pelanggaran kapal, khususnya pengangkut petroleum dan bahan kimia. Adakah Malaysia menerima ganti-rugi dari pihak terbabit. Apakah langkah-langkah mengatasi pencemaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran laut yang berlaku di Selat Melaka akibat pelanggaran kapal tangki petroleum dan bahan kimia tidaklah begitu serius. Setakat ini pihak Malaysia sedang cuba menuntut gantirugi dari pihak insurans kapal "Nagasaki Spirit" yang menyebabkan pencemaran di Selat Melaka pada September 1992 yang lalu.

Di antara langkah-langkah untuk mengatasi pencemaran tersebut adalah:

(i) Penubuhan dan operasi tabung pusingan untuk melawan pencemaran minyak dari kapal di Selat Melaka dan Singapura (The Straits of Malacca and Singapore Revolving Fund) di antara Kerajaan Malaysia, Indonesia dan Singapura.

(ii) Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak, dan

(iii) Kerajaan telah menyediakan peralatan-peralatan dan kelengkapan untuk melawan tumpahan minyak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' DR. JAMALUDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS
TARIKH	:	3 MEI 1993

SOALAN

Y.B. Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis meminta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Sejauh manakah terjejasnya alam sekitar negara ini akibat dari proses pembangunan dan perindustrian.

(b) Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah hakisan, pencemaran sungai dan pembuangan sisa toksid perindustrian.

(c) Apakah kesan pembuangan sisa/tumpahan minyak dari kapal tangki minyak terhadap pantai-pantai peranginan negara seperti yang berlaku terhadap Pulau Langkawi dan Tioman baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi jawapan kepada soalan (a)

Memandangkan soalan adalah luas, maka izinkan saya membuat kesimpulan di sini, iaitu keadaan alam sekitar pada masa kini adalah terkawal. Namun begitu, proses pembangunan dan perindustrian yang pesat di negara ini telah sedikit sebanyak menjejaskan kualiti alam sekitar.

Kerajaan sentiasa mengawasi kualiti alam sekeliling melalui program pengawasan kebangsaan yang telah diujudkan sejak tahun 1978. Pada setiap tahun, satu Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling telah diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Laporan ini mengandungi maklumat terperinci mengenai status kualiti

alam sekeliling dan laporan tersebut boleh diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar.

Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memastikan masalah pencemaran ini adalah pada tahap yang minima supaya tidak menjejaskan kualiti hidup pada masa kini dan masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi jawapan kepada soalan (b)(i)

Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah hakisan dan pencemaran sungai adalah dengan menwujudkan dan mempertingkatkan lagi Program Pengawasan Sungai Kebangsaan Jabatan Alam Sekitar terutamanya sekali di dalam menyentuh aspek kandungan pepejal terampai (SS) di dalam sungai.

Usaha juga dijalankan ke atas pihak pemaju-pemaju perumahan dengan mewajibkan kajian Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA) yang dijangka dapat mengurangkan berlakunya hakisan.

Kementerian juga meminta kerjasama daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan bagi mempertingkatkan penguatkuasaan akta-akta di bawah bidang kuasa masing-masing seperti Akta Kerajaan Tempatan untuk mengawal alur air, Akta Pemuliharaan Tanah bagi memulihara tanah bukit dan sebagainya.

Kempen Cintailah Sungai Kita yang dilancarkan juga secara tidak langsung dapat menimbulkan kesedaran orang-ramai untuk memulihara sungai dan mengelakkan ianya daripada dicemari.

b) ii) Untuk mempastikan bahawa buangan terjadual (buangan toksik dan berbahaya) diurus dengan sempurna, Kementerian Sains Teknologi & Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telahpun menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 pada 1 Mei 1989. Di antara lain, peraturan-peraturan berkenaan menghendaki supaya buangan-buangan terlibat dilupuskan di kemudahan-kemudahan yang diluluskan sahaja.

Bagi meningkatkan lagi pematuhan kepada peraturan-peraturan berkenaan dan memberi kemudahan kepada pihak industri untuk mengendalikan buangan terjadual dengan lebih sempurna, kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengadakan kemudahan bersepadu untuk pengumpulan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual.

Projek tersebut yang dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak swasta dengan galakan oleh kerajaan, adalah di dalam peringkat akhir perancangan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 1995.

Di samping itu, sebagai langkah jangka masa panjang, pihak industri digalakkan supaya menggunakan teknologi bersih dan mengamalkan langkah pengurangan penghasilan sisa-sisa toksik dan berbahaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjawab soalan (c),

Kesan pembuangan sisa/tumpahan minyak di pantai peranginan di negara ini tidaklah begitu serius. Tindakan segera telah diambil untuk membersihkan pantai-pantai yang tercemar seperti di Pulau Langkawi dan Pulau Tioman.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	4 MEI 1993

SOALAN

Y.B. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sama ada Redang Island Resort, satu cawangan Kumpulan Berjaya, telah didakwa kerana telah menebangi seluas 10 ekar hutan paya bakau asli di atas pulau berkenaan secara haram, terang-terang melanggari arahan Kerajaan;

(b) sebab mengapa tindakan penebangan haram ini tidak dikesan untuk masa yang begitu panjang oleh agensi-agensi Kerajaan yang sepatutnya mengawasi projek tersebut;

(c) sama ada Jabatan Persekitaran harus menolak EIA peringkat kedua projek Pulau Redang ini memandangkan rekod pengusahanya yang memalukan ini yang mana secara terang-terang melanggari syarat-syarat khas Jabatan Persekitaran; dan

(d) siapakah yang akan membayar bagi projek pembekalan air di pulau tersebut, sama ada pengusaha ataupun Kerajaan Negeri dan sama ada EIA telah dilaksanakan terhadap projek pembekalan air ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Oleh kerana rekod Jabatan Alam Sekitar mendapati pemaju menebangi 6.029 ekar hutan bakau di Lot 293 K, dengan demikian pendakwaan kepada pemaju tidak timbul lagi.

(b) Perkara yang dibawa dalam soalan (b) tidak timbul sama sekali.

(c) Pemaju berkenaan belum mengemukakan cadangan pembangunan peringkat kedua kepada Jabatan Alam Sekitar.

(d) Berhubung dengan bekalan air ke Pulau Redang, perkara ini adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri Terengganu.

JANGKAAN SOALAN TAMBAHAN

(i) Apakah status pembangunan peringkat pertama (Parcel IV - Lot 292 K dan 293 K)?

(ii) Apakah langkah-langkah kawalan yang telah diambil?

JAWAPAN

i) Pembangunan Redang Island Resort Sdn. Bhd. bagi peringkat pertama (Parcel IV - Lot 292 K dan 293 K) pada masa ini adalah di peringkat pembinaan. Untuk makluman, peringkat penyediaan tanah telahpun disiapkan pada penghujung Februari 1993.

ii) Langkah kawalan yang telah diambil oleh pemaju bagi mengatasi masalah hakisan tanah dan kelodakan perairan Sungai Redang ialah pembinaan-pembinaan struktur kawalan seperti 'cascading drain', 'bund' 'rubble-wall' 'stone-pitching' 'concrete drain', penanaman rumput dan mengadakan kolam perangkap mendap. Di samping itu langkah-langkah pengawasan juga dibuat menerusi Jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang dan lawatan bulanan oleh Jabatan Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN
TARIKH	:	5 MEI 1993

SOALAN

Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan Kementeriannya terhadap kilang-kilang padi yang tidak mengambil daya usaha untuk menghalang debu-debu sekam daripada berterbangan di sekitar kawasan kilang hingga menyebabkan beberapa masalah kesihatan terhadap penduduk-penduduk di sekitar kilang-kilang padi terutama di negeri Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, perbuatan pihak kilang-kilang padi di Negeri Kedah terutamanya yang membiarkan longgokan sekam padi berterbangan ke sekitar kawasan kilang masih belum dapat diatasi sepenuhnya oleh pengusaha-pengusaha kilang berkenaan. Jabatan Alam Sekitar telahpun melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara pentadbiran ke atas mereka-mereka yang terlibat melalui pengeluaran Notis Arahan supaya pada jangkamasa pendek dapat mengadakan kepungan terhadap longgokan sekam padi tersebut dan pada jangkamasa panjang pula berusaha untuk mendapatkan tapak pelupusan (landfill) yang diluluskan oleh pihak Penguasa Tempatan atau menggunakan sekam padi tersebut untuk kegunaan lain seperti bahanapi dandang, kilang batu bata dan lain-lain. Bagi kes-kes yang melibatkan pembakaran terbuka terhadap sekam padi tersebut, tindakan pengeluaran kompaun dan mahkamah akan terus diambil ke atas mereka-mereka yang terlibat.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Jadual 1. JAS : Tindakan Penguatkuasaan Oleh Jabatan Alam Sekitar Terhadap Kilang-Kilang Padi Pada Tahun 1992

Bil.	Negeri	Bil. Kilang	Bil. Notis Arahan Dikeluarkan	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Tindakan Mahkamah
1.	Kelantan	23	27	5	0
2.	Kedah	145	10	4	0
3.	Pulau Pinang	17	10	2	0
4.	Sabah	113	7	1	0
5.	Selangor	4	3	2	0
6.	Terengganu	13	3	0	0
7.	Melaka	1	2	2	0
8.	Negri Sembilan	1	0	0	0
9.	Johor	0	0	0	0
10.	Sarawak	0	0	0	0
11.	Kuala Lumpur	0	0	0	0
12.	Perak	0	0	0	0
13.	Pahang	0	0	0	0
	Jumlah	317	71	16	0

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ABDUL MULOK BIN AWANG DAMIT
TARIKH	:	5 MEI 1993

SOALAN

Tuan Abdul Mulok Bin Awang Damit minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam proses menjaga kebersihan dan keselamatan Selat Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan Selat Melaka sementara Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan pelayaran di Selat Melaka. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengambil langkah-langkah berikut dalam proses menjaga kebersihan dan keselamatan Selat Melaka;

(i) Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak, di mana agensi-agensi kerajaan dan Syarikat Minyak terlibat sama dalam operasi tersebut;

(ii) Kerajaan juga telah menyediakan peralatan melawan tumpahan minyak seperti kapal-kapal `booms', `skimmer' dan 'dispersant'; dan

(iii) Kerajaan juga telah mengesyorkan kepada Syarikat-Syarikat Minyak supaya menubuhkan satu tabung sumbangan bagi meningkatkan keupayaan peralatan melawan tumpahan minyak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH : 10 MEI 1993

SOALAN

Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) telah dijalankan terhadap aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh Syarikat-syarikat seperti berikut:-

(a) Skim-skim pertanian besar-besaran:

(i) Nadi Pelita Sdn. Bhd. di kawasan Loagan Bunut, Tinjar, Baram;

(ii) RH Plantation Sdn. Bhd. di kawasan Bakong, Baram;

(iii) Binu Plantation Sdn. Bhd. di kawasan Beluru, Baram;

(iv) Timrest Sdn. Bhd. di kawasan Bakong, Baram;

(b) Pembalakan

(i) Kelesa Sdn. Bhd. di kawasan Ulu Baram;

(ii) Gerinai Sdn. Bhd. di kawasan Ulu Baram;

(iii) Pelutan Sdn. Bhd. di kawasan Ulu Baram;

(iv) Syarikat Samling Sdn. Bhd. di kawasan Ulu Baram;

(v) PPES Resorts Sdn. Bhd. di kawasan Sungai Akah, Baram; dan

(c) Jika ada, bilakah kelulusan atas kajian dan laporan tersebut diberi oleh Kementerian/Jabatan Alam Sekitar. Jika tidak, apakah tindakan yang telah diambil atas Syarikat-Syarikat berkenaan mengikut Peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua.

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod Jabatan Alam Sekitar, kesemua penggerak projek skim pertanian berikut: Nadi Pelita Sdn. Bhd., RH Plantation Sdn. Bhd., Timrest Sdn. Bhd. dan Binu Plantation Sdn. Bhd telah dimaklumkan secara bertulis bahawa projek-projek mereka dikehendaki menjalankan kajian EIA sebelum pelaksanaan projek sepertimana ditetapkan di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Setakat ini, penggerak-penggerak projek tersebut belum mengemukakan laporan-laporan EIA berkenaan masing-masing. Walau bagaimanapun sehingga kini, RH Plantation Sdn. Bhd. dan Timrest Sdn. Bhd telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak pada 13 April 1993 untuk mendapatkan penjelasan tentang keperluan dan cara-cara untuk menjalankan kajian EIA bagi kedua-dua projek berkenaan. Di samping itu, pihak Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) yang merupakan Syarikat induk kepada Nadi Pelita Sdn. Bhd. juga telah dijelaskan tentang prosedur EIA melalui satu perbincangan dengan Jabatan Alam Sekitar pada 17 Mac 1993.

(b) Jabatan Alam Sekitar belum menerima laporan EIA, aktiviti pembalakan oleh syarikat-syarikat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

(c) Jawapan kepada soalan (c) adalah belum. Jabatan Alam Sekitar telah menghubungi pihak berkuasa meluluskan projek supaya penggerak projek mengemukakan laporan EIA terlebih dahulu sebelum menjalankan sebarang kerja.

SOALAN TAMBAHAN

Jika syarikat-syarikat berkenaan telah mengemukakan laporan EIA, denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disampaikan kepadanya suatu notis yang diberi oleh Ketua Pengarah mengkehendakinya mematuhi tindakan yang dinyatakan di dalamnya itu, boleh dikenakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI JENDOL
TARIKH : 11 MEI 1993

SOALAN

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Jendol minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) berapakah jumlah tuntutan gantirugi yang telah dikemukakan oleh orang-orang perseorangan dan pihak tertentu terhadap kerugian akibat tumpahan minyak "Nagasaki Spirit" baru-baru ini; dan

(b) jika boleh, senaraikan kumpulan-kumpulan yang membuat tuntutan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi jawapan (a) jumlah tuntutan gantirugi yang dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu tidak termasuk orang perseorangan akibat tumpahan minyak "Nagasaki Spirit" adalah lebih dari 3 juta ringgit. Bagi jawapan (b) Kumpulan-kumpulan yang membuat tuntutan adalah seperti berikut:-

a) Jabatan Alam Sekitar (Ibupejabat);
b) Jabatan Alam Sekitar (Kedah);
c) Jabatan Alam Sekitar (Perak);
d) Jabatan Laut Semenanjung Malaysia;
e) Jabatan Perikanan Malaysia;
f) Tentera Udara Diraja Malaysia;
g) Tentera Laut Diraja Malaysia;
h) Pejabat Daerah Langkawi;
i) Persatuan Bot Nelayan, Pulau Langkawi;
j) Kedah Marble Industries Sdn. Bhd.;
k) Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang;
l) Unit Udara Polis, PDRM;
m) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
n) Marin Polis, PDRM;

o) Petronas;
p) Esso;
q) Caltex dan
r) Shell.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Seramai 29 orang nelayan telah membuat tuntutan mereka melalui Jabatan Perikanan Malaysia. Mereka menuntut dari segi kerosakan peralatan menangkap ikan dan juga kehilangan masa bekerja akibat tumpahan minyak.

2. Agensi-agensi dan firma-firma yang membuat tuntutan kes "Nagasaki Spirit" adalah seperti di lampiran.

LAMPIRAN

AGENSI-AGENSI DAN FIRMA-FIRMA YANG MENGEMUKAKAN TUNTUTAN DI DALAM OPERASI TUMPAHAN MINYAK KAPAL "NAGASAKI SPIRIT"
20 September hingga 28 November 1992

	Nama Agensi	**Jumlah Tuntutan (RM)**
1.	Esso	2,110,854.44
2.	Tentera Udara DiRaja Malaysia	478,487.00
3.	Jabatan Alam Sekitar (HQ)	439,972.72
4.	Jabatan Perikanan	364,007.58
5.	Tentera Laut DiRaja Malaysia	148,521.40
6.	Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	136,797.87
7.	Caltex	69,912.55
8.	Pejabat Daerah Langkawi	55,429.56
9.	Marin Pasukan (PDRM)	44,224.54
10.	Persatuan Bot Nelayan (Langkawi)	25,200.00
11.	Unit Udara Polis (PDRM)	15,998.85
12.	Kedah Marble Industries Sdn. Bhd.	10,378.00
13.	Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang	9,396.58
14.	Jabatan Alam Sekitar Kedah/Perlis	8,867.57
15.	Petronas	7,147.60
16.	Shell	5,739.50
17.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	1,575.80
18.	Jabatan Alam Sekitar Perak	1,106.67
19.	Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan	631.38
	JUMLAH	3,934,249.61

Nota
* Tuntutan tidak termasuk kos pampasan (Pollution Damage)

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN KARPAL SINGH
TARIKH	:	11 MEI 1993

SOALAN

Y. B. Tuan Karpal Singh meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan pencemaran lima batang sungai di Pulau Pinang. Apakah sebab-sebab pencemaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan pencemaran sungai di Pulau Pinang dan lain-lain negeri ialah:

i) Dengan mempertingkatkan usaha pihak-pihak yang berkenaan di dalam mematuhi peruntukkan-peruntukkan yang terkandung dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya. Daripada maklumat Program Pengawasan Sungai, Jabatan Alam Sekitar hanya 2 batang sungai di Pulau Pinang dikategorikan sebagai paling tercemar. Usaha telah dijalankan untuk membersih dan memulihara sungai tersebut. Di samping itu juga Kementerian menjalankan program pembersihan sungai, pengawasan sungai, pengkelasan sungai dan penguatkuasaan. Kementerian juga mengkaji undang-undang yang berkaitan dengan pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar, termasuk undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Penguasa-Penguasa Tempatan.

ii) Sebab-sebab pencemaran sungai ini berlaku adalah disebabkan oleh tiga penyumbang utama iaitu hasil buangan domestik dan industri, hasil kumbahan haiwan dan ternakan khinzir; dan kelodakan dan hakisan akibat daripada aktiviti-aktiviti kerja-kerja tanah untuk pembangunan.

Table 1 Proposed Interim National Water Quality Standards for Malaysia

PARAMETERS	CLASSES					
	I	IIA	IIB	III#	IV	V
Ammoniacal Nitrogen	0.1	0.3	0.3	0.9	2.7	2.7
BOD (mg/l)	1	3	3	6	12	12
COD (mg/l)	10	25	25	50	100	100
DO (mg/l)	7	5-7	5-7	3-5	3	1
pH	6.5-8.5	6.5-9.0	6.5-9.0	5-9	5-9	–
Colour (TUC)	15	150	150	–	–	–
Elec. Conductivity (umhos/cm)**	1000	1000	–	–	6000	–
Floatables	NV	NV	NV	–	–	–
Odour	NOO	NOO	NOO	–	–	–
Salinity (%)**	0.5	1	–	–	2	–
Taste	NOT	NOT	NOT	–	–	–
Total Dissolved Solids (mg/l)	500	1000	–	–	4000	–
Total Suspended Solids (mg/l)	25	50	50	150	300	300
Temperature (C)	–	Normal 2	–	Normal 2	–	–
Turbidity (NTU)	5	50	50	–	–	–
Faecal Coliform (Counts/100 ml)	10	100	400	5000 (20000)@	5000 (20000)@	– –
Total Coliform (counts/100 ml)	100	5000	5000	5000	5000	5000
Al (mg/l)	–	–	–	0.056	0.5	–
As (mg/l)	N	0.05	NR	0.045 (0.44)	0.1	+
Ba (mg/l)	N	1	NR	–	–	+
Cd (mg/l)	N	0.005	NR	0.001 (0.011**)	0.01	+
Cr (IV) mg/l)	N	0.05	NR	0.054 (1.45)	0.1	+
Cr (III) mg/l)	N	–	NR	– (2.53)	–	+
Cu (mg/l)	N	1	NR	0.01 (0.012*)	0.2	+
Hardness (mg/l)	N	100	NR	–	–	+
Ca (mg/l)	N	–	NR	–	–	+
Mg (mg/l)	N	0.05	NR	–	–	+

PARAMETERS	CLASSES					
	I	IIA	IIB	III#	IV	V
Na (mg/l)	N	–	NR	–	3 SAR	+
K (mg/l)	N	–	NR	–	–	+
Fe (mg/l)	N	0.3	NR	1 5 (others)	1 (Leaf)	+
Pb (mg/l)	N	0.05	NR	0.01 (0.014*)	5 –	+
Mn (mg/l)	N	0.1	NR	0.1	0.2	+
Hg (mg/l)	N	0.001	NR	0.0001 (0.004)	0.002	+
Ni (mg/l)	N	0.05	NR	– (0.9*)	0.2	+
Se (mg/l)	N	0.01	NR	0.037 (0.25)	0.02	+
Ag (mg/l)	N	0.05	NR	– (0.0002)	–	+
Sn (mg/l)	N	NR	NR	0.05	–	+
U (mg/l)	N	NR	NR	–	–	+
Zn (mg/l)	N	5	NR	– (0.35)	2	+
B (mg/l)	N	1	NR	3.4	0.75	+
Cl (mg/l)	N	200	NR	–	79	+
Cl2 (mg/l)	N	–	NR	0.022	–	+
CN (mg/l)	N	0.02	NR	0.0023 (0.058)	–	+
F (mg/l)	N	1	NR	– (11)	1	+
NO3/NO2 (mg/l)	N	7/3	NR	0.028 (0.37)	5	+
P (mg/l)	N	0.1	NR	0.1	–	+
Silica (mg/l)	N	50	NR	–	–	+
SO_4 (mg/l)	N	200	NR	–	–	+
S (mg/l)	N	0.05	NR	0.001	–	+
CO_2 (mg/l)	N	–	NR	–	–	+
Gross- (Bql)	N	0.1	NR	–	–	+
Gross- (Bql)	N	1	NR	–	–	+

	CLASSES					
PARAMETERS	I	IIA	IIB	III#	IV	V
Ra-226 (Bql)	N	+0.1	NR	–	–	+
Sr-90 (Bql)	N	+0.1	NR	–	–	+
CCE (µg/l)	N	500	NR	–	–	+
MBAS/BAS (µg/l)	N	500	NR	200	NR	+
O & G (Mineral((mg/l)	N	40;NF	NR	NL	NR	+
O & G (Emulsified edible) (µg/l)	N	7000;NF	NR	NL	NR	+
PCB (mg/l)	N	0.1	NR	0.044 (6.1)	NR	+
Phenol (g/l)	A	10	NR	– (9900)	NR	NR
Aldrin/	A	0.02	NR	0.008	NR	NR
Dieldrin (µg/l)	A	NR	(0.2)	NR	NR	0.13
BHC (µg/l)	A	2	NR	(9.9)	NR	NR
Chlordane (µg/l)	A	0.08	NR	(2.2) 0.004	NR	NR
t-DDT (µg/l)	A	0.1	NR	(1)	NR	NR
Endosulfan (µg/l)	A	10	NR	– (0.01)	NR	NR
Heptachlor/	A	0.05	NR	0.06	NR	NR
Epoxide (µg/l)	A	–	NR	(0.91)	NR	NR
Lindane (µg/l)	A	2	NR	0.38 (2.9)	NR	NR
2, 4-D (µg/l)	A	70	NR	(450)	NR	NR
2,4,5-T (µg/l)	A	10	NR	(160)	NR	NR
2,4,5-TP (µg/l)	A	4	NR	(850)	NR	NR
Paraquat (µg/l)	A	10	NR	(1800)	NR	NR

Notes:

CLASS 1 : Conservation of natural environment water supply l - practically no treatment necessary.
Fishery l - very sensitive aquatic species

CLASS IIA : Water Supply II - conventional treatment required
Fishery II - sensitive aquatic species

CLASS IIB : Recreational use with body contact

CLASS III : Water Supply III - extenisve treatment required
Fishery III - common, of economic value, and tolerant species livestock drinking

CLASS IV : Irrigation

CLASS V : None of the above

NV	:	No visible floatable materials or debris
NOO	:	No Objectionable Odour
NOT	:	No Objectionable Taste
..	:	Related Parameters, only one recommended for use
@	:	Maximum not to be exceeded
NR	:	No Recommendation
*	:	At hardness 50 mg/l $CaCo_2$
#	:	24-hr average and maximum (bracketed) concentrations are shown
NF	:	Free from visible film, sheen, discoloration and deposits
NL	:	Free from visible layer, discoloration and deposits
N	:	Natural levels
+	:	Levels above Class IV
A	:	Absent

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
TARIKH	:	13 MEI 1993

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada dan bilakah Kabinet telah dimaklumkan tentang kelulusan laporan Taksiran Impak Alam Sekitar (Environment Impact Assessment, EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar untuk loji pusat sisa buangan toksik Bukit Nanas, tarikh kerajaan Negri Sembilan dimaklumkan tentang kelulusan laporan EIA, dan mengapakah Kementerian beliau tidak menghiraukan bantahan keras daripada 100,000 orang penduduk di Negri Sembilan yang merisaukan pencemaran terhadap alam persekitaran mereka, ancaman kepada kesihatan mereka dan kebinasaan kehidupan mereka akibat penempatan loji sisa toksik tersebut di tengah-tengah mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tentang status laporan Penilaian Kesan ke atas Alam Sekeliling atau EIA (Environmental Impact Assessment) bagi cadangan projek kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual (Buangan Toksik dan Berbahaya) di Bukit Nanas, Port Dickson, Negri Sembilan Darul Khusus, sehingga kini Jabatan Alam Sekitar belum lagi mengeluarkan surat kelulusan rasmi bagi laporan EIA tersebut. Oleh itu, Kabinet belum lagi dimaklumkan tentang perkara ini.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat seterusnya tentang tindakan Kementerian ini ke atas pandangan penduduk tempatan terhadap cadangan projek ini, kenyataan Ahli Yang Berhormat adalah memang tidak benar. Sebaliknya, dari mula kajian dijalankan ke atas tapak di Bukit Nanas, dan seterusnya dalam kajian EIA, semua isu alam sekitar di antaranya isu pencemaran, keselamatan,

kesihatan dan lain-lain termasuk isu sosio-ekonomi yang disuarakan oleh setiap golongan penduduk tempatan telah dikaji dengan terperinci dan diambilkira dalam merekabentuk konsep serta teknologi yang akan digunakan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Berhubung dengan status laporan Penilaian Kesan ke Atas Alam Sekeliling (EIA), Jabatan Alam Sekitar sedang membuat persediaan untuk menyampaikan satu taklimat kepada ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negri Sembilan tentang keputusan Jabatan Alam Sekitar ke atas laporan EIA tersebut. Tarikh taklimat belum ditetapkan lagi oleh Kerajaan Negri Sembilan. Walau bagaimanapun kertas kerja daripada Jabatan Alam Sekitar serta laporan lengkap Kajian Terperinci Kesan Ke Atas Alam Sekitar (Detailed Environmental Impact Assessment Report) telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negri Sembilan pada 14 April 1993 yang lalu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIEW AH KIM
TARIKH	:	13 MEI 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada akan campur tangan dalam isu melaksanakan pembinaan tempat membuang sisa toksid di Bukit Nanas, Jimah, Negri Sembilan setelah laporan EIA diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar, memandangkan bantahan keras lebih 12,000 penduduk di kawasan seluas 58 hektar itu. Nyatakan juga:-

(a) kenapa Bukit Nanas dipilih menjadi tempat pembuangan sisa toksid kerana Negri Sembilan merupakan negeri paling rendah peratus pembuangan sisa toksidnya; dan

(b) adakah Kerajaan akan menimbangkan tempat yang lebih sesuai dan menarik balik cadangan di Bukit Nanas itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Projek Kemudahan Pengumpulan, Pengangkutan, Pelupusan Buangan Terjadual yang dicadangkan di Bukit Nanas, Negri Sembilan adalah dimajukan sepenuhnya oleh pihak swasta. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pemaju projek untuk memberikan kefahaman dan seterusnya mendapatkan sokongan penduduk tempatan terhadap projek tersebut. Walau bagaimanapun kerajaan sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas kebajikan rakyat, pembangunan negara dan perlindungan alam sekitar, tentulah secara tidak langsung terlibat dalam menentukan bahawa projek sedemikian diwajibkan dikaji impaknya terutamanya kepada pembangunan negara dan keselamatan alam sekitar. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah difahamkan bahawa sebagai bentuk program-program penerangan telahpun dijalankan oleh pihak berkenaan dan beberapa pihak telahpun faham dan menerima baik rancangan ini. Untuk

makluman Y.B., mengikut laporan EIA, dalam lingkungan 3 km tapak berkenaan hanya terdapat lebih kurang 3000 orang penduduk dan bukannya 12000 seperti disebutkan.

a) Pemilihan Bukit Nanas dibuat bukan hanya berdasarkan kuantiti buangan toksik yang dihasilkan oleh industri di Negri Sembilan. Faktor-faktor lain, yang lebih penting, telah diambilkira seperti lokasi tapak dari segi alam sekitar, kejuruteraan dan ekonomi.

Di antara kriteria-kriteria utama tapak ini dipilih ialah:

(i) Tiada takat pengambilan air minum awam di hilir tapak;

(ii) Tiada kawasan kediaman yang padat dalam lingkungan 3 km;

(iii) Keadaan geologi dan hidrogeologi yang sesuai; dan

(iv) Tapak tidak pernah banjir.

(b) Usaha untuk mencari tapak yang berpotensi untuk dijadikan tapak kemudahan buangan terjadual di negara ini telah dimulakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan agensi-agensi Kerajaan yang lain sejak tahun 1981 lagi. Sehingga tahun 1991, sejumlah 91 tapak telah dikaji dan didapati bahawa tapak Bukit Nanas adalah paling sesuai, seperti telah dibuktikan oleh laporan EIA dan dinilai oleh Panel Khas diwakili oleh pakar-pakar dalam berbagai bidang. Oleh yang demikian, soal menarik balik cadangan ini tidak timbul setakat ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WAHAB BIN SUHAILI
TARIKH	:	17 MEI 1993

SOALAN

Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah tumpahan minyak di perairan Malaysia; dan

(b) setakat ini adakah langkah-langkah tersebut boleh mengatasi masalah tumpahan minyak di perairan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab Soalan (a), langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil adalah:

(i) Telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak:

(ii) Mengesyorkan Syarikat-Syarikat minyak menubuhkan satu tabung sumbangan bagi meningkatkan keupayaan peralatan melawan tumpahan minyak, PIMMAG (Petroleum Industry Malaysia Mutual Aid Group) telah tertubuh pada 26/4/93.

(iii) Mengeratkan hubungan dua-hala di antara negara-negara jiran melalui jawatankuasa-jawatankuasa seperti Revolving Fund Committee, TTEG (Tripartite Technical Expert Group) dan lain-lain.

Bagi menjawab Soalan (b), memang setakat ini langkah-langkah yang tersebut dapat mengatasi masalah tumpahan minyak di negara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH : 17 MEI 1993

SOALAN

Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan butir-butir melaksanakan projek membina pusat pembuangan sisa-sisa tosik di Bukit Nanas, Negri Sembilan dan apakah bantahan telah disampaikan oleh rakyat tempatan terhadap risiko yang terlibat dalam projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Projek Kemudahan Bersepadu Bagi Pengumpulan, Pengangkutan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual (buangan-buangan toksik dan berbahaya) di Bukit Nanas, Negri Sembilan bertujuan untuk memberi khidmat kepada industri-industri yang menghasilkan buangan-buangan berkenaan. Buat masa ini oleh kerana ketiadaan kemudahan khas untuk mengolah dan melupuskan buangan-buangan tersebut, pihak industri terpaksa menyimpan buangan mereka di kawasan kilang. Tidak dinafikan juga, terdapat pembuangan secara haram dilakukan oleh setengah kilang.

Kemudahan-kemudahan yang akan dibangunkan di tapak berkenaan, bagi merawat dan mengendalikan lebih kurang 340,000 tan/tahun buangan terjadual, termasuk loji pengolahan fizikal-kimia, loji stabilisasi, penunu (incinerator) bersuhu tinggi dan tapak pelupusan terselamat (secure landfill).

Pemaju projek, iaitu Konsortium yang diketuai oleh I.Kruger Engineering A/S Denmark, telahpun mengemukakan laporan kajian kesan alam sekitar (EIA) pada bulan Ogos 1992 dan Jabatan Alam Sekitar telahpun bersetuju untuk meluluskan laporan EIA tersebut. Walau bagaimanapun, pemaju projek perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negri Sembilan terlebih dahulu sebelum pembinaan kemudahan ini dapat dimulakan. Adalah dijangkakan kemudahan ini dapat beroperasi sepenuhnya dalam tahun 1995.

Bantahan-bantahan yang telah diterima daripada rakyat tempatan adalah berkaitan dengan kurang faham mereka mengenai projek ini dan kesan sampingan yang mungkin dirasai oleh mereka. Keadaan ini bertambah rumit kerana mereka-mereka yang berkepentingan, termasuk ahli-ahli politik pembangkang, telah mengeksploitasikan dan menyelewengkan fikiran rakyat daripada keadaan sebenar. Mereka telah menggunakan isu-isu kesihatan, keselamatan loji dan pengangkutan, dan ekonomi setempat untuk mengemukakan keadaan. Sukalah dinyatakan di sini bahawa sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat, kerajaan akan mempastikan bahawa soal keselamatan dan kesihatan adalah dipastikan sebelum projek ini dilaksanakan. Semua isu-isu yang telah dibangkitkan oleh rakyat telahpun diambil kira oleh pemaju projek dan kerajaan adalah berpuas hati akan langkah-langkah kawalan yang akan diambil.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHIAN HENG KAI
TARIKH	:	17 MEI 1993

SOALAN

Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah perkembangan terbaru berkenaan dengan proses EIA (Environmental Impact Assessment) oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap sekeping tanah di Bukit Minyak, Bukit Mertajam untuk menjadi stesen pemindahan (transfer station), iaitu tempat penyimpanan sementara bahan-bahan buangan sebelum dihantar ke tapak pelupusan dan adakah laporan EIA itu akan diumumkan. Jika tidak, mengapa;

(b) di manakah lokasi sebenarnya dengan menyebutkan nombor lot tanah dan Mukim; dan

(c) hasil siasatan dan apakah tindakan telah diambil ekoran surat Ahli Parlimen Bukit Mertajam kepada Pengarah Jabatan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Seberang Perai pada 16.3.1993 berkenaan dengan cecair kimia disyaki dibuang di sekeping tanah di depan rumah no. 2315, Jalan Megat Harun, Bukit Mertajam.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Bagi jawapan soalan (a) setakat ini tiada sebarang kajian EIA dijalankan ke atas tapak stesen pemindahan (transfer station) yang dicadangkan di Bukit Minyak, Bukit Mertajam. Tapak ini hanya baru dikenalpasti sebagai tapak yang berpotensi untuk tujuan stesen pemindahan buangan terjadual bagi kawasan utara Semenanjung Malaysia.

(b) Bagi jawapan soalan (b), lokasi tapak yang telah dikenalpasti terletak di dalam Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, Mukim 13 dan 14 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

(c) Bagi jawapan soalan (c), Jabatan Alam Sekitar, Pulau Pinang telahpun menjalankan siasatan terhadap aduan tersebut di atas pada 19 Mac 1993 dan 6 April 1993 dan mendapati aduan berasas dan berlaku masalah bau kimia. Contoh-contoh bahan kimia yang dibuang dan air perigi berhampiran telah diambil dan dihantar untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia, Pulau Pinang. Walau bagaimanapun pihak terlibat melupuskan bahan kimia tersebut, iaitu Pan Ace Enterprise, telah diarah membersihkan kawasan berkenaan dan melantik jururunding untuk membantu kerja-kerja pembersihan. Tindakan selanjutnya akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar, Pulau Pinang bergantung kepada laporan Jabatan Kimia dan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

SOALAN TAMBAHAN

SOALAN 1

Apakah tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas syarikat berkenaan?

JAWAPAN

Jika disabit kesalahan, mengikut peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, Akta 127 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989, P.U. (A) 139, pihak yang terlibat boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya; dan juga boleh dikompaun sejumlah wang tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

SOALAN 2

Apakah jenis kimia yang dibuang dan apakah kesan ke atas kesihatan dan alam sekitar?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Mengikut laporan analisis kimia daripada Jabatan Kimia, bahan buangan tersebut adalah jenis cecair yang mengandungi paras tembaga yang agak tinggi dan bahan ini jika memasuki mana-mana alurair daratan atau sumber air bawah tanah boleh mendatangkan kesan yang buruk ke atas hidupan air seperti ikan, udang dan rumpai air dan juga kesan ke atas kesihatan manusia jika sumber tersebut digunakan sebagai air minuman.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Tapak Bukit Minyak dicadangkan oleh Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang (PDC) untuk dikaji kesesuaiannya oleh Kualiti Alam Sdn. Bhd.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN GOOI HOCK SENG
TARIKH	:	18 MEI 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggantungkan projek pembangunan yang dijalankan oleh Redang Island Resort di Pulau Redang sehingga masalah penambahan pemendakan di sana diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Keputusan untuk menggantung atau tidak pembangunan projek Redang Island Resort Sdn. Bhd. adalah bergantung kepada pihak Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pembangunan di Pulau Redang oleh Redang Island Resort Sdn. Bhd. telahpun siap bagi peringkat kerja-kerja tanah pada Februari 1993 yang lalu. Struktur-struktur tetap bagi langkah kawalan mendapan (sediment) telahpun siap dibina dan dijangka kesan pemendapan di perairan Pulau Redang tidak lagi menjadi kritikal. Pihak Kerajaan menerusi Jabatan Alam Sekitar dan jawatankuasa Kerja Pengawasan Pulau Redang sedang mengambil beberapa langkah bagi mengenalpasti dan mengawal pemendapan di perairan tersebut. Adalah dijangka hasil kajian Jawatankuasa Kumpulan Penyelidikan Bersama (a joint study group) melalui teknik 'radiotracer' dapat mengenalpasti sumber dan status pemendapan yang berkaitan di perairan Pulau Redang. TOR kajian ini dikaji semula dan dijangka akan dibincangkan pada bulan Mei 1993 ini.Dalam hubungan ini adalah wajar bagi pihak Kerajaan mendapatkan maklumat hasil kajian tersebut dahulu sebelum tindakan selanjutnya diambil.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL
TARIKH	:	18 MEI 1993

SOALAN

Y.B. Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan perkara-perkara yang sering ditanyakan oleh orang ramai berkenaan kilang Syarikat Wembley Activated Clay yang berada di Simpang Lima Parit Buntar :-

(a) benarkan bahan sisa tanah liat yang ditabur dan diberikan kepada orang ramai itu mengandungi bahan toksid dan membahayakan kesihatan dalam tempoh masa yang panjang.

(b) berapa jeniskah bahan-bahan beracun yang dikeluarkan oleh kilang ini yang:

i) meresap ke bumi
ii) dilarut air dan dihanyutkan
iii) yang menaik ke udara dan mencemarkan alam sekitar; dan

(c) apakah jaminan bahawa peristiwa gas beracun tidak berlaku lagi di masa-masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan buangan tanah liat yang dihasilkan oleh kilang Wembley Activated Clay, Parit Buntar, adalah dikategorikan sebagai buangan terjadual dan oleh itu tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989. Bahan buangan tersebut mengan-

dungi logam-logam berat yang berasal daripada bahan mentah ("raw clay") yang digunakan dalam proses pengeluaran tanah peluntur. Pihak kilang tidak dibenarkan memberi tanah liat tersebut kepada mana-mana pihak.

Mengenai soalan (b), tiada bahan-bahan beracun yang dikeluarkan oleh kilang ini seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Bagi soalan (c), tiada siapapun dapat memberi jaminan bahawa peristiwa pelepasan gas beracun tidak berlaku pada masa-masa akan datang tetapi pihak kilang telah diarah supaya memastikan kilang mengurangkan risiko kejadian pelepasan gas berlebihan. Kilang dikehendaki memasang alat kawalan tambahan seperti "waste gas scrubber", "continuous gas analyser & alarm" dan mengawas gas sulfur dioksida diudarakan secara berterusan di dua tempat berhampiran dengan kilang. Di samping itu lawatan-lawatan penguatkuasaan dijalankan dari masa ke semasa.

MAKLUMAT-MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pihak kilang telah dikompaun oleh Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perak sebanyak dua kali (30 Jun 1992 dan 21 Julai 1992), RM 500 setiap kali kerana melupuskan bahan buangan di luar tapak yang ditetapkan.

2. Pihak kilang telah diminta menjalankan kajian kesan kepada alam sekitar daripada aktiviti pelupusan buangan tersebut. Di samping itu kilang adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tapak pelupusan dan telah menyediakan satu tabung kewangan sebanyak RM 500,000 untuk maksud pembersihan jika perlu. Tapak pelupusan ialah bekas tapak kilang bata Hock Hin Co.

3. Kilang ini telah dikenakan Perintah Larangan beroperasi kerana melepaskan gas toksik yang berlebihan selama 1 bulan (16/10/92 hingga 23/11/92).

4. Pihak kilang merayu melanjutkan tempoh pemasangan "waste gas scrubber" sehingga 25 Mei 1993 kerana kelewatan pembekalan alat tersebut dari Negeri Jepun. Alat tersebut dijangka tiba pada pertengahan bulan Mei 1993. Rayuan ini sedang dalam pertimbangan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	19 MEI 93

SOALAN

Y.B. Tuan Wong Sing Nang meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

a) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memperjuangkan masalah pencemaran air bagi sungai-sungai di Sarawak; dan

b) sama ada Kementerian telah mengadakan sebarang kajian untuk menentukan darjah pencemaran bagi sungai-sungai di Sarawak; bahan apakah merupakan bahan pencemaran utama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a) tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memperjuangkan masalah pencemaran air bagi sungai-sungai di Sarawak adalah dengan menjalankan Program Pengawasan Kualiti Air Kebangsaan yang bermula sejak tahun 1983 bagi negeri Sarawak. Serta menguatkuasakan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling. Program ini bertujuan untuk mengawasi kualiti air sungai di samping memenuhi keperluan untuk mengekalkan atau memulihara perairan dalam sistem ekologi.

Ia juga dapat menilai tahap pematuhan Peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dalam usaha bagi mengawal pencemaran sungai daripada pihak industri.

Bagi jawapan (b), pengawasan sungai dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar melibatkan penentuan kualiti sungai secara in-situ dan cerakinan makmal. Daripada

program tersebut berdasarkan Indeks Kualiti Air, 10 daripada 20 batang sungai yang diawasi dikategorikan sebagai Sederhana Tercemar. Bahan pencemaran yang utama bagi sungai-sungai di Sarawak ialah Bahan Pepejal Terampai (SS) yang menjadi petunjuk kepada pencemaran hakisan dan kelodakan akibat daripada pembukaan kerja-kerja tanah seperti aktiviti-aktiviti pembangunan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

HAD INDEKS KUALITI AIR

PARAMETER	JULAT INDEKS (%)		
	BERSIH		TERCEMAR
IKA	81-100	60-80	0-59
BOD	91-100	80-90	0-79
NH3-N	91-100	71-90	0-70
SS	76-100	70-75	0-69

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHOR CHEE HEUNG
TARIKH	:	19 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah jenis-jenis insentif yang akan diberikan kepada pakar-pakar sains warganegara Malaysia yang berada di luar negara dan berkhidmat dengan syarikat atau Kerajaan asing pulang berkhidmat dalam negara;

(b) mengikut kajian oleh pihak Kerajaan berapakah jumlah pakar sains yang bekerja di luar negara dan dalam bidang apakah kebanyakan mereka ini terbabit; dan

(c) mengikut keperluan Kementerian, pakar sains yang mempunyai kelayakan dan kepakaran apakah yang akan diberikan keutamaan jika mereka ingin pulang untuk berkhidmat dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menyediakan cadangan menyeluruh bagi pertimbangan Kerajaan mengenai rancangan bagi menarik balik saintis-saintis negara yang sedang berkhidmat di luar negeri. Satu Jawatankuasa Induk telah diwujudkan bagi tujuan ini. Program penarikan balik saintis negara adalah antara langkah-langkah lain bagi menambahkan bilangan dan kualiti saintis-saintis di negara ini. Rancangan ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menggandakan kegiatan-kegiatan R & D khususnya oleh

sektor swasta. Pengambilan saintis-saintis tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan daya saing industri-industri tempatan.

Mengenai skim insentif bagi menarik balik saintis, program penarikan balik saintis-saintis negara setakat ini belum ditetapkan dan belum mendapat kelulusan pihak berkenaan. Di samping itu, ianya perlu dikaji dengan mendalam dan dirunding dengan majikan-majikan terutamanya di sektor swasta. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberi maklumat yang terperinci pada masa ini. Walau bagaimanapun, pada amnya skim insentif akan merangkumi perkara-perkara seperti emolumen, kemudahan-kemudahan kerja, pelajaran anak, kemudahan perumahan dan sebagainya.

Mengenai bilangan saintis di luar negeri, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Wisma Putra, masih sedang mengumpul maklumat tersebut. Setakat ini, sebanyak 75 saintis dari lapan negara telah dikenalpasti dan mereka ini terbabit dalam pelbagai bidang.

Bidang-bidang kepakaran yang diberi keutamaan adalah bidang-bidang yang telah dikenalpasti di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian iaitu Teknologi Pembuatan Termaju, Bahan-bahan Termaju, Bioteknologi, Mikroelektronik dan Teknologi Maklumat dan Tenaga.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN KUA KIA SOONG
TARIKH : 19 JULAI 1993

SOALAN

Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) situasi sebenar yang berkaitan dengan Pusat Pengurusan Bahan Sisa Beracun Bukit Nanas yang dicadangkan itu pada masa kini;

(b) sama ada tindakan ada diambil untuk mencari tapak alternatif untuk pengurusan bahan buangan beracun;

(c) tindakan yang diambil untuk mengurangkan penghasilan bahan buangan beracun oleh industri Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi jawapan soalan (a), Jabatan Alam Sekitar telah mengkaji dan mengambilkira pandangan Panel EIA mendapati bahawa tiada kesan yang signifikan yang boleh timbul dari projek pelupusan buangan industri di Bukit Nanas, Negri Sembilan dan memperakukan laporan EIA diluluskan. Setakat ini projek ini sedang menunggu pertimbangan Kerajaan Negri Sembilan iaitu pihak yang berkuasa ke atas kegunaan tanah.

Mengenai perkara (b), sebelum ini Kerajaan telah mengkaji tapak-tapak alternatif sebanyak 91 buah tapak semuanya. Tapak di Bukit Nanas adalah yang paling sesuai.

Mengenai soalan (c), bagi mengurangkan penghasilan atau pengeluaran buangan oleh industri di Malaysia beberapa langkah telah diambil melalui beberapa cara seperti berikut:-

(a) Penapisan awal peringkat penubuhan/perancangan industri untuk menge-lakkan dari industri kotor melalui;

(i) khidmat nasihat di pusat serenti (one stop agency) di MIDA kepada pelabur-pelabur;

(ii) Prosedur penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar (EIA) bagi aktivi-ti-aktiviti yang ditetapkan;

(iii) proses penilaian awal tapak bagi aktiviti-aktiviti yang tidak ditetapkan; dan

(iv) garis-garis panduan yang digunapakai oleh agensi-agensi perancangan yang berkaitan.

(b) Pihak kilang diminta supaya mengamalkan proses pengurangan, pemulihan dan penggunaan semula buangan sebagaimana ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989; dan

(c) Menggalakkan penubuhan industri-industri canggih yang tidak mengelu-arkan buangan.

SOALAN TAMBAHAN

1. Apakah kriteria-kriteria pemilihan tapak yang digunakan?

Jawapan

Kriteria yang digunakan adalah seperti dalam Appendix I.

2. Apakah merit (ranking) tapak-tapak yang dikaji?

Jawapan

Susunan tapak yang memenuhi kriteria pemilihan tapak adalah seperti Appendix II.

3. Di manakah tapak yang telah dikaji dari segi geologi?

Jawapan

Tapak-tapak yang telah dikaji dari segi geologi adalah seperti berikut:-

- Tapak di Bukit Nanas, Negri Sembilan
- Tapak di Bt. Badong, Kuala Selangor, Selangor
- Tapak di ladang PKNK, Sg. Petani, Kedah
- Tapak di Ladang Abaco, Beranang, Selangor
- Tapak di Valdor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

APPENDIX I

CRITERIA FOR SITE SELECTION

ENGINEERING

Physical size. Should be large enough to accommodate waste for the whole country.

Location/Proximity. Locate as close as possible to waste production facility to minimize handling and reduce transport cost. Locate away from water supply.

Access. Should be all-weather, have adequate width and load capacity, with minimum traffic congestion.

Topography. Should minimize earth-moving, take advantage of natural conditions. Avoid natural depression and valleys where water contamination is likely.

Geology. Avoid areas with earthquakes, slides, faults, underlying mines, sinkholes, and solution cavities.

Soils/Cover material. Should have natural clay liner or clay available for liner, and final cover material available.

Infrastructure. Should have important amenities such as electricity, water supply and telephones.

ENVIRONMENT

Surface water. Located outside 100 year floodplain. No direct contact with navigable water. Avoid wetlands.

Groundwater. No contact with groundwater. Base of fill must be above groundwater table. Avoid sole-source aquifer. Avoid areas of groundwater recharge.

Air. Locate to minimize fugitive emissions and odour impacts.

Terrestrial and aquatic ecology. Avoid unique habitat area (important to propagation of rate and endangered species) and wetlands.

Noise. Minimize truck traffic and equipment and operation noise.

Land Use. Avoid populated areas and areas of conflicting land use such as parks and scenic areas.

Cultural resources. Avoid areas of unique archaelogical, historical and paleontological interest.

Water intake. The site should not be located upstream of any public drinking water intake points.

SOCIAL

Public/political. Gain local acceptance from elected officials and local interest groups.

APPENDIX II: SITES KEETING SELECTION CRITERIA ACCORDING TO DESCENDING ORDER

YEAR	STATE	DISTRICT	SITE ADDRESS	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	NO. OF CRITERIA NET
1989	N.Sembilan	Port Dickson	Bukit Nanas, Ladang Tanah Merah (Site F)	/	/	/	/	/	/	/	/	/		/	/	/	/	/	/	/		16
1986	Pulau Pinang	S'Prai Selatan	Bt. Degong (Lot 340)	/	/	/	/	/		/	/	/	/	/	/	/	/					14
1987	Selangor	Sepang	Ladang Sepang (Site ll)	/	/	/	/	/	/	/	/	/		/	/	/	/	/				14
1989	N.Sembilan	Seremban	Bukit Tunggul, Ladang Sg. Kahang	/	/	/	/	/	/	/			/	/	/	/	/	/				14
1988	Kedah	Sg. Petani	Ladang Kenyappa Yk. Sg. Petani	/	/	/	/	/		/	/	/	/	/	/	/	/	/				14
1989	Selangor	Sepang	Ladang Sepang (Site l)	/	/	/	/	/	/	/	/	/		/	/	/	/	/				14
1985	Selangor	Kuala Selangor	Bt. Badong Forest Reserve	/	/	/	/	/	/	/		/	/	/	/	/	/	/				14
1988	Kedah	Sg. Petani	Ladang PKNK, YK. Sg. Petani	/	/	/	/	/		/	/		/	/	/	/	/	/				13
1988	Kedah	Sg. Petani	Ladang Joo Hai, Yk. Sg. Petani	/	/	/	/	/		/	/		/	/	/	/	/	/				13
1987	Selangor	Sepang	Ladang Sepang (Site lll) (Bt. Lada)	/	/	/	/	/	/	/		/		/	/	/	/	/				13
1986	Melaka	Alor Gajah	Bukit Hantu, Yk. Lendu	/	/	/	/	/	/	/	/			/	/	/	/	/				13
1989	N.Sembilan	Seremban	Hutan Simpan Sendayan (Site E)	/		/	/	/	/	/		/	/	/	/	/	/					12
1987	Selangor	Shah Alam	Kuari Batu Tiga, Shah Alam		/	/	/	/		/	/			/	/	/	/	/				12
1986	Selangor	Hulu Langat	New Semenyih Estate, Hulu Langat	/	/	/	/	/		/				/	/	/	/	/				11
1987	Selangor	Shah Alam	Ladang Damansara (Bhg. Bukit Lanchong)	/	/	/	/	/		/				/	/	/	/	/				11
				/		/	/	/		/		/	/	/	/	/	/					11
1989	N.Sembilan	Seremban	Ladang Felcra Sendayan (Site 6)	/		/	/	/		/	/	/	/	/	/	/	/					11
1981	Johor	Pasir Gudang	Pasir Gudang, Dumping Group	/	/	/	/	/	/	/					/	/	/	/	/			11
1986	Selangor	Hulu Langat	Abaco Estate, Beranang	/	/	/	/	/		/				/	/	/	/	/				11
1986	Melaka	Alor Gajah	Solok Ayer Limau Nipis, Yk. Ramuan China Besar	/	/	/	/			/				/	/	/	/	/				10
1987	Kedah	Kulim	Ladang Socfin (Bukit Wang Buruk)	/	/	/	/	/						/	/	/	/	/				10
1989	N.Sembilan	Port Dickson	Hyutan Simpan Sendayan	/	/	/	/			/				/	/	/	/	/				10
1987	Kedah	Kulim	Ladang Sg. Kahang (Site A)	/	/	/	/	/						/	/	/	/	/				10
1989	N.Sembilan	Seremban	Alda Estet, Bt Bemban (Site B)	/	/	/	/	/						/	/	/	/	/				10
1986	N.Sembilan	Seremban	Ladang Cairo, Batang Benar	/	/	/	/			/					/	/	/	/				9
1987	Selangor	Sepang	Ladang Sg. Pelek	/	/	/	/							/	/	/	/	/				9
1987	Kedah	Kulim	Ulu Parit, Yk. Karangan (B)																			
1991	Selangor	Kuala Langat	Kg. Labohan Dagang (Kuala Langat	/		/	/			/				/	/	/	/	/				9
			Forest Reserve)	/			/			/	/			/	/	/	/	/				9
1986	N.Sembilan	Port Dickson	Sendayan (Lot 1957)																			

YEAR	STATE	DISTRICT	SITE ADDRESS	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	NO. OF CRITERIA NET
1985	Johor	Kluang, Selatan	Batu 35 1/2, Jalan Air Hitam,	/	/	/	/	/		/					/	/	/					9
1986	N.Sembilan	Port Dickson	Estet Bt. Pelandok	/	/	/	/			/					/	/	/	/				9
11987	Selangor	Sepang	Ladang Sonia	/	/	/	/							/	/	/	/	/				9
1986	N.Sembilan	Seremban	Ladang Kubang, Estet Sg. Mahang, Mk. Labu	/			/			/	/		/		/	/	/	/				9
1985	Johor	Kluang, Selatan	Lot 4550, Mk. Layang-Layang, Jalan Air Hitam	/	/	/	/	/		/					/	/	/					9
1986	Melaka	Alor Gajah	Bukit Nangka, Mk. Ayer Pa'abas		/	/	/			/				/	/	/	/	/				9
1985	Johor	Kluang, Selatan	Lot 81, Bt. 55 1/2, Jalan Air Hitam, Mk. Machap	/	/	/	/	/		/					/	/	/					9
1986	N.Sembilan	Seremban	Ladang Jenderam, Estate Sg. Mahang, Mukim Setul	/	/	/	/			/					/	/	/	/				9
1987	Selangor	Sg. Buloh	Sg. Buloh Forest Reserve		/	/	/							/	/	/	/	/				8
1986	Pulau Pinang	S'Prai Tengah	Prai Ind. Est. (Site A)		/	/	/				/				/	/	/					8
1986	Pulau Pinang	S'Prai Tengah	Prai Ind. Est. (Site B)		/	/	/				/				/	/	/	/				8
1987	Selangor	Hulu Selangor	Ladang Escot, Tg. Malim		/	/	/							/	/	/	/	/				8
1986	Pulau Pinang	S'Prai Tengah	Prai Ind. Est. (Site C) (Lot 203)		/	/	/							/	/	/	/	/				8
1987	Selangor	Hulu Selangor	Ladang Sg. Gapi, Serendah			/	/			/				/	/	/	/	/				8
1987	Selangor	Hulu Selangor	Serendah Forest Reserve (B)	/	/	/	/			/					/	/	/					8
1989	N.Sembilan	Seremban	Hutan Simpan Bukit Tajam (Site D)		/	/	/		/	/					/	/	/					8
1985	Selangor	Sepang	Hong Kong (Sel) Rubber Est. Jalan Puchong		/	/	/							/	/	/	/	/				8
1985	Selangor	Petaling	Batu 12 1/2, Jalan Puchong		/	/	/							/	/	/	/	/				8
1987	Selangor	Hulu Selangor	Serendah Forest Reserve (A)	/	/	/	/			/					/	/	/					8
1987	Selangor	Petaling	Bukit Air Hitam, Puchong	/		/	/				/			/	/	/	/					8
1985	Johor	Johor Bahru	Lot 89-93, Mk. Jelutong, Gelang Patah			/	/			/	/				/	/	/					8
1987	Selangor	Sepang	Kg. Batu Dua			/	/			/	/				/	/	/					7
1985	Selangor	Sepang	Lot 55, Mk. Sepang, Jalan Sg. Pelek		/	/	/								/	/	/	/				7
1985	Selangor	Sepang	Lot 15, MK. Sepang, Jalan Sg. Pelek		/	/	/								/	/	/	/				7
1989	Pulau Pinang	S'Prai Selatan	Bukit Chempedak (A)			/	/			/	/				/	/	/					7
1989	Pulau Pinang	S'Prai Selatan	Bukit Chempedak (B)	/		/	/								/	/	/	/				7
1985	Selangor	Sepang	Batu 2 1/2, Jalan Sg. Pelek	/	/	/	/			/						/	/	/				7
1986	Selangor	Kuala Selangor	Hutan Simpan Raja Muda, Kuala Selangor	/		/	/								/	/	/	/				7
1986	N.Sembilan	Seremban	Estet Linsum, MYk. Rantau			/	/			/				/	/	/	/	/				7
1986	Selangor	Kuala Selangor	Hutan Simpang Hulu Tinggi, Kuala Selangor		/	/	/			/					/	/	/					7

YEAR	STATE	DISTRICT	SITE ADDRESS	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	NO. OF CRITERIA NET
1985	Pulau Pinang	S' Prai Tengah	Prai Industrial Estate			/	/			/				/	/	/	/	/				7
1981	Johor	Gelang Patah			/	/	/			/					/	/	/					7
1985	Pulau Pinang	S'Prai Selatan	Kg. Valdor		/	/	/							/	/	/	/					7
1985	Selangor	Hulu Selangor	Lot 2388, Mk. Ulu Yam	/		/	/			/					/	/	/					7
1985	Pulau Pinang	S'Prai Utara	Kg. Selamat, Tasek Gelugor	/	/	/	/			/							/					6
1985	Selangor	Hulu Selangor	Lot 3278, Mk. Ulu Yam			/	/			/					/	/	/					6
1984	Selangor	Hulu Selangor	Lot 3378, Mk. Batang Kali	/		/	/								/	/	/					6
1985	Pulau Pinang	S'Prai Tengah	Junjong			/	/			/					/	/	/					6
1981	Selangor	Klang	Chiat Hing Brickworks, Batu 9, Kg. Jawa			/	/			/					/	/	/					6
1981	Selangor	Petaling	Kg. Pinang, Jalan Klang Lama			/	/				/					/	/					6
1986	Pulau Pinang	S'Prai Selatan	Lot 1357, Mk. 15, Seberang Prai Selatan		/	/									/	/	/	/				6
1981	Selangor	Klang	Batu Bata Yew Lee, Bukit Kemuning			/	/			/					/	/	/					6
1986	Selangor	Sabak Bernam	Batu 3, Kg. Sepintas, Sabak Bernam			/	/								/	/	/	/				6
1985	Pulau Pinang	S'Prai Selatan	Permatang Tinggi		/	/	/								/	/	/					6
1985	Johor	Pasir Gudang	Pasir Gudang Dumping Ground			/	/			/					/	/	/					6
1981	Selangor	Petaling	Hong Kong Tin, 14th Miles, Jalan Puchong			/	/			/					/	/	/					6
1985	Selangor	Petaling	Batu 12, Serdang (A)			/	/			/					/	/	/					6
1984	Selangor	Hulu Selangor	Lot 271, Mk. Ulu Yam, Ulu Yam Lama	/		/	/								/	/	/					6
1985	Selangor	Hulu Selangor	Batu 13, Jalan Gedangsa, Mk. Ulu Bernam			/	/			/					/	/	/					5
1981	Johor	Tampoi	Tampoi Dumping Ground			/	/								/	/	/					5
1985	Selangor	Petaling	Batu 12, Serdang (B)			/	/									/	/					5
1987	Pulau Pinang	Balik Pulau	Admiral Hill				/							/	/	/	/					5
1985	Selangor	Hulu Selangor	Lot 3012, Mk. Ulu Yam			/	/								/	/	/					5
1984	Selangor	Gombak	Lot 3421, 5059, Mk. Rawang, Batu Arang			/	/								/	/	/					5
1984	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	Mk. Batu, off Jalan Kuching			/	/					/					/	/				5
1981	Selangor	Klang	Hueng Sin Brickwork, Batu 9, Kg. Jawa			/	/			/							/	/				5
1984	Selangor	Hulu Selangor	Kg. Koskan, Jalan Sg. Buaya, Sg. Choh			/	/			/							/	/				5
1981	Selangor	Gombak	Batu Caves Dumping Ground			/	/								/	/	/	/				5
1984	Selangor	Gombak	Lot 19095, Mk. Batu			/	/										/	/				4
1981	Selangor	Klang	Sg. Aur, Port Klang			/	/										/	/				4
1985	Pulau Pinang	Balik Pulau	Pantai Acheh			/	/											/				3

CODES FOR SITE SELECTION CRITERIA:

I. Engineering

A	Size
B	Location
C	Access
D	Infrastructure
E	Topography
F	Geology
G	Soil/Cover Material

II. Environmental

H	No Water Intake
I	Surface Water
J	Ground Water
K	Air Quality
L	Noise
M	Ecology
N	No Cultural Resources
O	Landuse - Present
P	Landuse - Future

III. Social

Q	State Acceptance
R	Public Acceptance

NOTE:

Geological study has been carried out on this site

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	20 JULAI 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan :-

(a) sama ada beliau sedar bahawa Amerika Syarikat telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian cuaca di Sidang Kemuncak Dunia di Rio pada tahun lalu;

(b) memandangkan Amerika Syarikat telah menandatangani perjanjian cuaca, adakah Malaysia sedia untuk menandatangani Perjanjian "Biodiversiti"; dan

(c) apakah tindakan-tindakan dan rancangan yang diambil oleh negara kita untuk melaksanakan Pengisytiharan Rio dan Agenda 21.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Y. B. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar bahawa Amerika Syarikat telahpun menandatangani Konvensyen Rekabentuk Mengenai Perubahan Iklim (Perjanjian Cuaca yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia juga telah menandatangani Konvensyen Rekabentuk Mengenai Perubahan Iklim pada 9 Jun 1993.

(b) Malaysia telahpun menandatangani Konvensyen Kepelbagaian Biologi (Perjanjian Biodiversiti) semasa Sidang Kemuncak Dunia di Rio pada bulan Jun 1992.

(c) Prisnsip-prinsip yang terkandung di dalam pengisytiharan Rio dan tindakan-tindakan yang disarankan dalam Agenda 21 telah lama dilaksanakan di negara kita. Khususnya unsur-unsur mengenai pembangunan berterusan (sustainable development) telah diserapkan di dalam Rancangan Pembangunan Negara. Kerajaan juga sedang mengambil tindakan mengaturkan pelan-pelan tindakan kebangsaan umpamanya bagi kepelbagaian biologi serta perubahan iklim selaras dengan kehendak Agenda 21.

Namun begitu, untuk memberi perhatian khusus dalam perancangan masa depan, Kerajaan baru-baru ini telah bersetuju untuk memperluaskan keanggotaan Majlis Pembangunan Negara untuk menentukan bahawa unsur-unsur alam sekitar diambil kira di dalam perancangan di peringkat tertinggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH : 20 JULAI 1993

SOALAN

Y.B. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) apakah tindakan yang diambil terhadap Rekacantik, pemaju projek "Forest Hills and Country Resort" di Jelebu, Negri Sembilan yang telah memulakan projeknya sebelum laporan EIA mendapat kelulusan;

(b) bagaimanakah Jabatan Alam Sekitar meluluskan projek berkenaan memandangkan kawasan tersebut bukan sahaja merupakan hutan simpanan malah merupakan kawasan takungan air;

(c) sama ada Jabatan Alam Sekitar menyedari bahawa Rekacantik juga telah membersihkan beberapa ratus ekar hutan secara haram yang mana kawasan hutan berkenaan terlebih daripada 3000 ekar hutan mereka dan kini sedang mengharapkan kelulusan retrospektif dari Kerajaan; dan

(d) sama ada Jabatan Alam Sekitar harus menerbitkan laporan bulanan supaya orang awam dapat mengetahui mana-mana projek yang telah memperolehi ataupun belum memperolehi kelulusan EIA.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Jabatan Alam Sekitar sedang menyiasat perkara ini dengan teliti dan sekiranya bukti-bukti mencukupi, tindakan yang sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang akan diambil.

(b) Jabatan Alam Sekitar meluluskan laporan EIA bagi projek berkenaan pada 28 Mei 1993 setelah berpuashati yang langkah-langkah tebatan dan kawalan yang dicadangkan akan dapat mengawal kesan-kesan ke atas alam sekitar ke tahap yang sewajarnya. Tanah berkenaan telahpun diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 12.12.1990 untuk kegunaan pertanian, perumahan dan pelancongan.

(c) Berhubung dengan isu pembalakan haram, hal ini perlulah dirujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

(d) Cadangan supaya Jabatan Alam Sekitar menerbitkan laporan bulanan yang menyenaraikan projek-projek yang telah dan belum memperolehi kelulusan EIA akan dikaji terlebih dahulu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. LAU DAK KEE
TARIKH : 21 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah Kementeriannya tercapai untuk menggunakan Sains dan Teknologi baru untuk meningkatkan pengeluaran, memperbaiki produk dan perkhidmatan dan mengurangkan kesan buruk ke atas alam sekitar, dan berapa peruntukan pembangunan telah, dan akan diberi kepada setiap Negeri termasuk Negeri Perak di bidang Pertanian, Perindustrian, Sosial Ekonomi dan Infrastruktur bagi RM5 dan RM6.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dari segi pencapaian dalam penggunaan sains dan teknologi baru, Kementerian dan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) setakat ini telah memberi penumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang boleh membina keupayaan untuk meningkatkan pengeluaran, memperbaiki produk dan perkhidmatan. Kementerian telah menggembelingkan penglibatan industri dan institusi-institusi penyelidikan termasuk universiti di seluruh negara melalui penubuhan kumpulan-kumpulan kerja di dalam bidang-bidang teknologi utama seperti berikut:

i. Teknologi Pembuatan Termaju
ii. Bahan-bahan Termaju
iii. Bioteknologi
iv. Mikro Elektronik & Teknologi Maklumat
v. Tenaga

Beberapa institusi penyelidikan seperti SIRIM, MIMOS dan universiti-universiti terlibat dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang tersebut. Di

samping itu, program-program kerjasama antarabangsa juga dilaksanakan bagi tujuan latihan dan pemindahan teknologi.

Berhubung dengan kesan ke atas alam sekitar, institusi-institusi seperti PORIM, RRIM dan SIRIM mempunyai program-program penyelidikan tertentu untuk mengurangkan kesan sains dan teknologi terhadap alam sekitar. PORIM umpamanya telah menghasilkan beberapa kaedah menghadkan pencemaran dari hasil buangan kilang kelapa sawit. Institut Penyelidikan Getah Malaysia berjaya mengurangkan sisa buangan toksik daripada kilang pemerosesan getah dan SIRIM pula berjaya mewujudkan teknologi berkaitan penggunaan semula sekam padi yang mana secara tidak langsung mengatasi masalah pembuangan sisa kilang padi tersebut. Dimaklumkan juga bahawa SIRIM dan 'Japan International Cooperation Agency (JICA) sekarang ini sedang melaksanakan program kerjasama teknikal alam sekitar untuk mengesan punca pencemaran dari industri-industri di negara ini. Program ini memberi penumpuan kepada pencemaran 'heavy metal' atau logam berat dan juga teknik pengolahannya secara biologi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan yang diluluskan bagi sains dan teknologi di bawah Rancangan Malaysia Ke Lima dan Rancangan Malaysia Ke Enam adalah diagihkan mengikut bidang-bidang utama dan bukan mengikut negeri.

Jumlah peruntukan untuk sains dan teknologi bagi sektor pertanian, perindustrian, sains sosial dan infrastruktur pembangunan sains dan teknologi di bawah Rancangan Malaysia Ke Lima ialah RM468.0 juta dan di bawah Rancangan Malaysia Ke Enam ialah RM1021.9 juta.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pecahan jumlah peruntukan pembangunan untuk sains dan teknologi (1986-1995) di bidang-bidang tertentu ialah seperti berikut:-

(RM Juta)	**RM5**	**RM6**
Direct R & D		
Pertanian	203.2	273.8*
Perindustrian	138.1	177.7
Sains Sosial	-	10.1
Perubatan**	33.1	59.8
Strategik**	39.4	78.6
Infrastruktur dan Pembangunan S & T	126.7	560.3
Jumlah	540.5	1160.3

* Peruntukan ini tidak termasuk ses untuk kegunaan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM).

** Kedua-dua sektor ini tidak diambil kira dalam jawapan yang disediakan oleh kerana tidak disentuh dalam soalan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH : 22 JULAI 1993

SOALAN

Y.B. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sebab mengapa tabung awam digunakan untuk membiayai projek saluran air bawah laut yang bernilai RM20 juta untuk kegunaan Redang Island Resort, sebahagian dari Kumpulan Berjaya, yang akan menggunakan 84% daripada jumlah air berkenaan;

(b) sama ada EIA telah dijalankan untuk projek saluran air bawah laut ini;

(c) mengapakah projek ini boleh diluluskan memandangkan masalah pembekalan air masih belum lagi dipertimbangkan ataupun diselesaikan; dan

(d) apakah jaminan yang akan diberikan oleh Kerajaan yang memastikan zon penampan (buffer zone) di antara padang golf yang dimajukan dengan kawasan pinggir laut tidak akan disentuh oleh pemaju memandangkan para pakar marin telah menyatakan bahawa inilah satu-satunya harapan untuk menyelamatkan ekosistem di sekitar pulau berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Adalah amalan biasa Kerajaan supaya menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk menggalakkan pertumbuhan perindustrian serta ekonomi. Projek bekalan air ini akan dapat memenuhi bukan sahaja keperluan bekalan air projek pelancongan RIR bahkan juga keperluan orang kampung dan industri-industri lain. Dalam hubungan ini, oleh kerana RIR merupakan

pengguna yang paling besar, syarikat ini telah bersetuju menyumbang sebahagian besar kepada kos pembangunan projek ini. Lagipun pada perbekalan kepada RIR nanti Kerajaan bercadang menyelaraskan syarat-syarat perbekalan dengan mengambilkira juga semua faktor-faktor lain yang sesuai dan berkenaan.

(b) Bagi cadangan projek saluran air dasar laut, aktiviti tersebut tidak tertakluk kepada kajian EIA;

(c) Laporan EIA bagi projek ini diluluskan berdasarkan cadangan bekalan air akan diperolehi dengan pembinaan empangan; dan

(d) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menetapkan syarat kelulusan laporan EIA merangkumi aktiviti penebangan pokok dan pembersihan kawasan hanya boleh dijalankan dalam kawasan pembinaan sahaja. Kawasan hutan di sekeliling kawasan pembinaan hendaklah dikekalkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HAJI ABD. HADI BIN HAJI AWANG
TARIKH	:	22 JULAI 1993

SOALAN

Y. B. Tuan Haji Abd. Hadi bin Haji Awang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) Berapakah jumlah pembiayaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Pusat untuk membekalkan air bersih melalui paip dasar laut dari tanah besar ke Pulau Redang, Terengganu; dan

(b) Apakah kesan projek tersebut terhadap Taman Laut yang telah diisytiharkan oleh pihak Kerajaan di persekitaran pulau tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah pembiayaan yang ditanggung oleh Kerajaan untuk membekalkan air bersih melalui paip dasar laut dari tanah besar ke Pulau Redang, Terengganu adalah seperti berikut:-

(i) Sumbangan Kerajaan Persekutuan:
'Grant' – RM3.7 Juta (20%)
Pinjaman – RM5.55 Juta (30%)

(ii) Sumbangan Kerajaan Terengganu:
– RM5.55 Juta (30%)

(iii) Sumbangan Redang Island Resort:
– RM3.7 Juta (20%)

(b) Adalah menjadi hasrat Kerajaan bahawa kerosakan ke atas Taman Laut tidak akan berlaku dan akan ditetapkan pada tahap yang minima bilamana tidak dapat dielakkan. Laluan paip di dasar lautan akan ditetapkan oleh Juruperunding Projek selepas kerja-kerja ukur dasar laut dibuat dengan mengambil kira kesan ke atas Taman Laut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TAN SENG GIAW
TARIKH	:	26 JULAI 1993

SOALAN

Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimana beliau akan menarik balik ke Malaysia pakar-pakar seperti saintis warga Malaysia yang bekerja di seberang laut. Apakah bilangan pakar-pakar dan profesional-profesional ini dan di manakah mereka berada. Apakah halangan-halangan yang menyebabkan mereka tidak dapat pulang. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh negara-negara seperti Korea Selatan dan Taiwan untuk merangsang pakar-pakar mereka kembali ke tanahair.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersama soalan-soalan yang dibangkitkan oleh:

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 29.7.93 dan
Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 2.8.93

mengenai penarikan balik saintis negara dari luar negeri.

Pada masa ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menyediakan cadangan menyeluruh bagi pertimbangan Kerajaan mengenai rancangan bagi menarik balik saintis-saintis negara yang sedang berkhidmat di luar negeri. Satu Jawatankuasa Induk telah diwujudkan bagi tujuan ini. Program penarikan balik saintis negara adalah antara langkah-langkah lain bagi menambahkan bilangan dan kualiti saintis-saintis di negara ini. Rancangan ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menggandakan kegiatan-kegiatan R & D khususnya sektor swasta. Pengambilan saintis-saintis tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan daya saing industri-industri tempatan.

Setakat ini, cara-cara bagi menarik balik saintis belum lagi ditetapkan dan belum mendapat kelulusan pihak berkenaan. Di samping itu, segala skim insentif yang dibentuk perlu dikaji dengan mendalam dan dirundingkan dengan majikan-majikan terlebih dahulu terutamanya di sektor swasta.

Mengenai bilangan saintis di luar negeri, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Wisma Putra, masih sedang mengumpul maklumat tersebut. Setakat ini, sebanyak 75 saintis dari lapan negara seperti Amerika Syarikat dan Itali telah dikenalpasti dan mereka ini terbabit dalam pelbagai bidang, umpamanya fiziks, matematik, komputer, kejuruteraan dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tidak wujudnya apa-apa halangan yang menyebabkan saintis-saintis negara tidak pulang ke tanahair. Di sebaliknya, Kerajaan pada masa ini menggalakkan mereka kembali ke negara untuk menyumbang kepada pembangunan negara keseluruhannya. Malah, sektor swasta sendiri mempunyai kebebasan mengambil saintis negara di luar negeri untuk memenuhi keperluan masing-masing di samping menawarkan pakej ganjaran masing-masing yang tersendiri.

Mengenai langkah-langkah yang diambil oleh negara lain seperti Korea untuk menarik balik saintis mereka kembali ke tanahair, langkah-langkah ini termasuk pemberian ganjaran-ganjaran yang menarik, perumahan percuma, pendapatan yang dikecualikan dari cukai, kemudahan-kemudahan penyelidikan dan bayaran insentif bagi kerja-kerja penyelidikan yang berjaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, penarikan balik saintis negara dari luar negeri adalah berasaskan kepada keperluan terutamanya permintaan dari sektor swasta bagi kepakaran-kepakaran tertentu. Oleh yang demikian, ramalan mengenai jumlah pengambilan saintis serta penetapan sasaran-sasaran pengambilan tidak dapat ditetapkan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. **Usaha-usaha menggandakan kegiatan R & D**

   - Perbelanjaan negara bagi R & D pada tahun 1989 adalah 0.8 peratus dari GNP, di mana lebih dari 80 peratus berasal dari sektor awam.

   - Sasaran bagi Rancangan Malaysia Ke Enam adalah untuk menggandakan perbelanjaan R & D ke tahap 1.6% dari GNP, di mana sumbangan sektor

swasta ditingkatkan kepada tahap 40% dan sumbangan sektor awam pada tahap 60%.

- Usaha-usaha Kerajaan bagi menggandakan kegiatan R & D termasuk:

  (i) memperbaiki dan memperkukuhkan institusi dan infrastruktur R & D sektor-sektor awam dan swasta;

  (ii) mencantumkan aktiviti-aktiviti penyelidikan sektor swasta di dalam rangka program R & D negara;

- Secara spesifik, usaha-usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) ke arah menggalakkan aktiviti-aktiviti R & D meliputi:

  (i) Sistem bantuan geran industri yang menggalakkan penyelidikan usahasama antara industri dan institusi penyelidikan Kerajaan. Skim ini membiayai hingga 50% daripada jumlah kos projek.

  (ii) Sistem Penyelidikan Berkontrak yang menggalakkan institusi-institusi penyelidikan menjalankan R & D secara berkontrak.

  (iii) Gabungan strategik antara Kerajaan dan industri di dalam penentuan keutamaan bagi projek-projek R & D. Ini akan menentukan supaya projek-projek R & D yang dijalankan oleh institusi-institusi penyelidikan awam adalah relevan dan berguna bagi industri.

2. Rundingan dengan majikan

Penarikan balik saintis negara dijalankan berdasarkan kepada keperluan spesifik firma/institusi penyelidikan. Pakej ganjaran dan insentif hendaklah dirundingkan antara firma dan saintis secara perseorangan. Kerajaan hanya berperanan sebagai "marriage broker" antara dua pihak. Bagi institusi-institusi penyelidikan awam yang ingin mengambil saintis, pakej ganjaran dan insentif hendaklan diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan terlebih dahulu, iaitu Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

3. Angka-angka mengenai 75 saintis yang dikenalpasti adalah seperti di dalam jadual yang dilampirkan.

SAINTIS MALAYSIA DI LUAR NEGERI

Bidang	Negara	Bilangan
Fiziks	Austria, Amerika Syarikat	4
Kimia	Brunei, Amerika Syarikat, Netherland	10
Kajihayat	Brunei, Nigeria, Amerika Syarikat	5
Pertanian	Itali, Oman, Filipina, Amerika Syarikat	5
Perikanan	Itali	1
Perhutanan	Itali	1
Matematik	Amerika Syarikat	2
Komputer	Amerika Syarikat, Netherland	5
Kejuruteraan	Amerika Syarikat, Nertherland	30
Kajibumi	Nertherland	10
Perubatan	Nertherland	2
	Jumlah:	75

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. **SUB BIDANG PENYELIDIKAN YANG DIKENALPASTI**

1.1 **Teknologi Pembuatan Termaju**

a. Flexible Manufacturing System
b. Machining
c. Mechatronic
d. Manufacturing System
e. Machine Tool Technology
f. Computer Integrated Manufacturer/ MRP III
g. CAD/CAM
h. Robotics

1.2 **Teknologi Bahan Termaju**

a. Ceramic Technology
b. Polymer/Plastic Technology
c. Advanced Material

1.3 **Mikroelektrik dan Teknologi Maklumat**

a. Teknologi Frekuensi dan Perkhidmatan Data
b. Soft-ware Development
c. Sistem Persuisan
d. Sistem Radio
e. Teknologi Semi-konduktor
f. Sistem Komputer
g. Pembangunan Produk
h. Kecerdasan Buatan/Robotik

1.4 **Bioteknologi/Teknologi Kimia**

a. Biologi Molekul dan Kejuruteraan Genetik
b. Bioteknologi Tumbuh-tumbuhan
c. Bioteknologi Haiwan
d. Bioteknologi Alam Sekitar dan Industri
e. Bioteknologi Perubatan
f. Komersialisasi
g. Biochemistry/Histochemist
h. Chemical Oncologist

1.5 **Tenaga**

a. Pengurusan Kuasa dan Tenaga
b. Teknologi Pembakaran
c. Kecekapan Penggunaan dan Penjimatan Tenaga
d. Perkembangan Penggunaan Teknologi Gas
e. Pembangunan Sumber Tenaga Baru dan Boleh Diperbaharui
f. Teknologi Baru seperti teknologi "fuel cell", hidrogen dan metanol

1.6 **Alam Sekitar**

a. Environment Impact Assessment/ Consideration In The Mineral Industry
b. Environment Engineer
c. Pengurusan dan Pembangunan Sumber
d. Perubahan Alam Sekitar (Kesan Rumah Hijau)

1.7 **Teknologi Makanan**

a. Pembungkusan Makanan
b. "Animal Physiologist"
c. Pemerosesan Terma Dalam Makanan Berasid Rendah
d. Teknologi Minyak dan Lemak
e. Analisis Vitamin
f. Mikrobiologi Makanan
g. Kimia Organan
h. "Mycology"

1.8 **Perubatan**

a. Pengurusan Teknologi Sedia Ada untuk Mengawal Penyakit
b. Penyelidikan Penyakit Tempatan
c. Penyelidikan Penyakit Berjangkit
d. Penyelidikan untuk Mengurangkan Morbiditi dan Mortaliti
e. Penyelidikan untuk Memenuhi Keperluan Pengubah Dasar dan Perancangan seperti transmigrasi, ubat-ubat pilihan serta pengurusan dan sumber penjagaan kesihatan.
f. Penyelidikan untuk Pembangunan Teknologi

2. Jumlah saintis di negara pada tahun 1989 (RM6) = 5,537 orang. Sub-profesyenal dan sokongan = 8,068 orang.

Ratio saintis kepada penduduk:

Malaysia	–	400 saintis/setiap juta
Sasaran Malaysia tahun 2000	–	1,000/juta penduduk
Jepun	–	6,500/juta penduduk
United Kingdom	–	3,200/juta penduduk
German Barat	–	3,000/juta penduduk
Korea Selatan	–	1,300/juta penduduk

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
TARIKH	:	26 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang:-

(b) apakah syarat-syarat lain untuk mengawal alam sekitar dan menyekat pencemaran bau, udara dan bunyi semasa satu projek perumahan dijalankan;

(d) adakah beliau sedar dan terlibat dalam arahan bahawa aduan penghuni-penghuni tentang pencemaran udara, bunyi dan bau oleh setengah syarikat seperti Medan Anika Sdn Bhd, di Melaka tidak dilayani kerana mempunyai hubungan dengan pemimpin tertinggi MCA.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi soalan (b), pada kebiasaannya sesuatu projek perumahan dikehendaki mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di buat di bawahnya seperti Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978

(d) Tuan Yang DiPertua, bagi soalan (d) saya ingin tegaskan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak terlibat dan tidak sedar terdapatnya arahan supaya tidak melayani aduan terhadap setengah syarikat yang mempunyai hubungan dengan pemimpin tertinggi MCA seperti syarikat Medan Anika Sdn Bhd.

Memang terdapat aduan-aduan masalah operasi jentera cerucuk di tapak pembinaan yang dimajukan oleh Medan Anika Sdn Bhd pada 1 dan 18 Jun 1993. Sebenarnya Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka/Negri Sembilan telah menjalankan siasatan. Oleh kerana perkara tersebut menyentuh masalah tapak pembinaan dan lebih berkesan diuruskan melalui syarat-syarat pemaju tapak, perkara tersebut telahpun dirujuk kepada penguasa tempatan Majlis Perbandaran Melaka untuk tindakan sewajarnya pada 8 Jun 1993.

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOALAN

Bagaimana aduan tersebut dikawal di bawah undang-undang/peraturan-peraturan itu?

JAWAPAN

Jika terdapat masalah bau, perkara tersebut perlu disiasat dan tindakan diambil bergantung kepada punca-punca yang berkaitan.

Pencemaran udara boleh dikawal dengan mencegah pembakaran terbuka seperti yang dilarang di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara bersih) 1974, loji-loji pembancuh simen diwajibkan memasang kelengkapan kawalan pencemaran udara seperti bag penapis dan sebagainya dan laluan lori-lori disembur dengan air bagi mengawal debu. Lori-lori yang keluar dari tapak pembinaan akan dibersihkan tayarnya terlebih dahulu.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN FOO PIEW KOK
TARIKH : 27 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya berpuashati dengan keberkesanan undang-undang untuk melindungi alam sekitar yang sedia ada sekarang, jika tidak, apakah kelemahan yang tetap dikenalpasti dan apakah cadangan dari Kementerian untuk mengatasi kelemahan ini.

JAWAPAN

Secara keseluruhannya Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan yang telah dibuat di bawahnya adalah berkesan dan lengkap untuk mencegah, menghapus dan mengawal pencemaran. Walau bagaimanapun, masalah alam sekitar pada masa kini merangkumi skop yang amat luas. Isu-isu berkaitan pencemaran dan perlindungan alam sekitar yang timbul dari semasa ke semasa menjadikan usaha-usaha pengurusan bertambah rumit. Berdasarkan keadaan ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah memulakan usaha mengulangkaji undang-undang alam sekitar yang sedia ada dan Jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas hal ini telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam langkah-langkah perundangan dan membuat syor-syor pindaan undang-undang yang sewajarnya.

Di antara syor-syor yang dibuat adalah mengadakan peruntukan yang lebih berkesan dalam melindungi eksploitasi sumber-sumber alam sekitar dan meningkatkan keupayaan langkah penguatkuasaan yang ada. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang mempertimbangkan syor-syor berkenaan dari segi kesesuaian dasar dengan melibatkan Kementerian-Kementerian lain yang berkaitan sebelum ianya dimaklumkan kepada Jemaah Menteri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH	:	27 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Harrison Ngau Laing meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap Syarikat Binu Plantation Sdn. Bhd., RH Plantation Sdn. Bhd., Timrest Sdn. Bhd. dan Nadi Pelita Sdn. Bhd. yang telah melanggar Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 kerana menjalankan kegiatan pembukaan tanah yang luas di kawasan Baram, Bahagian Miri, Sarawak tanpa mengambil kebenaran Jabatan Alam Sekitar dan tanpa menjalankan kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) terhadap kegiatan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod Jabatan Alam Sekitar, kesemua penggerak projek skim pertanian berikut: Syarikat Binu Plantation Sdn. Bhd., RH Plantation Sdn. Bhd. dan Timrest Sdn. Bhd. telah dimaklumkan secara bertulis bahawa projek-projek mereka dikehendaki menjalankan kajian EIA sebelum pelaksanaan projek sepertimana ditetapkan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Setakat ini, penggerak-pengerak tersebut belum mengemukakan laporan EIA masing-masing. Walau bagaimanapun sehingga kini, RH Plantation Sdn. Bhd. dan Timrest Sdn. Bhd. telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak untuk mendapatkan penjelasan tentang keperluan dan cara-cara untuk menjalankan kajian EIA bagi kedua-dua projek berkenaan.

Berhubung dengan Syarikat Nadi Pelita Sdn. Bhd. dimaklumkan bahawa syarikat ini adalah anak syarikat kepada Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA). Jabatan ini telahpun membuat susulan secara bertulis dan telah mengadakan perbincangan dengan LCDA untuk memberi penjelasan tentang keperluan pelaksanaan EIA untuk semua projek LCDA dan anak syarikatnya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	27 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan;

(a) Walaupun soalan-soalan telah saya bangkitkan di dewan ini, mengapakah tiada tindakan yang diambil untuk mengawal serta memberhentikan pencemaran udara akibat debu-debu sisa kayu, asap dengan kabut serta kilang makanan binatang di kawasan perindustrian Upper Lanang di Jalan Lanang Atas, Sibu.

(b) Adakah Kementerian beliau bersedia untuk pergi ke tempat itu untuk mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk tempatan bagi mengatasi masalah ini; dan

(c) Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengawal pencemaran itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjawab soalan (a), saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tanpa soalan-soalan yang dibangkitkan daripada Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah sedia maklum mengenai masalah-masalah tersebut dan tindakan telahpun diambil terhadap kilang-kilang yang menyebabkan masalah pencemaran di kawasan tersebut.

Terdapat 19 buah kilang berasaskan kayu dan satu buah kilang membuat baja ikan yang terletak di kawasan tersebut. Dari jumlah 19 buah kilang berasaskan kayu, 9 buah kilang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37,

Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 supaya membina insinerator yang baru di mana rekabentuknya telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar bagi menggantikan insinerator lama jenis "'tee-pee" yang menyebabkan masalah pelepasan habuk dan asap berlebihan. Berikutan notis arahan tersebut, 3 buah kilang telah menyiapkan dan mengendalikan insinerator baru dan 6 buah kilang lagi masih di peringkat pembinaan. Bagi 10 kilang yang selebihnya, 2 buah kilang adalah kilang baru yang telah dilengkapkan dengan insinerator baru yang diluluskan rekabentuknya oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar manakala 8 buah kilang didapati mengamalkan pelupusan sisa buangan yang teratur secara pelupusan ke tapak pelupusan Majlis Tempatan atau menggunakan sisa buangan tersebut untuk bahanapi dandang.

Bagi kilang memproses makanan binatang khususnya dari sisa ikan, Notis Arahan menghendaki pekilang memasang alat kawalan pencemaran bagi mengatasi masalah bau telah dikeluarkan. Rekod menunjukkan pekilang telah mematuhi arahan tersebut.

Bagi menjawab soalan (b), pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa bersedia dan telahpun mengadakan beberapa siri dialog dengan penduduk-penduduk kawasan tersebut dan pihak "Sarawak Timber Association" di mana bekas Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar iaitu Y. Bhg. Datuk Amar Stephen Yong dengan pegawai-pegawai kanan Jabatan Alam Sekitar telahpun menghadiri sesi dialog tersebut yang bertarikh 10 Julai 1989, 14 Ogos 1990, 2 September 1990, 5 Disember 1990, 2 Mei 1991, dan 9 September 1992.

Bagi menjawab soalan (c), Tindakan-tindakan susulan yang akan diambil untuk mengawal masalah pencemaran ini ialah melalui tindakan penguatkuasaan yang berterusan bagi memastikan pekilang-pekilang mematuhi setiap arahan dan perintah yang dikeluarkan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya dipatuhi.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Tindakan susulan telah dilaksanakan di mana sejumlah 54 tawaran kompaun yang berjumlah RM 27,000 telah dikenakan terhadap kilang-kilang di kawasan tersebut, di atas kesalahan-kesalahan melakukan pembakaran terbuka dan melepaskan asap hitam yang berlebihan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
TARIKH : 28 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah benar Kementerian tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan mengambil tindakan ke atas sebarang pencemaran dan kalau ia, adakah dicadangkan memberikan kuasa kepada Jabatan Alam Sekitar;

(b) apakah keputusan pihak Kerajaan tentang pusat sisa toksid di Bukit Nanas, Negeri Sembilan dan adakah keputusan ini dipersetujui oleh EXCO Negri Sembilan;

(c) adakah bantahan telah dibuat oleh Ahli Parlimen Rasah Datuk Wong See Wah mengenai cadangan ini dan adakah beliau sekarang berpuashati dengan keputusan ini atau tidak;

(d) apakah pampasan yang akan dibayar oleh mereka yang terjejas; dan

(e) mengapakah pihak Kerajaan menindas penghuni-penghuni di sekitar Bukit Nanas dengan tidak membenarkan masalah mereka diutarakan di media massa atau saluran lain.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai soalan (a), kuasa penguatkuasaan ke atas pencemaran memang ada dengan Jabatan Alam Sekitar seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (pindaan) 1985 dan peraturan-peraturan di bawahnya;

Mengenai soalan (b), Pihak Kerajaan Pusat telah memperakukan kelulusan projek ini. Projek ini sekarang dalam pertimbangan Kerajaan Negri Sembilan;

Mengenai soalan (c), keputusan dibuat adalah melalui pungutan suara;

Mengenai soalan (d), tiada apa yang hendak dibayar kerana tiada apa yang terjejas; dan

Mengenai soalan (e), aduan bahawa pihak Kerajaan menindas penghuni-penghuni di sekitar Bukit Nanas adalah tidak benar. Beberapa siri dialog telah diadakan bagi membincangkan masalah yang dihadapi.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Bilakah laporan EIA diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar?

JAWAPAN

Secara rasmi ianya belum diluluskan lagi. Laporan tersebut telah diperakukan untuk diluluskan, walau bagaimanapun ianya masih menunggu persetujuan dari Y.B. Menteri.

2. Apakah syarat-syarat utama kelulusan EIA tersebut.

JAWAPAN

Syarat-syarat yang telah dicadangkan adalah meliputi perkara-perkara berikut:

(i) konsep projek;
(ii) konsep rekabentuk tapak pelupusan selamat;
(iii) kawalan kerja tanah;
(iv) kawalan keselamatan dan kecemasan;
(v) keselamatan pengangkutan;
(vi) kawalan kualiti air;
(vii) kawalan kualiti udara;
(viii) kawalan bunyi bising;
(ix) pengawasan alam sekitar; dan
(x) prosedur pentadbiran.

3. Apakah komponen Projek dan keupayaannya?

JAWAPAN

Kemudahan ini merangkumi kemudahan loji pengolahan, penunu buangan terjadual, penstoran, tapak pelupusan selamat dan loji penstabilan yang berkapasiti seperti berikut:-

	Kemudahan	**Kapasiti Maksimum**
(i)	Penstoran	12,400 m3
(ii)	Penstoran Sementara (1 tahun)	30,000 tan
(iii)	Loji Pengolahan	42,000 tan/tahun
(iv)	Penunu Buangan Terjadual	25,000 tan/tahun
(v)	Loji Penstabilan	161,250 tan/tahun
(vi)	Tapak Pelupusan Selamat	363,000 tan/tahun

4. Jumlah perbelanjaan projek terlibat.

JAWAPAN

Jumlah perbelanjaan yang terlibat adalah sebanyak RM 350 juta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH : 28 JULAI 1993

SOALAN

Y.B. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sehingga kini, beberapa dari jumlah 4.921 ha. tanah hutan, di "Kuala Langat North Forest Reserve" yang telah dibersihkan; dan

(b) apakah keputusan kajian EIA yang telah dijalankan untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Kuala Lumpur di Sepang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, mengenai Hutan Simpan Kuala Langat Utara adalah di luar bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya cadangkan Ahli Yang Berhormat berkenaan merujuk perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, memandangkan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Bagi menjawab soalan (b) pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Terperinci Kajian EIA untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang telahpun dikemukakan oleh Kementerian Pengangkutan selaku penggerak projek, kepada Jabatan Alam Sekitar. Satu Panel Pakar ad hoc juga telah ditubuhkan untuk mengkaji laporan tersebut. Walau bagaimanapun, keputusan mengenai laporan terperinci EIA ini belum dibuat. Buat masa ini, perbincangan oleh ahli-ahli Panel 'ad hoc' tersebut adalah dalam peringkat akhir.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SHAHIDAN KASSIM
TARIKH : 28 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Shahidan Kassim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan mengapa Kerajaan memberi pelepasan kepada pembuat tembikar dalam mencemarkan udara. Apakah sebab-sebab yang membolehkan industri ini berbuat begitu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri tembikar merupakan salah satu industri sokongan kepada proses perkembangan industri negara. Industri ini dikategorikan sebagai industri tradisional yang menggunakan sumber-sumber tempatan (local resources). Masalah pencemaran alam sekitar yang berkaitan dengan industri tembikar ialah mengenai pelepasan asap tebal hasil dari penggunaan bahan buangan kayu sebagai bahanapi.

Walau bagaimanapun, penggunaan buangan kayu sebagai bahanapi merupakan satu amalan yang baik untuk mengelakkan kejadian pembakaran terbuka. Ini juga bermakna akan mengurangkan sisa-sisa buangan dari industri kayu kayan. Setakat ini pihak industri telah diminta untuk membuat kajian berhubung cara yang terbaik bagi mengurangkan pelepasan asap hitam yang berlebihan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pihak industri tembikar di Negeri Perak melalui pihak persatuan telah mengemukakan satu pelan konkrit untuk menjalankan penyelidikan dan kajian dalam menggunakan teknologi baru bagi pengawalan pelepasan asap, di mana kajian ini

memerlukan satu jangkamasa yang panjang untuk disiapkan dan pihak industri tembikar pula memerlukan satu tempoh baru untuk mencapai tahap pematuhan sepenuhnya terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Bagi memudahcarakan pencapaian pematuhan tersebut, pengeluaran lesen pelanggaran telah dikeluarkan dalam tempoh kajian dilaksanakan. Pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan sebanyak 33 lesen pelanggaran kepada pihak industri tembikar Negeri Perak sehingga Julai 1993. Setakat ini kajian telahpun selesai dijalankan dan didapati berjaya untuk mengatasi masalah tersebut, dan akan dilaksanakan pemakaiannya bagi kilang-kilang di seluruh negeri Perak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH : 28 JULAI 1993

SOALAN

Ucapan Penangguhan Dr. Kua Kia Soong, Ahli Parlimen Kawasan Petaling Jaya, untuk 28 Julai 1993, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Pembangunan Pelancongan dan Rekreasi Di Lot 292K dan 293K (Parcel IV), Mukim Pulau Redang, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu telah diluluskan pada 15 Mac 1991. Menyedari tentang sensitiviti Pulau Redang, beberapa syarat kelulusan tambahan telah dikenakan kepada pemaju pada 28 Oktober 1991.

Kemusnahan terumbu karang boleh disebabkan oleh beberapa faktor dan salah satu sebab adalah bertambahnya pemendapan mendakan ke atas terumbu karang. Kemusnahan terumbu karang di Pulau Redang yang disebabkan oleh mendakan belum dapat dikenalpasti sama ada berpunca daripada pembangunan pelancongan dan rekreasi atau pembangunan lain yang terdapat di pulau tersebut. Satu kajian bersama akan diadakan pada awal September 1993 dengan kerjasama Unit Tenaga Nuklear dan Fakulti Perikanan UPM, mencari jalan bagi memastikan kemusnahan terumbu karang dapat diatasi.

Berhubung dengan penebusgunaan kawasan paya bakau, pemaju mengikut seperti syarat kelulusan EIA iaitu hanya membangunkan seluas 7 ekar di atas lot PT 293K. Sehubungan dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat, bahawa pemaju telah membangunkan lebih daripada 7 ekar kawasan paya bakau, ingin dijelaskan di sini memang pemaju telah membangunkan lebih daripada 7 ekar tetapi bukan di atas lot PT 293K seperti yang disyaratkan dalam kelulusan EIA.

Mengenai perbelanjaan sebanyak RM 20 juta untuk membina saluran air bawah laut, Kementerian ini tidak ada kaitan langsung terhadap pelaksanaan projek tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut tidak tertakluk kepada kajian EIA.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN FONG KUI LUN
TARIKH	:	29 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kedudukan rancangan mendirikan loji memproses bahan toksid di Bukit Pelanduk, Negri Sembilan dan apakah cadangan-balas Kerajaan di atas bantahan para penduduk di kawasan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah memperakukan supaya projek pengolahan dan pelupusan buangan industri yang dicadangkan di Bukit Nanas, Negri Sembilan diluluskan. Buat masa sekarang, Kerajaan Negri Sembilan belum lagi membuat keputusan muktamad mengenai tapak cadangan berkenaan. Oleh yang demikian buat masa ini soal mencari tapak cadangan alternatif tidak timbul.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD
TARIKH	:	29 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah tahap pencemaran sungai di negara ini terjamin kerana kebanyakan kes taun yang melanda negara berpunca dari pencemaran sungai.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhan kualiti air sungai di negara ini masih di dalam tahap yang memuaskan walaupun kualitinya merosot sedikit. Ini berdasarkan pengawasan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar. Namun demikian, Jabatan Alam Sekitar tidak menjalankan pengawasan virus taun kerana ia bukan di bawah bidang kuasa Jabatan ini. Jabatan Alam Sekitar hanya terlibat dalam usaha mengawasi tahap pencemaran dan kualiti air sungai di negara kita yang disebabkan oleh banyak punca pencemaran seperti dari kerja tanah dan penggunaan tanah, pembuangan sisa-sisa domestik dan industri, dan bahan-bahan buangan haiwan.

Penyelesaian masalah pencemaran sungai melibatkan kerjasama berbagai agensi Kerajaan dan juga kesedaran masyarakat awam untuk bersama-sama memastikan tahap kebersihan sungai terjamin.

Semua usaha yang melibatkan semua pihak boleh mengurangkan/mengelakkan pencemaran sungai dan juga kes taun untuk berlaku.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
TARIKH	:	29 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimanakah Kerajaan bercadang menjalani satu program 'reverse brain-drain' untuk menarik kembali profesional Malaysia, khususnya saintis, yang telah berhijrah ke luar negeri untuk kembali ke Malaysia bagi berkhidmat dalam program pembangunan Negara, dengan menyatakan jumlah kewangan, matlamat bilangan tahunan dan jumlah keseluruhan profesional yang ditetapkan untuk dibawa kembali dan objektif program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Ke arah mencapai taraf perindustrian negara menjelang tahun 2020, keperluan bagi mengadakan sumber-sumber tenaga manusia yang terlatih dan mahir, termasuk saintis, sangatlah penting. Oleh yang demikian, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menyediakan cadangan menyeluruh bagi pertimbangan Kerajaan mengenai rancangan bagi menarik balik saintis-saintis negara yang sedang berkhidmat di luar negeri. Satu Jawatankuasa Induk telah diwujudkan bagi tujuan ini. Program penarikan balik saintis negara adalah antara langkah-langkah lain bagi menambahkan bilangan dan kualiti saintis-saintis di negara ini. Rancangan ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menggandakan kegiatan-kegiatan R & D khususnya oleh sektor swasta. Di samping itu, pengambilan saintis-saintis tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan daya saing industri-industri tempatan.

Setakat ini, cara-cara bagi menarik balik saintis belum lagi ditetapkan dan belum mendapat kelulusan pihak berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, penarikan balik saintis negara dari luar negeri adalah berasaskan kepada keperluan terutamanya permintaan dari sektor swasta bagi kepakaran-kepakaran tertentu. Oleh yang demikian, ramalan mengenai jumlah pengambilan saintis serta penetapan sasaran-sasaran pengambilan tidak dapat diadakan.

SAINTIS MALAYSIA DI LUAR NEGERI

Bidang	Negara	Bilangan
Fiziks	Austria, Amerika Syarikat	4
Kimia	Brunei, Amerika Syarikat, Netherland	10
Kajihayat	Brunei, Nigeria, Amerika Syarikat	5
Pertanian	Itali, Oman, Filipina, Amerika Syarikat	5
Perikanan	Itali	1
Perhutanan	Itali	1
Matematik	Amerika Syarikat	2
Komputer	Amerika Syarikat, Netherland	5
Kejuruteraan	Amerika Syarikat, Nertherland	30
Kajibumi	Nertherland	10
Perubatan	Nertherland	2
	Jumlah:	75

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. **SUB BIDANG PENYELIDIKAN YANG DIKENALPASTI**

1.1 **Teknologi Pembuatan Termaju**

a. Flexible Manufacturing System
b. Machining
c. Mechatronic
d. Manufacturing System
e. Machine Tool Technology
f. Computer Integrated Manufacturer/ MRP III
g. CAD/CAM
h. Robotics

1.2 **Teknologi Bahan Termaju**

a. Ceramic Technology
b. Polymer/Plastic Technology
c. Advanced Material

1.3 **Mikroelektronik dan Teknologi Maklumat**

a. Teknologi Frekuensi dan Perkhidmatan Data
b. Soft-ware Development
c. Sistem Persuisan
d. Sistem Radio
e. Teknologi Semi-konduktor
f. Sistem Komputer
g. Pembangunan Produk
h. Kecerdasan Buatan/Robotik

1.4 **Bioteknologi/Teknologi Kimia**

a. Biologi Molekul dan Kejuruteraan Genetik
b. Bioteknologi Ttumbuh-tumbuhan
c. Bioteknologi Hhaiwan
d. Bioteknologi Alam Sekitar dan Industri
e. Bioteknologi Perubatan
f. Komersialisasi
g. Biochemistry/Histochemist
h. Chemical Oncologist

1.5 **Tenaga**

a. Pengurusan Kuasa dan Tenaga
b. Teknologi Pembakaran
c. Kecekapan Penggunaan dan Penjimatan Tenaga
d. Perkembangan Penggunaan Teknologi Gas
e. Pembangunan Sumber Tenaga Baru dan Boleh Diperbaharui
f. Teknologi Baru seperti teknologi "fuel cell", hidrogen dan metanol

1.6 **Alam Sekitar**

a. Environment Impact Assesment/
Consideration In The Mineral Industry
b. Environment Engineer
c. Pengurusan dan Pembangunan Sumber
d. Perubahan Alam Sekitar (Kesan Rumah Hijau)

1.7 **Teknologi Makanan**

a. Pembungkusan Makanan
b. "Animal physiologist"
c. Pemerosesan Terma Dalam Makanan Berasid Rendah
d. Teknologi Minyak dan Lemak
e. Analisis Vitamin
f. Mikrobiologi Makanan
g. Kimia Organan
h. "Mycology"

1.8 **Perubatan**

a. Pengurusan Teknologi Sedia Ada untuk Mengawal Penyakit
b. Penyelidikan Penyakit Tempatan
c. Penyelidikan penyakit Berjangkit
d. Penyelidikan untuk Mengurangkan Morbiditi dan Mortaliti
e. Penyelidikan untuk Memenuhi Keperluan pengubah Dasar dan Perancangan seperti transmigrasi, ubat-ubat pilihan serta pengurusan dan sumber penjagaan kesihatan
f. Penyelidikan untuk Pembangunan Teknologi

2. Jumlah saintis di negara pada tahun 1989 (RM6) = 5,537 orang. Sub-profesyenal dan sokongan = 8,068 orang.

Ratio saintis kepada penduduk:

Malaysia	–	400 saintis/setiap juta
Sasaran Malaysia tahun 2000	–	1,000/juta penduduk
Jepun	–	6,500/juta penduduk
United Kingdom	–	3,200/juta penduduk
German Barat	–	3,000/juta penduduk
Korea Selatan	–	1,300/juta penduduk

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN KARPAL SINGH
TARIKH	:	29 JULAI 1993

SOALAN

Tuan Karpal Singh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kedudukan Kerajaan berkenaan dengan pemprosesan bahan buangan industri dan kemudahan pembuangan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah merangka dan melaksanakan tiga strategi utama untuk menangani masalah pemprosesan bahan buangan industri di negara ini. Strategi pertama ialah dengan menggalakkan pertumbuhan industri yang menggunakan teknologi bersih dan kurang menghasilkan sisa terutama sekali buangan berbahaya. Seboleh mungkin pihak industri juga digalakkan mengamalkan penggunaan semula buangan. Strategi kedua pula ialah dengan mewajibkan pihak industri mengadakan sistem pengolahan buangan industri sendiri seperti yang dikehendaki di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan 1985). Strategi ketiga ialah untuk membantu industri-industri yang kurang berkemampuan untuk merawat atau melupuskan buangan mereka sendiri, Kerajaan telah merancang untuk mendirikan kemudahan bersepadu bagi mengolah dan melupuskan buangan terjadual seperti yang dicadangkan di Bukit Nanas, Negri Sembilan. Kemudahan yang dicadangkan tersebut dijangka dapat mengendalikan semua jenis buangan terjadual yang dihasilkan di negara ini.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Apakah jenis-jenis industri yang bersih?

   Jawapan

   Contoh-contoh industri yang bersih adalah seperti berikut:-

   i) Kilang Pembungkusan;

   ii) Kilang Plastik;

   iii) Kilang pemasangan radio, telivisyen atau peralatan komunikasi; dan

2. Apakah jenis-jenis industri yang kotor?

   Jawapan

   i) Kilang sadur elektrik yang kecil; dan

   ii) Kilang pemerosesan logam.

3. Berapakah tindakan mahkamah/kompaun dan jenis hukuman bagi kesalahan buangan terjadual.

   Jawapan

   Dalam tempoh 1 Mei 1989 hingga 30 Jun 1993 jumlah 675 kes. Jenis kesalahannya adalah seperti berikut:-

Kes Kompaun	–	675
Kes Gantung Lesen	–	2

   Perincian jenis-jenis kesalahan :

–	gagal menyimpan rekod	–	152
–	melupuskan buangan di tempat yang tidak dilesen	–	145
–	gagal menstor buangan dengan teratur	–	114
–	tidak memberi label kepada buangan yang distor	–	82
–	tidak menyampaikan maklumat tentang jenis dan pengeluar buangan	–	67
–	kes-kes lain	–	167

Kilang-kilang yang sering melanggar undang-undang ialah :

- kilang asas logam
- kilang sadur elektrik
- kilang pembungkusan


4. Berapakah jumlah buangan terjadual yang dihasilkan dan apakah jenis-jenis utama yang paling berbahaya.

Jawapan

Jumlah buangan yang dihasilkan di Malaysia adalah 380,000 meter padu setahun. Jenis-jenis buangan yang utama adalah seperti Lampiran A.

Waste Categories

LAMPIRAN A



Source: Dames & Moore, 1988

Figure 2. Malaysia: Scheduled Waste Generation According to Major Waste Categories, 1987.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI ABD. HADI BIN HAJI AWANG

SOALAN

Tuan Haji Abd. Hadi bin Haji Awang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah benar laporan yang menyatakan bahawa terdapat sisa-sisa toksid yang dibuang di dalam kawasan janakuasa elektrik Paka, Terengganu yang boleh menjejaskan kesihatan pekerja-pekerja di situ;

(b) apakah tidak ada suatu kawasan yang telah dikhususkan untuk tujuan tersebut; dan

(c) sekiranya dakwaan ini berasas, apakah tindakan-tindakan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat bagi jawapan soalan (a), dari beberapa lawatan penguatkuasaan ke atas premis Janakuasa Elektrik Paka, adalah didapati bahawa laporan/dakwaan mengatakan terdapat sisa-sisa toksik dibuang dalam premis tersebut tidak berasas. Buangan yang dihasilkan di premis tersebut adalah hanya minyak hitam (minyak pelincir).

Mengenai soalan (b), untuk makluman Yang Berhormat buangan minyak tersebut jika perlu boleh dihantar ke pusat pengolahan dan pelupusan buangan industri di Bukit Nanas yang akan dibina sebagai kompleks untuk mengolah dan melupuskan buangan industri.

Mengenai soalan (c) ianya tidak berkaitan.

SOALAN TAMBAHAN

(i) Apakah buangan yang dihasilkan di stesen Janakuasa Elektrik Paka dan apakah cara pengendaliannya sekarang?

JAWAPAN

Buangan yang dihasilkan ialah buangan minyak pelincir (used oil) dan effluen. Buangan minyak yang dikeluarkan sekarang sebanyak 2600 liter sebulan dipungut dan dimasukkan ke dalam tong dan disimpan di dalam premis tersebut. Bagi effluen, ianya diolah (neutralkan) terlebih dahulu sebelum dilepaskan ke dalam alurair.

SOALAN TAMBAHAN

(ii) Apakah bahayanya minyak pelincir?

JAWAPAN

Minyak pelincir tidak menjejaskan kesihatan manusia atau pekerja. Bahan ini akan mencemar alam sekitar sekiranya ia tumpah atau dilupuskan secara sebarangan.

SOALAN TAMBAHAN

(iii) Bilakah penyiasatan ke atas premis tersebut dilakukan?

JAWAPAN

Penyiasatan dilakukan pada 19 Januari 1993 dan 14 Julai 1993.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN KARPAL SINGH
TARIKH	:	2 OGOS 1993

SOALAN

Tuan Karpal Singh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menarikbalik ahli-ahli sains dari luar negeri dalam bidang "biotechnology", elektronik, teknologi maklumat dan bahan-bahan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada masa ini sedang berusaha menyediakan cadangan program bagi menarik balik saintis negara dari luar negeri untuk kembali berkhidmat. Program ini adalah antara langkah-langkah lain bagi menambahkan bilangan dan kualiti saintis-saintis di negara ini.

Bidang-bidang kepakaran yang telah dikenalpasti adalah bidang-bidang yang diberi keutamaan di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Perindustrian Teknologi iaitu, teknologi pembuatan termaju, teknologi bahan termaju, mikroelektronik dan teknologi maklumat, bioteknologi dan tenaga.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN JOSEPH VOON SHIN CHOI
TARIKH : 3 OGOS 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Joseph Voon Shin Choi minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah Kementerian sedar tentang masalah pencemaran laut di kawasan penduduk rumah air dan kawasan perindustrian disebabkan sikap masyarakat yang tidak mahu menjaga kebersihan walaupun tong-tong sampah telah disediakan dan akibat pengaliran sisa-sisa kilang dari kawasan perindustrian di Malaysia;

(b) adakah disedari bahawa pencemaran laut berlaku dari sisa-sisa pembuangan penduduk rumah air dan sisa kilang telah mengancam kehidupan laut dan kehidupan nelayan-nelayan pantai bergantung kepada kerja penangkapan kehidupan laut; dan

(c) tindakan atau denda diambil oleh Kementerian bagi mencegah pencemaran laut berpunca dari sikap masyarakat sendiri serta sisa-sisa kilang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang menyedari berlakunya masalah pencemaran laut. Pencemaran laut berlaku adalah berpunca daripada buangan bahan pepejal daripada kawasan penduduk rumah air. Berdasarkan data pengawasan kualiti air dari Jabatan Alam Sekitar, pencemaran air laut oleh sisa-sisa industi adalah rendah.

(b) Kementerian juga menyedari sisa-sisa pembuangan penduduk rumah air dan sisa kilang akan mengancam kehidupan laut dan kehidupan nelayan-nelayan pantai. Kejadian ini, bukan sentiasa berlaku dan hanya berlaku pada tempat yang tertentu sahaja.

(c) Kementerian ini, tidak dapat bertindak ke atas penduduk-penduduk rumah air kerana ianya bukan di bawah bidangkuasa Kementerian ini. Bagi sisa-sisa industri, status pematuhan pihak industri pada masakini adalah memuaskan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN G. PALANIVEL
TARIKH	:	3 OGOS 1993

SOALAN

Y.B. Tuan G. Palanivel minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah persediaan awal yang telah diambil di bawah Kementeriannya bagi mengelakkan sebarang masalah pencemaran alam sekitar di kawasan Hulu Selangor memandangkan terdapat banyak projek pembangunan tanah yang pesat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui agensinya, Jabatan Alam Sekitar, telah mengambil langkah-langkah awal bagi mengelakkan sebarang masalah pencemaran di Hulu Selangor seperti berikut:-

(i) Mempastikan projek-projek pembangunan, termasuk projek pembangunan tanah, yang merupakan aktiviti yang ditetapkan telah membuat laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) sebelum diluluskan dan kerja-kerja dimulakan. Langkah-langkah tebatan untuk meminimumkan kesan pencemaran telah dikenalpasti untuk diambil tindakan oleh pemaju. Sebanyak 11 projek terbabit iaitu kawasan perindustrian/perumahan (6), kilang (2), kuari (1), projek bekalan air (1) dan golf (1).

(ii) Mengarahkan pemaju-pemaju projek pembangunan tanah yang baru seperti Pembangunan Tanah Ladang FELDA Sungai Buaya dan Pembangunan "Ulu Yam Heights" membuat laporan EIA untuk diluluskan sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.

(iii) Mengenakan langkah kawalan dan pemasangan peralatan mengawal pencemaran ke atas projek-projek dan kilang-kilang yang bukan aktiviti yang ditetapkan. Syarat-syarat ini dikenakan ke atas projek atau kilang melalui Pihak Berkuasa yang berkenaan seperti Majlis Daerah Hulu Selangor dan Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor, dan secara terus kepada pemaju.

(iv) Menjalankan program pengawasan ke atas Sungai Selangor secara berterusan untuk menentukan kualiti sungai tidak merosot.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' DR. AFFIFUDDIN BIN HAJI OMAR
TARIKH	:	18 OKTOBER 1993

SOALAN

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kedudukan pencemaran alam negara sebenarnya. Adakah benar kebanyakan sungai-sungai di negara ini telah "mati". Apakah undang-undang alam sekitar tidak dapat dikuatkuasakan dan apakah sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran alam sekitar di negara ini secara keseluruhannya berada dalam keadaan yang terkawal.

Kenyataan bahawa kebanyakan sungai di negara ini telah "mati" adalah tidak benar. Daripada 87 lembangan sungai utama yang diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar di negara ini, hanya 7 lembangan sungai yang dikategorikan sebagai sangat tercemar. Walaupun begitu, sungai-sungai tidaklah tercemar pada keseluruhannya di mana bahagian-bahagian tertentu terutama di bahagian hulu sungai atau kawasan tadahan masih lagi bersih dan sesuai untuk pelbagai kegunaan termasuklah bekalan air minuman.

Berkenaan dengan undang-undang alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar sentiasa menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya termasuklah peraturan-peraturan yang berkaitan dengan kawalan pencemaran air. Sehingga kini pencemaran air daripada perlepasan effluen perindustrian didapati dalam keadaan terkawal.

Bagi punca-punca pencemaran air yang lain, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa bekerjasama dan menasihati agensi-agensi kerajaan yang lain bagi mengawalnya berdasarkan kepada peruntukan undang-undang tertentu

seperti Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Kod Tanah Negara, 1965, Akta Pemuliharaan Tanah, 1960, Akta Bangunan, Pengairan dan Jalan, 1974, Enakmen-enakmen Negeri dan sebagainya.

MAKLUMAT TAMBAHAN

a. Sungai-sungai Yang Sangat Tercemar
Terdapat sebanyak 7 lembangan sungai yang sangat tercemar di Malaysia iaitu :-

i. Sungai Ibai (Terengganu)
ii. Sungai Jejawi (Pulau Pinang)
iii. Sungai Sepang (Selangor)
iv. Sungai Juru (Pulau Pinang)
v. Sungai Buloh (Selangor)
vi. Sungai Kelang (Selangor/Kuala Lumpur)
vii. Sungai Air Baloi (Johor)

Kriteria yang digunakan untuk mengkategorikan sungai-sungai adalah berdasarkan kepada Indeks Kualiti Air (Water Quality Index). Pengiraan Indeks ini akan mengkategorikan sungai-sungai kepada sangat tercemar (0-59), sedikit tercemar (60-80) dan bersih (81-100)

b. Parameter-parameter Yang Diawasi oleh JAS
Terdapat 4 kumpulan utama parameter kualiti air yang diawasi oleh JAS iaitu :-

i. Parameter umum:
Oksigen Terlarut, pH, Konduktiviti, Saliniti, Turbiditi dan Suhu (diukur secara in situ), Keperluan oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Pepejal Terampai, Ammoniakal Nitrogen, Nitrat dan Fosfat.

ii. Parameter Mikrobiologi :
Jumlah Koliform dan Koliform Najis

iii. Logam Berat:
Aluminium, Arsenik, Boron, Kadmium, Kalsium, Kromium, Tembaga, Besi, Plumbum, Magnesium, Raksa, Salenium, Natrium dan Zink.

iv. Parameter-parameter Lain:
Klorida, Minyak dan Gris, Detergen, Fenol, Pestisid, Organoklorin (bagi beberapa sungai tertentu sahaja).

c. Kes-kes Pencemaran Air Yang Dikompaun/Dibadapkan Di Mahkamah.

i. Di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, terdapat 42 kes yang didakwa pada tahun 1992 bagi kesalahan melepaskan bahan buangan ke dalam sungai tanpa lesen.

ii. Berdasarkan Peraturan 8, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979, terdapat 6 kes yang didakwa atas kesalahan membuang effluen melebihi had yang dibenarkan.

d. Kerjasama Jabatan Alam Sekitar Dengan Agensi-agensi Lain Untuk Membersihkan Sungai.

i. Program 10 tahun Pembersihan Sungai Kelang.
Program ini adalah satu program yang bersepadu dan menyeluruh di mana ia melibatkan beberapa agensi Kerajaan iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Kelang, Majlis Perbandaran Shah Alam, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis-majlis Daerah di seluruh Lembah Kelang, Jabatan Haiwan, Jabatan Penerangan dan beberapa agensi lain. Program ini telah bermula sejak 1992 di mana ia bertujuan membersihkan sungai dari segala pencemaran serta memulihkannya supaya menjadi sumber air yang berguna kepada Lembah Kelang selaras dengan matlamat pembangunan sumber negara hingga ke tahun 2000.

ii. Kempen 'Cintailah Sungai Kita'
Kempen 'Cintailah Sungai Kita' telah dilancarkan pada Februari 1993 di mana selain dari Jabatan Alam Sekitar, ia melibatkan beberapa agensi Kerajaan yang lain iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perikanan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Kesihatan, dan beberapa agensi-agensi lain serta badan-badan bukan Kerajaan (NGO). Tujuan kempen ini ialah mewujudkan kesedaran tentang pentingnya sungai dalam kehidupan setiap individu bagi menimbulkan keinginan untuk memulihara dan mencintai sungai; memperkenalkan kepada orang awam langkah-langkah yang boleh menyumbang ke arah pengekalan keindahan semulajadi dan perlindungan sungai; dan mempertingkatkan pengetahuan dan teknik pengurusan sungai dan kawasan tadahannya di kalangan agensi yang terlibat bagi menjamin pembangunan harmonis yang berkekalan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

JAWAPAN KE ATAS PERBAHASAN DI DEWAN RAKYAT

TARIKH : 21 OKTOBER 1993

SOALAN

2.2 Dewan seterusnya membahaskan Rang Undang-Undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993. Semasa membahaskan rang undang-undang tersebut, ahli dari Kepong telah mencadangkan supaya diwujudkan cawangan Jabatan Alam Sekitar di Langkawi bagi mengawal pencemaran di Pulau tersebut.

JAWAPAN

Penubuhan cawangan Jabatan Alam Sekitar di Langkawi adalah dalam proses perbincangan dengan pihak-pihak terlibat. Buat masa kini segala urusan bagi semua aktiviti-aktiviti di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar di Pulau itu adalah di bawah pengawasan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah/Perlis.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	26 OKTOBER 1993

SOALAN

Y.B. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan :

(d) apakah langkah yang telah diambil terhadap pemaju yang memulakan projeknya tanpa menyediakan sebarang laporan EIA terdahulu.

JAWAPAN

Tuan yang DiPertua,

(d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pemaju yang memulakan projek tanpa menyediakan laporan EIA terlebih dahulu, pihak Jabatan akan menghantar notis kepada pemaju berkenaan supaya memberhentikan kerja-kerja dengan segera.

Pemaju juga diarahkan supaya mengemukakan laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar. Kerja-kerja pembinaan hanya dibenarkan berjalan semula setelah laporan EIA bagi projek tersebut diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	26 OKTOBER 1993

SOALAN

Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah alasan-alasan yang menyebabkan Kementeriannya gagal menuntut ganti rugi daripada Kerajaan Singapura berhubung dengan pembuangan sisa toksik di Pantai Tanjong Batu, Pantai Remis, Perak yang mengandungi logam tembaga, "chromium", "cadmium", "manganese", nikel, zink, raksa dan sulfur yang amat berbahaya kepada alam sekitar dan kehidupan nyawa daripada sebuah syarikat di Singapura sejak tiga tahun yang lalu, apakah kandungan laporan penyiasatan untuk mengumpulan maklumat dari pihak polis telah diserah kepada Kementeriannya dan mengapa Kerajaan Pusat masih teragak-agak menuntut pampasan mengikut Konvensyen Basel atau melalui saluran diplomatik tempatan:-

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan daripada pihak Polis mengenai penyiasatan tentang pembuangan sisa industri di Pantai Tanjung Batu, Pantai Remis, Perak telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar pada 21 September 1992. Hasil penyiasatan mendapati bahawa tiada kes boleh diketengahkan di bawah Seksyen 284, Kanun Kesiksaan.

Pihak Polis juga mengesyorkan agar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengambil tindakan lanjut berdasarkan kepada peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Walau bagaimanapun setelah laporan Polis dan peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dikaji dengan teliti, tindakan tuntutan ganti rugi tidak dapat diambil kerana tiada pihak yang boleh disabitkan kesalahan memandangkan kes tersebut berlaku pada tahun 1988 iaitu sebelum berkuat-kuasanya Peraturan Kualiti Alam Sekeliling(Buangan Terjadual) 1989. Di samping itu tuntutan pampasan mengikut Konvensyen Basel juga tidak dapat di buat memandangkan Negara Malaysia belum lagi menjadi parti kepada Konvensyen

Basel pada masa itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia buat masa sekarang sedang dalam proses untuk meratifikasikan Konvensyen tersebut.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Adakah tindakan tuntutan kos boleh diambil jika kes pelupusan haram terjadi sekarang?

JAWAPAN

Ya, tindakan boleh diambil untuk menuntut kos di bawah Seksyen 47, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling boleh menuntut dari orang yang bersalahan dengan Akta segala kos dan perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya.

2. Apakah tindakan tuntutan kos boleh diambil di bawah Konvensyen Basel sekiranya pelupusan haram dilakukan berpunca dari pengimportan buangan?

JAWAPAN

Buat masa sekarang perkara-perkara yang berkaitan dengan pampasan belum ditentukan oleh Konvensyen Basel. Protokol dan prosedur dari segi tanggung-jawab (liability) dan ganti rugi sedang digubalkan.

3. Apakah tindakan yang boleh diambil di bawah Konvensyen Basel terhadap pergerakan buangan secara haram?

JAWAPAN

Mengikut "Article 9", Konvensyen Basel, bagi kes pergerakan secara haram disebabkan oleh pengeksport atau pengeluar buangan, negara pengeksport perlu mempastikan bahawa buangan berkenaan diambil balik oleh pengeksport, pengeluar buangan atau oleh negara pengeksport itu sendiri, peruntukan "Article 9" adalah seperti di Lampiran A.

Article 9
Illegal Traffic

1. For the purpose of this Convention, any transboundary movement of hazardous wastes or other wastes:

   (a) without notification pursuant to the provisions of this Convention to all States concerned; or

   (b) without the consent pursuant to the provisions of this Convention of a State concerned; or

   (c) with consent obtained from States concerned through falsification, misrepresentation or fraud; or

   (d) that does not conform in a material way with the documents; or

   (e) that results in deliberate disposal (e.g. dumping) of hazardous wastes or other wastes in contravention of this Convention and of general principles of international law,

shall be deemed to be illegal traffic.

2. In case of a transboundary movement of hazardous wastes or other wastes deemed to be illegal traffic as the result of conduct on the part of the exporter or generator, the State of export shall ensure that the wastes in question are:

   (a) taken back by the exporter or the generator or, if necessary, by itself into the State of export, or, if impracticable,

   (b) are otherwise disposed of in accordance with the provisions of this Convention.

   within 30 days from the time the State of export has been informed about the illegal traffic or such other period of time as States concerned may agree. To this end the Parties concerned shall not oppose, hinder or prevent the return of those wastes to the State of export.

3. In the case of a transboundary movement of hazardous wastes or other wastes deemed to be illegal traffic as the result of conduct on the part of the importer or disposer, the State of import shall ensure that wastes in question are disposed of in an environmentally sound manner by the importer or disposer or, if necessary, by itself within 30 days from the time the illegal traffic has come to the attention of the State of import or such other period of time as the States concerned may agree. To this end, the Parties concerned shall co-operate, as necessary, in the disposal of the wastes in an environmentally sound manner.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH : 26 OKTOBER 1993

SOALAN

Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

a) berat setiap jenis sisa toksik, sisa radioaktif dan bahan buangan berjadual setiap tahun sejak tahun 1990 dan berapa banyak mampu dilupuskan setakat ini mengikut negeri masing-masing;

b) berapa pelupusan tersebut dikendalikan oleh pihak Kerajaan Tempatan sendiri dan berapa telah dan akan diswastakan;

c) berapa perbelanjaan sedang dan akan dibelanjakan untuk pelupusan tersebut; dan

d) apakah langkah yang sedang dan akan diambil memandangkan sampah dan sisa semakin bertambah yang tentu akan menjejaskan kesihatan manusia dan merosakkan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), secara umumnya kita tidak mempunyai angka-angka pecahan seperti yang dikehendaki. Walau bagaimanapun berasaskan kepada kajian yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 1978, adalah dianggarkan bahawa lebih kurang 380,000 meter padu buangan dikeluarkan setahun. Setakat ini hanya di negeri-negeri seperti Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Negri Sembilan sahaja terdapat kemudahan pemerolehan kembali buangan terjadual. Walau bagaimanapun kapasiti dan jenis buangan yang dikendalikan adalah terhad. Buat masa sekarang sebahagian kecil buangan tersebut dipulihguna, dieksport ke luar negeri, manakala kebanyakannya diolah di dalam sistem-sistem pengolahan dan disimpan dalam premis kilang menunggu kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan industri siap dibina di Negri Sembilan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Pihak Kerajaan telah memutuskan bahawa pengurusan pelupusan buangan industri di Malaysia diswastakan sepenuhnya. Oleh yang demikian tiada pihak Kerajaan Tempatan menyediakan kemudahan pelupusan buangan terjadual.

Untuk menjawab soalan (c) perbelanjaan keseluruhan untuk membina sistem pelupusan pusat bagi pengurusan buangan terjadual di Malaysia adalah lebih kurang RM 350 juta akan dibelanjakan.

Bagi soalan (d), pihak Kerajaan telah menggubal Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 dan menguatkuasakannya bagi mengawal pengurusan buangan industri di Malaysia. Di samping itu kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan tersebut sedang dalam proses pembinaan. Berkenaan dengan sampah sarap, pihak Kerajaan Persekutuan/Negeri yang berkaitan sedang mengatur program untuk mengendalikan sampah sarap dengan lebih teratur seperti penggunaan semula buangan, mengamalkan pelupusan secara 'sanitary landfill' untuk mengurangkan keperluan tapak pelupusan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Apakah jenis buangan, kuantiti yang dikeluarkan dan jenis industri yang terlibat?

JAWAPAN

Jenis buangan dan kuantitinya adalah seperti di Lampiran A. Manakala jenis industri yang terlibat adalah seperti Lampiran B.

2. Apakah peratusan pengeluaran buangan terjadual mengikut negeri?

JAWAPAN

Peratusan pengeluaran buangan mengikut negeri adalah seperti Lampiran C.

3. Apakah jenis buangan dan kuantiti buangan yang dieksport?

JAWAPAN

a) Jenis buangan-buangan yang dieksport sejak 1984-1993 ialah :-

i) Enapcemar mengandungi logam berat (sludges containing heavy metals);

ii) "Polychlorinated Biphenyls" iaitu bahan kimia yang digunakan untuk alat ubah dan kapasitor; dan

iii) Pelarut

b) Kuantiti buangan yang dieksport setakat ini ialah sebanyak lebih kurang 2,000 tan.

4. Apakah kos untuk kemudahan pengolahan dan pelupusan di Bukit Nanas, Negri Sembilan?

a) Perincian mengenai perbelanjaan untuk projek pengolahan dan pelupusan buangan industri di Bukit Nanas dan sistem yang berkaitan ialah seperti di Lampiran D.





Figure 2. Malaysia: Scheduled Wastes Generation According to Major Waste Categories, 1987.

Source: Dames & Moore, 1988



Source: Dames & Moore, 1988

Figure 1. Malaysia: Scheduled Wastes Generation According to Major Sources, 1987.

Table 1: Quantity of Scheduled Waste Generated by State, 1987
(Cubic meters/Pieces)

LAMPIRAN C

WASTE CATEGORY	STATE												TOTAL
	JHR	KDH	KLN	KLWP	MLK	NSM	PHN	PNG	PRK	PRL	SLR	TGU	
Acids (poss. hvy. metals)	1988	4069		38532	910	2657		28	3264		31694		83142
Alkalis (poss.hvy.metals)	3796	3242		770	278	3483		111	7		14654	449	26764
Asbestos		120			7			124	4859		29176		34284
Dust/stag/clinker/ashes	10		13			17		814			219	19116	27489
Oil and hydrocarbons	1596	644	601	1987	507	1189	622	4143	2064	169	6072	301	19896
Paint/dye/ink/pigment (Water based)	2384		2871	1025	189			98	2		1951	20503	29024
Paint/dye/ink/pigment (solvent based)	82	41		79	287			328	2		4160		4980
Pathogenic/pathollogical	441	179	212	418	140	154	244	405	569	67	475	172	3476
Photographic wastes	434		1226	394		60		187			9445	222	11969
Rags, paper and plastics containers	3864			12	17	3		217	1460			1	5575
Resins and glue	25			1		78		210	4		145		464
Sludge, mineral	13		101					46805	414		162		47495
Sludge, oil	594	186	174	570	137	165	180	351	329	49	604	425	3764
Sludge, paint/dye/ink/pigment (water based)	115			30		54		1014	14		240		1467
Sludge, paint/dye/ink/pigment (water based)	127		5	47	5	2		234	3		528		950
Sludge W. heavy metals	15414	1468	1	1297	529	1307		9460	16146		10713	60	56384
Solvents, spent halogenated	39	4			68	91		85	7		381		676
Solvents, spent non-halogenated	142	20	21	82	66	99	19	1212	79	5	716	9	2471
Others	1423	24	126	1004	1000	1839		4667	1006		5674	41	16804
Total	32464	10002	5346	46249	4130	11209	1065	77793	28771	290	118468	41299	377076
Percentage (%)	8.7	2.6	1.4	12.2	1.1	3.1	0.3	20.6	7.6	0.1	31.4	10.9	100

CAPITAL COST FOR THE TREATMENT AND DISPOSAL FACILITIES FOR INDUSTRIAL WASTE IN MALAYSIA

LAMPIRAN D

TYPES OF FACILITY	CENTRALISED (RM MILLION)	REGIONAL (RM MILLION)			
		NORTHERN	EASTERN	SOUTHERN	CENTRAL
INCINERATOR	134	–	–	–	134
PHYSICAL/CHEMICAL	24	17	12	12	15
SOLIDIFICATION	22	15	11	11	13
LANDFILL	50	35	25	15	30
RECEPTION/STORE	52	36	26	26	40
ADMIN./LABORATORY	50	30	20	20	40
TRANSFER STATION	18	–	–	–	–
SUB-TOTAL		133	94	94	272
TOTAL	350	593			

ARA/ARA/16/1093

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	27 OKTOBER 1993

SOALAN

Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) secara tepatnya, bilakah Jabatan Persekitaran meluluskan laporan EIA bagi projek pengendalian sisa-sisa buangan di Bukit Nanas;

(b) apakah peraturan dan syarat yang dibentangkan dalam meluluskan laporan EIA ini; dan

(c) apakah perkembangan terbaru projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Jabatan Alam Sekitar telah meluluskan laporan kajian EIA bagi Projek Kemudahan Bersepadu Pelupusan Buangan Terjadual Di Plot 86C, Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negri Sembilan pada 26 Ogos 1993.

(b) Dalam meluluskan laporan kajian EIA tersebut Jabatan Alam Sekitar telah mengambilkira peraturan-peraturan atau peruntukan yang ditetapkan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Syarat-syarat kelulusan EIA yang telah dikenakan bagi pelaksanaan projek ini ialah secara ringkasnya merangkumi perkara-perkara berikut:-

(i) Konsep projek;
(ii) Konsep rekabentuk tapak pelupusan selamat;
(iii) Kawalan kerja tanah;
(iv) Kawalan keselamatan dan kecemasan;
(v) Keselamatan pengangkutan;
(vi) Kawalan kualiti air;
(vii) Kawalan kualiti udara;

(viii) Kawalan bunyi bising;
(ix) Pengawasan alam sekitar; dan
(x) Pentadbiran.

(c) Pada masa ini, pemaju projek sedang berusaha untuk mendapatkan kelulusan tukar syarat tanah bagi tapak projek seluas 58 hektar daripada Kerajaan Negri Sembilan Darul Khusus.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	28 OKTOBER 1993

SOALAN

Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan :-

(a) sama ada sebarang tindakan telah diambil terhadap pemaju Pulau Redang Berjaya yang memusnahkan 6 hektar hutan paya bakau memandangkan pada mulanya laporan EIA hanya membenarkan 2.9 hektar sahaja;

(b) berapa peratus bekalan air melalui paip bawah laut dari tanah besar yang akan digunakan oleh penghuni-penghuni di atas pulau tersebut dan berapa peratus yang akan digunakan oleh Padang Golf dan Resort Hotel; dan

(c) apakah yang akan berlaku ke atas kampung perikanan yang baru dibina pada 1986 sebagai janji pilihanraya umum oleh Kerajaan apabila Taman Marin Baru dibinakan di atas tapak yang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahagian (a) soalan ini telahpun dijawab pada sesi parlimen yang lalu iaitu pada 28 Julai 1993. Sekali lagi diulangi untuk makluman yang Berhormat bahawa pemaju telah dapat memenuhi syarat kelulusan EIA iaitu dengan tidak membangunkan kawasan paya bakau melebihi keluasan 7 ekar di atas lot PT 293K. Daripada maklumat yang diperolehi setakat ini kawasan hutan paya bakau yang telah dibangunkan oleh pemaju adalah kurang daripada 7 ekar.

Untuk soalan (b), penghuni kampung di atas pulau tersebut akan menggunakan sebanyak 20% daripada bekalan air melalui paip bawah laut dan 80% lagi akan digunakan untuk Padang Golf dan Resort Hotel.

Bagi menjawab soalan (c) pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Taman Laut Pulau Redang dibina pada tahun 1990 di Pulau Redang di atas tapak seluas 25.52 ha. Tapak ini diambilalih oleh Jabatan Perikanan daripada tujuan asal sebagai Tapak Pengkalan Polis Marin, Kementerian Dalam Negeri. Kelulusan pemilikan tapak ini diperolehi dari Kementerian Kemajuan Tanah pada 20.12.1988 melalui surat KKTKW/BHP/5/3/2-4 (21)

Pembinaan Pusat Taman Laut di Pulau Redang pada 1990 tidak melibatkan perpindahan penduduk kerana tapak berkenaan telahpun dikosongkan semenjak tahun 1979 lagi.

Tapak untuk kampung perikanan yang baru terletak di Kg. Ulu Redang, Pulau Redang. Penyediaan tapak-tapak rumah untuk kampung baru ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Terengganu dan tidak ada kaitan dengan pembinaan Pusat Taman Laut di Pulau Redang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' HAJI ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM
TARIKH	:	28 OKTOBER 1993

SOALAN

Dato' Haji Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil bagi menjamin tahap pencemaran udara di Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah sentiasa selamat kepada kesihatan penduduknya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjamin tahap pencemaran udara di Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah terkawal, Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan semua Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya. Bagi mempertingkatkan kawalan Jabatan Alam Sekitar bersama-sama dengan Unit Udara Polis DiRaja Malaysia sedang melaksanakan program pengawasan pencemaran melalui udara (Air Survillance). Di samping itu, kerja-kerja pengawasan kualiti udara yang berterusan melalui stesen-stesen tetap dan bergerak juga dijalankan oleh Jabatan bagi menentukan tahap pencemaran setiap hari.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum salah satu punca utama pencemaran di Bandaraya Kuala Lumpur ialah kenderaan bermotor. Jabatan Alam Sekitar bersama-sama agensi-agensi yang berkaitan sedang berusaha menggalakkan penggunaan gas asli oleh kenderaan-kenderaan dan juga petrol tanpa plumbum. Dalam pada itu juga, standard-standard pelepasan sedang digubal untuk mengawal tahap pelepasan bahan pencemaran oleh kenderaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ONG TIN KIM
TARIKH	:	28 OKTOBER 1993

SOALAN

Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar banyak sungai dalam negeri sering dicemari oleh sisa-sisa dari kilang-kilang. Apakah rancangan dan langkah telah dan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini. Setakat mana langkah-langkah yang diambil itu telah memberi kesan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sedang dan telah dipertingkatkan untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, masalah pencemaran sungai bukan berpunca dari sektor perindustrian sahaja malah berpunca dari pelepasan kumbahan domestik, pembuangan sisa-sisa ternakan terutama ternakan khinzir dan kelodakan hasil hakisan tanah. Berdasarkan data pengawasan air sungai yang dikumpulkan oleh Jabatan Alam Sekitar, didapati parameter penunjuk indeks kualiti air yang berpunca dari sektor perindustrian telah menurun semenjak tahun 1991. Sedangkan pencemaran dari punca-punca lain seperti pelepasan kumbahan domestik, pembuangan dari sisa-sisa ternakan dan hakisan tanah masih belum berubah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Negeri Perak tiada sungai yang dikategorikan sebagai sungai yang sangat tercemar, cuma didapati 5 buah sungai iaitu Sungai Kerian, Sungai Perak, Sungai Sepetang, Sungai Bruas dan Sungai Raja Hitam mengalami keadaan sederhana tercemar (slightly polluted). Walau bagaimanapun, bahagian-bahagian tertentu terutama di bahagian hulu/kawasan tadahan air ianya masih bersih dan sesuai untuk berbagai kegunaan termasuk bekalan air minuman. Pihak Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Perairan dan Saliran serta beberapa agensi-agensi kerajaan yang lain sedang berusaha membersihkan sungai-sungai tersebut melalui kempen 'Cintailah Sungai Kita'. Setakat ini kerja-kerja pembersihan telah dijalankan di dua buah sungai iaitu Sungai Kurau dan Sungai Batang Padang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	28 OKTOBER 1993

SOALAN

Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan hasil laporan yang lengkap oleh Jawatankuasa Khas mengenai Jerebu dan data-data pelepasan gas-gas beracun di Kuala Lumpur, Lembah Klang dan Ibu Kota di setiap negeri masing-masing dan apakah langkah terbukti yang berkesan sedang dan akan diambil untuk menangani pencemaran yang akan bertambah serius apabila menjelang Wawasan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil laporan awal Jawatankuasa mengenai Jerebu mendapati kejadian Jerebu yang berulangan di negara ini terutamanya di Lembah Klang adalah berpunca dari kandungan habuk yang tinggi di Atmosfera. Kejadian ini berlaku terutamanya pada keadaan cuaca yang kering dan stabil. Kejadian jerebu yang serius yang pernah berlaku pada bulan Oktober 1991 yang lalu, adalah berpunca dari asap yang dibawa oleh arus angin ke Malaysia, akibat kebakaran hutan yang berlaku di kawasan Kalimantan dan Sumatera, Indonesia. Paras gas-gas beracun umpamanya karbon monoksida, nitrogen dioksida dan ozon semasa kejadian jerebu di Kuala Lumpur didapati rendah dan terkawal. Ini menunjukkan kejadian jerebu di negara ini bukannya berpunca dari pelepasan asap dari ekzos kenderaan bermotor atau industri.

Bagi mengawal paras gas beracun ini, kerajaan telah mengambil langkah untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan berkesan bagi mengurangkan jumlah kenderaan di jalanraya. Langkah ini juga akan mengurangkan pencemaran udara oleh gas-gas berkenaan di Ibukota khususnya Bandaraya Kuala Lumpur yang begitu sesak sekarang. Kerajaan juga menggalakkan orang ramai yang memiliki kenderaan supaya menukarkan kepada teknologi yang baru seperti penggunaan "catalytic converter" dan juga gas NGV. Bagi kenderaan-kenderaan yang baru, kerajaan bercadang akan mengenakan peraturan pelepasan asap dan gas-gas beracun yang lebih ketat untuk memastikan kualiti udara di negara ini adalah segar dan bersih menjelang tahun 2020.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM
TARIKH : 2 NOVEMBER 1993

SOALAN

Dato' Haji Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil bagi menjamin tahap pencemaran udara di Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah sentiasa selamat kepada kesihatan penduduknya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjamin tahap pencemaran udara di Pusat Bandar Kuala Lumpur beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dan di antaranya ialah :

(i) Mengurangkan kemasukan kenderaan bermotor ke Pusat Bandaraya dengan menggalakkan perkongsian kereta melalui kempen 'car pooling';

(ii) Melaksanakan sistem 'LRT' di mana untuk mengurangkan kesesakkan lalulintas secara langsung mengurangkan pelepasan asap dari kenderaan bermotor;

(iii) Melarang/mengawal sebarang aktiviti pembakaran terbuka;

(iv) Pembinaan insinerator berpusat oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk melupuskan sampah sarap bagi mengelakkan pembakaran terbuka; dan

(v) Menubuhkan Jawatankuasa Induk Udara Berjerebu bagi mengenal pasti punca, mengkaji impak dan menyusun strategi kawalan pencemaran udara dan jerebu.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum salah satu punca utama pencemaran di Bandaraya Kuala Lumpur ialah dari kenderaan bermotor. Jabatan Alam Sekitar bersama-sama agensi-agensi yang berkaitan menggalakkan penggunaan minyak tanpa plumbum (Unleaded Gasoline) dan 'Natural Gas for Vehicle (NGV) bagi kenderaan bermotor. Di samping itu, pihak Kerajaan juga mewajibkan pemasangan pengubah bermangkin (catalytic converter) bagi semua model kenderaan baru bermula pada tahun 1984.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM KWANG YANG
TARIKH	:	2 NOVEMBER 1993

SOALAN

Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Jemaah Menteri Persekutuan bersama dengan pihak Kerajaan Negri Sembilan telah meluluskan Projek WMC di Bukit Nanas di Negri Sembilan, dan adakah beliau sedar, ramai penduduk-penduduk tempatan di sekeliling Bukit Nanas masih belum menerima pelaksanaan projek itu, walaupun kempen publisiti telah dilancarkan oleh syarikat berkenaan secara meluas.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada mesyuaratnya bertarikh 20 Januari 1993 telah bersetuju supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyegerakan projek kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan industri di Bukit Nanas, Negri Sembilan. Berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh Ahli Panel EIA, Ketua Pengarah Alam Sekitar telah meluluskan laporan EIA bagi projek tersebut pada 26 Ogos, 1993. Kelulusan bagi gunatapak projek masih di peringkat pertimbangan oleh pihak Kerajaan Negeri Sembilan.

Saya sedar bahawa memang terdapat sebilangan kecil penduduk di sekitar Bukit Nanas masih belum menerima pelaksanaan projek tersebut, walaupun kajian menunjukkan bahawa projek tersebut tidak memberi kesan yang signifikan kepada manusia dan alam sekitar. Dalam hal ini pihak Kementerian berserta pihak pemaju projek akan terus memberi penjelasan kedudukan sebenar projek ini kepada mereka yang berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN IBRAHIM MUSTAFA
TARIKH	:	2 NOVEMBER 1993

SOALAN

1. **YB. Tuan Ibrahim Mustafa** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

   (a) sejauh manakah sektor swasta telah memberi sambutan dalam memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D);

   (b) jumlah peruntukan daripada sektor swasta dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D); dan

   (c) jumlah peruntukan sumbangan Kerajaan dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a) sumbangan sektor swasta dalam memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) masih belum menepati sasaran-sasaran iaitu 40% dari jumlah pelaburan R&D negara. Pada masa ini sumbangan sektor swasta adalah dalam lingkungan 20% daripada pelaburan R&D negara. Bagi menggalakkan kegiatan R&D di sektor swasta, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif cukai seperti potongan cukai dua kali bagi aktiviti R&D, elaun bangunan industri dan sebagainya.

Bagi soalan (b), berkenaan peruntukan sektor swasta bagi R&D, ingin dimaklumkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak mempunyai maklumat menyeluruh mengenai peruntukan sektor swasta dalam kegiatan R&D oleh sebab sektor swasta tidak diwajibkan mengemukakann maklumat mengenai perkara ini kepada Kementerian saya. Walau bagaimanapun mengikut data daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), nilai perbelanjaan R&D oleh sektor swasta yang diberi insentif potongan cukai dua kali bagi tempoh mulai tahun 1984 sehingga Julai 1993 adalah RM134.2 juta.

Untuk menjawab soalan (c) pula, sehubungan dengan kegiatan R&D di sektor awam, sukacita dimaklumkan bahawa sumbangan Kerajaan dalam pelaburan R&D melalui program 'Intensification of Research by Priority Areas' atau dengan singkatnya IRPA adalah RM413.8 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima dan RM558.2 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. HAJI IBRAHIM ALI
TARIKH	:	3 NOVEMBER 1993

SOALAN

Y.B. mengulas bahawa walaupun Undang-Undang Alam Sekitar adalah mencukupi tetapi pegawai penguatkuasaan perlu ditambah bilangannya untuk mengatasi masalah pencemaran di dalam sektor perkilangan, perhutanan (Pembalakan haram) dan kenderaan. Undang-undang mengenai pembalakan haram perlu dipinda kepada hukuman mandatori seperti di negara Thai dan Vietnam untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Jabatan Alam Sekitar sedang membuat urusan pengambilan pegawai baru dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk dilantik sebagai Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C3 dan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C5. Pengisian jawatan-jawatan tersebut dijangka dibuat pada awal tahun 1994.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kekosongan jawatan Pegawai Kawalan Alam Sekitar setakat 31.10.1993 ialah 21 jawatan dan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar 9 jawatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' HAJI ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM
TARIKH	:	4 NOVEMBER 1993

SOALAN

Dato' Haji Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan-tindakan yang akan diambil bagi menjamin tahap pencemaran udara di Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah sentiasa selamat kepada kesihatan penduduknya.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjamin tahap pencemaran udara di Pusat Bandar Kuala Lumpur beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dan di antaranya ialah:

(i) Mengurangkan kemasukan kenderaan bermotor ke Pusat Bandaraya dengan menggalakkan perkongsian kereta melalui kempen 'car pooling';

(ii) Melaksanakan sistem 'LRT' di mana untuk mengurangkan kesesakan lalulintas secara langsung mengurangkan pelepasan asap dari kenderaan bermotor;

(iii) Melarang/mengawal sebarang aktiviti pembakaran terbuka;

(iv) Pembinaan insinerator berpusat oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk melupuskan sampah sarap bagi mengelakkan pembakaran terbuka; dan

(v) Menubuhkan Jawatankuasa Induk Udara Berjerebu bagi mengenalpasti punca, mengkaji impak dan menyusun strategi kawalan pencemaran udara dan jerebu.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum salah satu punca utama pencemaran di Bandaraya Kuala Lumpur ialah dari kenderaan bermotor. Jabatan Alam Sekitar bersama-sama agensi-agensi yang berkaitan menggalakkan penggunaan minyak tanpa plumbum (Unleaded Gasoline) dan "Natural Gas for Vehicle" (NGV) bagi kenderaan bermotor. Di samping itu, pihak kerajaan juga mewajibkan pemasangan pengubah bermangkin (catalytic converter) bagi semua model kenderaan baru bermula pada tahun 1984.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG WING ON
TARIKH	:	10 NOVEMBER 1993

SOALAN

Tuan Wong Wing On minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan membenar dan menggalakkan sektor awam dan sektor swasta untuk mengupah ahli-ahli sains dari bekas Soviet Union untuk mempertingkatkan kualiti R&D (Research and Development) demi memajukan sains dan teknologi negara ini, memandangkan di bekas Soviet Union telah menyebabkan ramai daripada mereka "unemployed" atau "under-employed".

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai sebarang halangan atas pengambilan ahli-ahli sains dari bekas Soviet Union, terutamanya mereka yang mempunyai kepakaran khusus yang diperlukan oleh negara. Malah, memandangkan kepada kekurangan kepakaran terutamanya dalam menjalankan R&D dan matlamat Kementerian untuk memperdagangkan hasil-hasil kajian R&D, pengambilan ahli-ahli sains tersebut dapat menyumbangakan kepada peningkatan kualiti R&D yang dijalankan oleh sektor swasta dan awam.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Mengikut pengetahuan Kementerian ini, pada masa ini tidak ada ahli sains dari bekas Soviet Union yang diupah oleh jabatan atau institusi Kerajaan. Walaupun demikian, Kementerian Pendidikan sedang menyediakan satu urusan pengambilan untuk memperolehi pensyarah-pensyarah pendidikan tinggi dari Soviet Union.

2. **Uzbekistan**

Kerajaan Malaysia juga telah menandatangani suatu "Agreement on Cultural and Scientific Co-operation" dengan Kerajaan Uzbekistan pada tahun lepas. Antara lain, pengajian ini membolehkan pertukaran pengalaman dan kejayaan di dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T) melalui lawatan-lawatan dan pertukaran rombongan, serta juga menawarkan kemudahan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi masing-masing.

**(Maklumat tambahan untuk pengetahuan Y.B. sahaja)*

1. *Kementerian Pendidikan telahpun mengiklankan di Moscow dan di Uzbekistan untuk pensyarah-pensyarah dalam bidang sains dan teknologi untuk mengisi kekosongan di universiti-universiti tempatan. Suatu rombongan peringkat rasmi dari Kementerian tersebut dijangka melawat Uzbekistan dan Moscow pada awal tahun 1994 untuk menyusuli perkara ini.*

2. *Malaysia juga telah menandatangani suatu perjanjian "cultural and scientific co-operation" dengan USSR pada 4 Oktober 1972. Walau bagaimanapun, mengikut Wisma Putra, perjanjian tersebut sekarang hanya sah untuk Russia sahaja.*

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH	:	10. NOVEMBER 1993

SOALAN

Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) bila kajian EIA untuk Projek di Bakun, Ulu Rejang Sarawak dimulakan dan akan siap; dan

(b) nama dan negeri asal semua agensi atau syarikat yang terlibat dalam kajian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Saya ingin memohon menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Wong Sing Nang pada 22 November 1993 pada hari ini juga.

Tuan Yang DiPertua, setakat ini, saya tidak dapat memberitahu dengan tepatnya bilakah kajian EIA bagi projek hidroelektrik Bakun itu akan dimulakan dan bilakah ianya akan disiapkan. Penggerak projek telah diberitahu bahawa kajian EIA perlu dijalankan dan laporan EIA perlu dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum projek tersebut dapat dimulakan. Nama dan negeri asal semua agensi atau syarikat yang terlibat dalam kajian tersebut (EIA) belum diketahui lagi.

Tuan Yang DiPertua, apabila laporan EIA berkenaan projek hidroelektrik Bakun diterima, Jabatan Alam Sekitar akan mempamerkan laporan berkenaan untuk bacaan dan ulasan orang awam.

Berkenaan kesan-kesan projek tersebut terhadap alam sekitar, saya hanya dapat memberitahu sesudah kajian EIA disempurnakan dan laporan EIA diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HARRISON NGAU LAING
TARIKH	:	16 NOVEMBER 1993

SOALAN

Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sama ada Royal Mulu Resort telah menjalankan kajian EIA untuk Hotel Resort tersebut dekat Taman Negara Mulu, Sungai Malinau, Baram, Sarawak mengikut Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974; dan

(b) jika ya, bila kajian tersebut dijalankan oleh syarikat berkenaan dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Jika tidak, apa tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap pihak yang berkenaan kerana melanggar Akta tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

(a) Berdasarkan kepada maklumat terkini adalah didapati projek Royal Mulu Resort terletak di luar kawasan Taman Negara Mulu dan keadaan kawasan persekitarannya adalah bukan kawasan hutan bukit. Keluasan kawasan projek tersebut hanya 31.36 ekar. Oleh yang demikian, projek ini tidak tertakluk kepada EIA. Bagaimanapun, pemaju telah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah kawalan untuk mencegah pencemaran khususnya pencemaran Sungai Malinau.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Royal Mulu Resort terdiri daripada hotel dan kemudahan-kemudahan sukan. Tidak ada cadangan padang golf. Fasa pertama projek sudah siap dan kerja-kerja untuk fasa seterusnya sedang dijalankan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH RAKIBAH BTE HJ. ABDUL MANAP
TARIKH : 17 NOVEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Puan Hajah Rakibah bte. Hj. Abdul Manap minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

Sejauh manakah kemajuan telah tercapai di dalam menyemai kesedaran persekitaran di kalangan kanak-kanak dari segi kebersihan persekitaran supaya apabila mereka dewasa nanti mereka akan menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan tidak akan mencemar alam persekitaran? Apakah kempen-kempen yang telah dijalankan oleh Kementerian beliau?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai-bagai aktiviti yang bertemakan alam sekitar telah dilaksanakan melalui pendidikan alam sekitar untuk menyemai kesedaran dari segi kebersihan persekitaran di kalangan kanak-kanak. Di antara aktiviti-aktiviti lepas yang pernah dianjurkan ini termasuklah :

I. Pendidikan Alam Sekitar Secara Informal

a) Peringkat Sekolah Rendah

(i) Perkhemahan alam sekitar (envirocamp);

(ii) Pertandingan berakit di sepanjang sungai-sungai terpilih untuk mengutip sisa-sisa pepejal yang dijumpai di sepanjang sungai-sungai tersebut;

(iii) Pertandingan melukis;

(iv) Pertandingan mengarang cerita kanak-kanak; dan

(v) Pertandingan "environment hunt" (ENVIROHUNT)

b) Peringkat Sekolah Menengah

(i) Perkhemahan alam sekitar (envirocamp);

(ii) Pertandingan melukis;

(iii) Pertandingan "environment hunt" (ENVIROHUNT)

(iv) Projek Pengawasan Hujan Asid Malaysia 1990 atau MAWAR '90; dan

(v) Projek Riadah Alam Sekitar atau PRIAS.

II. Pendidikan Alam Sekitar Secara Formal

(i) Pendidikan alam sekitar merentas kurikulum bagi sekolah rendah; dan

(ii) Penubuhan kelab-kelab alam sekitar di sekolah-sekolah (dengan kerjasama pihak NGO seperti WWF dan MNS). Setakat ini, terdapat kira-kira 177 kelab alam sekitar yang merangkumi sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh Malaysia.

III. Aktiviti Anjuran Pihak Swasta (New Straits Times Sdn. Bhd.)

(i) Pertandingan "Sekolah Dalam Taman" (School In A Garden); dan

(ii) Pengumpulan suratkhabar lama untuk penggunaan semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian ini telah menjalankan beberapa kempen yang melibatkan murid-murid sekolah dan juga orang awam. Kempen-kempen tersebut adalah ;

(i) Kempen "An Initiative for the Greening of the World";

(ii) Kempen kebersihan peringkat kebangsaan;

(iii) Kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar;

(iv) Kempen pendidikan kitar semula buangan plastik;

(v) Kempen Hijau; dan

(vi) Kempen Cintailah Sungai Kita.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN KARPAL SINGH
TARIKH	:	17 NOVEMBER 1993

SOALAN

Tuan Karpal Singh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan repot-repot 'Environmental Impact Assessment (EIA)' mengenai aktiviti pembalakan yang diserahkan kepada Jabatan Alam Semulajadi sejak ianya dijadikan suatu keperluan di bawah 'Environment Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order 1987' yang berkuatkuasa pada April 1988. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kepatuhan kepada Order ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar TIDAK ada Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) berkenaan aktiviti pembalakan dikemukakan kepada Jabatan tersebut sejak Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 dikuatkuasakan pada 1 April 1988.

Mengikut peruntukan di bawah seksyen 34A (2), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 setiap pemegang lesen pembalakan yang mana lesennya dikeluarkan selepas 1 April 1988 dan mempunyai keluasan pembalakan melebihi 500 hektar MESTILAH menjalankan kajian EIA.

Sebagai langkah positif bagi memastikan pematuhan Perintah ini, Jabatan Alam Sekitar akan terus bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan sama ada di Semenanjung Malaysia ataupun di Negeri Sabah dan Sarawak dan juga dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang pemegang-pemegang lesen pembalakan dan memastikan kajian EIA dijalankan mengikut Kehendak Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987.

PEMBERITAHU-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN CHIAN HENG KAI
TARIKH : 18 NOVEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) adakah benar Pusat dan Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa sebahagian lot 878, 879, 880 Mukim 13, Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang akan digunakan untuk membina sebuah stesen pemindahan sisa-sisa industri mulai akhir tahun 1993 tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan Jabatan Alam Sekitar (DOE). Jika ya, apakah keadaannya sekarang dan mengapa penduduk-penduduk di sekitar itu tidak diminta memberi pendapat mereka;

(b) apakah tindakan selanjutnya yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang terhadap Pan Ace Enterprise tentang kes yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam 16.3.1993.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), memang benar, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencadangkan supaya sebahagian lot-lot 878, 879, 880, Mukim 13, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang sbagai tapak stesen pemindahan sisa-sisa industri tertakluk kepada kelulusan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling bagi pembangunan tersebut di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Taman Perindustrian Bukit Minyak sedang dalam pelaksanaan dan lot-lot tersebut di atas masih terdiri dari estet kelapa sawit. Sehubung ini juga, tidak ada penduduk di atas tapak berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (b), berhubung dengan kes Syarikat Pan Ace Enterprise, syarikat yang telah membuang buangan kimia di atas sebidang tanah di Jalan Megat Harun, Bukit Mertajam, Jabatan Alam Sekitar (Pulau Pinang) telah mengenakan kompaun maksimum sebanyak RM500 ke atas kesalahan yang berkaitan. Pada 10 Mei 1993 syarikat tersebut telah menjalankan operasi membersih tapak berkenaan dengan mengorek dan mengambil semula bahan buangan kimia tersebut dengan diawasi oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Alam Sekitar (Pulau Pinang). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buangan tersebut pada masa ini disimpan dalam 19 tong drum di syarikat berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	18 NOVEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah berapa penemuan dan produk baru yang dihasilkan oleh penyelidik, saintis, jurutera dan orang awam di negara ini dan :-

(a) Senaraikan berapa penemuan dan produk baru dapat dimajukan dan berapa terpendam atau tidak dikembangkan.

(b) Berapa jenis penggalakan dan peruntukan yang telah dan akan disalurkan oleh Kerajaan dan pihak swasta untuk memajukan penemuan dan produk baru tersebut.

(c) Sejauh mana pihak penemuan dan produk baru dapat dilindungi di bawah undang-undang yang sedia ada;

(d) Mengapa hanya 30 penemuan telah digunakan berbanding 400 dalam tahun 1990 hingga 1991; dan

(e) Apakah hasilnya daripada "Malaysian Technology Development Corporation" untuk membantu dan mempercepatkan usaha tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,
Untuk menjawab soalan (a), jumlah projek R&D yang berpotensi untuk dikomersialisasikan di bawah Program "Intensification of Research in Priority Areas" (IRPA) adalah sebanyak 140. Walau bagaimanapun, sebahagian besar projek-projek ini perlu dimajukan ke peringkat "prototype" dan "scale-up" sebelum ianya dapat dikomersialisasikan.

Untuk menjawab soalan (b), setakat ini jenis penggalakan yang sedia ada untuk memajukan penemuan-penemuan R&D berpotensi adalah :-

i) Pemberian wang pendahuluan untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan (feasibility studies). Perkhidmatan ini adalah dilaksanakan oleh pihak Malaysian Technology Development Corporation (MTDC).

ii) Bantuan dalam mempakejkan hasil penyelidikan dalam bentuk "investment plan" untuk memudahkan pemasaran hasil R&D dilaksanakan oleh MTDC.

iii) Bayaran pendaftaran paten di beberapa institusi penyelidikan dan universiti.

iv) Peruntukan di bawah Pelan Tindakan Teknologi (Technology Action Plan) untuk membiayai fasa pembangunan projek-projek R&D.

Untuk menjawab soalan (c), semua penemuan dan produk baru hasil R&D adalah diberi perlindungan sepenuhnya di bawah Akta Paten (Pindaan) 1993 apabila didaftar dan diluluskan.

Untuk menjawab soalan (d), berkenaan perkara ini, saya percaya 30 penemuan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah penemuan-penemuan yang sedang giat diperdagangkan oleh pihak "Malaysian Technology Development Corporation" (MTDC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah projek R&D yang dikenalpasti berpotensi untuk dikomersialisasikan ialah sebanyak 140 di mana sebanyak 64 darinya sedang giat diperdagangkan oleh pihak MTDC dan universiti/institusi penyelidikan masing-masing.

Untuk menjawab soalan (e), sejak ditubuhkan, MTDC telah berjaya untuk mempergiatkan lagi komersialisasi hasil R&D di universiti dan institusi-institusi penyelidikan sektor awam. Strategi-strategi dan pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh MTDC adalah :-

i) Menyebarkan maklumat kepada usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat swasta tentang hasil-hasil R&D yang berpotensi dikomersialkan melalui iklan di surat khabar, risalah-risalah dan melalui sesi-sesi "networking", seminar dan bengkel di antara para penyelidik dan bakal pelabur.

ii) Membantu dari segi pemberian wang pendahuluan kepada para penyelidik dan syarikat-syarikat yang diwujudkan untuk memajukan sesuatu hasil R&D bagi pelaksanaan kajian keboleh-laksanaan (feasibility studies).

iii) Memberi sumbangan kepada Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk untuk mempamerkan dan menyebarkan maklumat berkenaan rekaan-rekaan dan teknologi baru. Jumlah yang telah disumbangkan adalah RM25,000.

iv) Bekerjasama dengan syarikat berteknologi tinggi dari luar negara untuk membantu memasarkan kepakaran dan hasil penemuan tempatan yang berpotensi. Setakat ini MTDC telah menjalin perhubungan dengan syarikat Hambrecht & Quist (H&Q), sebuah syarikat modal teroka yang ulung di Silicon Valley di Amerika Syarikat. Kini MTDC juga bercadang untuk mengambil ekuiti dalam syarikat modal teroka Prince Ventures di Amerika Syarikat untuk membantu dalam pemasaran hasil-hasil R&D dalam bidang berteknologi dan biomedikal; dan

v) Melabur dalam 7 syarikat teknologi tinggi tempatan yang akan memainkan peranan sebagai saluran untuk komersialisasi hasil R&D universiti dan institusi penyelidikan tempatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG SING NANG
TARIKH	:	22 NOVEMBER 1993

SOALAN

Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) sama ada Menteri beliau telah menerima dan meluluskan Laporan Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar (EIA) berkaitan dengan pembinaan Projek Mega Hidroelektrik di Sarawak. Kalau ya, bila;

(b) sama ada Kementeriannya bersedia untuk mengumumkan Laporan EIA apabila laporan itu diluluskan. Kalau ya, bila. Kalau tidak, mengapa tidak; dan

(c) apakah kesan-kesan terhadap alam sekitar akibat daripada pembinaan Projek Mega ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya menjawab soalan (a) :-

Untuk makluman Y.B., Jabatan Alam Sekitar belum lagi menerima Laporan Penilaian Kesan-Kesan Alam Sekitar (EIA) berkenaan projek Hidroelektrik Bakun di Sarawak.

Untuk menjawab soalan (b) :-

Apabila laporan EIA tersebut diterima, Jabatan Alam Sekitar akan mempamerkan laporan berkenaan untuk bacaan dan ulasan orang awam.

Dan bagi soalan (c):-

mengenai kesan-kesan projek tersebut terhadap alam sekitar, saya hanya dapat memberitahu Y.B. sesudah kajian EIA disempurnakan dan laporan EIA diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Laporan terperinci EIA akan dipamerkan di tempat-tempat strategik di Sarawak, Sabah dan di Semenanjung untuk tempoh satu bulan. Tempat pameran termasuklah Perpustakaan Awam/Universiti, Pejabat Daerah dan Pejabat-pejabat Jabatan Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. SANUSI DAING MARIOK
TARIKH	:	25 NOVEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Dr Sanusi Daing Mariok meminta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan polisi Malaysia mengenai kapal-kapal nuklear bersenjata yang menggunakan Selat Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Di bawah Artikel 33 Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa, laluan transit (transit passage) oleh kapal-kapal (termasuk kapal nuklear bersenjata) di laluan antarabangsa adalah dibenarkan. Memandangkan bahawa Selat Melaka adalah diiktiraf sebagai laluan antarabangsa maka kapal nuklear bersenjata adalah dibenarkan untuk melaluinya. Halangan terhadap laluan-laluan kapal-kapal tersebut hanya boleh diambil apabila ianya terkeluar daripada tafsir 'innocent passage' iaitu pelayaran kapal membawa mudarat kepada keamanan dan keselamatan negara berkenaan.

Memandangkan bahawa laluan kapal-kapal sedemikian tidak boleh dihalangi laluannya, Kerajaan telah bersedia dengan Rancangan Kontingensi sekiranya berlaku sebarang pencemaran akibat daripada kemalangan yang mungkin terjadi terhadap kapal nuklear berkaitan. Rancangan Kontingensi ini diasaskan kepada rancangan kontingensi tumpahan minyak tetapi akan diubahsuai dengan mengambil input dari pelbagai agensi termasuk Agensi Tenaga Atom Antrabangsa (IAEA).

Di bawah 'Convention on Early Notification of Nuclear Accident' dan 'Convention in the Case of a Nuclear Accident or Radiological Emergency' bantuan-bantuan yang boleh diperolehi daripada badan-badan antarabangsa termasuklah khidmat pakar, peralatan serta bahan-bahan, bergantung kepada jenis kemalangan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN AHMAD BIN OMAR
TARIKH	:	25 NOVEMBER 1993

SOALAN

Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh mana keadaan pencemaran sungai-sungai di negara ini dan apakah langkah yang sedang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi keadaan pencemaran menjadi bertambah buruk.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencemaran sungai-sungai di negara ini adalah dalam keadaan yang terkawal. Berdasarkan pengawasan kualiti air sungai yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, dari 87 lembangan sungai utama yang diawasi, hanya 7 lembangan sungai yang dikategorikan sebagai sangat tercemar (Sg. Ibai, Jejawi, Sepang, Juru, Buloh, Kelang dan Air Baloi). Walaupun demikian, sungai-sungai ini tidaklah tercemar keseluruhannya di mana bahagian-bahagian tertentu terutama di bahagian hulu atau kawasan tadahan masih lagi bersih dan sesuai untuk pelbagai kegunaan termasuklah bekalan air minuman.

Bagi mengatasi keadaan pencemaran dari menjadi bertambah buruk, antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar adalah:-

1. Menjalankan Rangkaian Program Pengawasan Kualiti Air Sungai Kebangsaan secara berkekalan/berterusan dan menambah stesen-stesen baru berdasarkan punca-punca pencemaran.

2. Menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti :-

a) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977.

b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1978.

c) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979.

d) Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987.

3. Penilaian semula Akta Kualiti Alam Sekeliling , 1974 dengan membuat pindaan-pindaan tertentu supaya lebih berkesan.

4. Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti memberi nasihat/sokongan supaya undang-undang di bawah kuasa mereka dapat dikuatkuasakan dengan lancar. Antara undang-undang tersebut ialah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Kod Tanah Negara 1965, Akta Pemulihan Tanah 1960, Akta Bangunan Pengairan dan Jalan 1974, Enakmen-enakmen Negeri terutama bagi mengawal buangan najis khinzir dan sebagainya.

5. Menasihatkan Penguasa-penguasa Tempatan mempraktikkan Garis panduan Hakisan Tanah dan Kelodakan bagi mengurangkan kelodak.

6. Menetapkan piawai kualiti air sungai untuk menjadi panduan dan diikuti oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain.

7. Membuat pengkelasan sungai-sungai di Malaysia berdasarkan pelbagai kegunaan seperti pemuliharaan alam semulajadi, bekalan air minuman, perikanan, rekreasi, pengairan dan seumpamanya supaya pengurusan kualiti air sungai-sungai dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

8. Bekerjasama dengan pihak kerajaan tempatan untuk menswastakan Sistem Pembentungan.

9. Mengesyorkan agar Kerajaan Negeri menjalankan Program Pembersihan Sungai-sungai seperti yang dijalankan terhadap Sungai Kelang, dan menjalankan kempen "CINTAILAH SUNGAI MALAYSIA".

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN LAU DAK KEE
TARIKH	:	26 NOVEMBER 1993

SOALAN

Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

a) berat setiap jenis sisa toksik, sisa radioaktif dan bahan buangan berjadual setiap tahun sejak tahun 1990 dan berapa banyak mampu dilupuskan setakat ini mengikut negeri masing-masing;

b) berapa pelupusan tersebut dikendalikan oleh pihak Kerajaan Tempatan sendiri dan berapa telah dan akan diswastakan;

c) berapa perbelanjaan sedang dan akan dibelanjakan untuk pelupusan tersebut; dan

d) apakah langkah yang sedang dan akan diambil memandangkan sampah dan sisa semakin bertambah yang tentu akan menjejaskan kesihatan manusia dan merosakkan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), kuantiti buangan terjadual dikeluarkan berasaskan kepada data pada tahun 1987 adalah lebih kurang 380,000 meter padu dan pertambahannya adalah lebih kurang 10 peratus setahun. Buat masa sekarang sebahagian kecil buangan ini dipulihguna, dieksport ke luar negeri manakala kebanyakannya diolah di dalam sistem-sistem pengolahan dan disimpan dalam premis kilang menunggu kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan industri siap dibina di Negri Sembilan. Bagi menjawab soalan (b), buat masa ini tiada satu tapakpun dikendalikan oleh pihak Kerajaan Tempatan. Pihak Kerajaan telah memutuskan bahawa pengurusan pelupusan buangan industri di Malaysia diswastakan sepenuhnya.

Untuk menjawab soalan (c) perbelanjaan keseluruhan yang diperlukan untuk sistem pelupusan buangan terjadual di Malaysia adalah lebih kurang RM350 juta.

Bagi soalan (d), pihak Kerajaan telah menggubal Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 dan menguatkuasakannya bagi mengawal pengurusan buangan industri di Malaysia. Di samping itu kemudian pengolahan dan pelupusan buangan tersebut sedang di dalam proses pembinaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. ABD. HAMID HJ. ABD. RAHMAN
TARIKH	:	2 DISEMBER 1993

SOALAN

Tuan Hj. Abd. Hamid Hj. Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil berikutan kajian kumpulan sains Malaysia-Jerman di bawah Program Teknikal Malaysia-Jerman (GTZ) dalam mendekati kepekatan gas beracun Nitrogen Dioksida di kawasan Lembah Klang kini berada di tahap bahaya iaitu sebanyak 120 mikrogram per meter padu melepasi piawaian yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, dari kajian yang dijalankan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia-Jerman didapati pada keseluruhannya paras kandungan Nitrogen Dioksida yang dilepaskan dari kenderaan bermotor di Bandaraya Kuala Lumpur adalah di bawah paras 150 mikrogram per meter padu iaitu piawai yang disediakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Sungguhpun begitu, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak berdiam diri malah telah dan sedang berusaha mengambil tindakan-tindakan pencegahan seperti menghendaki industri kereta motor mengguna enjin yang berteknologi bersih (clean technology) bagi kenderaan baru yang dipasang atau dikilangkan.

Di samping itu, penggunaan NGV (Natural Gas for Vehicle) untuk kenderaan pengangkutan awam, mengenalkan sistem pengangkutan seperti `Mass Rapid Transit' dan 'Light Rail Transit' dan juga digalakkan perkongsian kereta adalah antara galakan. Langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan lain juga turut membantu ke arah mengurangkan masalah pencemaran di sekitar Lembah Klang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM
TARIKH : 6 DISEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa banyakkah hasil penyelidikan teknologi canggih yang dibuat oleh para cendekiawan negara pada setiap tahun. Baru-baru ini saja dua orang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan UTM telah mencipta sebuah pesawat ringan dua tempat duduk. Apakah ciptaan mereka ini akan disalurkan kepada sumber-sumber tertentu untuk dimenafaatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Jumlah hasil penemuan penyelidikan dari universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan yang berpotensi untuk dimajukan untuk kegunaan industri adalah sebanyak 140. Daripada jumlah ini sebanyak 64 hasil R & D sedang giat diperdagangkan oleh pihak "Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd." (MTDC) dan universiti/institusi penyelidikan masing-masing. Hasil-hasil R&D yang berpotensi dimajukan untuk maksud komersialisasi termasuklah teknologi baru, produk-produk dan proses-proses.

Jenis penggalakan yang disediakan untuk memajukan penemuan-penemuan R&D berpotensi adalah:-

i) Pemberian wang pendahuluan untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan (feasibility studies). Perkhidmatan ini adalah dilaksanakan oleh pihak "Malaysian Technology Development Corporation" (MTDC).

ii) Bantuan dalam mempakejkan hasil penyelidikan dalam bentuk "investment plan" untuk memudahkan pemasaran hasil R&D dilaksanakan oleh MTDC

iii) Bayaran pendaftaran paten di beberapa institusi penyelidikan dan universiti.

iv) Peruntukan di bawah Pelan Tindakan Teknologi (Technology Action Plan) untuk membiayai fasa pembangunan projek-projek R&D.

Berkenaan projek pesawat ringan dua tempat duduk yang sedang diusahakan oleh pensyarah-pensyarah Universiti Teknologi Malaysia, sukacita dimaklumkan bahawa projek ini masih di peringkat ujian dan cubaan. Sekiranya projek ini berjaya, ia berpotensi dikomersialisasikan oleh mana-mana pihak sebagai pesawat terbang kelas pelatih dan riadah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN DR. KUA KIA SOONG
TARIKH : 6 DISEMBER 1993

SOALAN

Tuan Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan;

(a) Apakah langkah-langkah kecemasan yang telah diambil oleh Kerajaan berhubung dengan pengumuman bahawa konsentrasi pencemaran udara di kawasan Kuala Lumpur telah melebihi tahap bahaya.

(b) Adakah Jabatan Alam Sekitar mengenalpasti punca utama pencemaran udara ini. Jika ya, apakah puncanya? dan

(c) Berapa banyak firma yang bertanggungjawab dalam mencemarkan udara persekitaran yang telah didakwa sejak tahun 1980 dan apakah hukuman yang dikenakan ke atas perbuatan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepekatan bahan pencemaran udara di kawasan Kuala Lumpur pada masa sekarang belum mencapai taraf berbahaya. Apa yang sebenarnya adalah paras bahan pencemaran udara seperti gas nitrogen dioksid dan karbon monoksid di sebahagian jalan raya yang sesak telah mencapai nilai garis panduan yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Kadangkala paras bahan pencemaran gas karbon monoksid dan oksid-oksid nitrogen melebihi nilai garis panduan berkenaan, terutama pada waktu-waktu keadaan lalulintas menjadi terlalu sesak, cuaca yang panas dan angin yang stabil. Keadaan ini menyebabkan bahan pencemaran meningkat sedikit demi sedikit sehingga mencapai atau melebihi paras Garispanduan WHO.

Kerajaan memang menyedari perkara ini dan langkah-langkah kawalan sewajarnya sedang diambil bagi mengatasinya. Satu Pasukan Petugas yang dianggotai

oleh pelbagai agensi Kerajaan telah ditubuhkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi merangka pelan tindakan untuk menangani masalah ini. Pelan tindakan ini mengandungi tindakan-tindakan antaranya adalah mengurangkan kandungan sulfur dan plumbum dalam bahanapi, menukarkan penggunaan bahanapi petrol dan diesel pada gas asli dalam kedua-dua sektor pengangkutan dan industri, mengwujud sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan berkesan seperti `Light Railway Transit', `City Bus' dan `KTM Computer', mengadakan sistem pengurusan trafik yang lebih baik dan menggubal undang-undang baru yang lebih ketat bagi mengawal pelepasan asap dan gas-gas dari kenderaan bermotor. Dengan adanya pelan tindakan seperti ini, kualiti udara khususnya di Kuala Lumpur akan bertambah baik pada masa hadapan.

Bagi menjawab soalan (b), punca utama pencemaran udara khususnya di Kuala Lumpur ini adalah dari kenderaan bermotor. Mengikut kajian yang dijalankan pada tahun 1992 yang lalu, 67% beban pencemaran gas oksid-oksid nitrogen dan 100% beban karbon monoksid adalah berpunca dari kenderaan bermotor.

Bagi menjawab soalan (c), mana-mana individu atau firma yang dikesan bertanggungjawab terhadap pencemaran udara di sekitar kawasan Kuala Lumpur akan dikenakan tawaran kompaun atau diambil tindakan mahkamah. Sejak tahun 1980 sehingga pertengahan tahun 1993, sebanyak 472 kes pencemaran udara telah dikompaun kerana melanggar peraturan yang berkaitan dan denda sebanyak RM200,00 telah dibayar. Dalam masa yang sama sebanyak 50 kes telah didakwa kerana melanggar peraturan yang berkaitan dan denda sebanyak RM100,000 dibayar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN HJ. ABD. HAMID HJ. ABD. RAHMAN
TARIKH	:	7 DISEMBER 1993

SOALAN

Tuan Hj. Abd. Hamid Hj. Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan :

(a) berapa banyakkah kes pembakaran secara terbuka oleh orang ramai;

(b) apakah tindakan Kementerian mendenda sebanyak RM100 ke atas pembakaran sampah secara haram mencukupi memandangkan kegiatan ini masih berleluasa; dan

(c) adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan sistem pengawasan yang lebih berkesan memandangkan tahap pencemaran negara ini semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a) terdapat 1567 kes pembakaran secara terbuka yang dikesan dan diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar sejak tahun 1990 sehingga hujung bulan September, 1993 di seluruh negara.

Bagi menjawab soalan (b), pada masa ini semua kes-kes kompaun di atas kesalahan pembakaran terbuka tidak pernah dikenakan denda sebanyak RM100 tetapi dikenakan denda maksimum iaitu RM500 terutama sekali kes-kes di Lembah Klang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini terdapat satu cadangan meminta Akta supaya paras maksimum bagi hukuman-hukuman tersebut dinaikkan ke suatu paras yang lebih tinggi.

Bagi menjawab soalan (c), Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sentiasa berusaha mempertingkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pengawasan. Kini Jabatan Alam Sekitar mendapat bantuan dari lain-lain agensi seperti Unit Udara Polis dan Penguasa-Penguasa Tempatan. Di samping itu, kesedaran terhadap pentingnya mutu alam sekitar yang bersih juga dipertingkatkan melalui pendidikan alam sekitar di pelbagai peringkat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
TARIKH : 7 DISEMBER 1993

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kilang ASM dan kilang lain di Bukit Raja, Klang menyebabkan udara bandar Klang tercemar kerana asap berwarna-warni dilepaskan ke udara dan menyebabkan para penduduk sekitar mengalami kesesakan nafas, demam, hidung berair, asma dan kulit gatal, jika sedar, apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya menyedari terdapat kilang-kilang tertentu di Bukit Raja, Klang yang menyebabkan pencemaran udara di mana tiga buah kilang telah dikenalpasti iaitu Kilang Amalgamated Steel Mill (ASM) dan dua buah kilang kepunyaan CRS Bradford Insulation (M) Sdn. Bhd. Kilang Amalgamated Steel Mill (ASM) telah diminta meningkatkan kecekapan peralatan mengawal pencemaran udara. Kilang ini dahulunya sering melepaskan asap berwarna cokelat dan kini tidak lagi menimbulkan masalah.

Pekilang telah memasang alat kawalan pencemaran pada akhir tahun 1992 dan kos mematuhi kehendak memelihara alam sekitar berjumlah RM 16 juta. Kedua-dua kilang kepunyaan CRS Bradford juga diminta meningkatkan kecekapan peralatan mengawal pencemaran udaranya. Pelepasan-pelepasan oleh kedua-dua kilang ini didapati mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar tiada apa-apa maklumat mengenai kaitan penyakit-penyakit yang berlaku di kawasan tersebut dengan masalah pencemaran oleh kilang-kilang yang berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR. KUA KIA SOONG
TARIKH	:	8 DISEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) butir-butir skim insentif yang digunakan untuk menarik balik para saintis Malaysia yang bekerja di luar negeri;

(b) sama ada skim ini juga berusaha untuk menarik balik lain-lain profesional Malaysia selain daripada saintis; dan

(c) adakah Kerajaan telah menjalankan satu kajian di kalangan rakyat Malaysia yang tinggal di luar negeri untuk mengetahui sama ada insentif adalah mencukupi untuk menggalakkan mereka balik dan tinggal serta bekerja di negara sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang menggubal satu skim insentif di bawah Program Penarikan Balik Saintis dan Jurutera Malaysia di Luar Negeri. Skim insentif yang akan dicadangkan dibentuk berdasarkan kepada model yang telah dijayakan di negara-negara seperti Korea. Oleh kerana skim ini dalam pertimbangan Kerajaan, saya tidak dapat memberi butir-butir pada masa ini.

Untuk menjawab soalan (b) pada masa ini, skim yang sedang digubal hanya untuk saintis dan jurutera yang telah dikenalpasti sebagai berkurangan terutamanya dalam bidang-bidang yang diutamakan seperti dalam Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian (Technology Action Plan).

Untuk menjawab soalan (c) Kementerian telah menjalankan penyiasatan awal dengan kerjasama kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri untuk menentukan bilangan, kelulusan dan pengalaman rakyat-rakyat Malaysia di luar negeri. Walaupun demikian, data yang diperolehi masih belum lengkap oleh kerana rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri tidak diwajibkan untuk berdaftar di kedutaan-kedutaan Malaysia. Di samping itu, Kementerian juga telah menerima pertanyaan-pertanyaan dari orang perseorangan mengenai insentif-insentif dan kemudahan yang boleh disediakan untuk menarik mereka berkhidmat semula di Malaysia. Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat samada insentif bagi menggalakkan saintis Malaysia di luar negeri untuk kembali bertugas mencukupi atau tidak, adakan terlalu awal untuk memberi apa-apa ulasan mengenainya pada masa ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. LOT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH
TARIKH : 13 DISEMBER 1993

SOALAN

Lot. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) apakah kedudukan jumlah para saintis di Malaysia pada masa ini dan di masa akan datang untuk memenuhi keperluan negara dalam mencapai status negara industri dan negara maju; dan

(b) berapa ramaikah para saintis Malaysia yang pada masa ini berkhidmat di luar negeri dan apakah usaha Kerajaan untuk membawa mereka balik untuk berkhidmat di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah saintis penyelidikan pada tahun 1990 adalah 5,537 manakala bilangan jurutera berjumlah 26,500. Nisbah saintis bagi setiap juta penduduk adalah 400, manakala nisbah jurutera bagi setiap juta penduduk adalah 1,300. Mengikut ramalan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (1991-2000), sebanyak 56,600 jurutera akan diperlukan pada tahun 2000. Di samping itu, sasaran nisbah 1,000 saintis kepada sejuta penduduk adalah menjadi matlamat tahun 2000.

Untuk menjawab soalan (b) mengenai bilangan saintis negara yang berkhidmat di luar negara, ingin dimaklumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mula mengumpul maklumat ini dengan kerjasama kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri. Maklumat ini masih belum lengkap oleh kerana saintis negara di luar negeri tidak diwajibkan untuk berdaftar dengan kedutaan-kedutaan Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha akan diteruskan untuk melengkapkan mengenai saintis negara di luar negeri melalui pengiklanan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mencadangkan mekanisma serta skim insentif bagi menarik saintis dan jurutera Malaysia di luar negeri yang mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh negara. Oleh kerana perkara ini masih dalam pertimbangan Kerajaan, saya tidak dapat memberi butir-butir skim tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN SHAHIRUDDIN BIN ABDUL MOIN

SOALAN

Tuan Shahiruddin bin Abdul Moin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah persediaan dan kajian yang telah dibuat selain dari penubuhan Planetarium Negara kerana penguasaan sains angkasa bukan hanya untuk tujuan komersial sahaja tetapi juga mestilah memikirkan soal keselamatan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar belum mempunyai program tertentu dalam penyelidikan sains angkasa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN SIM KWANG YANG

SOALAN

Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan, satu demi satu (1) nama, alamat, jenis kepakaran, dan bilangan projek yang telah dijalankan, untuk semua syarikat perundingan yang berdaftar dengan Kementeriannya untuk tujuan melayakkan mereka menjalankan laporan EIA; dan (2) senarai nama, alamat, kelayakan, pertubuhan yang mereka mewakili, untuk semua ahli-ahli jawatankuasa yang ditugaskan oleh Kementeriannya mengkaji dan meluluskan laporan EIA.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya ada menyediakan satu senarai Juruperunding EIA untuk rujukan orang ramai yang memerlukan bantuan. Setakat ini pengumpulan senarai ini hanya bagi melicinkan pentadbiran sahaja. Yang Berhormat boleh mendapatkan senarai itu dengan menghubungi Jabatan Alam Sekitar secara bertulis.

2. Bagi mana-mana ahli jawatankuasa yang telah disenaraikan bagi tujuan menilai laporan terperinci EIA, dukacita dimaklumkan bahawa Kementerian saya tidak dapat memberikan senarai itu kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, bagi nama-nama ahli jawatankuasa yang telah diketahui, Yang Berhormat bolehlah mendapatkan nama-nama ahli tersebut dari Jabatan Alam Sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DR TOH KIN WOON
TARIKH	:	14 DISEMBER 1993

SOALAN

Dr. Toh Kin Woon minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Sudahkah atau belum Kementeriannya membuat keputusan muktamad tentang penempatan Pusat Menguruskan Sisa-Sisa Perindustrian di Bukit Nanas, Port Dickson; dan

(b) jika sudah, bilakah pembinaannya akan bermula dan bilakah ianya dijangka siap.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, bagi menjawab soalan (a), pada 26 Ogos 1993, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun mengeluarkan kelulusan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi projek tersebut yang akan dibangunkan di Bukit Nanas, Negri Sembilan.

Bagi soalan (b) permulaan pembina projek tersebut sedang dalam peringkat pertimbangan oleh Kerajaan Negri Sembilan. Jika kerja pembinaan dapat dijalankan pada awal tahun 1994, projek ini akan siap pada tahun 1997.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : MULUT
DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. ABD. HAMID HJ. ABD. RAHMAN
TARIKH : 15 DISEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Hj. Abd. Hamid Hj. Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai jenis penyelidikan dan aktiviti produksi yang akan diadakan di "Kulim Hi-Tech Park". Bagaimanakah hasil-hasil penyelidikan dan aktiviti produksi ini dapat menolong usahawan-usahawan baru sebelum mereka memulakan operasi kilang mereka sendiri. Apakah kriteria-kriteria yang akan diambil dalam pemilihan usahawan-usahawan baru ini serta langkah-langkah yang akan diambil di dalam menentukan kejayaan usahawan-usahawan di dalam "High-Tech Industry".

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyelidikan-penyelidikan yang akan dijalankan di "Kulim Hi-Tech Park" adalah penyelidikan yang berdasarkan kepada permintaan pasaran (dengan izin market-driven). Tumpuan adalah diberikan kepada industri yang berteknologi tinggi seperti industri yang berasaskan elektronik dan 'mechatronics', bioteknologi dan industri yang berasaskan bahan-bahan (materials based industries).

"Kulim Hi-Tech Park" akan berperanan untuk meningkatkan tahap teknologi bagi pengusaha-pengusaha tempatan termasuk usahawan-usahawan baru melalui penyediaan kemudahan-kemudahan inkubator, pertukaran maklumat mengenai teknologi dan makmal-makmal penyelidikan.

Antara kriteria-kriteria yang digunakan bagi pemilihan industri untuk menyertai "Kulim Hi-Tech Park" ini ialah industri berteknologi tinggi dengan tahap pemprosesan yang tinggi. Di samping itu penekanan juga diberikan kepada industri yang dapat memantapkan fungsi R&D dan dapat menyumbangkan terhadap pembangunan teknologi dan penyusunan semula industri secara menyeluruh.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B.TUAN HJ. ABD. HAMID HJ. ABD. RAMHAN
TARIKH	:	16 DISEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Tuan Hj. Abd. Hamid Hj. Abd. Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan dan jenis ciptaan dan teknologi baru yang direka dan dihasilkan oleh orang-orang dan institusi-institusi tempatan khususnya oleh universiti-universiti tempatan. Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia Sdn. Bhd. (MTDC) dalam mempopularkan rekaan-rekaan dan teknologi baru yang telah diketengahkan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk maklumat Yang Berhormat, setakat ini Kementerian ini tidak menyimpan maklumat tentang bilangan dan jenis ciptaan dan teknologi baru yang telah dihasilkan oleh orang perseorangan. Bagi institusi-institusi penyelidikan dan universiti-universiti, jumlah penemuan/hasil R&D yang boleh diperdagangkan sebagai proses, produk, teknologi baru dan sebagainya adalah dalam lingkungan 140. Daripada jumlah ini, sebanyak 64 hasil R&D kini giat dikomersialisasikan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia Sendirian Berhad (MTDC) dan universiti/institusi penyelidikan masing-masing.

Berkenaan usaha-usaha yang telah diambil oleh MTDC dalam mempopularkan rekaan-rekaan dan teknologi baru, sukacita dimaklumkan bahawa MTDC telah melaksanakan langkah-langkah berikut:-

(i) Menyumbangkan sebanyak MR25,000 kepada Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS) untuk menggalakkan pertumbuhan rekacipta dan rekabentuk dan seterusnya mempamirkan rekaan dan teknologi baru serta penyebaran maklumat tentangnya.

(ii) Menganjurkan sesi perbincangan untuk menyatukan pengusaha-pengusaha yang berminat untuk membuat pelaburan dengan penyelidik-penyelidik dari universiti/institusi penyelidikan bagi memberi pendedahan mengenai teknologi baru dan rekaan baru.

(iii) Mengeluarkan risalah "Malaysian Technology Bulletin" untuk penyebaran maklumat tentang teknologi dan rekaan-rekaan baru.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' DR. JAMALUDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS
TARIKH	:	20 DISEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada laporan yang menyatakan lebih dari 60% sumber pencemaran terutamanya di bandar-bandar besar adalah akibat dari asap kenderaan. Adakah perkara ini benar; dan

(b) jika benar, apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, memang benar lebih dari 70% pencemaran udara di bandar-bandar utama adalah dari asap kenderaan bermotor.

Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Polis Trafik dan Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan ke atas kenderaan-kenderaan diesel yang melepaskan asap berlebihan. Usaha juga telah dan sedang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui tindakan pencegahan seperti menghendaki industri kereta bermotor mengguna enjin yang berteknologi bersih (clean technology) bagi kenderaan baru yang sedang dipasang atau dikilangkan.

Di samping itu, penggunaan Petrol Tanpa Plumbum (PTP), NGV (Natural Gas for Vehicle) untuk kenderaan pengangkutan awam, peningkatan bilangan pengangkutan awam dan perkongsian kereta adalah antara langkah-langkah yang sedang digalakkan oleh agensi-agensi Kerajaan lain yang turut membantu ke arah mengurangkan masalah pencemaran udara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. PUAN LIM LAY HOON
TARIKH	:	20 DISEMBER 1993

SOALAN

Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan pertambahan bilangan padang golf daripada cuma 45 pada tahun 1985 ke jangkaan 200 menjelang tahun 2000, sudah pasti banyak kawasan semulajadi akan dimajukan:

(a) apakah tindakan yang akan diambil terhadap pemaju padang golf yang mencemarkan sungai dan memusnahkan kawasan terumbu karang;

(b) bilangan pemaju padang golf yang dibawa ke mahkamah kerana berlaku kesalahan yang tersebut di atas; dan

(c) adakah Kementeriannya bercadang menubuhkan sepasukan petugas khas untuk tujuan, dengan izin, 'on site inspection'.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a) sesiapa yang didapati terbukti mencemari sungai boleh didakwa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 ini termasuklah pemaju padang golf yang mencemarkan sungai dan memusnahkan kawasan terumbu karang.

Bagi menjawab soalan (b), sehingga ke tarikh ini tiada sebarang tindakan mahkamah diambil terhadap mana-mana pemaju padang golf.

Bagi menjawab soalan (c), Jabatan Alam Sekitar sememangnya mempunyai pegawai-pegawai penguatkuasaan yang menjalankan `on site inspection' bagi kes-kes pencemaran alam sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL
TARIKH	:	21 DISEMBER 1993

SOALAN

Y.B. Dato' Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah yang terdaya dilakukan supaya bahan sisa kilang Wembley Activated Clay tidak melupuskan sisa kilang di merata tempat dalam kampung, sepertimana yang dimaklumkan bahan-bahan logam berat yang terdapat dalam sisa buangan itu membahayakan penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan buangan yang dihasilkan oleh Wembley Activated Clay, Parit Buntar adalah dikategorikan sebagai buangan terjadual dan oleh itu tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989. Bahan buangan tersebut mengandungi logam-logam berat yang berasal daripada bahan mentah (raw clay) yang digunakan dalam proses pengeluaran tanah peluntur. Jabatan Alam Sekitar telah mengarahkan syarikat berkenaan supaya menyimpan atau melupuskan buangan enapcemar tersebut dengan cara tertentu dan di tempat khas sahaja mengikut peruntukan peraturan-peraturan yang disebutkan di atas. Oleh kerana kegagalan pihak kilang mematuhi arahan di atas, Jabatan Alam Sekitar telahpun mengenakan 15 kompaun berjumlah RM 7,500. Pada amatan Jabatan Alam Sekitar keadaan pelupusan masakini adalah terkawal dan tidak membahayakan penduduk terlibat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL
TARIKH	:	22 DISEMBER 1993

SOALAN

Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Malaysia mempunyai terlalu banyak padang golf dan ini banyak merosakkan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar bahawa Malaysia mempunyai banyak padang golf. Pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa Malaysia mempunyai terlalu banyak padang golf, tidak dapat disahkan kerana tiada perbandingan dibuat dengan negara-negara lain.

Pembangunan padang golf memang boleh menimbulkan kesan kepada alam sekitar sekiranya langkah-langkah tebatan dan kawalan pencemaran tidak dilaksanakan dengan sempurna. Bagi pembinaan padang golf yang tertakluk kepada Perintah EIA, iaitu apabila padang golf merupakan salah satu komponen pembangunan seperti projek perumahan, kawasan perindustrian dan projek peranginan dan rekreasi, Jabatan Alam Sekitar mengenakan syarat-syarat yang ketat supaya kesan negatif kepada alam sekitar dikurangkan ke tahap yang boleh diterima oleh orang ramai dan mematuhi standard-standard kualiti alam sekitar yang diterima pakai.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Sebanyak 78 permohonan pembinaan padang golf telah diterima oleh JAS sehingga 30.11.93. Pembinaan padang-padang golf tersebut terdiri daripada kombinasi dengan perumahan, perindustrian, perdagangan atau rekreasi. Daripada jumlah tersebut, 3 permohonan telah ditolak, 8 permohonan sedang diproses dan 67 telah diluluskan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	MULUT
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN
TARIKH	:	23 DISEMBER 1993

SOALAN

Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

(a) Adakah keadaan udara dan bunyi di Wilayah Persekutuan di dalam keadaan terkawal. Jika tidak bagaimanakah kedudukan data-data dan apakah punca-punca pencemaran udara yang utama di Kuala Lumpur serta usaha-usaha Kerajaan mengatasinya; dan

(b) Adakah Kerajaan bercadang menempatkan alat penyegar udara atau menambah oksigen ke daerah-daerah utama Kuala Lumpur yang mengalami kecemaran udara yang serius.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, bagi menjawab soalan (a), keadaan kualiti udara pada umumnya berada pada tahap terkawal. Walau bagaimanapun, keadaan kualiti udara di sebahagian jalan raya yang sesak khususnya di Kuala Lumpur, kadang-kala paras kepekatan bahan pencemaran seperti gas karbon monoksid dan oksid-oksid nitrogen melebihi nilai Garis panduan yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Punca utama yang menyebabkan keadaan di atas berlaku khususnya di Kuala Lumpur, adalah pelepasan asap dan gas-gas dari kenderaan bermotor. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1992, adalah didapati 67% beban pencemaran oksid-oksid nitrogen dan 100% beban karbon monoksid adalah berpunca dari kenderaan bermotor.

Bagi menangani masalah ini, satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi merangka satu pelan tin-

dakan untuk udara bersih. Pelan tindakan ini meliputi aspek tindakan-tindakan antaranya adalah mengurangkan kandungan sulfur dan plumbum dalam bahanapi diesel dan petrol, menukarkan penggunaan bahanapi diesel dan petrol ke gas asli dalam kedua-dua sektor pengangkutan dan industri, mengwujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan berkesan seperti `Light Railway Transit' 'City Bus' dan `KTM Commuter', mengadakan sistem pengurusan trafik yang lebih baik dan menggubalkan undang-undang baru yang lebih ketat bagi mengawal pelepasan asap dan gas-gas dari kenderaan bermotor.

Dari aspek paras bunyi bising, kebanyakan jalan raya di sekitar Kuala Lumpur mencatatkan paras bunyi di antara 60 hingga 78 decibel yang mana paras-paras ini masih lagi dikira terkawal.

Bagi menjawab soalan (b), pada masa ini, Kerajaan tidak ada cadangan untuk menempatkan alat penyegar udara atau menambah oksigen ke mana-mana kawasan yang mengalami pencemaran udara yang serius.

INDEKS MENGIKUT PERKARA

B

Banjir 3/81 *m/s 109*, 14/84 *m/s 221*, 3/89 *m/s 298*

Buangan toksik

Bantahan 16/93 *m/s 647*

Dasar dan perundangan 5/87 *m/s 253*, 10/88 *m/s 289*, *4/89 m/s 300* , 22/89 *m/s 328*, 19/91 *m/s 418*, 8/92 *m/s 448*, 79/92 *m/s 584*, 3/93 *m/s 620*, 4/93 *m/s 622*, 16/93 *m/s 647*, 40/93 *m/s 701*

Definisi/Jenis 12/91 *m/s 409*, 38/92 *m/s 496*

Gantirugi 48/93 *m/s 714*

Inventori 4/89 *m/s 300*, 9/89 *m/s 308*, 14/90 *m/s 356*, 28/91 *m/s 429*, 11/92 *m/s 453*, 72/92 *m/s 565*, 76/92 *m/s 575*, 49/93 *m/s 717*, 70/93 *m/s 752*

Kaedah 11/92 *m/s 453*, 12/92 *m/s 455*, 72/92 *m/s 565*, 4/93 *m/s 622*

Kajian 1/92 *m/s 453*, 2/87 *m/s 248*, 5/90 *m/s 341*, 14/90 *m/s 356*, *3/91 m/s 392*

Konvensyen Basel 48/93 *m/s 714*

Pelupusan 70/93 *m/s 752*

Perbelanjaan 49/93 *m/s 717*, 70/93 *m/s 752*

Tapak 2/87 *m/s 248*, 3/87 *m/s 250*, 7/87 *m/s 260*, 8/88 *m/s 284*, 10/88 *m/s 289*, 13/88 *m/s 2937*, 4/89 *m/s 300*, 8/89 *m/s 307*, 19/89 *m/s 323*, *12/91 m/s 354*, 15/91 *m/s 413*, 17/91 *m/s 416*, 8/92 *m/s 4487*, 38/92 *m/s 496*, 14/93 *m/s 644*, 22/93 *m/s 658*, 37/93 *m/s 695*, 78/93 *m/s 762* 80/93 *m/s 764*, 85/93 *m/s 769*

Tindakan 5/87 *m/s 253*, 1/88 *m/s 267*, 13/91 *m/s 410*, 19/91 *m/s 418*, 24/91 *m/s 424*, 2/92 *m/s 440*, 7/92 *m/s 447*, 11/92 *m/s 453*, 23/92 *m/s 476*, 24/92 *m/s 477*, 33/92 *m/s 489*, 64/92 *m/s 548*, 6/93 *m/s 625*, 22/93 *m/s 658*, 49/93 *m/s 717*, 65/93 *m/s 743*, 78/93 *m/s 762*, 85/93 *m/s 769*

H

Hidupan liar

Pentadbiran 3/79 *m/s 92*, 3/84 *m/s 200*, 5/84 *m/s 204*

Tindakan 5/84 *m/s 204*, 6/89 *m/s 304*

Hujan asid 5/89 *m/s 302*, 13/90 *m/s 355*

K

Kesan Rumah Kaca

CFC 9/90 *m/s 347*

"Climate change" 16/92 *m/s 465*.

Penebangan hutan 1/90 *m/s 331*, 17/90 *m/s 362*

Kimia

Debu 3/82 *m/s 129*

Gas 2/88 *m/s 269*, 1/89 *m/s 295*

Kesan 8/84 *m/s 212*

Racun serangga/rumpai 1/80 *m/s 97*, 16/90 *m/s 367*

Tindakan/Kawalan 18/91 *m/s 417*, 12/88 *m/s 292*, 64/93 *m/s 742*

O

Ozon

CFC 21/89 *m/s 326*, 5/90 *m/s 341*

Kajian 9/89 *m/s 308*, 15/90 *m/s 359*, 24/91 *m/s 424*, 30/91 *m/s 432*, 77/92 *m/s 577*

Langkah kawalan 11/89 *m/s 310*, 2/91 *m/s 388*, 27/92 *m/s 481*

Perundangan 7/89 *m/s 306*, 9/90 *m/s 347*

P

Pencemaran air

Bahan organik 6/89 *m/s 304*

Bahan kimia 2/81 *m/s 108*, 4/85 *m/s 231*, 2/88 *m/s 269*, 6/89 *m/s 304*, 18/91 *m/s 417*

Inventori sungai 9/76 *m/s 14*, 8/81 *m/s 116*, 7/83 *m/s 183*, 4/88 *m/s 272*, 6/89 *m/s 304*, 18/89 *m/s 322*, 27/91 *m/s 428*, 25/92 *m/s 478*

Kajian 2/78 *m/s 67*, 11/84 *m/s 216*, 4/88 *m/s 272*, 20/93 *m/s 654*, 8/76 *m/s 13*

Kawalan 9/76 *m/s 14*, 14/76 *m/s 24*, 15/76 *m/s 26*, 6/80 *m/s 104*, 8/81 *m/s 116*, 1/83 *m/s 145*, 2/83 *m/s 153*, 7/83 *m/s 183*, 3/88 *m/s 270*, 4/88 *m/s 272*, 6/89 *m/s 304*, 4/91 *m/s 396*, 9/91 *m/s 403*, 20/91 *m/s 419*, 32/91 *m/s 434*, 14/92 *m/s 458*, 25/92 *m/s 478*, 43/92 *m/s 507*, 44/92 *m/s 509*, 12/93 *m/s 637*, 69/93 *m/s 750*

Kelodak 12/84 *m/s 218*

Kilang getah 3/76 *m/s 4*, 4/76 *m/s 5*, 8/77 *m/s 49*, 16/77 *m/s 61*, 9/83 *m/s 190*, 6/85 m/s 233

Kilang gula 2/76 *m/s 2*

Kilang kelapa sawit 5/76 *m/s 7*, 1/77 *m/s 32*, 16/77 *m/s 61*, 4/78 *m/s 71*, 9/83 *m/s 190*, 6/85 *m/s 233*, 12/89 *m/s 311*, 18/90 *m/s 363*, 20/76 *m/s 34*

Kilang kimia 8/83 *m/s 155*, 3/90 *m/s 337*

Kilang tekstil 21/91 *m/s 420*

Kolam 8/76 *m/s 13*

Lebuh raya 16/90 *m/s 360*

Padang golf 84/93 *m/s 768*

Pembalakan 10/77 *m/s 52*, 11/83 *m/s 95*, 1/84 *m/s 197*, 6/88 *m/s 275*, 9/91 *m/s 403*, 12/92 *m/s 455*, 30/92 *m/s 485*, 50/92 *m/s 520*, 66/92 *m/s 552*

Penguatkuasaan 4/76 *m/s 52*, 18/76 *m/s 30*, 7/77 *m/s 47*, 8/77 *m/s 49*, 8/81 *m/s 116*, 2/89 *m/s 297*, 13/89 *m/s 313*, 27/91 *m/s 428*, 45/93 *m/s 709*

Penyakit 1/81 *m/s 105*, 8/83 *m/s 186*, 38/93 *m/s 696*

Perlombongan 4/78 *m/s 71*, 5/86 *m/s 246*, 12/89 *m/s 311*

Punca 2/83 *m/s 153*, 43/92 *m/s 507*

Sampah sarap 18/76 *m/s 30*, 5/78 *m/s 73*, 25/90 *m/s 385*, 89/92 *m/s 604*

Status/keadaan 9/76 *m/s 14*, 6/80 *m/s 104*, 5/83 *m/s 181*, 4/91 *m/s 396*, 14/92 *m/s 458*, 69/93 *m/s 750*

Ternakan khinzir (babi) 11/84 *m/s 216*, 89/92 *m/s 604*

Tindakan 2/76 *m/s 2*, 4/76 *m/s 5*, 5/76 *m/s 7*, 8/76 *m/s 13*, 9/76 *m/s 14*, 16/77 *m/s 61*, 5/78 *m/s 73*, 9/78 *m/s 78*, 10/78 *m/s 84*, 11/78 *m/s 85*, 1/79 *m/s 87*, 2/79 *m/s 89*, 4/79 *m/s 93*, 6/81 *m/s 112*, 8/81 *m/s 116*, 2/83 *m/s 153*, 5/83 *m/s 181*, 8/83 *m/s 186*, 2/85 *m/s 228*, 3/88 *m/s 270*, 6/88 *m/s 275*, 2/89 *m/s 297*, 6/89 *m/s 304*, 18/89 *m/s 322*, 46/92 *m/s 513*, 6/93 *m/s 625*, 20/93 *m/s 654*

Pencemaran alam

Bunyi 1/76 *m/s 1*, 3/88 *m/s 270*

Industri 7/77 *m/s 47*, 1/83 *m/s 145*, 1/86 *m/s 239*, 1/88 *m/s 267*, 22/89 *m/s 328*, 53/92 *m/s 325*, 6/93 *m/s 625*

Kedudukan 44/93 *m/s 708*

Kemiskinan 4/92 *m/s 443*

Kilang getah/kelapa sawit 4/76 *m/s 5*, 16/76 *m/s 28*, 20/76 *m/s 34*, 9/83 *m/s 190*, 85/92 *m/s 591*

Pembangunan 6/93 *m/s 625*

Perlombongan 2/79 *m/s 89*

Tindakan 7/76 *m/s 11*, 2/79 *m/s 89*, 1/86 *m/s 239*, 2/86 *m/s 241*, 85/92 *m/s 591*, 44/93 *m/s 708*

Pencemaran bau

Kilang baja ikan 17/76 *m/s 29*, 8/90 *m/s 345*, 32/93 *m/s 686*

Kilang getah 4/76 *m/s 5*, 6/76 *m/s 9*, 4/90 *m/s 338*, 22/90 *m/s 372*

Penguatkuasaan 9/77 *m/s 51*, 29/93 *m/s 682*

Tindakan 7/76 *m/s 11*, 4/90 *m/s 338*, 22/90 *m/s 372*, 32/93 *m/s 686*

Pencemaran bunyi 3/88 *m/s 270*, 7/88 *m/s 278*, 29/93 *m/s 682*, 87/93 *m/s 770*

Pencemaran pantai/laut

Diego Silang 13/76 *m/s 22*

Industri 43/93 *m/s 707*

Gantirugi 3/76 *m/s 4*, 10/76 *m/s 16*, 12/76 *m/s 19*, 13/76 *m/s 22*, 19/76 *m/s 32*, 2/77 *m/s 38*, 5/77 *m/s 43*, 81/92 *m/s 586*, 5/93 m/s 624, 11/93 *m/s 635*

Kajian/Eksplorasi 7/82 *m/s 143*

Kapal nuklear bersenjata 67/93 *m/s 747*

Nagasaki Spirit 59/92 *m/s 537*, 61/92 *m/s 541*, 82/92 *m/s 588*, 11/93 *m/s 635*

Kawalan/penguatkuasaan 3/76 *m/s 4*, 10/76 *m/s 16*, 5/79 *m/s 94*, 6/79 *m/s 95*, 7/81 *m/s 114*, 10/81 *m/s 119*, 6/84 *m/s 207*, 10/84 *m/s 214*, 1/86 *m/s 239*, 8/87 *m/s 261*, 6/90 *m/s 343*, 9/91 *m/s 403*, 15/92 *m/s 463*, 86/92 *m/s 596*, 43/93 *m/s 707*

Kesan 87/92 *m/s 599*, 6/93 *m/s 625*

Konvensyen terhadap Undang-undang Kelautan 86/92 *m/s 596*

Pembersihan kapal 2/79 *m/s 89*, 14/84 *m/s 221*, 1/85 *m/s 227*

Punca-punca pencemaran 15/92 *m/s 463*, 87/92 *m/s 599*

Rumah air 43/93 *m/s 707*

Selat Melaka 3/76 *m/s 4*, 10/76 *m/s 16*, 12/76 *m/s 19*, 19/76 *m/s 32*, 2/77 *m/s 38*, 10/81 *m/s 119*, 14/84 *m/s 221*, 11/91 *m/s 408*, 55/92 *m/s 530*, 61/92 *m/s 541*, 63/92 *m/s 545*,

69/92 *m/s 558*, 74/92 *m/s 571*,
75/92 *m/s 573*, 81/92 *m/s 586*,
87/92 *m/s 599*, 5/93 *m/s 624*,
9/93 *m/s 632*, 68/93 *m/s 749*

Showa maru 3/76 *m/s 4*, 10/76 *m/s 16*,
12/76 *m/s 19*

Tumpahan minyak 3/76 *m/s 4*, 10/76 *m/s 16*,
12/76 *m/s 19*, 13/76 *m/s 22*,
19/76 *m/s 32*, 2/77, *m/s 38*,
5/77 *m/s 43*, 5/81 *m/s 111*,
14/84 *m/s 221*, 7/88 *m/s 278*,
11/91 *m/s 408*, 34/92 *m/s 491*,
59/92 *m/s 537*, 63/92 *m/s 545*,
69/92 *m/s 558*, 75/92 *m/s 573*,
82/92 *m/s 588*, 87/92 *m/s 599*, 5/93 *m/s 624*,
11/93 *m/s 635*, 15/93 *m/s 646*

Pencemaran udara

Abuk/Asap/Debu 2/76 *m/s 2*, 10/3 *m/s 192*,
4/84 *m/s 202*, 5/89 *m/s 302*,
20/90 *m/s 368*, 26/91 *m/s 427*,
47/92 *m/s 514*, 32/93 *m/s 686*,
75/93 *m/s 758*

Alat penyegar udara 87/93 *m/s 771*

Gas 4/82 *m/s 133*, 1/89 *m/s 295*,
19/90 *m/s 365*, 23/90 *m/s 374*,
71/93 *m/s 753*

Industri/Kilang 1/76 *m/s 1*, 11/76 *m/s 18*,
3/77 *m/s 39*, 5/79 *m/s 94*, 9/81 *m/s 118*,
9/83 *m/s 190*, 13/84 *m/s 219*,
6/85 *m/s 233*, 3/86 *m/s 242*,
4/86 *m/s 244*, 15/89 *m/s 318*,
9/91 *m/s 403*, 27/91 *m/s 428*, 35/93 *m/s 692*

Inventori 15/90 *m/s 359*

Jerebu 23/90 *m/s 374*, 1/91 *m/s 387*,
26/91 *m/s 427*, 54/93 *m/s 730*

Kabus/Smog 3/82 *m/s 129*, 2/84 *m/s 198*

Kajian 71/93 *m/s 753*

Kawalan 14/76 *m/s 24*, 5/79 *m/s 94*,
4/82 *m/s 13*, 1/83 *m/s 145*, 3/88 *m/s 270*,
3/89 *m/s 298*, 15/90 *m/s 359*,
4/91 *m/s 396*, 20/91 *m/s 419*,
44/92 *m/s 509*, 47/92 *m/s 514*,
54/93 *m/s 730*, 55/93 *m/s 731*,
87/93 *m/s 771*

Kenderaan: 1/89 *m/s 295*, 14/89 *m/s 314*,
18/89 *m/s 322*, 83/93 *m/s 767*

Kesihatan 9/81 *m/s 118*, 3/82 *m/s 129*,
13/84 *m/s 219*, 15/89 *m/s 318*,
19/90 *m/s 365*, 8/93 *m/s 630*,
52/93 *m/s 728*, 55/93 *m/s 731*,
59/93 *m/s 735*, 75/93 *m/s 758*

Kilang padi 8/91 *m/s 402*, 8/93 *m/s 630*

Kilang papan 3/80 *m/s 100*, 20/89 *m/s 324*,
1/90 *m/s 331*, 19/90 *m/s 365*,
32/92 *m/s 441*, 32/93 *m/s 686*

Kilang simen 2/76 *m/s 2*, 4/86 *m/s 244*

Pembakaran 4/84 *m/s 202*, 74/93 *m/s 757*

Penerbangan Concorde 1/78 *m/s 63*,
6/78 *m/s 75*

Penguatkuasaan 5/82 *m/s 136*, 10/83 *m/s 192*,
13/84 *m/s 219*, 4/86 *m/s 244*,
3/89 *m/s 298*, 19/89 *m/s 323*,
20/89 *m/s 324*, 27/91 *m/s 428*,
29/93 *m/s 682*, 73/93 *m/s 755*

Penyakit 1/81 *m/s 105*

Perundangan 5/82 *m/s 136*

Petrol tanpa plumbum 28/92 *m/s 483*

Plumbum 6/83 *m/s 182*, 5/85 *m/s 232*

Punca 73/93 *m/s 755*, 87/93 *m/s 771*

Sampah sarap 14/76 *m/s 24*, 8/87 *m/s 253*,
5/89 m/s 302

Tindakan 2/76 *m/s 2*, 11/76 *m/s 18*, 6/77 *m/s 45*, 11/77 *m/s 53*, 3/88 *m/s 270*, 4/89 *m/s 300*, 19/90 *m/s 365*, 4/91 *m/s 396*, 32/93 *m/s 686*, 52/93 *m/s 728*, 55/93 *m/s 731*, 59/93 *m/s 735*, 73/93 *m/s 755*, 75/93 *m/s 758*, 83/93 *m/s 769*

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)

Bukit Bendera 21/90 *m/s 369*, 10/91 *m/s 406*, 16/91 *m/s 415*, 17/92 *m/s 466*

Bukit Minyak 17/93 *m/s 649*, 65/93 *m/s 443*

Bukit Nanas 33/92 *m/s 489*, 62/92 *m/s 542*, 3/93 *m/s 620*, 13/93 *m/s 642*, 22/93 *m/s 658*, 33/93 *m/s 688*, 50/93 *m/s 724*, 56/93 *m/s 732*

Forest Hills and Country Resort 24/93 *m/s 668*

Laluan jip 2/90 *m/s 334*, 16/90 *m/s 360*

Lapangan Terbang Antarabangsa Baru K.L 34/93 *m/s 691*

Lebuh raya 17/89 *m/s 321*, 17/90 *m/s 362*

Loji Lebur Aluminium, Bintulu 9/92 *m/s 451*, 31/92 *m/s 486*, 54/92 *m/s 529*

Pembalakan 15/89 *m/s 318*, 22/89 *m/s 328*, 9/90 *m/s 347*, 11/90 *m/s 353*, 24/90 *m/s 382*, 25/90 *m/s 385*, 5/91 *m/s 398*, 73/92 *m/s 568*, 10/93 *m/s 633*, 64/93 *m/s 742*

Pentadbiran 1/82 *m/s 123*, 3/85 *m/s 230*, 1/87, *m/s 247*, 10/87 *m/s 264*, 3/89 *m/s 298*, 17/89 *m/s 321*, 3/91 *m/s 392*, 23/91 *m/s 423*, 21/92 *m/s 473*, 49/92 *m/s 517*, 2/93 *m/s 614*, 24/93 *m/s 668*, 47/93 *m/s 713*

Perlombongan 12/90 *m/s 354*

Pertanian 5/91 *m/s 398*, 51/92 *m/s 521*, 10/93 *m/s 633*, 31/93 *m/s 685*

Perundangan: 10/87 *m/s 264*, 22/89 *m/s 328*, 39/92 *m/s 498*, 58/92 *m/s 535*, 50/93 *m/s 728*

Perunding 23/91 *m/s 423*, 9/92 *m/s 450*, 21/92 *m/s 473*, 79/93 *m/s 763*

Projek hidro

Bakun, Sarawak 8/85 *m/s 236*, 61/93 *m/s 738*, 67/93 *m/s 747*

Pelagus 6/91 *m/s 399*, 37/92 *m/s 494*

Ulu Tembeling 6/87 *m/s 259*, 9/87 *m/s 263*

Pulau Redang

Perundangan/Pematuhan 7/91 *m/s 400*, 6/92 *m/s 446*, 52/92 *m/s 523*, 7/93 *m/s 628*, 18/93 *m/s 651*, 26/93 *m/s 673*, 51/93 *m/s 726*

Taman Laut/Marin 7/91 *m/s 400*, 22/91 *m/s 421*, 29/91 *m/s 430*, 27/93 *m/s 675*, 51/93 *m/s 726*

Pengawasan/Tindakan 7/91 *m/s 400*, 29/91 *m/s 430*, 6/92 *m/s 446*, 45/92 *m/s 511*, 60/92 *m/s 539*

Lapangan terbang 52/92 *m/s 523*

Bekalan air (paip dasar laut) 52/92 *m/s 523*, 7/93 *m/s 628*, 26/93 *m/s 673*, 27/93 *m/s 675*, 36/93 *m/s 694*, 51/93 *m/s 726*.

Pemendakan 22/91 *m/s 421*, 1/93 *m/s 613*, 18/93 *m/s 651*, 36/93 *m/s 694*

Hutan paya bakau 22/91 *m/s 421*, 7/93 *m/s 628*, 36/93 *m/s 694*, 51/93 *m/s 726*

Royal Mulu Resort 62/93 *m/s 739*

Pentadbiran/Pengurusan

Bau 6/76 *m/s 9*, 17/76 *m/s 28*, 9/77 *m/s 51*

CHOGM/Deklarasi Langkawi 1/90 *m/s 331*, 10/90 *m/s 350*, 2/91 *m/s 388*, 3/91 *m/s 392*, 56/92 *m/s 531*

Dasar Alam Sekitar 25/91 *m/s 425*, 3/92 *m/s 441*, 18/92 *m/s 467*, 29/92 *m/s 484*, 42/92 *m/s 504*

Etika perdagangan perindustrian 64/92 *m/s 548*

Garis panduan 19/92 *m/s 470*

Gas cecair 7/85 *m/s 235*

Industri 1/88 *m/s 267*, 22/89 *m/s 328*, 1/90 *m/s 331*, 7/90 *m/s 344*, 35/92 *m/s 492*

Insentif 4/92 *m/s 443*, 21/93 *m/s 656*, 76/93 *m/s 758*

Kajian/Eksplorasi 5/88 *m/s 274*.

Kilang 16/76 *m/s 28*, 4/86 *m/s 244*, 11/89 *m/s 310*

Kuari 2/80 *m/s 99*, 4/80 *m/s 101*

Lembah Klang 14/77 *m/s 58*, 3/91 *m/s 392*

Majlis Alam Sekitar Negara 70/92 *m/s 560*

Padang golf 54/92 *m/s 529*

Pejabat Negeri 17/77 *m/s 62*, 2/82 *m/s 127*, 3/83 *m/s 155*, 40/92 *m/s 500*, 44/92 *m/s 509*, 46/93 *m/s 712*

Pelancongan 5/90 *m/s 341*

Pembalakan 10/77 *m/s 52*, 9/91 *m/s 403*, 35/91 *m/s 438*

Pendidikan/Kesedaran 42/92 *m/s 504*, 63/93 *m/s 740*

Penguatkuasaan 7/76 *m/s 11*, 4/77 *m/s 41*, 15/77 *m/s 60*, 17/77 *m/s 62*, 6/82 *m/s 140*, 3/83 *m/s 155*, 4/83 *m/s 179*, 10/89 *m/s 309*, 26/92 *m/s 480*, 58/93 *m/s 734*

Penyelidikan 13/77 *m/s 56*.

Protokol Montreal 7/89 *m/s 306*

PUSPATI 3/78 *m/s 69*, 7/78 *m/s 76*, 8/78 *m/s 77*

Radioaktif 7/84 *m/s 210*, 9/84, *m/s 213*, 11/84 *m/s 216*, 1/87 *m/s 247*, 16/89 *m/s 319*, 1/90 *m/s 331*, 9/91 *m/s 403*, 31/91 *m/s 433*, 33/91 *m/s 435*, 57/92 *m/s 534*

Rancangan Malaysia 4/77 *m/s 41*, 1/82 *m/s 123*

Sidang Kemuncak Bumi 1/92 *m/s 439*, 20/92 *m/s 471*, 41/92 *m/s 503*, 48/92 *m/s 516*, 56/92 *m/s 531*, 70/92 *m/s 560*, 78/92 *m/s 579*, 85/92 *m/s 591*, 23/93 *m/s 666*

Tabung Alam Sekitar 80/92 *m/s 585*

Zoo Negara 4/81 *m/s 110*

Perundangan/Pematuhan

Aduan 4/76 *m/s 5*, 40/92 *m/s 500*, 17/93 *m/s 649*, 29/93 *m/s 682*, 78/93 *m/s 762*

Audit Alam Sekitar 13/92 *m/s 457*

Bahan-bahan beracun/toksik 4/85 *m/s 231*, 8/87 *m/s 261*, 72/92 *m/s 565*, 19/93 *m/s 652*

Keberkesanan 3/89 *m/s 298*, 12/89 *m/s 311*, 30/93 *m/s 684*

Kejayaan 12/77 m/s 54, 18/92 m/s 467.

Kilang 1/81 *m/s 105*, 5/84 *m/s 204*, 13/90 *m/s 355*, 34/91 *m/s 436*, 44/92 *m/s 509*.

Kompaun 47/92 *m/s 514*

Penguatkuasaan 15/77 *m/s 60*, 5/80 *m/s 102*, 6/82 *m/s 140*, 4/83 *m/s 179*, 12/89 *m/s 311*, 10/90 *m/s 350*, 34/91 *m/s 436*, 12/92 *m/s 455*, 30/92 *m/s 485*, 36/92 *m/s 493*, 71/92 *m/s 563*, 84/92 *m/s 590*, 88/92 *m/s 601*, 33/93 *m/s 688*.

Padang golf 84/93 *m/s 768*, 86/93 *m/s 770*

Ternakan khinzir (babi) 65/92 *m/s 550*

Tumpahan minyak 59/92 *m/s 537*

Penyelidikan (R&D)

Dasar 60/93 *m/s 724*

Penemuan/hasil 66/93 *m/s 744*, 72/93 *m/s 754*, 81/93 *m/s 765*

Penggalakan 66/93 *m/s 744*

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia Sdn. Bhd. (MTDC): 66/93 *m/s 744*, 82/93 *m/s 766*

Peruntukan 57/93 *m/s 733*, 66/93 *m/s 744*

Produk baru 66/93 *m/s 744*

Sains angkasa 78/93 *m/s 762*

Sektor swasta 57/93 *m/s 733*

Undang-undang 66/93 *m/s 744*

S

Sampah sarap

Bau 9/77 *m/s 51*, 5/84 *m/s 204*

Dasar 18/76 *m/s 30*, 4/87 *m/s 251*, 18/92 *m/s 467*

Pengurusan 13/89 *m/s 313*, 68/92 *m/s 557*

Tapak pelupusan 3/90 *m/s 337*

T

Tanah bergaram 3/89 *m/s 298*

Tanah runtuh

Hakisan 9/88 *m/s 286*, 3/89 *m/s 298*, 66/92 *m/s 552*, 6/93 *m/s 625*

Kelodakan 66/92 *m/s 552*

Tindakan 9/88 *m/s 286*, 6/93 *m/s 625*

Teknologi

Ciptaan/Rekaan baru 82/93 *m/s 766*

Guna semula 10/92 *m/s 452*

Kulim Hi-Tech Park 81/93 *m/s 765*

Pakar Sains 67/92 *m/s 554*, 21/93 *m/s 656*, 28/93 *m/s 676*, 39/93 *m/s 697*, 42/93 *m/s 706*, 76/93 *m/s 759*, 77/93 *m/s 761*

Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian 11/88 *m/s 290*, 21/93 *m/s 656*, 76/93 *m/s 759*

Pemindahan 14/91 *m/s 411*, 42/92 *m/s 504*

Perekacipta 83/92 *m/s 589*.

Peruntukan 25/93 *m/s 670*, 66/93 *m/s 744*

Plastik 27/92 *m/s 481*, 68/92 *m/s 557*

INDEKS MENGIKUT NAMA AHLI

A

Abdul Mulok Awang Damit 8/87 *m/s 261,* 9/93 *m/s 632*

Abdul Hadi bin Derani 5/88 *m/s 274,* 21/89 *m/s 326*

Abd. Hadi Haji Awang: 22/91 *m/s 421,* 2/92 *m/s 440,* 52/92 *m/s 523,* 27/93 *m/s 675,* 41/93 *m/s 704*

Abd. Hamid Haji Abd. Rahman 27/91 *m/s 428,* 47/92 *m/s 514,* 76/92 *m/s 575,* 2/93 *m/s 614,* 71/93 *m/s 753,* 74/93 *m/s 757,* 81/93 *m/s 765,* 82/93 *m/s 766*

Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: 8/76 *m/s 13,* 10/76 *m/s 16,* 12/76 *m/s 19*

Abdul Rahman Suliman 5/82 *m/s 136*

Abdul Rashid bin Ismail 86/93 *m/s 770*

Abdul Shukur bin Haji Siraj 1/81 *m/s 105,* 2/81 *m/s 108*

Abdul Wahab bin Yunus 8/78 *m/s 77*

Abu Bakar bin Arshad 18/76 *m/s 30,* 2/77 *m/s 38,* 2/78 *m/s 67*

Affifuddin bin Hj. Omar 23/90 *m/s 374,* 26/91 *m/s 427,* 80/92 *m/s 585,* 45/93 *m/s 709*

Ahmad bin Omar 16/90 m/s 361, 1/91 m/s 387, 15/91 *m/s 413,* 20/92 *m/s 471,* 69/93 *m/s 750*

Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim 17/77 *m/s 62,* 10/78 *m/s 84,* 8/84 *m/s 212*

B

Basri bin Bajuri 12/89 *m/s 311,* 65/92 m/s 550

Billy Abit Joo 24/90 *m/s 382,* 50/92 *m/s 520,* 79/92 *m/s 584*

Bujang Hj. Ulis 9/88 *m/s 286*

Buniyamin bin Yaakob 7/92 *m/s 447*

C

Chan Kok Kit 6/83 m/s 182

Chan Teck Chan 4/79 *m/s 93,* 8/81 *m/s 116*

Che Pora binti Haji Omar 28/92 *m/s 483*

Chen Man Hin 6/78 *m/s 75,* 2/84 *m/s 198,* 10/84 *m/s 214,* 6/90 *m/s 343,* 13/90 *m/s 355*

Chian Heng Kai 1/76 *m/s 1,* 15/89 *m/s 318,* 4/90 *m/s 338,* 17/93 *m/s 649,* 65/93 *m/s 743*

Chieng Tiong Kai 6/81 *m/s 112*

Chin Gan Oon 10/83 *m/s 192,* 11/84 *m/s 216,* 4/85 *m/s 231*

Chor Chee Heung 11/92 *m/s 453,* 64/92 *m/s 548,* 69/92 *m/s 558,* 21/93 *m/s 656*

Chua Jui Meng 4/88 *m/s 272*

D

David a/k Vethamuthu 17/91 *m/s 416.*

E

Embong bin Yahaya 19/76 *m/s 32.*

F

Farn Seong Than 6/77 m/s 45

Fong Kui Lun 37/93 *m/s 695*, 75/93 *m/s 758*

Foo Piew Kok 30/93 *m/s 684*

Fung Ket Wing 3/81 *m/s 109*, 8/90 *m/s 345*

G

G. Palanivel 13/92 *m/s 457*, 48/92 *m/s 516*, 44/93 *m/s 708*

Gerard Math Lee Min 7/89 *m/s 306*

Gooi Hock Seng 5/87 *m/s 253*, 21/90 *m/s 369*, 10/91 *m/s 406*, 16/91 *m/s 415*, 23/91 *m/s 423*, 1/93 *m/s 613*, 18/93 *m/s 651*

Gavindaraj, V. 4/80 *m/s 101*, 8/83 *m/s 186*

H

Hadadak bin Haji Daing Pasauk 7/77 *m/s 47*, 11/77 *m/s 53*

Harrison Ngau Laing 5/91 *m/s 398*, 4/92 *m/s 443*, 39/92 *m/s 498*, 40/92 *m/s 500*, 51/92 *m/s 521*, 56/92 *m/s 531*, 73/92 *m/s 568*, 10/93 *m/s 633*, 31/93 *m/s 685*, 61/93 *m/s 738*, 62/93 *m/s 739*

Hashim bin Endut 2/82 *m/s 127*

Hashim bin Ghazali 9/76 *m/s 14*, 15/76 *m/s 26*, 1/77 *m/s 37*, 16/77 *m/s 61*, 4/78 *m/s 71*

Hee Tien Lai: 5/76 *m/s 7*, 6/79 *m/s 95*, 10/81 *m/s 119*

Hishamuddin bin Haji Yahya 5/80 *m/s 102*

Hu Sepang 6/89 *m/s 304*

I

Ibrahim bin Ali 58/93 *m/s 734*

Ibrahim bin Jendol 2/91 *m/s 388*, 11/93 *m/s 635*

Ibrahim bin Mahmood 5/92 *m/s 445*, 36/92 *m/s 493*

Ibrahim bin Mustafa 43/92 *m/s 507*, 57/93 *m/s 733*

Ibrahim bin Sareh 84/92 *m/s 590*, 77/93 *m/s 761*

Ikhwan bin Nasir 5/78 *m/s 73*

Ismail bin Arshad 3/82 *m/s 129*

J

Jamaludin Dato' Mohd. Jarjis 61/92 *m/s 541*, 6/93 *m/s 625*, 83/93 *m/s 767*

Jamaluddin Haji Suhaimi 7/83 *m/s 183*

James Jimbun a/k Pungga 12/88 *m/s 292*

Jamil bin Ishak 15/77 *m/s 60*

Jawah a/k Gerang 18/89 *m/s 322*, 25/90 *m/s 385*.

Joseph Voon Shin Choi 43/93 *m/s 707*.

Justine a/k Temenggong Jinggut 11/83 *m/s 195*, 1/84 *m/s 197*, 2/85 *m/s 228*.

K

Karpal Singh 12/93 *m/s 637*, 40/93 *m/s 701*, 42/93 *m/s 706*, 64/93 *m/s 742*

K. Kumaran 22/90 *m/s 372*

Kerk Kim Hock 28/91 *m/s 429*

Khadri bin Sabran 11/84 *m/s 216*

Koh Tsu Koon 3/85 *m/s 230*

Kua Kia Soong: 3/91 *m/s 392*, 7/91 *m/s 400*, 29/91 *m/s 430*, 6/92 *m/s 446*, 29/92 *m/s 484*, 33/92 *m/s 489*, 45/92 *m/s 511*, 54/92 *m/s 529*, 60/92 *m/s 539*, 62/92 *m/s 542*, 4/93 *m/s 622*, 7/93 *m/s 628*, 22/93 *m/s 658*, 24/93 *m/s 668*, 26/93 *m/s 673*, 34/93 *m/s 691*, 36/93 *m/s 694*, 47/93 *m/s 713*, 50/93 *m/s 724*, 51/93 *m/s 726*, 73/93 *m/s 755*, 76/93 *m/s 759*.

L

Lau Dak Kee 4/86 *m/s 244*, 1/87 *m/s 247*, 3/89 *m/s 298*, 14/89 *m/s 314*, 12/91 *m/s 409*, 14/91 *m/s 411*, 1/92 *m/s 439*, 3/92 *m/s 441*, 14/92 *m/s 458*, 19/92 *m/s 470*, 38/92 *m/s 496*, 41/92 *m/s 503*, 25/93 *m/s 670*, 48/93 *m/s 714*, 49/93 *m/s 717*, 54/93 *m/s 730*, 66/93 *m/s 744*, 80/93 *m/s 764*

Law Lai Heng 9/90 *m/s 347*

Lee Kaw 2/80 *m/s 99*

Lee Lam Thye 7/76 *m/s 11*, 13/76 *m/s 22*, 12/77 *m/s 54*, 13/77 *m/s 56*, 14/77 *m/s 58*, 1/78 *m/s 63*, 5/84 *m/s 204*

Liew Ah Kim 3/90 *m/s 337*, 20/90 *m/s 368*, 89/92 *m/s 604*, 14/93 *m/s 644*

Lim Cho Hock 3/77 *m/s 39*

Lim Guan Eng 3/93 *m/s 620*, 29/93 *m/s 682*, 33/93 *m/s 688*

Lim Kit Siang 8/92 *m/s 448*, 13/93 *m/s 642*, 39/93 *m/s 697*

Lim Lay Hoon: 84/93 *m/s768*.

Ling Sie Ming: 5/83 *m/s 181*, 7/85 *m/s 235*, 8/85 *m/s 236*.

M

Mahbud bin Haji Hashim: 30/92 *m/s 485*, 74/92 *m/s 571*, 81/92 *m/s 566*, 83/92 *m/s 589*.

Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman 3/84 *m/s 200*, 15/84 *m/s 224*

Mohamad bin Sabu 9/91 *m/s 403*, 18/91 *m/s 417*, 24/92 *m/s 477*, 63/92 *m/s 545*, 85/92 *m/s 591*

Mohamed bin Yaacob 11/88 *m/s 290*

Mohamed Kamal bin Hussain 18/92 *m/s 467*, 87/93 *m/s 771*

Mohamed Khaled bin Nordin 31/91 *m/s 433*, 33/91 *m/s 435*

Mohd Abu Bakar bin Rautin Ibrahim 10/90 *m/s 350*, 11/91 *m/s 408*, 46/92 *m/s 513*, 52/93 *m/s 728*, 55/93 *m/s 731*, 59/93 *m/s 735*

Mohd Bakri bin Abdul Rais 11/78 *m/s 85*, 4/81 *m/s 110*

Mohd. Idris bin Haji Ibrahim 6/76 *m/s 9*.

Mohd Razlan bin Haji Abd. Hamid 9/83 *m/s 190*, 6/85 *m/s 233*

Mohd Sharif Jajang 13/88 *m/s 293*, 10/92 *m/s 452*

Mohd Yusof bin Haji Yakob 6/82 *m/s 140*, 3/83 *m/s 155*, 4/83 *m/s 179*, 1/86 *m/s 239*

Mohd Zain bin Abdullah 2/86 *m/s 241*

Mohd Zihin Mohd Hassan 34/91 *m/s 436*

Mokhtaram bin Rabidin 14/84 *m/s 221*

Mustapha bin Ali 7/78 *m/s 76*

N

Nawawi Bin Mat Awin 30/91 *m/s 432*, 87/92 *m/s 599*

Newman Gaban 12/84 *m/s 218*

Ng Cheng Kuai 7/82 *m/s 143*

Ngoi Thiam Woh 9/89 *m/s 308*, 10/89 *m/s 309*, 11/89 *m/s 310*

Nik Abdullah Arshad: 1/90 *m/s 331*

O

Omar bin Abdullah 6/84 *m/s 207*, 20/89 *m/s 324*

Ong Kee Keat 13/89 *m/s 313*

Ong Tin Kim 78/92 *m/s 579*, 53/93 *m/s 729*

Oo Gin Sun 20/76 *m/s 34*, 4/77 *m/s 41*, 1/82 *m/s 123*

P

Patto a/l Perumal 1/80 *m/s 97*, 4/87 *m/s 251*, 11/89 *m/s 310*, 16/90 *m/s 360*, 17/90 *m/s 362*, 18/90 *m/s 363*

Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar: 5/77 *m/s 43*

Peter Chin Gan Oon 10/83 *m/s 192*, 4/85 *m/s 231*

Peter Paul Dason 6/80 *m/s 104*, 7/81 *m/s 114*,

Q

Qamaruz Zaman bin Haji Ismail 19/93 *m/s 652*, 85/93 *m/s 769*

Quah Wee Liam 1/83 *m/s 145*

R

Rakibah Haji Abdul Manap 68/92 *m/s 557*, 63/93 *m/s 740*

Richard Riot Anak Jaem 66/92 *m/s 552*

Robert Lau Hoi Chew 4/91 *m/s 396*, 20/91 *m/s 419*, 25/91 *m/s 425*, 25/92 *m/s 478*, 44/92 *m/s 509*

Rohani Abdul Karim 32/91 *m/s 434*, 22/92 *m/s 475*, 53/92 *m/s 525*

Rosnah bt. Hj. Mohd. Salleh 82/92 *m/s 588*, 88/92 *m/s 601*

Ruhanie bin Haji Ahmad 19/91 *m/s 418*, 21/91 *m/s 420*, 26/92 *m/s 480*, 5/93 *m/s 624*, 38/93 *m/s 696*

S

S. Samy Vellu 11/76 *m/s 18*

S.S. Subramaniam 2/88 *m/s 264*, 1/89 *m/s 295*

Saidin @ Yusof bin Adam 67/92 *m/s 554*, 72/93 *m/s 754*

Saidin bin Haji Mat Piah 7/88 *m/s 278*, 7/90 *m/s 344*

Samson Chin Chee Tsu 2/89 *m/s 297*

Sanusi Daing Mariok 68/93 *m/s 749*

Seow Hun Khim 9/81 *m/s 118*, 2/83 *m/s 153*

Shaari bin Jusoh 2/76 *m/s 2*, 9/77 *m/s 51*.

Shafie bin Haji Abdullah 10/77 *m/s 52*, 3/78 *m/s 69*

Shahidan bin Kassim 6/87 *m/s 259*, 9/87 *m/s 263*, 2/90 *m/s 334*, 12/92 *m/s 455*, 27/92 *m/s 481*, 35/93 *m/s 692*

Shahiruddin bin Abdul Moin 78/93 *m/s 762*

Shamsuri bin Md. Salleh 3/76 *m/s 4*

Shukri Haji Mohamed 55/92 *m/s 530,*
75/92 *m/s 573*

Sim Kwang Yang 9/84 *m/s 213,* 5/85 *m/s 232,*
5/86 *m/s 246,* 10/87 *m/s 264,*
10/88 *m/s 289,* 4/89 *m/s 300,*
17/89 *m/s 321,* 20/89 *m/s 324,*
22/89 *m/s 328,* 11/90 *m/s 353,*
12/90 *m/s 354,* 9/92 *m/s 451,*
15/92 *m/s 463,* 16/92 *m/s 465,*
17/92 *m/s 466,* 21/92 *m/s 473,*
49/92 *m/s 517,* 58/92 *m/s 535,*
70/92 *m/s 560,* 71/92 *m/s 563,*
86/92 *m/s 596,* 16/93 *m/s 647,*
56/93 *m/s 732,* 79/93 *m/s 763*

T

Tan Cheng Bee 17/76 *m/s 29*

Tan Seng Giaw 4/84 *m/s 202,* 13/84 *m/s 219,*
1/85 *m/s 227,* 3/86 *m/s 242,*
2/87 *m/s 248,* 5/89 *m/s 302,*
5/90 *m/s 341,* 59/92 *m/s 537,*
72/92 *m/s 565,* 28/93 *m/s 676*

Tan Tiong Hong 1/79 *m/s 87*

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad 4/76 *m/s 5,*
16/76 *m/s 28*

Teoh Teik Huat 7/87 *m/s 260,* 1/88 *m/s 267,*
8/88 *m/s 284,* 8/89 *m/s 307,*
19/89 *m/s 323,* 14/90 *m/s 356*

Thomas Salang Siden 14/76 *m/s 24,*
6/88 *m/s 275*

Ting Cheek Ming 3/80 *m/s 100,*
16/89 *m/s 319*

Ting Chew Peh 3/88 *m/s 270*

Ting Kei Wing 2/79 *m/s 89*

Ting Ling Kie 5/79 *m/s 94*

Toh Kin Woon 80/93 *m/s 764*

U

Umar bin Haji Ismail 3/79 *m/s 92*

W

Wahab bin Suhaili 23/92 *m/s 476,*
34/92 *m/s 491,* 15/93 *m/s 646*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman
8/91 *m/s 402,* 8/93 *m/s 630*

Wan Mohd. Jamin bin Wan Mahmood
77/92 *m/s 577*

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad
9/78 *m/s 78*

Wan Zainab bt. M.A. Bakar 8/77 *m/s 49*

Wee Choo Keong 24/91 *m/s 424*

Wong Hoong Keat 5/81 *m/s 111,* 6/91 *m/s 399*

Wong Sing Nang 6/91 *m/s 399,*
35/91 *m/s 438,* 31/92 *m/s 486,*
32/92 *m/s 487,* 35/92 *m/s 492,*
37/92 *m/s 494,* 42/92 *m/s 504,*
57/92 *m/s 534,* 20/93 *m/s 654,*
23/93 *m/s 666,* 32/93 *m/s 686,*
67/93 *m/s 747*

Wong Wing On 19/90 *m/s 365,*
13/91 *m/s 410,* 60/93 *m/s 736*

Y

Yeoh Poh San 4/82 *m/s 133*

Yew Foo Weng 7/84 *m/s 210*